



PENYATA RASMI

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT KETIGA
PENGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI
KETIGA BELAS**

Pada

PADA 21, 22, 23 DAN 24 NOVEMBER 2016

bersamaan

21, 22, 23 DAN 24 SAFAR 1438

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS

PADA 21, 22, 23 DAN 24 NOVEMBER 2016

bersamaan

21, 22, 23 DAN 24 SAFAR 1438

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

**SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

**MESYUARAT YANG KETIGA
PENGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

KANDUNGAN

| BIL. | PERKARA | MUKA SURAT |
|------|---------|------------|
|------|---------|------------|

ISNIN, 21 NOVEMBER 2016

| | | |
|----|---|----|
| 1. | Nama Ahli-ahli. | 1 |
| 2. | Doa. | 5 |
| 3. | Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. | 6 |
| 4. | Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan. | 10 |
| 5. | Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis: | |
| | (i) Soalan-soalan Bertulis | 12 |
| | (ii) Soalan-soalan Lisan | 14 |
| 6. | Cadangan Di Bawah Fasal 30 | 43 |
| 7. | Rang Undang-Undang: | |
| | (i) Cadangan Mendahulukan Pembawaan Rang Undang-Undang Daripada Perkara-Perkara Lain. | 44 |
| | (ii) Enakmen Perbekalan 2017 (Ucapan Bajet 2017) | 46 |

SELASA, 22 NOVEMBER 2016

| | | |
|----|--|-----|
| 1. | Nama Ahli-ahli. | 90 |
| 2. | Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis: | |
| | (i) Soalan-soalan Lisan | 97 |
| 3. | Rang Undang-Undang: | |
| | (i) Enakmen Perbekalan 2017 (Perbahasan). | 128 |

RABU, 23 NOVEMBER 2016

| | | |
|----|---|-----|
| 1. | Nama Ahli-ahli. | 221 |
| 2. | Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis: | |
| | (i) Soalan-soalan Lisan | 228 |
| 3. | Rang Undang-Undang: | |
| | (i) Enakmen Perbekalan 2017 (Perbahasan/Penggulungan). | 252 |

KHAMIS, 24 NOVEMBER 2016

| | | |
|----|--|-----|
| 1. | Nama Ahli-ahli. | 348 |
| 2. | Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis: | |
| | (i) Soalan-soalan Lisan | 354 |

| | | |
|----|---|-----|
| 3. | Rang Undang-Undang: | |
| | (i) Enakmen Perbekalan 2017 (Penggulungan). | 381 |
| | (ii) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Pindaan)(No.2) 2016. | 416 |
| | (iii) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir)(Terengganu)(Pindaan) 2016. | 426 |
| | (iv) Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016. | 437 |
| | (v) Enakmen Industri Berasas Kayu (Pindaan) 2016 | 452 |
| | (vi) Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2016 | 456 |
| 4. | Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis: | |
| | (i) Usul Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2017 | 460 |
| | (ii) Usul Rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2017 | 461 |
| 5. | Tungguhan | 463 |
| 6. | Lampiran [Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis] | 464 |

PERSIDANGAN

PADA HARI ISNIN, 21 NOVEMBER 2016

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Mohd Zubir bin Embong, DPMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman.

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Haji Ir. Rosli bin Othman, AMN.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawli bin Mohamad, SMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.
WAKIL BUKIT BESI

PERSIDANGAN
PADA HARI SELASA, 22 NOVEMBER 2016

Yang Berhormat Ghazali bin Taib, AMZ.
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar, AMT.
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Mohd Mahdi bin Musa, AMT.
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Haji Mohd Iskandar bin Jaafar, PJK.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Haji Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURAU

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Wan Nawawi bin Haji Wan Ismail, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' A. Rahim bin Jusoh, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Zulkifli bin Ali, SMT.,AMN.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

SETIAUSAHA DEWAN: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita memulakan mesyuarat pada pagi ini marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab, Al-Fatihah.

Perkara pertama dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Doa oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah dibuka Dewan Negeri dengan menyebut nama Tuhan Yang Maha Pemurah, Yang Maha Kasihan. Kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Kepada Rasul-rasul-Nya selawat salam kehormatan, kepada sekalian orang yang taatkan Tuhan, Ya Allah Ya Tuhan yang bersifat Maha Hikmah Limpah Keadilan, Yang Menanggungkan kewajipan ke atas pemerintah dan Ahli-Ahli Dewan Pemesyuaratan, bagi mentadbir muslihat masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa aman, makmur limpah kebahagiaan, meliputi sekalian penduduk Negeri Terengganu.

Ya Allah Ya Tuhan, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi Negeri Terengganu, bagi rakyatnya sekalian. Ya Allah Ya Tuhan, berkat-Mu ke atas kami berhimpun dipohon anugerahkanlah taufik-Mu, hidayah-Mu. Dipohon menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan. Dengan saksama serta berkeamanahan. Menjunjung perintah dan kebesaran-Mu Tuhan, mudah-mudahan berlebih-lebih keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi Negeri Terengganu serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah Ya Tuhan, dipohon doa kami diperkenan. Amin Ya Rabbal Alamin.

UCAPAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Rabbishrah li sadri wa yassir li amri wahlul 'uqdatan min lisani yafqahu qawli. Innahu min sulaiman wainnahu Bismillahir Rahmanir Rahim.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Alhamdulillah marilah kita semua memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan petunjuk, kerana dengan kekuatan serta limpah kurnia-Nya dapatlah sekali lagi kita di hari yang mulia ini bertemu dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri bagi Mesyuarat Yang Ketiga Penggal Persidangan Yang Keempat Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga belas.

Pada persidangan kita pada hari ini, iaitu 21 November 2016 insyaAllah kita akan mulakan sebaik sahaja ucapan daripada saya ialah pembentangan Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan. Tertib Pekerjaan Dewan seterusnya ialah Soalan-soalan Bertulis dan Soalan-soalan Lisan. Pihak Dewan kali ini telah menerima sebanyak 124 soalan secara keseluruhannya di mana sebanyak 49 Soalan Bertulis dan 75 Soalan secara Lisan. Seperti biasa sesi bagi Soalan-soalan Lisan akan diperuntukkan masa selama satu jam dan tiga soalan tambahan akan dibenarkan bagi setiap satu Soalan Lisan yang dikemukakan.

Sekali lagi seperti biasa saya meminta kepada semua Ahli Yang Berhormat agar mematuhi Fasal 26 dan Fasal 27 dalam Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu mengenai soalan-soalan yang hendak dikemukakan, hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

Tertib Pekerjaan Dewan seterusnya ialah Usul untuk mendahulukan pembawaan Rang Undang-Undang daripada perkara-perkara lain. Pihak pentadbiran Dewan telah menerima sebanyak 6 Rang Undang-Undang untuk dibentangkan, dibahas dan insyaAllah akan diluluskan dalam sesi Persidangan kali ini. Rang Undang-Undang tersebut adalah:-

- (i) Enakmen Perbekalan 2017
- (ii) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Pindaan)(No.2) 2016.
- (iii) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu)(Pindaan) 2016.
- (iv) Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016.
- (v) Enakmen Industri Berasaskan Kayu (Pindaan) 2016.
- (vi) Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2016.

Selain daripada Rang Undang-Undang yang akan dibentangkan, pihak pentadbiran Dewan ini juga ada menerima 2 Usul yakni:-

- (i) Usul Rancangan Pembangunan Negeri 2017.
- (ii) Usul Perbekalan Air Negeri 2017.

Seperti mana biasa insyaAllah, saya akan memberi peluang kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berucap selama 15 minit setiap seorang dan kepada penyokong enakmen, InsyaAllah saya beri masa lebih lama sedikit, 5 minit lebih yakni 20 minit.

Saya cukup yakin, haqqul yakin ainul yakin bahawa Ahli Yang Berhormat yang mulia berada di Dewan ini Dewan Yang Mulia sama-sama mempunyai kalimah Lailahailah muhammadur rasulullah berada dalam dada kita. Saya cukup yakin sebagaimana semua Yang Berhormat juga, cukup yakin bahawa kitalah umat yang terbaik di dunia ini, Kuntum Khairu Ummah.

Jadi saya mengajak semua Ahli Yang Berhormat agar dapat memainkan peranan dan memberi sumbangan yang bermakna demi agama, demi bangsa dan demi negara, InsyaAllah. Jadi nasihat daripada saya secara ikhlas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, pastikan Tertib Peraturan Dewan Undangan Negeri dipatuhi sepenuhnya semasa perbahasan diucapkan, diungkapkan jagalah tatasusila kita semua agar tutur kata kita semua menjadi molek-molek, elok-elok belaka.

Marilah kita semua mengamalkan adab yang mulia sebagaimana junjungan kita Nabi Muhammad Sallahu Alaihi Wassalam mengajarkan kita adab untuk berbahas dan sebagainya. Jangan kita ikut turut apa lagi kita turut ikut adab-adab yang

tidak baik terutama semasa berbahas sehingga bukan saja melangkai batas Peraturan Dewan Undangan Negeri Terengganu malah membelakangi adab-adab berbahas yang dibenarkan oleh Islam. Sehingga kadangnya kata-kata kita boleh menyebabkan kesatuan hati, kesatuan minda perpaduan kita menjadi goyah, rapuh dan terus punah. Kita amalkan peringatan Allah Subhanu Wata'ala dalam Surah Al-Hujarat, ayat ke-11. Kita sama-sama renung fikir tilik taakul, marilah kita sama-sama mengelakkan diri daripada segala yang menyakitkan hati rakan-rakan taulan kita agar kita pastikan sumbangan kita adalah yang terbaik untuk rakyat Negeri Terengganu Darul Iman yang telah memilih kita.

Saya juga memohon Ahli Yang Berhormat semua mematuhi peraturan berbahas dalam Fasal 46. Saya mengajak semua sekali lagi jagalah setia kawan sesama kita. Marilah kita laksanakan amanah kita sebagai Yang Berhormat dengan Peraturan-peraturan dan peringatan daripada Maha Pencipta kita Allah Subhanahu Wata'ala. Marilah kita semua memelihara amanah kita sebagaimana disebut dalam Surah Al-Mukminun Ayat 8 yang bermaksud:

“Dan Orang-orang yang memelihara amanah-amanah yakni yang dipikulnya dan janjinya”

dan amaran Allah amat jelas pada sesiapa yang mengkhianati amanah sepertimana yang disebut oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anfal Ayat 27 yang bermaksud:-

“Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul yakni Muhammad dan juga janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah yang dipercayakan kepada kamu sedang kamu mengetahui.”

Seperti biasa Persidangan kali ini akan disaksikan oleh Pemerhati-pemerhati yang datang daripada seluruh pelosok Negeri Terengganu. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengalu-alukan kehadiran Pemerhati-pemerhati yang terdiri pada hari ini cukup ramai, keseluruhannya 255:

- Sekretariat Persatuan Mahasiswa Anak Terengganu (Permata) - 40 orang
- Wakil ADUN Kota Putera - 20 orang
- Wakil UMNO Bahagian Setiu - 25 orang

- Wakil DUN Rhu Rendang - 5 orang
- Pemuda UMNO Kuala Berang - 10 orang
- Pegawai-pegawai Pembangunan DUN - 15 orang
- SERIKANDI - 30 orang,
- Pejabat ADUN Kawasan Bandar - 10 orang
- Sekolah Menengah Sains (SESMA) - 38 orang
- Pergerakan Pemuda UMNO Kuala Nerus - 10 orang
- Biro Tatanegara - 10 orang.

Kebanyakan ADUN-ADUN hantar wakil sebagai Pemerhati ya. Terima kasih.

Sebagaimana saya katakan tadi bahawa adab kita dalam Dewan ini, perkataan perbuatan kita akan menjadi ikutan, turutan kepada Pemerhati. Kita sebagai pemimpin buatlah terbaik agar dilihat sebagai kita menjalankan amanah kepada pihak akar umbi.

Dan Dewan juga tidak membenarkan sebarang rakaman tidak rasmi dilakukan dalam Dewan Mulia ini kerana ada siaran *live* melalui UKOM esok insyaAllah dan bajet kita akan *live* secara langsung.

Dan saya sekali lagi meminta semua warga Dewan mematuhi peraturan-peraturan berpakaian dan sekali lagi ingatan seperti biasa bagi tidak mengganggu gugat perjalanan dewan, letaklah telefon dalam 'mode senyap' ataupun tutup terus.

Akhir kata, selamat bersidang, mudah-mudahan Persidangan kita kali ini lebih aman, tenang, cemerlang hinggalah kita diberkati dirahmati oleh Allah Subhanu Wata'ala duniawi dan ukhrawi. Sekian, *aqulu qauli haza wa astaghfirullahal 'azhima li wa likum. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan adalah seperti berikut :

1. Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan Tahun 2017.
(D.U.N. Bil.10/2016)
2. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Tahun 2017.
(D.U.N. Bil.11/2016)
3. Anggaran Bekalan Air Negeri Tahun 2017.
(D.U.N. Bil.12/2016)
4. Penyata Tahunan Tahun 2015 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu.
(D.U.N. Bil.13/2016)
5. Penyata Kewangan Tahun 2015 Yayasan Islam Terengganu.
(D.U.N. Bil.14/2016)
6. Penyata Kewangan Tahun 2015 Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.
(D.U.N. Bil.15/2016)
7. Penyata Kewangan Tahun 2015 Majlis Perbandaran Kemaman.
(D.U.N. Bil.16/2016)

8. Penyata Kewangan Tahun 2015 Majlis Perbandaran
Dungun.
(D.U.N. Bil.17/2016)
9. Penyata Kewangan Tahun 2015 Majlis Daerah Besut.
(D.U.N. Bil.18/2016)
10. Penyata Kewangan Tahun 2015 Majlis Daerah Hulu
Terengganu.
(D.U.N. Bil.19/2016)
11. Penyata Kewangan Tahun 2015 Majlis Daerah Marang.
(D.U.N. Bil.20/2016)
12. Penyata Kewangan Tahun 2015 Majlis Daerah Setiu.
(D.U.N. Bil.21/2016)
13. Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri
Berkenaan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kira-
kira Negeri Terengganu Bagi Tahun 2013.
(D.U.N. Bil.22/2016)
14. Penyata Kewangan Negeri Tahun 2015.
(D.U.N. Bil.23/2016)
15. Penyata Kewangan Tahun 2015 Perbadanan Memajukan
Iktisad Negeri Terengganu.
(D.U.N. Bil.24/2016)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan telah dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan :

1. Y.B Haji Satiful Bahari bin Mamat
(Wakil Paka)
2. Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang
(Wakil Rhu Rendang)
3. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut
(Wakil Wakaf Mempelam)
4. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
(Wakil Bukit Tunggal)
5. Y.B. Azan bin Ismail
(Wakil Bandar)
6. Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
(Wakil Bukit Payong)
7. Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar
(Wakil Ladang)
8. Y.B. Ariffin bin Deraman
(Wakil Alur Limbat)
9. Y.B. Haji Hanafiah bin Mat
(Wakil Cukai)
10. Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim
(Wakil Teluk Pasu)

- 11 Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
(Wakil Tepoh)
12. Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
(Wakil Sura)
13. Y.B. Haji Alias bin Harun
(Wakil Rantau Abang)
14. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
(Wakil Batu Burok)

SOALAN-SOALAN LISAN

Soalan-soalan lisan, sekarang kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan pada 21 November 2016 adalah sebagaimana berikut :

1. Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
(Wakil Air Putih)
2. Y.B. Haji Satiful Bahari bin Mamat
(Wakil Paka)
3. Y.B. Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor
(Wakil Langkap)
4. Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang
(Wakil Rhu Rendang)
5. Y.B. Haji Mohd Mahdi bin Musa
(Wakil Kota Putera)
6. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut
(Wakil Wakaf Mempelam)
7. Y.B. Haji Bazlan bin Abd. Rahman
(Wakil Batu Rakit)
8. Y.B. Azan bin Ismail
(Wakil Bandar)
9. Y.B. Haji Mohd Iskandar bin Jaafar
(Wakil Jabi)
10. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
(Wakil Bukit Tunggal)
11. Y.B. Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman
(Wakil Kuala Besut)
12. Y.B. Haji Mohd Nor bin Hamzah
(Wakil Bukit Payong)

13. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
(Wakil Batu Burok)

Sebelum saya meneruskan agenda seterusnya saya juga mengalu-alukan hari ini kedatangan Yang Berhormat Senator Tengku Naimah daripada Besut. Sekarang saya mempersilakan untuk Soalan Lisan, Air Putih sila.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua soalan saya yang pertama -

Sila nyatakan program-program 'Talent Management' yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015 dan 2016 oleh Kerajaan Negeri Terengganu untuk memastikan kelangsungan pengurusan sumber manusia?

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam 1TTB. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil jabatan, para Pemerhati, rakan media, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian berkait dengan soalan daripada wakil Air Putih yang ingin mendapatkan penjelasan tentang Program *Talent's Management* yang telah dilaksanakan sepanjang Tahun 2015 dan 2016.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Program Pengurusan Bakat Terengganu atau dengan izin *Talent's Management Terengganu* (TMT) adalah satu program khas untuk kita nak mengenalpasti bakat dan pemimpin pelapis masa hadapan untuk Negeri Terengganu. Jadi kerana itu, pihak Kerajaan Negeri Terengganu telah mengadakan program ini dan telah membahagikan program ini kepada dua bahagian di mana bahagian yang pertama ialah Program Felo di mana kita telah ada 7 orang felo yang telah dipilih lebih daripada 200 orang pemohon. Dan sekarang ini 7 orang felo ini telah ditempatkan di Institut Strategik & Integriti Terengganu (T-ISSI).

Dan program yang kedua ialah Program Muzakarah Intelektual Mahasiswa (MIM) seramai 450 orang mahasiswa telah mengikuti Program MIM melalui 6 siri yang berbeza. Kita telah mengenalpasti daripada 450 orang itu ada 50 orang pemimpin pelajar yang berpotensi untuk dilatih bakat kepimpinan mereka melalui fasa kedua. Peserta-peserta ini terdiri daripada kepimpinan Persatuan Mahasiswa Terengganu (PERMATA) seluruh Malaysia yang telah dipilih oleh Yayasan Terengganu berdasarkan pencapaian daripada program-program lain yang dianjurkan.

Jadi kesemua mereka ini akan terus dilatih mengikut fasa-fasa dan akan diberi kemahiran kepimpinan supaya dapat kita ketengahkan dan insyaAllah mereka ini akan mula kita tempatkan di agensi-agensi Kerajaan yang bersesuaian dengan latar belakang dan juga kemahiran masing-masing. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sila soalan tambahan yang pertama daripada Air Putih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ada soalan tambahan. Bolehkah Kerajaan berkongsi dengan Dewan apa lagi program-program latihan terutama Yayasan Terengganu terhadap anak-anak PERMATA ni? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Wakil Air Putih. Antara program lain yang dianjurkan oleh Yayasan Terengganu kepada Persatuan Mahasiswa Anak Terengganu, pertamanya ialah kita buat Kursus Pemantapan Diri dan Pengurusan Organisasi PERMATA Induk bagi mengasah kepimpinan bakat mereka. Program ini kita buat secara berkala setiap tahun bagi mengelak bakat mahasiswa dalam berpersatuan dan kepimpinan.

Dan selain daripada itu kita ada buat Program *Business Design Workshop* (BDW) dengan izin yang telah dibuat dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) yang melibatkan 4 zon iaitu Zon Timur, Selatan, Tengah dan Utara. Program ini dibuat bagi membuka ruang kepada graduan untuk menceburi bidang perniagaan menggunakan teknik perniagaan yang berkesan. Jadi Alhamdulillah, di bawah YPU sekarang ini pun ramai daripada graduan-graduan ini yang telah melibatkan diri dalam program-program perniagaan yang dianjurkan oleh YPU. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan kedua, sila Air Putih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bolehkah Kerajaan jelaskan apakah bentuk modul atau latihan, cara yang digunakan terutama dalam Muzakarah Intelektual Mahasiswa ini? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Wakil Air Putih. Dato' Yang Dipertua selaras dengan program dengan izin *Talent Management Terengganu* (TMT) modul dan latihan yang dibuat adalah berasas kepada mencungkil bakat secara praktikal. Jadi, ini dapat kita lihat melalui dua *method* yang telah kita laksanakan di mana *method* yang pertama dengan izin *coaching*. *Method* ini digunakan bagi Program Felo yang mana kesemua felo yang terpilih, diamanahkan sebagai *Project Owner* dengan izin bagi menjayakan program-program Kerajaan Negeri yang terpilih. Bimbingan dan tunjuk ajar secara langsung daripada pegawai-pegawai yang berpengalaman juga turut diberikan bagi memastikan kelangsungan program berjalan dengan lancar.

Dan saya juga nak mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kesemua ketujuh-tujuh Felo ini yang terlibat secara langsung dalam kita melaksanakan buku Bajet bagi tahun 2017.

Yang kedua, berbeza dengan kelaziman program MIM yang dibuat adalah menggunakan pendekatan secara interaktif. Pendekatan ini adalah melibatkan pembabitan mahasiswa dalam menjalankan dan menjayakan kursus sebanyak 80% berbanding fasilitator yang hanya memainkan peranan sebanyak 20% sahaja. Antara bentuk pelaksanaannya adalah seperti simulasi Sidang Dewan Undangan Negeri dan juga Sidang Parlimen yang sudah tentu memerlukan peserta berfikir dan bertindak dengan bijak. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sila Wakaf Mempelam soalan tambahan ketiga.

YANG BERHORMAT HAJI ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat

Menteri Besar tadi bentuk-bentuk bantuan kepada pelajar-pelajar. Adakah Kerajaan juga menyalurkan bentuk bantuan dari segi kewangan kepada pelajar-pelajar dan berapa peruntukan yang diberikan kepada Persatuan-persatuan Pelajar Anak Terengganu, untuk kalau boleh seluruh universiti-universiti tempatan dan luar negara. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Terima kasih kepada Wakil Wakaf Mempelam. Kebergantungan peruntukan yang diberi adalah bergantung kepada apakah program yang mereka nak laksanakan. Jadi kerana kita hari ini turut juga melatih graduan-graduan kita ialah bagaimana untuk dia orang dapat *manage* program.

Jadi bermakna, mereka sendiri yang akan merancang program. Mereka sendiri yang akan memberi satu keyakinan kepada pihak kita terutamanya pihak Yayasan Terengganu bagaimana mereka nak melaksanakan dan apakah impak program itu terutama kepada masa depan mereka sendiri. Jadi berasas kepada penilaian tersebut maka barulah pihak Yayasan Terengganu akan mengambil keputusan, berapa keperluan yang perlu disalurkan dan biasanya kita takkan salurkan 100% kerana kita juga nak melatih mereka supaya mereka juga mendapatkan daripada *source-source* dengan izin, daripada luar. Maknanya mungkin juga mereka akan berjumpa dengan pihak-pihak Yang Berhormat sendiri termasuk Yang Berhormat di sebelah sini dan Yang Berhormat di sebelah sana. Saya yakin bahawa ramai juga mahasiswa yang berjumpa dengan wakil Wakaf Mempelam untuk minta sedikit sebanyak. Paling tidak, lepas jugalah untuk minum pagi dan sebagainya.

Jadi, ini adalah antara perkara yang kita latih kerana pengalaman-pengalaman yang begini akan mengajar mereka bagaimana mereka merancang dan *organizekan* program dan insyaAllah mereka ini akan memberikan satu pengalaman yang besar kepada mereka untuk mereka hidup dalam dunia yang sebenar. Jadi inilah apa yang kita laksanakan demi kebaikan untuk graduan-graduan kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat, kite pergi kepada soalan seterusnya. Saya mempersilakan Paka, sila untuk mengemukakan soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan No. 2 ditolak, soalan No. 1 -

Apakah syarat nyata dalam geran tanah yang diberikan bagi tapak-tapak loji industri termasuk loji Petronas?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih. Bismillahir Rahmanir rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Paka. Wakil Paka ingin mengetahui apakah syarat nyata dalam geran tanah yang diberikan bagi tapak-tapak loji industri termasuk loji Petronas.

Dato' Yang Dipertua, bagi tanah-tanah industri khususnya, syarat-syarat nyata yang diberi penekanan ada beberapa hal yang diutamakan seperti tujuan sebenar permohonan itu diangkat seperti loji apa jua industri termasuk industri Petronas.

Keduanya, tempoh waktu pelaksanaan bagi sesuatu industri yang hendak dilaksanakan yang telah diluluskan projek mereka oleh pihak Kerajaan dan lain-lain syarat jika ada. Kita memberi penekanan kepada perkara-perkara khusus yang perlu contohnya bagi kepentingan orang ramai ataupun kepentingan negara. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila soalan pertama daripada Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dato' Yang Dipertua, tidak bolehkah pihak Kerajaan membuat syarat kepada tanah-tanah yang diluluskan itu untuk menjamin kepentingan-kepentingan khususnya seperti peluang pekerjaan dan sebagainya. Maknanya bolehkah kita bagi syarat sebegitu sebelum kita bagi kelulusan ataupun pernahkah berlaku mana-mana industri loji dan sebagainya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Yang Berhormat Paka. Memang Yang Berhormat,

yang saya nyatakan tadi perkara-perkara yang dinyatakan dalam geran tanah tetapi banyak lagi proses yang dibuat oleh pihak Kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi khususnya melalui kita memproses perancangan projek-projek yang diangkat dan syarat-syarat kelulusan memang diberi kepada pihak-pihak yang ingin membina, membangun dan juga melaksanakan industri di Negeri Terengganu ini khusus diberi terutama sekali apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat peluang pekerjaan kepada anak tempatan 60% peluang pekerjaan ditekan diberi syarat utama. Tetapi di dalam geran, kita memberi kepada perkara-perkara penting negara sahaja. Dalam geran yang saya maksudkan tadi. Kalau soal teknikal, soal urusan tenaga kerja, urusan keutamaan pemberian kerja-kerja kecil, kerja-kerja kontrak dan sebagainya memang diberi syarat utama oleh pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya tanya tadi bolehkah kita letak dalam geran, ke macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Soal tenaga kerja sahaja Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Soal tenaga kerja ni kita bergantung kepada.... itu bukan syarat wajib.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Maknanya tidak pernah dibuat lagilah setakat ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Itu tidak termasuk dalam syarat Kanun Tanah Negara (KTN) Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua saya merujuk ni sebab kita kira tanah-tanah loji ni yang diberi kelulusan oleh Kerajaan kadang-kadang menyebabkan kelulusan yang besar dan sudah pasti untuk kita menjaga kepentingan anak Negeri Terengganu kita ni, sepatutnya kita meletakkan syarat-syarat tersebut.

Dan perkara ini juga disebut dalam tanah yang diluluskan yang kadar keluasan yang kecil. Kadang-kadang Kerajaan Negeri meletakkan syarat tu. Contohnya ada satu tanah yang diletakkan 6 syarat. Contoh saya baca syarat tersebut: Antaranya tidak kurang daripada 60% orang-orang yang bekerja sebagai buruh kasar di atas tanah atau di dalam bangunan ini mestilah diambil daripada rakyat Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Contoh.

Ditambah lagi syarat: Tidak kurang daripada 40% orang-orang yang bekerja sebagai kakitangan mahir termasuk juruteknik-juruteknik di atas tanah ini atau di dalam bangunan ini mestilah diambil daripada rakyat Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Sekurang-kurangnya 90% pekerja hendaklah daripada Bumiputera tempatan dan hendaklah menggambarkan di semua peringkat pekerjaan.

Kalau tanah kecil macam ni kita buat syarat, sebab apa tanah yang lagi besar macam ni kita kadang-kadang tidak meletakkan syarat begitu. Ini yang kita rasa kadang-kadang apa yang berlaku di Sarawak baru ni sebagainya yang dia jaga kepentingan rakyat dia, supaya menjamin hasil ataupun pekerjaan yang ada depan mata mereka itu diperolehi oleh anak tempatan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. ulang balik soalan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan dia apa, soalan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalanlah ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mana soalan itu?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya rasa EXCO faham.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya faham. Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan kedua ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Yang Berhormat, saya faham. Terima kasih Yang Berhormat Paka. Sebenarnya perkara yang dibaca oleh Yang Berhormat sebentar tadi telahpun dikuatkuasa. Memang diletakkan syarat dalam setiap proses perindustrian ataupun usaha yang dibawa atau memasuki Negeri Terengganu ini. Memang kita pun memang bersetuju Yang Berhormat, kitapun menjaga kepentingan negeri.....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat tadi saya tanya, kata tak ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Beri saya jawab dulu. Yang Berhormat pun panjang tadi, saya nak jawab juga ni.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Lepas tu kata ada pula.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya kata dalam kelulusan syarat-syarat industri Yang Berhormat. Tetapi setakat ini setahu saya dalam soalan geran tanah tidak ada. Melainkan Yang Berhormat, kita boleh mengambil cadangan itu sekiranya betul-betul perlu pada geran tanah yang dimaksudkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang saya baca ni salinan geran tanahlah ni. Seksyen 385 Kanun Tanah Negara sebut ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Takpelah betullah, terima kasihlah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terengganu ni bukan Sarawak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat *doksoh* marah. Betullah kita terima.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat saya *dok* marah. Cara soalan saya begitu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Kalau boleh, maksud Yang Berhormat tu tanah kecil yang diluluskan, tapi kalau betul itu, setahu saya tidak ada. Tapi kalau betul itu geran tanah, dan membebankan kepada tuan tanah itu, boleh Yang Berhormat beri kepada saya untuk kita buat tindakan di peringkat negeri.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya *dok* sebut membebankan tuan tanah, bagus benda gini. Cuma kita nak loji-loji besar tu macam Petronas, TNB apa, nak buat syarat begini supaya rakyat Terengganu kita dijamin hak pekerjaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Takpe Yang Berhormat. Cadangan Yang Berhormat kita terima. Untuk kuatkan lagi, saya tahu, kita faham apa yang dibangkitkan oleh Sarawak untuk menjaga Sarawak punya kepentingan. Kita pun macam tu juga.

Lebih daripada itu kalau boleh, dan kita akan terima apa yang dicadangkan Yang Berhormat itu dan insyaAllah sekiranya dibenarkan oleh Kanun Tanah Negara, demi mempertahankan sama-sama Yang Berhormat, maruah dan juga rakyat Negeri Terengganu. InsyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Dok*, permasalahan yang berlaku sekarang ini sangat serius, khususnya Paka, Kerteh tak berlaku perkara ni. Ramai orang luar, ramai asing. Bahkan sekarang ni bukan orang luar daripada Terengganu, luar daripada Negara Malaysia kita, masalahnya. Sampai Jaga pun ambik Tibet, Mongolia juga. Ini yang kita pertahankan.

Sebab orang rakyat tempatan kita ada yang berkemahiran, tapi kalau tidak diberi peluang macam tu. Sebagaimana ada kes di Melakalah, Pantai Kundur dulu. Dia mensyaratkan anak dia, anak tempatan dia, nak buat di Pantai Kundur. Mesti syarat orang kampung tu, *takdok* SPM pun kita latih di INSTEP, di ICT.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Paka, saya rasa dah jelas dah, dah faham dah. Dah jelas dah ya saya rasa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingat saya tak perlu jawablah dah lari daripada apa yang ditanya, kemudian perkara itu dah jadi macam, ya, kita dengar semua tak perlu bangkitlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA : Terima kasih. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya bersetuju dengan Yang Berhormat untuk jaga Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Boleh tambah lagi soalan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Satu soalan, tambahan ketiga. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya nak tanya kalau ada, pernah tidak, ada tidak kes pelanggaran kepada syarat-syarat yang disebut dalam geran tadi? Dan kalau ada pelanggaran apa tindakan Kerajaan tentang pelanggaran yang pernah berlaku? Maksudnya tidak menepati syarat, tidak ikut syarat yang telah ditetapkan. Apa tindakan Kerajaan tentang soal-soal begitu setakat ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ladang. Kuala Berang, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Wakil Ladang, terima kasih Dato' Yang Dipertua, memang ada Yang Berhormat. Dan kita telahpun laksanakan di bawah Peraturan Kanun Tanah Negara terutamanya Seksyen 127(3) dan seksyen-seksyen yang lain. Dan pernah berlaku dirampas dan pernah apa jua tindakan diambil untuk memastikan pelaksanaan sebagaimana syarat yang saya baca yang awal tadi. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Cukuplah, panjang dah. Terima kasih Ladang. Terima kasih kepada Paka, Kuala Berang yang jawab dan bertanya secara terperinci.

Seterusnya saya mempersilakan Langkap untuk mengemukakan soalan. Silakan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya tidak ditolak, nombor 1 -

Apakah kejayaan terbaik hasil daripada pembentangan Bajet Negeri yang lepas iaitu tahun 2016 terhadap Kerajaan Negeri?

Terima kasih.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera, salam 1TTB. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua jabatan, wakil-wakil jabatan, para Pemerhati, rakan media, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Terima kasih kepada Wakil Langkap yang telah bertanya tentang apakah kejayaan terbaik hasil daripada pembentangan Bajet Negeri yang lepas iaitu tahun 2016 terhadap Kerajaan Negeri?

Kerana kita sedia maklum dalam Pembentangan Bajet 2016 yang lalu, banyak perkara yang kita terpaksa kurangkan kerana apabila pendapatan kita berkurangan. Tetapi alhamdulillah dalam tema Menjayakan Transformasi, Mensejahterakan Rakyat, kita masih lagi *sustain* dan masih lagi dapat menjayakan segala perancangan daripada hasil pembentangan Bajet yang lepas.

Antara kejayaan terbaik daripada pembentangan tersebut adalah meningkatkan keupayaan sektor-sektor yang berimpak tinggi apabila kita menubuhkan MEN-T ataupun Majlis Ekonomi Negeri Terengganu dan U-TENT atau Unit Transformasi Ekonomi Negeri Terengganu. Selain itu, Bajet 2016 juga kita mengutamakan Ekonomi Keperluan Rakyat atau (EKR) seperti pemberian Bantuan Dana Persekolahan sebanyak RM10 juta yang memberi faedah kepada 100,000 orang pelajar, Dana Bantuan Raya sebanyak RM50 juta untuk 200,000 ribu penerima serta Dana Bakti Remaja berjumlah RM22 juta kepada 100,000 orang penerima.

Disamping itu, kita juga mewujudkan Pejabat Tabung Darul Iman bagi memudahkan lagi urusan rakyat yang kurang berkemampuan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Soalan tambahan pertama sekiranya ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagaimanakah pula pencapaian dari segi aspek perumahan berdasarkan Bajet 2016? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Wakil Langkap. Memang daripada apabila semasa kita nak melaksanakan untuk kita merancang Bajet 2017, apabila kita turun ke daerah-daerah perkara perumahanlah yang merupakan topik utama yang kita dilihat adalah keperluan dan menjadikan satu agenda utama. Maka kerana itulah, maka Kerajaan Negeri juga dalam Bajet yang akan dibentangkan nanti ada juga kita apa nama ni akan mengutamakan tentang aspek perumahan ini.

Jadi, berdasarkan pada Bajet 2016, Kerajaan Negeri telah meletakkan sasaran pembinaan rumah sebanyak 20,000 unit rumah baharu. Sehingga kini Kerajaan Negeri telah berjaya menyiapkan sebanyak 14,225 buah unit rumah baharu. Bagi mencapai sasaran 20,000 unit rumah, sebanyak 6,720 unit rumah pelbagai kategori telah diluluskan.

Insyallah semua perumahan ini akan dapat dilaksanakan menjelang tahun 2017 nanti. Dan 1,149 unit rumah, dalam proses kelulusan akhir dan semua projek-projek ini kita jangkakan dapat siap selewat-lewatnya pada 2018. Dengan ini ia menjadikan jumlah keseluruhan rumah yang telah siap dan akan dibina ialah sebanyak 22,094 unit iaitu melebihi sasaran 20,000 unit rumah baharu yang telah diumumkan pada tahun lepas. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sila soalan tambahan kedua sekiranya ada? Kita bagi Langkap dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bolehkah pihak Kerajaan menceritakan serba

sedikit dalam Dewan yang mulia ini tentang pencapaian dalam bidang keusahawanan. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Terima kasih kepada Wakil Langkap. Jadi seperti yang sudah kita maklum, apabila kita mula melancarkan Tahun Melawat Terengganu 2017 dan kita mula memperkasakan tentang *T-Kitchen* dengan izin, dan juga dari segi produk-produk Terengganu, jadi alhamdulillah apabila kita berjaya membuka T-Mart dan sekarang ini sudah berada di Klang Valley dan juga Kuala Lumpur di mana kita sudah ada memasarkan hasil-hasil produk Terengganu di Kuala Lumpur secara langsung.

Dan di samping itu, kita telah bawa barang kita sekarang ini di Singapura. Dan sekarang barang-barang, produk-produk anak-anak Terengganu sudah mula dijual di Agro Bazar di Singapura dan juga di Big Box dengan izin di Singapura. Dan kita sudah ada gondola yang memang semua hasilnya adalah barangan halal dan barangan daripada hasil oleh usahawan-usahawan Terengganu.

Dan kita juga telah mula mempromosikan nasi dagang dan juga Nasi Dagang Frozen dan juga Keropok Lekor Goreng Frozen. Dan baru-baru ini kita telah lancarkan kedua-dua produk ini di satu program di WTM dengan izin *World Travel Market* di London baru-baru ini. Kita telah lancarkan Nasi Dagang dan Keropok Lekor Goreng Frozen, dan kita juga lancarkan nasi dagang kita ini dan keropok lekor *vacuum* dengan izin dan juga frozen iaitu di Makan Cafe di Kota London, di Restoren Anak Terengganu daripada Manir dan kita telah panggil semua sekali pengusaha-pengusaha dan tuan-tuan punya restoren dan alhamdulillah kita sudah dapat permintaan.

Dan insyaAllah dalam bulan depan kita akan mula menghantar satu jumlah yang besar iaitu Nasi Dagang Frozen dan juga Keropok Lekor Goreng Frozen kita di Kota London yang insyaAllah akan mula didapati di semua restoren-restoren Malaysia di Kota London. Dan InsyaAllah perkara ini juga kita akan persembahkan di negara-negara yang lain terutama di Jeddah, di Makkah dan juga di Madinah, insyaAllah. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya nak bagi Tepoh dulu. Sila Tepoh, baju kita lebih kurang sama, ya.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Ya, baju sama soalan lain. Adakah pihak Kerajaan merasakan Bajet 2016 itu telah berjaya dalam keadaan, saya merujuk kepada Ucapan Bajet 2016 muka surat 20, no. 34, Kerajaan akan membuka peluang 41,201 peluang pekerjaan. Saya merujuk kembali kepada Soalan Bertulis yang telah dijawab bagi soalan saya sendiri, jumlah pelaburan bagi tahun 2016 untuk Negeri Terengganu adalah sebanyak RM75 juta. Peluang pekerjaan hanyalah sebanyak 254. Apakah Bajet ini boleh dikira berjaya dalam keadaan pelaburan 2016 hanyalah 254 untuk peluang pekerjaan anak Terengganu? Pohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Tepoh.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada wakil Tepoh. Jadi sebenarnya untuk pengetahuan sidang perwakilan sekalian, bahawa apa yang disebut oleh Wakil Tepoh itu berasas kepada apa yang telah dikeluarkan ataupun yang dirancang melalui MEN-T. Seperti yang kita jelaskan dalam Bajet yang lepas bahawa dengan keadaan senario ekonomi, kita tidak lagi memberi fokus kepada Kerajaan ataupun dari segi Bajet daripada Kerajaan. Kita akan menggunakan konsep kita ialah penswastaan. Jadi yang disebut oleh Yang Berhormat Tepoh tadi ialah hasil yang telah diberi komitmen melalui dengan izin *Entry Point Project* yang dihasilkan melalui makmal yang telah dibuat antara pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri dengan PEMANDU Jabatan Perdana Menteri bersama dengan usahawan-usahawan dan juga bersama dengan korporat-korporat yang telah kita jemput.

Jadi, hasil daripada lab itu maka tercetuslah 18 *Entry Point Project* dengan izin yang akan menghasilkan 71 projek. Jadi daripada *schedule* dengan izin, ataupun dari segi perancangan kita, maka semuanya akan dapat kita hasilkan menjelang tahun 2020 iaitu dalam konsep ekonomi secara sederhana kerana dalam penglibatan dengan keadaan ekonomi sekarang ini, maka seperti yang saya sebut tadi, penglibatan Kerajaan hanyalah 30% berasas kepada aset bukan lagi berasas kepada modal. Berasas kepada aset seperti tanah dan sebagainya. Dan kerana itulah yang kita lihat tadi apabila disebut tadi dari segi modal yang kita keluarkan tidak sebanyak mana tetapi Yang Berhormat Tepoh perlu lihat balik bagaimana dari segi sektor swasta, bagaimana dengan projek-projek perumahan yang

dilaksanakan, yang saya sebut tadi 14,225 yang sudah pasti akan memberikan peluang pekerjaan yang begitu besar.

Jadi yang disebut tadi hanyalah aspek kepada modal yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri, tetapi tidak disebut dalam aspek penglibatan daripada pihak swasta. Kalau kita tengok penglibatan rumah saja 14,225 kita boleh bayangkan di situ berapa ramai peluang pekerjaan yang telah disediakan.....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Penjelasan Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: termasuk juga dengan pusat-pusat perniagaan yang baru begitu pesat tumbuh di Negeri Terengganu yang sudah pasti memberikan peluang dan pekerjaan kepada anak-anak Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Penjelasan Yang Amat Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan ke berapa ni.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
41,000... Penjelasan atas soalan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak benar dah, cukup dah.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tak,
ini penting.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Peraturan

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Sebab
Dato' Yang Dipertua, 41,000 dengan 254 jumlah yang sangat kecil. Bagaimana
kita nak iktiraf Bajet boleh diterima dalam keadaan yang berjaya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Tepoh. Saya mengambil
keputusan saya

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): *Deep fast result* tak berjaya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: tiga soalan tambahan sahaja. Terima kasih. Sebab saya nak bagi peluang lebih ramai. Terima kasih kepada Y.B. Langkap, Yang Amat Berhormat, kepada Y.B. Tepoh yang terlibat Dalam Soalan Lisan. Seterusnya saya mempersilakan Rhu Rendang, sila Dato' Seri.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua soalan yang pertama -

Adakah benar Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan tanah bagi membina kem tentera dan lapangan terbang tentera di daerah Marang? Jika benar, sila nyatakan lot tanah tersebut secara khusus berserta keluasannya?

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang. Alhamdulillah, nampak Wakil Rhu Rendang hari ini dalam keadaan yang sihat dah. Alhamdulillah.

Jadi Wakil Rhu Rendang ingin mendapatkan penjelasan daripada Kerajaan adakah benar Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan tanah bagi membina kem tentera dan lapangan terbang tentera di Daerah Marang? Jika benar, sila nyatakan lot tanah tersebut secara khusus berserta keluasannya?

Jadi jawapan daripada pihak Kerajaan, benar. Tanah yang diluluskan adalah seperti berikut :-

- | | |
|----------------------------|--|
| i. Kawasan latihan tentera | 1. Lot 3643 berkeluasan 6.4673 hektar |
| | 2. Lot 3644 berkeluasan 6.1978 hektar |
| | 3. Lot 3645 berkeluasan 4.9101 hektar |
| ii. Landasan kapal terbang | 1. Lot 3646 berkeluasan 32.7025 hektar |

Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Soalan tambahan pertama, sila Alur Limbat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan yang pertama Dato' Yang Dipertua. Bilakah ianya akan dilaksanakan dan dijangka siap dan diduduki bila, dalam makluman Kerajaan tak?

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Setakat ini belum ada cadangan untuk dilaksanakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Satu lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan kedua, ya.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Apa rasional Kerajaan dia pilih dalam banyak-banyak tempat ni, sama ada Kerajaan Negeri yang cadang ke dibuat di Marang ke ataupun sebab kita dah ada macam di Gong Kedak, Kuala Besut, rasanya kalau buat, tambah yang tu tak apa dah.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Sebab dia, nak jaga Presiden untuk parti di sebelah sana. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Bukit Payong, soalan tambahan yang ketiga.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya nak minta supaya Yang Amat Berhormat sepatutnya jawab secara jelas sikit kita bincang ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Takpe, soalan, soalan Bukit Payong.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Rasional, rasional kenapa kem tentera dan lapangan terbang ini, dibina di situ berasaskan mesti Kerajaan buat rasional yang sewajarnya. Kenapa pilih di situ lapangan terbang yang begitu luas dan tanah yang diambil itu adakah melibatkan tanah Kerajaan ataupun tanah rakyat. Dan berapa banyak tanah-tanah rakyat yang

terlibat? Dan berapakah pembayaran yang membuatkan Kerajaan terpaksa tanggung? Adakah Kerajaan Negeri yang akan membayarnya ataupun Kerajaan Pusat yang akan membayarnya?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Payong. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR: Terima kasih kepada wakil Bukit Payong. Jadi kenapa saya jawab tadi, sebab sebenarnya bukan tentera saja yang Kerajaan ambil. Banyak pihak termasuk pihak Kesihatan, pihak semua Kementerian, dan sekarang ini untuk kem tentera bukan hanya Marang sahaja.

Sekarang ini di Kuala Nerus sendiripun, di kawasan Teluk Pasu pun ada, di kawasan-kawasan yang lain pun, di kawasan Kemaman pun ada, di kawasan Besut pun ada, banyak kawasan. Ini adalah persediaan disebabkan mudah sahaja. Kalau rasional Kerajaan hari ini bila nak ambil, dia akan mencari satu kawasan yang besar yang kawasan itu biasanya agak jauh dengan penempatan dan biasanya tidak ada penempatan.

Dan kenapa kita nak buat, pertama sekali kita nak majukan kawasan itu. Apabila sahaja ada satu projek-projek daripada Kerajaan Persekutuan maka sudah pasti itu akan menjadi katalis yang akan memberikan satu impak terutama kepada impak ekonomi, maka apabila ada saja satu pembinaan atau pembangunan berlaku di situ siapa akan mendapat manfaat? Sudah pasti rakyat kerana secara tidak langsung apabila ada kem tentera maka akan adalah tempat-tempat jualan, sudah akan mewujudkan suatu kawasan, bandar baru dan sebagainya.

Dan sebenarnya, proses pengambilan tanah ini sudah lama berlaku dan tanah ini adalah tanah Kerajaan dan sudah selesai, dan sebenarnya memang ada permintaan dari Kerajaan. Kerajaan sekarang ini telah memohon kepada Kerajaan Pusat mana-mana tanah yang telah dimiliki oleh Kerajaan Pusat, supaya yang tidak ada perancangan untuk dilaksanakan apa-apa, Kerajaan Negeri telah memohon untuk dilaksanakan projek-projek perumahan. Contohnya macam seperti di Marang ini, Kerajaan Negeri telah membuat permohonan kepada Kementerian Pertahanan supaya tanah ini dibina rumah-rumah terutamanya kepada pasukan ataupun anggota-anggota tentera itu sendiri. Contohnya kepada anggota tentera kita yang nak pencen. Mereka tak ada rumah, jadi elok benar kalau dapat

di kawasan Marang ini, kalau tidak dapat dibuat kesemua, salah satu diambil dibuat projek perumahan untuk anggota tentera.

Jadi, tanah Kementerian Pertahanan. Elok benar kalau dibuat projek perumahan melalui PR1MA, SPNB dan sebagainya. Ini yang sekarang ni Kerajaan sedang memohon supaya dapat dilaksanakan dan maka akan dapat merealisasikan hasrat Kerajaan untuk memenuhi keperluan rakyat kita iaitu dari segi aspek perumahan. Kerana kita kesian kadang-kadang tu, anggota-anggota tentera, pasukan polis dan sebagainya apabila mereka pencen, mereka masih tidak ada rumah sendiri.

Jadi eloklah, dengan peluang-peluang dan kesempatan yang sebegini, kita cadangkan kepada Kerajaan Persekutuan kalau tidak ada cadangan lagi dalam masa terdekat, elok benar kawasan tersebut dibangunkan dengan membina rumah-rumah untuk anggota-anggota mereka. Dan kalau boleh diberi juga sebahagiannya kepada rakyat-rakyat yang ada di kawasan ataupun di kawasan yang di sekitar itu.

Ini bukan apa kerana apa, kerana kita merasakan apabila sahaja berlakunya pembinaan dan pembangunan itu, maka kawasan itu akan cepat membangun. Dan bila cepat membangun, inilah akan berlakulah satu impak ekonomi domestik yang akan memberi satu impak yang paling terbaik untuk rakyat kita. Jadi, itulah maklumatnya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat, anggaran berapa tentera yang akan ditempatkan di Parlimen Marang. Undi poslah tu, anggaran berapa agaknya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Paka, soalan tambahan tiga dah.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Seperti yang saya sebut tadi ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR:setakat ini tiada sebarang perancangan oleh Kementerian Pertahanan untuk dibina. Sebab itu kita mohon untuk dibinakan perumahan tadi. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Teluk Pasu kat mana Teluk Pasu. Tadi Yang Berhormat sebut kawasan Teluk Pasu.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Teluk Pasu pun ada. Nanti kita pun akan mohon untuk bina rumah. InsyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Undi pos tu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, terima kasih, terima kasih banyak ya. Sekarang kita akan pergi

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Sekarang ni tak ada undi pos dah, undi awal terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Terima kasih kepada Rhu Rendang yang mengemukakan soalan dan rakan-rakan Y.B. yang terlibat dalam soalan tambahan. Seterusnya silakan Kota Putera untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan saya soalan nombor 2. Terima kasih.

Berapakah peruntukan oleh Kerajaan Negeri sehingga suku ketiga 2016 bagi membantu pesakit kronik miskin yang tidak mampu menjelaskan bayaran kos rawatan hospital?

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Kota Putera. Soalan No. 2: Peruntukan Kerajaan Negeri bagi membantu pesakit kronik miskin yang tidak mampu menjelaskan bayaran kos rawatan hospital sehingga suku ketiga tahun 2016 adalah sebanyak RM3,419,577.15. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan pertama sekiranya ada. Sila Kota Putera mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang kita tahu, di bawah Tabung Penyakit Kronik ini, terlalu ramai rakyat Negeri Terengganu yang dapat faedah apabila Tabung TTB ataupun Tabung Penyakit Kronik telah mengambil kira untuk membayar ataupun memberi bantuan kepada rakyat-rakyat yang miskin. Jadi soalan tambahan saya adalah berkaitan dengan Tabung Kronik ini adalah dia pecah kepada dualah. Saya ambil dua saja.

Pertama, ialah berkaitan dengan selain daripada bil-bil hospital, ada lagi yang berkaitan dengan bantuan yang melibatkan rakyat untuk dapatkan bantuan di hospital. Dan yang kedua adalah berkaitan dengan selain daripada bantuan hospital, kita juga sedia maklum bahawa di bawah Tabung Penyakit Kronik, ada bantuan *one-off* dengan izin, yang melibatkan bantuan kepada rakyat.

Maka saya nak tahu berapa banyak bantuan kepada rakyat *direct* yang *one-off* dengan izin, setahun sekali ini dan juga kepada rawatan untuk rawatan hospital bukan kata bil hospital, rawatan hospital sebab kita tahu di bawah Tabung Kronik ini ada bantuan yang melibatkan ada bantuan sampai RM40,000 pun ada. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kota Putera. Sila Bukit Besi.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Okey, terima kasih Kota Putera. Sebenarnya kos rawatan yang dibelanjakan melalui *one-off* ini mungkin kita minta secara notislah, ya. Tetapi secara keseluruhannya kita belanja sehingga ini daripada Januari hingga September sejumlah RM792,667.28 itu pada secara keseluruhannya. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Soalan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita bagi Kota Putera dulu. *Last* sekali saya bagi insyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Untuk makluman, di kawasan sayalah terutamanya yang nak dapatkan bantuan di bawah Tabung Kronik ni terlalu ramai dan tahun ni pun awal tutup ni. Untuk makluman Yang Berhormat Exco tahun ni dah tutup permohonan ni.

Jadi bermula tahun depan kita nak supaya kita mohon supaya tak ditambahkan lagi peruntukan tersebut, terlalu ramai nak dan kalau boleh adakah perancangan untuk tambah bajet untuk tahun depan untuk khas kepada penyakit-penyakit Tabung Kronik ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Bukit Besi.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, persoalan yang diajukan oleh Kota Putera memang sepanjang ini memang kita semua sedia maklum bahawa Kerajaan banyak menyediakan peruntukan kepada pesakit-pesakit. Sepertimana yang diperkatakan pesakit kronik. Ini merupakan satu tanggungjawab Kerajaan. Dan pada secara dasarnya memang Kerajaan telah banyak memperuntukkan pada tahun ini dan insyaAllah dan saya dah bincang dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa peruntukan ini perlu ditambah mengikut keperluan yang ada.

Tetapi untuk makluman kita semua, pihak Kerajaan sebenarnya melalui Tabung Darul Iman telah merancang dan berusaha dan kelmarin kita telah melancarkan satu program iaitu kempen "Seikhlas Kasih Sejuta Harapan". Kita juga nak beri peluang kepada penjawat-penjawat awam kita untuk membantu dan menyumbang pesakit-pesakit kita yang tidak berkemampuan ini. Kerana kita sedar bahawa ini merupakan tanggungjawab kita bersama bukan hanya tanggungjawab kepada Kerajaan tetapi tanggungjawab kepada kita semua.

Dan harapan kita supaya dengan pelancaran ini, akan dapat lebih meningkatkan lagi, menambahkan lagi, sebab apabila kita tengok keperluan memang amat, betul-betul amat membimbangkan kita jadi kita mengharapkan semualah lapisan rakyat yang berkemampuan untuk membantu pesakit-pesakit yang tidak berkemampuan ini.

Dan kepada orang ramainya kita mewujudkan satu akaun iaitu Akaun Maybank Tabung Darul Iman untuk memudahkan orang ramai juga untuk menyumbang

dalam program "Seikhlas Kasih Sejuta Harapan" yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kelmarin. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Besi. Soalan tambahan yang ketiga Alur Limbat.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, Exco yang berkenaan. Kriteria sakit kronik ni jenis dia sakit mental ni termasuk tak? Baru ni heboh sangat. Okey, saya ada tambahan lain sikit ya.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *Straight* pada soalan ya.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dialisis, ramai orang-orang susah, orang miskin dan tak kira miskin kayalah ramai yang kena sakit buah pinggang. Saya difahamkan di hospital pun tak cukup. Bila pergi ke swasta ni terpaksa rawatan harian dia yang dia kena buat rawatan dialisis tu mahal sangat. Apa usaha yang dibuat oleh pihak Kerajaanlah khususnya tabung ni untuk membantu sama ada Kerajaan sendiri fikir nak bina sehingga mencukupi ataupun macam mana sebenarnya

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, sila. Terima kasih Alur Limbat, sila Bukit Besi.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Alur Limbat acah tadi *op*. Tak payah *hok tu dok, hok* mental tu *dok?* Hok tu kita semua orang faham belaka dah. Tetapi tentang hemodialisis yang diperkatakan tu memang Kerajaan hari ini memang amat bersedia dan memang nak wujud setiap daerah satu pusat hemodialisis untuk memastikan bahawa pesakit-pesakit kita umpama buah pinggang ni memang akan diberi satu perkhidmatan yang terbaik kerana penyakit buah pinggang ni apa yang saya difahamkanlah, sebab saya ni bukan doktor Alur Limbat tetapi apa yang saya difahamkan bahawa dia kena berulang-ulang. Tetapi hari ini memang kita bersedia sebenarnya sehinggakan ada tanggungjawab yang besar bukan saja daripada Kerajaan tetapi daripada orang perseorangan dan juga syarikat-syarikat swasta nak mewujudkan pusat-pusat hemodialisis ini.

Jadi kita harap semua kerjasama ni, boleh kita mainkan bersama supaya permasalahan penyakit ini dapat kita atasilah dari masa ke semasa dan insyaAllah rakyat Negeri Terengganu yang ada masalah dengan sakit ini akan boleh kita selesaikanlah untuk masa-masa yang akan datang, insyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Besi, terima kasih banyak kepada ADUN Kota Putera, Yang Berhormat yang bertanya soalan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Boleh beri peluang satu lagi? Sebab perkara ni agak kritikallah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak Rantau Abang. Kritikal bagi Rantau Abang, mungkin tidak kritikal bagi saya. Saya nak pergi soalan seterusnya, saya ikut peraturan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya mohon.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya minta maaf banyak, kita nak.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Sebab ini adalah untuk kepentingan masyarakat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Sebab banyak aduan-aduan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya nak tahu jawapan saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rantau Abang, terima kasih banyak. Peraturan 48 jelas, bila Speaker bercakap, duduklah. Tu aje.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya minta jasa baik.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak benarkan seterusnya. Soalan seterusnya kepada Y.B. Wakaf Mempelam. Sila Y.B. Wakaf Mempelam. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dipertua. Minta maaf. Soalan saya yang pertama -

Sila nyatakan jumlah bilangan tuan tanah, jumlah kediaman dan bangunan perniagaan serta keluasan tanah yang terlibat dengan Projek "By Pass Kuala Terengganu" (Projek Membina Kuala Terengganu By Pass) Di Kampung Losong, Durian Burung, Seberang Baroh, Wakaf Beruas, Kg. Melintang & Kg. Pak Pa Tuan Nong.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam ada bertanyakan tentang bilangan tuan tanah, jumlah kediaman dan bangunan perniagaan serta keluasan yang terlibat dengan Projek By Pass Kuala Terengganu di Kg. Losong, Durian Burung, Seberang Baroh dan dua tiga kawasan sekitar.

Untuk makluman Wakil Wakaf Mempelam dan juga Dewan yang mulia ini, pengambilan tanah bagi Projek By Pass Kuala Terengganu melibatkan Mukim Bukit Besar, Mukim Cabang Tiga dan Mukim Kubang Parit. Bermula daripada Kampung Tok Molor, Kampung Bukit Bayas, Gelong Bilal, Kampung Pak Pa, Wakaf Beruas, Kampung Tok Kaya dan Kampung Seberang Baruh. Jumlah lot tanah yang terlibat adalah sebanyak 272 lot dengan tuan rumah sebanyak 1,058 orang yang melibatkan keluasan seluas 20.8528 hektar. Jumlah rumah kediaman yang terlibat adalah sebanyak 136 buah manakala bangunan perniagaan yang terlibat adalah sebanyak 41 buah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Soalan tambahan pertama sekiranya ada, Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi dua sahaja soalan tambahan. Sebab masa sudah singkat ni sekiranya sempat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, berhubung dengan pengambilan balik tanah ni, sekarang ni memang bila diambil balik tanah ni memang dibayar pampasanlah. Saya nak tahu jumlah pampasan yang dibayar kerana saya dapat sungutan daripada rakyat, tuan-tuan yang terlibat yang kebetulan jiran-jiran saya, depan rumah saya, sebelah rumah saya yang mengatakan bahawa terlalu rendah.

Jadi saya nak tahu jumlah kaki persegi untuk lot rumah, lot kedai. Saya ada juga walaupun tanah kampung tetapi digunakan, pasal rumah kampung tu tepi jalan jadi dibina kedai dan sebagainya, dia orang buat *renovation* dengan izin. Jadi saya nak tau jumlah pampasan bagi mereka-mereka yang terlibat mengikut kategori jenis-jenis kediaman itu? Terima kasih.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Okay, terima kasih banyak Yang Berhormat. Jadi daripada 272 lot tanah tadi tu melibatkan kos bayar balik sebanyak RM111,374,505.28. Jadi ini adalah tanah-tanah yang telah dinilai, jadi mengikut kaki persegi tu adalah penilaian daripada harga semasa yang dapat daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Terengganu.

Urusan pengambilan balik ini diketuai oleh Jabatan JKPTG sebab memandangkan projek ini adalah projek Federal (projek Persekutuan). Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, daripada satu perkara yang kita kenal pasti ada masalah di sini, saya bersetuju ada masalah iaitu daripada 136 biji rumah yang dibina tu, dan juga daripada 41 buah rumah bangunan perniagaan tu ada berlaku isu pelanggaran syarat Yang Berhormat. Daripada rumah 136 tu, kita dapati 11 buah rumah telah berlaku pelanggaran syarat iaitu tanah pertanian telah buat rumah dan sebagainya. Daripada 41 bangunan perniagaan tu, 37 melibatkan pelanggaran syarat. Jadi kanun tanah kita ataupun kita punya urusan kita, dari segi pengambilan balik tanah tu, setakat hari ini Kerajaan mengenalpasti dan membuat pembayaran mengikut kaedah-kaedah yang sedia ada berpandukan pada

bangunan-bangunan ataupun lot-lot rumah yang mana ikut syarat yang telah ditetapkan dalam syarat nyata tanah.

Jadi berkenaan dengan yang terlibat dengan pelanggaran syarat tu, apa yang Kerajaan buat sekarang adalah mengenalpasti jumlah yang saya sebut tadi tu, iaitu sebanyak 11 buah dan 37 dan kita telah angkat perkara ni untuk perhatian Kementerian Kerja Raya untuk dibuat keputusan kaedah pembayaran yang dibenarkan dalam peruntukan undang-undang kita.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Ada lagi tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ada lagi, boleh tambah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya beri satu lagilah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Memanglah tanah itu asalnya tanah kampung. Jadi bila penghuni itu pula, walaupun rumah itu rumah kampung, jadi bila dah kebetulan jalan itu diperbesar, jadi dekat dengan tepi jalan, dijadikan kedai. Itu perkara biasa. Mereka sendiri, penduduk tuan tanah sendiri, kadangkala dia bagi sewa untuk menjadikan meniaga, contoh. Jadi bagi mereka nak cari tanah ganti, tapak ganti untuk membuat perniagaan, sekarang ni memang cukup payah. Kalau adapun harga sewaan cukup tinggi. Jadi adakah Kerajaan memikirkan? Oleh kerana pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, hasil kutip walaupun langgar syarat, jadi Kerajaan tak culas bab kutip hasil ini. Tapi adakah tidak memikirkan mereka-mereka yang terlibat yang hilang mata pencarian, untuk yang pertamanya diberikan pampasan yang lebih tinggi dan kalau yang lebih molekul lagi yang keduanya ialah cari tapak gantilah. Biar ada, saya ingat dulu pernah masa kita jadi Kerajaan dulu bila terpaksa ambil tanah rakyat, melibatkan rumah rakyat, kita cari tapak ganti. *Doksoh* kata tanah yang terlibat dengan pembangunan, yang Kerajaan terpaksa ambil. Pasukan Terengganu menang bolapun kita bagi tanah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam panjang dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak. Panjang selalu Yang Dipertua.

BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakaf Mempelam. Sila Kemasik.

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih banyak kepada Wakil Wakaf Mempelam. Jadi sebenarnya, pengambilan balik tanah cadangan rancangan ni telah lama. Kita dah rancang projek ni dah lama. Dan pihak Penguasa Tanah di Kuala Terengganu daripada masa ke semasa memberi peringatan kepada tuan-tuan tanah tu berkenaan dengan perlanggaran syarat tu. Tapi secara verbalnya, dia kata kita dah faham kita dah setuju. Jadi, itu dia perbincangan atau perbualan di antara Pentadbir Tanah dengan tuan tanah. Tentang tapak ganti ni, saya rasa memandangkan kawasan yang terlibat ni kawasan Terengganu Yang Berhormat. Jadi dari segi tanah Kerajaan tanah kosong tu di Kuala Terengganu, saya rasa sangat-sangat sikit ataupun hampir *takdok doh*. Jadi saya rasa untuk kita ganti *one to one* itu satu perkara yang perlu diteliti sebaik mungkin, sehabis baiklah. Kita bukan berniat untuk bayar pampasan dengan tidak berpadanan tapi memandangkan kuasa yang kita ada sekalipun tidak membenarkan kita buat begitu buat masa sekarang. Harga yang ditawarkan pada pandangan kita adalah sangat-sangat berpatutan sebabnya dia mengambil kira harga semasa. Cuma isu yang kita hadapi sekarang adalah masalah yang saya sebut tadilah sebanyak 48 individu ni yang mana melibatkan rumah kediaman dan juga bangunan perniagaan.

Apa yang telah kita buat adalah kita dah angkat satu permohonan kepada Kementerian Kerja Raya supaya dipertimbangkan dalam bentuk sama ada nak bagi *exgratia* atau perkara-perkara yang patut untuk kita beri saguhati kepada mereka-mereka yang terlibat ni. Jadi memandangkan dari segi peruntukan kita pun memang kita pun tidak buat masa sekarang tidak dapat bagi jawapan yang konkrit tentang apa yang kita nak buat dengan jumlah seramai 48 orang yang terlibat dengan penyalah langgar syarat tadi. Okey, saya rasa itu saja. Terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Ada lagi, panjang lagi? Terima kasih banyak Kemasik, terima kasih banyak kepada Wakaf Mempelam yang terlibat dalam soal jawab Soalan Lisan ya. Alhamdulillah wa syukuri lillah.

Kita telahpun selesai Soalan-soalan Lisan. Maka saya berhasrat untuk menangguhkan sementara Dewan

USUL DI BAWAH FASAL 30

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Dato' Yang Dipertua, mempunyai Usul Di Bawah Fasal 30.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Kuala Besut sila.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Dato' Yang Dipertua, saya Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, Ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Besut mohon mencadangkan bahawa Persidangan hari ini hendaklah ditangguh mengikut Fasal 30, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi membolehkan Dewan yang mulia ini untuk merundingkan isu yang sangat penting iaitu isu Perumahan yang kita lihat semakin membimbangkan dan juga merungsingkan penduduk Negeri Terengganu akhir-akhir ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, Kuala Besut. Saya nak supaya Bentara untuk mengambil Kertas Usul tersebut, saya meneliti dan insyaAllah saya akan membuat keputusan setelah membacanya. Jika mencukupi ketiga-tiga syarat yang kita tahu sendiri dalam Perkara 30.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya cadang Speaker terima usul ni sebab nampak kegagalan dalam perumahan. *Back Benchers* sendiri cadang usul tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita tunggu Tepoh jadi Speaker nantilah kot. Okey, terima kasih.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian maka saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula insyaAllah pada pukul 11.20 pagi. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.55 PAGI.

PUKUL 2.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sebelum kita berhenti rehat tadi, saya ada menerima satu Cadangan Di Bawah Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu. Setelah meneliti, mengkaji, mentafakurfiddin, memang betul perkara ini ada perkara-perkara tertentu berkenaan Perumahan, memang melibatkan kepentingan orang ramai, namun saya percaya kita tidak perlu segerakan oleh kerana soal permasalahan Perumahan ini telah diambil tindakan oleh Kerajaan Negeri, oleh Kerajaan Persekutuan melalui PR1MA dan juga Perumahan Komuniti. Oleh itu, saya menolak Usul Di bawah Perkara Fasal 30 untuk dibincangkan. Terima kasih.

Sebelum saya meneruskan Tertib Pekerjaan seterusnya, saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman daripada Batu Rakit. Terima kasih kerana bersama Dewan pada kali ini.

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN: Sila Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua saya mempunyai satu usul yang berbentuk cadangan untuk mendahulukan pembawaan Rang Undang-Undang daripada perkara-perkara yang lain.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan menurut Fasal 16(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri untuk mendahulukan pembawaan enam (6) Rang Undang-Undang daripada perkara-perkara yang lain iaitu :-

1. Enakmen Perbekalan 2017.
2. Enakmen Tanah Simpanan Orang Melayu (Pindaan) (No. 2) 2016.
3. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Takzir Terengganu (Pindaan) (2016).
4. Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016.
5. Enakmen Industri Berasas Kayu (Pindaan) 2016.
6. Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri Saraan (Pindaan) 2016.

Dato' yang Dipertua, sekian cadangan saya. Terima kasih. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat sekalian, saya ada menerima satu cadangan menurut Fasal 16(3). Mengikut Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu untuk mendahulukan pembawaan enam (6) Rang Undang-Undang daripada perkara-perkara lain yang telah diterima. Sekarang saya kemukakan kepada undian.

CADANGAN SUPAYA MENDAHULUKAN PEMBAWAAN ENAM (6) RANG UNDANG-UNDANG DARIPADA PERKARA-PERKARA LAIN YANG DITETAPKAN DI DALAM TERTIB PEKERJAAN DEWAN KEMUDIAN DIUNDI DAN DIPERSETUJUI DENGAN SUARA TERBANYAK.

USUL INI DITERIMA.

RANG UNDANG-UNDANG

ENAKMEN PERBEKALAN 2017

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi Tahun 2017 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Air Putih menyokong cadangan. Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang pertama.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA
KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN
BAGI TAHUN 2017 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN
JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN
ITU, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi Tahun 2017 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua.

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' yang Dipertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-

ketua jabatan, wakil-wakil jabatan, para Pemerhati, rakan media, tuan-tuan dan puan-puan serta saudara-saudara dan saudari-saudari yang dihormati sekalian. Segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam Firman Allah Subhanahu Wata'ala yang bermaksud:

"Wahai orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang, tetap dengan kepercayaan dan bawaan baiknya. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan kadar engkau berpuashati, yakni dengan segala nikmat yang diberikan lagi diredhai di sisi Tuhanmu serta masuklah engkau dalam kumpulan hamba-hambaKu yang berbahagia dan masuklah ke dalam SyurgaKu."

(Surah Al Fajr: Ayat 27 – 30)

Alhamdulillah, saya ucap berbanyak syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala yang mengizinkan saya membentangkan kepada Dewan Yang Mulia ini Bajet Negeri Terengganu bagi Tahun 2017. Pembentangan Enakmen yang bernama Enakmen Perbekalan Tahun 2017 ini adalah untuk mendapat pertimbangan Dewan Yang Mulia bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan bekalan, perkhidmatan dan pembangunan Negeri pada tahun 2017. Kenyataan lengkap cadangan untuk Bajet 2017 ini adalah seperti mana yang terkandung dalam Buku Bajet Negeri Tahun 2017.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Hadis Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam yang bermaksud:

"Sekiranya berlaku Kiamat sedangkan di tangan seorang daripada kamu ada benih tamar, dan dia berupaya menanamnya sebelum Kiamat, maka hendaklah dia menanamnya, dengan itu dia mendapat pahala."

(Hadis Riwayat Al-Bukhari)

Hadis ini menyarankan kepada kita supaya terus bekerja sehingga ke detik-detik terakhir kehidupan. Dengan masa di dunia ini yang berbaki tinggal hanya sedikit, kita harus terus bergegas membuat kerja amal dan kebaikan. Cabaran yang

sedang dan akan kita hadapi bukan kepalang hebatnya. Tentangan yang tiba, tidak menang tangan sekiranya asyik dilayan. Justeru, kita harus terus bergerak maju. Kita perlu bersama melangkah ke hadapan.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Bajet 2017 pada kali ini bertemakan "Bersama Melangkah Ke Hadapan". Tema ini dipilih kerana proses penyediaannya mengambil kira pandangan pelbagai lapisan masyarakat. Bajet ini telah dirangka bersama rakyat.

Melalui *road show* dengan izin Bengkel Bajet 2017 yang telah diadakan di semua lapan daerah, kita telah menghimpunkan lebih daripada 400 wakil dari kalangan pemimpin masyarakat, wakil jabatan, wakil persatuan belia, mahasiswa dan golongan muda, wakil nelayan, pengusaha teksi, petani, guru, doktor, imam bilal, wakil industri perbankan, wakil wanita dan ibu tunggal, usahawan, wakil kaum minoriti, anak-anak Terengganu di perantauan, pengusaha industri pelancongan dan pensyarah universiti.

Berpandukan prinsip Transformasi Terengganu Baharu (TTB) yang pertama iaitu Inklusif, Kerajaan Negeri telah turun bersemuka dengan pelbagai lapisan masyarakat, bertanya dengan jujur, mendengar dengan sabar, menerima dengan terbuka, mendapatkan maklum balas tentang apakah sebenarnya keperluan dan kehendak rakyat. Bajet ini telah mengambil kira pandangan rakyat. Justeru, tidak ada sebab kenapa Bajet ini harus ditolak.

Hasilnya, sebanyak 502 cadangan, isu dan permasalahan telah dibangkitkan. Angka yang besar ini menunjukkan penglibatan sangat aktif dan positif oleh para peserta dalam sesi bengkel dan ini adalah suatu yang cukup membanggakan. Kesemua 502 cadangan, isu dan permasalahan ini telah dianalisa, dibincang dan disusun mengikut kategori dan keutamaan. Jelas sekali, proses keterlibatan atau *engagement* ini dengan izin, sesuatu yang baik untuk Kerajaan dan rakyat. Ianya memberi peluang kepada rakyat bersuara melalui saluran yang betul, bukan melalui demonstrasi jalanan. Ianya contoh sihat amalan Demokrasi Berparlimen di Malaysia. InsyaAllah ianya akan kita teruskan.

Buat semua peserta yang terlibat, serta urusetia di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Perbendaharaan Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri dan

urusetia di peringkat daerah-daerah, terima kasih, syabas dan tahniah saya ucapkan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Landskap Ekonomi Global Yang Tidak Menentu

Persekitaran ekonomi global bagi tahun 2016 dan seterusnya, dilihat oleh ramai penganalisa ekonomi sebagai sangat mencabar. Bank Dunia telah mengunjurkan pertumbuhan rendah ekonomi global iaitu pada kadar 2.4% bagi tahun 2016. Unjuran pertumbuhan yang begitu rendah ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang sangat lembap di Negara-negara maju, kejatuhan harga komoditi dunia, khususnya petroleum dan minyak sawit, serta dagangan global yang lemah. Inilah kebiasaan yang baharu atau *the new normal* dengan izin. Keadaan tidak akan sama lagi seperti dahulu. Ibarat orang sedang bersilat, buah balas kita dalam menghadapi kebiasaan yang baharu ini perlukan langkah yang benar-benar mencabar kelaziman.

Sungguhpun pungutan suara di United Kingdom yang mencetuskan *Brexit* dengan izin, tidak mendatangkan impak langsung, besar kepada Malaysia, ia telah mengakibatkan ketidaktentuan ekonomi di kalangan Negara-negara Eropah. Para penganalisa ekonomi juga melihat pemilihan Donald Trump sebagai Presiden Amerika Syarikat menimbulkan lebih banyak persoalan daripada jawapan. Majalah *The Economist* contohnya, menyatakan pemilihan Trump sebagai Presiden mendatangkan impak yang sangat besar ke atas ekonomi Amerika dan dunia, dan ianya perlu dibayar dengan harga yang tinggi.

Berikutan berlakunya ketidaktentuan ekonomi di Eropah dan Negara Amerika Syarikat, maka langkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengalihkan tumpuan ke Negara China dalam suatu tindakan yang sangat strategik, cukup bijaksana dan berpandangan jauh. Kira-kira RM144 billion nilai pelaburan perniagaan ditandatangani menerusi 14 memorandum persefahaman, selain 16 perjanjian Kerajaan dengan Kerajaan.

Manfaat yang bakal rakyat Terengganu perolehi hasil daripada lawatan ini sangatlah besar. Bukan tempiasnya sahaja yang akan kita terima, ataupun setakat menghidu bau atau sekadar menghirup kuahnya sahaja. Tetapi rakyat dan Negeri

Terengganu bakal menikmati isi dan lauk malahan pencuci mulutnya sekali. Ini adalah kerana pembinaan Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL), laluan landasan berkembar kereta api menghubungkan Kuala Lumpur dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur seperti Mentakab, Kuantan, Kuala Terengganu dan Tumpat, akan merangsang pertumbuhan sosioekonomi kawasan ini dan membawa banyak manfaat kepada rakyat negeri-negeri di Pantai Timur khususnya di Negeri Terengganu.

Justeru, bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Malaysia dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, di atas kejayaan besar lagi cukup bersejarah, lawatan rasmi beliau ke Negara China baru-baru ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Ekonomi Malaysia Yang Berdaya Tahan

Ekonomi Malaysia merupakan sebuah ekonomi terbuka. Negara mengambil manfaat daripada aktiviti ekonomi dan pasaran global. Oleh itu, ia terdedah kepada ketidaktentuan perdagangan luar dan aliran modal antarabangsa. Disebalik kelembapan pertumbuhan ekonomi dunia, kejatuhan merudum harga komoditi khususnya petroleum, permintaan lembap pasaran eksport dunia serta ketidaktentuan yang menyelubungi persekitaran ekonomi global, Negara kita tetap mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang baik iaitu pada kadar 4 hingga 4.5% bagi tahun 2016 dan unjuran 4 hingga 5% bagi tahun 2017.

Malah pengurusan ekonomi dan dasar fiskal negara yang baik, telah diperakui dunia. Saya membuat kenyataan ini berdasarkan indikator urus tadbir ekonomi yang dikeluarkan oleh badan-badan ekonomi dunia misalnya agen penarafan global. Misalnya, *Thomson Reuters State of The Global Islamic Economy Report* dengan izin meletakkan Negara Malaysia di *ranking* pertama daripada 58 negara untuk *Global Islamic Economy Indicator* dan untuk *Islamic Finance Indicator* dengan izin bagi tahun 2015 dan 2016.

Bloomberg pula meletakkan Malaysia di kedudukan ke 7 daripada 57 negara yang ekonominya paling berdaya maju. Laporan Daya Saing Dunia IMD bagi tahun 2016 pula, meletakkan Malaysia sebagai Negara yang ke-19 paling berdaya saing

di dunia berbanding 61 buah negara lain. Majalah perniagaan *Forbes* pula telah meletakkan Malaysia sebagai Negara yang ke-34 terbaik menjalankan perniagaan daripada 144 buah Negara.

Forum Ekonomi Dunia (WEF) telah menyenaraikan Malaysia di tangga ke-25 daripada 140 buah Negara, dalam *Global Competitiveness Report* dengan izin, bagi tahun 2016/2017. Agensi penarafan kredit *Fitch Ratings* dengan izin, pula mengekalkan penarafan negara kepada A- dengan prestasi stabil. Penarafan ini mencerminkan asas-asas ekonomi negara yang kukuh.

Ini cuma sebahagian kecil bukti yang menunjukkan asas ekonomi negara masih kukuh dan ekonomi kita masih diurus dengan baik walaupun suasana ekonomi tidak menentu. Malah ada dari kalangan pembangkang sendiri yang memperakui kehebatan ekonomi negara. Mereka menyatakan bahawa apa nak dihairankan apabila seorang pemimpin muda mereka membeli rumah besar macam *Disneyland* yang bernilai RM1 juta dan memiliki kereta-kereta mewah, kerana menurut mereka, sudah ramai orang muda di Malaysia yang kaya sekarang ini. Justeru tahniah kerana turut sama memperakui kemampuan Kerajaan mengurus ekonomi dengan baik sehingga ramai orang muda di Malaysia yang kaya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya perlu nyatakan semua pencapaian ini bagi menangkis begitu banyak fitnah yang menyatakan Kerajaan Malaysia sudah muflis, Negara Malaysia sudah bankrap. Yang muflis dan bankrapnya bukan Kerajaan Malaysia. Yang muflis dan bankrap ialah mereka yang mengeluarkan pelbagai fitnah bagi menjatuhkan Kerajaan yang dipilih secara demokratik.

Malang sekali, ramai yang termakan dan terpedaya dengan dedak berupa fitnah termasuk 3,954 pendeposit Tabung Haji yang telah menutup akaun mereka. Malah ada yang sanggup membatalkan pendaftaran mengerjakan Ibadat Haji ke Mekah. Semuanya gara-gara fitnah pihak tertentu yang mengatakan Tabung Haji rugi dan tidak cukup dana untuk membayar wang mereka. Termakan dedak sekurang-kurangnya dapat makan. Termakan fitnah, buruk padahnya. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan taufik dan hidayah kepada kita semua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebenarnya, penyelesaian yang perlu diambil bagi menghadapi kemelut ekonomi yang berlaku di seluruh dunia, adalah melakukan transformasi ekonomi yang bersifat jangka panjang. Ubat yang

dimakan mungkin pahit untuk ditelan, tetapi ianya berkesan dan dapat menyelamatkan rakyat daripada kesusahan yang lebih teruk.

Oleh sebab inilah, saya ingin mengajak seluruh rakyat untuk sama-sama rapatkan saf, kerana Kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setidak-tidaknya sedang berusaha secara bersungguh-sungguh untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik dalam berhadapan dengan cabaran ekonomi dunia dan Negara. Sebagai negara yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka, kita perlukan Kerajaan yang kuat dan stabil untuk berhadapan dengan ekonomi dunia yang sangat sukar dan tidak menentu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Kesan Langsung Ke Atas Ekonomi Negeri

Kelembapan ekonomi dunia dan kejatuhan merudum harga minyak telah mendatangkan impak langsung kepada kedudukan kewangan Negeri. 85% daripada keseluruhan hasil Negeri adalah daripada Dana Khas Kerajaan Persekutuan (DKKP) yang bersumberkan hasil galian minyak dan gas. Kejatuhan merudum harga minyak telah menyebabkan Peruntukan DKKP berkurang sebanyak 45.16% daripada terimaan pada tahun 2015.

Selain usaha berterusan untuk mengurangkan kebergantungan kepada hasil minyak dan gas, Kerajaan Negeri juga sedang berusaha untuk merubah struktur ekonomi daripada yang dipacu oleh sektor awam kepada struktur ekonomi yang dipacu oleh sektor swasta. Ini adalah satu cabaran yang besar.

Untuk itu, Kerajaan Negeri beriltizam memastikan kejayaan pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi Terengganu (TETP). TETP memerlukan sedikit masa untuk dituai hasilnya kerana ia bersifat program transformasi ekonomi jangka sederhana iaitu selama 5 tahun. Walaupun TETP, kadar pertumbuhan ekonomi Negeri disasarkan meningkat daripada 4.4% dalam tahun semasa, iaitu satu angka yang sangat baik dalam senario ekonomi dunia sekarang, kepada 8% pada tahun 2020 dan seterusnya.

Tegasnya, apa yang berlaku di luar sana mendatangkan kesan langsung kepada kita di Terengganu. Mesej saya hari ini, iaitu di sebalik kelembapan ekonomi dunia

dan cabaran kejatuhan harga minyak, kita mesti tetap bersama melangkah ke hadapan. Justeru saya ingin menyeru semua rakyat untuk bersama dengan Kerajaan dalam kita menghadapi persekitaran ekonomi dunia dan turun naik harga minyak yang tidak menentu ini. Hanya dengan perpaduan dan penyatuan, baik penyatuan hati, pemikiran, emosi dan tindakan, insyaAllah, kita dapat harungi bersama cabaran ini dengan jayanya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Anggaran Hasil 2017

Anggaran perolehan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2017 dijangka sebanyak RM1.697 bilion. Pada tahun 2016, anggaran perolehan hasil ialah sebanyak RM2.02 bilion. Namun setelah dibuat pengubahsuaian, anggaran hasil yang dijangka adalah RM1.473 bilion.

Berdasarkan angka-angka ini, 2 perkara ingin saya sentuh. Pertama, pengubahsuaian perbelanjaan yang dibuat adalah berdasarkan keadaan dan situasi yang sebenar dan realistik. Kita tidak membuat bajet angan-angan apatah lagi membuat perbelanjaan di luar kemampuan kita untuk berbelanja.

Kedua, langkah pengubahsuaian adalah sangat tepat kerana terbukti, dengan jangkakan hasil yang bertambah pada tahun hadapan berbanding angka yang dibuat selepas dibuat pengubahsuaian dalam tahun semasa, kita kini mempunyai ruang dan fleksibiliti untuk mengurus kewangan Negeri dengan lebih selesa.

Kerajaan Negeri juga menjangka pendapatan daripada Hasil Cukai adalah sebanyak RM58.73 juta, Hasil Bukan Cukai sebanyak RM202.4 juta dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM1.436 bilion. Dari jumlah tersebut, 77.36% adalah daripada pemberian Dana Khas Kerajaan Persekutuan (DKKP), sementara baki 22.64% adalah daripada hasil negeri sendiri.

Sesuatu yang positif daripada angka-angka ini ialah hasil selain daripada DKKP semakin meningkat dan kebergantungan Kerajaan Negeri kepada DKKP semakin berkurang iaitu daripada 85% dalam tahun semasa, menurun kepada 77.36% dalam tahun 2017. Ini adalah satu strategi yang kita akan teruskan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Anggaran Belanjawan 2017

Untuk Bajet 2017, Kerajaan telah menyediakan dasar pengurusan bajet defisit sebanyak 10%. Perbelanjaan adalah dianggarkan sebanyak RM1.867 bilion berbanding anggaran hasil sebanyak RM1.697 bilion.

Melalui angka-angka ini, Kerajaan mencadangkan sejumlah RM1.867 bilion untuk Perbelanjaan Mengurus, RM739.70 juta untuk Pembangunan dan RM2.97 juta untuk Kumpulan Wang Bekalan Air.

Di bawah Perbelanjaan Mengurus, sebanyak RM85 juta diperuntukkan bagi Perbelanjaan Tanggungan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang dan sejumlah RM1.782 billion untuk Perbelanjaan Bekalan.

Di bawah Perbelanjaan Bekalan pula, sebanyak RM1.272 bilion diperuntukkan untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, RM287.9 juta untuk Perbelanjaan Emolumen, RM192.24 juta untuk Perkhidmatan dan Bekalan, RM28.24 juta untuk Aset dan RM1.16 juta untuk Lain-lain Perbelanjaan.

Di bawah komponen Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, sejumlah RM540 juta akan dicarumkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan bagi melaksanakan Projek-Projek Pembangunan, RM200 juta bagi pemberian kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun, RM118 juta bagi pemberian kepada Pelbagai Agensi dan Kumpulan Wang, RM57.86 juta bagi bantuan kebajikan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan RM304.24 juta bagi pelbagai program di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Vot B.32 - Pelbagai Perkhidmatan.

Dari segi agihan mengikut Sektor Pembangunan, 63% atau sebanyak RM466.9 juta telah diperuntukkan untuk Pembangunan Sosial, merangkumi 5 sektor iaitu Pendidikan, Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pembangunan Bandar & Luar Bandar, Sukan dan Perumahan, 27% atau RM197.18 juta untuk Pentadbiran, merangkumi 4 sektor iaitu Teknologi Maklumat (ICT), Pentadbiran Am, Projek Khas dan Projek Penting Luar Jangka dan 10% atau RM77.61 juta untuk Ekonomi, merangkumi 3 sektor iaitu Pertanian, Pelancongan dan Industri termasuk IKS.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Pengurusan Kewangan Secara Berhemat

Ekoran kejatuhan merudum harga minyak di penghujung tahun 2015, maka pada Januari 2016, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah drastik dan bersegera dengan melakukan pengubahsuaian terhadap Bajet tahun 2016. Sekatan perbelanjaan yang telah dikenakan ke atas peruntukan yang diluluskan kepada setiap jabatan. Ianya boleh mengimbangi kekangan hasil Kerajaan Negeri yang dijangka berkurang dengan ketara pada tahun semasa. Ia juga mengambil kira elemen hasil daripada DKKP yang bergantung kepada harga minyak dunia sebagai penanda aras. Hakikatnya, inisiatif dan langkah pengubahsuaian ini telah dibuat lebih awal daripada Kerajaan Persekutuan.

Bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan yang sama sepertimana tahun 2016 supaya jumlah perbelanjaan mencukupi dan projek-projek pembangunan dapat diteruskan.

Saya juga ingin maklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini bahawa Bajet yang saya bantangkan ini turut tertakluk kepada pengubahsuaian tertentu dengan mengambil kira jumlah hasil yang dianggar dapat dikutip. Kerajaan Negeri akan mengamalkan "*Outcome Based Budgeting*" dengan izin bagi memastikan konsep "*Value For Money*" dengan izin, tercapai.

Langkah-langkah tambahan pengawalan bajet dan pengurusan kewangan berhemat adalah seperti berikut:

Yang Pertama: Perbelanjaan secara "*Hands On*" dengan izin. Jika sebelum ini peruntukan bagi sesuatu program diberi sekaligus kepada sesuatu jabatan yang meliputi kos pengurusan, tetapi pada tahun 2017, kos menganjurkan program diasingkan dan perlu diangkat permohonan setiap kali program dibuat. Kita yakin melalui cara ini, pengurusan perbelanjaan yang dilaksanakan adalah lebih telus mengikut peraturan. Ini juga dapat meningkatkan lagi akauntabiliti perbelanjaan dan mengawal dari kemungkinan berlakunya sebarang ketirisan.

Yang Kedua: Mengoptimumkan sumber yang ada *do more with less* dengan izin. Bak kata pepatah, ukur baju di badan sendiri. Berbelanjalah mengikut keperluan

dan kemampuan. Sekiranya sebelum ini kursus-kursus atau mesyuarat diadakan di hotel atau di luar kawasan, maka pada tahun 2017 semua jabatan dan agensi Kerajaan diwajibkan menggunakan kemudahan dan fasiliti Kerajaan sedia ada sebagai satu langkah penjimatan. Selain itu, program-program yang dilaksanakan pula mestilah memberi impak langsung kepada rakyat.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada para pegawai dan pentadbir yang telah menguruskan kewangan Negeri dengan baik. Kerajaan Negeri telah menerima pengiktirafan "Sijil Bersih" bagi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2015. Dan yang terbaharu, 8 buah Jabatan Negeri telah menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti 2015. Ini menunjukkan pengurusan kewangan kita adalah cekap dan menepati piawaian yang ditetapkan. Saya ucap Syabas dan Tahniah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Strategi Dan Keutamaan Bajet 2017

Bajet 2017 menggariskan tiga strategi dalam mencorakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan:

STRATEGI PERTAMA : Meningkatkan keupayaan daya tahan ekonomi Negeri dalam mendepani suasana ekonomi dunia yang tidak menentu.

STRATEGI KEDUA : Memperkasa Pembangunan Modal Insan sebagai pelaburan jangka panjang yang terjamin keuntungannya.

STRATEGI KETIGA : Mengutamakan kesejahteraan rakyat melalui pengwujudan peluang membangunkan kapasiti.

Bagi memastikan tiga strategi yang digariskan tercapai, enam sektor teras akan diberi perhatian khusus melalui Bajet ini:

| | | |
|---------|---|---------------|
| Pertama | : | Pelancongan |
| Kedua | : | Pendidikan |
| Ketiga | : | Belia & Sukan |
| Keempat | : | Pekerjaan |
| Kelima | : | Perumahan |
| Keenam | : | Kesihatan |

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Strategi Pertama: Meningkatkan keupayaan daya tahan ekonomi negeri dalam mendepani suasana ekonomi dunia yang tidak menentu.

Sektor Pelancongan

Kita perlu terus Bersama Melangkah ke Hadapan.

Kebergantungan besar kita ke atas hasil minyak dan gas adalah sesuatu yang tidak mampan atau *sustainable* dengan izin.

Industri pelancongan merupakan industri kedua terpenting selepas industri minyak dan gas. Potensi industri ini untuk menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri sangat besar. Ianya turut berupaya menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pelbagai aktiviti rantai seperti perniagaan, perusahaan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan pelancongan. Sehingga Ogos 2016, seramai 3.63 juta pelancong telah berkunjung ke Terengganu. Kerajaan Negeri yakin, pada akhir tahun ini, bilangan pelancong akan melebihi angka 4.7 juta sebagaimana yang telah direkodkan pada tahun 2015.

Bagi lebih menzahirkan potensi industri pelancongan untuk menyumbang kepada kebaikan rakyat dan kemajuan Negeri, tahun 2017 telah ditetapkan sebagai Tahun Melawat Terengganu (TMT 2017) atau *Visit Beautiful Terengganu* dengan izin.

Dalam usaha Kerajaan menyeragamkan usaha galakan pelancongan, 4 kluster produk dan destinasi telah dibentuk:

| | | |
|------------------------|---|-----------------|
| Kluster Pertama | : | Pantai & Pulau. |
| Kluster Kedua | : | Tasik Kenyir. |

- Kluster Ketiga** : Bandaraya Warisan Pesisir Air Kuala Terengganu.
- Kluster Keempat** : Lain-Lain Produk termasuk Seni & Budaya, Sejarah Warisan dan Destinasi berkonsepkan *Eco, Nature & Adventure*, dengan izin.

Kejayaan penganjuran Pesona Terengganu 2015 telah diteruskan dengan penganjuran *Beautiful* Terengganu 2016 dengan izin. Kerajaan Negeri telah melancarkan *Visit Beautiful* Terengganu di Plaza Angsana, Johor Bahru pada 23 hingga 27 Mac 2016, dan di *Expo Hall* Changi, Singapura pada 11 hingga 15 Ogos 2016. Di Johor Bahru, jualan T-Kitchen mencecah RM2 juta. Syabas dan tahniah diucapkan. Walau bagaimanapun, pulangan yang diterima bukan sahaja dalam bentuk nilai wang ringgit malah juga dari segi keberadaan dan sebagai satu strategi pemasaran.

Kejayaan *Visit Beautiful* Terengganu dengan izin, menunjukkan kepada kita, bahawa promosi berterusan dan lebih giat amat perlu dalam merancakkan lagi sektor pelancongan di Terengganu. Bertepatan dengan TMT 2017, sebanyak RM80 juta akan diperuntukkan untuk Sektor Pelancongan.

Bagi menjayakan TMT 2017, Kerajaan dengan ini mengumumkan 15 *touch points* dengan izin Sektor Pelancongan untuk dilaksanakan dalam Bajet 2017 sepertimana berikut:

- Pertama** - Memperkasa Pusat Penerangan Pelancongan sedia ada dan membuka Kiosk Penerangan Pelancongan di setiap Daerah.

Dalam usaha Kerajaan Negeri memastikan ketelusan dan capaian maklumat pelancongan kepada pelancong, pusat-pusat maklumat pelancongan sedia ada akan diperkasakan. Buat masa ini, telah wujud tiga Pusat Penerangan Pelancongan yang menyebarkan maklumat produk dan destinasi pelancongan Negeri iaitu di Bukit Puteri, Kuala Terengganu, di Geliga, Kemaman dan di Kuala Besut, Besut.

Kerajaan Negeri bercadang untuk memperluaskan skop penyebaran maklumat ke setiap daerah dalam usaha memberi kemudahan maksimum kepada pelancong.

Pusat Penerangan Pelancongan Daerah akan dibuka di premis-premis sedia ada dan perlu diselaraskan dengan Pejabat Daerah, Majlis Perbandaran Daerah serta Jawatankuasa Pelancongan Daerah.

- Kedua** - Mewujudkan Mercu Tanda yang mempunyai nilai sejarah atau keunikan untuk Pelancongan di setiap daerah.
- Ketiga** - Menyediakan tempat khusus untuk *Food Truck* dengan izin.

Menyedari potensi besar industri *Food Truck* dengan izin di Terengganu dalam menyokong perkembangan aktiviti pelancongan, Kerajaan akan memperuntukkan RM200 ribu untuk membangunkan lokasi khusus *Food Truck* dengan izin, di setiap daerah. Lokasi ini akan disediakan dengan kemudahan elektrik, air dan tandas awam. Dua lokasi yang telah dikenal pasti untuk projek perintis adalah di Pulau Warisan dan di Taman Shahbandar, Kuala Terengganu.

- Keempat** - Kempen Kebersihan dan Kesedaran untuk Menjaga Harta Awam.
- Kelima** - Memberi bantuan Kemeja Korporat atau Baju promosi sempena TMT 2017.

Bersempena TMT 2017, Kerajaan akan mengagihkan kemeja atau baju rasmi TMT 2017 kepada *frontliners* dengan izin industri pelancongan. Sebanyak 1,146 helai Kemeja Korporat TMT 2017 akan diperuntukkan kepada 523 orang pemandu teksi aktif serta kepada 50 orang pemandu bas henti-henti Terengganu. Manakala, sejumlah 144 baju dan topi TMT 2017 pula diperuntukkan kepada 52 orang penarik beca dan 20 orang pengusaha bot penambang.

- Keenam** - Bantuan *One-Off* dengan izin kepada Penarik Beca & Pengusaha Bot Penambang untuk tujuan hiasan pengangkutan.

Beca dan bot penambang merupakan salah satu daripada pengangkutan tradisional yang menjadi budaya dan warisan masyarakat tempatan. Pengangkutan ini sering mendapat permintaan daripada pelancong yang ingin mengalami keseronokan menaiki beca bagi mengunjungi tempat-tempat menarik yang berhampiran. Ada juga yang memilih untuk menaiki bot penambang dengan menyusuri Sungai

Terengganu semata-mata untuk menikmati keindahan alam semulajadi dan kehidupan masyarakat setempat.

Bagi memberikan nafas baharu kepada beca dan bot penambang sebagai instrumen pengangkutan rekreasi, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif memperuntukkan RM50 ribu untuk manfaat 72 Penarik Becas dan Pengusaha Bot Penambang. Bantuan *One-Off* dengan izin ini adalah sehingga RM500 untuk Penarik Becas dan sehingga RM1,000 untuk Pengusaha Bot Penambang dan hendaklah digunakan untuk kerja-kerja menghias sahaja.

Ketujuh - Bantuan Penyelenggaraan Bot & Jaket Keselamatan dengan Logo TMT 2017 di Tasik Kenyir.

Tasik Kenyir merupakan destinasi eko-pelancongan yang semakin mendapat tempat di hati pengunjung dalam dan luar negara. Penggunaan bot dengan kelengkapan yang mempunyai ciri-ciri keselamatan adalah penting, bukan sahaja dalam menyediakan perkhidmatan pengangkutan ke lokasi-lokasi menarik sekitar Tasik Kenyir malah mempertingkatkan keyakinan pelancong.

Kerajaan Negeri dengan ini mengumumkan, peruntukan sebanyak RM225 ribu bagi membekalkan 1,500 Jaket Keselamatan dengan logo TMT 2017 kepada lebih kurang 300 pengusaha bot tempatan yang aktif di Tasik Kenyir. Usaha ini adalah untuk menonjolkan imej positif pelancongan di samping memberi keyakinan kepada pengunjung di Tasik Kenyir dalam aspek keselamatan.

Kelapan - Menaiktaraf kawasan-kawasan riadah keluarga dengan menyediakan *Outdoor Gym* dengan izin, dan taman-taman permainan.

Agenda menaiktaraf kemudahan di taman-taman rekreasi masih diteruskan. Ianya bertepatan dengan prinsip ketiga TTB iaitu "Keluarga Bahagia". Dua lokasi Taman Awam di Terengganu telah dikenal pasti untuk dinaiktaraf kelengkapannya termasuk penyediaan *Outdoor Gym* dengan izin, iaitu di Kemaman *Waterfront*, Chukai dan di Taman Rekreasi Keluarga Pulau Kekabu, Marang. Buat permulaan, RM500 ribu akan diperuntukkan bagi tujuan ini.

Kesembilan - Menaiktaraf Rumah Kucing di Pantai Teluk Lipat, Dungun.

Bajet 2017 adalah bajet untuk semua. Semua akan mendapat manfaat. Bukan rakyat sahaja yang bakal dapat manfaat, kucing juga tidak terkecuali. Untuk itu, Kerajaan akan memperuntukkan RM150 ribu bagi menaiktaraf dan membiayai kos penyelenggaraan Rumah Kucing di Pantai Teluk Lipat, Dungun yang pada masa ini, mampu menampung 200 ekor kucing pada satu-satu masa. Ini juga diharap dapat menjadi satu tarikan pelancongan serta menjadi galakan kepada pencinta kucing.

Kesepuluh - Mengadakan Kursus-kursus Bahasa Inggeris jangka pendek untuk Frontliners Pelancongan dengan izin.

Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan Kursus-Kursus Bahasa Inggeris Perbualan Jangka Pendek kepada pemandu teksi, pengusaha dan pemandu bot pelancongan, pemandu bas Cas Ligas, pengusaha kedai makan, kedai cenderahati dan kakitangan hotel dan *resort*. Program ini akan dijalankan dengan kerjasama Kementerian Pelancongan & Kebudayaan Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU). Kaedah pelaksanaan kursus hendaklah mudah dan tidak membebankan dari segi masa.

Kesebelas - Memperkasa Kompleks Sukan Negeri dengan mengadakan berbagai aktiviti sukan rekreasi seperti Paramotor, Kapal Terbang atau Helikopter Kawalan Jauh.

Pelancongan sukan rekreasi adalah satu produk pelancongan yang berpotensi di Negeri Terengganu. Di samping itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk meletakkan Negeri Terengganu sebagai *venue* dengan izin pilihan kejohanan sukan rekreasi dan sukan ekstrem, baik di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa.

Kompleks Sukan Negeri Terengganu yang akan dijadikan *venue* dengan izin kepada acara-acara sukan rekreasi pelancongan seperti sukan rekreasi *paramotor*, sukan payung terjun, sukan rekreasi kereta/kapal terbang/helikopter kawalan jauh, kejohanan cabaran *drone*, *auto show* dan *sprint test* dengan izin serta lain-lain sukan yang bersesuaian.

Kedua Belas - Mempertingkatkan hubungan dua hala Terengganu dengan Bandar Huaxi di China.

Negara China mempunyai potensi besar menyumbang kepada jumlah kehadiran pelancong ke Negeri Terengganu. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan hubungan dua hala Malaysia – China yang semakin kukuh berikutan lawatan kerja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sangat berjaya ke negara China baru-baru ini. Justeru Kerajaan Negeri akan berusaha mempertingkatkan hubungan dua hala yang sudah terjalin di antara Negeri Terengganu dengan beberapa bandar utama seperti Huaxi di Negara China.

Ketiga Belas - Bantuan tayar percuma kepada Pemandu Teksi.

Sempena TMT 2017, jumlah pelancong yang bakal menggunakan kemudahan perkhidmatan teksi dijangka meningkat. Kerajaan Negeri dengan ini mengumumkan bantuan tayar dengan nilai RM500 kepada semua ahli persatuan teksi tempatan. Bantuan ini adalah untuk ahli yang aktif sahaja. Seramai 523 orang pemandu teksi akan mendapat manfaat daripada program ini dengan peruntukan sebanyak RM262 ribu.

Keempat Belas - Membaikpulih rumah-rumah sepanjang Sungai Kuala Terengganu dan memasang *Rooftop Lighting* dengan izin, di rumah-rumah yang terlibat dengan Bandaraya Warisan Pesisir Air.

Kelima Belas - Mewujudkan program Latihan Kemahiran Industri Pelancongan seperti Pemandu Pelancong kepada golongan Belia.

Di samping 15 *touch points* pelancongan ini dengan izin, usaha penggalakan promosi dan aktiviti diselaraskan bersama melalui konsep *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) dengan izin, di antara jabatan-jabatan. Ini bukan sahaja dapat menjimatkan kos malah menunjukkan kesepakatan dan penyelarasan dalam menjayakan *Visit Beautiful* Terengganu 2017 dengan izin.

Sektor Pertanian dan Perikanan

Keupayaan sektor pertanian sentiasa dipertingkatkan kerana sektor ini merupakan sumber makanan disamping menjadi punca pendapatan golongan yang terlibat. Sebanyak RM4.65 juta akan diperuntukkan melalui Bajet 2017 untuk program dan projek berbentuk '*People Centric*' dengan izin dengan impak terus kepada golongan sasaran.

Projek Melon Manis Terengganu

Sehingga Oktober 2016, Melon Manis Terengganu telah melahirkan 36 orang pengusaha dengan jumlah pengeluaran hampir 500 ribu kilogram, bersamaan dengan nilai RM2 juta. Melihat kepada angka yang begitu memberangsangkan, Kerajaan bercadang untuk melahirkan 14 pengusaha lagi bagi meningkatkan pengeluaran Melon Manis Terengganu ini. RM200 ribu akan diperuntukkan bagi tujuan ini terutamanya bagi menampung kos infrastruktur yang berkaitan.

Pembinaan Unjam dan Tukun Tiruan

Aktiviti pencerobohan pukut tunda ke dalam kawasan menangkap ikan nelayan tradisional (Zon A) iaitu kurang 5 batu nautika, telah menyebabkan kerugian besar kepada nelayan tradisional. Peralatan menangkap ikan menjadi rosak, ekosistem musnah dan habitat marin serta sumber perikanan marin merosot. Kerajaan dengan ini memperuntukkan RM250 ribu bagi pembinaan tukun penghalang pukut tunda yang dapat dimanfaatkan oleh 2,341 orang nelayan tradisional.

Madu Lebah dan Madu Kelulut boleh mendatangkan pendapatan yang lumayan kepada petani dan pengusaha. Harganya boleh mencecah sehingga RM200 sekilogram. Kerajaan Negeri menyambut baik inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk menggalakkan Program Penternakan Madu sebagai sumber pendapatan. Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk menjadikan Terengganu sebagai Hab Madu Lebah & Kelulut.

Berdasarkan Program Madu Ole-Ole Terengganu, kita telah mencatatkan nilai pengeluaran melebihi RM1 juta setakat Oktober 2016. Ianya satu jumlah yang sangat memberangsangkan. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM500 ribu bagi membekalkan peralatan seperti sarang dan kelengkapan yang berkaitan. Semoga ini dapat meningkatkan lagi pendapatan pengusaha madu

lebah dan kelulut serta menggalakkan rakyat makan madu yang juga merupakan makanan Sunnah.

Pada 12 Ogos 2016, Kerajaan secara NBOS dengan Persatuan Penternak telah mewujudkan sebuah Pasar Ternakan di Manir. Dalam masa hanya 3 bulan, urusniaga yang dicatatkan mencecah hampir RM266 ribu. Melihat kepada sambutan yang menggalakkan, sebanyak RM70 ribu akan diperuntukkan bagi memperluaskan pasar ternakan ini ke Kemaman dan Besut.

Pelaksanaan Program Akuapolitan Kuala Nerus (AKN) di Seberang Pak Abu, Seberang Takir oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) merupakan program pembasmian kemiskinan pertama di Malaysia yang berkonsepkan 'Felda Laut'. Ianya menekankan aspek integrasi dan penguasaan rantai nilai oleh komuniti nelayan. Umumnya, 90 peratus daripada peserta terdiri daripada komuniti pesisir pantai yang terbabit dalam industri penangkapan ikan dan perusahaan yang berkaitan. Mereka merupakan kumpulan B40 dengan pendapatan bulanan isi rumah dibawah RM3,050. Projek ini dijangka dapat meningkatkan kegiatan ekonomi seterusnya membantu dan mengubah nasib nelayan di Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi Terengganu (TETP)

Kita harus terus bersama melangkah ke hadapan. Namun melangkah ke hadapan tanpa sebarang perancangan hanyalah omongan kosong semata-mata. Sewaktu pembentangan Ucapan Bajet 2016, saya telah menyebut tentang Program Transformasi Ekonomi Terengganu (TETP.) Tiga perkara ingin saya sentuh semula.

TETP telah mengenalpasti 5 sektor teras iaitu Pertama, Sektor Pembuatan, Minyak dan Gas; Kedua, Sektor Bioteknologi; Ketiga, Sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana atau SME; Keempat Sektor Komunikasi, Kandungan dan Maklumat (CCI) & Teknologi Baharu dan Kelima, Sektor Pelancongan.

Kedua, saya juga telah memaklumkan bahawa objektif MEN-T adalah untuk mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan ekonomi semasa dan juga untuk melonjakkan ekonomi Negeri Terengganu ke satu tahap yang lebih hebat.

Dalam konteks suasana ekonomi global yang muram, kita harus sentiasa melihat ke hadapan, menghidu peluang yang ada dan bukan melihat pada halangan yang dicipta.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bukan pakar ekonomi, tetapi sebagai pemimpin Negeri Terengganu, saya mahu melihat Terengganu menjadi sebuah Negeri yang ekonominya makmur dan berkat, rakyatnya tersohor dan hebat, budaya hidupnya menjadi contoh teladan sejagat.

Untuk itu, keutamaan harus diberi ke arah mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan menyediakan program perumahan. Kesan langsung sebarang perancangan kita harus menjurus ke arah ini, kerana ini yang rakyat mahu.

Kita juga harus mencari sumber baharu dan mengurangkan kebergantungan kepada hasil minyak dan gas. 85% daripada pendapatan Negeri datangnya melalui sumber minyak dan gas. Dari segi jangka panjang, tentu sekali ianya tidak mampan atau *sustainable* dengan izin.

TETP sebagai satu perancangan transformasi ekonomi jangka sederhana, dilihat mampu merubah landskap ekonomi Negeri Terengganu. Ianya untuk masa hadapan kita bersama dan perancangan ini hendaklah dipastikan berjaya.

Ketiga, TETP dirangka bagi mencapai 3 indikator berikut:-

- i. Meningkatkan KDNK dari RM26.5 bilion kepada RM41.5 bilion.
- ii. Meningkatkan pertumbuhan KDNK dari 4.4% kepada 8%.
- iii. Meningkatkan pendapatan purata isi rumah daripada RM4,816 sebulan kepada RM8,000 sebulan.

Hari ini, saya dengan sukacitanya mengumumkan bahawa daripada 71 projek yang dikenalpasti, 13 projek telah dan akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat. 13 projek tersebut ataupun '*Low Hanging Fruits*' dengan izin, adalah seperti berikut:

1. Dalam Sektor Bioteknologi, Projek Makanan Ternakan Hibrid di Setiu. Pelaburan swasta bernilai RM27 juta, bakal mewujudkan 895 peluang pekerjaan.
2. Dalam Sektor Pembuatan, Projek *Aviation Maintenance, Repair & Overhaul (MRO)* dengan izin. Pelaburan swasta bernilai RM229 juta. 600 peluang pekerjaan.
3. Membangunkan perkhidmatan hab kargo udara serantau di Lapangan Terbang Sultan Mahmud. Pelaburan swasta bernilai RM165 juta. 895 peluang pekerjaan.
4. Dalam Sektor PKS, Projek Pusat Perniagaan Halal, Pusat Membeli Belah, Pusat Konvensyen dan Hotel di Kuala Nerus. Pelaburan swasta bernilai RM275 juta akan mewujudkan 1,000 peluang pekerjaan.
5. Dalam Sektor Teknologi Baharu, Projek Pengurusan Sisa Pepejal Perbandaran Menggunakan Kaedah Mesra Alam. Pelaburan swasta bernilai RM240 juta akan mewujudkan 100 peluang pekerjaan.
6. Dalam Sektor Pelancongan, Projek Pembinaan Hotel Butik (Movenpick) di Kuala Terengganu. Pelaburan swasta bernilai RM400 juta akan memberi peluang 200 peluang pekerjaan.
7. Dalam Sektor Pelancongan, Projek Menaiktaraf Hotel Primula di Kuala Terengganu. Pelaburan swasta bernilai RM224 juta akan mewujudkan 360 peluang pekerjaan.
8. Dalam Sektor Bioteknologi, Projek Pembangunan Kertih *Bio Polymer* (KBP) Fasa ke-3. Taman Biopolimer Kerteh. Pelaburan ECER bernilai RM3.2 bilion dan akan mewujudkan 2,653 peluang pekerjaan.
9. Dalam Sektor Bioteknologi, Projek Pengeluaran *Bio-Methane* dari Tandan Kelapa Sawit. Pelaburan TDM Berhad bernilai RM13.7 juta.
10. Dalam Sektor Bioteknologi, Projek Pengeluaran Baja-Bio dari Tandan Kelapa Sawit di Kemaman dan Sungai Tong. Pelaburan swasta bernilai RM28 juta yang akan mewujudkan 55 peluang pekerjaan.

11. Dalam Sektor Bioteknologi, Projek Pengeluaran Minyak Pelincir Bio-Sintetik berasaskan minyak kelapa sawit. Pelaburan swasta bernilai RM840 juta akan mewujudkan 232 peluang pekerjaan.
12. Dalam Sektor Bioteknologi, Projek Pengeluaran *Bio L-Methionine* dari Bahan Mentah yang dikitar semula. Pelaburan swasta bernilai RM2 bilion akan mewujudkan 533 peluang pekerjaan.
13. Dalam Sektor Pembuatan, Projek Pembuatan Sarung Tangan Getah NBR di Kemaman. Pelaburan swasta bernilai RM970 juta yang akan mewujudkan 4,000 peluang pekerjaan.

Projek-projek ini akan melibatkan pelaburan berjumlah RM3.5 billion tidak termasuk 2 projek iaitu Projek Pembangunan Kertih *Biopolymer* dan juga Projek Pengeluaran *Bio L-Methionine* yang mana telah pun bermula pada tahun ini. Keseluruhan projek ini dijangka dapat menyediakan 6,795 peluang pekerjaan untuk rakyat Negeri Terengganu.

Kerajaan Negeri amat berharap agar kita semua dapat sama-sama menjayakan apa yang dirancang. Limpahan ekonomi yang bakal kita rasai dijangka besar. Rakyat akan dapat peluang pekerjaan, peluang berniaga, lebih ramai pengunjung dijangka datang ke Terengganu untuk melancong mahupun berurusniaga. Kedai-kedai makan, hotel dan *homestay* dengan izin serta perkhidmatan teksi dan kereta sewa, peniaga runcit, penyedia perkhidmatan am, semuanya diharap akan menerima limpahan nikmat daripada kemajuan ekonomi hasil pelaksanaan projek-projek di bawah TETP ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

STRATEGI YANG KEDUA: Memperkasa Pembangunan Modal Insan Sebagai Pelaburan Jangka Panjang Yang Terjamin Keuntungannya.

Yang pertamanya ialah Sektor Pendidikan. Kita harus terus bersama melangkah ke hadapan. Di kesempatan ini, saya bagi pihak Kerajaan Negeri, ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua pelajar UPSR 2016, termasuk para Guru, ibubapa dan kakitangan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu. Walaupun dengan format UPSR yang baharu, Terengganu masih berupaya mengatasi pencapaian peringkat nasional dalam ketiga-tiga kategori iaitu:

- 2.95 Gred Purata Negeri berbanding 2.96 Gred Purata Kebangsaan.
- Peratus yang mendapat 6A ialah 1.33% di Peringkat Negeri berbanding 1.1% di Peringkat Kebangsaan.
- Peratus yang Lulus Semua Mata Pelajaran Negeri ialah 68.36% di Peringkat Negeri berbanding 67.7% di Peringkat Kebangsaan.

Syabas dan Tahniah kepada pelajar-pelajar UPSR di Negeri Terengganu.

Melangkah ke hadapan, kita harus mencari formula baharu dan meletakkan tahun 2017 ini sebagai asas kejayaan dalam membina Fasa Kedua; Kitaran Kecemerlangan Pendidikan Negeri Terengganu.

Justeru Kerajaan bercadang untuk memberi lebih tumpuan kepada mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Sains dengan meningkatkan program dan kursus ke arah peningkatan dua mata pelajaran ini melalui peruntukan Program Anjung Ilmu. Selaras dengan prinsip ke lapan TTB iaitu Memperkasa Pendidikan, Kerajaan Negeri akan terus membuat pelaburan yang besar dalam bidang ini. Sebanyak RM42.6 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek dan program pendidikan pada tahun 2017.

Program Khatam Al-Quran Prasekolah

Satu keunikan yang terdapat dalam pendidikan prasekolah di Negeri Terengganu ialah kemampuan anak-anak kecil kita untuk khatam Al-Quran di peringkat umur yang kecil. Setiap tahun, lebih 20 ribu anak-anak prasekolah berjaya khatam dan ini sangatlah membanggakan terutamanya buat ibu bapa dan para guru.

Kerajaan terus komited dalam menghargai jasa Guru–Guru Pintar Quran. Oleh itu, untuk Bajet 2017, sejumlah RM4.72 juta telah diperuntukkan untuk bayaran elaun bulanan kepada Guru-Guru Pintar Quran yang melibatkan seramai 770 orang.

Bagi memperkasa bidang pendidikan prasekolah, dua buah Tadika Yayasan Islam Terengganu baharu akan diwujudkan iaitu di Daerah Besut (Cawangan Jabi) dan di Daerah Kuala Terengganu (Cawangan Losong).

Bagi melaksanakan pelbagai program dan aktiviti kanak-kanak di Taska Permata Keluarga kendalian Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT), sebanyak RM500 ribu akan diperuntukkan.

Program Anjung Ilmu

Bagi memartabatkan Program Anjung Ilmu di Negeri Terengganu pada tahun 2017, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM4 juta. Sebanyak RM2.7 juta diperuntukkan untuk percetakan bahan kecemerlangan pelajar bagi modul UPSR, PT3, SPM dan STPM. Sebanyak RM500 ribu akan disumbangkan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri bagi melaksanakan aktiviti kecemerlangan di peringkat Negeri, daerah dan sekolah termasuklah kelas bimbingan dan *tutorial* percuma.

Bantuan Persekolahan

Bagi meringankan beban para ibubapa terutama mereka yang kurang berkemampuan, Kerajaan Negeri bersetuju untuk meneruskan Bantuan Persekolahan sebanyak RM100 seorang pelajar bagi keluarga yang berpendapatan RM2,500 ke bawah, berbanding RM2,000 sebelumnya, dengan maksimum 2 orang pelajar setiap keluarga. Sebanyak RM10 juta akan diperuntukkan dan dijangka 100 ribu orang pelajar akan mendapat faedah.

Program sumbangan Dana Raya telah banyak memberi manfaat kepada penerima. Bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya syarat kelayakan keluarga yang menerima Dana diperluaskan kepada keluarga yang berpendapatan RM2,500 dan ke bawah.

Program Peningkatan Kebolehpasaran Graduan

Bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan terutama yang menganggur, program *Terengganu Graduate Transformation Programme* (TGTP) dengan izin, yang menggantikan program *Terengganu Graduate Attachment Scheme* (TGAS) dengan izin, diteruskan. Ini dijangka dapat membantu lepasan diploma dan siswazah untuk membuat persiapan dalam melangkah ke alam pekerjaan. Sebagai sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), syarikat-syarikat berkaitan dengan Kerajaan Negeri (SGLC) akan turut dilibatkan bagi menjayakan program ini.

Bagi membantu mahasiswa dan bakal graduan menentukan haluan kerjaya, Karnival laluan kerjaya dan program *softskills* dengan izin akan diwujudkan. Buat permulaan, sebanyak RM150 ribu telah diperuntukkan. Karnival ini akan diperluaskan lagi dengan mengadakan *roadshow* dengan izin, ke setiap daerah seluruh Negeri Terengganu.

Kerajaan juga mengambil berat dan memberi tumpuan kepada golongan belia yang kurang bernasib baik. Peruntukan sebanyak RM50 ribu akan diberikan untuk latihan kemahiran untuk pelajar-pelajar pendidikan khas (OKU) dalam kursus-kursus kemahiran seperti membaiki motosikal, gunting rambut, *bakery* dengan izin dan lain-lain yang berkaitan melalui kerjasama dengan kolej-kolej kerajaan Negeri seperti TTITC dan TESDEC.

Sumbangan Kepada Setiap PIBG

Menyedari pentingnya institusi PIBG di sekolah-sekolah, Kerajaan Negeri dengan ini bersetuju untuk meneruskan pemberian bantuan pengurusan dan aktiviti sebanyak RM2 ribu kepada setiap PIBG sekolah. Sumbangan ini melibatkan 505 buah PIBG sekolah seluruh Negeri Terengganu dengan peruntukan sebanyak RM1.01 juta.

Program TREGLISH

Kerajaan Negeri bercadang untuk mengembangkan lagi *Program Transforming English in Terengganu* (TREGLISH) dengan izin ke peringkat sekolah-sekolah rendah seluruh Negeri Terengganu. Untuk itu, RM1 juta akan diperuntukkan bagi meningkatkan peratusan kelulusan mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam peperiksaan-peperiksaan awam peringkat rendah dan menengah.

Pembangunan Keluarga Dan Masyarakat

Anak-anak adalah permata hati dan penyejuk jiwa. Kelahiran mereka sentiasa dinanti dengan penuh debaran oleh ibu bapa. Bagi meraikan kelahiran orang baharu dan sebagai tanda cakna dan kasih kita kepada generasi masa hadapan, Kerajaan memperuntukkan RM1 juta kepada Program Saguhati Kelahiran Anak Terengganu dengan sumbangan diberi dalam bentuk Skim Simpanan Pendidikan Nasional atau SSPN-i. Ini dapat menggalakkan tabungan pembelajaran bermula

seawal usia kelahiran. Dijangka seramai 26 ribu bayi akan mendapat faedah daripada sumbangan ini.

Kerajaan juga bersetuju memperuntukkan RM1.2 juta bagi menjayakan Program Pasca Perkahwinan, Program *Second Honeymoon* dengan izin, Program Semarak Kasih, dan Forum Perdana Cakna Keluarga. Dijangkakan seramai 4 ribu pasangan akan mendapat manfaat daripada program-program ini.

Program *Home Manager* dengan izin atau Pengurus Kediaman yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri telah mendapat maklumbalas yang sangat baik malah terbukti berkesan untuk peserta dan majikan. Justeru, Kerajaan Negeri dengan ini mengumumkan peruntukan sebanyak RM1 juta bagi meneruskan program *Home Manager* dengan izin yang bakal memberi peluang pekerjaan kepada 150 orang Pengurus Kediaman.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Taubah, ayat 18 yang bermaksud:

“Hanyalah yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, serta mendirikan solat, menunaikan zakat, dan tidak takut kepada sesiapaupun selain kepada Allah, maka merekalah orang-orang yang mendapat petunjuk.”

Amalan solat secara berjemaah adalah satu keutamaan dalam Agama. Kerajaan sedar, hiburan yang terlalu banyak dan melampau akan melekakan dan membawa natijah buruk kepada rakyat. Kerajaan bercadang untuk meneruskan aktiviti-aktiviti pengukuhan insaniah terutamanya yang berpaksikan Masjid, sesuai dengan prinsip kedua TTB iaitu Masjid dan Surau sebagai Sumber Penyatuan.

Kerajaan Negeri mencadangkan supaya Program Solat Subuh Berjemaah sedia ada diperkasa dan turut dikembangkan juga kepada Solat Sunat Dhuha. Kerajaan bercadang untuk mengintegrasikan kempen solat ini dengan program-program pelancongan atau sukan bagi memeriahkan program ini. RM200 ribu diperuntukkan untuk urusan promosi Kempen Solat Subuh Berjemaah dan Solat Sunat Dhuha.

Jumlah masjid yang ada di Negeri Terengganu haruslah mencukupi dan yang penting, diselenggara dengan sebaiknya. Untuk itu, RM16 juta akan diperuntukkan melalui Bajet kali ini bagi pembinaan tujuh buah Masjid iaitu di Dungun, Kemaman, Marang, Setiu, Kuala Nerus dan Hulu Terengganu.

Meningkatkan Pengupayaan J3K

J3K adalah jentera Kerajaan yang paling rapat dengan rakyat. Bagi meningkatkan keupayaan J3K dalam melaksanakan urusan pengurusan dan pentadbiran di kawasan masing-masing, Kerajaan Negeri bersetuju untuk meluluskan bantuan pengurusan secara *one-off* dengan izin sebanyak RM5 ribu kepada setiap 991, J3K di Terengganu. Bantuan *one-off* ini akan disalurkan pada tahun ini juga.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Pembangunan Belia & Sukan

Kita perlu terus Bersama Melangkah ke Hadapan.

40% penduduk adalah terdiri daripada golongan belia. Golongan belia merupakan harapan dan aset penting kepada Negara. Bak kata pepatah, pemuda harapan bangsa, pemuda tiang Negara. Merekalah generasi yang bakal menerajui pemerintahan Negara, menjadi tonggak dan nadi utama dalam merealisasikan wawasan Negara serta menjaga kedaulatan tanah air tercinta.

Sejajar dengan ini, pelbagai aktiviti dan program telah diatur bagi tahun 2017 khususnya untuk golongan belia. Program ini bukan sahaja berteraskan sukan semata-mata tetapi turut mengambil kira pembangunan kepimpinan, keusahawanan dan kemahiran. Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM65.7 juta untuk portfolio Belia dan Sukan, satu jumlah yang besar untuk golongan belia dan aktiviti sukan di Negeri Terengganu.

Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk meneruskan Program Dana Bakti Remaja. Bagi tujuan ini, sebanyak RM20 juta akan diperuntukkan sekaligus memberi manfaat serta kebaikan kepada 100,000 belia di Negeri Terengganu.

Bagi tujuan bantuan pentadbiran kepada Persatuan Belia, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan sebanyak RM5,000 bagi semua cawangan Persatuan Belia yang aktif dan berdaftar dengan Majlis Belia Negeri Terengganu. Sebanyak 431 Persatuan Belia yang aktif akan mendapat manfaat daripada bantuan ini.

Bagi membantu belia-belie kampung yang berminat untuk menjadi pemandu jentera berat sebagai satu kerjaya, Kerajaan Negeri akan memberi peruntukan sebanyak RM100 ribu. Program khusus akan diwujudkan untuk membantu mereka mendapatkan lesen memandu jentera berat seperti bas, lori, traktor, bot besar dan lain-lain yang berkaitan.

Kerajaan Negeri sedar kekangan dan masalah yang berlaku di kalangan graduan Terengganu yang sukar untuk mendapat kerja. Kerajaan Negeri akan mewujudkan 1 unit khas untuk membina *database* graduan mencari kerja (*ala jobstreet*) dengan izin khas untuk anak Terengganu mencari dan merebut peluang pekerjaan di negeri sendiri.

Latihan kepimpinan belia akan dimanfaatkan sepenuhnya dengan adanya Darul Iman *Training Center* (DITC) di Kemaman. Malah, Kerajaan Negeri juga akan memperkasa DITC dengan menggunakan secara optimum bagi mengadakan kursus-kursus perubahan minda dan jati diri, termasuk kursus kepada penjawat awam dan guru-guru di Terengganu. Peruntukan tambahan sebanyak RM1 juta telah dikhaskan pada tahun hadapan bagi tujuan pembangunan Fasa Kedua DITC. Kursus ini dijangka akan memberi manfaat kepada 28,800 penjawat awam di Terengganu setahun.

Kerajaan Negeri ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana telah memilih *Terengganu International Endurance Park* (TIEP), di Lembah Bidong, Setiu sebagai *venue* dengan izin utama bagi penganjuran acara Sukan Berkuda *Endurance* dengan izin bersempena dengan Sukan SEA pada bulan Ogos, 2017. Ini merupakan satu pengiktirafan yang besar kepada Negeri Terengganu khususnya TIEP yang merupakan Pusat Sukan Kuda *Endurance* dengan izin yang terbaik di Malaysia. Tahniah dan Syabas diucapkan.

Kerajaan Negeri juga bercadang untuk mewujudkan Hari Bebas Kereta atau *Car Free Day* dengan izin di laluan-laluan terpilih. Hari tersebut akan digantikan dengan acara seperti Hari Berbasikal, *Fun Run*, *Walkathon* bersama keluarga secara

berkala dengan izin. Kerajaan Negeri sangat berbangga dengan penyertaan peserta dalam Larian Antarabangsa Jambatan Sultan Mahmud. Lebih 50 ribu peserta dalam dan luar negara telah mengambil bahagian.

Dalam bidang sukan, Terengganu terus mencipta nama dengan beberapa siri kejayaan bukan sahaja di dalam negara malah juga di peringkat antarabangsa. Izinkan saya untuk berkongsi beberapa cerita kejayaan (*success stories*) dengan izin dalam bidang sukan.

Kerajaan Negeri hari ini mengucapkan tahniah kepada pasukan hoki Negeri Terengganu yang telah berjaya menjadi Juara Hoki Piala Tun Razak 2016 pada bulan Mei yang lalu.

Kita juga berbangga dengan kejayaan Mohd Azizulhasni Awang, anak jati Dungun yang memperoleh pingat gangsa acara keirin iaitu pingat pertama Negara dalam acara berbasikal dalam Sukan Olimpik.

Satu lagi kejayaan dalam bidang lumba basikal ialah kejayaan pasukan Terengganu *Pro-Cycling Team* (TSG) mengungguli pentas dunia. TSG kini berada di *ranking* ke 7 Asia dan 90% pelumbanya adalah anak Terengganu. Mereka kini adalah pelumba profesional yang mampu menjadikan sukan berbasikal sebagai satu kerjaya dengan pendapatan yang lumayan. Hebat Terengganu!

Kerajaan Negeri juga bangga dengan pencapaian kontinjen SUK Terengganu ke Kejohanan Sukan SUK Se-Malaysia di Johor baru-baru ini, yang mana kontinjen SUK Terengganu telah dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan. Tahniah atas semua kejayaan ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

STRATEGI YANG KETIGA: Mengutamakan Kesejahteraan Rakyat Melalui Pengwujudan Peluang Membangunkan Kapasiti.

Sektor Pekerjaan

Kita perlu terus Bersama Melangkah Ke Hadapan.

Bagi meningkatkan keupayaan kapasiti modal insan, Kerajaan Negeri perlu menyediakan dan memberi lebih banyak kail dan bukannya ikan. Kerajaan Negeri dengan ini bercadang untuk menyediakan kursus-kursus kemahiran jangka pendek dalam bidang-bidang seperti gunting rambut, menjahit manik dan seumpamanya untuk belia-belia. Setelah tamat kursus, peserta akan diberi peralatan atau dikenali sebagai *start-up kit* dengan izin untuk memulakan perniagaan termasuk perniagaan dari rumah ke rumah. Sebagai perintis, RM150 ribu akan diperuntukkan bagi menjalankan program ini.

Bagi golongan belia yang berminat dalam sektor pertanian dan bercadang untuk menjadikan bidang ini sebagai profesion, Kerajaan Negeri memutuskan untuk membantu mereka dengan menyediakan tanah-tanah kerajaan terbiar untuk dijadikan tapak pertanian secara Lesen Menduduki Sementara (LMS).

Bagi membantu golongan ibu tunggal, Kerajaan Negeri dengan ini meneruskan peruntukan sebanyak RM1 juta bagi membuka lebih banyak peluang pinjaman perniagaan. Dianggarkan lebih 1,000 ibu tunggal bakal mendapat manfaat daripada peruntukan ini yang akan diuruskan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu.

Ruang Perniagaan Dan Keusahawanan

Bagi merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi, Kerajaan Negeri akan menyediakan lebih banyak ruang perniagaan. Pembinaan ruang-ruang perniagaan ini akan dilaksanakan di Pasar Pekan Seri Langkap Setiu, Pasar Besar Dungun, Unit Kedai di Pulau Kekabu Marang dan Projek Perdagangan dan Perindustrian di semua PBT. Sebanyak RM3 juta akan diperuntukkan bagi tujuan ini.

Dalam konteks yang sama, Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan sebuah 'Pasarnita' iaitu kawasan tapak niaga kekal untuk usahawan wanita yang pertama di Malaysia. Kerajaan Negeri berharap ini akan menjadi pendorong kepada para usahawan wanita Terengganu untuk lebih berjaya dalam bidang keusahawanan.

Pembangunan Keusahawanan merupakan faktor terpenting dalam meningkatkan dan melonjakkan ekonomi bumiputera khususnya. Perancangan program dan aktiviti tahun 2016 turut mengambil kira pembangunan produk usahawan tempatan. Program Pembangunan Produk bertujuan membantu usahawan kita dalam pembungkusan dan pelabelan. Selain itu, menerusi Program Persijilan Halal (*Good Manufacturing Practice* (GMP)) dengan izin, usaha ini dapat meningkatkan imej dan kualiti produk yang dihasilkan di Terengganu kerana menepati piawaian. Bagi meningkatkan hasil jualan melalui inovasi pembangunan produk, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM400 ribu.

Kemudahan Skim Dana Usahawan

Dalam memulakan perniagaan, modal merupakan elemen yang sangat penting. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM3 juta di bawah skim pembiayaan, khususnya bagi membiayai Skim Pinjaman Tanpa Faedah (SPTF), Pinjaman Usahawan Desa, Skim Pinjaman '*Business Online*' dengan izin dan Skim Pinjaman Kecil. Program Usahawan Graduan Terengganu (PUGT) turut diperkukuhkan lagi dengan peruntukan sebanyak RM1 juta dalam tahun 2017.

Bagi mewujudkan Program Transformasi Gerai Desa di seluruh Terengganu, Kerajaan akan memperuntukkan RM3.36 juta kepada Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU).

Sebanyak RM1.6 juta akan diperuntukkan bagi menjalankan program-program keusahawanan termasuk latihan untuk melahirkan golongan yang mahir dalam penghasilan kraf seperti batik, songket dan ukiran kayu. Usaha yang dijalankan ini bukan sahaja meningkatkan kebolehan usahawan Negeri, malah ia juga dapat menjaga seni dan warisan Kraf Tradisional Negeri Terengganu.

Daripada program-program yang dijalankan, Majlis Sekretariat Pembangunan Usahawan Terengganu mensasarkan seramai 10 Usahawan Berprestasi Tinggi dapat dilahirkan setiap tahun.

Fokus juga akan diberi untuk membantu pengembangan kegiatan ekonomi di desa yang rata-rata digerakkan oleh golongan B40. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM3 juta bagi pembinaan Rumah Kedai di kawasan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) yang telah dikenal pasti iaitu, di kawasan Merchang dan Binjai Rendah, Marang.

Kerajaan Negeri turut peka akan nasib rakyat Terengganu yang diberhentikan kerja dan memandang permasalahan ini dengan serius. Kerajaan melalui TESDEC akan menawarkan Program Skim Latihan Semula kepada kumpulan sasar ini untuk melengkapkan diri mereka dengan kemahiran industri seperti kimpalan, juruselam komersial ADAS dan sebagainya.

Infrastruktur Dan Kemudahan Awam

Prasarana yang lebih baik dapat membantu meningkatkan kemudahan serta taraf hidup rakyat. Tumpuan utama akan diberi kepada pembangunan infrastruktur di luar bandar dengan mengambil kira isu-isu yang berkaitan bekalan elektrik, bekalan air bersih dan juga program ameniti sosial.

Selain daripada peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat melalui Kementerian, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM16 juta bagi projek-projek kecil di bawah Majlis Perundingan Rakyat yang disalurkan melalui Pejabat-Pejabat Daerah.

Menyedari kepentingan projek menaiktaraf sistem jaringan jalanraya, Kerajaan Negeri akan meneruskan lagi beberapa projek sambungan dan projek baharu bagi memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya. Dengan pembukaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT), ia dijangka akan mendatangkan kesan langsung terhadap ekonomi Negeri. Rangkaian lebuhraya yang baik akan menjadi pemangkin kepada pembangunan industri dan penempatan-penempatan baharu.

Kerajaan juga akan meneruskan kerja menaiktaraf laluan FT3 Jalan Kuala Terengganu ke Kuantan daripada dua lorong kepada empat lorong di Daerah Marang dan Kemaman. RM118.2 juta akan diperuntukkan bagi tujuan ini.

Dalam menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Terengganu khususnya, 2 buah jambatan akan mula beroperasi pada tahun 2017 iaitu Jambatan Pulau Sekati dan Jambatan Angkat. Jalan bertingkat di persimpangan Jambatan Sultan Mahmud pula akan mula dibuka pada tahun hadapan. Ini akan mengurangkan kesulitan yang dihadapi oleh rakyat akibat kesesakan sewaktu menyeberangi Sungai Terengganu terutama apabila pergi dan balik dari kerja. Malah trafik juga dijangka lancar menjelang musim cuti sekolah atau perayaan.

Selain daripada membina jalan-jalan perhubungan desa, keperluan pencahayaan bagi lampu-lampu jalan kampung juga akan diselaraskan dari segi bilangan mengikut kesesuaian lokasi yang dicadangkan.

Bekalan Air Negeri Terengganu

Kerajaan Negeri Terengganu amat menitikberatkan pembangunan bekalan air bersih di Negeri Terengganu. Tujuan utama adalah bagi menjamin bekalan air bersih kepada rakyat secara berterusan di samping memenuhi tuntutan industri yang semakin berkembang. Bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM38 juta untuk pembangunan bekalan air dan program pengurangan *Non Revenue Water* (NRW) dengan izin.

Bagi mempertingkatkan pengurusan dan mengelakkan kemungkinan berlakunya masalah bekalan air menjelang 2020, dua buah loji rawatan air akan dibina di Pulau Bahagia, Kuala Terengganu dan di Bukit Berapit, Kuala Nerus yang memakan belanja RM797 juta. Satu lagi loji rawatan air iaitu di Bukit Sah, Kemaman akan dinaiktaraf dengan melibatkan kos sebanyak RM499 juta. Ketiga-tiga projek ini akan dibiayai dengan kaedah pembiayaan secara tertangguh (*deferred payment*) dengan izin. Loji rawatan air di Pulau Bahagia akan menggunakan teknologi '*membrane*' iaitu teknologi terkini dalam industri rawatan air. Projek ini akan memberi impak yang besar kepada lebih 400 ribu rakyat di tiga (3) buah daerah iaitu Kuala Terengganu, Marang dan juga Kuala Nerus.

Mengatasi Masalah Banjir

Banjir adalah suatu musibah yang kesannya boleh dikawal melalui perancangan yang baik. Inilah yang berlaku di Kemaman, apabila sistem pengurusan banjirnya telah dinobatkan sebagai mencapai *Go! Standard* dengan izin oleh Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri. Malah prosedur operasi *standard* (SOP) banjir di Kemaman diiktiraf antarabangsa apabila dibentangkan dalam satu persidangan di peringkat dunia. Syabas Kemaman.

Sebagai satu usaha berterusan menangani masalah banjir, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM35.9 juta untuk:

- Projek Tebatan Banjir Baruh Tok Jiring.
- Sistem Saliran di Gong Pasir Dungun.
- Sistem Saliran di Sungai Buaya dan Sungai Seluang.

Projek Penyusunan Semula Pembangunan Muara Sungai Terengganu

Bagi mengekalkan status Bandaraya Kuala Terengganu sebagai Bandaraya Pesisir Air, Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan projek penyusunan semula pembangunan muara Sungai Terengganu. Di antara komponen yang terlibat adalah mendalam serta membetulkan semula laluan keluar masuk bot–bot nelayan, menyediakan kemudahan infrastruktur asas kepada penduduk di Pulau Duyong serta kawasan sekitar pesisir sungai. Pelaksanaan projek ini akan memakan masa lebih kurang 3 tahun dengan kos pembangunan keseluruhan sebanyak RM70 juta.

Membudayakan Teknologi Hijau Dan Melestarikan Alam Sekitar

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Alam Sekitar akan memperkasakan Industri Hijau yang lebih memfokuskan kepada pematuhan Amalan Hijau di kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Pembangunan dan pengeluaran industri yang tidak menyumbang kepada kemerosotan alam sekitar dan tidak menyebabkan kesan buruk kepada kesihatan manusia akan diberi penekanan.

Selain itu, kempen kitar semula akan diperluaskan ke seluruh pelosok Negeri Terengganu melalui Strategi Lautan Biru Nasional (NBOS) dengan agensi-agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, badan-badan berkanun serta agensi-agensi swasta.

Satu inisiatif Kerajaan Negeri ialah Program Kitar Semula sisa buangan domestik (*waste to wealth*) dengan izin. Bayangkan sisa buangan yang terkumpul di Kuala Terengganu sahaja dianggarkan 50 tan sehari. Dan angka ini dijangka meningkat

berdasarkan unjuran bertambahnya bilangan penduduk. Program ini dijangka akan menyelesaikan masalah sisa buangan dengan memproses sisa tersebut kepada tenaga. Ianya akan melibatkan inisiatif pihak swasta dengan menggunakan teknologi daripada Negara Denmark. Kos dijangka melebihi RM200 juta yang ditanggung sepenuhnya oleh pihak swasta.

Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah. Kerajaan Negeri juga memberi tumpuan kepada Pulau Perhentian Besar dan Pulau Perhentian Kecil. RM17.2 juta akan diperuntukkan untuk penambahbaikan bekalan elektrik dan pembekalan baru ke 2 buah pulau tersebut bagi manfaat dan keselesaan para penduduk.

Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk menjadikan Negeri Terengganu sebagai sebuah Negeri yang bersih dan indah. Justeru, program-program kebersihan dan keindahan di seluruh PBT akan dipertingkatkan. Untuk itu, sebanyak RM67 juta akan diperuntukkan bagi menjalankan kerja-kerja kebersihan di seluruh kawasan PBT.

Bagi memastikan sistem aliran longkang berada dalam yang keadaan baik. Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM2.4 juta untuk kerja penyelenggaraan dan pembinaan longkang baharu.

Sebagai salah satu daya tarikan baharu untuk Bandaraya Kuala Terengganu, Medan PMINT (PMINT Square) dengan izin akan mula beroperasi pada tahun 2017. Medan PMINT ini mempunyai 8 komponen iaitu Kompleks PB Plaza, PB Square, PB Sentral, Menara PMINT, Wisma PMINT, Terminal Bas Bandar, Medan Selera dan Dataran PMINT.

Selain daripada pusat membeli-belah, Menara Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang telah beroperasi di Kompleks PB Square, sebuah Menara Hotel yang mempunyai 200 bilik juga akan mula dibuka pada awal tahun 2017. Ini akan diikuti dengan pembukaan kompleks membeli-belah PB Plaza dan Pusat Rekreasi Keluarga di Kompleks PB Sentral. PB Plaza akan menawarkan pusat membeli-belah The Store, MARA Digital Mall dan Youth Centre (UTC) dengan izin manakala 11 unit Cineplex, 36 lorong bowling, ruang niaga dan tempat letak kereta bertingkat akan beroperasi di PB Sentral.

Sistem Pengangkutan Awam Yang Efisien

Tahun 2017 merupakan Tahun Melawat Terengganu. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan penstrukturan semula sistem pengangkutan awam di Negeri ini. Terminal Bas Majlis Bandaraya Kuala Terengganu akan dinaiktaraf terutamanya dari segi struktur bangunan dan lot-lot komersial yang sedia ada bagi mewujudkan suasana yang lebih kondusif dan memberikan keselesaan kepada orang awam.

Perkhidmatan bas henti-henti akan ditambahbaik dengan pelaksanaan 'My Bus' dengan izin di bawah Skim Transformasi Bas Henti-henti (SBST) melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam dan Darat (SPAD). Skim ini dijangka akan mula beroperasi pertengahan tahun 2017 melibatkan 14 laluan dan 27 buah bas. Kerajaan Negeri akan memastikan agar rangkaian laluan bas melalui jalan-jalan utama dan jalan-jalan perantaraan bagi menghubungkan kawasan-kawasan yang berpenduduk dan meliputi kawasan bandar dan luar bandar dengan kadar harga tambang yang berpatutan.

Sempena Tahun Melawat Terengganu 2017, perkhidmatan bas bandar yang disediakan oleh Cas Ligas Sdn. Bhd akan berwajah baharu. Bermula daripada Hentian Shahbandar, bas tersebut akan melalui destinasi-destinasi pelancongan yang ada khususnya di Bandaraya Kuala Terengganu sehinggalah ke Taman Tamadun Islam (TTI).

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Sektor Perumahan

Kita perlu terus Bersama Melangkah ke Hadapan.

Kerajaan sedar bahawa masalah perumahan merupakan satu agenda yang perlu diberi keutamaan. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah meletakkan Perumahan sebagai salah satu agenda teras untuk tahun 2017. Kerajaan sentiasa komited dan memberi penekanan terhadap penyediaan rumah yang mencukupi, berkualiti dan mampu milik bagi memenuhi keperluan rakyat khususnya golongan B40 dan M40.

Dalam Ucapan Bajet tahun lepas, Kerajaan telah meletakkan sasaran bagi membina 20,000 unit rumah baharu. Sehingga kini, sebanyak 14,225 unit rumah baharu telah dibina dengan memberi manfaat kepada 56,900 isi rumah yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Bagi memenuhi sasaran yang dinyatakan, sebanyak 2,389 lagi unit rumah baharu pelbagai kategori telah diluluskan. Pembinaan rumah-rumah ini melibatkan 220 unit rumah mampu milik Negeri di Seri Bandi, Kijal dan 4 projek di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) merangkumi 2,169 unit rumah pelbagai kategori di Tok Jembal, Kuala Nerus, Kertih, Kemaman, Kuala Ping, Hulu Terengganu dan Santong, Dungun. Keseluruhan projek-projek ini melibatkan kos RM551 juta.

Kerajaan Negeri yakin sasaran 20,000 unit rumah baharu akan tercapai dengan adanya beberapa inisiatif baharu yang sedang dirancang untuk dilaksanakan.

Di bawah Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) sebanyak 6 projek melibatkan 3,098 unit rumah telah diluluskan, manakala 2 projek lagi melibatkan 1,149 unit rumah sedang dalam proses kelulusan akhir. Di bawah Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M), sebanyak 3 projek melibatkan 1,233 unit rumah telah diluluskan. Pembinaan rumah di bawah dua program ini adalah dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta. Ini menjadikan keseluruhan jumlah rumah telah dan sedang dibina adalah sebanyak 22,094 unit.

Insyallah sasaran 20,000 rumah ini akan tercapai sepenuhnya dengan pembinaan rumah-rumah tersebut pada tahun 2017.

Melangkah ke hadapan, Kerajaan Negeri bersetuju untuk mensasarkan tambahan pembinaan 20,000 unit rumah lagi sehingga tahun 2020.

Dalam hal pemilikan rumah, Kerajaan Negeri sangat prihatin dengan nasib golongan berpendapatan rendah. Bagi memudahkan urusan pembinaan dan pemilikan rumah ini, satu kaedah pembinaan sama ada melalui konsep gotong-royong atau NBOS akan diperkenalkan. Bagi tujuan tersebut, sebanyak RM64 juta iaitu RM2 juta bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) akan diperuntukkan.

Bagi mengatasi masalah ketirisan dalam pelaksanaan pembinaan rumah secara penswastaan untuk kuota rumah mampu milik, Kerajaan Negeri akan mewujudkan satu tabung yang dikenali sebagai Tabung Perumahan Mampu Milik. Tabung ini akan mengumpulkan dana daripada pemaju swasta yang telah diberi kelulusan untuk membina rumah-rumah di bawah konsep penswastaan. Kerajaan sendiri akan memastikan rumah mampu milik dibina dengan menggunakan dana yang disumbang kepada tabung ini.

Satu lagi inisiatif untuk memenuhi keperluan perumahan di kalangan rakyat ialah dengan memperkenalkan kaedah pemilikan rumah secara konsep sewa dahulu. Selepas satu tempoh tertentu, sewa ini akan dijadikan deposit bagi memiliki rumah-rumah tersebut. Sewaan peringkat awal dan bayaran pemilikan rumah bulanan dijangka antara RM250 - RM300 sebulan. Walau bagaimanapun, satu ketetapan khusus akan diperincikan bagi tujuan ini.

Pemilikan Rumah Mampu Milik juga diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri bagi memberi peluang kepada golongan pendapatan rendah. Oleh itu, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menaikkan kelayakan pemohon daripada pendapatan isi rumah RM3,000 kepada RM3,500. Bagi tujuan ini, bermula pada hari ini, permohonan Rumah Mampu Milik dibuka semula berdasarkan ketetapan terbaharu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Sektor Kesihatan

Kita perlu terus Bersama Melangkah ke Hadapan.

Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“Mintalah kepada Allah kesihatan dan kesejahteraan kerana sesungguhnya tidak ada perkara yang lebih baik dari kesihatan selepas keyakinan (iman).”

(Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Bagi meningkatkan taraf kesihatan dan memelihara rakyat daripada jangkitan penyakit atau wabak, Kerajaan menggariskan 3 *touch points* berikut dengan izin:

Pertama - Kempen Kesedaran Basmi Denggi dan Perangi Zika. Kerajaan komited dalam usaha mengekang Wabak Denggi dan Zika daripada merebak.

Oleh kerana persekitaran yang bersih dapat membantu dari tersebarnya wabak ini, maka Kerajaan mencadangkan peruntukan sebanyak RM1 juta untuk Program Gotong-Royong Perdana yang akan dilaksanakan di seluruh Negeri melibatkan 162 mukim.

Kedua - Mewujudkan Pusat Perlindungan Gelandangan dan Orang Kurang Waras Serta Pusat Warga Emas.

Kerajaan melihat perlunya dibina Pusat Perlindungan Gelandangan dan Orang Kurang Waras di Terengganu sebagai tempat perlindungan bagi mereka yang memerlukan. Kerajaan dengan ini mengumumkan peruntukan awal sebanyak RM500 ribu untuk Pusat ini akan mendapat bantuan input kewangan dan teknikal daripada pihak MAIDAM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Selain itu, Kerajaan juga berhasrat untuk menubuhkan Pusat Warga Emas di Teluk Ketapang.

Ketiga - Membina Pusat Hemodialisis.

Kerajaan Negeri amat peka dan prihatin dengan keperluan rakyat yang mengalami masalah buah pinggang. Justeru itu, Kerajaan akan mewujudkan tiga Pusat Hemodialisis iaitu di Telaga Mengkudu, Marang, di Hulu Terengganu dan di Seberang Takir. Dijangkakan, seramai 3 ribu orang akan mendapat manfaat daripada penubuhan 3 Pusat ini dengan peruntukan sebanyak RM6 juta.

Keempat - Tabung Darul Iman.

Bagi membantu meringankan bebanan rakyat yang kurang berkemampuan, Kerajaan telah menubuhkan Tabung Darul Iman (TDI). Penubuhan Tabung Darul Iman ini adalah bertujuan mengurus dan menyelaras bantuan-bantuan dengan lebih sistematik dan efisien. Bersesuaian dengan slogan TTB "Kecil Bagi Kita, Besar Bagi Rakyat", tabung ini dapat membantu rakyat yang mengalami musibah seperti bencana alam, bantuan perubatan, bantuan sara diri tahunan, bantuan susu dan lampin pakai buang. Sehingga Oktober 2016 melalui sumbangan Kerajaan dan

orang ramai, seramai 3,456 orang telah menerima bantuan daripada TDI yang melibatkan kos lebih daripada RM5 juta.

Kerajaan Negeri sedar akan beban yang terpaksa ditanggung rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah, berikutan kenaikan harga barangan asas. Untuk itu, Kerajaan Negeri dengan ini bercadang mengadakan Program Terus Tukar Baucer (TTB) dengan memberi baucer kepada penerima bantuan JKM dan MAIDAM bagi mereka mendapatkan barangan asas dengan potongan harga di pasaraya-pasaraya yang terlibat dalam program ini.

Saya dengan ini menyeru semua yang berkemampuan tanpa mengira parti untuk sama-sama menyumbang kepada program ini dan menyumbang kepada Tabung Darul Iman.

Penjawat awam adalah nadi Kerajaan. Tanpa mereka, sistem penyampaian kerajaan tidak akan berfungsi dengan jayanya sebagaimana sekarang. Bagi menghargai jasa dan segala kerja baik yang telah dilaksanakan oleh para penjawat awam, Kerajaan Negeri dengan ini bersetuju untuk memberi bonus sebanyak RM500 untuk setiap penjawat awam. Bayaran bonus ini akan dibuat pada Januari 2017.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin akhiri ucapan pembentangan Bajet 2017 saya dengan kisah Ayah Su. Ayah Su ini seorang yang tua, tinggal di Kampung Teluk Ketapang, Seberang Takir. Ayah Su bekerja kampung sahaja. Beliau mengambil upah memotong rumput dan membersihkan kebun. Isterinya, Mak Cik Nah menampung rezeki keluarga dengan menjual pisang goreng.

Ayah Su sekeluarga bukanlah orang senang. Sebab itu beliau bersyukur kerana mendapat bantuan RM300 sebulan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Ayah Su juga penerima bantuan BRIM sebanyak RM1,000.

Tahun lalu, rumah mereka antara yang rosak teruk dipukul ribut. Mujur J3K kawasan dan pihak berwajib cakna dengan menghulur bantuan segera. Rumah baharu juga diberi.

Anak sulung Ayah Su, Sulaiman atau dikenali dengan panggilan Leman, seorang pelajar yang pintar dalam pelajaran. Leman bekas pelajar Sekolah Menengah

IMTIAZ dan hafaz 30 juzuk Al Qur'an. Leman bercita-cita menjadi seorang jurutera angkasa yang Hafiz. Ayah Su bersyukur kerana Leman mendapat tajaan penuh daripada Kerajaan Negeri melalui Yayasan Terengganu untuk menyambung pelajaran ke luar negara dalam bidang *Aero Space Engineering* dengan izin.

Leman mempunyai 3 lagi adik. Aishah lulus cemerlang dalam SPM tahun ini dan mendapat hadiah RM5,000 daripada Kerajaan Negeri. Aishah juga mendapat tempat untuk belajar di Universiti Malaya. Wang persediaan menyambung pelajaran diberi oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM1,000 selain sebuah komputer riba.

Hamdi, seorang lagi adik Leman, mendapat semua A dalam PT3 dan menerima hadiah RM500 daripada Kerajaan Negeri. Zaharah, adik yang bongsu juga cemerlang bila mendapat semua A dalam UPSR. Zaharah turut menerima RM500 dalam bentuk SSPN-i daripada Kerajaan Negeri. Zaharah adalah anak yang cukup istimewa, kerana walaupun disahkan mengidap penyakit kanser tahap awal, masih mampu cemerlang dalam pelajaran. Syukur Kerajaan Negeri melalui Tabung Darul Iman, membantu kos rawatan Zaharah yang bukannya sedikit.

Begitupun, Ayah Su terpaksa mengikat perut dan bekerja keras bagi mencari duit menampung perbelanjaan persekolahan anak-anaknya itu.

Kerajaan Negeri memberi bantuan persediaan persekolahan RM100 seorang untuk Hamdi dan Zaharah. Boleh juga bantuan tersebut meringankan sedikit beban membeli peralatan sekolah meniti tahun hadapan.

Setiap kali waktu tibanya Hari Raya, Ayah Su akan termenung memikirkan perbelanjaan untuk menyambut lebaran. Mujurlah Kerajaan Negeri memberikan bantuan dana raya sebanyak RM400 kepada mereka sekeluarga. Dapatlah membeli keperluan dapur dan menyediakan juadah seadanya untuk tetamu.

Leman turut merasai kemeriahan hari lebaran kerana juga mendapat RM200 melalui bantuan Dana Bakti Remaja yang diagihkan oleh Kerajaan Negeri. Malah Leman sangat berterima kasih dan bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana hasratnya mendirikan rumah tangga dipermudahkan dengan adanya Program Perkahwinan Perdana Generasi TTB anjuran Kerajaan Negeri. Malah

bakal cucu sulung Ayah Su turut akan menerima dana khas sebanyak RM100 sebagai hadiah bagi bayi yang baru lahir.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, inilah secebis kisah Ayah Su. Ramai yang seperti beliau, menerima pelbagai bentuk bantuan dan dana daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. RM81 juta telah diperuntukkan kepada 200 ribu orang penerima Dana Raya. RM20 juta diperuntukkan kepada lebih 90 ribu penerima Dana Bakti Remaja. RM58 juta diperuntukkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi membantu golongan yang susah.

Jelas sekali bantuan kerajaan bertali arus. Bermula daripada sebelum lahirnya seorang bayi sehingga ke zaman warga emas, ada sahaja skim atau bantuan serta dana untuk semua peringkat umur. Malah sekiranya, Ayah Su ditakdirkan meninggal dunia, ada Skim Khairat kematian yang boleh meringankan serba sedikit beban yang mungkin terpaksa ditanggung ahli keluarga. Kisah Ayah Su dan keluarganya memberi tiga pengajaran kepada kita.

Pengajaran pertama, tidak semua Kerajaan itu sama. Kerajaan pada hari ini sangat menjaga kebajikan rakyat. Rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah, mendapat manfaat langsung kerana dasar-dasar Kerajaan yang memerintah ini, membolehkan mereka menjadi penerima segala bentuk bantuan yang telah disediakan. Ini tidak termasuk beratus jenis bantuan yang khusus untuk perniagaan dan usahawan kecil, untuk pertanian, untuk nelayan, untuk belia dan sukan, untuk kesihatan, untuk perumahan dan sebagainya. Kerajaan yang ada pada hari ini sudah terbukti sangat cakna dan prihatin kepada keperluan rakyat setiap lapisan dan kategori masyarakat.

Namun harus diingatkan, tidak semua Kerajaan itu sama kerana kalau dasar Kerajaan itu tidak mementingkan rakyat, maka rakyatlah yang rugi. Ada Kerajaan yang benar-benar bekerja untuk rakyat. Namun sebaliknya, ada Kerajaan yang hanya banyak bercakap tetapi tidak buat.

Pengajaran Kedua, Kerajaan yang ada pada hari ini mampu mengurus ekonomi dan kewangan dengan baik. Gambaran yang diberi sesetengah pihak seolah-olah Kerajaan kita gagal, penuh dengan rasuah malah ada yang kata kita sudah bankrap.

Sekiranya Kerajaan ini gagal, kita tidak mungkin dapat sediakan semua kemudahan dan bantuan yang sebahagian kecilnya sudah kita lihat melalui kisah Ayah Su. Sekiranya Kerajaan ini gagal, tidak mungkin kita mampu menjual air kepada Negeri jiran. Namun negeri yang dianggap sebagai negeri terkaya di Malaysia, negeri itu berhadapan dengan masalah air yang serius berkali-kali dalam masa-masa yang singkat. Kerajaan ini, Negara ini, bukanlah Kerajaan dan Negara yang gagal.

Dan Pengajaran yang Ketiga, kita mampu menyediakan segala kemudahan dan bantuan untuk rakyat terutama kepada mereka yang memerlukan, kerana kita ada perancangan untuk masa hadapan.

Bajet Negeri Terengganu 2017 adalah Bajet yang bersifat inklusif. Ianya mengambil kira kehendak rakyat.

Hidup kayu berbuah, hidup manusia biar berjasa. Kerajaan akan terus memberikan hanya yang terbaik demi kesejahteraan rakyat Negeri Terengganu.

Marilah bersama, kita bantu rakyat dan kita selesaikan permasalahan mereka.

Marilah bersama, kita cipta lebih banyak cerita kejayaan.

Marilah Bersama Kita Melangkah Ke Hadapan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Terima kasih Yang Berhormat Air Putih. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, setelah mendengar panjang selama sejam empat puluh lima minit Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat, oleh kerana Dewan ingin memberi

peluang dan ruang kepada insyaAllah semua Ahli Yang Berhormat untuk meneliti ucapan bajet yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi, maka saya berhasrat untuk menangguhkan Persidangan Dewan pada hari ini ke esok hari Selasa, 22 November 2016. InsyaAllah esok saya akan memberikan masa yang agak panjang 15 minit kepada semua Yang Berhormat untuk terlibat dalam perbincangan.

Oleh yang demikian, maka saya menangguhkan persidangan Dewan ini ke pukul 9.30 pagi esok, 22 November 2016 dan marilah kita sama-sama menyudahi dengan membaca surah Al-`Asr. Assalamu`alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.00 TENGAH HARI.

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA

Dato' Haji Mohd Zubir bin Embong, DPMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman.

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.

WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.

WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Haji Ir. Rosli bin Othman, AMN.

WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawli bin Mohamad, SMT.,PJK.

WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.

WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.

WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Ghazali bin Taib, AMZ.

WAKIL AJIL

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar, AMT.
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Mohd Mahdi bin Musa, AMT.
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Haji Mohd Iskandar bin Jaafar, PJK.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Haji Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURABAYA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Wan Nawawi bin Haji Wan Ismail, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' A. Rahim bin Jusoh, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Zulkifli bin Ali, SMT.,AMN.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Rabbish-rah li sadri wa yassir li amri wah-lul 'uqdatan min lisani yafqahu qawli. Rabbi yassir wala tu'assir ya karim ya karim Innahu min sulaiman wainnahu Bismillahir Rahmanir Rahim.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati, saya muliakan sekalian.

Alhamdulillah marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan petunjuk, dengan kekuatan serta limpah kurnia-Nya dapatlah kita semua hadir bertemu dalam keadaan mulakiyah lantas insyaAllah kita akan berbincang, berbicara demi kemaslahatan ummah dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri bagi Mesyuarat Yang Ketiga Penggal Persidangan Yang Keempat Dewan Undangan Negeri yang Ketiga Belas.

Persidangan kita pada hari ini, 22 November 2016 insyaAllah akan dimulakan sebaik sahaja selesai ucapan saya hari ini ialah bermula dengan Soalan-soalan Bertulis dan Soalan Lisan. Pihak Dewan kali ini telah menerima seperti biasa, banyak soalan-soalan yang kita akan dahulukan dan kita tengok macam mana keadaan insyaAllah. Seperti biasa Soalan-soalan Lisan akan diperuntukkan masa satu jam, seperti biasa juga tiga soalan tambahan, ingin saya ingatkan tiga soalan tambahan dibenarkan bagi setiap Soalan Lisan yang dikemukakan.

Sekali lagi saya suka memperingatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat agar Fasal 26 dan 27 dalam Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu mengenai soalan-soalan yang dikemukakan hendaklah dipatuhi sepenuhnya. Selepas rehat, insyaAllah kita akan mulakan sesi Perbahasan Bajet 2017 yang telah dibentangkan oleh Ketua Kerajaan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam.

Saya cukup yakin semua Ahli Yang Berhormat telah mengkaji, meneliti Bajet yang telah dibentangkan secara terperinci, insyaAllah bersedia untuk berbahas pada hari ini. InsyaAllah saya akan memberikan peluang seperti biasa kepada Yang

Berhormat selama 15 minit setiap orang dan kepada penyokong Enakmen Bajet semalam insyaAllah saya akan beri masa 20 minit seperti biasa.

Sebagaimana dalam Ad Din Nur Nasihah saya semalam, marilah kita jadikan kita yang bergelar Yang Berhormat dalam Dewan yang Mulia ini sebagai umat yang terbaik, umat contoh, ummatan wasathan ummatan wahidah khaira ummah, yang memelihara peraturan dan adab kita sebagai seorang Islam. Ingatlah bahawa kita jadikan frasa kuntum khaira ummah, sekali lagi saya ingatkan sebab ini kenyataan yang perlu kita bersama pahatkan bukan hanya kita cakapkan.

Kita juga memohon Ahli Yang Berhormat semalam insyaAllah terima kasih banyak mematuhi peraturan-peraturan berbahas dalam Fasal 46. Marilah kita laksanakan amanah kita sebagai Yang Berhormat dengan peraturan, ingatan daripada Yang Maha Kuasa, Maha Pencipta kita, Allah Subhanahu Wata'ala.

Marilah kita semua bersama melakukan tafakurfiddin dengan merujuk peringatan Allah dalam Quranul Karim. Antara ingatan Allah yang jelas dan eksplisit menggunakan perkataan Rahim yakni tanggungjawab sebagaimana dalam Surah At-Thur ayat 21 dan Surah Al-Mudathir ayat yang ke-38. Beratnya amanah ini, beratnya tanggungjawab kalau kita tidak laksanakan, kita khianat.

Seperti mana persidangan kita pada hari ini disaksikan oleh Pemerhati-pemerhati yang datang daripada banyak kategori dan lapisannya. Saya mengambil kesempatan di sini mengalu-alukan kehadiran Pemerhati-pemerhati yang terdiri daripada:

- SERIKANDI diketuai oleh isteri Yang Amat Berhormat Menteri Besar - 30 orang.
- Jabatan KEMAS
- Majlis Tindakan DUN Sura,
- Biro Tatanegara
- Pejabat Pegawai Pembangunan Kuala Nerus
- Pergerakan Pemuda UMNO Kuala Nerus
- Sekolah Menengah Sains SESMA
- Pejabat ADUN Kawasan Bandar
- Gagasan Pendidikan Melayu Malaysia
- Pegawai Pembangunan DUN seluruh Negeri
- Wakil DUN Kemasik

- Pergerakan Pemuda UMNO DUN Kuala Berang
- Wakil DUN Rhu Rendang
- PERMATA.

Sekali lagi, marilah kita sama-sama menjaga adab dan peraturan agar kita dilihat oleh para pemerhati kita sebagai insan yang berehsan, insan yang takutkan Tuhan tanpa batasan sempadan, tidak kira siang dan malam, apalagi kita berada di dalam Dewan Undangan yang Mulia ini. Sekali lagi ingin saya ingatkan bahawa Dewan juga tidak membenarkan sebarang rakaman yang tidak rasmi dilakukan kerana kita telah membuat siaran *live* melalui UKOM.

Dan minta sekali lagilah, supaya warga Dewan semua mematuhi peraturan berpakaian dan minta supaya mulai sekarang telefon diletakkan dalam mod senyap agar tidak mengganggu perjalanan Dewan pada kali ini. Akhir kata, sekali lagilah selamat bersidang mudah-mudahan persidangan kita hari ini lebih aman, lebih tenang, lebih cemerlang sehinggalah diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Sekian, aqulu qauli *haza* wa astaghfirullahalazim li walakum. Wabillahi taufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat pagi ini diteruskan dengan soalan-soalan lisan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-Soalan Lisan pada 22 November 2016 adalah sepertimana berikut:-

1. Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
(Wakil Air Putih)
2. Y.B. Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor
(Wakil Langkap)
3. Y.B. Haji Mohd Mahdi bin Musa
(Wakil Kota Putera)
4. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut
(Wakil Wakaf Mempelam)
5. Y.B. Haji Bazlan bin Abd. Rahman
(Wakil Batu Rakit)
6. Y.B. Azan bin Ismail
(Wakil Bandar)
7. Y.B. Haji Mohd Iskandar bin Jaafar
(Wakil Jabi)
8. Y.B. Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman
(Wakil Kuala Besut)
9. Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar
(Wakil Ladang)
10. Y.B. Ariffin bin Deraman
(Wakil Alur Limbat)
11. Y.B. Haji Hanafiah bin Mat
(Wakil Cukai)

12. Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim
(Wakil Teluk Pasu)
13. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
(Wakil Tepoh)
14. Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
(Wakil Sura)
15. Y.B. Haji Alias bin Harun
(Wakil Rantau Abang)

Oleh itu, bagi memulakan Soalan-soalan Lisan ini saya mempersilakan Y.B. DUN Batu Rakit untuk mengemukakan soalan, silakan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua soalan saya soalan No.1:

Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam menangani isu hakisan pantai yang kerap berlaku setiap kali musim tengkujuh?

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang saya hormati Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, wakil-wakil jabatan, wakil-wakil media, Pemerhati-pemerhati yang saya hormati sekalian.

Yang Berhormat Wakil Batu Rakit ada bertanyakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam menangani isu hakisan pantai yang kerap berlaku setiap kali musim tengkujuh?

Untuk makluman Yang Berhormat Wakil Batu Rakit, Kerajaan ada membentuk satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri yang dianggotai oleh jabatan-jabatan seperti Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan

Kerja Raya, dan beberapa pihak PBT, Pejabat Daerah dan beberapa jabatan-jabatan lagi yang secara berterusan memantau keadaan pantai sepanjang Negeri Terengganu.

Pemantauan yang dibuat bagi mengenalpasti kesan-kesan ataupun punca-punca ataupun ramalan akan datang tentang keadaan ataupun hakisan pantai yang ada pada satu-satu kawasan. Jadi kerja ini sentiasa dijalankan secara berterusan dan sebarang maklumat akan disalurkan pada jawatankuasa agensi-agensi atau jabatan-jabatan yang berkaitan untuk diambil tindakan pencegahan atau mengatasi masalah-masalah yang melibatkan hakisan pantai. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Sila soalan tambahan pertama Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Okey, soalan tambahan saya, berapakah kos yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan setakat ini untuk menangani masalah hakisan ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bagi mengatasi masalah hakisan ini Kerajaan Negeri ada menyalurkan peruntukan yang saya sebut sini bermula daripada tahun 2013 iaitu sebanyak RM2.4 juta, tahun 2014 sebanyak RM2.0 juta dan pada tahun 2015 sebanyak RM1.0 juta. Ini peruntukan daripada Kerajaan Negeri sahaja. Selain daripada itu, pada awal tahun 2016, Kerajaan Negeri juga ada meluluskan peruntukan sebanyak RM1.0 juta bagi kerja-kerja pengawalan hakisan pantai yang dilaksanakan secara *ad-hoc* seperti kerja-kerja pencegahan hakisan pantai di Tanjung Gelam, Mengabang Telipot.

Selain daripada itu juga, hasil lawatan daripada Yang Berhormat Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar pada awal tahun baru ni, telah meluluskan peruntukan kecemasan sebanyak RM16 juta bagi melaksanakan 5 projek mengawal hakisan pantai sepertimana berikut :

1. Pantai Tanjung Gelam, Kuala Nerus dengan kos sebanyak RM3,908,000.00.
2. Pantai Rusila, Marang dengan kos sebanyak RM3,181,500.00.
3. Pantai Kemasik, Kemaman sebanyak RM2,618,000.00.
4. Pantai Teluk Lipat, Dungun sebanyak RM4,224,000.00.
5. Pantai Bukit Keluang, Besut sebanyak RM1,549,200.00 dan;

6. Pembaikan Hakisan Pantai Gong Batu, Setiu Fasa 1 & Fasa 2 menelan kos sebanyak RM1 juta.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Kemasik. Soalan tambahan kedua saya bagi Batu Rakit dulu lepas ni saya bagi Tepoh pula.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Se je.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Tepoh. Sila Batu Rakit.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Apakah dalam kajian kawasan Batu Rakit, Setiu dan Besut ini juga terlibat dengan hakisan, dan apakah persediaan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk menangani di kawasan-kawasan yang belum lagi terkena hakisan ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Melalui kajian ataupun hakisan pantai Negara dengan izin, National Coastal Erosion Study telah mengenalpasti lokasi-lokasi yang mana kerja-kerja perlu dilaksanakan bagi mengatasi masalah hakisan pantai. Jadi dalam rujukan dalam kajian tu dikenalpasti diwujudkan beberapa kategori iaitu kategori kritikal, kategori ketara dan kategori belum serius.

Jadi hasil daripada kajian tu, Kerajaan telah membuat perancangan jangka masa panjang iaitu dengan memperuntukkan sejumlah wang untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-11. Antaranya, Projek Pemulihan Muara Sungai Paka yang dijangka menelan kos sebanyak RM150 juta, Projek Pemuliharaan Muara Sungai Mercang yang menelan belanja sebanyak RM43 juta, Projek Pemuliharaan Muara Sungai Setiu (projek baru) yang menelan belanja sebanyak RM150 juta, Projek Menaiktaraf Pantai Lagun Setiu Gong Batu sebanyak RM10 juta, Projek Pemuliharaan Muara Sungai Besut iaitu projek sambungan yang bakal menelan belanja sebanyak RM238,555,000 dan juga projek mencegah hakisan pantai di Pantai Tok Jembal Fasa II iaitu projek sambungan sebanyak RM89,500,000.

Dan daripada sini apa yang saya baca tadi adalah apa yang dirancang dalam RMK-11 iaitu ia melibatkan 4 projek baru dan 2 projek sambungan. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Soalan tambahan ketiga. Sila Tepoh mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih, Yang Berhormat Dato'. Lanjutan daripada isu hakisan pantai di Terengganu saya suka untuk menarik perhatian daripada projek hakisan pantai di Pantai Tanjung Gelam dan juga Pantai Mengabang Telipot. *Immediate* projek yang kita saksikan daripada jawapan Exco tadi sebanyak RM3 juta lebih. Untuk maklumat Exco saya melihat tidak ada penyudahan kerja yang lengkap di Pesisiran Pantai Tanjung Gelam. Apakah pihak Exco sedar perkara ini?

Dan yang kedua, saya pohon penjelasan Projek Mencegah Hakisan Pantai di Pantai Tok Jembal Fasa II, adakah ia masih lagi melibatkan Lagun Tok Jembal sehingga UMT dengan jumlah kos hampir RM90 juta ini dan tidak termasuk Pantai Tanjung Gelam dan juga Mengabang Telipot. Jadi kalaulah RMK-11 hanya menumpukan di Tok Jembal yang saya kira sudah hampir selesai, dan kita mengabaikan Pantai Tanjung Gelam dan Mengabang Telipot, saya kira Kerajaan tidak perlu menunggu amukan ombak yang ganas terhadap rumah penduduk barulah kita nak buat *immediate* projek yang tentu sekali menyebabkan kos yang cukup tinggi dan tidak sempurna daripada sudut kerjanya. Pohon penjelasan Yang Berhormat Exco?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Tepoh. Sila Kemasik.

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih banyak Wakil Tepoh. Apa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan seperti yang saya sebutkan tadi yang melibatkan Pantai Tanjung Gelam iaitu menelan kos sebanyak RM3.9 juta. Di samping itu juga, kita telah mengenalpasti satu masalah yang wujud saya rasa dalam dua tahun yang lepas iaitu kemungkinan besar UMT kita pun kalau kita tidak atasi masalah dia akan juga terlibat banjir di kawasan itu. Jadi Kerajaan Negeri juga ada memperuntukkan sejumlah wang, saya rasa *off-hand* ni saya tak boleh bagi *detail* tepat. Projek-Projek bagi memastikan kawasan UMT tu bebas daripada banjir dan aliran sungai keluar pun insyaAllah tiada masalah hasil daripada Projek tu. Yang saya tegaskan di sini juga sebagai projek sambungan yang melibatkan RM89 juta ni, projek ni akan dilaksanakan dalam RMK-11.

Jadi daripada maklumat yang kita ada, kerja-kerja awalan seperti melengkapkan rekabentuk dan mengenalpasti sekiranya ada kawasan-kawasan ataupun lot-lot persendirian yang terlibat dan juga dari segi penyelidikan tapak sedang berjalan dan harapan kita semoga masalah ni, projek ni dapat *take off* secara dengan segera, dengan seberapa cepat yang mungkin dan insyaAllah akan mengatasi masalah di kawasan sekitar Tok Jembal dan juga sambungannya adalah di sepanjang pantai kawasan yang berdekatan seperti di Pantai Tanjung Gelam.

Jadi, itulah harapan kita. Sama-samalah kita berdoa semoga peruntukan ni turun cepat dan kita dapat laksanakan cepat dan masalah yang dihadapi oleh penduduk di kawasan Seberang Takir ini akan kita atasi secara *total*.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Penjelasan sedikit kod projek 16710 pembaikan hakisan pantai Terengganu hanya dapat token RM10. Apakah tidak ada perancangan pihak Kerajaan untuk hakisan ni?

YANG BERTHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Kita token yang ada pada Kerajaan Negeri agak terhad tahun ni. Di mana-mana yang kita jalan adalah projek-projek sambungan, mana-mana projek yang Kerajaan dah bagi komitmen pun akan kita sambung dan selesaikan. Dan juga kita berharap peruntukan akan datang daripada Kerajaan Persekutuan dan komitmen daripada Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar memang menjurus ke arah projek-projek ni akan dilaksanakan. Dan peruntukan daripada Kementerian tu untuk Negeri Terengganu memang disediakan. Saya rasa itu sahaja daripada saya. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPETUA: Terima kasih Kemasik. Terima kasih Batu Rakit. Terima kasih Tepoh yang mengemukakan soalan tambahan. Seterusnya sila Y.B. Bandar mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Waki Bandar): Terima kasih. Dato' Yang Dipertua, soalan saya ada satu je. Jadi soalan no.1:

Berapakah jumlah pemberian dari semua sumber daripada Kerajaan Pusat kepada Negeri Terengganu untuk Tahun 2016?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam 1TTB.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua dan wakil-wakil jabatan, para Pemerhati dan rakan-rakan media serta saudara-saudara dan saudari-saudari yang dihormati sekalian.

Soalan yang dikemukakan oleh Wakil Bandar ialah berkaitan dengan berapakah jumlah pemberian dari semua sumber daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Terengganu untuk tahun 2016. Jumlah pemberian dari semua sumber daripada Kerajaan Pusat kepada Negeri Terengganu sehingga Oktober 2016 adalah sebanyak RM1,377,208,854.00. Sekian, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Soalan tambahan pertama, sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Saya difahamkan bahawa pada September, 2 bulan yang lalu mengikut jadual ataupun penjadualan, bayaran atau terimaan oleh Kerajaan Terengganu daripada Kerajaan Pusat mengikut jadual telah terlewat ataupun mungkin ada masalah-masalah selain daripada masalah pengurusan. Saya beri *leverage* dengan izin, di sini kalau Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh memberi penjelasan atau memberi ulasan bagaimana berlaku kelewatan?

Kerana saya difahamkan jadual asal adalah sekitar bulan enam ataupun bulan tujuh tetapi dilewatkan sehingga bulan lapan. Adakah ini kerana masalah kekurangan dana di peringkat Persekutuan, ataupun kita mempunyai kekangan di dalam pentadbiran Negeri kita sendiri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat wakil Bandar. Baru-baru ini tidak ada kelewatan. Memang biasanya

kita akan terima dua kali setahun iaitu bulan tiga dan bulan sepuluh. Jadi, baru-baru inipun kita terima betullah pada yang sewajarnya bulan sepuluh. Jadi tidak ada apa-apa permasalahan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sila Bandar, soalan tambahan kedua. Saya benarkan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Mengikut unjuran dan juga pembentangan Bajet yang lalu, kita menjangka bahawa penyusutan dalam Terimaan Bukan Hasil daripada sumber petroleum dan gas jatuh ke paras 42.3% dan semalam Menteri Besar juga menggariskan perkara yang sama.

Dari sudut Terimaan Bukan Hasil yang berasaskan petroleum ini, berapakah pengurangan sebenar yang kita terima kerana jumlah yang disebut tadi RM1.37 bilion adalah jumlah terimaan biasa yang juga berasaskan nilai petroleum dan gas. Ataupun adakah kita menerima daripada sumber-sumber lain di peringkat Pusat selain daripada berasaskan sumber minyak dan gas? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Wakil Bandar. Jadi saya akan beri perincian terimaan dari sumber Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Terengganu dan elok juga kalau saya beri selalu tentang perbandingan di antara 2014, 2015 dan sehingga Oktober 2016 supaya dapat memberi satu penjelasan kerana dalam konsep Kerajaan yang *transparent* jadi tak ada masalah.

Jadi yang pertama, hasil yang kita terima daripada Kerajaan Pusat ialah pemberian hitung kepala. Bayaran yang diberi berdasarkan jumlah penduduk. Jadi sebab itulah saya ataupun Kerajaan Negeri sekarang ini membuat insentif kepada kelahiran anak-anak kerana semakin ramai penduduk maka semakin banyak peruntukan yang akan kita terima walaupun insentif yang kita bagi setiap kelahiran RM100. Tetapi tidak dengan secara langsung ini akan memberikan pendapatan kepada negeri kita untuk masa-masa yang akan datang.

2014: Pemberian hitung kepala ialah sebanyak RM17,815,140.00 dan 2015 RM18,309,900.00 dan sehingga Oktober 2016 RM18,556,140.00. Jadi menunjukkan kadar peningkatan penduduk kita tak memberangsangkan lagi. Jadi peningkatannya tidak banyak.

Dan yang kedua ialah pemberian 50% Perbelanjaan Mengurus Jabatan di bawah senarai bersama. Bayaran tuntutan 50% perbelanjaan mengurus bagi 5 jabatan JKM, JPS, JPH, MSN dan Jabatan Perancang Bandar. 2014 - RM47,287,960.00, 2015 - RM50,591,597.00 dan sehingga sekarang untuk 2016 - RM50,567,349.00.

Ketiga ialah pemberian tahap iaitu tuntutan bayaran diberi kerana menjalankan projek-projek pembangunan Negeri. Siling bagi Kerajaan Negeri Terengganu ialah RM27,735,000.00. Jadi setiap tahun kita terima RM27,735,000.00 dan bermula daripada dulu sampai sekarang tidak berubah dari segi angka tersebut.

Yang keempat ialah Pemberian Cas Perkhidmatan Projek Persekutuan iaitu tuntutan bayaran 10% daripada kos projek sesuatu tahun yang diberi kerana penglibatan kakitangan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan Projek Persekutuan. 2014 kita menerima RM5,437,292.00, 2015 kita menerima RM7,913,731.00 dan 2016 hingga sekarang RM10,350,365.00.

Seterusnya ialah Dana Khas Kerajaan Persekutuan (DKKP) iaitu hasil petroleum. 2014 menerima RM2 bilion, 2015 kita menerima RM1,550,000,000.00 dan tahun ini sehingga Oktober ialah RM1,050,000,000.00. Jadi sebab itu saya nak beritahu bahawa kita kehilangan berbanding 2014 hampir RM1 bilion, kita kehilangan hasil daripada petroleum.

Yang keenam, tunggakan Dana Khas Kerajaan Persekutuan. Yang ini yang selalu disebut oleh pihak Pembangkang berkait dengan apakah Kerajaan Persekutuan sudah membayar duit-duit pendahuluan yang menggunakan duit Dana Khas Kerajaan Persekutuan. Yang ini dibayar iaitu sebanyak RM220 juta setiap tahun. Yang ini kita akan terima pada awal tahun, bulan Februari kita akan menerima RM220 juta dan tahun ini juga kita menerima RM220 juta. Yang ini akan selesai selama 10 tahun iaitu yang melibatkan RM2 bilion.

Yang Ketujuh, Pemberian Pertambahan Hasil. Bayaran yang diberi sekiranya terdapat tambahan hasil Kerajaan Persekutuan dalam satu tahun kewangan

berbanding tahun sebelumnya pun kita ada terima 2014 sebanyak RM16,336,955.00 dan 2015 kita menerima RM6,825,830.00 dan malangnya tahun 2016 kerana kejatuhan harga petroleum tidak ada pertambahan dalam pendapatan Kerajaan Persekutuan maka tahun ini kita tidak menerima walau satu sen pun.

Jadi, maka jumlah yang kita terima kalau perbandingan daripada tahun 2014 hasil yang diterima oleh Kerajaan Negeri ialah RM2,334,612,347.00. 2015 kita menerima RM1,881,376,058.00 dan sehingga bulan 10 tahun ini kita hanya menerima RM1,377,208,854.00. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila Batu Burok kemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya ingin merujuk terus kepada kenyataan rasmi yang bertarikh 25 September 2015 oleh Petronas dengan izin saya baca terus: "Pihak Petronas tidak lagi terikat secara undang-undang untuk membuat sebarang bayaran tunai kepada Kerajaan Negeri Terengganu di bawah perjanjian pembayaran yang ditandatangani Petronas dengan Kerajaan Terengganu. Ini berdasarkan terma di dalam negeri bahawa Kerajaan Negeri Terengganu tidak lagi berhak menuntut hasil wang royalti minyak kerana segala penemuan telaga minyak adalah di luar 3 batu nautika yang diukur dari garis air surut pesisiran pantai Negeri".

Dato' Yang Dipertua, saya mohon penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana perkara ini adalah perkara yang penting ni, amat-amat penting bagi kita Negeri Terengganu. Bukan isu politik ini, tetapi untuk generasi yang akan datang. Menurut kenyataan rasmi ini kita sudah tidak ada hak dari segi royalti minyak bermula daripada 25 September 2015 dan saya ada kenyataan rasmi Petronas ini sendiri.

Jadi saya mohon penjelasan daripada Yang Amat Berhormat bagaimana sekarang ini mungkin pembayaran itu dibuat atas nama Dana Khas dan sebagainya tetapi generasi yang akan datang kerana perjanjian yang termaktub dan kita

tandatanganinya pada tahun 1974 itu telah secara rasminya terbatal dan dibatalkan oleh Petronas dan Kerajaan Pusat. Saya mohon penjelasan.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Wakil Batu Burok di atas pengambilberatan tentang Dana Khas Kerajaan Persekutuan. Jadi untuk pengetahuan Wakil Batu Burok dan juga sidang hadirin sekalian bahawa Kerajaan Negeri Terengganu telah menubuhkan satu *special committee* dengan izin, yang melibatkan wakil daripada Petronas sendiri kemudian wakil daripada Jabatan Perangkaan dan daripada Arkib Negara dan juga beberapa orang lagi yang terlibat. Maka sekarang ini dalam proses yang kita sedang laksanakan ialah kita nak mengukur semula untuk melihat sempadan di antara Terengganu-Kelantan dan Terengganu-Pahang dan juga berasas kepada *border* dengan izin, antara milik Persekutuan dan juga Negeri. Dan kita juga melihat balik daripada Arkib Negara berasas kepada Undang-Undang Tubuh Negeri dan juga berkait dengan perjanjian yang pernah termeterai iaitu sewaktu zaman sebelum penjajahan dan juga zaman penjajahan. Jadi perkara ini perlu dihalusi kerana perkara ini melibatkan perundangan.

Dan yang kedua, begitu juga jawatankuasa ini juga sedang melihat berkait dengan tuntutan Kerajaan Negeri terhadap Bertam 307 dan juga kepada tempat-tempat atau telaga-telaga minyak lain yang boleh diklasifikasikan sebagai hakmilik Kerajaan Negeri. Jadi dalam soal ini kita akan terus mempertahankan hak Kerajaan, hak rakyat negeri. Dan dalam soal ini bukannya suatu perkara yang mudah kerana ini melibatkan perundangan. Jadi kerana itulah maka kita sedang halusi, jawatankuasa yang telah ditubuhkan ini akan menilai balik semula dan perkara ini kita akan buat tuntutan. Perkara ini kita tidak akan biarkan kerana ini adalah perjanjian asal yang telah dimeteraikan dan maka itu adalah menjadi satu asas untuk Kerajaan Negeri untuk menuntut dan juga untuk mempertahankan hak yang sedia ada. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Penjelasan, sikit aje. Adakah benar daripada jawapan tadi bermakna isu Telaga Minyak Bertam dan juga isu royalti tidak ada yang konklusif, yang muktamad ataupun orang Terengganu kata 'boleh pegang buku'. Air Putih beberapa kali membuat kenyataan akhbar secara rasmi beberapa kali mengatakan Terengganu tidak berhak lagi dan telaga minyak itu tidak duduk dalam sempadan Negeri Terengganu dan perkara ini telah

disiarkan secara meluas dalam beberapa Persidangan pun. Tidak ada bantahan daripada Dewan Negeri Terengganu secara rasmi.

Sekarang pagi ini, Dewan diwakili oleh Menteri Besar memberi *contradiction* yang besar dengan izin, mengatakan tidak konklusif dan ada Semakan Kehakiman..... saya tidak tahu bunyi dia seolah-olah seperti 'Semakan Kehakiman' kerana pengumuman rasmi telah dibuat oleh kuasa tertinggi dalam negara bahawa telaga minyak itu adalah milik Negeri Pahang. Macam mana Dewan hari ini mengatakan akan ada semakan, ada ukuran semula? Tidak ada benda yang konklusif.

Saya merasa kecewa Dato' Yang Dipertua, hari ini dalam Dewan saya dengar perkara yang tidak konklusif diumumkan di dalam Dewan sedangkan secara meluas, seluruh negara telahpun memahami isu ini dengan kemas, orang kata dengan konklusifnya. Hak itu hak Negeri Pahang sedangkan pengeluaran telah dibuat dan telahpun diambilkira. Itulah sebab Wakil Kijal mengamuk pada dua sesi yang lepas atas perkara ini. Jadi yang masa satu betul? Kita kena ingat Dewan ini ada Peraturan Mesyuarat, sekiranya seorang Ahli Pentadbir mengemukakan fakta yang salah dan mengelirukan Dewan boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan.

Ini tidak boleh kita main-main Tuan Yang Dipertua. Saya terkejut kalau itulah jawapan, penerangan yang dibuat jelas hari ini isu royalti minyak Terengganu, isu pemberian, isu kedudukan telaga minyak, hak telaga minyak sempadan tidak konklusif sama sekali. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Wakil Bandar. Kita sebenarnya lama dah jelas dah tapi saya nampak Wakil Bandar tak berapa faham. Jadi berasas apa yang dijawab oleh Wakil Air Putih ialah berasas kepada Undang-undang Maritim Antarabangsa yang telah termaktub. Jadi dalam soal yang ini iaitu 3 batu nautika semua dah jelas, itu tafsiran berasas kepada yang telah ditentukan oleh Undang-undang Maritim Antarabangsa.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Pengumuman dibuat oleh Perdana Menteri, telaga minyak tu di Pahang.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Jadi itulah saya kata tadi asasnya di situ maka sekarang ini di pihak Kerajaan Negeri sekarang ini perlu mendapatkan

satu bukti yang boleh memberikan keyakinan dan berasas kepada *precedent* dengan izin. Jadi asasnya sekarang ini adalah kerana itu maka bagaimana kita nak membuat satu perundingan ataupun penyelesaian dalam soal ini kita perlu melihat dan memberikan satu keyakinan. Jadi inilah sekarang ini yang sedang dibuat oleh Kerajaan Negeri tetapi tak tahulah kalau pihak di sebelah sana merasa bahawa mereka telah bersetuju dengan apa yang telah ada sekarang ini.

Tapi di pihak Kerajaan Negeri kita akur dengan apa undang-undang yang telah termaktub. Tapi dalam soal ini, maka kita sekarang ini sedang berusaha, berasas kepada persefahaman yang pernah telah dipersetujui sebelum ini. Jadi maka itu kita menggunakan perkara itu sebagai asas untuk kita menuntut balik dan mengekalkan dengan apa yang kita ada. Kita juga sedang mempertahankan dan dalam soal Bertam 307 kerana kita dapat makluman sekarang ini hasil daripada Bertam 307 tidak diberi kepada mana-mana negeri lagi.

Jadi sekarang ini daripada segi hasil itu menjadi milik kepada Kerajaan Persekutuan. Dan dalam soal ini sekarang ini ialah memang asasnya memang betul seperti yang disebut oleh Wakil Air Putih asasnya ialah kerana melebihi 3 batu nautika maka bukan milik kepada mana-mana Kerajaan Negeri. Tetapi dalam soal ini sekarang maka kita perlulah membuat pengukuran semula kerana dalam soal hari ini, dari segi pihak Kerajaan Negeri mempertikaikan dari segi ukuran. Jadi kerana itu, kita perlu mendapatkan satu ukuran menggunakan pihak daripada Jabatan Perangkaan dan kerana itu disebut tadi kita dah ada satu Jawatankuasa yang dianggotai oleh beberapa pihak, sehingga kita dapat satu penjelasan satu keputusan dan sekiranya keputusan tidak memihak kepada kita, kita nak dapatkan satu penjelasan dan alasan yang munasabah yang boleh meyakinkan kepada rakyat kita.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Amat Berhormat Menteri Besar minta laluan sikit.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Okey, sila.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya rasa isu 3 batu nautika ni bukan hari ni. Perjanjian Petroleum dengan Kerajaan Negeri Terengganu ni sudah ditandatangani sejak tahun 1974. Dan penemuan minyak itu sudah berada di luar 3 batu nautika. Dan perjanjian itu dengan jelas menyebut

apabila adanya pertemuan minyak dan sebagainya di darat, akan diserahkan juga kepada Kerajaan Pusat kerana telah ditandatangani

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Dia Yang Berhormat Paka, Yang Berhormat Paka

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): dan diserahkan 50%. Itu yang timbul dan sekarang ni....Nanti dulu, satu lagi.....

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Dia dalam soal ini sekarang ini, sebenarnya Yang Berhormat Paka

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah saya nak bagi penjelasan, nak minta penjelasan macam mana dok selesai....

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Saya yang buat penjelasan. Pasal apa pula Yang Berhormat Paka nak buat penjelasan.(Sambil ketawa).....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah saya nak beri penjelasan tentang nak soal ni lah. Kan dok faham pula.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Dok saya nak beritahu Yang Berhormat Paka sekarang ni

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah sekarang ni kita terikat dengan Akta Laut pula 2012. Sebab itu Sarawak baru ini nak meminta supaya Kerajaan Pusat meminda balik Akta Laut.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Sebenarnya kita tidak boleh bandingkan di antara Sarawak dengan Terengganu. Kerana Sarawak hari ini memang jelaslah bahawa hasil yang mereka perolehi itu adalah kurang daripada 3 batu nautika, yang tidak boleh dipertikaikan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Habis atas alasan apa nak bagi ke Negeri Pahang?

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Tapi dalam soal ini sekarang ini ialah

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Sekarang ini asas yang kita nak selesaikan sekarang, kalau kita pakai mengikut pada undang-undang, seperti mana yang pernah dilaksanakan oleh kepimpinan Kerajaan PAS sebelum ini, tak ke mana pun. Tak nampak pun.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab itulah saya rasa perkara ini berlaku kerana kezaliman pemimpin UMNO sendiri.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Jadi sebab itulah saya nak beritahu hari ini maka hari ni untuk kita

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab meminta supaya ditarik balik royalti minyak pada tahun 1979.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Tak sekarang ini saya nak beritahu Yang Berhormat Paka. Yang Berhormat Paka sekarang ni

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Permasalahan tu sampai sekarang, berlaku sampai sekarang. Kalau tidak benda ni tak berlaku.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Siapa yang bersyarah ni?

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Sekarang ni saya nak jawab ke Yang Berhormat nak jawab ni.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kalau tidak benda ni tak berlaku.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Biar Yang Amat Berhormat Menteri Besar jawab dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya minta tolong

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Inilah punca yang berlaku sampai hari ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Paka, saya minta semua Y.B.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Siapa yang soal, siapa bercakap ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. duduk semua. Ini Dewan saya yang jadi Pengerusi. Saya dah bagi 5 dah, jarang saya bagi. Saya tahu isu

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Masalahnya berkaitan dengan hak rakyat Terengganu bukan hak UMNO.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Paka, Y.B. semua duduk sekejap ye. Saya tak benarlah isu ini dibangkitkan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya ingat Paka kena tarik balik apa yang dia sebut tadi. Kita tak bincang pun hal parti politik apa semua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Apa pasal pula ada

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Jabi, Y.B. Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebenarnya orang tau belaka dah.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Y.B. Jabi, Menteri Besar sebut dulu tadi. Menteri Besar sebut dulu tadi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tak boleh.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Menteri Besar sebut dulu tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Tepoh duduk. Saya mengingatkan awal-awal, Al-Quran banyak adab, biar ada adab. Cakap, dua-dua cakap yang mana saya nak dengar, saya nak catat yang mana. Jangan bila membuak-buak kemarahan tu nafsu tu, hawa-hawa tu kita hilang pertimbangan akal kita.

Ini soalan, bukan debat. Nak usul debat apa sebagainya nanti dalam ucapan nanti nak debat apa sebagainya. Cukup saya bagi 5 dah, peraturan 3 saya baca tadi, 3. Jadi kalau kita tak puas hati, saya bagi 10 pun tak puas hati. Jadi saya tak nak teruskanlah, nak panjang dalam Perbahasan Bajet nanti. Minta tolong ya.

Jadi saya nak teruskan pada soalan seterusnya. Sila, Kuala Besut.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Sidang Dewan sekalian. Ikan Aya, Ikan Ketutu, soalan saya No.1.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ulang balik macam mane Y.B.? Ulang balik tak dengar.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Tak dengar? Semula Dato' Yang Dipertua. Ikan Aya, Ikan Ketutu, soalan saya No.1. Terima kasih.

Apakah bantuan perniagaan untuk golongan muda disediakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ikan Aya, ikan apa?

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Ketutu.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Ikan Batu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, sila sila.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua dan wakil Jabatan, rakan media, para Pemerhati sekalian.

Saya pun tak pernah dengar lagi Ikan Ketutu lagu mana. Mungkin lepas ni saya tanya dia. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Kuala Besut ingin tahu apakah bantuan perniagaan untuk golongan muda disediakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu?

Kerajaan Negeri Terengganu memang menyediakan peruntukan ataupun program kepada peniaga terutamanya kepada golongan belia melalui portfolio di bawah usahawan ini juga bagi memastikan bantuan ini dapat diterima oleh rakyat Negeri Terengganu bermula tahun 2016, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Majlis Pembangunan Usahawan di mana Majlis Pembangunan Usahawan ini di bawahnya ada seramai 32 agensi yang berkaitan dengan usahawan.

Jadi yang menjadi urus setianya ialah Yayasan Pembangunan Usahawan. Dan pejabat urus setianya akan dibuka setiap hari bekerja bermula pukul 8 hingga pukul 5. Jadi di kesempatan ini saya minta kepada yang nak jadi usahawan ataupun usahawan sekarang kalau ada apa-apa keperluan yang nak mereka minta dengan Kerajaan Negeri boleh ke YPU di pejabat urus setia ni.

Bukan itu sahaja, kita juga turun ke daerah-daerah bersama dengan 32 agensi ni untuk kita memberitahu apakah bantuan ataupun program yang disediakan oleh agensi ni kepada usahawan-usahawan di Terengganu. Antara bantuan yang kita beri kepada usahawan kita di Terengganu terutamanya kepada golongan belia, kita ada Tabung Usahawan Belia yang dilaksanakan di bawah SME Corp. Terengganu.

Pada tahun lepas sebanyak RM2.5 juta telah dikeluarkan kepada seramai 165 usahawan muda Terengganu.

Kita juga ada Program Usahawan Graduan Terengganu (PUGT) juga melalui YPU. Seramai 76 usahawan belia siswazah telah dapat menerima manfaat daripada program ini iaitu peruntukan sebanyak RM1.2 juta telah dikeluarkan kepada 76 usahawan siswazah kita ini.

Kita juga ada Program Food Truck yang disediakan oleh FAMA dan MARA di Terengganu. Kita juga ada Dana Pembiayaan Pinjaman Atas Talian Pembangunan Produk Dan Pembungkusan juga kepada belia-belia kita. Jadi itulah di antara bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada usahawan muda Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Soalan tambahan pertama Kuala Besut.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat Exco. Sebelum saya pergi soalan yang kedua, Yang Berhormat Dato' Speaker, Ikan Ketutu ni sebenarnya nama lain bagi Ikan Goby ataupun *Marbled Goby*, untuk makluman Yang Berhormat.

Okey soalan tambahan saya yang pertama, selaras dengan hasrat ataupun

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Kuala Besut boleh dekat sikit, dia tak *clear*. Saya pun tak dengar. Boleh kuat sikit suara.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Selaras dengan membawa suara orang muda dan juga hasrat pihak Kerajaan Negeri untuk memajukan digital ekonomi ataupun digital bisnes, apakah

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak dengar Dato' Yang Dipertua, suruh dia alih duduk sebelah sini lah. (Sambil ketawa) Takkan takut mari duduk sebelah sini.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya bagi pinjam yang saya, tak perlu duduk sebelah sana.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Okey, Dato' Yang Dipertua soalan tambahan saya yang pertama. Selaras dengan hasrat orang muda dan juga selaras dengan hasrat pihak Kerajaan Negeri juga untuk memajukan *digital economy* dengan izin, ataupun *digital business* dengan izin, apakah langkah-langkah pihak Kerajaan untuk mengalakkan lagi usahawan-usahawan muda bagi melibatkan diri dan juga memanfaatkan potensi ekonomi digital ataupun digital bisnes seperti yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Kuala Besut ya. Sila Hulu Besut.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Memang Kerajaan Negeri sedar dunia semasa banyak menggunakan IT. Dengan sebab itu Kerajaan Negeri melalui YPU banyak menyediakan skim ataupun program kepada usahawan yang berminat yang ada kaitannya dengan ekonomi digital ataupun perniagaan atas talian.

YPU menyediakan Skim Pinjaman Bisnes Online dan pinjaman ni kita sediakan RM10 ribu kepada setiap usahawan yang berminat untuk terlibat dengan perniagaan atas talian ataupun ekonomi digital ini. Misalnya bermula bulan Oktober tahun 2016 ni, kita telah menerima 16 permohonan daripada usahawan dan 3 telah lulus bermakna 3 orang telah merasa nikmat daripada program ini.

Yang kedua, bagi memastikan belia-belia kita ni, usahawan kita ini mahir dalam ekonomi digital ini, YPU bekerjasama dengan Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd. mengadakan kursus kepada usahawan belia ni. Sebanyak 4 program telah dibuat latihan dan seminar ni yang melibatkan seramai 1,200 usahawan muda telah masuk seminar ataupun kursus ini.

Yang ketiga, menerusi YPU juga Skim Bantuan Pemasaran Online disediakan kepada belia juga yang mana separuh ataupun 50% daripada perbelanjaan yang diperlukan oleh usahawan ni diberi percuma oleh Kerajaan.

Yang keempat, menerusi SME Corp. Kita juga menyediakan Skim Pembiayaan Promosi Online menerusi Geran Padanan Aktiviti, yang ini sebanyak RM100 ribu disediakan kalau diperlukan oleh belia. Maksudnya banyaklah skim-skim ataupun program disediakan kepada belia untuk memastikan mereka terlibat dengan ekonomi digital. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Hulu Besut, soalan tambahan kedua. Sila Kuala Besut.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang berikutnya. Kita juga sering dimaklumkan oleh usahawan muda bahawa hambatan daya saing produk-produk usahawan muda ni biasanya berkaitan dengan isu pembungkusan ataupun isu *packaging* dengan izin. Jadi bagaimanakah pihak Kerajaan melihat isu ini dan bagaimanakah pihak Kerajaan boleh membantu usahawan-usahawan muda untuk menyelesaikan isu *packaging* ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Hulu Besut.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, masalah ini juga telah kita sedari dan Kerajaan Negeri melalui YPU juga menyediakan bantuan kepada usahawan ini, misalnya kita ada skim bantuan pembungkusan dan pelabelan. Skim ini menyediakan sehingga kita beri percuma sehingga 5,000 kepada usahawan.

Yang kedua, juga melalui YPU kita juga menyediakan tiga pusat pembungkusan ataupun tiga bengkel di Terengganu untuk membantu usahawan membungkus produk mereka. Kita ada bengkel ni ataupun pusat pembungkusan ni di IKS Ajil. Yang kedua kita ada di Sungai Bari. Yang ketiga, kita ada di kawasan IKS YPU Dungun. Jadi mana-mana usahawan ataupun peniaga di Terengganu yang ingin membungkus produk mereka, mereka boleh menghubungi YPU dan kita boleh hantar produk mereka ke bengkel-bengkel kita tadi yang saya sebut tadi, tiga tadi. Jadi kita *charge* paling minima, kira murahlah kira macam *free* je untuk membantu usahawan di Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Hulu Besut. Soalan tambahan ketiga sila Kota Putera.

YANG BERTHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Kita tak dapat nafikanlah tentang YPU beri bantuan kepada rakyat Terengganu. Namun begitu, saya agak terkilannya untuk makluman Dato' Yang Dipertua dan juga Exco, apabila kita di kampung masih ramai lagi orang-orang muda, anak-anak muda yang usahawan ataupun usahawan-usahawan yang tidak tahu bagaimana nak *apply* ataupun nak mohon melalui YPU permohonan-permohonan untuk bantuan perniagaan, sebab mereka kata tidak ada penyebaran ataupun tidak ada maklumat yang telah disalurkan di peringkat bawah-bawah.

Maka, saya nak tanya di sini adalah bagaimana ataupun adakah YPU sendiri ada perancangan untuk beri maklumat ataupun salur maklumat kepada bawah atau adakah YPU ni ada *limit* kelulusan kepada beberapa orang ataupun beberapa jumlah kewangan untuk setahun. Saya nak tanya. Okey, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kota Putera. Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagaimana saya maklum awal tadi, kita Kerajaan memang sedar kita anak-anak muda kita tak tahu tentang maklumat bantuan yang ada yang mereka boleh pohon. Jadi dengan sebab itulah, kita menubuhkan Majlis Sekretariat Pembangunan Usahawan, yang mana YPU menjadi urus setianya.

Dan kita buka Pejabat Urus Setia Majlis Pembangunan Usahawan ni, sebagaimana waktu pejabat. Mana-mana usahawan yang nak dapat bantuan ataupun maklumat bantuan yang mereka perlukan, mereka boleh pergi ke urus setia YPU ni. Kita di Majlis Sekretariat Pembangunan Usahawan ni, di bawah kita ada 32 agensi. Makna kalau dia pergi ke pejabat urus setia ni, kita akan pastikan, okey kalau nak berniaga contoh ukir, kita suruh dia pergi ke SME Bank, contohnya.

Yang kedua, kita juga berusaha memastikan maklumat tentang apa yang ada ini diketahui oleh usahawan ini dengan kita turun ke daerah-daerah bersama 32 agensi ni kita buat penerangan di setiap daerah. Setakat ini kita telah turun ke dua daerah, Daerah Hulu Terengganu dan Daerah Dungun. Kita ada lagi 6 daerah kita akan turun.

Jadi mana-mana usahawan yang ingin tahu maklumat tentang peluang-peluang skim untuk mereka perolehi sila datang ke program kita yang akan kita turun bermula tahun depanlah ada enam daerah lagi yang kita akan turun.

Dan seterusnya juga memang kita ada had ataupun kita ada jumlah tertentu yang boleh kita beri bantuan. Contohnya Skim Graduan, kita ada peruntukan sebanyak RM1.2 juta setahun jadi mana-mana yang buat permohonan dulu, boleh. Yang lambat mungkin tahun depan pula. Macam itulah lebih kurangnya. Itu saja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Hulu Besut. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Kuala Besut yang bertanya. Tiga-tiga orang Besut semua ni. Seterusnya saya mempersilakan Y.B. Ladang untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tu ditolak ke diterima?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan diterima.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Diterima, tapi saya dapat notis kata tolak. Kalau nak suruh tanya, saya tanya je tak apa. Saya tanya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan diterima. Ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Soalan no.1 -

Sila nyatakan kedudukan terkini pembangunan "Projek Bekalan Air Selatan" di Kemaman?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang itulah. Sila nyatakan kedudukan terkini pembangunan "Projek Bekalan Air Selatan" di Kemaman? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih banyak kepada Yang Berhormat wakil Ladang yang ingin bertanyakan, yang ingin

mengetahui kedudukan terkini pembangunan "Projek Bekalan Air Selatan" di Kemaman.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat sekalian, seluruh warga Dewan. Yang Berhormat Wakil Ladang merujuk kepada kerja-kerja membaikpulih dan menaiktaraf loji rawatan air Bukit Sah Kemaman, pembinaan muka sawk, sistem paip dan tangki air serta kerja penyaluran air dari Loji Rawatan Air Petronas ke sistem agihan Kemaman dan lain-lain kerja berkaitan dengannya di Daerah Kemaman, Terengganu.

Untuk makluman Yang Berhormat Wakil Ladang, projek tersebut dalam peringkat rekabentuk akhir. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, soalan tambahan pertama. Ladang, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Berapa agaknya kos yang terlibat dalam pembinaan semua kemudahan-kemudahan ini dan bagaimana ia diberi adakah secara *deferred payment* atau bagaimana cara tender tu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Kemasik.

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Kos projek ini adalah sebanyak RM499 juta dan dia berbentuk bayaran tertanggung. Kaedah projek adalah runding terus.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Runding terus? Boleh kita tahu siapa yang dirunding itu dan siapa yang dapat?

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Projek itu dianugerahkan kepada Beijing Enterprises Water Group Limited ataupun BEWG.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Beijing tu bunyi macam China je. Maknanya memang daripada Negara China ke atau macam mana?

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Asal syarikat ni daripada China, tapi telah di....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Di apa tu? Disunatkan?(Sambil Ketawa).....

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terma tu saya kurang

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Ladang. Kejap Y.B. Kemasik.

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Haa Diperbadankan...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Kemasik.

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Telah diperbadankan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Kemasik kejap ye. Jangan sunat-sunat. Ini isu ni. Jangan sebab kita ada kaum pelbagai, ia sensitif. Saya minta tarik baliklah, tarik balik. Tak payahlah sebut macam tu, mungkin bagi kita okey ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ataupun di Terengganulah. Tarik baliklah *hok* sunat tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Terima kasih Ladang. Sila Kemasik. Ulang balik sebab saya tengah bicara tadi, jawab balik apa tadi, Kemasik. Yang tadi

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Syarikat itu telah diperbadankan di negara kita di Malaysia yang mana saya difahamkan Khazanah Nasional pun adalah salah satu pemegang saham syarikat ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Boleh lagi, ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan kedua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Berapakah *cost of fund* yang kita bayar kepada syarikat ini. Berapa agaknya kalau kita buat secara *deferred payment* atau tidak *deferred payment* apa beza dia. Banyak mana beza dia yang kita kena tanggung?

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Sebelum saya jawab tu, saya bagi dia punya latar belakang sikit. Projek ini dirancang untuk dilaksanakan dalam masa terdekat ni, memandangkan kepada keperluan industri yang mendesak. Jadi kita kenal pasti masalah utama kita adalah bekalan air di Kemaman ni.

Jadi ini untuk memenuhi kehendak-kehendak industri yang ada di situ seperti kilang besi yang baru dibina Eastern Steel, kilang-kilang di Teluk Kalong keperluan-keperluan daripada syarikat- syarikat di Kerteh dan pelbagai lagilah dan juga untuk memenuhi kehendak-kehendak domestik.

Jadi hasil daripada kajian ataupun keperluan tu, Kerajaan Negeri telah ke depan untuk melaksanakan projek ini. Dan orang kata dalam keadaan kita sekarang ini yang mana Kerajaan Negeri buat keputusan, kita masih lagi ingin tidak menyerahkan kuasa ataupun tidak menyerah hak SATU ni makna Kerajaan Negeri pegang yang hak tu dan hasrat kita ingin memenuhi keperluan tu jadi kita perlu laksana projek ini.

Jadi saya rasa *detail* projek ini kalau tu, saya rasa kita bincang kemudianlah nak *royat*. Jadi kos projek adalah sebanyak RM500 juta lebih kurang saya sebut tadi. InsyaAllah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan ketiga. Nak bagi siapa tu, saya ikut jer. Sila Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya akhir-akhir

ni mendapati banyak, terlampau banyak gangguan-gangguan bekalan air. Tanpa notis, biasanya dia bagi notis, tapi ni tanpa notis. Tengah-tengah mandi air *takdok*. Ni nak *kabor* ni. Jadi apa nama ni, saya tak tahulah oleh kerana terlampau banyak projek ke sehinggakan apa ni ataupun apa punca sebenar?

Dimaklumkan projek banyak bertambah tetapi bekalan air di setengah-setengah tempat memang berat termasuk di kawasan Durian Burung, kawasan rumah saya, kawasan Kubang Parit memang berat, tekanan air cukup rendah. Pada hal paip air tepi jalan tepi rumah, tapi air pergi ke lain tak tahu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakaf Mempelam. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Sambung boleh dok?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak boleh dah.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Sekali jer sebab ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak payahlah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya nak tanya pasal pembayaran ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh tak apa, terima kasih. Saya terima satu soalan saja.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Nak minta, minta. Sebab ni penting. Nak tanya pasal pembayaran.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak benarkan. Terima kasih Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tak apalah, saya sebut masa perbahasanlah.

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam. Jadi memang kita akui memang kita ada masalah khususnya di kawasan Manir, di kawasan Marang, di kawasan yang mana masalah utama kita adalah kita perlu menukar sebahagian besar sistem ataupun Sistem *Water Reticulation* atau sistem agihan yang berada di kawasan tu.

Jadi, contohnya macam di Kuala Terengganu untuk maklumanlah paip-paip sistem agihan yang ada sekarang ni setengah-setengahnya sebelum merdeka, masih guna lagi. Dan Kerajaan Negeri secara berterusan saya bukan nak reka tapi ni hasrat yang kita buatlah tapi bersandarkan kepada masalah kita juga kekangan bajet. Jadi kita secara berterusan mengambil beberapa langkah efektif contohnya masalah di SATU adalah paip bocor. Yang kedua, adalah berkenaan tekanan air rendah. Dan yang ketiga, berlaku salah satu sebab yang kita kenal pasti berlaku permintaan yang sangat-sangat tinggi terutamanya pada musim-musim perayaan seperti Raya Haji, Raya Puasa, cuti panjang.

Jadi bagi SATU mengatasi masalah ni dengan kemampuan yang kita ada pada hari ini, saya sebut, saya *stretch* kat sini. Langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak yang bertanggungjawab dalam kes SATU iaitu kita buat agihan dari segi aliran air tu, maksud kata untuk memenuhi keperluan semua masyarakat dalam satu masa, jadi kita mewujudkan sistem makna kata tekanan rendah di setengah tempat kita tinggikan di tempat lain supaya bekalan tu dapat sampai. Kita nak elakkan dan kita tak mungkin akan jadi seperti negeri-negeri yang ada masalah lain kita tak mungkin, kita ada, perkara tu kita ada.

Yang kedua, secara berterusan juga kita ambil pendekatan untuk menukar paip-paip yang saya sebut tadi. Jadi ini untuk mengatasi masalah paip bocor dan juga merendahkan NRW kita, yang mana untuk makluman Dewan dalam keadaan kita sekarang ini walaupun kekangan yang kita hadapi kita ini adalah saya rasa *top two* terbaik dari segi jumlah NRW paling rendah di negara ni. Itu yang saya rasa maklumat saya tu memang betul.

Selain daripada itu, Kerajaan juga sebagai langkah jangka masa panjang sedang perancangan untuk menjalankan projek ni secara *holistic* bagi menyelesaikan masalah bekalan air di Kuala Terengganu Utara menyelesaikan masalah kurangnya tekanan pada kawasan-kawasan tertentu dan menukar paip-paip yang mana perlu kita laksanakan.

Ini adalah perancangan kita masa depan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Barisan Nasional kita ni untuk memastikan masalah air kita ni selesai secara *holistic* dan benda ni rasa kalau dengan izin, dua tiga tahun perjalanan projek ini akan menyaksikan kita bebas masalah air sebahagian besarlah saya rasa sehingga tahun 2030. InsyaAllah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Terima kasih kepada Ladang yang mengemukakan soalan, kepada semua Yang Berhormat yang terlibat. Saya nak bagi satu lagi dan tiada soalan tambahan. Satu aje. Alur Limbat, sila.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Assalamu'alaikum Dato' Yang Dipertua. Pelik tu dengar(sambil ketawa)..... Soalan yang

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap yer. Alur Limbat tarik balik 'pelik'.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tarik balik.(Sambil ketawa).....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak nak. Terima kasih Alur Limbat.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):(Sambil gelak).... Tak rajin dengar *etek*.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya sebenarnya, kalau ikut masa, saya tak payah bagi dah tapi oleh kerana saya kata Ukhwah Islamiah kita tu hebat, saya bagi satu tanpa soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Soalan yang tak ditolak ni. Soalan 2 -

Berapakah jumlah terkini sekolah yang mewujudkan kelas maya dan i-Class di Terengganu dan nyatakan sekolah tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Alur Limbat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati. Soalan daripada Alur Limbat, mudah ni nak jawab ni tak ada soalan tambahan. Berapakah jumlah terkini sekolah yang mewujudkan kelas maya dan i-Class di Terengganu dan nyatakan sekolah tersebut.

Untuk makluman Dewan, jumlah terkini sekolah yang mempunyai kelas maya adalah sebanyak 116 buah. Sekolah yang terlibat dan sebanyak 17 buah sekolah yang terlibat sebagai i-Class di Terengganu dan sekolah-sekolah berkenaan; I-Class ni kita ada 17, Pengkalan Berangan - SK Bukit Jejulong, Permaisuri - SK Lembah Jaya, Langkap - SK Sungai Lerek, ni i-Class ya, Bukit Besi - SK Jerangau, Batu Rakit - Madarasah Moden Batu Rakit, Seberang Takir - SK Tok Jembal, Jabi - SK Kerandang, Jerteh - SK Padang Luas, Hulu Besut - SK Alur Keladi, Kuala Besut - SK Nail, Kampung Raja - SK Amit, Kuala Berang - SK Seri Buluh, Ajil - SK Tok Randok, manakala Kuala Telemong - SK Langgar, Kijal - SK Ibok, Kemasik - SK Kampung Cabang dan Air Putih - SK Seri Jaya.

Manakala Kelas Maya ada 116 buah, kalau nak baca banyak, panjang. Panjang sangat 116 buah sekolah, cuma saya nak buat tambahan sikit ini. InsyaAllah pada tahun 2017 kita akan tambah antara 10 atau 15 buah lagi Kelas i-Class ini dengan kita *up-gradekan* kelas maya yang sedia ada ni. Dan kita sudah ada peruntukan yang akan kita belanjakan untuk tahun 2017 untuk menambah i-Class ini di mana-mana DUN ataupun di mana-mana sekolah yang terpilih sebanyak RM400 ribu. Okey. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Pengkalan Berangan yang menjawab, Alur Limbat terima kasih, minta maaf banyaklah sebab kita kesuntukan masa.

Alhamdulillah sesi Soalan Lisan telah disempurnakan secara baik dan molek. Jazakallahu khairan kathira. Kepada semua Y.B.-Y.B. yang terlibat, pada Yang

Amat Berhormat yang menjawab, merespon, Y.B.-Y.B. yang mengemukakan soalan, soalan asas....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil batu Burok): Lanjutan daripada jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya ingin membawa Usul 30 mengenai royalti minyak, boleh diizinkan tak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak benarkan sebab dalam peraturan sekali saja, Usul Di bawah Fasal 30 sekali saja. Minta maaf, ya Y.B.

Jadi terima kasih kepada semua. Jadi saya ingin menangguhkan sementara Dewan pada pagi ini. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian maka saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pada pukul 11.15 pagi. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.45 PAGI.

PUKUL 11.15 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula.

Ahli Yang Berhormat pada pagi semalam, Rang Enakmen Perbekalan 2017 untuk bacaan kali yang kedua telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Sila Y.B. Air Putih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Bismillahir rahmanir rahim. Alhamdulillah rabbil 'alamin wassalatu wassalamu'ala Sayyidina Muhammadin wa'ala alihi wasahbihi ajmain. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sini dan sebelah sana, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil daripada jabatan, Pemerhati-pemerhati, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian.

Bersyukur pada Allah kita dapat bersama dalam Dewan yang mulia ini pada hari ini dan semalam Kerajaan Negeri telah membentangkan cadangan Bajet pada 2017 untuk 2017 dan alhamdulillah semua berjalan dengan baik setakat ini.

Saya mewakili DUN Air Putih nak ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana cukup banyak perhatian yang diberikan kepada rakyat dan begitu banyak penyelesaian-penyelesaian *Solution Three Feet* atau *Three Feet Solutions* yang diberi kepada rakyat.

Saya bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala, sebenarnya sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ekonomi Negara walaupun berhadapan dengan keadaan yang tak menentu di dunia kita sekarang dengan Brexitnya, dengan Donald Trumphnya dan juga lain-lain dengan masalah di Eropah, penghijrahan yang beramai-ramai *mass exodus* dengan izin, kepada Eropah daripada Afrika Utara dan sebagainya ekonomi negara masih dalam keadaan yang cukup stabil.

Dan kita setaraf juga dengan negara-negara lain di Asia Pasifik seperti Indonesia dan juga Filipina. Dan kita bersimpati juga kepada rakan kita di sebelah Selatan Singapura yang sekarang ini ia mungkin akan mengalami *technical recession* dengan izin, pada akhir tahun ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian, Ahli Dewan. Saya terpanggil untuk mengucap tahniah kepada yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kalau pada dulunya Yang Berhormat menyebut tentang Transformasi Kerajaan, Transformasi Politik, Transformasi Ekonomi ramai yang tidak jelas dan kadang-kadang yang tak faham apa yang beliau maksudkan. Tetapi semalam kita saksikan bahawa satu Transformasi Kerajaan telah berlaku yang cukup hebat.

Yang Amat Berhormat dalam persediaan Bajet seperti yang dimaklumkan semalam, pegawai-pegawai telah turun kepada lapan daerah berjumpa dengan setiap pelosok masyarakat, pemimpin-pemimpin masyarakat daripada Pejabat Daerah, daripada Majlis, daripada J3Knya, *stakeholders* dengan izin, dan mendapat *feedback* hampir 502 *feedback* dengan izin, daripada golongan-golongan ini yang akhirnya menghasilkan satu bajet yang betul-betul yang saya katakan *Three Feet Solution* dengan izin.

Perkara ini tak pernah dibuat. Kalau sebelum ini kita mungkin ada rundingan, perjumpaan, *round table* dengan izin, dengan beberapa *stakeholders* dengan izin, di Terengganu tapi kali ni cukup komprehensif. Ini adalah satu Transformasi Kerajaan yang cukup hebat. Syabas pada Kerajaan Barisan Nasional.

Saya juga ingin menyebut tentang transformasi kedua, yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan pada hari semalam. Saya sudah 8 tahun menjadi ADUN dan pertama kali saya lihat satu visi yang jelas tentang peranan Kerajaan Pusat, peranan Kerajaan Negeri dan peranan swasta. Kalau dulunya kita gunakan wang kita untuk bangunan rumah-rumah rakyat tetapi sekarang dengan PR1MA, dengan SPNBnya dana yang datang daripada Kerajaan Pusat. Alhamdulillah satu urusan, satu perkara yang cukup baik yang sememangnya tanggungjawab Kerajaan Pusat untuk memberikan rumah murah dan rumah untuk rakyat di Malaysia dan khususnya di Negeri Terengganu.

Yang keduanya, yang saya lihat adalah seperti jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada soalan daripada Pembangkang tentang peluang pekerjaan. Kalau dulunya kita yang sibuk untuk membuat mega projek dengan dana Kerajaan sendiri untuk menampung membuatkan *multiplier effect* dengan izin, tetapi sekarang ini penekanan dengan Transformasi Ekonominya kita serahkan ini kepada swasta. Dan itu akan menjimatkan wang Kerajaan dan menggerakkan ekonomi dengan secara langsung kepada rakyat.

Saya bagi contoh dalam isu pelancongan. Kalau di Melaka segala urusan pembangunan pelancongannya dijana dibiayai oleh Kerajaan Pusat. Sebabnya pulangan yang didapati secara langsung oleh Kerajaan tidak dapat kepada Kerajaan Negeri tetapi dapat kepada Kerajaan Federal, Kerajaan Pusat. Sebab itulah Terengganu juga *role* ataupun peranan Kerajaan Negeri ialah memberi satu keadaan yang *conducive* dengan izin supaya ekonomi rakyatnya melalui pelancongan begitu rancak. Tetapi yang mendapat pulangannya adalah rakyat. Perlu kita bezakan antara pendapatan Kerajaan dan pendapatan rakyat.

Sebab itulah Tahun Melawat Terengganu, Beautiful Terengganu Tahun 2017 yang mana saya dan rakan saya daripada Kuala Besut terlibat secara langsung, kita cukup teruja dengan proses-proses, promosi-promosi yang kita jalankan akhirnya akan dapat faedah pada rakyat itu sendiri walaupun Kerajaan tidak dapat pulangan tetapi rakyat yang akan dapat pulangan. Ini yang kita namakan ekonomi rakyat.

Syabas Kerajaan kerana kali ini betul-betul fokus bagi saya. Dan saya percaya dengan asas-asas sebegini peranan Kerajaan Pusat, peranan Kerajaan Negeri dan peranan swasta ini adalah satu landasan yang cukup baik untuk kita bergerak ke hadapan. Dan itulah mungkin antara fadhilat bila ada kekangan pendapatan ini dulunya kita dapat berbilion-bilion mungkin kita ambil mudah dengan duit yang ada. Sebab itulah kadang kita tidak bezakan yang mana kita punya yang mana yang Kerajaan Pusat punya. Kadang-kadang yang Kementerian pun kita nak tanggung. Sebab itu alhamdulillah dengan keadaan begini saya rasa satu fadhilat, satu kebaikan untuk Kerajaan Negeri mula kita berfikir dengan begitu mantap *proper demarcation* dengan izin, sumber dan pelaksanaan yang lebih tepat.

Dan saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat bagi RM8 juta kepada pelancongan, mudah untuk kita gerakkan Tahun Melawat Terengganu 2017 pada tahun hadapan.

Dato' Yang Dipertua, saya nak sentuh satu perkara lagi tentang modal insan. Saya tertarik nak berkongsi dengan tuan-tuan dan puan-puan Ahli Dewan tentang *modern growth theory*. *Modern growth theory* ini pada asalnya adalah daripada Adam Smith seorang ahli ekonomi yang terkemuka di dunia. Tapi saya tak nak bercakap pasal *modern growth theory* ini.

Tapi saya nak bercakap tentang pengajaran daripada *modern growth theory* yang dinyatakan di sini bahawa modal insan adalah antara penyumbang utama kepada perkembangan ekonomi. Kita selalu bercakap tentang nak peruntukan yang besar modal insan dan sebagainya. Ini adalah satu sebenarnya ada satu teori yang di belakangnya. Banyak kajian-kajian mikro ekonomi yang dijalankan yang menunjukkan satu hubungan kait yang positif antara pendidikan dan juga produktiviti dan pendapatan. Ini banyak kajian sudah disahkan dan ini perlu kita terima.

Modal insan adalah tulang belakang negara. Sebab itulah saya agak terlihat-lihat, tercari-cari juga di mana dalam modal insan ini penekanan ataupun *emphasis* dengan izin, diberikan pada penjawat awam. Contohnya, untuk pastikan Negeri Terengganu ini menjadi satu negeri yang begitu hebat pada masa depannya dari segi *sustainabilitynya* kemampuannya kita perlukan penjawat awam yang cukup cekap.

Sebab itulah saya minta pihak Kerajaan pertimbangkan. Yang pertamanya, pengambilan Pegawai-pegawai Kerajaan (TCS) perlulah kita ada satu strategi dan formulasi formula yang mantap. Contohnya, kumpulan-kumpulan yang saya panggil prestasi tinggi yang suatu masa nanti akan menjawat jawatan-jawatan yang penting dalam Kerajaan. SUK, Pegawai Kewangan, Pengarah UPEN dan sebagainya perlulah dikategorikan satu kumpulan yang dipanggil kumpulan berprestasi tinggi. Yang mana kita tentukan di dalamnya kelulusannya apa. Contohnya, dari segi *law*, *Law Graduates* dengan izin, *Engineering Graduates* dengan izin, *account* dan *finance* dengan izin, kita boleh kumpulkan dalam satu kumpulan yang kita panggil kumpulan prestasi tinggi. Yang lain-lainnya, kita boleh ambil atas dasar pengurusan ataupun pengurusan awam yang boleh diambil dari kursus-kursus yang lain. Itu yang pertama dari segi pengambilan.

Dan juga tambahan kriteria yang perlu kita ambil daripada golongan ini adalah keupayaan kognitif, keupayaan berfikir secara langsung yang berbeza dengan IQ. Sebabnya saya sebut perkara-perkara ini, saya teruja dengan penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang *talent management*. Sekarang ini kita ada tujuh felo yang telah melalui proses sebegini. Yang banyak membantu Kerajaan, banyak membantu *Backbenchers* sendiri, dan banyak membantu bahagian-bahagian lain dalam Kerajaan sendiri.

Satu generasi baru, *future TCS* dengan izin. Berdasarkan pengambilan kajian yang cukup ketat. Kognitif, keupayaan kognitif. Kepimpinan tradisi dan kepimpinan yang kita panggil *emergent leaders* dengan izin. Keupayaan berkomunikasi Bahasa Inggeris yang baik. Jadi benda-benda ini patut kita letakkan kriteria bila kita mengambil pegawai-pegawai baru dalam kumpulan yang saya panggil kumpulan berprestasi tinggi.

Yang kedua, kepada pegawai-pegawai yang dalam perkhidmatan, kita perlu ada satu strategi yang konklusif untuk pastikan mereka mendapat latihan yang berterusan dari segi dalaman ataupun luaran. Dan juga kita perlu kenalpasti dalam TCS yang ada sekarang yang kita panggil *potential high-flyers* dengan izin, yang bakal menduduki kerusi-kerusi yang tertinggi dalam Kerajaan Negeri. Yang golongan ini kita perlu hantar dia orang belajar, tambah buat MBA, buat kursus-kursus management, buat kursus-kursus jangka pendek. Sekarang ini Harvard Business School setiap musim panas di sana, kalau kita ni bulan Jun-Julai ada 30 hari dia bagi kursus di Kuala Lumpur. Pensyarah-pensyarah Harvard datang dan bagi kursus selama 30 hari. Makan minum semua dia bagi. Kita boleh hantar golongan-golongan yang kita kenalpasti sebagai *potential high-flyers* yang bakal menerajui kepimpinan Kerajaan suatu masa nanti.

Sebab itulah saya rasa dari segi modal insan ini bukan sahaja kita tekankan kepada anak-anak di sekolah tetapi kepada penjawat awam. Dengan ada satu sistem yang komprehensif ini saya percaya Terengganu akan lebih bersedia untuk menghadapi apa sahaja cabaran masa hadapan insyaAllah.

Dato' Yang Dipertua, saya tak mahu cakap panjang-panjang dah cukuplah yang tu, saya nak sentuh pasal kawasan saya. Saya ucap terima kasih kepada Kerajaan dari segi perumahan termasuk SPNB, PR1MA dan sebagainya. Soalan saya pun ada Soalan Lisan pasal Perumahan juga.

Cuma yang saya sedih sikit ni, kawasan saya ni dah dua tahun saya *dok kecek* SPNB mari, maklumlah DUN Air Putih ni kalau kawasan yang rata yang comel *baham* banjir. Yang ada pun yang berbukit. Bila yang berbukit, SPNB mari *takmboh*. Dia kata kos tinggi dan sebagainya. Mana lagi saya nak letak Perumahan nak bagi Perumahan untuk rakyat saya. Yang ada di Jabur dulu sebenarnya bermula pada tahun 2005, 2006 bukan zaman saya. Yang ada di Mak Cili pun sebelum zaman saya. Bawah saya ni *takdok* langsung Perumahan. Orang Binjai, orang Neram, orang Cheneh semua bising dan dapat surat daripada SPNB baru ni pun tolak di Cheneh tu. Saya kata *you cut and paste* sajalah. Bukit tu tak mahal lagi murah dari tambun. Tambun tanah lagi mahal, ni bukit ada pun *takmboh* juga. Jadi saya pun tak tahulah nak mengadu pada siapa. Tapi saya kena bawa perkara ni dalam Sidang Dewan sebab ini ada 30,000 pengundi saya yang sentiasa menyokong saya di belakang saya dan perlukan pembelaan daripada Kerajaan. Sebab itulah, saya pohon Kerajaan mungkin ada lebih-lebih, *sipi-sipi* kalaulah tahun depan ni terlebih Bajet ke, tahulah Kerajaan tak banyak pitih tapi tolonglah pertimbangkanlah sedikit untuk kita uruskan bukit-bukit saya tu supaya dapat disediakan tapak yang sesuai untuk SPNB ataupun PR1MA.

Sebab Air Putih nilah kawasan saya hampir 50% tak dapat saya bangunkan disebabkan terdedah kepada banjir. Jadi, perlukan pertolongan dan bantuan daripada pihak Kerajaan. Dan juga mungkin daripada agensi KETENGAH untuk bantu saya dari segi itu.

Dato' Yang Dipertua, saya bersyukur dan bangga menjadi rakyat Malaysia, saya bersyukur dan bangga menjadi rakyat Terengganu. Walaupun di luar sana kadang-kadang *scaremongering* ataupun dengan izin, golongan yang menakutkan dengan cerita bermacam-macam tentang Malaysia ini tetapi hakikatnya inilah tanah air saya, inilah tempat tumpah darah saya, inilah tempat kelahiran saya. Saya tidak rela tanah saya, air saya ini diburuk-burukkan, diperkotak-katikkan dan cuba dijajah melalui cara-cara lain dengan anasir-anasir lain di luar negara yang campur tangan dalam kedaulatan negara kita. Selagi hayat dikandung badan, saya akan terus pertahankan negara saya, negeri saya insyaAllah.

Dato' Yang Dipertua, saya pohon cadang. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Air Putih. Saya bagi

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, silap sikit. Saya patut sebut saya pohon menyokong tadi. Minta maaf, pembedulan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima ya? Pohon menyokong daripada Air Putih. Saya bagi apa nama ni Jabi dulu, lepas ni saya bagi ... saya bagi Jabi *and then* saya bagi...

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dok, tak apa kalau nak bagi sebelah sana dulu, saya lepas ni, tak ada masalah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh tak boleh?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tapi lepas ni sayalah. Boleh, sila.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Bukit Tunggul. Tak dengar suara lagi. Bandar kemudian. Sila Bukit Tunggul. Terima kasih. Terima kasih Jabi memberi laluan.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah rabbil 'alamin. Wabihi nastain. Wassalatu wassalamu 'ala asrafil anbiyaa iwal mursalin wa'ala alihi wasahbihi ajma'in. Rabbish rahli sadri wayassirli amri wahlul uqdatan millisani yafqahu qauli. Yang dihormati Dato' Yang Dipertua Dewan, yang dihormati Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, rakan-rakan Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, para Pemerhati yang dikasihi sekalian.

Pertamanya, saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana pada hari ini dapat menghadiri Sidang Dewan dan sama-sama insyaAllah akan bahas tentang ucapan bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua kerana beri peluang saya awal kali ni untuk sama-sama mengambil bahagian.

Yang pertamanya, saya nak pergi teruslah kepada Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam. Pertama, saya nak sentuh berkaitan dengan hasil Kerajaan. Kerana ada beberapa perkara yang mungkin disalah tafsir. Pertama, kalau kita melihat hasil Kerajaan pada tahun ini berbanding dijangkalah pada bajet tahun lepas RM2.02 bilion.

Tapi yang sebenarnya sudah dibetul ataupun diubahsuai kerana masalah pendapatan daripada sumber petroleum dengan RM1.473 bilion, tahun ini dijangka perbelanjaan RM1.697 bilion. Kalau kita melihat di sini, Negeri Terengganu masih lagi bergantung sebagai sumber hasil utamanya adalah daripada sumber petroleum sama ada dalam bentuk Dana Khas ataupun tunggakan bayaran Dana Khas RM220 juta setiap tahun.

Inilah yang tadi mungkin apa soalan disebut tentang kita setelah surat dari Petronas seperti itu yang mengatakan bahawa tidak ada lagi, perjanjian itu sudah terbatal tentang komitmen ataupun sumbangan royalti 5% kepada Kerajaan Negeri, kita bergantung kepada ehsan ataupun sumbangan Dana Khas daripada Kerajaan Pusat.

Dalam Bajet semalam yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa peningkatan hasil negeri biasa dalam 10 – 11% tanpa sumber petroleum telah meningkat kepada 22.6%. Ini suatu nilai yang *misleading* dengan izin, kerana peratusan ini naik bukan kerana hasil selain daripada petroleum dan tunggakan petroleum itu meningkat tetapi kerana jumlah pendapatan itu menurun, bila dibahagi tu kita nampak macam besar.

Saya melihat, kalau kita lihat pada Buku Bajet yang diberikan kepada semua Ahli Dewan buku yang tebal tu, pendapatan 2015 sebenar setelah ditolak sumber petroleum dan juga tunggakan RM220 juta itu hanya RM445 juta. 2016 - RM400 juta, menurun, 2017 - RM384 juta sahaja. Jadi nilai yang sebenarnya semakin menurun, semakin merosot bukannya meningkat. *Percentage* dengan izin, memang meningkat tapi nilai sebenar itu makin menurun.

Ini menunjukkan bahawa selama ini, walaupun kita dikatakan mempunyai sumber asli komoditi yang banyak dalam Negeri Terengganu ini dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala tapi dari segi peningkatan ekonomi khususnya pada pungutan hasil tidak meningkat malahan makin menurun.

Ini yang saya melihat yang pertama sekali, kalau kita tengok balik daripada sumber yang kita kira sepatutnya boleh memberi suatu hasil baru kepada Kerajaan Negeri ialah lombong besi. Setelah beroperasi sejak tahun 2008, 13 buah syarikat telah dikurniakan, diberi lesen ataupun permit melombong selama 2008 hingga 2014. Berapa tahun? 7 tahun. Berapa hasil dia? Hasil dikutip seperti dijawab dalam Soalan Bertulis hanya RM829,162.25. Tak sampai RM1 juta, kita *dok* ingat inilah yang akan beri satu hasil sumber baru kepada kita, rupa-rupanya tidak.

Sedangkan kita telah mengorbankan kawasan Bukit Besi 6,000 ekar atau 6,000 hektar. Habis balaknya gondolnya, alam sekitar rosak, ekosistem rosak. Yang kita dapat hanya tak sampai RM1 juta. Ini patut kita kena kaji balik dan sebahagian besar kilang-kilang ini dah tutup, tak beroperasi. Hari ini saya rasa semua dah tak beroperasi, tahun 2015 pun dah ada yang berhenti operasi, dalam jawapan bertulis ini.

Inilah perkara yang kita kata kadang-kadang tidak berbaloi, tidak berbaloi kita mengorbankan alam sekitar kita, alam semulajadi kita, dengan hutan dara, hutan simpan kekal kita kerana nak ambil hasil bijih besi. Kononnya inilah jawapan Menteri Besar yang dulu dalam Dewan ini bila saya bertanya. Kerana kata nilai besi lebih penting dari Kerajaan Negeri berbanding dengan balak. Tapi akhirnya, nilai besi hanya tak sampai RM1 juta, 8 tahun. Kilang Eastern Steel dah tutup nampaknya, tak beroperasi. Ini semua bagi saya suatu perkara Kerajaan perlu nilai untuk membuat sesuatu pembangunan ekonomi itu melihat juga akan kesan sampingan, juga daya saing dan daya majunya.

Yang kedua, saya nak sebut jugalah dari segi simpanan kewangan Kerajaan pun nampak merosot. Dalam buku muka surat 6, aset, pelaburan campur wang tunai 2014 - RM638,245,185.08, 2015 dah merosot kepada RM230,838,205.71. Ini dah makan modal. Dan Bajet kali ni Bajet Negatif pula, Bajet Defisit. Maka, ini juga akan menyebabkan kita akan lagi kehilangan aset kita, ataupun wang tunai yang kita ada dan juga pelaburan-pelaburan yang kita ada.

Ini yang sangat membimbangkan kita dalam keadaan pula harga minyak masih lagi tidak memberangsangkan dan bila Petronas kata tak wajib bagi, mungkin Dana Khas juga boleh dihentikan. Inilah perkara yang menjadi yang trauma ataupun yang menjadi suatu perkara yang mungkin menyusahkan rakyat di masa-masa yang akan datang.

Yang kedua, saya duk baca buku Dewan tebal, Yang Amat Berhormat semalam bentang hampir dua jam. Tapi saya duk perhati tak ada isu apa pun yang boleh menarik perhatian kita. Saya lebih berminat nak komen tentang peruntukan untuk pembangunan ekonomi. Tengok dalam Buku Bajet ini sebut, untuk pembangunan ekonomi hanya 10%. Projek-projek ekonomi bermakna projek ini langsung untuk meningkatkan ekonomi negeri dan juga rakyat khususnya, hanya diperuntukkan 10% daripada peruntukan pembangunan, RM77.61 juta. Kalau kita ambil nilai ini berbanding dengan Bajet sebenar, perbelanjaan yang dijangka yang sebenar, ia hanya sekitar 4.6% daripada seluruh Bajet kita yang RM1.697 bilion itu, kalau kita ambil peratusan projek ekonomi ataupun pembangunan ekonomi RM77.16 juta hanya 4.6%.

Jadi kita janganlah mengharap sesuatu yang luar biasa bila kita memperuntukkan sesuatu benda yang sangat kecil, tak sampai 5% kita nak mengharap pulangan ekonomi yang besar. Orang meniaga orang panggil *outlah*. Kita melabur kecil nak untung besar mana boleh, tak boleh. Kita nak untung besar kita kena melabur besar. Itu cara kita nak membangunkan ekonomi negeri. Tapi hanya peruntukan tak sampai 5% nak menjanakan, nak meningkatkan ekonomi negeri, pendapatan negeri, saya rasa itu mustahil. Dan ini patut *direvise* balik, dikaji balik kalau kita benar-benar nak meningkatkan sumber hasil negeri selain daripada petroleum tadi. Kalau tak ada petroleum ke mana nak cari hasil, kita kena meningkat dulu usaha-usaha dan peruntukan yang lebih besar bagi untuk meningkatkan ekonomi negeri ini. Itu suatu pandangan sayalah. Kita kena biar realistik, biar munasabah buat sesuatu perkara tu, jika benar-benar nak menambah hasil negeri.

Dan saya tengok juga daripada projek-projek yang dibentangkan semalam berkaitan dengan peningkatan ekonomi ataupun pembangunan ekonomi ini, antaranya pelancongan. Kalau kita baca daripada item 55 muka surat 32 hinggalah habis 15 perkara yang disebut itu, 15 ke sampai muka surat 41 saya tengok tak ada apa. Yang bagi pada pemandu teksi, projek mana saya, saya ada cek dalam buku saya, saya tengok situ lebih kurang, Food Truck RM200,000, berapa banyaklah sangat boleh pulangan hasil ekonominya. Buat penarik beca kita bagi RM50,000, Outdoor Game RM500,000. Ini picisan-picisan sahaja. Dan ini saya yakin ia tidak akan dapat meningkat ekonomi negeripun, ia akan jadi *one off* saja. Habis gitu saje. Habis tahun habis duit dan tidak akan dapat meningkat pendapatan penjaja kecil ke, penarik beca ke, ataupun yang saya rasa, tahniah

orang Dungun pertama kali ada peruntukan untuk rumah kucing RM150,000, kucing pun boleh rumah. Tapi rakyat ramai lagi *takdok* rumah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Pohon laluan sikit.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tayar percuma

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua pohon laluan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ini perkara-perkara yang saya rasa tak berapa

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Tak bagi ke?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): ...Tidak boleh memajukan ekonomi. Saya tak bagi Air Putih, Air Putih dah sebut tadi, dia kata ini kita galakkan swasta. Yalah swasta, berapa pelabur masuk?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Laluan! Janganlah syarah saya. Pohon laluan ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Minta laluan. Bagi tak tu?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tak bagi, tak bagilah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Kabor takmboh bagi, tak payah syarah, tanya. Tak boleh sudahlah.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Aik kita syarahkan, dengar dulu, dengar dulu.(Sambil ketawa).....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Tak payah nak syarah.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Aik, syarahlah ni, kita tengah syarahkan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dah bagilah laluan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya tak langgar undang-undang pegawai Kerajaan. Sekolah Pegawai Kerajaan tak layak hari ini. Nak cari hak lain hak layak lagi, tak jadilah gitu. Hak ada ni okey dah. Jangan buat rendah-rendah pegawai-pegawai kita yang ada ni. Yang ambil dulu pun ada kelulusan. Kita

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Pohon penjelasan. Saya tak dengar pun kata tadi Air Putih bangkitkan perkara Kerajaan tak layak, Dato' Yang Dipertua, saya ingat kena..... Ini satu ...

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Nak ambil pandai-pandai.....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tak boleh, sebab Air Putih tidak sebut tadi Pegawai Kerajaan yang tidak layak.....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Allah, minta laluan *gok* dulu, redah-redah ni. Rumah orang ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dah minta tak beri. Tak ini satu tuduhan yang berat Yang Dipertua sebab.....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Mana tahu dok beri, mintalah dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Wakil Bukit Tunggal sebut Air Putih menganggap pegawai kerajaan tidak layak sedangkan tidak ada dalam ucapan tadi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Saya sebut pasal pengambilan baru, cara yang baru

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dia tak sebut yang sedia ada.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Perteingkatkan, naik tarafkan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Duduklah, duduklah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dah, mende hal.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Itu yang syarah *dok napok, dok napok tu....*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk, Y.B. Bukit Tunggal duduk kejap.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Orang sebut lain, dia syarah lain.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. duduk jap.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Baru ni pergi syarah Jabi gitu juga baham rambang.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ha...ha... Bila pulak pergi syarah di Jabi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Tunggal tarik baliklah sebab sayapun tak dengar, tarik baliklah untuk

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Itu tafsiran sayalah. Sebab duduk sebut nak beri kursus-kursus lagi, nak ambil orang yang lebih baik dan sebagainya. Seolah-olah yang ada tak baiklah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itu untuk penambahbaikan.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Itu pandangan sayalah, saya tafsir gitu. Orang lain tafsir saya tak tahu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak layak tu tak ada, ya.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yalah, maknanya kalau kita kata nak ambil lagi orang hak yang lebih baik, yang ada kurang baiklah, tu aje.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR: Saya rasa Bukit Tunggal yang buat anggapan gitu tu. Bukit Tunggal yang menyatakan bahawa pegawai kita tak layak.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bila kata begitu, begitulah saya punya tafsiranlah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Tunggal saya minta tarik balik, tu jelah.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tarik balik apa benda gitu tu.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya setuju Bukit Tunggal.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak minta pendapat pun.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tak apalah, tafsir saya. Saya faham begitu, okeylah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, Bukit Tunggal teruskan.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Okey, saya nak beritahu yang saya kata panjang tu, daripada muka surat 32 sampai berapa muka surat, 40 lebih duk sebut benda-benda yang saya rasa RM500,000, RM1 juta. Ini kecil-kecil saja sepatutnya tak masuk dalam buku ni. Yalah ini dah ada dalam Buku Bajet. Itulah saya rasa.

Yang keduanya, berkaitan dengan peruntukan pertanian. Nampaknya projek-projek yang sama juga yang pernah gagal sebelum ini diberi lagi peruntukan macam melon manis. Dan saya yang saya rasa pelik sikit berkaitan dengan lebah madu, ternakan madu sumber pendapatan. Ini tak sebut pula, berapa ni? RM1 juta dari segi bajetnya. Berapa banyak sangatlah kita boleh dapat dari sumber ekonomi kalau projek-projek yang begini kecil-kecil ni, saya rasa tak masuk bukulah untuk kita kata dapat meningkatkan ekonomi negerilah khususnya. Khusus saya sebut tentang nak meningkatkan pendapatan negeri, hasilnya, individu mungkin adalah dua tiga empat orang yang dapat, tetapi dia tidak menyelesaikan masalah yang kita hadapi hari ini.

Yang saya nak sebut satu lagi berkaitan, ini berkaitan nelayan khususnya. Baguslah Kerajaan ada prihatin tentang masalah nelayan-nelayan kita yang unjang-unjang mereka rosak, ekosistem, habitat marin rosak dan sebagainya. Tapi perkara pokok yang sebenarnya, kita buatlah apa sahaja pun dengarnya nak buat tukun, lebih dari tukun menghalang pukut tunda. Kita boleh buatlah tukun simen atau apa, tapi pukut tunda asing ni Thailand, Vietnam dia memang ada teknologi dia tinggi lagi, jadi dia boleh pecah batu-batu ni. Yang penting bagi saya ialah penguatkuasaan di perairan negara supaya tidak ada pencerobohan daripada nelayan asing. Yang tu yang penting. Saya sebut beberapa kali dalam Dewan ni, inilah masalah nelayan kita. Kawasan saya ramai nelayan, inilah yang mereka adukan.

Nelayan asing bebas masuk sehingga kepada pantai hinggakan unjang-unjang mereka rosak. Kalau kita buat unjang besar mana pun kecuali letak bangunan dalam laut wallahu wa'alamlah, barulah dia tak mari, setakat unjang ni dia boleh *kokok* begitu saja. Ini perkara yang saya minta kerjasama kalau benar-benar kita serius nak membantu nelayan kita yang dikatakan 2,341 nelayan tradisional ini, itulah caranya mesti penguatkuasaan lautan kita mesti lebih serius supaya tidak mereka masuk hingga ke perairan pantai kita ini, kawasan nelayan-nelayan kita.

Jadi dengan cara beri peruntukan RM250,000 buat tukun ini saya rasa ia tidak akan memberi apa-apa manfaat yang besar kepada nelayan-nelayan kita khususnya.

Ada masa lagi? Saya nak sebut sikit lagi berkaitan dengan kesihatan. Ini juga saya melihat memanglah bak kata orang: 'Daripada cempedak baiklah nangka, daripada tak ada lebih baik ada'. Untuk kempen, muka surat 87. Kempen Kesedaran Basmi Denggi dan Perangi Zika. Kerajaan komited membasmi wabak Denggi dan Zika memberi peruntukan RM100 juta. Denggi dan Zika ini memang dibawa oleh nyamuk Aedes. Dua-duanya, satu jer lah nyamuk Aedes. Dan ini saya duk sebut *sokmo doh*, masalah Aedes ini masalahnya pertama, kerana dia membiak di air bertakung.

Dengan RM1 juta ini, dengan disebut 162 mukim, bermakna satu mukim yang satu mukim tu mungkin ada berpuluh-puluh kampung, peruntukan RM6 ribu, mungkin boleh buat gotong-royong. Program Gotong-royong Perdana ni satu kali setahun sahaja. Adakah satu kali setahun gotong-royong boleh menyelesaikan masalah nyamuk Aedes? Kita dah buat gotong-royong berapa kali dah. Saya sendiri, kawan saya anjur gotong-royong juga. Walaupun kita tak ada duit pun tapi kita buat gotong-royong. Tapi ia takkan menyelesaikan apa yang kita sebut dahulu berkaitan dengan sistem perparitan kita, longkang kita yang tidak ada khususnya di kawasan kampung-kampung tradisi. Saya dah sebut berapa kali. Yang banyak wabak Denggi ini berlaku di kampung tradisi yang tidak ada longkang, jalan pun tidak ada, tong sampah pun tak ada. Jadi mereka akan buang sampah merata sebab tidak ada tempat nak buang sampah. Air akan bertakung bila hujan tak ada tempat nak lalu. Ada lopak sikit dah jadi air. Ini tempat dia membiak. Sebab itu saya berapa kali sebut, sistem perparitan ini mesti diberi keutamaan.

Tetapi malangnya, dalam Bajet ini, buku ini, peruntukan Majlis Bandaraya untuk longkang hanya RM500,000, setengah juta. Macam mana nak selesai masalah. Tak serius saya sebut, ini buktikan dengan kewangan yang kita sumbangkan. RM500,000 nak bersih apa? Ini persoalan yang saya selalu sebut dalam Dewan ini berkaitan dengan kesihatan, pasal apa? Memang saya peka dengan kesihatan.

Sebab itu bila soalan berkaitan dengan dewan bedah siap tak boleh guna, tak ada doktor pakar. Takkan dewan bedah siap tak boleh guna, berapa hospital yang rancang tak berjalan pun lagi ataupun yang sekerat jalan berhenti. Hospital

Dungun, Hospital Kemaman, UniSZA dan tanah untuk hospital di Daerah Marang Kerajaan ambil tapi tak berjalan lagi projek. Kalau berjalan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Tunggal, panjang lagi? 20 minit dah.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Sikit lagi. 20 minit? Ini perkara yang saya kata untuk kesihatan yang perlu diberi penekanan. Kalau tengok Hospital Sultanah Nur Zahirah ni memang agak *very crowded* dengan izin. Akhir sekali saya nak sebut, Speaker saya hormatlah tentang masa ni, sebab ramai kawan-kawan nak bercakap.

Yang berkaitan dengan projek pelancongan yang dibuat, soalan saya pun ada yang tak sempat dijawab semalam, saya tengok muara sungai Terengganu ni memang ada potensi untuk dimajukan pelancongan. Tetapi tidak ada produk yang pelancong-pelancong boleh nak naik, nak guna River Cruise tu untuk tengok apa benda nak tengok Sungai Terengganu tak ada apa lagi. Adalah dia buat muzium, tangga muzium pergi tengok, tangga apa untuk jeti, jeti bot kalau nak naik ke muzium tengok, terbiar begitu. Jeti ke Pusat Kraf di Tanjung Bunut begitu juga adalah buat sikit baiki baru, buat macam pelampung.

Yang kawasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar nak buat Nipah Cruise, apa jadi dengan taman rekreasi dia juga terbiar begitu. Hak sedia ada pun terbiar, bagaimana dan projek baru pun tak nampak setakat ini saya tengok untuk menarik pelancong khususnya di Bandaraya Kuala Terengganu ini.

Tapi di Kenyir yang sehingga hari ini tak banyak pulangan dapat, dah hampir saya ingat RM0.5 bilion dah belanja belum dapat pulangan apa pun lagi, tahun ini lulus lagi untuk pelancongan Tasik Kenyir RM14.5 juta, untuk Pulau Bayas RM37 juta jumlah besar RM51.5 juta. Sedangkan dalam 2009 diberi jawapan dalam Dewan ini, pembangunan Pulau Bayas ini peruntukannya hanya RM80 juta. Tapi saya rasa sekarang dah lebih daripada RM200 juta dah. Tiap-tiap Persidangan Bajet lulus RM30 juta, RM40 juta. Ini RM37 juta. Bajet asal 2009 cek balik dalam Dewan ni jawab RM80 juta sahaja. Sekarang sudah *burst*, bajet sudah lari.

Saya bimbang Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua takut jadi seperti mana Taman Ilmu belanja RM400 juta. RM400 juta sudah belanja. Dulu kata lima buah

universiti terkemuka dunia nak buka cawangan di sini hingga sekarang tak ada, bangunan rosak, terbiar. Tahun ni bagi RM4 juta untuk baiki, atapnya roboh pintunya pecah dindingnya retak, macam-macam masalah Taman Ilmu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Tunggal panjang dah ni. Nanti tak sempat orang lain.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya bimbang.... sekejap jer. Saya bimbang Kenyir ini akan jadi Gajah Putih macam tu juga. Saya nak tanya Kerajaan berapa buah syarikat yang telah beri komitmen untuk buka kedai atau gedung mereka di Pulau Bebas Cukai setakat ini? Kalau belum ada, ini masa kena cari cepat. Kalau tidak nanti siap bangunan tak ada orang nak meniaga. Jadi Gajah Putih di Kenyir pula, habis RM1 bilion pula.

Ini perkara yang kita perlu kira dengan serius. Kalau kita serius nak bantu rakyat Negeri Terengganu ini. Saya rasa cukup sekadar itulah ya, Speaker dah jeling saya lama sangat. Terima kasih Speaker kerana beri ruangan pada saya, saya minta maaf banyak-banyak. Wallahu'alam, wabillahi taufiq wal hidayah. Wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Saya bagi Jabi dululah. Lepas ni insyaAllah Bandar. Sila Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi. Salam Transformasi Terengganu Baharu. Alhamdulillah rabbi 'alamin. Wabihi nastain. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Ahli-ahli Yang Berhormat dan Sidang Dewan yang mulia sekalian.

Pertama, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Ucapan Bajet 2017 sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari kelmarin. Saya sukacita mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kerajaan kerana dalam keadaan ekonomi kita yang di serata-rata di seluruh dunia mengalami kemurungan, kita masih mampu

untuk membentangkan satu Belanjawan yang saya tak tahulah Bukit Tunggal kata dia tak nampak apa-apa, yang saya nampak banyak.

Banyak perkara yang memberi manfaat kepada rakyat walaupun mungkin pada sesetengahnya perkara itu nampak hanya kecil tetapi insyaAllah sumbangan ataupun pulangan yang akan diberikan nanti walaupun tidak secara langsung tetapi manfaatnya akan tetap dirasai oleh rakyat. Sementelah lagi dalam keadaan kemerosotan ekonomi ini, kita perlu membiasakan di dalam keadaan kalau orang tua sebut dulu "berjagung-jagung sebelum padi masak". Belanja dulu walaupun dalam keadaan mungkin kita mengalami sedikit keperitan, tapi insyaAllah pada tiap-tiap kesusahan itu akan ada kesenangan. "Inna ma'al usri yusra." Sebagaimana yang disebut dalam firman Allah. InsyaAllah.

Ironinya, kita bukanlah negeri pertama pada tahun ini yang membentangkan Bajet sebelum Terengganu membentangkan Bajet pada hari semalam, ada 7 lagi negeri yang sudah membentangkan bajet. Kalau boleh izinkan saya menyebut, Dato' Yang Dipertua. Sabah, Kelantan, Johor, Selangor, Perak, Kedah, Pulau Pinang dan semalam kita Terengganu dan juga kalau saya tidak silap Sarawak.

Walaupun, Bajet yang dibentangkan pada tahun ini kita menunjukkan sedikit penurunan lebih kurang 11% daripada apa yang telah kita bentangkan pada tahun lepas, sebelum Bajet disemak semula, iaitu atau penurunan sebanyak RM233 juta. Beberapa negeri telah membentangkan Bajet yang menunjukkan peningkatan dalam perbelanjaan mereka sebagai contohnya, Kelantan meningkat RM40 juta ataupun 6.3%, Selangor meningkat lebih daripada setengah bilion RM570 juta daripada RM3.45 bilion iaitu hampir 20% bajet.

Jadi, ironinya di sini kita memperlihatkan bahawasanya Kerajaan di mana-mana negeri cuba sedaya upaya untuk membantu kebajikan rakyat dan juga menguruskan pentadbiran walaupun dalam keadaan ekonomi yang suram ini. Jadi janganlah pula nanti ada sesetengah pihak yang keluar nanti daripada Dewan pergi bersyarah pula, bahawasanya inilah Bajet beri macam-macam kepada rakyat ini ialah untuk tujuan pilihan raya kerana daripada statistik yang kita ada ini, data yang kita ada, negeri-negeri yang dikuasai oleh Pembangkang juga memperlihatkan penambahan di dalam Belanjawan mereka, sebagaimana contoh yang telah saya sebutkan sebentar tadi.

Walau bagaimanapun, suka saya nak mengambil bahagian di sini untuk menyebut beberapa perkara. Oleh kerana Bajet kita ini, Belanjawan kita ini khususnya dari segi terimaan ataupun pendapatan yang kita perolehi, sebahagian besarnya adalah daripada Terimaan Bukan Hasil iaitu sekitar 82% ke 85%, RM1.436 bilion yang kita jangkakan kita terima daripada Hasil Terimaan daripada Kerajaan Pusat.

Justeru, sudah tibalah masanya untuk Kerajaan Negeri, saya sangat-sangat menyokonglah sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam tidak selamanya kita boleh bergantung kepada terimaan daripada Kerajaan Pusat. Justeru, perkara-perkara yang dibentangkan semalam, seperti sektor-sektor baru yang kita nak teroka khususnya dalam Program Transformasi Ekonomi Terengganu tadi, yang kita sebut di dalam pembentangan semalam, melalui tiga strategi itu ada satu langkah yang tepat yang kita lihat sebenarnya sumber kita banyak tetapi sebelum ini oleh kerana mungkin kebergantungan kita itu kepada terimaan daripada Kerajaan Pusat adalah begitu besar, maka kita mungkin terlupa di antara sumber-sumber yang kita ada.

Saya sangat menyokong penuh bila Kerajaan menumpukan kepada sektor pelancongan sebagaimana yang kita akan adakan pada tahun depan Visit Beautiful Terengganu ini satu langkah yang tepat. Maka dengan sebab itu, perlu untuk kita menyatupadukan usaha ataupun menyelaraskan usaha supaya rakyat semua terlibat. Terlibat bukan setakat mereka ini memerhatikan tahun depan Tahun Melawat Terengganu. Selamat datang ke Terengganu Tahun 2017. Semua rakyat bercakap berkenaan dengan Tahun Melawat Terengganu tetapi seboleh-bolehnya bagi kita merakyatkan ekonomi ini, Program Transformasi Ekonomi ini, biarlah Tahun Melawat Terengganu ini semua rakyat terlibat untuk mendapat pulangan kek ekonomi daripada sektor pelancongan.

Izinkan saya menyebut Dato' Yang Dipertua, pada tiga tahun yang kebelakangan ini kita mencatatkan ketibaan pelancong yang tidak kurang. 2013 - 4,037,000 orang lebih kurang, 2014 – meningkat 4,517,000, 2015 – meningkat lagi 4.7 juta. Daripada kedatangan pelancong yang begini ramai ini, melebihi berkali-kali ganda jumah penduduk rakyat Negeri Terengganu ini, sepatutnya semua rakyat Negeri Terengganu dah boleh terlibat dengan sektor pelancongan bukan hanya pelabur-pelabur, bukan hanya sesetengah *player* ataupun dengan izin, pemain-pemain dalam industri pelancongan ini bahkan rakyat sepatutnya terlibat secara langsung.

Daripada jumlah-jumlah tersebut, ini yang nak disebut tadi yang Bukit Tunggul ada sebut Kenyir dia kata tak ada apa-apa. Sebenarnya ketibaan pelancong ke Kenyir pada tahun 2015 ialah 706,000 pada tahun 2015 sahaja hampir 1 juta orang telah melawat Kenyir dan kita boleh jangkakan, boleh bayangkan bagaimana pulangan ataupun pendapatan yang diperolehi oleh pemain-pemain sektor pelancongan di Kenyir sahaja khususnya. Dengan ketibaan pelancong hampir 1 juta orang ini, 706,000 orang ni, di Pulau Perhentian 152,000 orang, di Pulau Redang hampir setengah juta orang, 326,00 orang.

Persoalan di sini Dato' Yang Dipertua, yang saya cuba nak bangkitkan ialah adakah kita telah merasakan bahawasanya rakyat sudah mengambil peluang atau mereka benar-benar sudah turut serta di dalam apa sektor yang Kerajaan nak bangunkan ini. Sebagai contoh, dari segi operasi sektor pelancongan yang diuruskan oleh agensi-agensi pelancongan, di Negeri Terengganu mengikut statistik yang saya ada, ada seramai 170 orang operator ataupun pengusaha sektor pelancongan yang mana 147-nya ialah daripada operator tempatan, maknanya orang Terengganu sendiri, syarikat-syarikat Terengganu sendiri.

Iaitu yang melaksanakan operasi *inbound* dengan izin, ataupun yang pelancong tempatan ini seramai 99 operator, *outboundnya* lima operator dan yang selebihnya tu yang mempunyai lesen untuk tiket dan sebagainya. Daripada 197 orang ini Dato' Yang Dipertua, kita lihat satu bidang satu jawatan ataupun satu jenis pekerjaan yang apabila kita pergi ke luar, ke tempat orang, melawat tempat orang, kita lihat ramai di kalangan mereka ini yang terlibat sebagai *tour guide* dengan izin, ataupun pemandu pelancong.

Ini kita nampak di Negeri Terengganu satu sektor ataupun bidang pekerjaan yang belum lagi kita terokai secara sepenuhnya. Mengikut statistik yang kita ada setakat hari ini, dengan ketibaan pelancong ini 4 juta lebih setiap tahun daripada tahun 2013 sehingga ke tahun lepas, kita cuma ada 74 orang Pemandu Pelancong. Daripada 4,731,000 pelancong yang tiba ke Negeri Terengganu hampir 1 jutanya ialah pelancong daripada luar iaitu pelancong luar negaralah, orang putih, mungkin daripada Tanah Arab, daripada negeri-negeri Arab dan sebagainya. 850,000 ini satu angka yang begitu besar. Bayangkan bagaimana kalau kita dapat melatih rakyat kita khususnya lepasan-lepasan universiti yang sekarang ini susah untuk dapat pekerjaan jika dilatih untuk mereka ini menjadi Pemandu Pelancong, saya

rasa kita boleh menyediakan peluang pekerjaan yang banyak sekurang-kurangnya 5 ke 7 ribu orang yang dapat kerja.

Kira-kiranya mudah begini, katakan kalau 850 ribu ini yang tiba ke Negeri Terengganu, 1 pemandu pelancong boleh buat untuk jaga 40 orang katakan 1 bas, dan seminggu mungkin mereka buat 3 kali kerja kerana purata yang tinggal, *stay*, tempoh masa mereka menginap di Negeri Terengganu ini antara 3 ke 5 malam. Kalau kita dapat mengurus dan menyelaraskan begini, 850 ribu ini dibahagikan dengan 3 kali dalam seminggu untuk mereka melaksanakan ataupun buat kerja menjadi Pemandu Pelancong ini mungkin kita boleh wujudkan peluang pekerjaan di antara 5 ke 7 ribu orang.

Saya semak dengan bahagian pelancongan tadi, satu kursus untuk

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Tepoh minta laluan macam mana?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Bagi saya habiskan *hok* nafas ni, perenggan *hok* ni jer. Nanti insyaAllah saya akan bagi laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi teruskan.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tetapi hari ini kita cuma ada 74 orang sahaja Pemandu Pelancong. Kenapa kita tak terokai bidang ini? Sedangkan ini adalah satu peluang yang besar yang mana keterlibatan langsung rakyat boleh terlibat untuk mencari pendapatan melalui bidang pelancongan ini. Dan kita percaya ramai graduan-graduan kita yang masih lagi mencari pekerjaan, yang masih lagi menganggur. Inilah satu kesempatan, satu peluang.

Saya difahamkan kursus singkat untuk menjadi seorang Pemandu Pelancong ini ambil masa tak sampai sebulan. Mungkin dalam dua ke tiga minggu sahaja. Terutama sekali dalam sektor pelancongan *Natural Tourism* ini iaitu dengan izin pemandu pelancong *Nature Guide* dia ni berbanding dengan *City Guide*. *City guide* ni dia datang mungkin daripada pakej-pakej syarikat daripada Kuala Lumpur, Johor Bahru dan sebagainya dia terus ke negeri kita.

Tetapi yang *Nature Guide* ini kerana kita ada sumber-sumber yang banyak kita kena terokai sumber-sumber ini supaya ini memberi pulangan dan peluang langsung kepada mereka yang berada di kawasan tersebut. Saya tengok sekarang ni dah ada dah contohnya kalau nak naik ke Gunung Tebu di tempat saya itu, maling gunungnya ialah diambil daripada orang tempatan, ini memberikan pendapatan kepada mereka. Sila, Wakil Tepoh saya beri laluan sekejap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey terima kasih Jabi. Sila Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Jabi. Saya terus nak minta penjelasan sikit, adakah Jabi bersetuju bahawa Projek Visit Beautiful Terengganu ini seperti pihak Kerajaan tidak bersiap sedia sepenuhnya sehingga Pemandu Pelancong pun baru ada 74 orang untuk tahun 2017. Adakah Jabi bersetuju kalau saya katakan demikian?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Soalan peringkat sekolah menengah dia tak ada dah objektif *dok*? Dia A, B, C gitu *dok* pakai *doh*, *dok* jawab pun *gane* pun dia tengok atas kita jawab lagu mana, *dok*? Sebagai contoh saya nak jawab gini, kita *dok* boleh nak sebut kita kata sama ada kita bersetuju ataupun tidak, kita bersedia ataupun tidak. Kerana kita menjangkakan hasil yang baik daripada usaha kita. Kalau kita tak jangkakan hasil yang baik kita sudah tidak buat awal-awal lagi.

Maka Visit Beautiful Terengganu ini adalah satu katalis yang kita nak buat supaya pelancong tu boleh datang, bukan setuju tidak setuju di sini. Sudah tentu Kerajaan dah mengambil kira apabila kita mempromosikan Negeri ini maka kedatangan pelancong dalam keadaan kita tidak buat Tahun Melawat Terengganu, Visit Beautiful Terengganu pun kita mencatat 4.7 juta ketibaan pelancong dan kita jangkakan akan lebih lagi sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam.

Jadi, saya terus Dato' Yang Dipertua. Saya baca sikit pecahan *Tour Guide* tadi. Kuala Terengganu ada 29 orang *City Guide*, *Nature Guide* 11 orang, Marang ada 4, ini yang berdaftar maksudnya yang berdaftar, yang tak berdaftar tu mungkin ramailah, *nature guide* ada 3 orang di Marang, Hulu Terengganu ada 3, Kemaman

ada 3, Setiu ada 3, Besut ada 4 orang. Jumlah *Nature Guide* ada 30 orang berbanding dengan *City Guide* ini ada 44 orang.

Jadi di sini sebenarnya satu bidang yang belum kita terokai sepenuhnya mungkin kalau kita tidak ada kesempatan yang banyak untuk kita nak mengejar sehingga tahun 2017 tetapi sekurang-kurangnya kita dah bermula. Daripada ini kita mengambil sebagai langkah untuk kita melatih pada masa hadapan. Mungkin kita tak menganjurkan lagi dalam masa terdekat Tahun Melawat Terengganu, tetapi pada masa yang sama industri pelancongan berjalan.

Jadi ini saya nampak peluang pada orang muda, cuma halangannya begini, saya menyamak dengan pakej-pakej yang pelancongan yang datang ke Terengganu ini daripada 179 operator yang beroperasi di Terengganu, rupanya kita tidak ada satu orang kata satu pakej yang boleh mengikat mereka ataupun tak kenakan mereka dengan satu syarat-syarat khusus tempat mana yang mereka patut melawat. Kalau mereka bawa pakej ini seramai ini, di sini yang mereka patut tengok, mereka kena pergi ke sini dan mereka kena bermalam di sini.

Saya rasa kalau kita buat atau laksanakan sebegitu, dalam keadaan yang kita memberi inisiatif kepada pemain sektor pelancongan ini ataupun operator-operator tadi, insyaAllah kita akan memberi daya tarikan kepada pelancong untuk datang. Sebagai contohnya sumber-sumber asli yang kita ada. Di Setiu contoh, di sempadan di antara kawasan saya Jabi dan Permaisuri ada satu tasik nama dia Tasik Berombak, tasik tu berombak. Jadi tarikan untuk tengok tasik berombak ini sebenarnya kalau kena dengan *story tellingnya* dengan izin, cara kita bercerita menjual ataupun mempromosikan kawasan ini, dia akan menarik minat.

Sebagai contoh, ramai orang-orang kita ni yang selalu pergi melancong ke Negara-Negara Asia Tenggara ke Indonesia, ke Vietnam contohnya. Di Vietnam tu saya difahamkan ada satu pakej untuk masuk ke, bawa perahu dan lalu dalam kawasan nipah, kawasan-kawasan pohon nipah. Lalu ikut dalam selut gitu kayuh perahu. Apa benda yang nak tengok ni, bau selut busuk *bangor dok*. Tapi dia jadi satu pakej pelancongan. Dia jadi satu produk.

Dari mana pelancong yang tiba, dia bawa juga pergi ke situ. Kena naik perahu tu, kena lalu ikut pokok nipah tu. Naik di jeti, kena makan pula kelapa muda. Daripada kelapa muda tu, kena beli pula

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Boleh laluan sikit.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Boleh, boleh Wakil Ladang tapi sekejap lepas ni. Dokleh nak *brek ngejut gini, brek ngejut punoh disc break*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Ladang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya akan beri, insyaAllah. Jadi kalau kita manipulasikan sumber asli yang ada ini dan saya percaya daripada Besut sampai ke Kemaman kita ada sumber-sumber asli yang memang menjadi identiti di daerah masing-masing. Soalnya sekarang ialah bagaimana kita menyelaraskan di antara pentadbiran Kerajaan di bawah sektor pelancongan dengan pihak operator itu bagaimana nak mewajibkan dan membolehkan mereka ni bawa pelancong pergi ke kawasan-kawasan ini.

Yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam bagus dah sebab kita nak meningkatkan prasarana, nak berikan peruntukan-peruntukan untuk kita menaiktaraf kawasan-kawasan tempat pelancongan, itu bagus. Tetapi bagaimana kesedaran di kalangan rakyat kita sendiri untuk masuk ke dalam sektor ini, ni mereka nak masuk ni cara macam mana. Mungkin mereka tak diberikan lagi pengetahuan, tak diberikan sumber yang sedia ada sebenarnya mereka tak nampak macam mana sumber yang ada untuk mereka manipulasikan supaya menjadi sektor pelancongan.

Sebab itu bila kita bercakap dengan pemain-pemain industri pelancongan dia kata pasal apa tak bawa ni mari ke sini, dia kata sebab kita tak ada apa yang kita nak boleh. Cenderamata pun tak ada sebab mungkin tak ada *demand* dengan izin, bagaimana nak ada *supply*, tak ada *demand* tu mungkin pelancong tak dibawa ke sana, tak bawa ke sana mungkin salah satu sebab kita tak mensyaratkan mereka pergi ke sana.

Sebab itu, Dato' Yang Dipertua saya amat berharap sementelah lagi sektor pelancongan ataupun Jawatankuasa Pelancongan ini sudah diletakkan terus di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk kita tengok balik perkara ini.

Mungkin tak sempat untuk tahun 2017 tapi untuk jangka masa panjang oleh kerana kita dah nak keluar dah daripada kebergantungan terhadap industri ataupun terhadap terimaan royalti minyak ini maka kita perlu ceburi bidang-bidang lain yang akhirnya peluang pendapatan boleh diberikan terus kepada rakyat.....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi Alur Limbat minta Jabi.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): ... kerana mereka dapat bekerja dalam sektor ini. Hak mana dulu tadi, Ladang dulu. Saya minta Ladang dulu.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Ladang dulu, Ladang beri saya dulu.

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Pulok? Ni nak bangun nampak.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dua-dua orang boleh?

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dua tak boleh.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN. (Wakil Alur Limbat): Tak boleh?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh Jabi, okey terima kasih Jabi. Alur Limbat.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN. (Wakil Alur Limbat): Saya, kita agak keliru sikit sebab pelancongan ni di Terengganu tak nampak sangat macam negeri-negeri luar. Pelancong mereka luar daripada Malaysia, tapi Terengganu ni tak boleh nak beza. Adakah RM4 juta ataupun jumlah yang disebutkan tadi oleh Jabi itu Jabi sedar apa ni macam orang Perak, orang Kedah, orang Pahang saja mari itu yang menyebabkan tak perlu mana pelancong sangat, mereka dah biasa dah sini.

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih. Saya sebut dah tadi ketibaan pelancong kita ini. Daripada pecahan tersebut 850 ribunya ialah daripada pelancong-pelancong luar negara. Ini yang kita dapat

statistik ini yang telah disemak oleh Jawatankuasa Pelancongan kita, ketibaan pelancong. Memanglah kita tak boleh nak bilang seorang-seorang tetapi anggaran ketibaan pelancong pada tempoh tiga tahun terkebelakang.

YANG BERTHORMAT DATO' TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua saya nak minta giliran saya pula.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): *Satning* saya beri *se jer*, *satning* saya tanya dah minta Ladang dulu dia kata nak beri ke Alur Limbat. *Pah* nak minta balik.

YANG BERTHORMAT DATO' TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya tak jawab.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ni orang panggil gila talak ni. Sebab dia beri kat orang lepas tu dia duk gila dia tunggu nak pula, bahaya lagu ni. Saya tak beri dah, saya nak perhabiskan sikit lagi Dato' Yang Dipertua. Saya bagi dah sekali sorang.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi bagi dok Jabi?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dok bagi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi dok bagi. Sila duduk Ladang.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Belum boleh bagi. Belum boleh bagi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tapi, kita tak gila talak.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): *Time* kita bagi dia takmboh. Kejap, kejap.

YANG BERTHORMAT DATO' TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Gila talak tu tak betul tu. Macam mana Yang Dipertua nak kira macam mana pula tu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Ladang, duduk dulu Ladang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Hok tu apa nama ni perumpamaan. Metafora.

YANG BERHORMAT DATO' TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dok, minta Dato' Yang Dipertua tarik balik.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Minta tarik balik hok tu. Kata siapa gila talak tu. Kata ke Ladang ke Alur Limbat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Kata siapa hok berasalah. Siapa hok berasa. Doh saya beri dah satning dia beri ke Alur Limbat, lepas tu nak balik.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDULKARIM (Wakil Tepoh): Berasa belaka ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Jadi saya beri belakalah sekali sEorang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya tak pernah beri ke dia, dia yang ambil tadi.(Dewan ketawa).....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tu kira dua tu. Ni berat lagi kes ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dok, bukan sebab.....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, tadi yang beri tu boleh juga kita cari orang 'cina buta' ni jenis yang ambil bawa lari.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dok, bukan. Gini Dato' Yang Dipertua. Dia tuduh saya beri. Saya tak sebut apa-apa pun tadi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tu tak tahu lah. Dah kita tak kuat mempertahankan hak kita, kita nak kata macam mana, buat lari di oranglah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Doksoh tuduh. Dok baik tu tuduh gitu tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ladang minta saya habiskan dulu. Insyallah lepas ni. Saya perhabis hok ni dulu, insyallah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ladang, terima kasih. Teruskan Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, yang kedua Dato' Yang Dipertua saya nak menyebut sedikitlah berkenaan dengan kawasan sayalah. Ni kawasan Besut khususnya di kawasan saya. Terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri kerana banyak juga inisiatif yang nak diberikan kepada rakyat terutama dalam sektor pertanian. Saya nak teruskan kepada *point* saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi 20 minit doh ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya ambil hok Air Putih tadi 10 minit sebab dia singkat. Di Besut bermula daripada tahun lepas 2015 kita telah dapat limpahan nikmat daripada pembangunan iaitu Empangan Paya Peda yang telah mengairkan apa nama ni saluran air tu dan sekarang ni alhamdulillah.

Walau bagaimanapun, ada satu mungkin yang belum lagi mampu kita selesaikan iaitu apabila kita dalam proses menakung air dengan izin, *Impounding of Paya Peda Dam*. Pada April tahun 2015, yang bermula 9hb April 2015 dulu ada enam kawasan pengguna air KPA dipanggil tiap satu-satu kawasan pertanian itu diistilahkan sebagai kawasan pengguna air. Kawasan pengguna air ni mungkin melibatkan dua tiga kampung untuk satu kawasan bendang.

Ada enam kawasan pengguna air, enam kawasan bendang yang terpaksa bercuti selama semusim daripada mengusahakan tanaman padi kerana memberi laluan kepada proses penakungan ataupun *impounding* dengan izin, kepada Empangan Paya Peda. Jadi mereka ini tidak ada mata pencarian, tidak ada pendapatan, hilang pendapatan pada musim padi kali yang pertama tahun 2016 iaitu kalau boleh saya menyebutkan di sini yang melibatkan sebanyak 385 orang petani padi iaitu di kawasan Seri Masin dalam kawasan Hulu Besut dan sempadan dengan Jabi 57 orang, kawasan Awek, Awek ke Awet Yang Berhormat Hulu Besut? Kawasan Awek 57 orang - 92 hektar, dan selebihnya 4 lagi itu ialah di kawasan Jabi iaitu di kawasan Oh - 49 orang, Gong Dasar - 85 orang, Batang Gergaji - 45 orang dan yang paling ramai yang terlibat ini ialah di kawasan Perairan Kumpulan Pengguna Air Kerandang Timur iaitu seramai 92 orang. Daripada 385 orang ini, dua pertiga daripada jumlah tersebut ialah daripada kawasan DUN Jabi. Mereka ini terjejas dan tidak dapat bertani, tidak dapat menanam padi untuk memberi laluan kerana tidak ada bekalan air pada musim pertama tahun 2015 kerana pelaksanaan penakungan air di Paya Peda.

Adalah menjadi satu amalan pihak Kerajaan untuk memberikan satu bentuk pampasan kepada petani-petani yang terlibat sama ada mungkin bencana alam, bagaimana yang berlaku pada suatu masa dulu di Kedah di bawah Rancangan Pengairan MADA apabila berlaku mendapan tanah Kerajaan telah memberikan satu inisiatif dan berikan mereka sedikit pampasan.

Jadi yang ini selepas hampir setahun ataupun dah lebih setahun kita masih belum lagi dapat untuk memberikan satu bentuk pampasan kepada kesudian mereka itu untuk memberikan laluan kepada projek pembangunan tersebut. Jadi sukacita saya nak mohonlah di sini bagi pihak orang kampung saya supaya Kerajaan dapat meneliti balik perkara ini sama ada perbincangan-perbincangan dengan Kementerian Pertanian ataupun sebagainya agar kita dapat selesaikan kerana mengambil kira juga kesudian ataupun kerelaan mereka itu untuk memberikan laluan dengan tidak bertanam padi pada musim tersebut iaitu musim pertama tahun 2015.

Dato' Yang Dipertua, yang terakhirnya, menyentuh sikit hal padi ni, sekarang musim padi, musim banjir. Tempat saya itu sebahagian besarnya ialah petani padilah. Kalau kita pergi nak menghala ke Besut daripada Kuala Terengganu kita akan lihat beratur panjangnya lori-lori mengangkut padi-padi petani untuk jual di

Kompleks Bernas di Kampung Bukit Kenak iaitu di dalam DUN Jerteh. Panjangnya mungkin kadang-kadang sampai lebih kurang 2 kilometer. Kerana buat masa ini di Negeri Terengganu satu-satunya pusat belian padi yang dikelolakan oleh agensi ialah di Kampung Bukit Kenak tersebutlah di Bernas.

Halangan ataupun cabaran yang berlaku apabila penanaman padi pada musim banjir ialah oleh kerana di sana tertangguh kerana tidak dapat berjalan lancar mungkin kerana kapasiti yang ada untuk diproses dengan jumlah padi yang dibawa ke sana adalah begitu tinggi tak sepadan, maka dia akan jadi tertangguh untuk proses menuai di bendang.

Yang kita bimbangannya ialah apabila tiba musim hujan padi akan tenggelam dan ini akan merugikan petani. Buat masa ini apa yang saya dapati semakan kita ialah pihak swasta yang beli padi ada satu di kawasan saya juga iaitu di Kampung Kepala Gajah tapi tidak juga dapat memenuhi keperluan jumlah padi yang dibawa untuk diproses dan saya difahamkan lesen untuk membeli padi juga sudah dikeluarkan kepada LPP di Besut. Dan ada satu lagi kawasan iaitu di tempat saya di Kampung Kerandang. Juga ada tempat untuk proses padi tapi belum dapat beroperasi lagi kerana belum lagi kita dapat kelulusan-kelulusan daripada agensi. Jadi saya nak menyeru di sini, bahawasanya kita menyokong penuhlah kerana ini pertamanya kita dapat membantu petani untuk melancarkan proses belian padi ni. Dan yang kedua kita nak mengelak daripada monopoli kerana apabila ada seorang, ada satu saja

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Dipertua sekali.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): ataupun yang beli padi, maka tidak ada pilihan kepada petani. Kadang-kadang mereka terpaksa akur. Saya semak semalam, kadar pemetongan padi sampai ke peringkat 30% satu tan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Lualan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): 25% ke 30%. Wakil Manir saya habiskan hok ni dulu. Giliran satning Ladang, saya habiskan hok ni dulu ya, sikit lagi doh ya. Nanti boleh celah lagi dalam penggulungan Exco.

Kalau katakan mereka dipotong padi ni, harga se tannya ialah RM1,200 sekarang. Setiap ekar sawah mereka boleh menghasilkan di antara, paling maksimum pun tiga tan. Sekarang ini kita ada tubuhkan Kelab 10 tan iaitu 10 tan daripada dua hektar tu, 2.5 hektar kita jangkakan untuk dapatkan padi 10 tan. Tetapi amalan biasanya, petani-petani tradisi kita mereka hanya menghasilkan maksimum 2.5 hingga 3 tan sahaja 1 ekar padi. Itu belum ditolak lagi kos. Semakan saya kos untuk seekar padi ialah memerlukan kepada RM550 modal. Di mana upah, upah ...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): ...upah menggalanya

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ni lebih doh daripada 15 minit ni, 25 minit doh ni. Bila kita bercakap tanya sokmo.....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Malas doh nak dengar berasa.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dok nak habis. Tak nak dengar tak apa ramai lagi yang nak dengar. Tak ada masalah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi benda-benda itu

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Doh macam Yang Berhormat bagi ceramah juga, ada orang nak dengar ada orang tak nak dengar. Tak ada masalah.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Doh ceramah luarlah, jangan ceramah dalam Dewan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dok bukan gitu, kita tugas kita untuk menyampaikan, kita menyampaikan. Boleh Dato' Yang Dipertua, saya teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kalau nak ceramah, kalau nak ceramah, kita boleh beri sejam tak apa. Ni bukan ceramah, masing-masing nak bercakap.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Kalau nak suruh berhenti jangan beri orang celah lagi. Jadi, RM550

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua, kalau boleh biar berlaku adil. Kalau 15 minit, 15 minit belaka. Ni Dato' Yang Dipertua, orang kata senyap lagi. Bila giliran kita

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi):jadi RM550 ini, belum ditolak lagi dipotong, kalau dipotong 30% satu tan, 30% satu tan. Dato' Yang Dipertua minat, dia tak sebut sebab dia nak dengar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi, nanti dulu kejap Jabi. Y.B Wakaf Mempelam duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Nak tutuplah ni. Kalau saya duduk nak tutup macam mana.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap, kejap. Duduk sekejap. Duduk, saya bagi

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Duduklah dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi pada Bukit Tunggal tadi 11.46, habis 12.16.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Setengah jam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang saya bagi. Jadi saya nak bagi yang sama juga.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Biasa hok mulakan panjang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jadi kalau tak adil tu saya rasa. Tak apa, Y.B Jabi teruskan saya bagi 2 minit lagi. Dengan gangguan saya ambil kira semua ya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya mohon izin teruskanlah ya. RM1,200 harga padi satu tan campur dengan inisiatif Kerajaan RM300 dia dapat RM1,500-lah satu tan padi. Tetapi ditolak modal RM550 dipotong pula sampai ke 25% hingga 30%, congak gi congak mari atas satu tan tu mereka cuma dapat RM800 jeR lebih kurang.

Jadi, inilah sebenarnya perkara-perkara yang kadang-kadang menjadi hambatan kepada para petani kita kalau kita tak tengok balik. Jadi kita kena *minimize* dengan izin, kita kena kurangkan halangan-halangan yang menjadikan pendapatan mereka ini tidak boleh bertambah semakin berkurang walaupun membuat banyak, ya. Antaranya tadilah, monopoli harga padi, pembeli padi dan sebagainya. Kita kena lancarkan proses ini.

Jadi Dato' Yang Dipertua, akhirnya yang sektor pelancongan tadi, kegiatan-kegiatan ekonomi kita tadi ni banyak bergantung penuh kepada suasana keamanan di negeri kita dan khususnya di negara kita. Dalam hal ini sektor pelancongan contohnya sangat-sangat *fragile* dengan izin, iaitu mudah orang kata mudah tergugat ya. Jika negeri kita dalam keadaan aman, negara kita dalam keadaan sejahtera insyaAllah orang pun datang ramai ke tempat kita.

Jadi dalam hal ini saya nak mengucapkan tahniah dan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Presiden PAS kerana telah mengarahkan ahli-ahli PAS supaya tidak turut serta di dalam Perhimpunan BERSIH pada 19 haribulan yang lepas.

Bila kita semak kehadiran ini, rupanya bila PAS tak turun rupanya tak ada orang pun nak pergi BERSIH ni. Yang adanya cuma segelintir itu sajalah. Tidak sampai

30 ada yang kata 15,000, ada kata 20,000 tapi tidak seramai yang dululah. Jadi, alhamdulillah perkara ini khususnya saya mewakili Pemuda UMNO Negeri Terengganu mengucapkan syabaslah kepada ahli Pemuda UMNO, PAS kerana nampak tak berarak pergi ke Kuala Lumpur pakai baju kuning. Alhamdulillah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke Y.B.?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Nak *landing* dah. Jadi kita harap persefahaman macam ni *wahdatulfikrah* ini kita boleh panjangkan, boleh kita teruskan khususnya dalam Dewan ini mungkin Yang Berhormat Ketua Pembangkang pula boleh mengarahkan ataupun minta dapat persetujuan wakil-wakil daripada Pembangkang. Hari ini kita bentang Bajet, petang karang nak undi. Pakatlah kita angkat tangan kerana kita dah bersatu, jangan pula benda lain kita dok sokong kita nak bangkang aje sepanjang masa. Jadi...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak betul, tak betul tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): ... kalau kita pakat sokong Bajet hari ini, dok antara lainnya Bajet ini nak luluskan Elaun Wakil Rakyat jangan pula tak sokong. Ini bila kita tanya sokong, tak sokong. Jadi elaun kita ambil sokmo tiap-tiap bulan, jadi tak betul juga dok? Jadi, insyaAllah hari ni kita boleh lihat satu Transformasi Politik sebagaimana yang dianjurkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar apabila kita Kerajaan buat benda yang elok Pembangkang pun boleh pakat sokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi, panjang dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Jadi mana yang baik itu daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang kurang itu daripada kelemahan diri saya, saya mohon menyokong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Y.B. Jabi. Saya mempersilakan Batu Burok ya.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang dihormati dan dikasihi sekalian.

Bismillah. Wassala tu wassalamu'ala rasulillah. Rabisy rahli sadri wa yasirli amri wahlul ukhdatan minlisani yafqahu qauli. Dato' Yang Dipertua, proses pembentangan dan meluluskan Belanjawan setiap tahun tidak seharusnya dijadikan sebagai rutin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sehingga mengeneipkan matlamat sebenar sebuah kerajaan untuk memberi pembelaan kepada rakyat khususnya di Negeri Terengganu Darul Iman.

Dato' Yang Dipertua, saya di Dewan ini ingin menyatakan kebimbangan yang teramat terhadap keadaan politik, ekonomi dan sosial dalam negeri dan negara kita. Sedang kita berbahas mengenai Bajet di Dewan yang mulia ini, rakyat awam sedang dihimpit dengan bebanan kos kehidupan yang amat perit. Sedang kita berbahas ini kita berhadapan dengan cabaran-cabaran besar negara dan negeri di mana kita menghadapi kesan kejatuhan harga minyak, kejatuhan nilai ringgit yang amat ketara yang sedang memberi kesan besar kepada negara. Malahan mata wang negara kita juga sudah tidak dapat ditukar di beberapa buah negara termasuk Arab Saudi, Thailand, Singapura dan beberapa buah negara yang lain. Kita sedang berhadapan dengan isu-isu besar seperti 1MDB, rasuah, salah guna kuasa serta isu agama dan perkauman yang cukup-cukup mencabar. Kerosakan demi kerosakan telah dan sedang berlaku kepada negara kita.

Dato' Yang Dipertua, negara kita telah jatuh tersenarai sebagai salah sebuah daripada 10 buah negara yang paling banyak mengamalkan rasuah mengikut Laporan Ernest & Young Asia Pacific Fraud Survey Report Series. Malaysia telah jatuh empat anak tangga Indeks Persepsi Rasuah daripada 50 kepada 54. Lebih membimbangkan lagi peruntukan kepada kementerian-kementerian yang utama seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan serta institusi awam termasuk universiti dan sekolah-sekolah telah dikurangkan peruntukannya kerana ketandusan sumber kewangan. Ini juga berlaku di negeri kita di Negeri Terengganu Darul Iman ini di mana Bajet pada tahun ini terpaksa diolah bersempena dengan kejatuhan harga minyak dan juga kedudukan ekonomi negara yang begitu tenat. Hampir 30% di semua jabatan, saya yakin menghadapi kekangan kekurangan Bajet ini. Saya yakin walaupun ada peruntukan tetapi kita

akan berhadapan dengan kekangan sumber kewangan yang masih tidak mencukupi.

Dato' Yang Dipertua, di peringkat nasional sama ada kita suka ataupun tidak isu 1MDB terus menerus menghantui seluruh rakyat Malaysia. Wang negara berbilion-bilion ringgit hilang begitu sahaja. Berbagai laporan Polis berkenaan dengan kehilangan sejumlah besar wang 1MDB ini telah dibuat oleh banyak pihak tetapi sehingga kini tidak ada suatu keputusan yang positif. Sebaliknya ada pengadu yang telah disoal siasat, ditahan dan didakwa di bawah Akta Kesalahan Keselamatan Langkah-Langkah Khas 2012 ataupun SOSMA kerana dikatakan ataupun dituduh mensabotaj ekonomi negara.

Dato' Yang Dipertua, GST yang dikenakan, kenaikan kadar Tol Lebu Raya, kenaikan kadar elektrik, kesemuanya mengakibatkan kenaikan kos sara hidup yang telah memaksa sebahagian daripada peniaga-peniaga terutamanya peniaga-peniaga kecil ditutup, menyebabkan industri kepunyaan asing menghentikan operasi dan berpindah ke negara-negara lain. Ini mengakibatkan peningkatan kadar pengangguran khususnya di kalangan anak-anak muda Malaysia. Ramai anak-anak muda yang keluar daripada pusat-pusat pengajian tinggi termasuk di Negeri Terengganu tidak mempunyai peluang pekerjaan. Peluang pekerjaan yang ada kepada mereka hanyalah di stesen-stesen minyak, di KFC ataupun di Mc Donald. Pekerja-pekerja asing daripada Bangladesh, Nepal, Vietnam dan Indonesia pula diangkut masuk dengan kadar bukan lagi ribu, bukan lagi ratus ribu tetapi jutaan orang yang telah memberi kesan buruk bukan sahaja kepada negara tetapi dari segi sosial di dalam negara kita. Bagaimana kita mahu mencipta pendapatan baru jika Jabatan Audit Negara turut mendedahkan bahawa berlaku ketirisan dan penyelewengan dalam negara kita lebih daripada RM20 bilion.

Dato' Yang Dipertua, hari ini imej negara kita tercemar dengan begitu teruk. Kita perlu membersihkannya dan memperbaikinya selain daripada diklasifikasikan antara 10 negara terburuk yang mengamalkan rasuah. Malaysia juga dianggap sebagai tidak mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi. Hak kebebasan bersuara juga, hak kebebasan akhbar juga terhalang dan rakyat hidup dalam kekangan peraturan dan undang-undang yang mengekang kebebasan rakyat.

Beberapa hari yang lepas Pengerusi BERSIH, Puan Maria Chin telah ditahan di bawah Undang-Undang Rimba SOSMA. Kerajaan mesti membebaskan beliau

seberapa segera. Benarkan rakyat Malaysia untuk berhimpun secara bebas walaupun kita berbeza tetapi benarkan mereka kerana ini adalah sebahagian daripada prinsip dalam sistem demokrasi. Begitu juga mereka-mereka yang memberi ataupun pemberi maklumat ataupun *whistle blower* seperti Yang Berhormat Rafizi Ramli telah dihukum dan dikenakan hukuman penjara. Ini merupakan undang-undang yang perlu dilihat kerana orang yang memberikan maklumat ataupun yang mendedahkan penyelewengan dikenakan hukuman tetapi mereka yang melakukan kesalahan bebas sehingga kini.

Dato' Yang Dipertua, di Negeri Terengganu kita ini tidak ketinggalan rakyat juga berhadapan dengan bebanan yang sama. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk kita memastikan kepentingan Terengganu terus dijamin dan dihormati. Dalam menjana keperluan mengharungi cabaran yang getir yang telah saya sebutkan tadi, saya memohon kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk mengolah dan melihat kembali kedudukan beberapa projek-projek yang besar yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu untuk diolah dan dinilai kembali.

Yang pertamanya, sebagaimana yang telah disebutkan tadi di Dewan oleh salah seorang Ahli Dewan tentang status Taman Ilmu di Besut. Ianya perlu dilihat secara serius kerana telah hampir 10 tahun pembinaan Taman Ilmu ini dan menelan belanja hampir RM600 juta tetapi tidak dapat digunakan oleh rakyat Terengganu sehingga sekarang.

Yang keduanya, Projek Bebas Cukai di Kenyir yang menelan belanja hampir RM400 juta. Perlu dinilai kembali dalam suasana kekangan ekonomi yang berlaku ini apakah ianya dengan izin, *feasible* ataupun tidak untuk kepentingan rakyat Negeri Terengganu secara khususnya.

Yang ketiganya, pelaburan Chicken Cottage di United Kingdom. Ini perlu juga dilihat dari segi R.O.I-nya (Return of Investment) kerana apakah pulangan yang kita dapat ataupun dengan apa yang kita beli daripada Chicken Cottage ini apakah pulangan yang didapati oleh rakyat Negeri Terengganu sendiri dari segi peluang-peluang pekerjaan dan juga pulangan secara keseluruhannya.

Yang keempatnya, Strawberry Park di Kijal yang bernilai lebih daripada RM30 juta di Dewan Yang Mulia inilah juga bekas Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah

menjanjikan bahawa Strawberry Park ini akan menjadi IJN yang kedua bagi Negeri Terengganu dan juga Malaysia. Tetapi saya difahamkan Strawberry Park sedang menghadapi keadaan yang begitu tenat dan kita mengalami kerugian yang amat besar.

Yang kelimanya, saya memohon penjelasan tentang status Syarikat EPIC Berhad setelah ia *di-list* daripada Pasaran Saham KLSE serta Kemaman Supply Base dalam menghadapi saingan dengan industri minyak dan gas terutamanya di Teluk Bali di Kelantan. Saya difahamkan EPIC Berhad telah mengalami penurunan keuntungan yang amat ketara. Tahun 2014 keuntungan selepas cukai adalah dinilai lebih daripada RM75 juta. Tahun 2015 ia menurun kepada RM45 juta dan jangkaan untuk Tahun 2016 hanya antara RM15 juta sehingga RM20 juta. Saya mohon penjelasan kedudukan sebenarnya EPIC Berhad dan juga KSB ini sendiri.

Yang keenamnya, status TDM Berhad dengan pembelian ratusan juta nilainya, ladang kelapa sawit di Kalimantan. Bagaimanakah kedudukan ladang kelapa sawit ini? Adakah Kerajaan Negeri masih lagi memilikinya ataupun telah menjualnya kepada pihak yang lain?

Dan yang ketujuhanya Dato' Yang Dipertua, saya memohon supaya Dewan ini mencatatkan bahawa bola sepak merupakan suatu sukan yang cukup-cukup diminati oleh rakyat Negeri Terengganu. Kita menghadapi suatu *set back* yang sebegitu besar apabila Pasukan Bola Sepak Negeri Terengganu telah turun ke Liga 2 (*Second Division*). Ini perlu diberikan perhatian kerana saya difahamkan terlalu banyak *politicking* dalam Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu. Tumpuan perlu diberikan untuk kita majukan bola sepak ini dan mengeneipkan kepentingan-kepentingan individu dan pihak-pihak tertentu dan kepentingan politik sendiri untuk kita melihat bahawa kita Negeri Terengganu gah dalam bidang bola sepak dan menjadi Negeri ataupun pasukan yang utama dalam bola sepak di Negeri Terengganu ini sendiri.

Dato' Yang Dipertua, saya mengambil sedikit masa untuk menyebut tentang apa yang telah kita perbincangkan tadi dengan jawapan-jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang royalti dan isu Bertam. Saya dengan izin, Dato' Yang Dipertua amat *passionate* tentang persoalan ini kerana ini merupakan masa depan dan kepentingan Negeri Terengganu. Apabila pihak Petronas telah membuat kenyataan secara rasmi pada 25 September 2015 bahawa

tidak ada lagi ikatan secara undang-undang untuk membuat bayaran tunai kepada Negeri Terengganu di bawah perjanjian pembayaran yang telah ditandatangani antara Petronas dan Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun '74 saya merasakan maruah saya sebagai orang Terengganu dan rakyat Terengganu dan kita semua maruah kita sedang tercabar dan dicabar. Apatah lagi dalam keadaan kita ditarik royalti ataupun dibatalkan seluruh perjanjian royalti ini, Negeri Sarawak telah mendapat hak yang jauh lebih baik daripada kita dalam tuntutan royalti ini.

Maka saya menyeru kita ketepikan kepentingan politik, kita ketepikan kepentingan parti (*political wheel*) rakyat Negeri Terengganu dan ahli-ahli politik Negeri Terengganu cukup penting untuk kita mendapatkan kembali royalti minyak ini bukan untuk kita tetapi untuk generasi anak cucu kita bahawa tercatat pada hari ini 22hb November 2016 kita keseluruhannya Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri termasuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar dicatatkan bahawa kita berdiri teguh sebagai rakyat Negeri Terengganu untuk menuntut daripada Kerajaan Pusat terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengembalikan perjanjian asal tahun '74 itu kepada Negeri Terengganu dan memberikan hak yang sewajarnya kepada Kerajaan Negeri Terengganu berpandukan kepada perjanjian asal yang telah ditandatangani pada tahun 1974. Amat malang kalau ini tidak dapat kita perjuangkan maka kita telah menafikan ataupun kita telah mengagalkan suatu perjuangan yang besar yang dilakukan oleh generasi yang terdahulu terutamanya Menteri Besar yang terdahulu yang telah memperjuangkan hak royalti dan minyak di Negeri Terengganu ini sendiri.

Begitu juga tentang tuntutan Bertam yang sering kita sebutkan di Dewan yang mulia ini. Ianya juga merupakan hak dan kepentingan kita dan juga maruah kita di Negeri Terengganu ini. Saya mengharapkan supaya kita memperjuangkan hak ini untuk kita mendapatkan kembali hak dalam isu Bertam ini sendiri.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang pelaksanaan Syariah dalam tanggungjawab kita sebagai seorang Islam. Di Negeri Terengganu kita dalam Dewan ini kesemua di kalangan kita adalah beragama Islam. Kita tidak ada seorang pun Ahli Dewan Undangan Negeri daripada MCA yang secara jelas menentang pelaksanaan Syariah. Kita tidak ada komponen daripada Gerakan dan parti-parti lain yang menentang Syariah. Tidak ada siapa yang boleh menganggap dia sebagai juara dalam pelaksanaan Syariah ini. Kita sebagai umat Islam mempunyai tanggungjawab kerana ini merupakan amanah dan tanggungjawab kita

terhadap Allah Subhanahu Wata'ala Di Negeri Terengganu, kita boleh laksanakan tanpa apa-apa gangguan. Kita telah ada Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah bagi Negeri Terengganu yang telah lama terpahat dan Perlembagaan Terengganu yang jelas meletakkan bahawa kuasa tertinggi adalah Al-Quran, As-Sunnah, Ijma' dan Qiyas yang telahpun diluluskan di Dewan yang mulia ini beberapa tahun yang lepas.

Islam, Dato' Yang Dipertua adalah rahmatan lil alamin. Tunjukkanlah keindahan Islam dan kerahmatan dan bukan tugas kita untuk menjadi penghukum dalam pelaksanaan syariat ini. Membanteras rasuah adalah sebahagian daripada tuntutan syariat. Membanteras salah guna kuasa juga merupakan sebahagian daripada tuntutan syariat. *Good governance* ataupun sistem berkerajaan yang baik juga adalah sebahagian daripada tuntutan syariah.

Maka Dato' Yang Dipertua, sebagai akhirnya saya ingin menyeru kepada semua Ahli-Ahli Dewan termasuk saya sendiri tanpa mengira warna politik serta fahaman agar kita merenung dan melihat kembali untuk kita menyelamatkan suasana dan keadaan yang sedang berlaku. Dalam suasana ini juga sama-samalah kita bermohon agar di bulan yang mana kita berhadapan dengan banjir ini kita berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar Negeri Terengganu Darul Iman ini dilindungi oleh Allah Subhanahu Wata'ala daripada bencana banjir ataupun musibah yang besar.

Saya sebagai akhirnya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua yang membenarkan ucapan saya ini dan kita bermohon supaya Negeri Terengganu ini akan terus maju dan kita semua mengambil tanggungjawab yang besar untuk melihat Negeri Terengganu ini mendapat kerahmatan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala Sekian. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Y.B. Batu Burok. Alhamdulillah sudah seramai empat orang Yang Berhormat telah terlibat dalam perbincangan Bajet setakat ini dan saya ingin memberi peringatan sekali lagilah ya, kalau kita nak minta ataupun kita suka melihat orang ikut peraturan, kita sama-sama ikut peraturan bersama.

Jadi kalau saya dah cakap 15 minit tu, paling kurang paling lama pun 20 minit ikutlah jangan sampai lama sangat. Saya bagi keluasan, kebebasan untuk kita cakap sebenarnya. Jadi cakap yang betul-betul memberi faedah kepada ummah kita.

Terima kasih kepada semua Yang Berhormat empat orang dan oleh kerana masa pukul satu dah.....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Nak tanya sikit boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak perlu tanya dah, lepas ni tanya.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tak, nak tanya Speaker.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tanya, tanya insyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Kita live streaming tak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak perlu Tanya, saya tak benar. Peraturan ada. Bila Speaker bercakap saya nak bercakap dan saya buat keputusan

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Tepoh, lepas ni, masuk nanti. Oleh kerana masa pukul 1.00 dah saya berhasrat untuk menangguhkan sementara Dewan ini. Sebelum saya menangguhkan Dewan yang mulia ini, saya menjemput bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kerana jamuan makan tengah hari ini dihoskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi kita makan tempat biasa di Damai Lounge. Kepada semua Ketua-ketua Jabatan dan pemerhati yang saya kasihi di perkarangan U2, di hadapan sana tempat kita makan pagi tadi.

InsyaAllah jangan kita bazirkan makanan yang telah disediakan sama-samalah kita makan, ada makan kita sama-sama makan. Tak ada makanan sama-sama kita cari makan.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian maka saya tangguhkan sementara Dewan yang mulia ini dan kita sambung balik pada pukul 2.30 petang. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.03 PETANG

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula. Perbahasan untuk Bajet 2017 diteruskan dan saya menjemput Yang Berhormat seterusnya untuk menyampaikan ucapan sekiranya ada. Sila Bandar.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Semalam Belanjawan Negeri Terengganu telah dibentangkan, usul cadangan untuk menggunakan sebahagian wang untuk Pentadbiran dan segala urusan yang berkaitan dengan Negeri Terengganu sepanjang tahun 2017. Dan tanggungjawab kita ialah untuk membahaskan, mengupas, menjawab dan memberi penerangan kepada segala isu yang dikemukakan dan ini menjadi asas kepada formulasi Belanjawan Tahun 2017.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyatakan penjelasan bagaimana Belanjawan ini telah dikurangkan kerana beberapa faktor yang juga disokong oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain tadi. Antara perkara yang saya berminat dan merasa agak baik untuk diulang semula adalah peringatan Menteri Besar dan janji beliau yang belanjawan kali ini adalah mengutamakan isu ataupun kepentingan *value for money* dengan izin, iaitu perbelanjaan yang memberi faedah atau mendatangkan faedah atas setiap yang dijangka untuk dibelanjakan pada tahun hadapan.

Saya menyokong perkataan *value for money* memang berkali-kali disebut di peringkat Parlimen juga ditekankan perkara ini beberapa tahun yang lalu. Walau bagaimanapun isu yang menghantui seluruh dunia mahupun negara kita ataupun negeri-negeri lain dalam *federalism* Malaysia kita ini adalah isu yang dikata tidak dapat dikawal iaitu isu berlakunya kemerosotan atas harga komoditi minyak dan petroleum. Isu seperti yang disebut Air Putih dan diulangi oleh berapa ramai Ahli Yang Berhormat kita, isu keluarnya United Kingdom daripada Kesatuan Eropah, Brexit dan juga isu kemenangan secara yang tidak disangka-sangka Presiden Amerika yang baru.

Dan hari ini saya mendapat maklum bahawa ada ketegasan yang agak besar disebut bahawa *Transpacific Partnership Agreement* dengan izin, Perjanjian Perdagangan Transpacifik telah diumumkan bahawa akan dihentikan sebaik sahaja hari pertama Presiden Amerika akan menduduki White House. Ini menutup teka-teki bahawa akan ada pertimbangan ataupun ulasan atau sebagainya berkenaan kedudukan TPPA, ini yang telah dibincangkan bertahun-tahun dan kita juga memikir dan telah lama berusaha untuk menyerahkan kedaulatan beberapa aspek dalam perdagangan yang dimiliki secara tradisi dalam negara kita kerana memberi persetujuan kepada rundingan TPPA ini.

Di antara perkara yang kita nampak tidak memberi kesan kepada kita secara langsung tetapi secara tidak langsung, memang banyak. Kita tahu kejatuhan nilai matawang seingat saya telah disebut bertahun-tahun dalam belanjawan di dalam Negeri Terengganu juga sudah tidak kurang 3 kali disebut, peringatan bahawa penurunan nilai ringgit akan mencapai tahap yang paling rendah. Dan keadaan itu agak benar kerana hari ini mencatat kedudukan 4.41 berbanding satu Dolar Amerika. Kerana ini menjadi ukuran kepada pengiraan harga petroleum di pasaran dunia dan juga ada kena mengena dengan pengiraan pemberian Dana Khas ataupun yang berasaskan perolehan Terimaan Bukan Hasil dalam bentuk petroleum dan gas oleh negeri kita ini. Dan perkara ini ternyata benar kerana unjuran yang dibuat daripada tahun lepas dan tahun ini dan juga tahun hadapan membuktikan keadaan tersebut.

Ini menjadikan Negeri Terengganu kita ini telah secara tidak langsung kehilangan hasil sebanyak 25% minima. Walaupun tadi ada perbincangan menyatakan bahawa ada baiknya perbelanjaan dikurangkan sebab saya sebut tadi saya menyokong istilah istilah *value for money* tetapi saya rasa tak lengkap kalau saya tidak memberi jawapan ulasan balik kerana saya teruja dengar Jabi menyebut tadi, kita mengurangkan perbelanjaan ni kerana kita memikirkan perkara yang tidak perlu dan memang itu bunyinya agak baik.

Tetapi ada negeri yang menambah perbelanjaan sebenarnya kerana sekiranya perbelanjaan tidak ditambah dengan keadaan semasa perbelanjaan rumahtangga atau isi rumah yang meningkat melebihi 61%, ini angka dan statistik yang dikeluarkan oleh Lembaga Kependudukan dan juga CPI, ulangan atau CI dikira semula telah menunjukkan bahawa peningkatan melebihi 18 hingga 25%.

Jadi kalau Belanjawan tidak ditambah, dengan keadaan perbelanjaan isi rumah meningkat, ini bermakna kedudukan kuasa beli rakyat kita terutama di Terengganu akan menurun secara mendadak. Jadi kita tidak ada pilihan sama ada kita nak kekalkan kesejahteraan rakyat ataupun kita nak kurangkan perbelanjaan kita untuk menguruskan negeri. Jadi kalau kita memilih untuk mengurangkan perbelanjaan negeri bermakna kita terpaksa memberi penerangan kepada rakyat Negeri Terengganu berhati-hati, berjaga-jaga kerana kuasa beli perbelanjaan yang kita sediakan untuk kesejahteraan mereka, telah berkurang.

Dan satu perkara lagi Dato' Yang Dipertua, kepada golongan isi rumah tertinggi dalam negara iaitu sebanyak 12% yang terkaya dalam negara memang tidak merasa apa-apa. Isunya ialah golongan 87 – 88% ke bawah yang disebut sebagai B40, M40. Ini golongan yang teramai dalam negara kita. Sekiranya senario ini berterusan, golongan yang paling teruk sekali terjejas, dari segi menguruskan rumah tangga, dari segi pembelian harian, perbelanjaan harian, adalah golongan ini B40 dan M40. Yang kita sebut sekarang, kalau kita katakan dalam Dewan ini, Ahli Dewan 30 orang mungkin tidak terletak dalam B40 kita katakan sudah tentu kita tidak merasa itu, sebab tu kita memilih untuk berbahas dan memberikan ucapan merasakan kita ni tidak ada kesan.

Kalau Kerajaan Negeri juga mengatakan kita tidak terkesan, Kerajaan Negeri tidak terkesan, Kerajaan Negeri Terengganu tidak terkesan mungkin boleh, tetapi rakyat teramai merasa kesan yang teruk. Ini tidak dapat dinafikan kalau kita benar untuk merasa perlu ada satu hujah yang betul kita jalankan statistik buat kutipan data di seluruh negeri nak tengok berapa peratus rakyat Negeri Terengganu yang terkesan dengan keadaan semasa kenaikan harga barang dan juga perkhidmatan. Ini lanjutan daripada dasar yang telah kita buat berkenaan GST dan masuk tahun kedua dan sebagainya. Kalau isu ni menjadi isu pertikaian kita senang je kata kita buat kesimpulan kepada orang yang tidak terkesan kerana golongan kaya tak ada masalah, mereka tidak merungut tetapi kepada orang ramai, rakyat yang teramai mereka merasa kenaikan ini, merasa beban ini dan kita sebagai Pembangkang memang sebenarnya kita mewakili golongan yang berpendapatan rendah. Kerajaan tidak mewakili pendapatan rendah sebab dia merasa tidak ada kesan.

Jadi, sekarang kita buat pilihan, rakyat mengesahkan bahawa terbeban dengan kedudukan semasa, kenaikan harga barang, perkhidmatan dan juga pendapatan yang tidak meningkat malah menurun, relatifnya berbanding dengan penurunan

nilai ringgit. Jadi rakyat, telah membuat persetujuan bahawa Kerajaan mengatakan tidak ada kesan. Bermakna mereka mewakili golongan yang tidak terkesan iaitu golongan kaya. Maka pilihlah sekarang, kita nak menerima fakta bahawa rakyat yang teramai mengatakan terkesan ataupun golongan yang sedikit merasakan mereka tidak terkesan kerana mereka kaya. Itulah adalah mukaddimahnyanya sebagaimana saya nak mengulas apa yang Jabi sebut tadi kenapa perlu kita ada *adjustment* ataupun mengurangkan atau menaikkan Belanjawan. Saya kata tak apa kita tidak ada pertikaian perkara itu, kita terima.

Di Negeri Terengganu Dato' Yang Dipertua, kita telahpun dengar pembentangan Belanjawan semalam dan tidak ada juga pertikaian tentang penurunan hasil dan terimaan untuk Negeri Terengganu. Defisit 10% kita semua terima. Pengurangan hasil sebanyak 12% kita terima. Apa yang Yang Berhormat Bukit Tunggal dalam ucapannya menyebut bahawa kebimbangan kita kerana pengurangan ini dari segi kedudukan kewangan tunai kita memang tercatat di dalam buku, tidak ada pertikaian.

Jadi, apakah yang perlu kita bincangkan, kita debatkan, kita perbahaskan dalam Dewan ini. Sudah tentu bagaimana dasar yang nak kita buat melalui Belanjawan kita ini boleh memperbaiki kedudukan itu, sekiranya tidak ada apa-apa dilakukan, bermakna kelok kewangan kita akan terus melengkung ke bawah. Tiga-empat tahun kebelakangan ini kita tahu sepanjang tahun pertama saya dalam Dewan, memang Belanjawan Negeri di Terengganu mencecah RM2 bilion. Ini adalah rekod yang semua orang tahu.

Bermakan sebelum pada ini, kita memang tidak ada masalah tentang membelanjakan kewangan Negeri. Ada peringatan mengatakan kita perlu berwaspada dalam keadaan yang susah dan sebagainya, kita boleh terima, kita boleh terima. Nak mengurangkan belanjawan kita boleh bina, kita boleh terima tetapi dalam kes *value for money* yang disebutkan itu, kenapa dua tahun atau tiga tahun atau apa tahun sekalipun, sebelum ni kita tidak mengambil kira. Selain daripada *return of investment* ataupun pelaburan-pelaburan yang sepatutnya kita ukur, kita cari setiap sen belanjawan yang kita keluarkan untuk Negeri Terengganu dalam bentuk pembangunan ataupun perbelanjaan pengurusan secara langsungnya sepatut kita boleh kira sedikit bagaimanakah *return of investment* ni kalau bukan dalam bentuk perniagaan tapi sekurang-kurangnya ada *forecast* dengan izin, jumlah ataupun bentuk mata kewangan yang kita boleh sebut.

Sebagai contoh kita telah belanjakan RM9 bilion dalam masa 5 tahun. Jadi berapakah nilai pembangunan atau GDV yang dibawa oleh RM9 bilion yang kita habiskan setiap tahun. Ini perkara yang pada saya data dan maklumatnya ada, tapi kita belum bawa lagi tradisi untuk dibentangkan dalam Dewan.

Tuan Yang Dipertua, saya juga dengar dan saya juga ingat yang peringatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengatakan pertumbuhan ekonomi dunia yang dibawakan oleh World Bank mencatat 2.4%. Ini peringatan sebenarnya. Ini adalah *caution*, peringatan. Tak apa saya setuju dan saya kata bagus bermula dengan ucapan itu, 2.4%. Betul, di Negeri Terengganu dan peringkat negara kita kata di sekitar 4% atau 5%, okey saya boleh terima kerana ini adalah unjuran yang disebut oleh semua orang dan diterima. Tetapi apakah kedudukan yang sebenarnya kita nak capai di Negeri Terengganu yang semua orang berharap.

Pertama, yang disebut oleh Menteri Besar semalam. Kita nak Negeri Terengganu pendapatan per kapitanya meningkat daripada RM4,816 kepada RM8,000 pendapatan purata isi rumah. Ini nak ditingkatkan sehingga tahun 2020. Baik, Tuan Yang Dipertua, untuk mencapai sasaran ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberi angka dan mendapat sokongan angka mengatakan pertumbuhan Negeri Terengganu KDNK Negeri mesti dalam kadar 4% ke atas. Betul? Ya, baik kita terima dan kita sokong dan kita anggap untuk kebaikan seluruh rakyat Terengganu kita nak kalau boleh perkara ini berlaku.

Tapi, satu perkara jangan kita lupa...

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Saya nak betul balik bukan 4%, 8%. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, pertumbuhan KDNK 4.4% kepada 8%. Jadi keadaan semasa 4.4%. Baik, betul. Terima kasih. Tuan Yang Dipertua, di peringkat Pusat pada tahun 2011 Kerajaan beritahu rasa gelisahanya Kerajaan kerana kita terpaksa meletakkan sasaran negara berpendapatan tinggi dan sederhana iaitu tahun 2020 kita mesti mencapai pendapatan per kapita rakyat Malaysia mesti beranjak daripada 15,000 kepada 38,000 satu isi rumah per kapita dengan syarat pertumbuhan tu mestilah 6% berturut-turut setiap tahun, tiga tahun berturut-turut. Sehingga sekarang satu tahun pun kita tak boleh capai pertumbuhan 6%. Jadi saya minta jangan kita

terlalu orang kata bukan optimis tapi sasaran itu penjelasan itu biar agak logistik dengan kedudukan itu. Saya bimbang kalau kita mengatakan RM4,816 kepada RM8,000 sahaja sehingga tahun....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat, logistik ke logik Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Saya fikir logik.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tak tulis. Saya habiskan nanti saya bagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Okey, okey.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Tak, tanya logistik jer.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Logistik. Logik ya logik. Terima kasih. Jadi oleh kerana daripada RM4,816 sehingga RM8,000 sehingga tahun 2020 sasaran ini, saya nak tanya kenapa begitu jauh dengan sasaran di peringkat Pusat RM15,000 ke RM38,000, adakah kita mengambil kira kedudukan di Negeri Terengganu ini pendapatan isi rumah kita terlalu rendah ataupun kita mengiktiraf bahawa Negeri Terengganu juga tergolong dalam kedudukan terendah dalam pendapatan isi rumah di negara kita.

Ini satu fakta yang kita mesti berhati-hati. Kerana kita juga antara negeri yang tertinggi membelanjakan pendapatan atau membelanjakan peruntukan untuk membiayai Belanjawan Negeri berbanding negeri-negeri lain. Ada negeri lain yang telah mencapai angka RM2 bilion lebih. Itu selepas semakan semula dibuat ke atas nilai matawang dan juga kemerosotan dalam komoditi.

Dalam perkara yang sama Dato' Yang Dipertua, Belanjawan yang dibentang mengatakan sebahagian besar daripada penajaan atau dibiayai oleh sumbangan sektor swasta atas projek-projek yang dibiayai oleh swasta. Okey, kita mengatakan ini adalah polisi yang telah dibuat di peringkat pusat kerana

menggalakkan sumbangan ataupun batang sektor swasta. Tapi kita mesti ingat Dato' Yang Dipertua, sumbangan ataupun peranan yang dimainkan oleh sektor swasta ni memang mengutamakan keuntungan. Mereka ni adalah *profit oriented* dengan izin Dato' Yang Dipertua. Di Negeri Terengganu kalau kita minta atau penggantungan kita *dependency* terlalu besar kepada sumbangan atau peranan sektor swasta kita kena ingat *dependency* mereka, kebergantungan mereka kepada keuntungan.

Sekarang di peringkat pusat, kita tahu untuk tahun hadapan dalam Belanjawan disebut bahawa perbelanjaan yang diperuntukkan kepada infrastruktur yang berkaitan dengan kedudukan kewangan ataupun pelaburan Negara China saja, MRL, ECRL dan beberapa projek yang bergantung penuh kepada kedudukan kekuatan kewangan Negara China telah mencecah RM185 bilion.

Di Negeri Terengganu, diumumkan bahawa yang ada kena-mengena dengan Terengganu, Projek Keretapi Laju yang sehingga sekarang ni tidak ada kata putus. Dalam Dewan Parlimen diumumkan RM55 bilion nilai projek tetapi Kerajaan Negara China di dalam akhbar mereka mengumumkan RM45 bilion. Dah ada *discrepancies* RM10 bilion. Ini pun kita kata tidak ada kena menyalah untuk Negeri Terengganu, tak apa, tak apa. Tetapi Dato' Yang Dipertua kena ingat Dewan mesti mengambil ketetapan bahawa sekurang-kurangnya 61% laluan ECRL itulah melalui dalam tanah ataupun jajahan takluk pemerintahan Negeri Terengganu di bawah kuasa Tuanku Sultan.

Perkara ini perlu juga kita lihat kerana kita tak nak mengulangi peristiwa di mana LPT di bina dalam Negeri Terengganu, Kerajaan Negeri yang keluarkan dan bayar. Sehingga sekarang ni kita tidak tahu status macam mana kutipan balik daripada jumlah itu. Kita tak nak berlaku lagi wang ataupun peruntukan ataupun dana yang sepatutnya digunakan untuk Negeri Terengganu telah dipinjamkan kepada negeri-negeri lain untuk tujuan pembangunan apa-apa infrastruktur negeri lain. Seolah-olah kita ni terlalu kaya, kita tidak perlu menggunakan wang, pembangunan kita telah cukup dan kita rela beri pinjam kepada orang. Kita tak nak perkara ini berulang dan saya rasa agak terkilan sedikitlah sebab berkali-kali kita minta tanya jadual, jumlah. Dana yang sepatutnya diberi kepada Negeri Terengganu diberi pinjam didahulukan kepada Negeri lain yang setakat ini dipulangkan ataupun apakah ada *structure element* untuk kita mengutip dengan baik untuk tujuan pengagihan ini dalam Negeri Terengganu.

Dan saya juga teringat perbincangan di sesi lepas, pembinaan rumah untuk PR1MA pun telah dipinjamkan juga kepada negeri lain, bina rumah negeri-negeri lain sebanyak RM700 juta. Yang sampai sekarang tidak tahu berapa jumlah kutipan balik kepada kita. Ini perkara yang bukan kita perbesar-besarkan tetapi sekurang-kurangnya inilah penjelasan yang kita perlu beritahu kepada rakyat kita Negeri Terengganu pasal apa rumah kita tak buat *under* PR1MA di bawah PR1MA. Sebab duit itu telah kita dahulukan kepada Negeri lain dulu. Terengganu belum wujud lagi pentadbiran yang mantap dalam PR1MA. Memang ada disebut dalam muka surat 42, Belanjawan yang lepas ada, 2016. Disebut pembinaan rumah PR1MA 5,000 unit kena....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar. Dah 20 minit dah ni.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 20 minit dah. Nak beritahu ajelah.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya. Jadi sekali lagi saya nak bangkitkan senario pembinaan rumah yang dikatakan menambah 20 ribu unit sehingga tahun 2020 dan sebagainya tu semua disebutkan sebagai dijalankan dengan konsep penswastaan, sekali lagi Dato' Yang Dipertua konsep penswastaan ini adalah konsep yang mementingkan kepada keuntungan dan kita perlu melihat kepada perkara ini.

Dato' Yang Dipertua, Tahun Melawat Terengganu ni saya rasa suka untuk sebut perkara ni sebab saya juga berharap inilah sumber yang boleh menggantikan sumber Tradisi Dana Khas daripada petroleum dan gas yang kedudukannya kita tidak tahu. Pagi tadi telah ada pertikaian mengatakan akan dirunding semula, ada yang mengatakan siaran akhbar telah banyak kali disebut mengatakan perkara telah muktamad dan sebagainya. Tapi tidak ada kata kepastian.

Jadi, Tahun Melawat Terengganu sumber daripada pelancongan ini diharap akan menjana menampung sedikit kekurangan atau mungkin menjadi sumber utama kepada hasil dalam Negeri Terengganu. Saya menyokong, tak apa saya menyokong Tahun Melawat Terengganu 2017 saya sokong. Walaupun saya juga tertanya-tanya adakah perubahan *last minute* terakhir di penghujung 2016 ini

kenapa ditukar portfolio begitu rupa. Adakah portfolio lama Pesona Terengganu itu tidak menepati selera pelancong daripada luar negara atau dalam negara. Dan sekarang moto yang ditukar itu kepada Beautiful Terengganu, tak apa Beautiful Terengganu pada pandangan saya maksudnya Negeri Terengganu yang cantik. Tapi Dato' Yang Dipertua, kita kena ingat orang Terengganu ni cakap orang putih dia lain sikit. Kita takut daripada "Beautiful Terengganu" ni disebut "*beuty fool* Terengganu" sebab kalau disebut orang mari "*beauty*" is cantik, "*fool*" ni tak berapa cerdik. Saya bimbang kalau akronim ni menjadi orang kata ejekan di kalangan orang Terengganu ni. Dulu Trenglish kita perkenalkan tak apalah. Boleh, saya harap Trenglish boleh memastikan tidak ada belit lidah dalam percakapan orang Terengganu. Tapi, Dato' Yang Dipertua satu lagi kenapa kita *gi* pilih Beautiful Terengganu kalau motto yang lebih orang kata akronim dengan Negeri Terengganu, kan banyak? Pesona tu okey dah. Pesona tu bunyi macam perkataan Bahasa Malaysialah 'Pesona'.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 25 minit dah. Tak tahulah orang kata saya tak adil, apa saya tak tahu nak... Nak kerat boleh, saya tak ada masalah, ikut peraturan, itu jer.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bukan saya tak kata apa.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pada pihak mana-mana...

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tak apa berkenaan dengan ni, saya berharap Trenglish mengambil peranan jangan sekali-kali nanti orang Terengganu sebut "Beautiful Terengganu" jadi "Beautipu" tipu tu tipu teruslah. Orang Terengganu memang gitu dia main, sentimen gitu ada sokmo.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Laluan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi saya merasa....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi minta laluan.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Pada pandangan saya...
Jabi baru lepas cakap tadi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, Okey. Dia tak benarkan Jabi.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Sikit jeR.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jabi.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi, saya rasa dia nak tanya pasal hal tadi tu Belanjawan dikurang tu, dok.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ada orang nama Satiful dia sebut Satipu, biasa jer. Tak ada masalah.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Itu menyentuh. Dato' Yang Dipertua itu menyentuh kepada keperibadian

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya sebut secara umum, ramai yang nama Mohd Iskandar, ramai nama Azan, ramai. Saya tidak menuju kepada siapa-siapa.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B., Y.B. Nama ni

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Y.B. Jabi saya nak sebut, Y.B Jabi tidak ada pengalaman dalam Dewan Parlimen. Kalau di Parlimen dia kata perihal yang menyentuh peribadi

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih atas perkongsian pengalaman....

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Peribadi seseorang tidak dibenarkan dan diminta ditarik balik. Jangan sebut.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dok saya tak merujuk kepada siapa-siapa...Sebutan kita jer sebutan. Macam saya, orang panggil Iskandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Nama dan sifat peribadi tidak boleh disebut.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dok saya nama Mohd Iskandar. Orang panggil Iskandar jer kampung.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya beritahu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Jabi, Y.B. Bandar dengar sini. Tak payah bercakap dengan Y.B. Jabi, cakap dengan saya. Saya minta Y.B. Jabi duduk. Saya minta

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sikit, sikit jer lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah panjang sangat, dah 25 minit, dah 26 minit dah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya sikit jer lagi. Tak apa saya mengakhiri perkara ni. Kerajaan Zimbabwe dua tiga hari lepas saya baca telah mengisytiharkan bahawa matawang Yuan telah diterima sebagai *currency official*. Makna *official currency* digunakan dalam negara dia, di Zimbabwe, kerana apa? Kerana mereka telah menerima dana bantuan pinjaman yang banyak daripada Kerajaan Negara China. Maka ini adalah satu fenomena yang juga permulaannya sama seperti yang nak berlaku di Negeri Terengganu iaitu terlalu banyak kebergantungan pelaburan dengan pelaburan daripada swasta dan Kerajaan daripada Negara China.

Semalam Menteri Besar menyebut ada 16 perjanjian GTG yang ditandatangani tidak termasuk memorandum persefahaman yang ditandatangani dalam Negara China. Ini sepatutnya kita melihat kembali dan menilai ataupun sekurang-kurangnya buatlah persediaan, beritahu dalam Dewan apakah persediaan yang kita buat, Dato' Yang Dipertua.

Bukit Tunggal *kabor* tadi hasil daripada galian Negeri Terengganu ni banyak. Sumber banyak tapi hasil sikit, tadi berapa tak sampai RM1 juta dok? Kita ada satu sumber lagi, yang tengah riuh rendah orang *duk kabor* ni sumber silika di Setiu, silika. Tapi ...

YANGBERHORMAT DATO' YANG DIERTUA: Dahlah saya rasa panjang dah. Panjang dah. Panjang sangat.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey penutup dia, saya nak beritahu, sekarang di jawapan bertulis ada sini dia sebut lesen yang dikeluarkan untuk aktiviti yang bersangkutan dengan pengeluaran silika Negeri Terengganu ada sini 80 syarikat. Ni jawapan bertulis ni, 80 syarikat. Hasil kita dengar jawapan daripada pihak Kerajaanlah kalau gitu. Terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar, terima kasih. Saya nak peringatkan sekali lagilah. Sebab tu Allah bersumpah dengan masa ya. Jaga masa, nanti saya, hari ini saya ingat nak habiskan semua perbahasan. Panjang setengah jam, setengah jam, saya tak sempatlah tu. Tolong tepati masa dengan baik. Terima kasih Y.B. Bandar, teruskan Y.B. Bukit Payong, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Alhamdulillah wassalatu wassalamu'ala rasulillah wa'ala alihi wa ashabihi waman walah amma ba'. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta seluruh Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, pegawai-pegawai kerajaan, Pemerhati yang saya hormati lagi saya kasihi sekalian. Suka saya mengambil peluang dalam perbahasan Bajet kali ini dengan meminta izin memulakan dengan Firman Allah daripada Surah Al Hadid:

*"Laqad arsalna rasulana bilbayyinah waanzalna ma alhumulkitabah
walmeezan liyaquma alnnasu bilqisti waanzalna ma alhumul hadeed
feehi ba' sun shaded wamanafiul linnas waliya' lamallahu man yansuruhu
warasulahu bilghaib innallaha qawiyun aziz."*

Maksudnya: Sesungguhnya kami telah mengutuskan kepada kamu, Rasul kami dengan keterangan-keterangan yang jelas dan kami turunkan bersama dengan mereka kitab dan keseimbangan supaya manusia tertegak dengan keadilan. Dan

kami juga turun bersama iaitu besi yang boleh memberi manfaat kepada manusia dan padanya ada kekuatan yang sangat hebat. Agar Allah Taala mengetahui siapa yang dapat menolong Rasul-Nya dan menolong agama-Nya dengan ikhlas. Sesungguhnya Allah Ta'ala itu Maha Kuat Lagi Maha Perkasa.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, suka saya memfokuskan ucapan saya pada petang ini insyaAllah dalam tiga perkara. Yang pertama tentang projek yang besar yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan di atas satu hasrat untuk menjadikan Negeri Terengganu pengeluar terbesar daging kambing di seluruh negara ini. Kerajaan telah memperuntukkan RM43 juta untuk menjayakan hasrat ini dengan melaksanakan tiga projek. Yang pertama, Projek Gugusan Kaprima. Yang kedua, Projek Mikro Kaprima. Dan yang ketiga, Projek Lembah Kaprima. Saya sangat tertarik dengan projek ini. Tapi projek ini berjalan begitu lama dan saya berkebetulan pergi melihat tapak Lembah Kaprima yang telah diadakan. Saya melihat Lembah Kaprima yang ada seolah-olah terbiar ataupun kemungkinan pihak Kerajaan boleh menjawab betapa banyak ataupun berapa tan dah pengeluaran daging kambing yang telah dikeluarkan daripada Lembah-lembah Kaprima daripada lapan yang ada ini.

Di waktu yang sama Projek Mikro Kaprima yang diwujudkan oleh pihak Kerajaan yang dikatakan menempatkan 10 ekor kambing kepada pengusaha-pengusaha yang terdiri daripada siswazah petani yang akhirnya akan dapat memberikan pulangan pendapatan mereka RM700 sebulan yang akhirnya membawa mereka melepasi garis kemiskinan tegar.

Hasil daripada projek seumpama ini, kita juga mahu tahu status memangkah ibu-ibu tunggal, siswazah ataupun pengusaha-pengusaha Projek Mikro Kaprima ataupun Projek Gugusan Kaprima ataupun Projek Lembah Kaprima ini yang Kerajaan memperuntukkan begitu besar belanjanya sudah mencapai hasrat yang dikatakan. Kerana saya melihat Lembah-lembah Kaprima yang ada itu hampir rosak.

Yang pertamanya, Lembah Kaprima yang diwujudkan itu kemungkinan tidak sesuai tempatnya. Kerana infrastruktur jalan yang agak jauh daripada untuk melaluinya, memasuki. Contoh Lembah Kaprima di Paka. Saudara-saudara Yang Berhormat boleh melihat bagaimana Lembah Kaprima itu telah diberikan kepada pengusaha lain dan kemungkinan pihak Kerajaan boleh menjawab blok-blok sewaan daripada

satu blok Lembah Kaprima sebanyak, yang ada satu lembah ataupun satu blok harga dia RM200 sebulan. Siapakah pengusaha-pengusaha baru yang diberikan. Apakah projek Lembah Kaprima ini tidak lagi produktif dan Kerajaan tidak lagi mahu ambil cakna ataupun membiarkan begitu sahaja, duit terhapus sebegitu banyak walaupun hasratnya cantik, harapannya besar tetapi keadaannya sangat merungsingkan kita.

Yang terakhir termasuk juga pusat Bioteknologi Kaprima Bestari yang diadakan di Kampung Jenang, Marang bernilai RM5 juta. Nilai berjuta-juta ini adakah pihak Kerajaan sebelum melakukan projek-projek ini, melaksanakan projek ini, apakah Kerajaan telah buat kajian yang menyeluruh. Sama ada tentang infrastrukturnya, sama ada tentang produktifnya, sama ada bagai-bagai pihak untuk memberikan benar-benar tercapai sasarannya sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan. Ini yang pertama.

Yang kedua, saya sangat menyokong agar pembangunan dan perkembangan institusi pendidikan agama perlu diperluaskan dalam negeri ini. Saya pernah berucap dalam Dewan yang mulia ini, dalam penggal yang lalu bagaimana Kerajaan Negeri sepatutnya mengembalikan semula kegemilangan kewujudan Kolej Agama Sultan Zainal Abidin yang sudah tentu telah mengeluarkan mahasiswa pelajarnya yang begitu banyak. Kerajaan sanggup menghilangkan satu institusi yang sangat besar maknanya kerana nak mewujudkan universiti. Saya tidak mempertikaikan tentang kewujudan universiti itu, tetapi saya sangat tertarik agar dikembangkan jangan dihapuskan. Institusi universiti perlu diwujudkan tetapi kolej ini sepatutnya dikekalkan.

Sehingga saya pernah mencadangkan agar kolej ini dinamakan sebagai Kolej Tuanku Sultan Mizan kerana ia memberi makna yang besar untuk Negeri Terengganu untuk rakyat Negeri Terengganu dan ruang besar untuk pelajar-pelajar Negeri Terengganu untuk belajar di sana. Tetapi saya agak hairan bila melihat Penyata Kewangan Kerajaan Negeri masih lagi meletakkan kos anggaran perbelanjaan pembinaan asrama KUSZA sebanyak RM88 juta lebih kurang. Kenapa? Adakah Kerajaan memang sedang merancang untuk membina KUSZA ataupun kolej yang baru ataupun asrama KUSZA yang dimaksudkan ini ialah asrama untuk UniSZA yang ada ini? Kalau asrama KUSZA untuk UniSZA saya rasa agak tidak sesuai dan tidak sepatutnya ikut tugas yang ada kerana sepatutnya

asrama KUSZA yang di bawah UniSZA ini ditanggung dan diurus oleh pihak Kementerian dan pihak Kerajaan Pusat.

Di waktu yang sama saya sangat menarik apabila dulu adanya Maahad Tahfiz Quran di Padang Midin. Kemudian ditukar nama, itu bukan masalah, Institusi Quran Terengganu. Kemudian hari ini kita dengar dan saya telah membaca jawapan yang lalu bahawa Kerajaan sedang mengusahakan untuk mewujudkan Kolej Quran Terengganu. Saya sangat bergembira jika kolej ini memang diwujudkan. Hanya saya mahu tahu apakah Kolej Quran Terengganu ini menunjukkan bahawa akan hilang Institusi Quran Terengganu yang sebelum ini memberi ruang kepada pelajar-pelajar untuk menjadi golongan tahfiz pada Tahun 4 dan Tahun 5 ataupun Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

Apakah dengan adanya Kolej Quran Terengganu ini dengan sendirinya Kolej Quran hanya berbincang dan menguruskan dan mengoperasikan tentang diploma, kemudian di waktu yang sama keistimewaan yang sebelum ini yang memberi ruang untuk pelajar tahfiz pada Tahun 4 dan Tahun 5 hilang. Dan di waktu yang sama, saya juga mahu tanya apakah masa depan guru-guru IQT yang ada pada hari ini, apakah semua mereka akan diserap dalam Kolej Quran Terengganu dan adakah Kolej Quran Terengganu ini yang duduk di bawah Institusi Pengajian Tinggi Swasta akan diurus berasaskan kaedah penswastaan ataupun memang diurus sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.

Lagi hairan saya melihat dalam anggaran perbelanjaan yang diperuntukkan oleh Kerajaan untuk IQT hanya sebanyak RM10 ribu sahaja, kemungkinan di sana ada peruntukan-peruntukan lain, wallahu'alam saya tak tahu. Tapi saya melihat dalam anggaran perbelanjaan yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan hanya sebanyak RM10 ribu sahaja untuk IQT. Kalau itulah yang ada dan itulah yang diperuntukkan oleh IQT saya rasa pihak Kerajaan perlu menilai semula, Kerajaan perlu menyemak semula agar Maahad ataupun Kolej Universiti, Kolej Quran Terengganu ini dapat beroperasi dengan lebih baik, insyaAllah.

Saya sangat berbangga kalau Institusi Pengajian Tinggi ini dapat ditubuhkan dan diwujudkan dengan lebih banyak di Negeri Terengganu. Apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjawab pada semalam agar Kem Tentera wujud agar dapat membangunkan Marang. Saya juga rasa betapa lamanya pihak Kerajaan telah memberikan tanah untuk pembinaan Institusi Pengajian Tinggi yang begitu

lama di Bukit Kor, seperti tanah yang diberikan kepada UMT dan beberapa Universiti lain. Saya rasa pihak Kerajaan perlu menyemak semula tanah sebegitu lama terbiar. Bagaimana tanah itu perlu dibangunkan untuk kebaikan dan kebajikan negeri dan masyarakat seluruhnya. Di waktu yang sama juga saya mahu menyebut tentang apa yang disebut dalam Laporan Ketua Audit Negara 2015 tentang empat Projek Tebatan Banjir RTB yang dirancang semenjak 2010. Saya merasakan sepatutnya pihak Kerajaan mesti mengambil cakna dan mengambil keutamaan tentang projek ini kerana projek ini memang sudah tentu pihak yang mengkajinya, pihak yang merancanginya dan pihak yang mencadangkannya melihat bahawa keadaan kita agak terdesak dengan suasana-suasana banjir yang ada. Tetapi pihak Audit Negara menyatakan bahawa projek ini ditangguhkan kerana tiada peruntukan.

Yang kedua, pengambilan tanah yang tidak selesai. Kenapa dua persoalan ini timbul, kenapa dua persoalan ini tidak dinilai dengan sebaik mungkin seperti Projek Banggol Air Lilih Kuala Nerus, Padang Lebam Bukit Payong, Bandar Baru Kerteh, Kemaman dan kawasan Alur Limbat. Sepatutnya saya mengharapkan pihak Kerajaan menilai semula keutamaan empat projek yang dirancang begitu lama, yang sepatutnya dinilai dan dilaksanakan untuk kebajikan dan kesejahteraan rakyat kita.

Yang terakhir, dalam Soalan Bertulis yang saya nyatakan kepada pihak Kerajaan. Saya merasa agak pelik kenapa hasil galian ataupun hasil cukai galian daripada kekayaan yang ada Negeri Terengganu ini agak berkurangan dan agak sedikit. Contoh, Anggaran Hasil Galian Tahun 2015 sepatutnya dianggarkan RM330,000 tetapi menurun RM165,200 sahaja. Tahun 2014 - RM538,000. Tahun 2015 menurun daripada anggaran yang dibuat oleh Kerajaan RM165,000. Anggaran untuk mendapat Hasil Galian Tahun 2016 - RM607,000. Tahun 2017 hanya dianggarkan sebanyak RM341,000. Kenapa Hasil Cukai Galian menurun begitu rupa? Ini persoalan. Apakah ada mekanisme yang perlu dilakukan oleh pihak Kerajaan bagi memastikan hasil kekayaan Negeri Terengganu ini boleh memberikan manfaat dan mendatangkan hasil yang lebih untuk Negeri Terengganu.

Saya suka mencadangkan di hari ini agar sama ada Jawatankuasa Fatwa ataupun sesiapa sahaja mengkaji semula apa yang dibincangkan oleh para ulama. Bila para ulama berbincang tentang zakat daripada hasil-hasil yang dikeluarkan daripada

perut bumi; emas, perak, permata, silika, besi, bijih timah. Imam Shafie berpendapat harta yang dikeluarkan daripada perut bumi yang dikenakan zakat hanya emas dan perak. Perlu diperluaskan dan saya rasa untuk kebaikan negeri ini perlu ada satu pengkajian semula untuk menilai agar hasil ini lebih meningkat dengan melihat pendapat-pendapat mazhab yang lain, sama ada 20% iaitu *khumus* 1/5 agar ia memberikan hasil yang besar untuk negeri.

Dan saya juga rasa hairan kenapa, contoh projek silika dia beroperasi satu tahun jer. Tahun 2015 tidak beroperasi. Tahun 2016 saya tidak tahulah beroperasi atau tidak. Ada projek-projek seperti Projek Perlombongan Besi dilihat bagaimana keseluruhannya dihentikan untuk beroperasi. Kenapa perlombongan-perlombongan yang sangat besar nilai ini dihentikan dan apakah tindakan Kerajaan apabila perlombongan ini dihentikan? Apakah pihak Kerajaan akan membuka ruang untuk syarikat-syarikat lain ataupun Kerajaan terus membiarkan bandar bersejarah, lombong besi itu dalam keadaan kelihatan tercemar dan tiada perlombongan langsung lagi.

Saya mengharapkan apa yang saya sebutkan ini memberikan manfaat untuk kita semua untuk menilai tentang kebaikan bajet bagi kebaikan rakyat kita seluruhnya. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih banyak Bukit Payong menepati masa ya. Terima kasih banyak. Sila Alur Limbat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah rabbil 'alamin. Wassalatu wassalamu'ala asrafil anbiya' iwal mursalin wa'ala alihi washohbihi ajmain. Yang saya hormati Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, seluruh pegawai-pegawai kerajaan dan seluruh Pemerhati sekalian.

Alhamdulillah, saya ucap terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua Dewan kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap pada petang ini. Kami jarang dibentangkan Bajet seumpama semalam kerana di belakang itu ada cerita bab

Ayah Su. Kalau saya namakan bajet kita Bajet Ayah Su boleh kot, nak minta komen Menteri Besarlah lepas ni.

Saya ada, kerana nak beri peluang kepada ramai lagi, saya bimbang masa yang diperuntukkan untuk Sidang Dewan Undangan Negeri kali ini empat hari dan terlalu banyak agenda yang terpaksa kita lalui. Saya bimbang sahabat-sahabat saya semua nak bercakap belaka....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Y.B. Alur Limbat. Terus bercakap jer, itu hak saya. Teruskan.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Ini mukaddimah, mukaddimah....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Lama, jangan panjang sangat mukaddimah. Terus macam Bukit Payong tadi, *direct to the point*.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Sama macam Dato' Speaker mukaddimah hak semalam panjang juga rasa setengah jam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terus, terus Alur Limbat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya tengok dalam Ucapan Bajet misalnya ada yang berkenaan dengan TETP yang dijangka akan mencapai tiga *indicator* berikut, ini antaranya. Kemudian di tulis di sini ada 71 projek yang dikenalpasti, 13 projek telah dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat lalu disebut 13 projek ini dengan peluang pekerjaan 6,795 peluang pekerjaan.

Jadi kalau betul peluang pekerjaan ni, kita ucap tahniahlah kepada Kerajaan Negeri. Cuma kita bimbang pengalaman-pengalaman lepas seumpama pembentangan daripada Al-Sultan kita, Sultan Mizan pada 17 Jun 2013: "Beta dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah berusaha menarik pelabur baru dalam sektor perlombongan bijih besi dengan nilai pelaburan yang dianggarkan sebanyak RM15 bilion dan mampu menyediakan 5,000 peluang pekerjaan." Itu tahun 2013.

Kemudian ada jawapan dia yang disoal oleh Yang Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Awang, status perlombongan bijih besi di Bukit Besi sehingga Oktober 2016? Tiada sebarang kerja perlombongan bijih besi yang dijalankan di Bukit Besi, Dungun. Jadi, projek ni gagal, jadi peluang pekerjaan yang seolah-olah ada jaminannya 5,000 kira hilang begitu saja. Jadi ini peringatan kami daripada Pembangkang, kami bimbang Bajet yang dibentangkan ni memang indah pada rupa tapi pelaksanaannya menemui kegagalan.

Sekarang ni kita melihat pemberhentian pekerja yang begitu ramai sekali, walaupun disebut di dalam Ucapan Bajet 2017 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada Januari 2016 sehingga sekarang 458 orang sahaja. Pada saya, ini yang berdaftar sahaja dengan Kementerian Kerja Raya tapi yang berhenti sebenarnya memang ramailah, ribu-ribu yang diberhentikan kerana kemelesatan ekonomi yang ada sekarang.

Saya ingin bertanya Dato' Yang Dipertua Dewan, berkenaan dengan persoalan yang

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Pohon laluan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Ya, ya.

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Tadi tak salah saya wakil Alur Limbat sebut berdaftar dengan Kementerian Kerja Raya tu.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dah berdaftar dengan siapa?

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Saya rasa Pejabat Buruh.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Ya, Pejabat Buruh, tersilap, petang-petang ni biasa dah. Tarik balik. Pejabat Buruh.

YANG BERTHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Tarik balik dan betulkan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak Alur Limbat, terima kasih.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Wakil Kemasik, sahabat saya.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Kemasik kerana perbetulkan. Terima kasih Alur Limbat, inilah kehebatan jiwa besar ya. Tarik balik, tak suruh pun tarik balik. Terima kasih Alur Limbat.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Okey, saya ingin tanya, hasil daripada soalan saya bulan Mac 2016 yang lalu. Pegawai EIO, Pegawai Eksekutif Maklumat dan Pegawai Sokongan Teknikal (TSO) ni. Kontrak yang akan berakhir pada 31 Disember 2016, Pegawai Eksekutif Maklumat (EIO) seramai 327 orang dan Pegawai Sokongan Teknikal (TSO) seramai 43 orang dan berakhir 30 Jun yang lalu adalah jumlah dia 97 dan juga 4 orang ni adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk sambung balik kontrak mereka kerana dalam keadaan suasana sekarang ni kita lihat kalau diberhentikan mereka ni tentulah mereka akan menghadapi masalah yang begitu besar sekali.

Kemudian sebelum saya tutup isu berkenaan dengan pengangguran. Sekarang ni kita melihat Kerajaan dengan perancangan 13 projek ni kita melihat ada 6,795 peluang pekerjaan. Kita bimbang peluang ni diambil alih oleh bangla-bangla ataupun warga asing kerana warga asing yang disebut, yang dimaklumkan oleh pihak yang berkenaan ada 6.7 juta. Dan di kampung-kampung sekarang ni memang ramai sungguh. Kita tak biasa dengan suasana ni, tapi di Terengganu kita sekarang ni, di mana sahaja ada warga asing dengan pelbagai sektor pekerjaan mereka. Kita bimbang cadangan yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan ni dimonopoli oleh warga asing. Ini untuk perhatian dan juga sebagai satu peringatan kepada pihak Kerajaan supaya rakyat Terengganu tidak diasingkan ataupun terasa terasing dengan peluang pekerjaan yang disediakan oleh pihak Kerajaan.

Kemudian saya ingin menyentuh isu yang berkenaan dengan IT. Saya melihat Bajet 2017 tidak dinyatakan secara jelas peruntukan untuk IT ini. Di mana Bajet 2016 ada disebut. Ini 2016, sekarang Bajet untuk 2017. Bajet 2016 peruntukan RM20 juta untuk Infra Telekomunikasi, Infrastruktur ICT di Pusat Data Negeri hampir RM1 juta, sistem aplikasi Jabatan RM2.65 juta. Jadi sebenarnya Bajet mungkin perlu dijelaskan oleh pihak Kerajaan untuk sektor ataupun bidang infra telekomunikasi dan lain-lain yang berkait dengan ICT ini.

Kemudian saya ingin bertanya, sejauh mana perkembangan terkini berkenaan dengan sejauh mana penyediaan wi-fi percuma yang disediakan. Dulu memang dah jawab dah tapi oleh kerana masa setahun dah, berapa sebenarnya yang telah disediakan. Kemudian tadi saya tak sempat menanya beberapa soalan yang berkait dengan i-Class dan Kelas Maya lalu pihak Exco yang berkenaan telah memberi jawapan ada 17 i-Class dan lebih daripada 100 Kelas Maya. Cuma saya ingin penjelasan berkenaan dengan beza sebenarnya i-Class dan Kelas Maya. Kalau tak salah saya diberitahu macam mungkinlah ingin di...., sebenarnya macam mana sikap Kerajaan Negeri adakah untuk dikembangkan lagi Kelas Maya ni ataupun i-Class ni sehingga merangkumi seluruh sekolah-sekolah di Negeri Terengganu.

Saya memberikan ingatan ini kerana, pertama sekali kita pernah gagal Projek e-book. Pada saya gagal sebab kita sepatutnya kalau tak gagal kita teruskan dia. Tapi oleh kerana Kerajaan membelanjakan sehingga RM50 juta setahun e-Book ni, tiba-tiba dibuat kajian tidak praktikal e-Book ni lalu ditarik balik. Saya bimbang perkara yang sama juga berulang kerana pernah berlaku sekarang ini projek yang menelan belanja RM4 bilion yang mana desakan daripada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) supaya mengkaji kontrak Program 1Bestari Net yang bernilai RM4 bilion sehingga 15 tahun sehingga tahun 2026. Projek ni di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama YTL Communication Sdn. Bhd.

Fasa yang pertama, ini sebagai peringatan sebenarnya. Fasa yang pertama 2011 hingga 2014 sebanyak 10,000 buah sekolah pelaksanaannya. Jadi hasil daripada kajian, penggunaan VLE pelajar-pelajar hanya 0.17% sahaja dengan izin, *Virtual Learning Environment* ataupun Lingkungan Pembelajaran Maya. Macam walaupun tak sama tapi lebih kurang dengan Kelas Maya dan juga i-Class. Ni minta penjelasan mungkin saya tak betul dari segi ini, tapi pada saya dia dalam konsep menjadikan sekolah semacam menjadikan pelajar-pelajar lebih dekat dengan ICT.

Cuma dengan belanja yang besar tapi projek ni telah menemui kegagalan. Jadi sebab itulah sebelum daripada diteruskan i-Class ataupun Kelas Maya ke seluruh sekolah ataupun ditambahkan lagi, saya cadangkan supaya dibuat kajian kerana di Terengganu kita ni *access* kepada internet sangat lemah. Walaupun sekarang ini sudah ada Unifi, saya yakin bila ada pelanggan Unifi yang dicipta tu, kalau ramai sangat pelanggan dia juga akan menghadapi masalah. Inikan pula dengan internet dengan kelajuan biasa yang ada sekarang ni, saya bimbang ada jer peralatan tapi kita gagal untuk *access* internet kemudian peruntukan yang dibelanjakan begitu besar sekali yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri menemui kegagalan.

Saya sebut perkara ni kerana kita sedang menghadapi masalah kewangan. Dari segi Bajet semakin tahun dan saya yakin tahun depan mungkin ataupun saya yakin tahun depan semakin berkurangan Bajet kita walaupun saya harap tidaklah macam tu.

Kemudian saya nak sebut lagi, berkenaan dengan isu UPSR. Saya sebenarnya rasa, dalam muka surat 53 ni, disebut berkenaan dengan 2.95 gred purata Negeri Terengganu berbanding dengan 2.96 Gred Purata Kebangsaan peratus 6A, 1.33. Saya rujuk balik keputusan UPSR tahun 2015, diumumkan UPSR 2015 ni terbaik untuk kali yang ke-15. 15 kali dah berturut-turut Terengganu mengungguli UPSR. Pada Tahun 2015, kita unggul dalam tiga kategori, ni sebagai ingatan. Yang pertama peratus tertinggi semua A. Kalau kita lihat sini 6A ada 1.33. Saya buat carian dalam internet. Gred *Straight A*, saya melihat Terengganu berada di Negeri yang ke-10. Selangor 1,025, kita ni 271. Jauh sekali, dulu kita No.1.

Yang kedua, Gred Purata Negeri JPN. Kita juga berada, kita sekarang ni 2.95, Wilayah 2.77, Selangor 2.85, Negeri Sembilan, Melaka mengatasi Negeri Terengganu. Jadi, ini satu muhasabah saya rasa ialah memang kita mengucapkan terima kasih kepada warga pendidik. Apabila ditukar kaedah daripada subjek 5 jadi 6 kebetulan pula ditambah Pemahaman Bahasa Inggeris dan sebagaimana Yang Berhormat Bandar kata kadang-kadang pengucapan ataupun mungkin Bahasa Inggeris rakyat Terengganu ni memang mungkin lemah sikit. Bila ditambah subjek baru jadi *teweng* sikit. *Teweng* ke *peweng*?

Jadi kena kita sama-samalah cuba baiki perkara ni. Supaya tahun hadapan, sebab negeri lain pun format yang sama. Saya selama ni terfikir sebenarnya. Mengapa UPSR kita No. 1, PT3 ataupun PMR dulu kita unggul No. 1 juga selalu. Tiba-tiba

SPM kita tak boleh No. 1. Saya rasa tak pernah Terengganu mengungguli SPM. Saya bagi contoh pada tahun 2013, Gred Purata Negeri SPM 4.90 berbanding 5.01 pada 2012 sekaligus mengatasi Gred Purata Nasional JPN iaitulah 4.93. Ini ucapan daripada Al-Sultan kita: "Beta difahamkan pencapaian ini merupakan yang terbaik bagi Negeri Terengganu sejak Sistem Pensijilan Terbuka SPM diperkenalkan." Ini Titah Yang Mulia Sultan pada tahun 2014 maknanya kita gagal untuk mencapai No. 1. Rupa-rupanya bila ditukar format UPSR antara kelemahan rakyat Terengganu Bahasa Inggeris dan saya rasa lagi Sains, mungkin Matematik.

Jadi ini untuk peringatanlah supaya Kerajaan Negeri mengambil perhatian dan walaupun ditulis macam ni kita rasa tahun ni rasa pelik, kita sendiri tak tahu Terengganu berada di nombor berapa. Kalau dulu keluar jer UPSR keluar selalu Terengganu No.1. Susah kita nak dapat maklumat ni. Jadi kalau boleh sebenarnya Gred Purata Negeri Terengganu ni sebenarnya Terengganu ni *ranking* nombor berapa dari segi UPSR ni?

Kemudian saya nak ke isu yang seterusnya, saya nak bentang berkenaan dengan apa yang disebut oleh Exco tadi Bajet yang dikeluarkan untuk buat tambakan ataupun bina Benteng Penahan Ombak RM47 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat di bawah Rancangan Malaysia Yang Ke-11 sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Payong, Projek Tebatan Banjir yang dirancang pada tahun 2010 sampai sekarang belum disiapkan lagi empat projek ini. Kita bimbang sebenarnya, muara Sungai Merchang yang hampir tertutup walaupun Kerajaan Negeri telah berusaha dengan keluar sedikit Bajet sebelum daripada ni. Tetapi hasil daripada tinjauan kami pada, kami pergi dalam minggu lepas kita pergi tengok, memang Kerajaan mesti buat sesuatu yang segera. Kerana nelayan-nelayan di sini lebih daripada 400 orang yang mereka terpaksa mendaratkan hasil nelayan mereka ni, di Bandar Marang, di pelabuhan, di Marang tu dan bukannya di Merchang. Jadi, kalau kita tunggu projek RM47 juta ni, dalam RMK-11 kita bimbang bila lagi masa dia. Kerana ada nelayan yang saya jumpa mereka bersungut menyatakan tahun ni baru dua kali ke laut. Ada tahun ni tak pergi langsung, tahun ni dua bulan dua kali, kerana muara sungai yang begitu cetek sekali.

Jadi diharap walaupun saya tahu Yang Berhormat ADUN berkenaan yang juga anggota Exco telah melawat bersama dengan pegawai kerajaan saya sebut dalam Sidang Dewan Undangan Negeri pada kali ni supaya kita dapat mengambil

perhatian yang lebih serius untuk mengatasi masalah muara Sungai Merchang. Saya juga mendapati muara Sungai Merchang ni juga sesuai untuk produk pelancongan kerana dalam Ucapan Bajet 2017 banyak disentuh berkenaan dengan produk pelancongan.

Sebenarnya banyak yang boleh dibuat antaranya mungkin pelancongan kita boleh melalui pesisir Sungai Merchang tu memang sangat menarik cuma perlu sentuhan daripada Kerajaan Negeri membuat pengubahsuaian kerana sebagaimana yang diberitahu oleh Jabi tadi di....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke Alur Limbat. Panjang lagi ...

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Jabi): Habis dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 20 minit dah.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Jabi): Oh panjang dah. Okeylah saya perhabis isu ni jer. Seminit lagi, setengah minit(sambil ketawa).... Jadi, sebagaimana yang Jabi sebut tadi di Vietnam lalu ikut nipah gitu jer, Sungai Nipah itu pun jadi produk pelancongan. Kalau kita pergi ke Brunei pun macam tu juga, dia lepas pergi rumah atas air tu dia akan bawa naik bot ke sungai dia ada apa, lebih kurang macam tu juga cuma agak bersih. Cuma nak tengok buaya kadang-kadang jumpa, kadang-kadang tak. Jadi dia kata nasiblah kalau jumpa, itu aje. Tapi dia memang agak jagalah. Jadi saya harap dengan Bajet RM47 juta RMK-11 dan dengan pertimbangan pihak Kerajaan supaya muara Sungai Merchang ni dibuat Benteng Penahan Ombak tu bukan sahaja dikorek tapi diadakan Benteng Penahan Ombak dan juga dibersihkan ataupun dibuat sesuatu untuk menarik pelancong supaya datang ke sana. Jadi saya rasa cukuplah sekadar tu. Wallahu'alam, assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Alur Limbat. Sila Tepoh, mohon patuhi masa ya. Bagi ruang kepada orang lain pula. Terima kasih, sila Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dan salam sejahtera.

Alhamdulillah rabbil 'alamin. Wassalatu wassalamu'ala asrafil anbiya iwal mursalin wa'ala alihi wa asha bihi ajma'in. Amma ba'. Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati, hadirin hadirat yang dirahmati Allah sekalian.

Dato' Yang Dipertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kerana memberi ruang kepada Tepoh untuk turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan Baet 2017. Izinkan saya memulakan ucapan perbahasan pada petang ini dengan memetik Firman Allah Subhanahu Wata'ala: "Liyunfiq zu sa'atim min sa'atih wa man qudira 'alaihi rizquhu falyunfiq mimma atahullah. La yukallifullahu nafsan illa ma ataha. Sayaj'alullahu ba'da usriy yusra". Maksudnya: Hendaklah orang yang mampu memberi perbelanjaan menurut kemampuannya, sesiapa yang disempitkan rezekinya maka hendaklah dia memberi perbelanjaan dari apa yang diberikan Allah kepadanya sekadar yang mampu. Allah tidak membebankan seseorang melainkan sekadar kemampuan yang diberikan Allah kepadanya. Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan (Surah Al Talaq : Ayat 7).

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mengikuti Ucapan Bajet 2017 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya tidak memiliki kesempatan waktu untuk turut sama memberikan komentar terhadap perkembangan ekonomi semasa bagi negara kita. Walau bagaimanapun, saya rasa kita boleh terus melihat kesan langsung yang berlaku kepada ekonomi negeri khususnya trend kebergantungan Kerajaan Negeri terhadap Dana Khas Kerajaan Persekutuan, pohon izin untuk saya mengekalkan panggilan royalti untuk Dana Khas Kerajaan Persekutuan.

Kalaulah Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi menyatakan kita perlu ada *precedent case*, saya rasa royaltilah *precedent case*. Kalau berdasarkan kepada Buku Bajet ini, kod hasil 61803 meninggalkan angka kosong sedangkan itulah sebenarnya pendapatan yang sepatutnya diisi di dalam Buku Bajet kita. Tapi kerana berlaku sedikit malahan boleh dikatakan berlaku pengkhianatan maka akhirnya terpaksa kita menerima hakikat ia menjadi Dana Khas Kerajaan Persekutuan.

Kebergantungan kita 80% – 85% menurun pada tahun ini, ia merupakan satu cabaran besar untuk Terengganu apabila ia menyusut. Jadi langkah-langkah awal

menjana pendapatan selain daripada royalti sepatutnya dirancakkan lebih awal dengan kajian yang lebih serius oleh pihak Kerajaan. Demikian juga dalam merencana perancangan pembangunan negeri. Kerajaan Negeri sepatutnya memiliki satu *road map* jangka panjang bukannya dihiasi melalui buku-buku bajet dengan istilah-istilah yang memukau pendengar sehingga menganggap ia adalah satu strategi jangka panjang untuk Kerajaan Negeri.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mendapatkan penjelasan daripada Yang Amat terhormat Menteri Besar. Apakah sebenarnya fungsi Majlis Ekonomi Negeri Terengganu ataupun MEN-T. Bagaimana pula fungsi Unit Transformasi Ekonomi Negeri ataupun UTEN-T. Di bawah siapakah MEN-T dan UTEN-T ini berada? Anggota manakah yang menjadi pasukan yang digunapakai, apakah ia diimport daripada luar, dan apakah ia melibatkan kos untuk menguruskan dua badan yang mengawal selia isu ekonomi ini?

Saya tanya perkara ini kerana kita tertanya-tanya bidang kuasa siapakah yang akan memantau Pelan Pembangunan Ekonomi Negeri Terengganu 2016 sehingga 2020? MEN-T yang dikatakan berobjektif untuk mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan ekonomi semasa. Dilihat belum lagi memiliki satu sentuhan ajaib dalam menjana hasil negeri. Kita faham suasana sekarang sukar dan suasana sekarang merupakan suasana yang sangat rumit. Tetapi berasaskan anggaran hasil cukai tidak banyak berlaku perubahan antara anggaran tahun 2016 dan anggaran tahun 2017. Boleh dibanggakan sedikit dalam Hasil Bukan Cukai apabila anggaran 2017 sebanyak RM202 juta berbanding anggaran 2016 sebanyak RM180 juta. Peningkatan sekitar RM21.7 juta, itupun banyak disumbang melalui Kod Hasil 73000 Perolehan Dari Jualan Barang-Barang khususnya melalui premium tanah.

Dato' Yang Dipertua, daripada 71 projek melalui 18 Entry Point Projects (EPP) yang telah dibentangkan pada 2016 untuk Bajet 2016 yang lalu, 13 projek yang dikenalpasti seperti dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dilihat semuanya akan dilaksanakan di dalam Bajet yang dibentangkan semalam. Apa cerita sepanjang tahun 2016.

Jumlah tawaran peluang pekerjaan sebanyak 11,523 pekerjaan melalui 13 projek yang dikenalpasti di dalam agenda Bajet 2017, kalau kita himpunkan semuanya ia akan berjumlah sebanyak 18,318 peluang pekerjaan apabila digabungkan projek pembangunan Kerteh Bio Polimer dan Biomethionine. Dato' Yang Dipertua, saya

ingin tegaskan siapakah yang memantau pergerakan agenda ini? Adakah Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri ataupun Exco Perindustrian dan Pelaburan ataupun MEN-T ataupun UTEN-T yang kita tidak ketahui siapakah anggotanya, atau ia hanya sekadar menghiasi ucapan dalam pembentangan Bajet setiap tahun 2016 dengan contoh projek yang cukup memukau, masuk 2017 dengan cara dan jalan yang sama.

Apabila kita mengemukakan persoalan tentang pelaburan, jawapan yang dikemukakan hanya memperolehi RM75 juta untuk 2016 dengan tawaran pekerjaan sekitar 200 lebih apakah hasrat-hasrat seperti ini hanya menjadi satu mainan yang ditawarkan kepada rakyat.

Dato' Yang Dipertua, saya ada kemukakan soalan berkenaan dengan Projek Kerajaan Negeri yang menggunakan kaedah *deferred payment* dengan izin. Meskipun demikian soalan tersebut telah ditolak. Walau bagaimanapun, perkara ini disebut secara jelas oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada item 147 dalam Ucapan Bajet, dua buah loji rawatan air akan dibina di Pulau Bahagia dan juga Bukit Berapit yang menelan belanja sebanyak RM767 juta. Loji Rawatan Air di Bukit Sah, Kemaman yang dinaiktaraf berjumlah RM499 juta membuktikan perkara ini wujud.

Ia disahkan juga dalam pembentangan Bajet 2016. Skim yang sama pada saya melalui item 132 dalam usaha Pembangunan Infrastruktur Dan Pusat Pentadbiran Kuala Nerus secara bayaran berjadual dengan hak. Kos yang dipersetujui sebanyak RM600 juta. Kerajaan Negeri membuat pembayaran sebanyak RM70 juta selama 10 tahun.

Beberapa persoalan saya ingin kemukakan dalam Dewan yang mulia ini, mengikut Laporan Buku Bajet 2017 pada tahun ini, cadangan yang telah dikemukakan adalah sebanyak untuk Pembangunan Daerah Kuala Nerus sebanyak RM90 juta. Item 16940 butiran projek bagi tahun 2017.

Sedangkan pada tahun 2016 yang dirakamkan di dalam Buku Bajet ini hanyalah RM70 juta pada setiap tahun tapi pada kali ini kita telah memperuntukkan RM90 juta. Kalaulah saya membuat andaian, kos projek RM600 juta dan Kerajaan membayar sebanyak RM700 juta projek dalam tempoh 4 tahun bererti setiap tahun perlu sebanyak RM150 juta. Kalaulah Kerajaan membayar sebanyak RM70 juta

pada setiap tahun bererti pemaju memerlukan satu lagi peruntukan kewangan sebanyak RM80 juta.

Bagaimanakah kriteria syarikat pemaju yang telah mengambil tanggungjawab membangunkan Bandar Baru Kuala Nerus dalam keadaan terpaksa *topup* sebanyak RM80 juta pada setiap tahun untuk mengejar tempoh masa empat tahun pembinaan. Saya kemukakan persoalan ini dalam keadaan apabila berlaku bayaran secara berterusan dalam tempoh 10 tahun, kita telah menggandakan sebanyak RM100 juta dan kita juga tertanya-tanya bagaimana bentuk syarikat pemaju ini? Apakah mereka memiliki satu dana kewangan yang sangat kukuh sehingga menyebabkan mereka mampu untuk melaksanakan projek yang cukup besar. Kalaulah mereka tidak mampu untuk mendapatkan RM80 juta lebihan, apakah mereka ada membuat pinjaman melalui swasta? Jika melalui pinjaman swasta, berapakah kadar faedah yang dikenakan? Dan kita lebih tertanya-tanya kalaulah kadar faedah ini ditanggung oleh pihak Kerajaan.

Perkara yang sama kita kemukakan dalam Dewan yang mulia ini kes Pembangunan Rawatan Loji Air yang saya mengira kalaulah itu cara untuk Pembangunan Infrastruktur Bandar Baru Kuala Nerus, barangkali begitulah juga yang berlaku kepada loji air. Maka kami memohon daripada pihak Kerajaan, supaya memberikan maklumat dan pencerahan kepada Dewan yang mulia ini berkenaan dengan projek yang saya maksudkan ini.

Jumlah keseluruhan loji air dan juga Bandar Baru Kuala Nerus mencecah hampir RM2 bilion. Kalaulah semuanya dengan konsep *deferred payment* dengan ada kos faedah yang tinggi saya tidak mampu membayangkan hutang yang ditanggung oleh pihak Kerajaan selepas daripada ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, izinkan juga buat saya menyentuh sedikit tentang perkembangan pembangunan kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir. Bermula Bajet 2014 Pembangunan Pusat Bebas Cukai Tasik Kenyir menerima peruntukan sebanyak RM110 juta, 2015 juga RM110 juta, 2016 - RM92.5 juta dan terbaru 2017 sebanyak RM37 juta. Menyebabkan jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM349.5 juta, satu jumlah yang sangat besar. Berapakah sebenarnya jumlah yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan Pembangunan Pusat Bebas Cukai?

Difahamkan berlaku permasalahan dalam pembangunan ini, khususnya membabitkan kontraktor. Difahamkan juga telah ada kontraktor penyelamat. Siapakah kontraktor penyelamat untuk projek ini? Apakah terdapat kenaikan kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak Kerajaan? Jika ada berapakah jumlah tanggungan atas kenaikan tersebut.

Dato' Yang Dipertua, Tasik Kenyir dibentuk sebagai kluster kedua produk dan destinasi pelancongan sempena Tahun Melawat Terengganu 2017 atau Visit Beautiful Terengganu. Tentu sekali destinasi Tasik Kenyir yang sepatutnya dijadikan sasaran pelancong adalah Pusat Bebas Cukai Tasik Kenyir. Malangnya Pusat Bebas Cukai ini tak siap-siap. Kalau diikutkan jawapan yang dikemukakan oleh Exco pada 8 September 2015, Pusat Bebas Cukai boleh beroperasi pada Januari 2016. Tapi berdasarkan pengamatan kita, kemungkinan sepanjang tahun Melawat Terengganu 2017, Pusat Bebas Cukai ini tidak mampu beroperasi. Apakah berbaloi Tahun Melawat Terengganu 2017 disusun tanpa kejayaan melancarkan Pusat Bebas Cukai, Tasik Kenyir. Saya ingin mendapatkan pengesahan pihak Kerajaan apakah nasib pembangunan di Pulau Bayas ini?

Melalui agenda Dato' Yang Dipertua, saya terus masuk kepada agenda Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA). Apakah ia kekal seperti cadangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 5 November yang lalu sebagaimana laporan pihak media untuk membuka peluang kepada syarikat dari China, Sunny Group China untuk membina 300 unit rumah PR1MA di Kijal sebagai projek percubaan.

Pendedahan ini merupakan pendedahan umum yang telah dibawa di dalam media. Apa yang ingin kita persoalkan, apakah justifikasi pihak Kerajaan yang dilihat bersegera membuka tawaran kepada pihak Sunny Group China, apakah telah dilakukan satu perjanjian persefahaman untuk anugerahkan projek ini kepada syarikat tersebut. Kalaulah ada kenapa tidak diletakkan di dalam buku ini untuk mendapat perhatian Ahli Dewan keseluruhannya.

Dato' Yang Dipertua, sedikit tentang isu hakisan dalam kawasan saya. Saya memantau perkembangan ini secara dekat. Memang kami tidak tahu siapa kontraktor yang dilantik. Permasalahan yang berlaku adalah kerja-kerja yang memang dilihat tidak berkesudahan. Apakah faktornya kami sendiripun tidak mampu untuk menelah dan meneliti.

Apa yang difahamkan jumlah yang dibelanjakan mencecah RM3 juta hingga RM4 juta. Apakah kita menunggu lagi ombak besar melanda perkampungan tersebut barulah kita nak buat dan mengeluarkan bajet kecemasan. Saya ada cerita yang dimaklumkan oleh sebilangan masyarakat yang menyebut projek ini tidak menepati spesifikasi. Malahan tidak dibayar pun terhadap projek yang telah dilaksanakan. Apakah ia benar?

Kalaulah ia benar, bagaimana perkembangan untuk November dan Disember pada tahun ini dan juga Januari 2017. Nasib penduduk kampung yang terpaksa berdepan dengan ombak yang ganas dalam musim ini. Saya memohon pihak Kerajaan bersegera mengambil tindakan dalam memastikan hakisan yang makin membarah di Pantai Tanjung Gelam, Pantai Mengabang Telipot.

Dalam masa yang sama, saya cukup kecewa apabila menyaksikan Bajet untuk mengawal hakisan ini tidak diperuntukkan pada tahun ini, hanya diletakkan token sebanyak RM10 untuk hakisan.

Dato' Yang Dipertua, perkara 43 di dalam Buku Bajet disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang kedua mengoptimumkan sumber yang ada, *Do More With Less* mengelakkan kursus atau mesyuarat diadakan di hotel atau di luar kawasan buat semua jabatan dan agensi Kerajaan. Perkara ini sangat disokong oleh kita kerana kita berada dalam kemelut ekonomi dan juga perlu untuk berjimat cermat. Malahan sebenarnya Dato' Yang Dipertua, perkara ini perlu dibuktikan dan dapat dipermodelkan oleh pucuk kepimpinan tertinggi melalui Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri. Kita mendapat maklumat 2016 ini Ahli Exco masih lagi mengadakan mesyuarat di Kuala Lumpur. Antara tempat yang digunakan Mandarin Oriental, Seri Pacific dan pernah juga Hilton Kuala Lumpur. Perkara ini bukan rahsia kerana hotel akan mendedahkan program-program yang dianjurkan. Kalaulah kita meminta jabatan dan agensi berjimat cermat tapi Exco tidak melaksanakan perkara yang sama, saya kira itu melanggar satu etika yang sepatutnya.

Dalam masa yang sama saya mengemukakan cadangan ada baiknya seluruh anggota Exco menggunakan khidmat kelas yang biasa menggunakan Kelas Perniagaan di dalam pesawat beralih arah demi berjimat cermat. Kita menggunakan kelas ekonomi seperti rakyat kebanyakan demi menjimatkan

kewangan negeri walaupun memang kita *entitled* untuk mendapatkan tiket Kelas Perniagaan.

Dalam keseluruhan bajet 2017, saya melihat Yang Amat Berhormat Menteri Besar banyak mengutamakan pembangunan hanya di kawasan Seberang Takir. Catatan yang saya rekodkan ada empat perkara melalui Bajet 2017.

- Yang pertama No. 77 : Program Pelaksanaan Akuapolitan Kuala Nerus di Seberang Pak Abu, Seberang Takir.
- No. Dua Item 165 : Rumah Mampu Milik Negeri, Rumah Pelbagai kategori di Tok Jembal.
- No. Tiga Item 176 : Pusat Perlindungan Gelandangan dan Orang Kurang Waras di Terengganu. Peruntukan RM500 ribu dan Pusat Warga Emas di Teluk Ketapang.
- Yang Keempat : Pusat Hemodialisis di Telaga Mengkudu, Marang, Hulu Terengganu Dan Seberang Takir dengan peruntukan RM6 juta.

Apatah lagi dinukilkan kisah Ayah Su, Kampung Teluk Ketapang sehingga menggunakan 12 point dalam ucapan ini, bolehkah Dewan mengambil maklum, berapakah bilangan gelandangan dan orang kurang waras yang boleh ditempatkan di dalam agenda sehingga menggunakan RM500 ribu ini.

Dato' Yang Dipertua, saya bimbang Yang Amat Berhormat Menteri Besar hanya dikenang sebagai Menteri Seberang Takir dan bukannya Menteri Besar Terengganu. *Ecer-ecerlah* projek ini ke Tepoh, ke Teluk Pasu, ke Bukit Tunggul termasuk ke Air Putih yang merayu untuk diadakan pembangunan di tempatnya. Untuk itu, saya mohon maaf daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, mudah-mudahan ucapan perbahasan ini memberi manfaat kepada kita semua.

Dato' Yang Dipertua, sekian ucapan saya. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamu,alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Ada lagi, kalau tak ada saya nak minta penggulangan Kerajaan. Ak ada ya. Okey, sila Manir. Saya ulang sekali lagi, mohon Yang Berhormat yang ingin bercakaplah, patuhi masa. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah nahmaduhu wanasta'inuhu wanastaghfiruhu wana'uzubillahi min syururi anfusinaa wamin sayyiati a'maalinaa, man yahdihillaahu falaa mudhillalah, wamayyudhlil falaa haadiyalah ammabaq.

Yang Dimuliakan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Exco-exco Kerajaan Negeri Terengganu, sahabat-sahabat, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, para pegawai kerajaan yang bertungkus lumus membangunkan Negeri Terengganu dan tidak ketinggalan kepada seluruh Pemerhati-pemerhati sekalian.

Alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana masih lagi diberikan peluang untuk kita hidup di atas muka dunia ini dalam keadaan beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pembentangan bajet kali ini agak panjang yang mencecah hampir dua jam. Tetapi bila penghujungnya cerita berkenaan dengan Ayah Su Seberang Takir jadi kita akhirnya sedap juga rasanya. Tapi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ayah Su di Manir, Ayah Su di Paka, Ayah Su di Sura tidak mengalami nasib yang sebaik Ayah Su di Seberang Takir. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, nak ceritakan keadaan bahawa tidak semua cerita yang dipaparkan itu dapat dikecapi oleh semua Ayah Su. Lebih-lebih lagi Ayah Long, Ayah De, Ayah We yang kita lihat adanya perkara-perkara yang perlu dilihat dan dinilai kembali oleh pihak Kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dengan nilai ringgit yang jatuh teruk menyebabkan semua pihak merasa bahang, ini kerana keperluan harian kita yang sangat bergantung kepada pihak luar, kepada barangan daripada luar. Bila kita memerlukan barangan daripada luar sudah tentunya kita akan kembali kepada perkiraan *currency* dengan izin. Pertukaran matawang yang menyebabkan kita tidak terselamat sebenarnya daripada kejatuhan nilai ringgit ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, melihat kepada Sektor Pertanian Dan Perikanan yang telah ditulis, yang telah dibentangkan kepada kita pada tahun 2016, sekira-kira Bajet yang dapat kita semak kembali dalam Bajet 2016. Sektor Pertanian dan Perikanan ini mendapat bajet sekira-kira RM10 juta, mungkin lebih dengan angka yang kita kata kalau tak tepat dia mungkin tinggi.

Tetapi dengan bajet yang ada pada kali ini, kita melihat RM4.65 juta yang hampir kurang daripada separuh, yang kita lihat dalam keadaan ekonomi yang berat, kebergantungan kita kepada barangan luar yang sepatutnya pihak Kerajaan mengambil cakna sektor ini dengan secara lebih serius, kerana kalau kita lihat di dalam Islam, sektor pertanian adalah satu perkara yang perlu dibayar zakat dari sudut penternakan, dari sudut pertanian.

Ianya di antara perkara- perkara yang diwajibkan zakat sebaris dengan emas dan perak yang menunjukkan di sini kehebatan sektor pertanian ini di dalam Islam. Tetapi, bila kita melihat perbincangan Bajet kita pada kali ini seolah-olah kurang menitikberatkan tentang sektor ini, yang dilihat ianya suatu yang hebat di dalam Islam. Lebih-lebih lagi kita mendengar rintihan daripada Jabi tadi, yang memperkatakan tentang permasalahan golongan petani, pesawah padi yang dulu saya telah bangkitkan masa Dato' Seri Haji Ahmad bin Said pun telah saya bangkitkan, keadaan perparitan sistem laluan masuk air, sistem laluan keluar air yang tidak menepati ciri-ciri Jabatan Pengairan dan Saliran yang sepatutnya.....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manir, kejam ya. Kita tidak merujuk nama ya dalam Dewan ni. Saya suka mengingatkan semua pada bukan Manir sahaja tapi semua yang

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Okey. Tapi tak payah tarik baliklah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Bert hormat tarik baliklah.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Tarik balik? Tarik balik kena sebut sekali lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, sebutlah.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya tarik balik nama Dato' Seri Haji Ahmad bin Said.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, sebut DUN mana ya. Kijal, ya.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): DUN Kijal.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Jadi kita melihat dalam suasana sekarang, bajet yang diperolehi oleh Jabatan Pengairan dan Saliran ini kalau tahun ini sebagaimana disebut oleh Bukit Tunggal tadi RM500,000 saja bajet. Bimbang masalah perparitan ini tidak dapat juga diselesaikan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau melihat kepada bajet-bajet yang lain, bajet Pembangunan Bebas Cukai, Taman Rekreasi Zoo Bukit Takal dan juga Portfolio Belia Dan Sukan dan kesemua mereka ini mempunyai bajet yang tinggi dan sebab itulah sebagai hujah dan dalil saya yang menyatakan Kerajaan seolah-olah kurang mengambil perhatian ataupun kurang memberi tumpuan kepada sektor ini dalam keadaan sepatutnya, kita dapat memperuntukkan barangan asasi kita sendiri tanpa kebergantungan kita kepada pihak luar.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dengan kita memperkatakan tentang projek ataupun Sektor Pertanian ini kita tidak dapat nafikan masalah keseimbangan di antara pemasaran dan penghasilan hasil pertanian. Bila kita tengok, kita semua maklum bila musim buah-buahan berlaku baru-baru ni musim duku juga musim rambutan, begitu juga dengan buah-buahan yang lain. Yang akhirnya, apabila sistem pemasaran tidak berlaku dengan sepatutnya maka akan menjatuhkan nilai harga buah-buahan tempatan. Yang ini adalah suatu kerugian yang sangat besar kepada petani-petani kita yang sudah tentu sebagaimana yang kita ada FAMA (Federal Agricultural Marketing Authority) dengan izin, sudah tentu mereka mempunyai target yang sepatutnya mungkin dia boleh beli dan seumpamanya.

Dan kalau kita lihat, kalau kita pergi ke Dubai kita pernah jumpa laici Singapura yang letak dalam tin, bila kita buka tengok buah rambutan. Apakah tidak ada usaha-usaha ke arah itu yang mungkin membolehkan perkara-perkara yang kita sebut, masalah pemasaran itu tidak lagi berbangkit.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bila kita sebut kebun, bila kita sebut adanya orang yang membersih kebun, adanya orang yang menjual pisang dan seumpamanya dalam cerita yang terakhir dalam Bajet itu, sudah tentu kita melihat suatu permasalahan yang lain bila kebun-kebun ini banyak, bila barang ni banyak

kita kata permasalahan pemasaran itu berlaku nak pergi jual di Bukit Payong tengok-tengok Pasar Borong tak siap lagi.

Dulu pernah *balloh* dengan Yang Berhormat Telemong, Telemong kata Manir ni orang nak beri pembangunan ke Bukit Payung dia *takmboh*, nak bawa lari ke Telemong. Kata bawa larilah, pergi intai Telemong tak ada juga Pasar Borong baru. Dalam keadaan ekonomi yang tenat ini, kita nak mengharapkan Pasar Borong yang baru, tempat penjualan yang baru, kalau di Dungun mengikut maklumat daripada Y.B. Sura, dia kata orang jual Pasar Borong ni tengah jalan, maknanya tengah padang, atas tar gitu jer, tak ada bangsal-bangsal tidak ada. Jadi nak menunjukkan kepada kita dengan suasana ekonomi yang suram ini, kita mengharapkan Pasar Borong di Gong Pauh yang sudah sedia ada kita harap Exco yang baru ni Exco Sektor Pertanian yang baru ni tak macam Exco dululah. Exco Pertanian dulu tak mahu ambil kira, kita harap ni, kita sebut pula sekali lagi sebab bertukar Exco. Kalau tak bertukar Exco tak sebut dah. Kita harapkan Pasar Borong Gong Pauh ini, mendapat tempat untuk diperbaiki sistem perairan dan sistem yang Subhanallah, kalau kita pergi kita akan melihat sesuatu yang sepatutnya tidak berlaku sedangkan boleh dikatakan 100% yang menjual di Pasar Borong yang menjadi penghuni Pasar Borong itu adalah orang tempatan kita. Bagaimana Kerajaan yang kita sebut cakna kepada rakyat ini mengambil sambil lewa perkara yang sepatutnya diutamakan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bila melihat kepada peruntukan Federal RM47 juta kalau tidak silap saya dengar tadi, peruntukan berkenaan tambak laut. Bila bercakap tentang hakisan laut ini, akan berkait rapat dengan mereka yang berada di perairan. Maknanya berkait rapat dengan golongan nelayan. Bagi mencadangkan kepada Kerajaan yang mungkin kalau tambak laut ni maknanya laut yang dah roboh, tambah biar jadi molek semula.

Tetapi apakah Kerajaan tidak mahu ataupun belum lagi membuat suatu penilaian balik untuk membuat suatu Benteng Penahan Ombak di tengah sikit, makna beberapa jarak yang sesuai yang sudah tentu akan sendirinya pergigian pantai ini tidak terhakis dan nilai tambahnya ialah golongan nelayan yang berada di persisiran pantai ini boleh membuat aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain. Mungkin boleh buat sangkar ikan dengan keadaan jarak yang sesuai, jarak air yang telah dihentikan dengan tambakan ataupun penahanan ombak itu dan ini adalah satu nilai tambah kepada golongan nelayan yang insyaAllah memberi manfaat kepada

kita semua sebagaimana didendangkan dalam Buku Ucapan Bajet 2016 bahawa golongan nelayan adalah Wira Yang Tidak Didendang, yang menyabung nyawa untuk membekalkan ikan-ikan kepada kita.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, begitu juga mungkin boleh dimajukan sistem Industri Perikanan Air Tawar yang mungkin ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manir panjang lagi ke, 15 minit dah ni.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): 15 minit dah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, saya.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Jam tu deras op. Sikit lagi, sikit lagi. Dan kalau kita lihat bagaimana negeri-negeri lain yang mungkin telah memajukan Industri Perikanan Air Tawar ini dengan mengeksport ikan-ikan tilapia yang dijadikan filet ataupun dijadikan sebagai orang kata untuk dijual di kedai-kedai makanan segera kalau kita ada *fish and chip*. *Fish* itu dengan izin, yang diambil daripada ikan-ikan Tilapia itu, yang dieksport ke negara-negara luar yang boleh mendatangkan hasil begitu lumayan kepada Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh kerana masa yang telah tidak mengizinkan, saya juga sangat berbesar hati menyokong aduan yang telah diadakan oleh Yang Berhormat Air Putih berkenaan dengan isu rumah yang sangat kritikal dan ia bukan lagi isu rahsia, iaitu bukan lagi permasalahan rahsia kepada Kerajaan tetapi ia sudah menjadi suatu isu umum yang semua hari ini bercakap tentang kenaikan harga rumah, kenaikan harga tanah dan seumpamanya yang akhirnya memerlukan kepada pertolongan yang sangat besar daripada pihak Kerajaan.

Kalau kita lihat pernah diadakan oleh rakyat, sahabat-sahabat setempat, rakyat-rakyat setempat datang jumpa. Ustaz saya ni ada cucu dah, rumah tak ada lagi. Tak boleh ke bisik ke M.B. biar rumah boleh se. Kata saya mana boleh bisik, M.B. dengar ke tak tahu kita bisik. Tapi itulah yang nak ceritanya kepada kita bagaimana keluhan di bawah. Dan ustaz, dia kata: "Cuba tengok di Perumahan Batu Hampar". "Bakpe pulok?" Dia kata: "Yang dapat rumah tu orang kaya dah."

"Mung ada bukti ke?". Dia kata: "Ustaz pergi tengok, tengok pagar tu lawa daripada rumah." Kita pergi tengok betul sungguh. Tapi tak tahulah mungkin dia buat pinjaman lain apa semua tu tak tahulah. Tapi nak ceritanya bila kita pergi tu, rumah ada lori, ada Hilux, ada apa. Ni maknanya bukan taraf orang boleh rumah yang kos mampu milik ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mungkin itulah keluhan dari semua pihak baik pihak Kerajaan, pihak kami yang mengutarakan masalah-masalah rakyat insyaAllah kita sama-sama bina negeri ini semampu yang ada dan insyaAllah kita mendapat sesuatu yang kita harapkan iaitu redha daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Wabillahi taufiq wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Sila Teluk Pasu.

YANG BERTHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah rabbil 'alamin. Wabihi nastain. Wa nusalli wa nusallim ala rasulihil amin wa'ala alihi wa ashahbihi ajmain ammabaq. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ketua-ketua dan wakil-wakil jabatan, seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang Pemerhati seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.

Saya terus kepada tiga isu yang saya nak bangkitkan setelah mendengar dan meneliti Ucapan Bajet 2017 yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari kelmarin. Yang pertama, berkaitan dengan Pembangunan Usahawan. Dalam Bajet 2017 yang telah dibentangkan semalam ada menyebut beberapa perancangan Kerajaan berkaitan Pembangunan Keusahawan bagi merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi dalam Negeri. Antaranya pembinaan ruang perniagaan di beberapa pasar dalam beberapa buah daerah dan juga projek perdagangan dan perindustrian di semua PBT sebagaimana disebut dalam muka surat 69 perenggan 131.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum kesemua projek ini dimulakan, terlebih dahulu saya ingin penjelasan daripada pihak Kerajaan berkenaan status pembinaan 70 buah premis dan prasarana perniagaan yang telah dicadangkan oleh pihak Kerajaan ketika membentangkan Bajet 2016 dengan peruntukan RM4.5 juta

yang disebut pada muka surat 39 perenggan 71. Sejauh manakah ianya telah terlaksana dan apakah ia mencapai matlamat yang disasarkan dan dimanakah ia dibina? Saya mengharapkan agar ruang-ruang dan premis perniagaan yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan ini, sama ada yang telah disebut dalam Bajet 2016 ataupun pada Bajet kali ini tidak menerima nasib yang sama sebagaimana yang dialami oleh premis-premis perniagaan di Kompleks Usahawan Terengganu, Kubang Jela. Di mana pengusaha-pengusaha IKS khususnya dalam Industri Batik bukan sahaja tidak dapat memenuhi ruang yang ada, bahkan yang pernah beroperasi di situ pun sekarang ini telah tutup kedai dan tidak beroperasi lagi sehingga hari ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, isu KUT ini telah saya bangkitkan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini sama ada melalui Soalan-soalan Lisan, ucapan perbahasan ke atas Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan dan juga perbahasan Bajet. Namun, hingga hari ini saya berani menegaskan di sini bahawa Kerajaan telah gagal untuk mencapai matlamat. Ia dibina walaupun RM21 juta telah dibelanjakan bagi tujuan pembinaannya.

Walaupun pelbagai usaha dilakukan, bagi tujuan penambahbaikan KUT termasuk menjadikan ia sebagai pejabat utama YPU sebagaimana disebut dalam Bajet 2016 yang lepas, namun sehingga hari ini bukan sahaja ia gagal menjadi pejabat utama YPU, bahkan saya difahamkan pejabat YPU yang beroperasi selama ini di situ pun telah ditutup. Dan pegawai yang ditugaskan di situ dibawa balik ke pejabat YPU yang berpusat di Bandar Kuala Terengganu. Itu yang saya difahamkan dan mahu pengesahan daripada pihak Kerajaan kenapa berlaku sedemikian.

Dato' Yang Dipertua, dengan keadaan yang ada ini nampaknya kebimbangan saya selama ini berkaitan kemungkinan berlakunya kemasukan gajah putih ke dalam kawasan saya nampaknya semacam hampir menjadi kenyataan.

Yang kedua Dato' Yang Dipertua, saya nak menyentuh sedikit berkait dengan MAIDAM. Iaitu tentang duit zakat yang masih terkumpul sehingga 6 November 2016 lebih kurang RM380 juta sebagaimana jawapan bertulis kepada Soalan Bertulis yang dikemukakan oleh Alur Limbat. Dan jawapan Kerajaan kepada soalan bertulis ADUN Sura menyatakan hasil daripada lebihan jumlah yang terkumpul ini maka pihak MAIDAM telah mengeluarkan satu garis panduan baharu agihan zakat dengan menaikkan kadar bantuan yang diberikan kepada asnaf, fakir miskin dan

mualaf dan mewujudkan jenis bantuan baru dalam asnaf fisabilillah. Saya ingin penjelasan dan ingin tahu berapa banyakkah kadar peratus kenaikan yang telah dibuat dan apakah dia telah mengambil kira keadaan kos sara hidup yang semakin meningkat sekarang ini.

Yang kedua, berkenaan dengan kontraktor yang dilantik oleh pihak MAIDAM untuk menyiapkan rumah keluarga miskin yang telah diluluskan permohonan mereka untuk membina sebuah rumah seumpama rumah PPRT. Saya tak pasti berapa peruntukan yang diluluskan, yang diperuntukkan oleh pihak MAIDAM. Mungkin Kerajaan boleh jelaskan nanti. Cuma persoalannya di sini ialah adakah pihak MAIDAM ada menetapkan tempoh yang perlu disiapkan. Dan adakah pemantauan dibuat agar proses pembinaan itu berlaku dengan lancar dan sempurna.

Jika ada ditentukan tempoh yang perlu disiapkan oleh kontraktor yang dipilih, adakah dikenakan denda kepada kontraktor yang gagal memenuhi ketetapan tempoh tersebut. Saya membangkitkan perkara ini kerana ada satu kes di Kubang Jela sehingga hari ini ia belum siap dibina sedangkan kontraktor sendiri beritahu di peringkat awal pembinaan bahawa ia boleh siap sepenuhnya menjelang Hari Raya Haji baru-baru ini.

Dan saya difahamkan kelewatan itu berlaku kerana kontraktor berkenaan mempunyai komitmen pembinaan rumah di tempat yang lain. Jika benar perkara ini berlaku, maka saya kira perkara ini sangat tidak wajar kerana sudahlah pemohon dari keluarga miskin tadi menunggu masa yang lama untuk mendapat kelulusan, sekali lagi terpaksa menunggu masa yang lebih daripada tempoh yang sebenarnya untuk mereka menduduki rumah sebagaimana yang dipohon.

Yang ketiga yang terakhir Dato' Yang Dipertua, dalam Bajet 2017 Kerajaan mencadangkan peruntukan RM16 juta untuk pembinaan 7 buah masjid di beberapa buah daerah dalam Negeri Terengganu kita ini sebagaimana disebut dalam perenggan 112 muka surat 61 dan 62. Kita mengalu-alukan perancangan tersebut, jika ia benar-benar satu keperluan kepada penduduk. Namun sebelum itu, iaitu sebelum proses pembinaan baru ini bermula terlebih dahulu saya ingin menyeru kepada pihak Kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri agar memberikan perhatian kepada masalah pembinaan masjid di Kampung Kebor Air yang sehingga hari ini belum dapat diserahkan kepada Pejabat Agama walaupun telah berlalu hampir empat tahun dari tarikh ia mula dibina.

Apabila saya bertanya dalam Soalan Bertulis, sempena Mesyuarat Kedua Penggal Keempat yang lalu, Sidang DUN yang lepas. Berkenaan dengan tarikh baru, bilakah Kerajaan akan menyerahkan Masjid Kampung Kebor Air ini kepada pihak Pejabat Agama? Dijawab akhir bulan Ogos. Tetapi bila tiba masa tempoh yang disebutkan itu, ia tidak berlaku.

Dan kesempatan sidang kali ini Mesyuarat Yang Ketiga, Penggal Keempat ini, saya bertanya sekali lagi apakah punca ia tidak dapat diserahkan sebagaimana yang telah di cadang ataupun yang disebut oleh pihak Kerajaan ketika menjawab dalam soalan saya sebelum daripada ini? Maka dijawab dalam Soalan Bertulis saya ini, alasannya jabatan telah membuat pemeriksaan dan tidak berpuas hati dengan tahap kebersihan kawasan lantai masjid dan telah mengarahkan kontraktor untuk melakukan kerja-kerja pembersihan kawasan lantai tersebut sebelum serahan kepada pihak Pejabat Agama Islam Negeri Terengganu selaku pejabat pelanggan kami. Dan masjid itu dijangka dapat diserahkan kepada pelanggan pada akhir November 2016. Dan kita hari ini berada di hari-hari akhir November 2016. Untuk makluman pihak Kerajaan khususnya agensi yang terlibat saya dimaklumkan oleh pihak penduduk khususnya daripada J3K sendiri bagaimana proses pembersihan ini nak dilakukan sedangkan karpet telahpun dipasang terlebih awal dan ia diletakkan dalam keadaan tidak dibersihkan dengan sempurna.

Bahkan dimaklumkan kepada saya dalam keadaan dia bimbang tercemar bukan sahaja dari sudut kotoran biasa bahkan mungkin najis-najis binatang dan seumpamanya. Dan lebih menyedihkan lagi, membimbangkan lagi setelah berlaku hujan yang lepas, bukan hujanyang seminggu dua ni tidak, hujan yang lebat dan berlaku kemasukan air di ruang utama solat masjid tersebut sehingga menyebabkan karpet tadi yang dipasang di atas lantai yang tidak dibersihkan dengan sempurna, tenggelam 100%.

Dan saya tak boleh nak bayangkan bagaimana penduduk boleh menerima keadaan ini untuk mereka beribadat menunaikan solat dalam keadaan sedemikian. Kemudian, Kerajaan perlu juga sedar walaupun sebahagian daripada punca ketirisan telah dapat diatasi, namun hasil tinjauan saya bersama J3K pada hari Ahad yang lepas masih ada kebocoran di tengah ruang solat, di bahagian atas belakang, di bahagian tingkat atas, bahagian belakang tempat Jemaah wanita ada kesan tompok air di bahagian siling, di bahagian dinding dan masih ada kesan air

bertakung ekor dari hujan sehari dua yang lepas. Maksudnya masalah itu belum selesai.

Dan yang ketiga, isu keselamatan. Yang sangat tidak wajar berlaku dan saya tidak faham bagaimana pihak kontraktor boleh memasang pagar di bahagian luar tingkat atas masjid dengan cara meletakkan galang besi secara melintang bukannya menegak. Ia jelas kelihatan boleh menjadi seumpama anak tangga yang boleh dipanjat oleh kanak-kanak dan ini pastinya sangat membahayakan keselamatan mereka khususnya ketika mereka hadir beramai-ramai, hadir bersama dengan ibubapa di saat ibubapa sedang sembahyang mereka bermain dan keluar di bahagian luar, panjat pagar...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teluk Pasu, Teluk Pasu panjang lagi ke. 15 minit dah.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Akhir dah Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Akhir sekali saya menerima mesej daripada penduduk suruh saya sampaikan perkara ini kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jemputan penduduk kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya turun untuk Solat Jumaat di masjid sementara yang diguna pada hari ini. Khususnya Jumaat yang terdekat ini 25hb kalau boleh dan seterusnya membuat lawatan ke masjid yang terletak hanya di seberang jalan sahaja untuk melihat sendiri keadaan yang berlaku agar ia tidak berlarutan lagi dan akhirnya dapat digunakan masjid itu yang sememangnya di tunggu-tunggu oleh masyarakat setempat sehingga hari ini.

Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua atas kesempatan yang diberi, saya kira itu sahaja yang saya nak bangkitkan pada hari ini. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Teluk Pasu menepati masa ya. Ya, Sura sila Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah rabbil 'alamin. Wassalatu wassalamu'ala asrafil anbiya 'iwal mursalin. Wa'ala alihi wa ashabihi ajmain. Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, barisan Ahli Exco, sahabat-sahabat Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kerajaan, para Pemerhati yang dirahmati Allah sekalian.

Alhamdulillah, terima kasih kerana petang ini saya diberi kesempatan untuk membahaskan ucapan Bajet 2017. Dato' Yang Dipertua, saya ingin memulakan perbahasan saya dengan Firman Allah Subhanahu Wata'ala: A'uzubillahi minashaitan nirajeem. Alladzina im *makkannahum* fil ardhi aqomush sholah wa'atuz zakata wa'amaru bil ma'rufi wa nahau 'anil munkar wa lillahi 'aqibatul umur. Sadaqallahul azeem. (Surah Al-Hajj: Ayat 41). Yang bermaksud: Iaitu mereka-mereka yang diberikan kedudukan di muka bumi nescaya mereka akan mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah kemungkaran dan kepada Allah kembali segala urusan.

Dato' Yang Dipertua, hari ini kita telah mendengar terlalu banyak pandangan-pandangan, cadangan, kritikan daripada barisan Kerajaan dan juga barisan Pembangkang yang berhubung kait dengan Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam.

Jadi kita melihat bahawa sebagaimana yang disebut oleh sahabat-sahabat saya dari Terengganu kita ni, keterbergantungan daripada hasil petroleum dan gas masih lagi berada pada 85% dan hasil-hasil yang lain sekitar 15%. Maka sebab itu, terlalu banyak pandangan yang telah diberikan untuk kita janakan potensi yang ada di negeri kita hari ini supaya kita tidak terlalu bergantung kepada satu sumber.

Kalau dulu negara kita terkenal sebagai sebuah Negara Pertanian. Kemudian di era yang terakhir ini, berpindah beralih melihat kepada Negara Perindustrian menyebabkan industri khususnya yang berhubung kait dengan bidang pertanian agak ketinggalan. Maka sebab itu kita perlu menjanakan balik industri ataupun kegiatan pertanian dan juga hasil-hasil bumi yang berupa galian-galian yang banyak terdapat di negeri kita ini. Supaya dengan itu, kita dapat meningkatkan hasil selain daripada hasil yang saya sebut tadi. Kalau tahun ini kita boleh kita melihat daripada pembentangan Bajet sebanyak RM291 juta hasil daripada bukan

hasil, bukan hasil cukai dan kita mengharapkn pada tahun-tahun yang akan datang semoga hasil tersebut akan terus meningkat agar kita dapat mengurus Negeri kita dengan lebih selesa.

Dato' Yang Dipertua, dalam strategi yang telah dibentangkan oleh Menteri Besar kelmarin, Strategi Pertama - Meningkatkan Daya Tahan Ekonomi Negeri. Yang mana telah disentuh terlalu banyak yang berhubung kait dengan sektor pelancongan disebut 15 *touch point* dengan izin, yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang mengharapkan semoga pertambahan pelancong ke Negeri Terengganu ini melebihi 4 juta orang.

Alhamdulillah, kita doakan semoga segala usaha yang dirancang itu akan beroleh sumber pendapatan untuk Negeri dan untuk rakyat kita. Tinggal lagi, saya ingin mengingatkan dalam keghairahan kita untuk menarik pelancong masuk ke negeri kita, kita juga perlu melihat sekiranya ada unsur-unsur yang boleh merosakkan imej Negeri kita yang terkenal sebagai Negeri Cantik Budaya Menarik. Satu slogan yang saya kira baik, tetapi kita bimbang dengan kemasukan pelancong yang tidak terkawal ini akan mencemarkan budaya dan adat sopan rakyat Negeri Terengganu Darul Iman ini yang kita semua maklum bahawa dengan kedatangan pelancong-pelancong asing, dengan cara, budaya, berpakaian, pergaulan mereka itu akan memberikan kesan buruk kepada negeri kita. Dan dalam masa yang sama boleh mengundang sesuatu perkara, musibah ataupun kemurkaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala hasil daripada maksiat yang dibawa bersama dengan unsur pelancongan yang kita galakkan tersebut. Jadi saya berharap supaya aktiviti-aktiviti yang boleh merosakkan imej negeri kita dapat dikawalselia oleh pihak yang berkenaan.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin pergi kepada strategi yang kedua yang disentuh oleh Yang Amat Berhormat ialah Memperkasakan Pembangunan Modal Insan. Alhamdulillah, saya melihat peruntukan yang diberikan kepada Jabatan Pendidikan Negeri pada tahun ini sudah meningkat. Kalau tahun lepas diberikan sebanyak RM38.45 juta, dan pada tahun ini sudah ada peningkatan dari segi peruntukan tersebut RM42.6 juta yang diberikan kepada pendidikan.

Semoga dengan penambahan ini akan dapat meningkatkan lagi prestasi anak-anak kita dalam bidang pendidikan ini. Dan kita mengharapkan supaya tidak timbul desas-desus ataupun isu-isu yang menggambarkan tentang kemerosotan ekonomi

ataupun sumber kewangan kita dalam mengurus pendidikan sehingga ada sekolah-sekolah yang meminta anak-anak kita membawa satu rim kertas menyumbang kepada sekolah. Walaupun ini kita lihat kecil bagi kita, besar bagi rakyat. Maka sepatutnya isu yang seperti ini tidak timbul sekiranya pengurusan kewangan kita itu dapat kita urus dengan sebaiknya.

Dan berhubung kait dengan pendidikan juga, saya merujuk kepada beberapa sidang yang lalu, kita juga barisan Pembangkang telah mencadangkan sebagai sumber modal insan untuk kita tambahkan sekolah-sekolah yang dinamakan sebagai sekolah agama kerana kita lihat sekolah agama ini sejak daripada merdeka hingga hari ini maka itulah satu-satunya. Kalau di Dungun, Sekolah Menengah Agama Sultan Ismail, satu itulah daripada dulu hingga kini dan tak tahu mungkin selamanya. Dan kita mengharapkan usaha bagi pihak Kerajaan untuk menambahkan Sekolah-sekolah Agama ini kerana kita melihat dengan pengisian agama ke dalam diri anak-anak kita inilah yang akan menjadi benteng pertahanan dan akan melahirkan generasi yang berilmu, beriman dan beramal soleh. Jadi kita mengharapkan supaya sekolah-sekolah agama ini dapat kita tambahlah bagi daerah-daerah di Negeri Terengganu ini. Saya difahamkan makna setiap daerah ada sebuah sekolah sahaja, sedangkan sekolah-sekolah menengah yang lain, sekolah perdana yang lain terus bertambah. Maka saya menggesalah supaya dalam rancangan Kerajaan yang akan datang supaya dapat memikirkan perkara ini supaya dapat persetujuan dan juga peruntukan daripada pihak Kerajaan mungkin Kerajaan Pusat.

Dan, saya juga ingin menyentuh bahawa difahamkan, dimaklumkan kepada saya bahawa IPG Besut sudah tidak mengambil pelatih baru bagi tahun 2016 dan dikatakan bahawa IPG Besut akan ditutup dan akan ditukar kepada institusi jenama yang lain. Jadi, ini menggambarkan kepada kita bahawa bagaimana perancangan pihak Kerajaan yang kita melihat mengundur ke belakang sedangkan rakyat kita bertambah, infrastruktur yang kita sediakan juga bertambah. Tetapi kita sudah mengundur, mengurangkan dari segi pengambilan guru sedangkan guru adalah merupakan suatu aset yang sangat penting bagi pembinaan rakyat dan negara kita.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin merujuk kepada perkara 109, 110 muka surat 60 yang mana saya sangat-sangat mengharapkan supaya harapan bukan sahaja daripada pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar malahan seluruh pimpinan dan

seluruh kita supaya dapat menghidupkan suasana solat berjemaah yang disebut dalam perenggan 109 tersebut. Menghidupkan solat berjemaah dan juga hingga ada Solat Subuh Berjemaah, ada kempen Solat Dhuha. Maka inilah merupakan suatu perkara yang perlu kita mengambil suatu kesungguhan kerana ini merupakan suatu aset yang sangat bernilai. Kerana Allah Subhanahu Wata'ala menyatakan "Inna sholata tanhar anil fahsyar iwal munkar". Sesungguhnya solat itu dapat mencegah kemungkaran.

Maka bila mana kita bina generasi pemimpin-pemimpin yang beriman, bertakwa, beramal soleh, maka insyaAllah dia akan melahirkan pemimpin-pemimpin yang baik. Tidak timbul lagi insyaAllah dengan adanya usaha ini kita tak nak dengar lagi di kalangan pegawai-pegawai kerajaan, Pengarah-pengarah dan pemimpin-pemimpin negeri dan negara yang terlibat dengan penyalahgunaan kuasa, rasuah, penyelewengan. Kerana ini semua berpunca daripada tidak adanya keimanan, keyakinan kepada Allah dan hari Akhirat. Mereka tidak beriman kepada Hari Akhirat kerana mereka merasakan bahawa apa yang mereka buat hanya setakat dunia seolah-olah tidak ada Hari Akhirat pada mereka. Sebab itu perkara ini sangat penting bagi kita sebagai sebuah Kerajaan untuk kita terus janakan kekuatan modal insan ini.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin terus pergi kepada Strategi Ketiga, yang disebut oleh Yang Amat Berhormat, Mengutamakan Kesejahteraan Rakyat. Di mana di antaranya disebut dengan Bajet RM3 juta yang diberikan kepada YPU dalam menyediakan ruang niaga untuk membina ruang-ruang perniagaan di antaranya pasar Dungun sendiri dan saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Kerajaan, merujuk kepada Bajet 2016 sebanyak RM4.5 juta telah diberikan untuk menyediakan 70 buah premis perniagaan kepada kaum Bumiputera kita ini. Jadi setakat manakah perancangan dan juga bajet yang telah dikeluarkan pada tahun 2016 itu telah dilaksanakan sebelum peruntukan RM3 juta yang diberikan pada tahun ini dapat diteruskan.

Begitu juga apa yang disentuh oleh sahabat saya tadi di Pasar Dungun yang juga saya sentuh sejak awal Sidang Dewan dulu lagi berkait dengan kemudahan kepada peniaga-peniaga khususnya Pasar Borong di Dungun yang mana kita melihat suasana kepada peniaga kita itu sangat daif dengan membina pondok-pondok kayu dengan memasang kanopi dan perniagaan di atas tar dalam keadaan yang kata orang yang tidak tersusun dengan baik. Bila saja datang angin, ribut terbang

semua sebagaimana yang telah berlaku pada tahun lepas. Maka sebab itu saya mengharapkan supaya pihak Kerajaan mengambil perhatian terhadap peniaga-peniaga kita yang saya kira ramai yang terdiri daripada orang-orang Melayu kita, golongan-golongan yang kita kira sebagai yang berada pada tahap berpendapatan rendah. Mereka perlu dibela dan mereka perlu diberikan peluang untuk berada di pasaran yang lebih selesa.

Dato' Yang Dipertua, dan seterusnya saya ingin juga menyentuh berhubung kait dengan sektor perumahan yang dinyatakan oleh Menteri Besar juga dalam Bajet 2016 dahulu sebanyak 20,000 unit rumah akan dibina dan sebanyak 5,000 daripada PR1MA, 5,000 daripada SPNB dan 10,000 daripada PMINT.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke Sura. Nak pukul 5.00 dah ni.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Ada satu dua lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi satu minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, jadi saya mengharapkan, saya nak tahu, nak dapatkan penjelasan daripada 14,225 yang telah disiapkan itu, berapakah jumlah rumah yang dibina oleh PR1MA dan dibina oleh SPNB dan oleh PMINT. Dan yang kedua saya ingin juga penjelasan daripada 14,225 yang telah siap itu, adakah rumah itu yang telah dibina daripada 2016 hingga sekarang ataupun telah dibina beberapa tahun yang dahulu? Kerana saya melihat bahawa rumah-rumah yang dibagi oleh Kerajaan itu, yang telah dibina, yang telah siap sebelum PRU 2013 lagi rumah itu telah siap. Dengan erti kata bahawa jumlah ataupun bilangan yang ditarget itu sudah mengundur ke tahun yang sebelumnya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, Sura cukup dah. Panjang dah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, saya ada satu lagi nak sebut

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang dah, kalau tidak sambung esok ni. Kalau tidak sambung malam ni.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Tak sampai lagi, baru

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia lepas pukul 5.00 kena sambung esok. Kalau lepas daripada pukul 5.00 kita sambung malam ni terus.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Kalau esok nak bagi, saya berhenti.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Berhenti teruslah. Cukup dah, 18 minit dah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): 18, 2 minit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak boleh dah pukul 5.00 dah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, minta maaf. Saya harap yang ini saja saya boleh bercakap. Masa lain tak boleh dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Peraturan tetap peraturan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Yalah, kalau Yang Berhormat lain ada sampai 20 minit, 30 minit. Saya sikit je 2 minit lagi. 2 minit saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ni bukan soal 2 minit, soal peraturan. Saya kena ikut peraturan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Bagi peluang kepada saya 1 minit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak boleh, tak boleh. Cukup dah, cukup, cukup. Terima kasih Sura, panjang dah. Terima kasih banyak. Sudahi ayat terakhir, sudahi ayat terakhir, sudahi ayat terakhir. Okey sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua tidak ada

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah tu salahkan sesama sendirilah setengah jam, dua puluh lima minit. Saya dah bagi ruang yang sebanyaknya.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Dah saya baru 18 minit pun dah nak berhenti dah. Nak sekat dah, 18 minit baru.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 18 minit.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Yelah, tambah 1 minit je lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi 1 minit lebih, 2 minit dah. Terus cakap jelah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Tak sampai lagipun, saya jangka tadi sampai pukul 5. Saya cakap tadi pukul 4.40.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sura, Sura nak ni ke?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Yelah saya faham kuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terus, terus, terus cakap.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): ...kuasa Yang Dipertua.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terus cakap, terus cakap.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura):tapi atas pertimbangan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terus cakap saya cakap, terus cakap. Tak faham ke.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Terima kasih. Minta maaf Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Dalam keadaan kelam kabut tadi tak berapa dengar sikit. Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terima kasih banyak. Saya nak sentuh satu jer lagi yang terakhir. Berhubung kait dengan LPT 2 yang telah disebut terlalu banyak pada sidang-sidang yang lepas lalu, yang kita menyumbang RM1.85 bilion.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, kita tiada usul untuk menyambung lepas pukul 5.00.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Kuasa Dato' Yang Dipertua yang menentukan. Jadi

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka eh Sura....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Ya, saya nak.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sura, minta maaf duduk Sura. Tak boleh dah. Peraturan tak boleh dah, minta maaf.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Sidang ni sampai malam pun boleh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nak bagi, bagi kawan esok, terima kasih banyak Sura sila duduk. Sila duduk.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Nak se lagi pun tak sempat. Tadi beri. Terima kasih Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alhamdulillah, syukur kerana kita telah mendengar seramai 11 orang dah, ramai dah Yang Berhormat yang terlibat dalam perbincangan Bajet 2017. Sekali lagi esok, saya beri ruang masa insyaAllah esok, tak apa bagi rakan yang lain. Jangan panjanglah, 15 minit. Okey. Jadi insyaAllah.

Jadi saya ingin menangguhkan mesyuarat kita pada hari ini. Oleh yang demikian, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian, maka saya tangguhkan sementara Dewan ini ke esok hari 23 November 2016 pukul 9.30 pagi dan marilah kita sama-sama membaca surah Al-'Asr. Aqulu qauli haza wa astaghfirullahal 'azhima li walikum. Wabillahi taufiq walhidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.00 PETANG

PERSIDANGAN

PADA HARI RABU, 23 NOVEMBER 2016

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Mohd Zubir bin Embong, DPMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman.

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Haji Ir. Rosli bin Othman, AMN.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawli bin Mohamad, SMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Ghazali bin Taib, AMZ.
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar, AMT.
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Mohd Mahdi bin Musa, AMT.
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Haji Mohd Iskandar bin Jaafar, PJK.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Haji Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURABAYA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Wan Nawawi bin Haji Wan Ismail, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' A. Rahim bin Jusoh, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Zulkifli bin Ali, SMT.,AMN.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil Alamin. Assalatuwassala mu'ala Sayyidina Muhamaddin. Wa'ala alihi wa ashabihi ajmain. Rabisy rahli sadri. Wayasirli amri wahlul ukhdatan minlisani yafkahu qauli. Innahu min Sulaiman wa innahu Bismillahir Rahmanir Rahim. Allata'lu alayya wa'tuni muslimin. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya muliakan semua. Mesyuarat disambung semula.

Sebelum kita memulakan mesyuarat pada pagi ini, marilah sama-sama kita membaca Ummul Kitab Al-Fatihah. ...[Al-Fatihah] Persidangan kita pada hari ini, 23 November 2016 akan dimulakan sebaik sahaja selesai ucapan pendek saya ialah Soalan-soalan Lisan. InsyaAllah, saya akan memperuntukkan selama satu jam untuk Soalan Lisan termasuk soalan-soalan tambahan. InsyaAllah, paling banyak saya akan tiga untuk soalan tambahan. InsyaAllah, kita akan berehat selepas itu selama setengah jam dan kita sambung balik selepas rehat dengan sesi Perbahasan Bajet 2017 sekiranya masih ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas. Kalau tidak ada perbahasan, kita akan teruskan kepada sesi Penggulangan. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas, saya sekali lagi ingatkan agar mematuhi peruntukan masa yang saya berikan. Juga semasa berbahas patuhlah kepada Fasal 46.

Alhamdulillah, selama sudah dua hari kita selesai bermesyuarat, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, jazakallahu khairan kathira yang membantu saya sebenarnya menjaga ketertiban perjalanan Dewan yang mulia ini. Terima kasih kerana terus-terusan menjaga tatasusila kita sebagai Ahli Yang Berhormat semuanya beragama Islam.

Semalam saya telah membuat beberapa keputusan yang mungkin sukar difahami atau tidak difahami oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Ingin saya tegaskan sekali lagi bahawa keputusan yang saya ambil adalah saya merujuk kepada Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu. Sebagai contoh, apabila saya meminta semua Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan agar patuh kepada masa, saya merujuk

kepada fasal di dalam peraturan-peraturan. Ini jelas, masa 15 minit. Lewat petang semalam saya meminta Y.B. Sura sebagai contoh untuk berhenti berucap dan apabila masa menghampiri pukul 5.00 petang, setelah saya beri ruang masa lebih 3 minit kepada Y.B. Sura tetapi oleh kerana Y.B. Sura nak bercakap lagi, saya tahu bahawa Peraturan Fasal 7 untuk makluman semua bukan Y.B. Sura sahaja tapi kita semua, saya memperingati, adinunasihah, Fasal 7 (1a) ialah saya kena tamatkan selewat-lewatnya pukul 5.00 petang. Apabila saya tengok jam tu hampir pukul 5.00 saya minta berhenti dulu dan sekiranya ingin menyambung sebenarnya, boleh tapi kenalah mengikut peraturannya. Yang Amat Berhormat Menteri Besar ataupun mana-mana Exco kena buat notis untuk meminta mesyuarat disambung selepas pukul 5.00 petang. Oleh kerana tidak ada notis daripada pihak Kerajaan, maka saya tidak boleh meneruskan selepas daripada pukul 5.00 petang, itu peraturan.

Begitu juga apabila saya tidak membenarkan permintaan daripada Y.B. Batu Burok untuk membentangkan Usul Di Bawah Fasal 30 ini adalah kerana saya mematuhi perkara Fasal 30(5) yang menyatakan secara jelas saya tidak boleh menerima cadangan kedua dibuat di bawah peraturan pada satu mesyuarat. Saya tidak menolak usul tersebut sebagaimana yang diviral oleh media sosial kerana usul tersebut belum dibentangkan. Saya tidak menolak usul itu tetapi diviralkan sejak daripada semalam sehinggalah sekarang, pelbagai kata nesta kepada saya. Jadi saya mintaklah agar kata fitnah ini diberhentikan. Besar dosanya kepada mereka yang tak masuk Dewan, masuk Dewan jika Speaker tidak membuat keputusan yang betul, Speaker boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan sepertimana kata Y.B. Bandar semalam. Kepada sesiapa Ahli Yang Berhormat yang tidak mematuhi Peraturan Dewan, boleh dirujuk juga. Jadi saya mengajak sekali lagi marilah bersama-sama melaksanakan amanah kita Yang Berhormat dengan peraturan, peringatan daripada Maha Pencipta kita Allah Subhanahu Wata'ala. Marilah kita sama-sama melakukan tafakkufiddin merujuk peringatan Allah dalam Al-Quranul Karim, banyak.

Dan seperti biasa kita tahu bahawa setiap hari kita didatangi Pemerhati-pemerhati daripada pelbagai segenap lapisan. Oleh itu, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengalu-alukan kehadiran Pemerhati-pemerhati daripada pelbagai pihak pada hari yang saya muliakan ini. Hari ini kehadiran Pemerhati begitu ramai:-

- SERIKANDI.
- Biro Tatanegara
- Pergerakan Pemuda UMNO Kuala Nerus.
- Pejabat Pembangunan DUN Kuala Nerus.
- Pejabat DUN Bandar.
- Gagasan.
- Terengganu Strategic Integrity Institute.
- Pegawai Pembangunan DUN.
- DUN Kemasik.
- Pergerakan Pemuda DUN Kuala Berang.
- DUN Rhu Rendang.
- PERMATA.

Dan yang lain-lain saya juga mengucapkan Selamat Datang, jadilah Pemerhati yang bijaksana, memberikan gambaran, perkhabaran yang benar betul, yang hak sebab kita adalah mengejar sebagai mukmin yang hak.

Sekali lagi saya meminta supaya rakaman yang tidak rasmi tidak dilakukan sebab kita ada *live* yang dibuat oleh UKOM. Dan sekali lagi saya minta sebagaimana biasa semua warga Dewan mematuhi Peraturan-peraturan Berpakaian, ini saya kena sebut. Dan telefon kena letakkan dalam *mode* senyap agar tidak mengganggu kita yang berbahas dan bercakap dalam Dewan ini.

Akhir kata, Selamat Bersidang, selamat meneruskan mesyuarat kita agar Persidangan kali ini terus diberikan keamanan, ketenangan, kecemerlangan sehinggalah kita diberkati dan dirahmati oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Sekian. Aqulu qauli haza wa astaghfirullah li walakum. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan-soalan Lisan pada hari ini 23 November 2016 pertamanya daripada:

1. Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
(Wakil Air Putih)
2. Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
(Wakil Paka)
3. Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor
(Wakil Langkap)
4. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang
(Wakil Rhu Rendang)
5. Yang Berhormat Haji Mohd Mahdi bin Musa
(Wakil Kota Putera)
6. Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut
(Wakil Wakaf Mempelam)
7. Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman
(Wakil Batu Rakit)
8. Yang Berhormat Azan bin Ismail
(Wakil Bandar)
9. Yang Berhormat Haji Mohd Iskandar bin Jaafar
(Wakil Jabi)
10. Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
(Wakil Bukit Tunggal)
11. Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman
(Wakil Kuala Besut)
12. Yang Berhormat Haji Mohd Nor bin Hamzah
(Wakil Bukit Payong)
13. Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
(Wakil Alur Limbat)

Sekarang saya mempersilakan Air Putih untuk mengemukakan soalan. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama –

Perumahan Rakyat merupakan isu utama bagi rakyat Negeri Terengganu. Sila nyatakan usaha-usaha Kerajaan ke arah ini sepanjang tahun 2016 dan nyatakan projek-projek perumahan yang akan dilaksanakan pada tahun 2017?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Exco, seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir pada pagi ini.

Pertama-tamanya, menjawab kepada soalan yang telah dikemukakan oleh Wakil Air Putih. Terima kasih Air Putih yang pertamanya, Air Putih ingin tahu usaha-usaha Kerajaan ke arah memperbanyakkan rumah di Terengganu sepanjang tahun 2016. Suka saya nyatakan bahawa jawapan ini telahpun dimaklumkan dalam Ucapan Bajet 2017 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, muka surat 83 hingga 86.

Seterusnya, beliau juga minta dinyatakan Projek Perumahan yang akan dilaksanakan sehingga tahun 2017. Suka saya maklumkan di sini bahawa Kerajaan telah merancang dan bersetuju menyediakan rumah bagi rakyat Negeri Terengganu yang pertamanya melalui Program-program Perumahan Rakyat (PPR). Melalui Rolling Plan 2 dan 3 dalam RMK-11 sebanyak 5,287 unit di mana melibatkan 16 tapak telah dikemukakan kepada pihak Kementerian.

Yang kedua, Program Rumah Idaman Rakyat SPNB. Sebanyak empat projek telah diluluskan di atas tanah Kerajaan yang melibatkan pembinaan sebanyak 2,136 unit rumah pelbagai jenis.

Dato' Yang Dipertua seterusnya, Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), enam projek telah diluluskan melibatkan 3,098 unit rumah manakala dua projek

masih dalam perundingan di antara Kerajaan Negeri dengan PR1MA yang melibatkan 1,148 unit.

Rumah Mampu Milik Negeri (RMM) di Seri Bandi Kijal telah diluluskan melibatkan 220 unit. Kerja-kerja tapak telah dipersetujui bermula 6 November lagi.

Dan seterusnya, Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M). Tiga projek melibatkan 1,229 unit dan PMINT sebagai agensi pelaksana bagi cadangan projek PPA1M di atas tanah Kerajaan tersebut. Sekian.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Air Putih untuk soalan tambahan yang pertama.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan saya yang pertama, boleh tak pihak Kerajaan kongsi dengan Dewan, status yang telah siap ni bagi rumah-rumah PPR, SPNB, Rumah Idaman ke ada tak yang telah siap?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Okey, terima kasih Air Putih. Suka saya maklumkan bahawa sebahagian besar rumah-rumah yang telahpun dilaksana oleh Kerajaan Negeri telahpun siap sepenuhnya. Dan berikut saya beri sebahagian daripada rumah-rumah yang telah siap mengikut daerah. Daerah Kemaman, RMM Padang Kubu, DUN Kijal sebanyak 207 unit. Telahpun diberi tawaran kepada 206 manakala Dalam Tempoh Deposit - 1 dan ini telah selesai. Yang kedua, RMM Gong Cengal, DUN Kemasik sebanyak 466 unit dan telah diberi tawaran seramai 389 dan Dalam Tempoh Deposit – 23 orang dan berbaki unit masih ada lagi yang belum ditawarkan sebanyak 44 unit. Dan di dalam unit ini sebanyak 10 unit diperuntukkan untuk asnaf. Manakala RMM Perasing Jaya DUN Air Putih, 485 unit, yang telah ditawarkan 464 unit dan Dalam Tempoh Deposit – 21 unit dan kita kirakan ini telahpun selesai 100%. Manakala RMM Teluk Kalong, DUN Kijal sebanyak 500 unit. Telah terima tawaran 466 orang, Dalam Deposit – 34 orang dan ini dikira telah selesai. Dan jumlahnya ialah 1,658 unit dan telah diterima oleh 1,525 orang, di Dalam Tempoh Deposit – 79 orang dan berbaki unit keseluruhan di kawasan ini ialah 44 unit yang masih belum ditawarkan. Saya ingat saya nak sebut yang DUN Kemaman sahaja sudahlah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Permaisuri. Sila soalan tambahan kedua, Air Putih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Adakah Kerajaan ada mekanisme ataupun cadangan sebab macam saya ada sebut dalam Ucapan Perbahasan kawasan-kawasan yang tanah tidak sesuai yang perlu kerja-kerja tanah di Terengganu kita ini agak sukarlah untuk mendapat rumah daripada SPNB ataupun PR1MA ataupun daripada PPR sendiri. Cuma mo'ohnya kalau boleh-bolehpun RMM. Tapi sebab itulah saya nak tanya Kerajaan, boleh tak ada satu mekanisme, cadangan ataupun cara kenal pasti kawasan-kawasan hak memang perlu tambun-tambun tanah ni buat hak gini, hak mudahnya gitu. Ada tak cara atau metodologi lepas saya *highlight* dalam perbahasan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Okey, terima kasih Air Putih. Ada beberapa masalah yang boleh dibantu oleh Kerajaan Negeri. Pertamanya, setelah kita bermesyuarat dengan pihak Kementerian ada beberapa yang tidak sempurna. Maknanya kita telah memohon pada tahun 2016, sebanyak 18 permohonan dan satu pun tidak dapat dilaksanakan. Tapi antara perkara yang perlu diberi tumpuan ialah yang pertamanya, ialah memudahkan permohonan projek iaitu kita beri *green lane* kepada permohonan untuk tidak melewati dan *green lane* ini boleh dibuat oleh pihak PBT bagi memberi kelulusan yang segera.

Yang kedua, kebanyakan tanah yang dibuat oleh PR1MA ialah tanah *private* atau tanah persendirian. Manakala pecah lot iaitu pecah lot dan beri semula memakan masa yang agak lama. Jadi perkara ini telahpun dimaklumkan bahawa beberapa cadangan pihak Kementerian untuk memudahkan kelulusan ini di samping memberi kelulusan yang cepat untuk masuk tapak dan membina. Dan yang dicadangkan ialah dengan Kerajaan Negeri menyediakan infra asas kerana kebanyakan yang mereka datang ke sini tak ada jalan masuk dan juga tidak ada kemudahan untuk memasukkan api dan air. Jadi kita melihat perkara ini tidaklah berat dan Kerajaan mengambil satu tindakan untuk menyediakan asas-asas ini apabila sahaja permohonan ini masuk kepada Kerajaan.

Masalah zoning. Tanah di Terengganu ada yang dizonkan sebagai pertanian, tanah kampung, tanah industri dan sebagainya. Jadi zoning ini juga memberi

kelambatan proses kelulusan dan kita sedar bahawa Kerajaan akan membantu mempercepatkan proses zoning ini supaya kepentingan untuk melancarkan pembinaan rumah dapat disediakan dengan lebih awal.

Dan beberapa perkara lain lagi yang bermasalah akan diselesaikan dengan segera yang boleh dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri untuk membantu mempercepatkan pembinaan rumah. Bagi tanah-tanah Kerajaan, insyaAllah, dikatakan Kerajaan telahpun melihat ke arah yang lebih cepat di mana tanah-tanah baru ataupun tanah Kerajaan yang masih belum ada infra, kita akan mempercepatkan jalan-jalan asas dan kemudahan-kemudahan asas. Dan satu lagi yang dimintanya supaya apabila sahaja rumah dibuat hendaklah bila mula sahaja diluluskan, pihak Kementerian memohon supaya nama-nama pemohon yang memohon di kawasan tersebut hendaklah dihantar segera kepada pihak tertentu supaya apabila sahaja rumah tersebut siap dalam tempoh tiga bulan maka tawaran untuk menduduki rumah yang telah siap tersebut dapat diberi.

Jadi dengan yang demikian, insyaAllah, usaha-usaha untuk memperbanyakkan rumah, mempercepatkan tindakan serta dapat diberi kepada pemohon dan pemilik dengan kadar yang segera bagi membantu semua penduduk mendapat rumah dengan selesai. Sekian.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila. Sila Bandar, soalan tambahan ketiga.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Sebelum kita berusaha untuk mencapai sasaran dalam statistik pemilikan rumah, saya teringat apabila Dasar Perumahan Negara yang baru dilancarkan pada tahun 2012, antara perkara pertama yang ditekankan ialah pengisytiharan statistik pemilikan rumah seluruh negara kerana pada masa itu baru kita dapat tahu yang 17.3% rakyat Malaysia memiliki rumah sekurang-kurangnya rumah pertama. Tapi di Negeri Terengganu, ada ke tidak kita mengeluarkan statistik pemilikan rumah berbanding penduduk kita, 1 juta lebih penduduk, ada ke tidak kita keluarkan dulu statistik pemilikan. Saya difahamkan di Terengganu jugak ada statistik yang sangat tidak seimbang, ada seorang individu atau beberapa individu yang memiliki aset ataupun rumah terlalu banyak, ada 200 unit rumah dimiliki oleh satu individu. Jadi perbezaan pemilikan ini terlalu besar dan untuk sebagai dasar menyediakan perumahan untuk rakyat Terengganu, saya rasa ada baiknya kalau Kerajaan

mengisytiharkan kedudukan statistik ini. Dan saya dengar Dato' Yang Dipertua, pengumuman tentang cadangan pembinaan rumah tambahan sama ada PR1MA, PPA1M dan sebagainya tapi tidak ada disebut tentang cadangan untuk menyediakan rumah asas pertama untuk rakyat Terengganu kerana ini adalah permintaan atau keperluan yang sangat mendesak di seluruh negara. Jadi Terengganu saya rasa sepatutnya jugak kita menekankan kepada Dasar Pemilikan Rumah Pertama terutamanya untuk generasi muda. Dan kalau diizinkan, saya nak tanya antara pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, beliau mengatakan bahawa sebilangan besar projek rumah ini akan dibiayai oleh sektor swasta. Saya nak mintak penjelasan kalau boleh apakah maksud pembiayaan sektor swasta atas semua pembinaan rumah atau kebanyakan yang kita buat pada tahun hadapan ini. Tidakkah mungkin kita akan menghadapi masalah dengan sektor swasta sebagaimana kita bincang orang kata *profit oriented*, dengan izin.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey. Terima kasih Bandar, panjang tu. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Terima kasih Yang Berhormat Bandar. Seperti yang saya katakan tadi, apabila sahaja satu cadangan perumahan dibuat maka dicadangkan supaya dalam tempoh yang awal, permohonan-permohonan yang dibuat oleh individu bagi kawasan tersebut hendaklah dihantar kepada Kementerian ataupun kepada badan-badan yang menapis. Dan setakat ini rumah yang diberi syaratnya ialah mereka yang masih belum mempunyai rumah dan jika didapati mereka dah ada rumah satu setakat yang kita maklum bahawa tidak akan diberi, contohnya ialah Perumahan di Hiliran. Dan banyak yang memaklumkan bahawa rumah mereka ada tetapi tidak sesuai tetapi oleh kerana mengikut rekod mereka telah mempunyai rumah maka mereka tidak diberi pertimbangan. Jadi asasnya ialah kita telahpun melihat untuk memberi kepada rumah pertama, maknanya bagi mereka yang tidak ada rumah mengikut syarat-syarat tertentu tapi bagi mereka yang memiliki tanah tidak termasuk. Maknanya sekarang ini rekod yang mempunyai rumah ada dibuat dan mereka yang mempunyai tanah sahaja ada dibuat. Jadi oleh sebab itu tidak ada masalah kepada kita untuk melihat perkara-perkara ini.

Perkara yang kedua, mengenai penswastaan. Ada sebahagian Kerajaan Negeri membuatnya tetapi kebanyakannya yang masuk macam PR1MA juga dikatakan

sebagai penswastaan dan kebanyakan yang swasta ini dibuat melalui tanah individu sebab itu kita maklumkan bahawa pecah tanah, beri pemilikan semula perlu dipercepatkan dan pihak PR1MA ataupun lain-lain agensi bekerjasama dengan pihak individu sebab itu kita nak mempercepatkan. Dan kebanyakan rumah yang dibina oleh Kerajaan ialah atas tanah Kerajaan. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Permaisuri. Terima kasih Air Putih. Terima kasih Bandar yang terlibat dalam Soalan Lisan. Seterusnya saya mempersilakan Paka untuk mengemukakan Soalan Lisan. Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan pertama -

Adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri dan Bahagian Penguatkuasa Syariah yang diasingkan daripada JHEAT agar dapat diperkasakan bagi memartabatkan syariah Islam di Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Ajil.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Soalan 1 daripada Wakil Paka yang ingin tahu adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri dan Bahagian Penguatkuasaan Syariah yang diasingkan daripada JHEAT agar dapat diperkasakan bagi memartabatkan syariah Islam di Terengganu? Jawapannya, ya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ajil. Soalan tambahan, Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kalau Kerajaan berhasrat untuk mewujudkannya, banyak manakah peruntukan untuk isu ini dalam Bajet 2017?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Sebelum pelaksanaan secara praktikal dijalankan maka terlebih dahulu pihak Kerajaan telahpun mengadakan ketetapan yang mana bersetuju mengasingkan Bahagian Pendakwaan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu untuk dinaik taraf sebagai sebuah jabatan yang dikenali dengan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Terengganu. Dan perkara ini telah diambil tindakan seperti berikut: Yang pertama, sebelum fizikal kita akan susuli selepas ini. Jadi langkah yang pertama kita memang serius untuk menjadikan Jabatan Pendakwaan Syariah ini dimartabatkan iaitu Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu melalui Mesyuarat Khas Kali Kedua pada 23 Julai 2015 telah bersetuju supaya Bahagian Pendakwaan dinaikkan taraf kepada sebuah jabatan dengan nama Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Terengganu. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri juga telah bersetuju dalam Mesyuarat Kali Ke-40 pada tahun 2015 pada 23 Disember 2015 untuk mengasingkan Bahagian Pendakwaan Jabatan Hal Ehwal Agama ini untuk dijadikan satu jabatan dan dari segi peruntukan itu insyaAllah, kita akan susuli selepas ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ajil. Sekiranya ada, soalan tambahan kedua. Sila Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dato' Yang Dipertua, bagaimana pula tentang Bahagian Penguatkuasaan Syariah sebab tadi dia sebut nak asing, melibatkan Pendakwaan sahaja ataupun melibatkan dua-dua Penguatkuasaan sekali?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Paka.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua. Yang pertama, kita melihat prioriti dulu kerana Pendakwaan ini penting dalam soal-soal menentukan keadilan kerana segala kes-kes, maklumat-maklumat bahan kes dibuktikan di sini. Dengan wujudnya Jabatan Pendakwaan ini, ia memberi satu keadilan kepada pihak yang didakwa kerana kita bimbang kalau bahagian ini di kemudiakan atau tidak diberi prioriti kita takut kalau-kalau berlaku ketidakadilan dalam pelaksanaan hukuman yang akan dijatuhkan kepada pihak yang didakwa maka sebab itu jabatan ini diberi keutamaan. Namun begitu, kita juga tidak memandang sepi tentang Penguatkuasaan ini sebab itu Kerajaan Negeri Terengganu di bawah Pengurusan Sumber Manusia telahpun mengangkat kertas cadangan untuk dinaikkan juga taraf untuk dijadikan Jabatan Penguatkuasaan.

Namun begitu, dia masih dalam perancangan dan perbincangan, keutamaan kita beri kepada Pendakwaan terlebih dahulu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jadi kalau tidak ada sedikit peruntukan, macam mana orang panggil kursus ke apa, penyelarasan dan sebagainya dilaksanakan maknanya tahun 2017 ni tidak akan ada perkembangan ke macam mana ataupun memang tidak digunakan daripada wang Kerajaan Negeri?

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Wakil Paka. Sebelum saya menjelaskan untuk makluman kepada Wakil Paka, Bahagian Penyelarasan Undang-Undang, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kerajaan kita ada hubungan dua hala dengan JAKIM di mana melalui peruntukan JAKIM kita akan adakan sesi kursus, penjelasan, penerangan untuk membolehkan Hakim-hakim kita mendapat input-input yang terkini terutama yang berkaitan dengan Pendakwaan dan juga Penguatkuasaan. Oleh itu, pihak Kerajaan Negeri telahpun mengemukakan satu kertas kerja kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri kepada JAKIM untuk diteliti kerana Jabatan Penguatkuasaan Syariah juga dilihat di sini JAKIM telahpun menerima kertas cadangan daripada kita dan kita dianggap negeri terawal mengemukakannya tetapi keputusan itu terpulang kepada JAKIM. Jika sekiranya JAKIM meluluskan insyaAllah Kerajaan Negeri tidak ada masalah. Dan dari segi untuk peruntukan itu selaku Exco yang bertanggungjawab kita seringkali mengemukakan bantuan peruntukan daripada JAKIM dan JAKIM menyalurkan bantuan terutama yang berkaitan dengan perkara-perkara yang melibatkan dua perkara tersebut. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Boleh maklum tak sikit berapa peruntukan JAKIM setakat ini untuk tujuan ini?

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Oleh kerana kita baru mengemukakan kertas cadangan ini, kita belum dapat lagi kelulusan sebab tu kata Penguatkuasaan, saya baca di sini bahawa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam telah mengemukakan permohonan ini pada 5 April 2016 dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu bersedia menerima sebarang keputusan apa yang diputuskan oleh pihak JAKIM tapi insyaAllah, kita akan buat susulan selepas ini. InsyaAllah.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Mintak penjelasan sikit lagilah. Maknanya JAKIM sendiripun tidak buat penyelarasan untuk semua negeri-negeri ke macam mana?

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Ya, ya.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab berdasarkan maklumat yang saya dapat Kelantan sudah dilaksanakan.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Yalah, Terengganu paling awal sekali ni.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kalau Terengganu paling awal dah macam mana Kelantan telah dilaksanakan sekarang? Sudah jadi jabatan di Kelantan sekarang.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Ini maksudnya surat permohonan kita ke JAKIM untuk kita menstrukturkan jabatan ini di antara negeri yang saya nak sebut, Terengganu, Selangor, Perak, Wilayah Persekutuan, ini fakta ni.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Ajil. Terima kasih Y.B. Paka. Seterusnya, saya mempersilakan Langkap untuk mengemukakan soalan. Silakan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor satu -

Apakah langkah pencegahan jangka pendek dan jangka panjang yang diambil oleh PERHILITAN bagi memastikan gajah liar tidak mengganggu dan merosakkan tanaman penduduk-penduduk di Daerah Setiu?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Jertih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan daripada Wakil Langkap iaitu berkait dengan langkah pencegahan jangka pendek dan jangka panjang yang diambil oleh pihak Kerajaan melalui PERHILITAN bagi memastikan gajah liar tidak mengganggu dan merosakkan tanaman penduduk-penduduk di Daerah Setiu?

Bagi langkah jangka pendek, Jabatan PERHILITAN mengambil tindakan untuk mengadakan iaitu kawalan-kawalan ketat apabila menerima aduan gajah mengganggu daripada penduduk-penduduk kampung. Yang mana tindakan tembak-halau ini adalah juga merupakan tujuan ataupun langkah jangka pendek yang kita ambil.

Okey, bagi langkah jangka panjang, apabila tembak-halau ini tidak terkesan maka kita mengambil langkah untuk kita tangkap gajah ini dan kita pindah ke habitat asal iaitu di Taman Negara Terengganu. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jertih. Soalan tambahan. Sila.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia gajah ni takdok kesudahan sokmo, tiap-tiap tahun di Setiu maknanya kalau bulan 12, banjir, kalau bulan 10, gajah yang masuk kampung, masuk kebun memusnahkan tanaman-tanaman orang kampung mungkin bagi kita kecil tapi bagi rakyat di luar sana, mereka mengalami penderitaan daripada kemusnahan kebun-kebun mereka. Jadi soalan saya, saya nak tanya pihak Kerajaan, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk meletakkan anggota PERHILITAN secara kekal di kawasan tersebut kerana dia gajah ni dia masuk pukul 3.00 pagi, orang tengah sedap tidur. Jadi pukul 3.00 pagi nak sampai ke pukul 8.00 pagi, dia boleh memusnahkan hampir 30 ekar pokok-pokok kelapa sawit, pokok Dokong, pokok Durian sebab tu Durian tahun ini tak jadi sebab baham di gajah banyak. Jadi oleh itu saya mintak penjelasan daripada pihak Kerajaan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Sebenarnya untuk kita nak meletakkan pegawai

secara kekal di sepanjang kebun-kebun kelapa sawit orang kampung, bukan sahaja orang kampung tapi kebun-kebun ataupun ladang-ladang kelapa sawit yang dimiliki oleh swasta, ianya terlalu luas. Jadi dengan sebab itu sebenarnya Kerajaan memahami masalah yang dihadapi yang mana selain daripada langkah jangka panjang untuk kita nak alih apabila dapat aduan gajah-gajah tersebut sebenarnya Kerajaan juga telah menyediakan Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEG) yang melibatkan belanjaan jutaan ringgit. Yang ini merupakan langkah yang diambil bagi memastikan gajah-gajah ini dapat dikurangkan merosakkan tanaman terutamanya tanaman kelapa sawitlah. Okey, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jertih. Sila soalan tambahan kedua.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi Manir dululah, saya nampak Manir dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Soalan saya se lagi? Ada se lagi kan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manir saya lepas ni, bagi Langkap dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Bagi Langkap dulu dok? Selesai hak kampung saya dulu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apakah yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan bagi menjamin kawasan pagar elektrik itu supaya berfungsi dengan keadaan baik? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Langkap. Sila Jertih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Sebenarnya pagar-pagar ni yalah banyak ceritanya. Berkait dengan pagar ni, gajah dia cerdik jugak Dato' Yang Dipertua, kadang-kadang dia tahu kaedah dia, dia jatuhkan pokok bila pagar tu putus jadi voltan dia tidak berfungsi ataupun ada juga yang mana kita ada pagar yang mana

boleh digunakan oleh orang kampung daripada kebun untuk masuk ke hutan pintu pagar ni boleh dibuka oleh mereka, kadang-kadang pintu pagar ini tidak tertutup. Okey, walau bagaimanapun, melalui PERHILITAN telah melantik kontraktor sebenarnya untuk membuat penyelenggaraan berkait dengan masalah kadang-kadang Sistem Pagar Elektrik Gajah ni tidak berfungsi sama ada dilakukan oleh manusia ataupun secara tidak sengaja. Cuma dalam hal ini ialah kita nak jamin 100% itu agak sukar jadi kita pohon supaya aduan dibuat oleh orang kampung agar tindakan segera boleh diambil oleh Pegawai-pegawai PERHILITAN. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Se lagi, tertinggal ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita tak boleh bagi dah. Minta maaf Langkap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Se aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita tak boleh bagi dah. Minta maaf Langkap, peraturan kena patuh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Ya, okeylah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Langkap. Sila Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Berasa nak gi salam selalu dengan Dato' Yang Dipertua pagi ni. Allahuakhbar. Jadi kita mendengar hal ehwal gajah ni, jadi seingat saya dalam Dewan ni, saya ingat semua mengingatnya tentang Elephant Village, Perkampungan Gajah ataupun Kawasan Perumahan Gajah. Jadi nampak pada masalah tu, Elephant Village tu penuh dah ke guana, asalnya guana ke macam mana? Ke rumput hak yang ditanam oleh Pertanian tidak cukup untuk beri makan ke macam mana? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Manir. Sila Jertih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Tak berapa jelas soalan tu? Okey, Dato' Yang Dipertua, ialah berkait dengan gajah ni mengikut yang saya terima memang banyaklah hasil tanaman yang dirosakkan oleh gajah, kecil bagi kita tapi bagi orang kampung ni besar. Dan kita ada beberapa alternatif sebenarnya selain daripada ialah kita nak jaga nyawa orang, nyawa gajah, nak jaga tanaman. Kita tahu dia punya tempat-tempat yang gajah ni duduk. Kita juga ada permohonan daripada dia panggil Perkampungan Gajah di Kenyir tu, jadi kalau semua gajah ni kita nak hantar mungkin ada masalah bagi mereka untuk nak membiayai, nak beri makan gajah tiap-tiap hari. Tetapi setakat ini untuk di Tasik Kenyir tu di bawah Perkampungan Gajah Tasik Kenyir sebenarnya kita dah ada 14 ekor, 8 ekor gajah betina dan 6 ekor gajah jantan yang mana sebahagian daripada gajah-gajah ini juga yang kita tempatkan di Elephant Village tu. Selain daripada itu, yang mana kita tangkap dan kita pindah gajah ini sebenarnya kita lebih berminat untuk pindahkan ke habitat asal gajah tersebut yang mana buat masa ini populasi seluruh Negeri Terengganu kita jangkakan dalam 400 hingga 450 ekor di mana di Setiu saja ada 30 ekor iaitu 16 ekor di Kampung Pelong, 14 ekor lagi di Kampung Payong. Kita tahu gajah ni tapi masa mana dia nak mari, pukul 3.00 malam ke, pukul 4.00 pagi ke, ini yang kita menghadapi masalah. Jadi saya ingat itu sahaja Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jertih. Terima kasih Langkap. Terima kasih Manir. Seterusnya saya mempersilakan Kota Putera untuk mengemukakan soalan. Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya soalan nombor dua -

Berapakah bilangan masjid yang tidak diwartakan/tidak disahkan oleh Kerajaan Negeri (masjid binaan NGO) di seluruh Negeri Terengganu?

Terima kasih.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Wakil Kota Putera ingin tahu berapakah bilangan masjid yang tidak diwartakan oleh Kerajaan Negeri di seluruh Negeri Terengganu?

Untuk makluman Kota Putera, terdapat tiga buah masjid sahaja yang tidak diwartakan dan tidak disahkan oleh Kerajaan Negeri di seluruh Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebenarnya masjid yang tidak diwartakan yang dimaksudkan oleh Y.B. Exco itu keseluruhannya berada di Besut. Jadi saya nak tanya di sini, selain daripada pembinaan masjid ini saya nak tahu apabila ada masjid tersebut dibuat Solat Jumaat tanpa kebenaran, apakah tindakan daripada Kerajaan untuk membendung supaya tidak ada berlaku perpecahan di antara umat Islam. Dan sepertimana yang kita tahu pada zaman Rasulullah sendiri pun Rasulullah telah memerintahkan supaya merobohkan Masjid Dirar dengan merujuk kepada Firman Allah yang bermaksud: "Dan di antara orang-orang munafik itu ada yang mendirikan masjid untuk menimbulkan kemudaratan pada orang mukmin." (Surah At-Taubah, ayat 107). Jadi apakah penguatkuasaan tersebut ataupun *enforcement* dengan izin, yang akan dibuat ataupun yang telah dilaksanakan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Kota Putera. Pihak Majlis Pejabat Agama Negeri, pertama, mengambil langkah awal ialah mengenal pasti masjid-masjid tersebut sebagaimana yang saya maklumkan tiga buah itu iaitu Masjid Lama Kampung Jabi, Masjid Pondok Matla'in Al-Barda'in, Jabi, Besut dan Masjid Jamek Ma'ahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Tok Jiring, Kuala Nerus.

Okey, langkah-langkah yang kita ambil, pertama, pihak Majlis Agama Negeri Kali Kedua pada tahun 2015 bertarikh 21 April telahpun bersetuju membuat penelitian terhadap ketiga-tiga buah masjid ini dengan mengambil kira banyak perkara. Pertama, adakah ianya sebuah kedudukannya betul-betul perlu untuk dijadikan tempat untuk membenarkan Solat Jumaat. Yang kedua, mendapat pandangan daripada masyarakat setempat secara majoriti dan pihak Majlis juga akan

mengambil kira atau mengadakan pertemuan dengan wakil masjid dan wakil-wakil masyarakat setempat bagi mencari jalan penyelesaian, jalan penjernihan kerana kita tak mahu ada persengketaan yang berpanjangan. Dan ini adalah antara langkah yang kita ambil sekarang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita bagi Kota Putera dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Jabi sekali.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita bagi Kota Putera dulu. Sila Kota Putera.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, untuk pembetulan Y.B. Exco, ada sebuah lagi di Kampung Lahar iaitu di dalam DUN Kota Putera. Kalau boleh ditambah dari segi senarainya. Soalan tambahan saya adalah apabila kelmarin dulu kita mendengar Yang Amat Berhormat Menteri Besar membentangkan Bajet hampir 1 jam 45 minit. Dan berbagai-bagai dalam Bajet tersebut yang dibentangkan untuk pembangunan, jadi saya selaku Wakil kepada Besut agak terkilannya, saya mendengar pengamatan selama 1 jam 45 minit tersebut ada sekali sahaja disebut di Besut, di Pulau Perhentian RM17 juta, hak lain-lain takdok sebut Besut ni. 1 jam 45 minit untuk makluman Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dan yang lebih terkilan lagi apabila disebut dalam Bajet tersebut di muka surat 62 yang berbunyi: "Untuk itu RM16 juta akan diperuntukkan melalui Bajet kali ini bagi pembinaan 7 buah masjid iaitu di Dungun, Kemaman, Marang, Setiu, Kuala Nerus dan Hulu Terengganu." Saya nak tanya Y.B. Exco Kerajaan, adalah tidak ada dalam *list* Jabatan Agama, permohonan masjid daripada Besut? Sebab saya sendiri ada buat permohonan untuk dua buah. Okey, minta penjelasan.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Jadi soalan kedua ni tidak ada kaitan dengan soalan pertama deh. Ini berasingan. Okey, tak apa, saya jawab.

Dalam Bajet kita sedia maklum kita mempunyai peruntukan kewangan yang terhad jadi oleh itu Bajet RM16 juta untuk buat 7 buah masjid ini ialah kita lihat masjid yang kita nak buat ini ialah terlalu terdesak untuk dibina. Tetapi Kota Putera jangan rasa dianaktirikan

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Kota Putera yang terdesak jugak ada se tapi takdok dalam senarai ni.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): InsyaAllah, yang ini kita akan cubalah fikir cara manapun dengan Exco Kerja Raya untuk boleh masuk di bawah peruntukan khas dan sebagainya, insyaAllah. Jangan susah hati, kena ikut giliran.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Bukan susah hati tapi bimbang.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Lepas tu berbalik kepada hak kata ada masjid tu, masjid apa namanya tu?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Masjid Kampung Lahar, Gong Kepas.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Masjid Kampung Lahar, nanti kita cuba tengok. Pejabat Majlis Agama akan cuba teliti sejauh mana permasalahan yang dikemukakan oleh Kota Putera. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ajil. Saya bagi Paka. Saya janji dah, saya adil, 2 – 1 insyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Boleh tambah atas hak Paka sikit, saya tumpang atas hak dia, tiga jugaklah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi Paka dulu. Terima kasih Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta penjelasan. Saya rasa pihak Kerajaan sudah melantik UniSZA kalau tak silap saya untuk membuat penelitian tentang isu masjid dua kampung dan sebagainya? Kalau tak salah faham sayalah, cuma apakah cadangan atau hasil kajian penelitian itu, boleh kita kongsi bersama tak?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Apa-apa pun kuasa ini berada di tangan Jabatan Hal Ehwal Agama walaupun khidmat nasihat kita terima daripada pihak UniSZA tapi muktamadnya adalah daripada Jawatankuasa Khas yang akan memutuskan. Sebagaimana yang kita maklum bahawa dalam soal agama, kita meletakkan kepentingan ummah terlebih dahulu bukan soal kepentingan parti, politik dan sebagainya. Oleh sebab itu, kita bersangka baik kerana kita bimbang kalau kita benci seseorang janganlah berlebih-lebihan. Kalau kita kasih seseorang juga janganlah melampaui batas kerana kita bimbang yang kita kasih ini memusuhi kita yang membenci kita itulah menjadi sahabat kita. Jadi dalam soal agama ini kita bersangka baik untuk membuat perkara yang terbaik tak kiralah apa sekali pun mungkin inilah kaedah yang terbaik jadi kalau keputusan Jawatankuasa menyatakan dibenar maka kita benarkan dan jika sekiranya Jawatankuasa mengatakan tidak, maka tindakan akan kita buat sebagaimana peraturan yang diperuntukkan di bawah Majlis Agama dan juga di bawah Majlis Daerah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Mintak satu, Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf Jabi, tiga dah. Terima kasih Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ini penting jugak ni, pasal masjid, penting.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah, untuk masjid saya benarkan, tak apalah. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Berkenaan masjid terutamanya yang Solat Jumaat tanpa kebenaran Majlis Agamalah, di tempat saya ada tiga, di Kampung Jabi itu

sendiri, di Pondok Matlain Badrin jugak dalam kawasan Jabi dan jugak yang sudah turun-temurun di Kampung Tok Dak yang sudah berlarutan lebih 30 tahun. Tempatnya dekat sahaja di masjid-masjid yang telah digazetkan oleh pihak Kerajaan, oleh pihak berwajib. Jadi saya nak berterus terang di sini, adakah pihak Kerajaan bersetuju kalau saya mencadangkan di mana saya bersetuju tadi Yang Berhormat Wakil Kerajaan menyebut kita tidak ada apa-apa matlamat politik dalam mengimarahkan masjid ini, kita faham. Tapi suka ataupun tidak, saya nak menyebut di sini masjid-masjid di luar daripada kelulusan pihak berwajib itu sebenarnya asalnya adalah markas parti politik, Markas PAS. Dan kemudian apabila ramai orang datang, mula-mulanya sembahyang berjemaah, kemudian didirikan Sembahyang Jumaat dan sehingga berlarutan berpuluh-puluh tahun. Jadi adakah dalam kaedah ini, dalam hal ini pihak Kerajaan bercadang untuk kita menyelesaikan jugak perkara ini melalui pendekatan politik. Mungkin pihak Kerajaan boleh memanggil pimpinan politik terutamanya Parti PAS di Negeri Terengganu ini untuk membincangkan supaya mereka boleh menasihatkan kepada pengikut-pengikut mereka itu janganlah lagi dibina masjid-masjid yang tidak mendapat kelulusan terutama untuk Sembahyang Jumaat di kawasan-kawasan yang sudah kita

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Adakah Jabi bercadang untuk sodok aje buat macam Masjid Bujal tu? Sekarang UMNO ada kuasa, boleh buatlah, 30 tahun dah tu.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Boleh sangat, takdok masalah. Tapi kita pegang jugak 'Ud'u ila sabili rabbika bil hikmah'. Kena ada hikmah sebab itu kita mintak tadi biar ada perundingan di antara pihak Kerajaan dengan pimpinan politik.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Adakah bil hikmah tu yang terjadi pada Masjid Bujal tu?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, Paka duduk, Jabi duduk panjang dah.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Kalau tidak dia akan berlarutan sampai bila-bila, takkan selesai isu ini sebenarnya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak beri ingatan kepada Pakalah, ikutlah peraturan biar comel belaka. Bangun buat celahan, tadi Paka saya beri lima soalan tambahan. Tak apalah, kita sama adil. Celah-celah pun saya kira. Okey, teruskan. Sila Ajil. Terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih. Dalam soal kita menegakkan agama Allah ini pertama, kita mesti betul-betul memahami dan mengikuti apa yang telah ditunjukkan oleh junjungan besar Nabi Muhammad Sallahu Alaihi Wassalam, apa yang diharam, haramlah dan apa yang dihalal, halallah kerana yang haram itu jelas, yang halal itu jelas. Jadi kita akan lihat peraturan oleh ahli-ahlinya nanti apakah yang diputuskan oleh Jawatankuasa itu nanti kerana kita tidak boleh mengatasi bidang kuasa yang ada di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ajil. Terima kasih banyak kepada Jabi, Kota Putera soalan asal, Paka yang mencelah. Okey, saya mempersilakan Wakaf Mempelam, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan saya yang pertama -

Apakah perancangan serta tindakan jangka pendek dan jangka panjang pihak Kerajaan untuk menyelesaikan masalah kesesakan yang semakin serius di jalan utama Jalan Kota Bharu khususnya di antara Kampung Pulau Rusa dan Manir terutamanya di waktu-waktu puncak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil media dan para Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Wakil Wakaf Mempelam ada bertanyakan apakah perancangan serta tindakan jangka pendek dan jangka panjang pihak Kerajaan untuk menyelesaikan masalah

kesesakan yang semakin serius di jalan utama Jalan Kota Bharu khususnya di antara Kampung Pulau Rusa dan Manir terutamanya di waktu-waktu puncak?

Untuk makluman Wakil Wakaf Mempelam dan seluruh warga Dewan, Kerajaan memang dalam perancangan untuk jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi masalah ini. Di peringkat Kerajaan Negeri bagi penyelesaian jangka pendek, Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu Pasukan Pengurusan Trafik yang dianggotai oleh Jabatan Kerja Raya Terengganu, PDRM (Bahagian Trafik), Lembaga Lebuh Raya dan PBT bagi menguruskan trafik pada musim perayaan ataupun waktu-waktu puncak terutamanya pada musim-musim perayaan dan juga cuti-cuti panjang, cuti sekolah. Pasukan ini akan beroperasi ataupun diaktifkan bila masa keadaan trafik di jajaran yang disebutkan ini dan juga di beberapa tempat di seluruh Negeri Terengganu itu yang mana kesesakan dia tu sangat teruk.

Di samping itu, bagi penyelesaian jangka panjang. Kerajaan Negeri dalam proses menyiapkan Projek Jambatan Di Atas Sungai Terengganu Ke Pulau Sekati dan juga Projek Jambatan Dari Kampung Jeram Tokkong Ke Kampung Bukit Guntong (Dekat Gemuroh) dan Kerajaan Negeri juga merancang untuk Menaik Taraf Jalan Dari Pulau Rusa Ke Batu 6 daripada dua lorong ke empat lorong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Soalan tambahan pertama. Sila Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya dimakumkan tadi berhubung dengan kes projek jangka pendek dan jangka panjang, saya tak tahulah, nak membina jambatan ni mungkin mengambil masa yang agak lama. Jadi kalau boleh bila ianya memakan masa, alternatif yang ada ni biarlah orang kata boleh mengurangkan sikit masalah rakyat yang berulang-alik di jambatan tersebut. Jadi saya nak tanya dan saya difahamkan juga ada 'Rolling Plan' untuk nak mengurangkan kesesakan. Jadi sejauh mana 'Rolling Plan' ini berjalan dan berapa kos yang terlibat kalau sekiranya ada?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakaf Mempelam. Sila Kemasik.

YANG BERTHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Saya rasa bagi menjawab berkenaan 'Rolling Plan' tu, saya rasa Wakil Wakaf Mempelam merujuk kepada Cadangan Projek Menaik Taraf Jalan Daripada Pulau Rusa Ke Batu 6. Jadi untuk makluman Wakil Wakaf Mempelam, jadi projek ini telah kita angkat untuk dilaksanakan pada RMK-11. Jadi kita dah cuba dalam 'Rolling Plan Pertama' yang mana tidak berjaya dan juga 'Rolling Plan Ke-2' yang kedua. Jadi pada tahun depan ini di mana sekarang ini pihak JKR Negeri telah menghantar permohonan untuk memohon supaya projek yang saya sebutkan tadi itu dapat dilaksanakan dalam 'Rolling Plan Ke-3' iaitu pada tahun depan.

Saya juga ingin berkongsi maklumat bahawa projek ini, projek yang saya sebutkan tadi telah melalui proses 'Value Assessment' dan juga 'Value Engineering' yang mana bila dua-dua proses ini selesai, proses seterusnya adalah menunggu untuk proses tender. Jadi harapan kami, kita semua, kita dapat dengan peruntukan yang dianggarkan pada tahun 2015 projek itu akan menelan belanja sebanyak RM483 juta. Jadi mungkin ada sedikit sebanyak perubahan andai kata dilaksanakan, insyaAllah pada tahun depan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Soalan tambahan kedua, silakan Wakil Wakaf Mempelam untuk soalan tambahan kedua.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada lagi sekarang ini dalam pembinaan, saya tak tahu sejauh mana boleh membantu iaitu saya pergi *check* sendirilah, saya tengok tengah duk bina sekarang ini Jambatan Pulau Sekati dia menghubungkan Bukit Losong dekat Muzium Terengganu untuk ke Kubang Jela bagi nak mengatasi kesesakkan ini. Jadi yang ini dijangka bila siapnya kalau cepat siap tu barangkali boleh membantu mengurangkan kesesakkan dan berapakah kos yang terlibat? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Kemasik.

YANG BERTHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Okey, terima kasih sekali lagi Wakil Wakaf Mempelam. Seperti yang jawab pada mula-mula tadi rancangan Kerajaan Negeri bagi satu penyelesaian jangka panjang yang melibatkan Sistem Penyuraian Trafik di sebelah Manir, di sebelah Batu 6 adalah tiga skim. Yang pertamanya adalah Menaik Taraf Jalan Pulau Rusa Ke Batu 6.

Yang kedua, sedang berjalan sekarang adalah Pembinaan Jambatan Di Atas Pulau Sekati di mana itu adalah sebahagian rancangan jangka panjang kita untuk membawa trafik daripada kawasan sekitar Muzium Bukit Losong terus ke Gemuroh di LPT 2. Jadi ini melibatkan dua pakej. Yang pertama, seperti yang saya kata tadi Jambatan Pulau Sekati. Dan yang keduanya, Jeram Tok Kong Sampai Ke Gemuroh. Masalah yang kita hadapi berkenaan Jambatan Pulau Sekati adalah isu pengambilan balik tanah yang mana isu itu telah selesai baru-baru ini dan projek sekarang berjalan yang saya rasa di peringkat yang optimum dan dijangka siap pada April tahun depan.

Berkenaan dengan projek yang menghubungkan Jeram Tok Kong - Bukit Guntong, projek ini seperti yang kita sedia maklum kita ada jajaran lebih kurang 200 meter yang kita tak dapat siapkan sebelum ini pasal isu pengambilan balik tanah yang melibatkan Saudara Salleh Embong. Jadi isu ini telah diselesaikan dan kerja-kerja sedang dijalankan yang melibatkan pembinaan jambatan kalau tak salah saya dua *spam?* dan dijangka siap pada November tahun depan. Dengan siapnya dua pakej ini insyaAllah, pada pandangan kami, Kerajaan Negeri akan menyelesaikan sebahagian besar masalah kesesakan trafik dari kawasan Bukit Losong sehingga ke kawasan Gemuroh dan ia sebagai salah satu daripada Sistem Penyuraian Trafik yang mana pengguna dari kawasan bandar akan menikmati satu sistem pengangkutan jalan yang selesa untuk ke Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2. Itu adalah perancangan kita dan harapan kita sekali saya sebut agar permohonan kita untuk menaik taraf Jalan Pulau Rusa Ke Batu 6 seterusnya ke Gong Badak akan menjadi kenyataan dan sekiranya ini dapat dilaksanakan insyaAllah, masalah-masalah yang kita hadapi sekarang ini merupakan sejarah untuk masa depan kita. Terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bukan nak soalan tambahan, cuma tertinggal tadi Yang Berhormat Exco berkait anggaran kos yang terlibat untuk projek ini?

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bagi Projek Jambatan Pulau Sekati dia melibatkan kos sebanyak RM242 juta. Dan bagi projek

yang melibatkan Jalan Yang Menghubungkan Jeram Tok Kong – Bukit Guntong dia melibatkan kos sebanyak RM225 juta. Okey, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Alhamdulillah, terima kasih banyak

YANG BERTHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Sikit Dato' Yang Dipertua, kos yang itu untuk berapa jarak kilometer?

YANG BERTHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Saya rasa Wakil Teluk Pasu pun familiarlah dengan kawasan ini

YANG BERTHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Untuk makluman Dewan.

YANG BERTHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Untuk mendapatkan maklumat itu saya kena mintak notislah. Saya tidak ada maklumat itu pada saya sekarang tapi saya rasa kita semua tahu jarak dia.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Terima kasih Wakaf Mempelam. Yalah, kepentingan rakyat kita utamakan. Terima kasih banyak.

Alhamdulillah, syukur kita kerana sesi Soalan-soalan Lisan sudah tamat, hampir sejam pada hari ini. Jazakallahu khairan kathira kepada semua Yang Berhormat yang menjaga adab, menjaga peraturan tatasusila dalam kita mengemukakan soalan dan menjawab. Alhamdulillah.

Jadi saya ingin menangguhkan sementara Dewan yang mulia untuk pagi ini. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka saya tangguhkan sementara Dewan ini dan kita sambung semula pada pukul 11.15 pagi. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN SEMENTARA PADA PUKUL 10.45 PAGI.

PUKUL 11.15 PAGI

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullhi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat, Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mesyuarat disambung semula.

Perbahasan untuk Bajet 2017 kita teruskan sekiranya ada saya menjemput Yang Berhormat yang ingin berbahas silakan dan saya ingatkan 15 minit sahaja. Sila patuhi peraturan masa. Terima kasih. Sila Rantau Abang.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikummusalam warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Alhamdulillah rabbil 'alamin. Wassalatu wassalamu'ala ashrafil anbiya iwal mursalin wa'ala alihi wassahbihi ajmain. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Pemerhati-pemerhati hadirin-hadirat yang dirahmati Allah sekalian.

Alhamdulillah, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' kerana memberi peluang kepada saya untuk membicaraan tentang Bajet yang telah dibentangkan pada hari Isnin selama 1 jam 45 minit. Banyak perkara yang disentuh. Kerana masa yang diperuntukkan begitu singkat, saya akan sentuh beberapa perkara untuk kita sama-sama perhati terutama sekali bahagian Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk bertindak kalau ianya difikirkan perlu. Mudah mudahan apa yang saya akan utarakan ini adalah semata mata untuk kepentingan rakyat sekalian. Kecil bagi kita tapi besar bagi rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, perkara yang saya nak bangkitkan ini ialah yang berkaitan dengan peruntukan Bajet. Kita tahu bahawa projek kali ini terhad kalau kita bandingkan dengan tahun-tahun sebelum ni. Dalam keterhadan inilah kita perlu berhati-hati dalam kita memilih projek-projek yang kita hendak laksanakan.

Saya mulakan dengan saliran. Saya melihat dari sudut keutamaan yang dibentang dalam Bajet ini ialah Saliran Gong Pasir. Ianya perlu tetapi yang lebih perlunya, keutamaannya perlu dilihat saliran di kawasan Binjai Cik Lijah dan bawa seterusnya ke Padang Pulut kerana kawasan-kawasan inilah yang senantiasanya dilanda banjir. Saliran Gong Pasir agak kurang dari segi penglibatan apabila berlaku musim tengkujuh tetapi yang berlaku di Binjai Cik Lijah, Kumpal, Delong, Padang Pulut merupakan kawasan yang senantiasanya berhadapan dengan banjir.

Saya telah kemukakan pada pertemuan yang lepas kajian dan perancangan telah pun ada tetapi saya mengesyorkan mencadangkan supaya perhatian yang serius kepada tempat-tempat yang telah saya sebut tadi. Jawapan yang lepas apabila saya kemukakan, longkang-longkang yang dijawab dibersihkan setiap bulan dengan kos RM200,000, setiap bulan RM200,000 sebelum 8 Ogos memang ada dibersihkan tetapi sehingga sekarang Ogos, September, Oktober, November ianya terbiar begitu saja.

Musim hujan kita tidak tahu, tengkujuh akan datang dan kita tidak tahu banjir akan melanda ataupun tidak tetapi saliran ini dibiarkan begitu saja tidak dibersihkan. Sama ada di belakang Hospital Dungun, di Seberang Pintasan dan di lain-lain tempat. Saya mengharapkan perkara ini perlu didahulukan supaya perkara-perkara yang berlaku akibat daripada tersumbat ini menyebabkan berlaku pelbagai penyakit akan timbul daripada apabila air-air bertakung.

Yang kedua, berkaitan dengan saliran ini juga saya cadangkan supaya alur atau Sungai Ceroyok, Seberang Pintasan yang saya kemukakan dan soalan ini ditolak saya melihat ianya perlu diambil tindakan segera untuk membina satu aliran yang tetap kerana pembangunan sekitar Seberang Pintasan yang perumahan di situ aliran airnya masuk ke dalam Alur Ceroyok ini. Yang menyebabkan ianya tidak keluar ke sungai dan ianya menyebabkan bauan-bauan dan pelbagai masalah yang berlaku.

Yang merumitkan ialah Sungai Ceroyok ini merupakan tempat simpanan ataupun tempat teduhan nelayan-nelayan memasukkan bot-bot mereka, *fiber-fiber* mereka ke dalam alur ini. Dan apabila alur ini tersumbat sudah tentulah menyulitkan para-para nelayan di sekitar Seberang Pintasan. Walau macam manapun saya ucap terima kasih kepada Jabatan Saliran Dungun kerana telahpun bertindak sementara dengan menggali supaya air keluar tetapi yang saya mintak ialah kenapa kita buat

benda tu berulang-ulang sedangkan kita boleh rancang secara konkrit supaya ianya diuruskan dan dibina satu aliran yang tetap yang ada *culvert* dan sebagainya supaya ianya tidak ditimbus oleh pasir apabila berlaku ombak besar. Itu yang pertama berkenaan dengan saluran.

Yang kedua, saya nak bangkitkan tentang isu tanah. Tanah yang baru saja dikeluarkan geran diberikan hak kepada pemohon-pemohon tetapi rayuan daripada masyarakat setempat mengatakan bahawa premium terlalu tinggi. Memandangkan tanah yang mereka miliki itu ialah tanah-tanah berpaya bukan tanah seperti kawasan-kawasan bandar, munasabahlah kalau kawasan bandar ratusan ribu satu lot tetapi dalam kawasan kampung paya yang penuh dengan paya yang takung dengan air tetapi masih mereka diami tetapi premium yang mereka kena bayar terlalu tinggi. Bayangkan tanah seluas 700 meter persegi nilai premium yang perlu dibayar sampai RM13,000 bermakna RM130,000 harga tanah itu. Jadi saya merayu kepada pihak kerajaan supaya pertimbangkan walaupun bila kita kemukakan ia mengatakan ini penilaian yang dibuat oleh pihak-pihak yang diamanahkan. Tetapi saya mintak supaya benda ni disemak balik untuk kepentingan masyarakat yang rata-rata miskin bukan rakyat yang kaya. Mereka adalah yang berpendapatan rendah. Jadi ini mintak dipertimbangkan.

Perkara yang ketiga ialah isu Tabung Darul Iman. Peruntukan ada tapi prosedurnya mintak dipertimbangkan terutama sekali kes-kes kecemasan. Sebab memang banyak berlaku dan rayuan datang kepada saya dia tak dapat nak cari duit untuk pembedahan tetapi dia terpaksa pinjam belas-belas ribu dengan kawan-kawan dengan mintak derma. Sedangkan peruntukan Tabung Darul Iman ada. Prosedur saya nak mintak. Betul, bila saya semak prosedur memang begitu mesti isi borang mesti itu ini. Bagi kes-kes kecemasan saya mintak supaya Kerajaan pertimbangkan kepada pesakit-pesakit yang nak disegerakan. Sebab bila dia masuk ke hospital, doktor rawat dia dan doktor putuskan bahawa ia adalah *emergency*, segera perlu dibedah perlu dibuat dan kalaulah prosedur ini tidak dipertimbangkan, maka kita kena rasa kesianlah kepada mereka.

Perkara yang ketiga, saya nak ringkas saja.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Perumahan PR1MA.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Yang Keempat, Perumahan PR1MA. Terima kasih sudah dibentang dalam sesi yang lalu. Ada peruntukan rumah PR1MA di kawasan Kuala Abang. Saya rasa dah tiga kali pertemuan dah ini, rumah ini belum terjelma. Apakah disebaliknya, adakah tanah belum diproses, belum diluluskan ataupun bagaimana. Perumahan ini merupakan satu benda yang paling menjadi hambatan masyarakat kita. Ramai masyarakat kita seperti yang disebutkan sebelum ini berapa ramai yang tidak ada rumah pertama dan kalau perancangan sudah ada saya mintak supaya perkara ini disegerakan untuk memberi kemudahan kepada masyarakat yang tidak mempunyai rumah pertama terutama sekali anak-anak muda. Takkan kita nak biarkan mereka tiga empat keluarga bersama dalam satu buah rumah dengan mak-ayah dia. Kita mengharapkan masalah perumahan ini disegerakan. Mana-mana rumah yang telah siap kita mengharapkan Kerajaan perlu lihat supaya disegerakan dipermudahkan. Jangan kita politikkan perkara ini. Saya sebut ini saya ada asas. Sebab pemilihan akhirnya dijadikan politik. Kita mengharapkan di Terengganu ini majoriti ialah orang kita. Kenapa kita nak politikkan tentang pemberian sama ada tanah, rumah dan yang lain-lain.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN: Dua minit lagi Rantau Abang.....

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Kita kena ingat kita adalah orang Islam, Islamnya' lu walayu' la Islam, itu tinggi tidak ada yang lebih tinggi. Siapa yang nak meninggikan Islam. Kitalah, saya berterima kasih dimulakan dengan Bajet ini dengan ayat-ayat al-Quran, alhamdulillah tapi jangan sebut sekadar kita bentang saja tetapi kita tidak buat sesuatu tentang tanggungjawab-tanggungjawab ini. Bukan saya kata semua kita tidak buat, tetapi ada lompang-lompang yang masih boleh kita selesaikan dengan bijak.

Perkara yang seterusnya ialah tentang tenaga kerja. Kita mempelawakan peniaga-peniaga asing masuk ke dalam negara kita. Sebelum ini saya telahpun sebut jangan lupa kita adakan suatu syarat. Syarat ketat untuk kita untuk kita tetapkan

berapa peratus. Kalau dia nak masuk berapa peratus, mesti kita tetapkan tenaga tempatan. Kita kesian dengan anak-anak kita yang belajar di pusat-pusat pengajian tinggi. Macam-macam hak dalam negeri kita sendiri pun ada tetapi mereka tidak dapat tempat dalam bidang pekerjaan. Disebabkan telahpun dijawab yang sebelum-sebelum ini, industri yang masuk tidak ada syarat peratus tenaga asing yang boleh masuk tempat untuk bekerja. Tapi sekarang kita lihat tenaga asing limpah begitu saja. Saya rasa tidak boleh nafi, semua orang tahu dalam semua bidang, semua diterokai oleh orang-orang asing belaka.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN: Rantau Abang, masa dah mencukupi.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Akhirnya.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Akhirnya, Kawasan industri Batu Tujuh. Seluas 197 ekar telah lama diluluskan tetapi setakat yang dijawab baru-baru ni hanya lima syarikat saja yang beroperasi di situ. Tinjauan kita di Batu 7 ini, yang pertama infrastruktur tidak lengkap. Ada jalan sikit jalan ada tiang-tiang elektrik, ada tetapi untuk kita nak bina industri dan kita nak mintak orang untuk beroperasi di situ sudah tentu dia memikirkan tentang infrastruktur.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Rantau Abang banyak dah.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Yang boleh melaksanakan tanggungjawab dia untuk beroperasi di situ. Jadi, saya minta supaya perkara ini disemak balik ditengok sama ada tanah tu telah dipohon atau tidak.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih semua pendengar. Mudah mudahan apa yang saya sebut bukan sekadar saya sebut, tapi ini adalah luahan hati masyarakat untuk kita yang dipertanggungjawabkan melaksanakan untuk masyarakat kita. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumusalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Rantau Abang. Seterusnya kalau ada, kalau tak ada saya nak mintak Kerajaan gulung.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Ada..ada..ada..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Ladang, patuhi masa ya. Saya ingatkan sekali lagi. Terima kasih Ladang. Biasa Ladang sekejap, 15 minit paling lama.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Sampai pukul berapa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sampai pukul 12.00 tengah harilah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Wa'uzubillah minashaitonir rajim. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah rabil 'alamin. Wassalatu wassalamu'ala bil huda. Wasallallahu'ala Sayyidina Wa Maulana Muhammad. Wa'ala alihi wasahbihi ajma'in. Minta maaf Yang Berhormat saya selsema sikit. Yang saya kasihi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, semua Yang Berhormat Yang Berhormat dan juga kawan yang hadir dan Pemerhati sekalian.

Alhamdulillah, pertamanya saya rasa terpanggil untuk bicarakan sedikit tentang royalti lanjutan daripada apa yang disebut oleh wakil Batu Burok kelmarin atau kelmarin dulu. Disebut juga tentang akta baru, Akta Wilayah Laut mengatakan sempadan Negeri Terengganu dan sempadan semua negeri ada 3 *nautica mile*, 3 batu nautika.

Pada tahun 1969, asalnya ialah 12 *nautica miles* dan pindaan dibuat ini sebenarnya pada saya tidak sah. Parlimen membuat undang-undang ini atau membuat akta baru ini dengan tidak mendapat persetujuan daripada Dewan kita, Dewan Undangan Negeri dan tidak mendapat pengesahan atau persetujuan daripada Majlis Raja-Raja tapi terus dikuatkuasakan 3 *nautica miles* dan ada negeri-negeri yang di Sarawak dan Kelantan membantah pindaan ini. Apa kaitannya dengan royalti? Minyak kita.

Nampaknya tidak ada sangat, kaitan sebab kalau dulu kita menandatangani perjanjian bahawa royalti mesti diberi kepada Terengganu. Ketika itu minyak ditemui lebih jauh daripada 12 *nautica miles*, 12 nautika batu sekarang 3 nautika batu juga minyak yang dijumpai jauh lebih daripada itu malah ratusan atau 100 nautika batu ke laut. Jadi nampaknya apabila Petronas mengatakan bahawa Terengganu sudah tiada hak atas minyak ini berdasarkan kepada akta ini. Tapi ketika kita menandatangani perjanjian untuk memberikan kepada Negeri Terengganu kita sudah sedar bahawa memang begitu jauh tapi masih ditandatangani.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Mohon penjelasan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA : Silakan Air Putih

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Cuma saya nak ingatkan pada Ladang bahawa Akta Laut 750 tahun 2012 tu adalah mengganti saja Akta Darurat 1969 yang mana 3 batu nautika sudah tersebut di situ. Cuma Akta Darurat itu....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak apa, jangan ganggu saya sebab masa terhad.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Tak , tadi kata sebab

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kita boleh bincang semula kemudian tentang soalan itu.....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): tak dapat kebenaran Sidang DUN, Majlis Raja-Raja itu tak betul sebab itu hanya menggantikan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Betul tak betul itu isu lain. Betul tak betul kita boleh berbahas kemudian.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Tapi *statement* itu *miss leading*, itu silap.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak, saya rasa tak silap, LA ada boleh bantu.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Kita boleh *check* nanti sebab ambil 750 daripada Ordinan Darurat 1969 hanya menggantikan sahaja sebab Ordinan Darurat itu telah dimansuhkan bila ISA dibatalkan, digantikan dengan Akta Darurat 750.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Guane ning....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Air Putih, sila teruskan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ataupun nak saya berbahas dengan dia?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak payah, teruskan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak payah. Kita pakat dah siapa kalah tukar parti. Tapi dua-dua menang, takdok aralah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ladang, sila.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Jadi sekarang ini saya mendengar pula Yang Amat Berhormat menyebut satu *taskforce* dibentuk atau jawatankuasa untuk mengkaji soal royalti ini. Cuma apakah Yang Amat Berhormat bersetuju dengan saya kalau saya katakan bahawa Kerajaan Negeri tidak bersetuju supaya royalti dikembalikan kepada Kerajaan Negeri Terengganu tapi sebaliknya bersetuju dengan keadaan sekarang yang dinamakan Dana Khas Kerajaan Persekutuan. Dewan nak tahu dan sila beritahu pada Dewan minta izin supaya diberitahu pada Dewan tentang *stand* Kerajaan Negeri berkaitan dengan royalti ini supaya jelas kepada rakyat.

Kemudian tentang *inclusivity*, tentang eksklusif. Buat Bajet dapat pandangan daripada 502 orang gitu dok? 400 usul. Terima kasih kerana ada *inclusivity* itu tapi apakah tidak difikirkan bahawa dalam konsep *inclusivity* ini atau eksklusif ini bahawa semua Yang Berhormat atau Wakil Rakyat, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri patut terlibat sama dalam perancangan daerah masing-masing dengan meminta semua Pegawai Daerah atau saya membuat dasar supaya Pegawai Daerah memanggil menjemput semua Wakil Rakyat Pembangkang dan juga Kerajaan untuk hadir dalam mesyuarat-mesyuarat di peringkat daerah termasuk Mesyuarat Pembangunan Daerah. Kalau betul-betul ingin *inclusivity* itu, saya minta supaya kita terlibat sama.

Saya nak beralih sedikit kepada masalah kemiskinan. Ini nak tanya Exco Pertanian, dulu kita sebut untuk mengatasi masalah kemiskinan rakyat diminta tanam kelapa sawit dekat rumah. Nak tanya setakat ni bagaimana kejayaan hasil daripada tanam 10 batang pokok kelapa sawit keliling rumah. Kalau berjaya tu kita nak tanam juga di Ladang ni sebab walaupun tanah sempit tapi di ladang.

Lepas pada tu tanam Roselle pula. Bagaimana pendapatan daripada hasil roselle tu nak tanya jugak. Sebab saya tak nampak kejayaan setakat ni pasal roselle.

Kemudian kambing-kambing tu disebut dah semua dok berjaya kecuali satu ada yang berjaya saya ada dengar itu satu jer yang berjaya tapi kebanyakannya tidak berjaya, jutaan habis, fertigasi pun habis begitu saja.

Dan kemudian melon. Melon apa? Melon Madu, Melon Manis Terengganu nak di komersialkan, alhamdulillah tapi saya ingin peringatkan ialah bukan soal tanam tapi soal jual. Tanam dokleh pitih, jual baru boleh pitih. Jadi soal *marketing* juga harus diambil kira juga. Bagaimana untuk *sustain* tentang penjualan melon-melon ini.

Yang seterusnya tentang kemiskinan. Kemiskinan ini bukan hanya di luar bandar tapi juga di bandar termasuk juga di kawasan Ladang. Dalam keadaan kita kata kita buat macam-macam tapi kalau kita pergi jalan ke pasar kita tengok orang beli ikan mahal, sayur mahal semua mahal mengeluh. Maknanya *cost of living* terlalu tinggi sekarang dan keadaan agak membimbangkan dan yang kita ingin tahu apakah langkah-langkah untuk mengatasi kemiskinan di bandar ini. Nak tanam kelapa sawit di bandar, jadi hak benda lain pulak kita nak tengok macam mana.

Disebut juga tentang zakat. Simpanan zakat yang terlalu banyak lebih daripada RM300 juta dijawab bahawa masih tidak diagihkan dan saya ingin meminta supaya Kerajaan melihat soalan-soalan ini dan meminta supaya MAIDAM lebih agresif bukan hanya dalam meminta orang bayar tetapi agresif dalam memberi bantuan. Kena *revise* balik tentang cara-cara memberi bantuan kepada rakyat miskin ni, kepada asnaf-asnaf ini.

Ada orang yang terpaksa dibantu setiap bulan. Mereka sakit, mereka tidak mampu untuk bekerja. Bagaimana ini? Kena *check* balik kalau tidak orang akan terus bayar zakat ke negeri lain kerana tak yakin bahawa pembahagian ini dapat berjalan dengan baik.

Yang seterusnya ialah tentang pelancongan. Saya nak sentuh tentang pelancongan. Jabi sebut tentang pelancongan. Saya nak sokong dia tapi dia dok bagi. Dia ingat saya dok setuju, saya setuju dengan apa yang disebut oleh Jabi. Mesti mendapat keuntungan itu kepada rakyat di sini. Tapi saya nak sebut bagaimana di Pulau Redangnya misalnya. Pelancong-pelancong luar ni dia banyak ke pulau termasuk ke Pulau Redang. Dia pergi itu ke Laguna, ke Berjaya Resort yang besar-besar dan kita tidak boleh memastikan atau membuat satu peraturan bahawa orang-orang pelancong ini mesti melawat kampung-kampung ini di Pulau Redang. Dia pergi ke Laguna, dia balik. Tapi apakah tidak difikirkan bahawa perlunya ada *package* bahawa jika mereka datang mereka mesti wajib dibawa ke kampung-kampung dan di situ boleh diadakan suatu yang boleh memberi manfaat kepada penduduk kampung misalnya menjual apa sekalipunlah tidak kira supaya mereka mendapat *income* daripada kedatangan pelancong itu, bukan datang, balik dan mereka tak dapat apa-apa.

Yang seterusnya ialah sedikit tentang jalan seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat nak baiki laluan T3. Kuala Terengganu, Kuantan, di Kemaman dan juga di Marang. Belanja RM118 juta. Saya ingin penjelasan apakah wang ini akan digunakan dari peruntukan Federal atau peruntukan Negeri ataupun bagaimana? Sebaik, sebenarnya tanggungjawab dalam Jalan Federal, hak Federal, bukan hak kita.

Sedikit tentang infrastruktur ataupun tentang kesihatan. Saya nak tanya minta penjelasan tentang bagaimana pelaburan kita dalam iHeal di Mid Valley adakah masih ada atau bagaimana? Saya dengar dah takdak dah, tapi mengapa begitu

dan banyak mana kita rugi dalam pelaburan itu? Dan agaknya memang sudah nasib Terengganu apabila kita buat sesuatu bangunan ni dia banyak tak kena, banyak runtuh, banyak retak dan sebagainya.

Dan yang terakhir ini ialah untuk makluman tentang pembinaan bangunan KTS. Yang sepatut boleh beroperasi tapi masih tidak beroperasi sekarang kerana katanya ada *default*, ada teknikal *default* dalam pembinaan bangunan itu. Tidak mengikut spesifikasi sebenarnya hingga tertangguh dan melibatkan kos lagi dan tidak dapat digunakan lagi sampai sekarang. Pasal apa boleh jadi gitu? Haa, itu kena siasat pasal apa. Kita minta penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dua minit lagi Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Okey, cukup dua minit kabor saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya juga nak sentuh tentang apa yang disentuh oleh sahabat saya tentang IQ, Institut Al-Quran. Dan hebohnya mereka membicarakan tentang IQ ini apakah IQ ini akan terus kekal setelah adanya KQT (Kolej Quran Terengganu) nanti. Apakah dia dua identiti atau nak padamkan satu nak kekal dengan kolej saja? Dan saya sebut ini supaya dapat diselesaikan dengan segera kerana sehingga ini IQ atau Institut Al-Quran Terengganu belum lagi membuat tawaran untuk kemasukan yang akan datang 2017. Ini nak kena selesaikan segera.

Kemudian nak tanya mende kecil-kecil lah tapi dok kecil lah juga iaitu tentang TDM yang tidak pernah dijawab bila ditanya tentang pelaburan TDM di Kalimantan. Apa jadi? Banyak cerita tentang ini kalau boleh saya minta supaya Kerajaan memberikan jawapan yang jelas tentang pelaburan ini. Dengar-dengar rugi banyak.

Tentang hasil bijih besi yang lebih kurang ada RM800,000 sahaja untuk tiga tahun. Saya fikir Kerajaan kena tengok balik tentang Peraturan-peraturan Tanah Terengganu yang kemungkinan hasil ataupun Pengalihan Bahan-bahan ini agaknya mungkin terlalu rendah. Atau mungkin ada lagi-lagi bayaran yang kita boleh

ambil bukan hanya untuk Kerajaan Pusat sahaja. Berkaitan ini juga saya nak bertanya tentang bayaran-bayaran ini saya tidak terjumpa dalam Buku Bajet ini tentang pendapatan daripada Pendaftaran Pindah Milik Tanah yang kita kenakan RM40 sahaja untuk satu pindah milik tidak kira nilai juta ke ataupun nilai ratus ringgit sahaja. Itu mungkin Kerajaan kena tengok balik tentang hasil-hasil ini dalam keadaan kita sudah kekurangan hasil-hasil lain.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ladang. Dua minit dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Nak suruh saya duduk sekarang ke?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA : Terima kasih kalau boleh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Cuma saya nak tanya se lagi. Biar sikit lagi, ada orang ganggu saya. Cukai Pawagam ni, Cukai Panggung Wayang diunjurkan dapat RM1 juta. Saya nak tahu anggarannya tu sejuta. Yalah, boleh bagitahu kami kat mana agaknya panggung wayang lain selain dari Mesra Mall, Kerteh. Kat mana lagi masih ada sehingga kita boleh dapat RM1 juta.

Satu lagi saya nak tanyalah tentang keuntungan dan hasil pelaburan yang disebut pada tahun 2015 kita dapat RM9.8 juta ia menurun teruk pada 2016 iaitu RM200,000 dan dia naik kembali kepada RM1.5 juta pada 2017. Saya tak faham itu, apa sebenarnya komponen itu? Yang naik tinggi, turun lepas tu naik balik. Mungkin boleh *highlight* pada Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA : Terima kasih Ladang, panjang dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Saya ada lagi tapi menghormati Yang Dipertua yang saya kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak Wakil Ladang mematuhi masa yang kita peruntukkan. Ada lagi? Sila Chukai.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Chukai): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullhi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Chukai): Alhamdulillah rabbil 'alamin. Wassalatu wassalamu'ala ashrafil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihi wasahbihi ajmain. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan.

Pertama-tamanya, saya merasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat bersama-sama dalam Majlis Pembentangan Bajet yang telahpun disempurnakan dua hari yang lalu. Bajet pada kali ini adalah Bajet yang sangat menghiburkan Kampung Teluk Ketapang Ayah Su sekeluarga.

Syabas kepada Ayah Su, semoga mempergunakan bantuan kewangan yang dapat daripada Kerajaan untuk sama-sama berbakti akhirnya kepada kerajaan. Namun begitu Yang Amat Berhormat, Ayah Ngah di Kemaman sangat sedih kerana hampir 20,000 lebih pekerja-pekerja *oil and gas* di Kemaman hilang pekerjaan akibat daripada kejatuhan harga minyak yang menyebabkan banyak rumah-rumah kosong yang juga dalam masa yang sama perniagaan, sama ada kedai-kedai pemborong ataupun kedai-kedai runcit ataupun kedai-kedai makanan turun peratus jualanannya sehingga 30% sehingga 40%.

Inilah dilema yang sedang berlaku di Daerah Kemaman. Satu-satunya daerah industri yang sangat-sangat tersohor di Negeri Terengganu dan dapat menjana pendapatan kepada Majlis Perbandaran Kemaman hampir RM70 juta setahun. Mungkin kalaulah keadaan kemelesetan ekonomi ini lebih teruk lagi pada tahun hadapan mungkin pendapatan ini akan berkurangan.

Dato' Yang Dipertua, pada hari ini saya ingin mengemukakan bahawa kemasukan pekerja asing sangat ketara sebagaimana yang disebut oleh Menteri Sumber Manusia bahawa ada 1.9 juta pekerja asing yang masuk secara sah tetapi dalam masa yang sama ada 6.7 juta pekerja asing yang masuk secara haram di Malaysia. Tetapi yang agak kritikal ialah yang masuk ke dalam Negeri Terengganu.

Dulu mereka masuk ke dalam sektor-sektor *oil and gas* yang banyak terjejas. Suatu waktu dulu saya dah pernah bentang dalam Dewan ini. Sebahagiannya bekerja di T-Gas tetapi baru-baru ini kita difahamkan berlaku penangkapan di Kilang Tosoh Chemical Plantation hampir 100 orang lebih ditangkap kemudian dua hari kemudian mereka dibayar denda dan dapat bekerja semula. Dan pekerja-pekerja asing ini menjadi rebutan kepada kontraktor-kontraktor kerana mereka dibayar dengan harga yang murah. Sedangkan anak-anak muda kita tak dapat peluang pekerjaan.

Berhubung dengan perkara tersebut ada beberapa persoalan yang saya ingin lontarkan kepada Kerajaan. Yang pertama, kalau kita lihat pada Portal Kementerian Dalam Negeri Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, dasar-dasar semasa sektor yang dibenarkan tidak terdapat senarai untuk pekerja asing untuk bekerja pada industri minyak dan gas dan juga *chemical plant* tetapi mengapa hari ini mereka seolah-olah dibenarkan bekerja di tempat-tempat begitu sepertimana yang berlaku di Kilang Tosoh baru-baru ini.

Yang kedua, pekerja asing juga tidak dibenarkan bekerja sebagai pekerja barisan hadapan seperti bekerja sebagai *welder, electrical technician* dan seumpamanya. Jadi, di manakah peranan pihak Kerajaan bagi memastikan anak-anak tempatan ini mendapat tempat dalam pekerjaan yang tersebut.

Yang ketiga, apakah pihak kerajaan pernah memantau kontraktor-kontraktor utama yang terlibat dalam pengambilan pekerja bagi industri *oil* dan *gas*.

Yang keempat, apakah jaminan kerajaan bahawa anak-anak tempatan sepatutnya diberikan kursus, diberikan keutamaan bekerja di industri *oil* dan gas khususnya di Paka, Kerteh dan Kemaman.

Dan yang kelima, apakah Kerajaan pernah meletakkan garis panduan, kajian minimum bagi pekerja *oil* dan gas dari kategori semi skill, skill supaya pihak kontraktor tidak mengambil kesempatan terhadap pekerja tersebut sekali gus memonopoli tender dan kontrak yang akhirnya boleh mengakibatkan kontraktor-kontraktor kecil yang lain mengalami kesan persaingan yang menggunakan warga asing yang dibayar dengan murah. Jadi saya mohon Kerajaan untuk melihat kemasukan pekerja-pekerja asing.

Yang keduanya yang ingin saya sentuh ialah berkenaan Bauksit walaupun sekarang ni Bauksit tidak dikeluarkan daripada Negeri Terengganu. Tidak ada penglibatan yang berlaku di Jabor, namun begitu Bauksit yang dikeluarkan di Kuantan ianya menggunakan laluan jalan negeri kita untuk sampai ke Pelabuhan Kemaman. Sedangkan jalan yang dahulunya Jalan Neram, sampai ke hari ini masih belum dibaiki. Kalau musim panas anak-anak ke sekolah akan terkena debu ataupun makan debu dan kalau musim hujan airnya bertakung yang menyulitkan anak-anak untuk ke sekolah begitu juga dengan orang kampung. Tetapi hari ini.....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Mohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Air Putih minta laluan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Terima kasihlah kepada Y.B. Chukai sebab cara sangat ke kawasan saya di Neram. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Chukai): Okey, terima kasih. Lepas ni kita minum ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Chukai): Hari ini mereka menggunakan Jalan Kijal, Wakil Kijal dok mari hari ini . Gi mana Yang Dipertua, kawan saya? Cari di kampung pun dok jumpa.(Dewan gelak)....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Chukai, tak perlu sentuh orang lain. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Chukai): Okey, terima kasih. Sekarang ni dia melalui Jalan Kijal, Jalan Bukit Anak Dara dan dihantar kepada pelabuhan sebelum dimasukkan ke kapal. Dulu saya difahamkan Yang Amat Berhormat berjanji yang pelabuhan kita tidak akan digunakan untuk eksport Bauksit tapi hari ini digunakan mungkin kerana kelembapan ekonomi. Saya boleh terima keadaan sekarang ini. Namun begitu, hari ini saya hendak perkatakan bahawa penggunaan SOP kepada pengangkutan pada jalan raya dan kepada nak masukkan dalam pelabuhan ini. Siapa yang memantau SOP ini? Atau sekadar SOP ini berada di atas kertas sahaja. Saya bimbang takut Jalan Kijal, Jalan Bukit Anak Dara tu rosak pula dan saya bimbang takut air di Pelabuhan Kemaman tu jadi merah macam air sireh di Kuantan. Hak ni mintak tolong tengoklah. Tapi kalau semua SOP tu berjalan dengan baik ada pemantauan ada penguatkuasaan yang berjalan dengan sebaiknya. InsyaAllah kita rasa kita pun boleh terima kerana kita yakin bahawa Kerajaan pun, syarikat pun memerlukan keuntungan dan rakyat juga perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

Yang ketiga ialah mengenai tebatan banjir. Dalam Sidang Dewan yang lepas, Yang Amat Berhormat beritahu bahawa satu peruntukan akan turun pada bulan tiga untuk mendalami Sungai Kemaman, Sungai *By pass* dan sebagainya pada bulan tiga baru-baru ni, sekarang dah masuk bulan sebelas.

Saya faham peruntukan itu daripada Pusat tapi saya mengharapkan Kerajaan supaya mintak Yang Amat Berhormat kejar supaya peruntukan tu turun dengan begitu cepat kerana ni dah mari dah bulan dua belas, bimbang takut banjir berlaku lagi.

Saya juga mencadangkan, oleh kerana masa yang dah hampir tiga tahun Yang Amat Berhormat bekas Yang Berhormat dulu beli bas ajaib dua alam, Bus Amphibia. Kalau bas tu sampai dah mintak tolong hantar ke Kemaman. Standby nak angkut orang banjir. Mintak-mintak jugak, pasal orang Kemaman beli dulu jadi buat balik Kemaman lah dulu.

Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin sentuh mengenai Zoo Ibok. Zoo Ibok ini walaupun difahamkan perancangannya supaya pelancong-pelancong yang mari ni dia akan pergi ke Zoo di Ibok tetapi amat malang bila kami masuk dua-tiga hari lepas hanya tinggal dua ekor sahaja harimau di dalam. Tu pun kurus dah, dok cukup makan dok tahu. Singa pun takdok dah, kot mapuh dok singa.

Jadi, macam mana zoo ni orang nak mari, sedangkan perbelanjaan zoo ini lebih daripada RM2 juta setahun. Pendapatannya tak sampai RM500,000 - RM600,000 ribu orang dok berapa nak gi. Lepas tu, dalam tu dulu buat air terjun, lepas tu buat apa benda tu taman tema air, pun rosak. Lama mana doh dok baiki, ni baru duk baikilah ni. Masuk kelmarin dulu tu baru nak baiki.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Chukai.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bagi dok Paka celoh tu?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Chukai): Sila.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Setuju tak kalau harimau kurus kecil jadi macam kucing buat pergi ke Dungun sebab ada Rumah Kucing di Dungun nun(Dewan gelak)....

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Jadi susah sampai dokleh nak kenal kucing dengan harimau, payah.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Chukai): Doklah, pasal bajet tu kabor nak jaga kucing.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Harimau tu lepas Paka.(Dewan gelak).....

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Chukai): Jadi saya harap bahawa lepas pada ni kena tengoklah, belanja buat zoo ni RM100, 000 juta. Bukan sikit, banyak, biarlah kalau nak buat, buat biar betul. Memang saya duk kata sokmo dah, zoo ni buat pelik. Pasal apa? Bela binatang harimau ke, gajah ke, beruang ke, pasal apa bela di Kemaman? Lepas tu buat Kedai Bebas Cukai buat di Kenyir dalam hutan. Orang Kemaman kena gi dalam hutan pulak nak gi beli seluar Levis. Sepatutnya seluar Levis ni, Bebas Cukai ni buatlah di Kemaman. Industri besar di Kemaman, orang kerja di Kemaman. Harimau, gajah buat di Hulu Terengganu.

Ini hak saya dengar pula Yang Dipertua, nak bela harimau pula di Tasik Kenyir nun. Nak buat sarang harimau besar. Berapa pula perhabis sen situ. Siapa pula nak gi tengok. Tak apalah, saya setuju kita bela harimau banyak sikit dah gajah tak boleh nak igat dah(Dewan gelak)... tetapi inilah kewangan negara.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Tak apalah, harimau buat mari ke Langkap biar makan gajah.

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Chukai): Boleh, boleh. Saya rasa gitulah. Dan yang terakhirnya tak mahu ambil masa yang panjang saya mahu mencadangkan pada pihak.....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Chukai, takdok orang nak duk dalam banjir(Dewan gelak).....

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Chukai): Ni hal lain pulop ni mengenai PBT.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dua minit lagi saya beri.

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Chukai): Ni *last*. Jadi saya tengok PBT ni, sepanjang pengamatan saya bila berlaku pertukaran Yang Dipertua dan juga Setiausaha, pada tahun ni saja saya rasa tak sampai setahun berlaku pertukaran. Jadi setiap kali pertukaran yang datang jadi Yang Dipertua, yang datang menjadi Setiausaha ni bukan dalam kalangan orang yang duduk dalam PBT. Mereka ni kadang-kadang daripada jabatan-jabatan yang lain. Jadi bila mereka masuk ke dalam PBT, tujuh-lapan bulan ni baru nak mempelajari apa benda hak PBT buat. Tengah-tengah nak belajar tukar ke lain pula. Jadi saya mencadangkan supaya

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Chukai, PBT mana tu?

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Chukai): Kemamanlah saya sebut.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kemaman, bila tu ada yang terbaru ke?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Chukai): Daripada dulu lagi saya tengok. Daripada zaman saya jadi Ahli Majlis lagi. Lama dah, dan sebelum daripada ni saya dok ingat tahun berapa, PBT mengamalkan di seluruh Negeri Terengganu ni YDP dan SU ni diambil daripada kakitangan Majlis. Lepas tu berhenti sekejap ambil orang politik. Lepas tu lening ambil daripada semua jabatan kerajaan. Jadi saya nak mencadangkan bahawa ambillah daripada kalangan PBT. Dok kiralah dari seluruh Negeri Terengganu, *rotate-lah*. Sekurang-kurangnya dia sudah mempunyai pengalaman dalam bidang ni. Kita takmbohlah mari YDP ni dia minat lampu. Dia pun pasang lampu ceroh derang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Mintak penjelasan Dato' Yang Dipertua Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Chukai bagi tak?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Chukai): Takmboh dah, nak perhabis dah ni. Jabi nak gok?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Mintak sekali jah.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Chukai): Dah ambillah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ni *last* dah tahun ni. Duduk dulu....(Dewan gelak)... Terima kasih Chukai. Saya nak minta penjelasan apakah yang dimaksudkan oleh Chukai tadi pegawai-pegawai kerajaan yang telah kita lantik untuk mengetuai sama ada PBT atau mana-mana agensi tidak cukup cekap untuk menjalankan tugas mereka? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Chukai): Saya hanya bercakap tentang PBT sahaja bukan jabatan-jabatan lain. Jadi, pengalaman ini tidak boleh memisahkan diri seseorang walaupun mempunyai sijil yang sangat tinggi. Tapi kalau dia mari dari PBT yang duduk dah begitu lama duduk dah dalam 20 tahun 30 tahun, saya yakin bila dia menjadi Yang Dipertua Majlis ataupun Setiausaha dia boleh mengembangkan idea-idea dia dengan lebih bernas.

Ini bila dia baru mari duduk 8 bulan, baru nak mikir hal PBT tiba-tiba ditukarkan duduk tempat lain pula. Ini cadangan sayalah. Saya rasa itu saja Dato' Yang Dipertua. Terima kasi wabillahi taufik wal hidayah. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih banyak Chukai 15 minit tepat. Terima kasih banyak, menepati masa. Wakaf Mempelam sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan dan rakan-rakan Pemerhati.

Pertama-tama, saya ucap terima kasihlah kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana diberi peluang pagi ini untuk bercakap. Saya nak ambil masa yang teramat ringkas, sekadar untuk *talk point* sahaja tentang satu dua perkara yang saya nak *highlight*.

Yang pertama sekali ialah isu pencerobohan hutan simpan di Negeri Terengganu. Semalam keluar surat khabar *News Strait Times*, 10 tan balak dekat Hutan Simpan Felda Kerteh dirampas. Lepas tu semalam juga keluar t.v. berita tentang peristiwa Pencerobohan Hutan Simpan. Surat khabar, surat khabar *News Strait Times*. Jadi, saya rasakan Pencerobohan Hutan Simpan ini bukan kali yang pertama sebenarnya. Dia kerap berlaku. Di mana silapnya? Adakah pihak penguatkuasaan dok berapa cekap? Atau minta maaf, saya bukan nak tuduh, takut ada juga penglibatan orang dalam yang boleh menyebabkan mudahnya orang nak gi curi balak. Dan juga saya cukup bimbang kalau sekiranya sampai ke peringkat ada sindiket. Pasal benda ni berulang. Jadi barangkali pihak Kerajaan kena memikirkan secara serius supaya yang pertama sekali kita nak kawal hutan-hutan

kita ni. Orang curi lening di rumah saya tu dia curi pisang jer, boleh tahan jugak setandan-setandan dia ambik. Dok masuk lagi pisang dia baham doh. Tapi balak ni bukan senang-senang nak buat keluar. Pisang tu dia boleh pikul begitu jer atas bahu dia setandan tu. Macam mana boleh lepas pandangan kita dan benda ini semacam longgarnya penguatkuasaan yang menyebabkan yang pertama sekali kerap berlaku dan yang keduanya orang berani buat. Seolah-olah macam orang dok tahu ayaupun kalau orang tahu pun dia kata: "Aku boleh buat orang dok kacau aku." Jadi rugi kepada negeri, rugi kepada rakyat kita. Pasal saya rasa sekarang ni yang patut kita bela kita beri pembelaan ialah sawmill-sawmill, ada Skim Sawmill yang saya difahamkan kadang-kadang sampai cari balak dari luar Negeri Terengganu untuk nak meneruskan sawmill ni. Ada yang kata sawmill-sawmill ni Sunset Industri dah takdok balak dah akhirnya kena tutup tapi ini juga yang memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak negeri. Budak-budak muda belah-belah hulu sana. Makna dia boleh jugak kerja, saya tengok masa sawmill-sawmill yang ada ni saya pergi melawat sebuah dua sawmill. Bukan saja budak muda, orang tua pun kerja nak tanggung keluarga. Orang perempuan pun kerja. Tutup muka daripada debu. Maknanya dok kiralah hak ringan-ringanlah, susun kayu hak kecik-kecik ke. Tapi tak apalah cari kerja. Tapi kita kena buat sesuatu. Kerajaan kena bertegas, hasil negeri ini jangan dipermudahkan sehinggakan boleh orang melakukan dengan begitu mudah sekali. Balak-balak ni balak yang berharga. Memanglah dia dok curi balak-balak yang takdok kualiti ni. Dia pandai pula nak pilih. Memang saya kata ada sindiket tu, pasal dia boleh kenal pasti balak ni kayu jenis apa, balak ni kayu apa. Jadi, padan nak curi pun padan dengan harga yang itu. Jadi, mintaklah supaya penguatkuasaan terutama Pejabat Hutan dan agensi-agensi lain yang terlibat supaya dapat bekerja dengan lebih supaya tidak berulang berhubung dengan kes kecurian balak ini.

Yang keduanya, saya nak sebut secara ringkasnya ialah berhubung dengan kes pengambilan balik tanah, rumah kediaman dan juga rumah kedai untuk Projek Kuala Terengganu Bypass yang melibatkan kawasan Durian Burung, Paloh, Seberang Baroh, Kampung Tok Kaya. Petang semalam, petang kelmarinlah saya dipanggil, dijemput oleh satu jawatankuasa penduduk-penduduk dan pemilik-pemilik tanah, tuan-tuan rumah, rumah duduk dan juga rumah kedai dan juga penyewa-penyewa nak bertemu dengan saya dan nak bincang nak mengeluhkan masalah mereka. Apabila rumah kediaman mereka terlibat dengan pengambilan balik dalam untuk memperbesarkan jalan dan nak buat bandar baru di tengah-tengah Bukit Besar. Penduduk sebenarnya dia tidak membantah pembangunan,

tetapi bagi mereka kalau boleh pampasan yang diberi tu biar munasabah. Ada mereka yang dapat pampasan, tetapi nak cari tanah ganti takdok. Dok boleh pasal harga dengan pampasan yang diberi tidak mampu untuk mencari tanah ganti sekitar kampung payah, takdok dah. Kalau ada pun harga terlampau mahal tak padan dengan nilai pampasan yang diberikan. Makna nak kena pergi jauh. Lening Bukit Payong pun mahal lening. Dari bandar nak pergi ke Bukit Payong pun mahal, selot tanah lening sampai dekat RM100 ribu. Nilai mahal. Saya tak tahulah pasal apa kos rumah dan tanah Terengganu ni setaraf dengan Kuala Lumpur. Hebat Terengganu ni, makan mahal, tempat tinggal mahal. Barangkali itulah daripada dulu rakyat Terengganu miskin nombor dua sokmo dulu, kini dan mintak jauh jangan berlaku selama-lamanya.

Jadi itu sebabnya rintihan rakyat. Kita sebagai Kerajaan sepatutnya memikirkan. Kerana bagi kita dulu, saya sebut kalau tuan-tuan masih ingatlah, Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat, masa kita diberi kesempatan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk memerintah Negeri Terengganu. Kita dalam keadaan terpaksa ambik tanah rakyat untuk memajukan projek pembangunan yang tidak dapat dielak nak buat untuk kepentingan ramailah, sekolah ke, jalan raya ke, klinik ke, pusat kesihatan, dok kiralah. Seboleh-bolehnya kita cari tapak lain sebagai ganti supaya mereka itu diberi pembelaan. Dibayar pampasan tentang rumah dan tanah yang diambil, duit tu digunakan untuk buat rumah sementara atau rumah duduk di tapak yang kita ganti walaupun jauh dari tapak kampung tempat kita ambil tanah dia. Bukan itu sahaja, malah kita waktu tu kita dikhianati royalti dirampas, duit takdok. Kita menang bola, Pasukan Bola Terengganu menang jadi juara Piala Malaysia, kita bagi tanah selot-selot sorang dekat Gong Benjok nun, dekat dengan Pasar Borong. Tapi masa tu pemain-pemain bola orang muda boleh tanah sukaan jual selalu. Dia dok fikir masa depan. Tapi maknanya, pentingnya penempatan dan tanah untuk kita bantu rakyat dalam keadaan mereka bukan menentang pembangunan, Kerajaan perlu ambil tanah mereka untuk membuat pembangunan jalan dan sebagainya tetapi mereka perlu diberi pembelaan. Dikenal pastilah di mana-mana tempat supaya mereka sekurang-kurangnya ada pilihan dan diberikan sedikit keringanan, biar ringan sikit bebanan itu yang akan dipikul.

Saya sebutkan perkara ini bila saya berjumpa dengan penduduk-penduduk yang terlibat, tuan tanah yang terlibat. Dia menyatakan bahawa nilai pampasan tanah yang diberikan hanyalah mengikut Penilai yang dimaklum kepada mereka, katanya saya tak tahu Penilai mana yang lantik, RM48 sehingga RM53 sekaki persegi

sahaja. Kalau dibandingkan dengan tanah yang berstatus bangunan, tanah kampunglah ni nilai tanah kampung, tanah yang berstatus bangunan yang telah ditukar syarat nilainya sampai RM250.

Jadi, mereka ni ialah kadang-kadang orang tua-tua di kampung ni dia dok mari mikir awal, dia ingat takdok hal, takdok masalah apa, dia tidak tukar syarat. Jadi bila dinilai atas tanah syarat asal mereka dibayar sebegitu rupa, ini yang cukup membebankan mereka. Jadi saya mintaklah supaya pihak Kerajaan memberikan suatu pertimbangan yang sebaiknya, *Win win situation*, biar kalau boleh orang kampung pun tak terasa yang mereka itu dianiyai dan pihak Kerajaan juga boleh menambah sedikit tambahan terhadap pampasan yang akan dibayar supaya boleh membantu kedua-dua pihak untuk menjalankan projek ini tanpa gangguan.

Pasal pernah berlaku, kita takmbohlah benda tu berlaku macam di Banggol Donas, orang kampung gi ngamuk terus dia gi sekat gitu je. Berarak sana, berarak sini tetapi itu tidak menyelesaikan masalah. Itu tidak menyelesaikan masalah. Pintu rundingan masih ada dan orang kampung cuma minta naik sedikit sahaja lagi nilai pampasan supaya mereka boleh mengurangkan bebanan dan projek ini tidak akan tergendala. InsyaAllah.

Jadi, Dato' Yang Dipertua, saya rasa itulah masa yang singkat saya yang singkat saya ambil untuk turut serta membahaskan dalam sidang kali ini. Wallahu'alam. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Wakaf Mempelam. Sila Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Alhamdulillah rabbil `alamin. Wassalatu wassalamu `ala ashrafil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihi wassahbihi ajmain. Waman tabi ahum ila yaumiddin. Amma ba'. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli EXCO, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan juga para Pemerhati hadirin-hadirat yang dihormati sekalian. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat petang.

Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kerana memberi ruang dan kesempatan untuk saya bersama-sama berkongsi pandangan dalam

membahaskan Ucapan Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Apapun kita masih lagi bersyukur kerana Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi tahun 2017 masih lagi besar berbanding dengan Kelantan contohnya yang merupakan satu per tiga daripada Bajet yang dibentangkan di Terengganu. Kita masih lagi membentangkan Bajet sehingga RM1.8 bilion maknanya tiga kali ganda lebih besar daripada Kelantan. Dan apa yang kita harapkan supaya hasil dan juga bajet yang disalurkan ini sampai kepada setiap peringkat dan semua rakyat dapat menikmati dan mengecapi sebagai rakyat Negeri Terengganu Darul iman yang merupakan hasil kurniaan nikmat yang diberikan oleh Allah dalam Negeri Terengganu ini agar dapat dikecapi oleh semua.

Saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ajil. Ianya bersesuaian dengan apa yang difirmankan oleh Allah: "Wala yaj riman nakum syana nu qaumin `ala alla ta'dilu. E'dilu huwa aqrabu littaqwa." Dengan maksud: "Janganlah kebencian kamu terhadap satu kaum itu yang menyebabkan kamu bertindak dengan tindakan yang zalim, tidak berlaku adil. Berlaku adillah kerana ia lebih hampir kepada taqwa." Sayyidina Abu Bakar As-Siddiq pernah memberhentikan peruntukan bantuan bulanan kepada salah seorang jariahnya kerana jariahnya itu terlibat dalam kes fitnah yang melibatkan isteri Rasulullah Saiditina Aisyah binti Abu Bakar. Setelah turunnya ayat Hadisul Ifki yang mensucikan Saiditina Aisyah daripada tuduhan fitnah itu. Rasulullah menyuruh supaya Abu Bakar sebab Abu Bakar kata: "Mu dok boleh peruntukan, takmboh beri tanggung perbelanjaan dah sebab mu terlibat dengan fitnah ni walaupun kamu miskin." Tapi Rasulullah kata jangan, hendaklah kamu berlaku adil, berilah hak dia, dia sudah mengaku salah dan sebagainya. Begitulah dalam hal ini. Apabila kita diberi peluang memerintah, sebelah sana diberi anugerah oleh Allah kuasa memerintah, maka seluruh rakyat Terengganu rakyat kita. Maka semua sepatutnya diberi hak yang selayak dan sewajarnya. Saya merasa sedikit terkilan apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengumumkan peruntukan pembangunan khas kepada 17 DUN yang memilih UMNO, Barisan Nasional dengan Peruntukan Pembangunan Khas bernilai RM30 juta. Sepatutnya perkara ini tidak perlu diumumkan dan sepatutnya ia diagihkan sama rata kepada 32 DUN sebab 32 DUN tu rakyat Terengganu belaka bahkan dalam DUN-DUN hak PAS menang ni pun ramai orang UMNO dan bahkan DUN-DUN yang UMNO menang tu pun ada juga orang PAS. Jadi kita kiranya rakyat kita belaka. Sepatutnya kita tidak perlu diskriminasikan. Janganlah kebencian kamu terhadap satu kaum itu kamu tidak

berlaku adil. Kita harap perkara ini dapat diperbaharui semula. Semoga semua peruntukan itu diberi hak dan sewajarnya. Kita tahu kemungkinan bulan Jun, Julai dan sebagainya pilihan raya pada tahun hadapan dan sudah barang pasti Bajet, peruntukan dan sebagainya sampai kepada rakyat dan satu *advantage* kepada pihak Kerajaan tetapi apa pun janganlah sampai perkara-perkara seperti ini nampak bukan hanya berlaku adil tapi perlu juga nampak adil supaya hak sama rata itu dapat diperolehi kesemua

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Minta laluan Paka, cuma saya nak dapat penjelasanlah kalau dikatakan bahawa kawasan-kawasan yang 15 dianggotai oleh Pembangkang kita tak bagi Bajet saya nak minta penjelasan sebab yang setakat hari ini mengikut Bajet yang lepas dan seperti apa yang kita praktikkan Bajet DUN-DUN semua 32 DUN adalah sama saja. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya tak nafikan tentang Bajet semua DUN tu. Tapi peruntukan khas yang diumumkan oleh Menteri Besar itu dicatat dalam media. Saya dapat maklumat tu dalam media dan juga Yang Amat Berhormat kalau salah apa yang dilaporkan oleh media boleh diperbetulkan, insyaAllah. Tapi kalau betullah seperti itu, amat tidak wajar. Kenapa kita mendiskriminasikan rakyat? Kenapa kita bahagi-bahagikan, kita zalimi rakyat dalam sebuah negeri. Negara yang demokrasi yang membenarkan pilihan raya bila rakyat membuat pilihan maka kita menzalimi mereka.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Celah sikit Paka, ayat menzalimi tu tak berapa sedap.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat minta izin ke?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya minta izin sikit. Ayat menzalimi itu seolah-olah macam Kerajaan kita ni tak ada beri apa-apa. Yang sebenarnya itu kelebihan DUN menang. Bajet khas tu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ye, okey, faham.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Jadi dokleh lah, orang luar dengar jadi dok comel. Jadi nampak molek sokmo demo deh.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Okey dah tu, duduk, duduk. Kita gantilah zalim tu dengan.....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ambil contoh macam Chukai. Kan Chukai molek, lendik, teratur dia tadi, bagus dia.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita ganti perkataan zalim tu dengan perkataan tidak adil.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, saya ingat dia tak faham Am dengan Khas ni.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat, kita tak nak bagi laluan dah kat dia, dia lama dah cakap.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Jabi duduklah, orang dok bagi laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Speaker kat sini weh, Speaker kat sini.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dalam Islam adil tu diletak sesuatu pada tempat dia. Jadi kalau dok kena tempat perkara itu disebut tak adillah. Dok adil lawan dia zalim. Jadi bakpe kita terasa perkataan zalim ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya. Begitu juga dalam hal ini, kita membuka tangan seluas-luasnya dalam membuat apa-apa kerjasama yang boleh mendatangkan kepentingan manfaat kepada rakyat dan khususnya kepada agama Islam sendiri. Allah Ta'ala sendiri telah menggariskan: "Wa ta'awanu alal birri wat taqwa wala taa'awaunu alal itsmi wal 'udwan." Boleh

bertolong-tolong dalam perkataan dalam perkara yang melibatkan pahala dan taqwa. Tapi tidak boleh tolong-menolong dalam melibatkan dosa dan pemisah.

Apa yang disebut oleh ADUN Jabi, dalam hal ini, inilah yang sebenarnya. Sebab tu dalam Sidang Dewan ni kadang-kadang apabila dibuat undian dalam Bajet, kita berkecuali sebab dalam Bajet ni ada benda yang baik kita sokong. Dalam Bajet ni ada benda yang tak baik kita tak sokong jadi kita berkecuali tak bermakna kita tak sokong dan tak bermakna kita menentang. Kecuali kita angkat tangan untuk menolak. Kita tidak angkat tangan untuk menolak. Jadi, fahamilah prinsip kita ini. Begitu juga masa zaman Pas memerintah. Masa kita duk balik nun, orang balik nun duduk balik ni, masa dibentangkan Bajet sama, mereka mengambil sikap berkecuali. Saya tak tahulah atas apa alasan dan sebagainya. Dan begitulah kerana kita walau bagaimanapun disebut kita ni Islam belaka takdok MCA jadi Wakil Rakyat. Tapi kadang-kadang kita berbeza fikrah, pandangan, dasar, prinsip perjuangan. Balik nun kalau tidak lama dah balik nun mari balik ni, atau balik ni pergi balik nun sebab kita ada perbezaan. Macam UMNO dok semestinya Islam, PAS mesti Islam. Wajib Islam, haa tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Mintak laluan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): *Hak lekning memang ada dok gi ke lekning, hok lekning gi ke lain ada dok? Hok lekning gi kelain ade dok?* Mohon penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya menyebutkan perbezaan ini, faham tu. Contohnya dalam UMNO, kemungkinan Wakil Jabi lebih ariflah sebab dia ahli. Tapi saya baca tengok dalam Perlembagaan di Fasal 4 dia ada dua. Satu ahli biasa, satu ahli bergabung. Ahli biasa ni Melayu atau bumiputera dia tak semestinya Islam. Dalam PAS ni wajib Islam. Nak jadi ahli mesti Islam. Sebab tu ada kalau Ahli UMNO sembelih, orang PAS dokleh nak makanlah.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Celoh sikit, mintak celoh sikit Dato' Yang Dipertua. Kesian ke kawan-kawan kita

hak keluar daripada PAS nun ork, dok Islam dah lening ke guana kawan-kawan nun?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ni mesti dok faham ni, Yang Berhormat Yang Dipertua (Sambil ketawa).....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita teruskan dengan Bajet.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita kabor ahli. Contohnya, John Ghani pernah berucap dalam Perhimpunan Agung UMNO, dia ni orang Kadazan, Kristian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, tak payah, teruskan kepada Bajet.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Beri peluang kepada saya untuk berucap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya saya tahu, fokus, fokus.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dan Ketua Bahagian Penampang, Datuk John Ambrose dia seorang Murud, Kristian. Sebab itu kadang-kadang.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Paka, sini ADUN kita semua Islam belaka. Jadi kita bercakap *direct to the pointlah*.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya kabor ni sebab perbezaan ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah, itu lain, saya rasa maksud lain dah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tambah saya dua minit lagi, Dato' Yang Dipertua ganggu saya bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, tak apa.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bagi saya bercakap. Itu perbezaan. Saya sebut ni bab orang panggil kerjasama. Bab ta'awun boleh, bab tahaluf mungkin tak boleh sebab Nabi pun ajar orang Islam, orang mukmin tak jatuh lubang biawak dua kali, lubang Dhab. Jadi tahun 1973 PAS pernah sekali dengan Barisan Nasional. Tapi itulah yang berlaku. Sebab itu PAS pernah bertahaluf dengan DAP. Daripada dasar dan prinsip perjuangan kita Islam hukum syariat dan sebagainya kita boleh berpisah. Bukan kepentingan politik semata-mata. Tapi inilah kepentingan dan dasar prinsip Islam. Kita boleh..

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Laluan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebagaimana Rasulullah boleh berpakat dengan Bani Bakar.....

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Semalam saya ditegur kononnya saya berceramah, hari ni ceramah politik ni.....

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bani Bakar merupakan seorang yang non-muslim.....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. duduk dulu.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):tapi dia buat perjanjian dengan Rasulullah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, Jabi nak laluan nak bagi tak?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak bagi laluan. Dan ketika mana Musyrikin Quraish menyerang Bani Bakar tapi Rasulullah akhirnya mengambil keputusan menyerang Makkah walaupun Bani Bakar tu bukan muslim sebab perjanjian, janji setia tidak akan khianat di dalam perjanjian tersebut. Inilah konsep tahaluf yang kita pegang dan ini dasar dan prinsip yang kita mengambil kira dosa dan pahala. Sebab itu dalam hal ini, kita dalam perjuangan ini walaupun kita habis masa, habis duit dan sebagainya bahkan nyawa ditukarkan daripada badan pun inilah dasar dan prinsip kita.

Sebab itu kita sedia maklum, walaupun ada pemimpin yang dahulunya jadi pemerintah tapi kezaliman yang pernah dilakukan seperti apa yang berlaku di Memali, apa yang berlaku di Lubuk Merbau kerana perbezaan ini, kadang-kadang ahli kita diskriminasi, guru-guru dihantar ke luar bandar dan sebagainya, berbagai-bagailah tapi itu semua sebagai asam garam di dalam perjuangan. Saya juga menarik perhatian berkait dengan Bajet Terengganu. Dulu Terengganu menyebut visi adalah maju 2020. Sekarang kita 2017 kita ada dalam 3 - 4 tahun lagi. Penarafan yang dibuat oleh bank dunia sebuah negara maju adalah US\$15,000 per kapita setahun. Dulu lebih kurang RM52 ribu lebih. Sekarang ni dengan USD jatuh, Ringgit jatuh lagi mungkin naik sampai RM62 ribu, nak sampai tahap RM62 ribu per kapita ni satu tahun ni nak jugak dalam RM4 ribu lebih sebulan. Jadi penarafan yang dibuat oleh disebut oleh Timbalan Menteri Kewangan, Ahmad Husni Hanadzlah lening dia dah kena pecat dah. Tapi maknanya apa yang disebut Terengganu ni lebih kurang RM23 ribu pendapatan per kapita. Jadi kalau nak sampai RM62 ribu tu berapa kali ganda kita perlu naikkan per kapita rakyat Negeri Terengganu kecuali kita bahagikan kek hak kaya tu 90 peratus hak miskin ni 10 peratus biar dia kaya beberapa *percent*, 10 *percent* menguasai kekayaan negeri kita sebanyak 90 peratus nescaya berjaya, Terengganu Maju 2020. Maknanya apakah usaha kita ingin mencapai taraf negara maju tahun 2020 ataupun kita nak buat satu perubahan kita nak buat anjakan tambah 2040 ke macam mana? Supaya usaha kita berterusan untuk memajukan Negeri Terengganu Darul Iman ini. Kita juga perlu melihat Bajet yang ada ni dalam suasana rakyat kita menghadapi kos sara hidup yang tinggi. Kenaikan minyak, gula dan sebagainya, baru ni minyak masak. Dengar kata lepas pada ni orang kata gas pulak walaupun pembotolan gas tu berlaku sebelah Paka jer, tapi harga dia sama saja. Apakah manfaat yang diperolehi oleh rakyat? Dan juga bagaimana sikap atau usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Terengganu untuk mengurangkan bebanan-bebanan asas ini.

Ni naik LPT kena tol pulak. Jadi apakah peranan yang perlu kita mainkan? Saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan ada Bajet boleh keluarkan Bajet untuk memperbanyakkan membantu Pusat-pusat LNG ni supaya menjadi alternatif kepada kenderaan-kenderaan kita. Sebab kalau kita tengok Lembah Klang tu kebanyakan teksi semua pakai gas belaka. Jadi saya rasa kat Terengganu ni saya rasa ada satu saja di Batu Enam saja yang ada untuk isi gas sedangkan ia menjimatkan kos dan lebih mesra alam. Ataupun Kerajaan boleh keluarkan peruntukan bagi membantu mereka yang nak tukar daripada nak guna minyak

kepada gas sebab keperluan dia tukar tu lebih kepada RM1,000 lebih ataupun dekat RM2,000 kot sebagai bantuan untuk rakyat Terengganu ni bertukar menggunakan gas yang kita rasa munasabahlah Negeri Terengganu ni pusat antaranya *oil & gas* sepatutnya rakyat kita juga boleh manfaatkan kos yang murah dan boleh mengurangkan bebanan tanggungan kos dia.

Begitu juga yang melibatkan peruntukan-peruntukan secara langsung kepada rakyat, macam beca tulah bagi topi, beri baju dan sebagainya. Sampai bila kita anggar nak menyediakan rakyat Terengganu ni *gohek* beca sampai bila? Sampai tahun 2020, sampai tahun 2040 kita nak ada lagi orang *gohek* beca? Saya rasa tak munasabah. Macam di Mesir ada dia buat Kampung Farouq/Firaun, jadi orang biasa gi situ kena pakai kain kepala rambut gitu dibayar gaji u ntuk gambarkan inilah gambaran orang keturunan Firaun dulu. Saya kata dok munasabah, kita perlu *upgrade* kan mereka ini. Kalau Indonesia, Thailand, India dia pakai tuk-tuk tu, Terengganu ni dokkan nak pakai gitu, nampak komang sangat dok? Mungkin kita boleh tengok negara-negara maju seperti di Jerman, mereka gunakan trishaw/ beca ni guna kuasa bateri ataupun menggunakan minyak seperti motor dan sebagainya yang kita boleh *design* dengan lebih elok yang boleh Kerajaan bagi kepada mereka ni. Bukan ramai sangat penarik beca ni kot, supaya kita boleh mengeluarkan mereka daripada suasana zaman dulu tu kepada zaman yang lebih moden. Kecualilah kita nak pakai dia ni sebagai pelancongan sampai bila-bilalah. Dan kos yang lebih murah dan kalau nelayan kita boleh bagi subsidi, minyak subsidi kepada nelayan, kalau kita guna pakai motor apa dan sebagainya mungkin boleh diberikan minyak subsidi kepada pengayuh-pengayuh beca ni. Jadi doklah kayuh lagi dengan umur 60-70 *meppeh* nak boleh bawak seorang-dua tengah panaslah. Jadi kita ni Kerajaan jadi menganianya dah tu. Kita harap kita boleh menukarkan cara hidup yang lebih baiklah dengan lebih moden dan sebagainya.

Begitu juga kita melihat tentang apa yang disebut oleh Menteri Besar sendiri kereta api laju yang akan diwujudkan di Terengganu. Memanglah orang Terengganu ni lama dah nak naik kereta api. Saya duduk Kerteh hari tu ingatkan *dang gok* naik, antara Kerteh ke Kuantan, *dokdang* naik, *mapuh* dulu. Lening dengan pala-pala kereta api takdok, dengan rel-rel, paku-paku tu baham jual kedai besi buruk, antara Kerteh dan juga Kuantan, yang dahulunya Bajet hampir RM1 bilion. Masa nak buat kereta api tu bagaimana disebut kerana sibuknya pengangkutan barangan dan sebagainya. Tapi bila habis projek beratus-ratus juta akhirnya tak pakai, tak guna, tidak *viable* untuk penggunaan pengangkutan dan sebagainya.

Begitu juga dengan kereta api laju ni. Buat ambil gambar kemungkinan lah tetapi sukalah, ada alhamdulillah tapi kita haraplah peruntukkan RM55 bilion tu jangan orang panggil *krekar* bajet atas Terengganu ni pula. Jangan kita pula akan tanggung beban dan sebagainya. Kalau kita tengok naik flight pun kadang-kadang dok penuh pun berbanding dengan Kelantan, Kota Bharu dengan Terengganu dan kita ada berapa saja *flight* dan sekarang ada lebuh raya antara Terengganu yang menjimatkan kadar dia. Jadi berapa orang? Rakyat sejuta jer kita di Terengganu ni. Berapa orang yang bakal menggunakan kereta api ni. Bimbang takdok penumpang apa dan sebagainya dan ianya akan menjadi satu lagi projek mega gajah putih.

Bagi saya ada yang lebih penting daripada itu. Supaya menyambung LPT yang ada sampai ke Kelantan. Itu lebih utama didahulukan sebab saya rasa dari segi penggunaan untuk Besut, Setiu dan sebagainya dan juga Kelantan untuk menggunakan lebuh raya tersebut yang kita rasa lebih bermanfaat dan juga lebih amat diperlukan berbanding dengan kereta api kecuali macam duduk Jepun tu lainlah 400 kilometer daripada Tokyo yang mereka menggunakan kereta api laju. Itu pun kita dok tahu berapa anggaran kos tiket. Kalau saya Dungun ke KL berapa tak tahu tiketnya, kalua kena RM500-RM600 sekali tu ajelah naiknya. Jadi apa pun pembangunan itu biarlah satu perkara yang boleh dibagikan manfaat kepada rakyat. Jadi kita takmbohlah pembangunan-pembangunan yang membebankan lagi kepada rakyat ataupun hanya bersikap gajah putih sahaja.

Dalam masa yang sama Kerajaan juga perlu memikirkan permasalahan-permasalahan sosial yang semakin hari semakin bertambah. Data yang menyebutkan anak luar nikah yang mencecah semua sekali 250,000, 159,725 orang sahaja dari kalangan Muslim, 13,831 anak luar nikah merupakan dari kalangan remaja bahkan 3,980 anak luar nikah dari kalangan umur remaja yang muda yang berusia dari 10 hingga 18 tahun. Jadi perkara ini kadang-kadang memalukan kita orang Islam. Zina yang cukup meningkat, anak luar nikah yang dihasilkan, jadi apakah penyelesaian dan pastinya Negeri Terengganu juga terlibat.

Kemudian ni kita tengok dalam satu hari dalam setiap jam disebut 11 pasangan umat Islam bercerai. Ni makin parah ni institusi perkahwinan kita, institusi kekeluargaan bakal dihancurkan. Jangan nanti kita menjadi seperti di negara barat. 70 peratus 80 peratus ramai rakyat dia merupakan anak luar nikah. Jadi dalam hal ini kita perlu bendung perkara-perkara ini lebih awal, walaupun kadang-

kadang Kerajaan terpaksa memikirkan ataupun mengeluarkan kos untuk menyelesaikan permasalahan ataupun isu sosial yang berlaku ini. Apatah lagi dengan keadaan ekonomi yang berlaku pada hari ini yang sebagaimana sahabat saya sebut peluang-peluang pekerjaan pekerja asing yang mencecah 2 juta. Pekerja yang dipecat daripada tahun 2015 sehingga September 2016, 75,800 orang pekerja yang dipecat termasuk kawasan saya tu Petronas melibatkan pekerja-pekerja kontrak dia dipecat. Ke mana mereka ni ingin mencari peluang pekerjaan dan apakah sikap yang membantu mereka? Graduan universiti yang 200,000 masih lagi menganggur. Dulu lepas daripada universiti tu kalau guru tu *automatic*, sekarang dok dah. Sekarang orang masuk IPG pun dok semestinya, kenyataan Menteri tu sebut keluar tu jadi guru. Ini nampak lebih menyempitkan lagi peluang-peluang mereka ni. Tak patut semua graduan nak jual nasi lemak belaka, anak dara tu lakulah jual nasi lemak, kena hak anak teruna ni *dokrok*. Inilah yang berlaku, mereka terpaksa memilih peluang-peluang pekerjaan.

Macam hak baru ni masuk dalam surat khabar di Johor, graduan ke laut suami isteri. Kalau sampai peringkat tu parahlah takdok kerja lain, mereka ke laut. Bukan gi ke laut tu hina, tapi dalam suasana itu, itulah orang panggil mereka terpaksa melakukannya. Dalam keadaan macam ni akan membawa kepada persoalan jenayah terdapat tidak suasana kita, kampung kita, masyarakat sekitar dengan permasalahan dadah dan sebagainya pecah rumah yang semakin meningkat. Bahkan dunia ni telah menyenaraikan Malaysia ni tempat yang ke-12, 69.34% kadar jenayah daripada negara dunia ni, Malaysia tempat ke-12 dan ini merupakan perkara-perkara yang kita perlu ambil perjalanan sebelum perkara ini lebih parah berlaku dalam kehidupan kita.

Juga saya ingin menyentuh tentang melibatkan pembalakkan haram. Perkara ini disebut dah oleh Yang Berhormat Wakaf Mempelam. Soalan lepas yang disebut ada 62 kes daripada tahun 2004 sehingga tahun 2009 dan kes di Hulu Paka ni saya ingat di FELDA ni dua kali dah. Sebelum pada ni masuk TV3 *beradong* dah kena tangkap. Ni ada kes pulok. Begitu juga di Hulu Kemaman, yang melibatkan ditangkap seorang Dato' Seri dia kata, surat khabar berapa hari yang lepas memang *confirm* bukan MB-lah sebab MB tak Dato' Seri dah. Siapa dia tu yang kena igat Dato' Seri tu, setara Dato' Seri tu bukan kata orang-orang kampung yang masuk dalam *rok*. Maknanya ada sindiketlah. Itu *dok* kira lagi apa tanah-tanah yang luas hari ini diteroka, diceroboh yang

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke Paka?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang tidak beri manfaat kepada sumber Kerajaan Negeri Terengganu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, panjang lagi ke Paka?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Pukul 1.00 lah dok, perhabis dok?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang sangat tu, habis awal sikit.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jadi dalam hal ini, isu juga yang melibatkan apa, baru ni keluar dalam media SPRM buat siasatan yang melibatkan karpet masjid. Jadi kalau sampai perkara-perkara macam ni, kita dahlah dikejutkan dengan apa yang berlaku di Sabah berjuta-juta ringgit pith *cash.....*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita tak payah sentuhlah hal itu. Itu *subjudice*.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ini menjadi imej yang melibatkan Pejabat Agama Negeri Terengganu kita ni kena jaga jugak, apatah lagi melibatkan orang agamawan, orang yang melibatkan masjid. Macam mana timbul isu-isu yang seperti ini supaya perkara ini tidak berlaku sebab bila daripada atas sampai ke bawah dan ini yang akan menimbulkan kesan bukan hanya melibatkan Kerajaan dan sebagainya tapi juga rakyat jelata yang juga umumnya terlibat dengan perkara-perkara seperti ini.

Saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan pendidikan sebab kita sedia maklum ini merupakan antara nadi kepada pembangunan modal insan untuk masa yang akan datang. Dan kita tengok peruntukkan masih lagi seperti tahun lepas tidak sepertimana tahun yang lampau, perbelanjaan yang banyak yang diberikan kepada pendidikan kita kerana itulah yang merupakan menjana tenaga pembangunan insan rakyat Negeri Terengganu kita. Tapi nampak tahun ni tinggal RM40 juta sahaja untuk Yayasan dan sebagainya.

Jadi kita harap pihak Kerajaan Negeri ni tengok macam Pusatlah. Dalam pendidikan dia bagi peningkatan yang banyak. Contohnya, PERMATA yang diselidikan oleh Datin Seri Rosmah bin Mansor. Tahun 2016, diluluskan RM36 juta, tahun 2017 diluluskan RM85 juta, ini baru betul untuk pendidikan sebab inilah bakal generasi yang akan datang, anak-anak kita. Acap kali saya sebut perkara seperti ini, kita makin hari makin terabai. Contoh, yang melibatkan sekolah agama yang saya sebut, sebelum ni ada sahabat saya sebut dah. Kita ada 9 jer sekolah yang di bawah kita, itupun kita serah kepada Kerajaan Pusat sedangkan Kelantan ada 92 buah sekolah yang menggunakan YIK dan sebagainya.

Sekolah kita pun maksud sekolah, bekas sekolah sayalah SMASID, Dungun, ada surau berapa tahun dah *dok* siap-siap surau tu. Saya harap MAIDAM atau pihak Kerajaan Negeri kena turun peruntukan segeralah. Kita harap serah ke PIBG kutip derma, jadi perkara tu *dok* sudah dalam keadaan sedemikian. Pelajar beratus-ratus orang Sekolah Menengah Agama di Dungun ni tapi kita tengok surau dia tak siap-siap tinggal kerangka jer, jadi malu jugak kita. Macam mana ni Kerajaan *dokleh* bagi bantuan ke untuk menyiapkan surau atau suruh MAIDAM lah supaya *top up* selesaikan suruh PIBG dia kutip derma *seriya tiga amah*, tahun bila nak siap main juta-juta tu. Sepatutnya perkara ini tak berlaku.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, Paka panjang dah dekat pukul 1.00 dah. Setengah jam, 32 minit dah.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Okeylah, kerana masa yang agak terhad, saya ucapkan terima kasih. Moga-moga mendapat manfaat kita bersama, insyaAllah. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Paka. Alhamdulillah, kita selesai mendengar perbahasan daripada 16 Ahli Yang Berhormat. Terima kasih banyak kepada semua yang terlibat. Jazakallahu khairan kathira. InsyaAllah Dewan akan mendengar penggulungan daripada pihak Kerajaan bermula daripada pukul 2.30 petang ini, maka saya ingin menanggung sementara Dewan yang mulia ini. Dan sebelum itu, ada makan tengah hari disediakan, marilah sama-sama kita makan, elakkan pembaziran. Makan Tengah Hari ini dihoskan oleh Speaker dan kepada semua Ahli Yang Berhormat makanan disediakan di Damai Lounge dan kepada semua

Pemerhati dan ketua-ketua jabatan di Perkarangan U2 seperti biasa. Sila hadir ke Dewan ini jam 2.30 petang ini untuk kita mulakan. Terima kasih. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN SEMENTERA PADA PUKUL 1.05 TENGAH HARI.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula. Kita mulakan dengan Penggulangan Bajet 2017 daripada pihak Kerajaan. Saya menjemput Yang Berhormat Jertih. Sila Jertih untuk menyampaikan Ucapan Penggulangan dipersilakan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil media dan seluruh hadirin Sidang Dewan sekalian.

Alhamdulillah, kita telah mendengar Bajet yang telah diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar walaupun dalam keadaan pendapatan yang menurun dan dijangkakan pada tahun hadapan Yang Amat Berhormat masih lagi mampu untuk memastikan Bajet yang telah dibuat untuk tahun hadapan mendapat impak kepada seluruh rakyat. Cuma bagi Portfolio Pertanian, pada kali ini kita nampak ada tawaran yang dibuat oleh Kerajaan iaitu mempelawa kepada rakyat yang berminat untuk mengusahakan tanah-tanah terbiar milik Kerajaan yang akan diberi secara Lesen Menduduki Sementara kepada mereka mengikut kelayakan dan juga kesesuaian. Dan selain daripada kemudahan dari segi tanah tersebut kita juga sedia maklum bahawa ada punca-punca dana yang boleh membantu terutamanya kepada usahawan-usahawan baru yang nak mencebur diri dalam bidang ataupun sektor pertanian ini dengan menggunakan kemudahan-kemudahan dana yang disediakan oleh Agrobank, oleh TEKUN, oleh Yayasan Pembangunan Usahawan dan juga lain-lain lagi.

Okey, berkait dengan portfolio saya ini, ada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mendapat penjelasan bagi pihak Kerajaan. Yang pertamanya daripada Yang Berhormat Jabi, ada dua permasalahan yang dikemukakan. Yang pertamanya, berkait dengan masalah penjualan padi yang serentak menyebabkan petani terkejar-terkejar untuk membuat *harvesting* dengan izin, padi masing-masing kerana takut musim banjir yang akan datang. Jadi sebenarnya perkara ini telah diambil perjalanan oleh pihak sama ada Jabatan Pertanian, oleh KETARA ataupun oleh BERNAS sendiri yang mana untuk kita nak

mengelakkan lambakan padi ataupun kita nak menuai padi secara serentak ini kita buat penjadualan secara berperingkat. Cuma mungkin perkara ini ada masalah yang dihadapi oleh petani, contohnya apabila jadual yang kita buat berlaku penanaman bulan puasa, berlaku musim perayaan dan sebagainya menyebabkan jadual yang berperingkat ini tidak dapat dipatuhi. Walaupun begitu, suka juga pihak Kerajaan memaklumkan bahawa sekarang ini ada satu lagi iaitu kilang padi swasta yang masih dalam proses permohonan untuk beroperasi dan saya jangkakan sudah sampai ke peringkat terakhir. Yang keduanya, perancangan yang telah dibuat oleh Pertubuhan Peladang Kawasan Gerai untuk mempunyai kilang padi sendiri dan saya jangkakan apabila kedua-dua perancangan untuk mewujudkan dua kilang padi ini menjadi realiti, saya yakin bahawa padi-padi di Negeri Terengganu dan juga di Daerah Besut khasnya tidak perlu lagi untuk kita hantar sama ada ke kilang-kilang padi di Perlis ataupun di Kedah.

Perkara kedua yang dibangkitkan ialah berkenaan dengan masalah pihak Kerajaan pohon kerjasama daripada petani-petani untuk tidak bertanam padi satu musim kerana kita tidak mengalirkan air untuk memenuhi takungan Empangan Paya Peda. Dan sebenarnya apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Jabi ianya adalah merupakan bukan satu pampasan tetapi ianya merupakan satu saguhati. Perkara ini sebenarnya telah dibincang oleh pihak KETARA dengan pihak Kementerian beberapa kali dan insyaAllahlah saya sedang berusaha dengan Yang Berhormat Kawasan untuk kita *fight* lagi kerana ini adalah merupakan kerja ataupun perkara yang perlu kita dapat bantuan daripada Federal. Tetapi saya mendapat maklum juga daripada pihak KETARA sebagai saguhati secara tidak langsung telah membekalkan tiga perkara secara percuma. Yang pertamanya, berkait dengan Tenggala. Kedua, berkait dengan Pengapuran. Dan yang ketiganya, berkait dengan Perataan Tanah. Yang ini kita buat secara percuma jadi seolah-olahnya kita nak menggantikan kerugian yang ditanggung oleh petani yang terlibat yang tidak bertanam padi semusim tersebut.

Okey seterusnya, juga perkara yang dibangkitkan dengan tukun yang diluluskan oleh Yang Amat Berhormat pada pembentangan Bajet kelmarin dulu iaitu kita berterima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah memperuntukkan RM250,000 untuk tahun hadapan bagi pembinaan Tukun Penghalang Pukat Tunda. Di mana sebenarnya tukun ini bukan hanya RM250,000, RM250,000 ini adalah untuk pada tahun hadapan, suka saya maklum bahawa tukun tiruan seluruh Negeri Terengganu yang kita buat dari dahulu hingga ke hari

ini telah berjumlah sebanyak 1,194 buah dah yang terlibat dengan Kemaman, Dungun, Marang, Kuala Terengganu, Setiu dan juga Besut. Cuma pada tahun hadapan, kita tambah lagi dengan jumlah sebanyak RM250,000. Yang mana Tukun Tiruan Penghalang Pukat Tunda ini juga merupakan selain daripada ianya menjadi rumah kepada ikan-ikan juga menjadi penghalang kepada pencerobohan bot pukat tunda di kawasan pantai. Oleh yang demikian, kawasan pembiakan ikan dan kawasan penangkapan ikan bagi Zon A dapat kita peliharakan. Dan ada juga dibangkitkan bahawa walaupun kita bina Tukun Penghalang Pukat Tunda tetapi kalau tidak ada penguatkuasaan maka masalah yang dihadapi oleh nelayan akan berterusan. Suka jugak saya maklumkan bahawa melalui tiga agensi yang kita ada iaitu Polis Marin, Jabatan Pertanian dan juga APMM, mereka masing-masing telah menjalankan tugas masing-masing di dalam laut yang sangat luas. Dan suka juga saya maklumkan bahawa pada tahun yang lalu kita telah dapat membuat 26 buah tangkapan bot yang telah memasuki ataupun membuat kesalahan di perairan kita.

Seterusnya, dibangkitkan berkait dengan Kambing Kaprima. Kaprima ini dia ada Gugusan Kaprima, Lembah Kaprima, Mikro Kaprima, Bioteknologi Kaprima. Okeylah, kita telah membuat pengubahsuaian sebenarnya yang mana masalah-masalah yang berbangkit beberapa tahun lalu, saya ingat mutakhir ini kita telah dapat menyelesaikan hampir 70% masalah-masalah yang kita ketahui berlaku yang mana pengubahsuaian kita buat iaitu hari ini kita telah dapat memulih ataupun mengembalikan projek ini di landasan. Saya rasa sebagaimana yang kita tahu salah satu daripada pengusaha Ladang Lembah Kaprima ini iaitu namanya Harith Nordin, hari ini telah berjaya menjadi Penternakjaya Kebangsaan bagi tahun 2016 yang mana ia adalah merupakan salah satu calon untuk mendapat anugerah daripada Perdana Menteri. Maknanya bukan semua tidak berjaya ianya bergantung kepada pengusaha tersebut.

Okey, hari ini berkait dengan Lembah Kaprima, kita hanya ada satu lagi daripada lapan yang tengah kita runding dan insyaAllah kalau selesai projek yang kita buat ini kembali sebagaimana yang dirancang. Antara pengubahsuaian yang kita buat, kita tidak tertumpu kepada pedaging kambing sahaja, kita buka juga kepada susu kambing, kita juga membenarkan mereka membuat industri-industri sampingan seperti sabun daripada susu kambing dan ada tempat yang sesuai contohnya di Keruak, kita membenarkan mereka membuat Agro Tourism untuk membawa pelawat masuk ke tempat mereka. Dan insyaAllah dengan kelonggaran ini akan memberi keselesaan kepada pengusaha. Kita juga membenarkan

sebahagian daripada tanah 50 ekar itu iaitu tidak melebihi 30% digunakan untuk tanaman lain. Kita ada Jabatan Veterinar membuat kerjasama dengan Jabatan Pertanian untuk Jabatan Pertanian membekalkan jagung sebagai makanan ternakan. Dan jagung ini kita leraikan dan kita cambah balik dalam masa enam hari dia akan bercambah dan boleh dijadikan makanan kepada kambing ini. Dan begitu juga dengan Pusat Bioteknologi Kaprima yang mana sebenarnya kita telah ubah

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong):
Penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Payong minta laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):
Okey, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang pertama, minta penjelasan tentang pengubahsuaian Lembah Kaprima. Mohon Yang Berhormat Jertih ataupun Exco memaklumkan Lembah Kaprima mana yang berjaya yang dimiliki oleh Saudara Harith tadi daripada lapan itu. Kemudian sebut nama-nama yang menjadi pemilik Lembah Kaprima yang lain daripada tujuh itu. Dan apakah usaha Kerajaan sebab saya tengok Lembah Kaprima seperti di Durian Mentangau, di Rantau Abang jalan dia agak teruklah yang membuatkan kemungkinan di Durian Mentangau tu kecurian dan berbagai-bagai. Apakah Kerajaan akan memperuntukkan infrastruktur dan kos yang tinggi?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, terima kasih. Saya memerlukan notis untuk memberitahu pengusaha-pengusaha dengan cara yang *detail*, nama-namanya. Tetapi bagi yang berjaya ini namanya ialah Harith Nordin. Peserta dari Lembah Kaprima Padang Seladang Setiu. Bagi Lembah Kaprima yang lain, contoh kata yang disebut oleh Yang Berhormat tadi iaitu Durian Mentangau, Cabang Kemaman, Tanjung Gaduh Marang, Segading Besut, kita telah ada pengusaha-pengusaha yang akan mengusahakan Lembah Kaprima tersebut tanpa menggunakan peruntukan tambahan daripada Kerajaan. Bagi mereka mengusahakan tanaman tersebut sebagaimana kemudahan yang sedia ada, kalau rosak dia kena baiki. Cuma kita buat pengubahsuaian mengikut kehendak dia sebab dulunya kita minta dia

pelihara kambing daging sahaja. Dan untuk nak dapat hasil dia kena tunggu tempoh yang lama. Jadi hari ini kita benarkan juga mereka pelihara Lembu Susu yang mana pekerjanya boleh mendapat bekerja hari-hari.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Mintak penjelasan kambing susu ke lembu susu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Kambing, Kambing Kaprima. Dan ianya dapat menarik pengusaha baru dan sama-sama kita doakan supaya pelaburan yang telah dibuat oleh Kerajaan dapat dimanfaatkan bukan sahaja untuk pengusaha tetapi membekalkan keperluan makanan kepada

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Minta laluan sikit Yang Berhormat? Yang Dipertua boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tanya

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Berapa minit nak Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Setengah minit, boleh? Nak tanya tentang berapakah kos pelaburan yang telah dibelanjakan oleh pihak Kerajaan untuk projek-projek Kaprima ini setakat ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Ya, terima kasih Dato' Yang Dipertua. Untuk Lembah Kaprima, pembangunan awal yang kita buat dulu menelan belanja sebanyak RM16.5 juta. Okey, dan untuk keseluruhan Lembah Kaprima, Gugusan Kaprima, Mikro Kaprima dan tempat kursus tadi kita telah membelanjakan sebanyak RM43.5 juta.

Okey, dan juga yang terakhir, saya nak bagi tahu bahawa yang Pusat Bioteknologi Kaprima Bestari ini kita telah ubah nama iaitu kita telah ubah kepada nama Akademi Pengembangan Veterinar Jenang. Yang mana alhamdulillah, pada tahun 2016 tahun ini sehingga ke inilah, kita telah berjaya mengadakan 16 kursus,

9 kursus untuk teknikal dan 8 kursus dalam bentuk bukan teknikal yang melibatkan lebih daripada 1,000 peserta. Untuk teknikal 462

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong):
Penjelasan sikit Yang BERTHORMAT Exco. Jadi dia tukar kepada pembiakan kambing kepada yang lain, ke kambing jugak? Jadi dia tukar dari dulu daripada penternakan, pembiakan dan penjagaan kambing, sekarang ni bila ubah nama tu kepada keseluruhan ke, ternakan-ternakan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):
Maknanya bukan untuk kambing sahaja tetapi untuk ternakan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong):
Maknanya bab kambing takdoklah?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):
Ada lagi kambing dan ternakan-ternakan yang lain. Dan seterusnya ada juga disebut berkait dengan Pasar Borong. Okey, Pasar Borong ni sebenarnya kita menghadapi masalah kerana perancangan awal yang dibuat, kita memerlukan perbelanjaan yang cukup tinggi. Jadi pihak FAMA telah membuat pengubahsuaian dari segi bilangan lot dan sebagainya. Yang mana yang mutakhirnya kita mengangkat permohonan daripada FAMA kepada Kementerian dengan jumlah RM40 juta tetapi setakat ini kita masih belum dapat *greenlight* daripada pihak kementerian.....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):
Nak tanya sikit, Pasar Borong mana tu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):
Bukit Payong, yang ditanya oleh Y.B. Manir. Setakat ini kita tidak dapat lagi jawapan daripada Kementerian ke atas permohonan yang dibuat oleh FAMA dan kita telah bincang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Portfolio supaya kaedah mana untuk kita laksanakan jugak Pasar Borong Bukit Payong ini yang mana kerja-kerja penambunan tanah telah dibuat sebenarnya. Dan kita berpandangan yang pertamanya, kita minta ada supaya ada *feasibility study* yang dibuat oleh UniSZA secara menyeluruh dan alhamdulillah Kerajaan Negeri telah bersetuju memberi

sedikit peruntukan kepada pihak UniSZA untuk buat *study* untuk kita nak menjayakan pewujudan Pasar Borong Bukit Payong.

Walau bagaimanapun, sementara kita tunggu kajian ini yang dijangka akan bermula pada akhir minggu ini iaitu pada 1 Disember di mana Surat Tawaran telah dibuat. Cuma untuk sementara ini Jawatankuasa telah memikirkan untuk kita guna kaedah yang mana daripada jumlah tersebut kita tidak letak tanggungjawab ke atas bahu FAMA sahaja. Kita minta supaya MBKT juga bertanggungjawab dalam bahagian tertentu. Kita minta LKIM juga boleh membantu dalam bahagian-bahagian tertentu. Kita minta UPEN juga boleh membantu supaya peruntukan yang diperlukan ini kita agihkan mengikut keupayaan jabatan ataupun agensi masing-masing. Jadi inilah perincian yang boleh kita buat dan kalau ada persetujuan, insyaAllah kita boleh menyelesaikan untuk mewujudkan Pasar Borong Bukit Payong dengan kaedah ini dan dengan kadar yang segera. Okey, sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, saya ingin mohon penjelasan bilamana disentuh berhubungkait dengan Pasar Borong ini, saya juga dalam ucapan perbahasan ada juga menyentuh berhubungkait dengan Pasar Borong di Dungun. Jadi saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Exco.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Minta maaf Yang Berhormat, yang di Dungun kena ada notislah ataupun lepas pada ini saya boleh jawab, boleh hello, hellolah. Saya pun berharap supaya kerana benda ni lama dah bermula daripada tahun 2002 lagi.

Okey seterusnya yang terakhir, yang dibangkitkan oleh Y.B. Ladang iaitu

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Mohon laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Y.B. Jertih, kita nak tanya soalan tentang Pasar Borong Gong Pauh tu, kita ingat dah lambat lagi hak nun, betullah dulu hak ni, tak dijawab ke tak teringat hak tu? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, yang ini sebenarnya kita tidak letak tanggungjawab di bawah FAMA. Jadi hak ni di bawah portfolio, nanti kita mintak portfolio yang terlibat akan jawab pasal dia di bawah MBKT. Yang saya jawab tadi yang terlibat dengan FAMA. Terima kasih Manir.

Okey, yang terakhirnya berkait dengan Wakil Ladang. Saya pun rasa payah nak jawab jugak ni ia berkait dengan penanaman kelapa sawit keliling rumah. Okey, saya dapat fakta sebenarnya daripada jabatan yang terlibat. Sebenarnya idea ini bagus, apabila saya buat *calculation* dengan jarak tanaman 30 kaki bagi 1 hektar kita ada 148 pokok dan hari ini kalau kita tengok hasil satu metrik tan kalau mengikut pekebun kecil katalah RM500 bagi satu tan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sikit, sedikit nak celah Dato', boleh deh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dia jarang ada rumah satu hektar untuk satu kawasan, yang disebut hari tu keliling rumah mana ada satu hektar, jarang rumah ada kawasan satu hektar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Ini baru nak buat perkiraan ni, boleh sabar sekejap. Kita cadangkan hari tu 30 pokok bagi satu rumah. Jadi saya buat *calculation* tadi, cara *calculation* andainya RM500 bagi satu metrik tan, satu pokok hasilnya RM5. Kalau ada 30 pokok kali dengan RM5 hasilnya RM150. Cadangan kita 30 pokok bagi satu rumah. Hah, gitu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tapi dulu dia khabor 10 pokok aje.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Tak ini bergantung kalau nak tanam 10 pokok dapat RM50.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bukan, kawasan rumah tu tak besar.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, satu pokok RM5. Kalau nak tanam 10 pokok dapat RM50. Kalau nak tanam 30 pokok dapat RM150. Jadi bergantunglah, ini idea yang dibuat oleh Kerajaan untuk menambah pendapatan kalau rumah masing-masing ada laman. Ada luas tanam luas

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Boleh tak Yang BERTHORMAT tolong jawab, tunjukkan di mana buktinya bahawa orang yang dah tanam tu dapat hasil seperti yang disebut? Nak gi tengok. Nak tanam *retak*.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Yang BERTHORMAT, kalau nak tengok ada di Permaisuri.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Kat mana tu, boleh kita gi esok?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Ada. Boleh.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Alur Limbat): Hasilnya macam ni lah?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Ya.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Alur Limbat): Kita gi lah deh.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Tapi saya buat andaian tadi RM500 bagi satu metrik tan, kadang-kadang harganya berubah-ubah sampai RM700. Okey, kita bersama-sama dengan Y.B. Langkap kita pakat gi tengok esok. Kita ambil gambar esok, guana Y.B. Terima kasih Y.B. Langkap.

Okey seterusnya berkait dengan Roselle. Roselle ini ada satu peringkat hari itu, kita ada masalah dari segi penjualan kerana hasil lebih daripada permintaan tetapi alhamdulillah, hari ini saya dapat *report* bahawa ada dua pembeli iaitu satunya nama syarikatnya Roselle Farm dan yang keduanya, Al-Faiz Sendirian Berhad. Hari ini sehingga September 2016, beliau telah membeli sebanyak 12,137.40 kilogram dengan nilai sebanyak RM35,484.75 dengan harga purata lebih kurang RM2.50 – RM2.90 bagi satu kilogram. Dan mengikut pembeli dia kata hasil takdok pulak, *time* hasil banyak dia kata tak boleh nak jual. Tapi maknanya hakikat yang berlaku hari ini, pengeluar-pengeluar Roselle dapat memasarkan hasil mereka dengan sempurna bagi saya. Seterusnya juga dibangkitkan berkait dengan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sekali lagi celahan. Boleh? Apakah Yang Berhormat Exco sedar bahawa Industri Roselle ini pernah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada suatu masa dulu untuk menjadikan Roselle ini sebagai tanaman istimewa untuk Terengganu. Apa jadi dengan industri itu dan apakah Yang Berhormat juga sedar bahawa di Malaysia ini ada satu majlis yang namanya Majlis Roselle Negara. Apakah Yang Berhormat pernah berhubung dengan Majlis Roselle Negara ini? Dan yang ketiga, pernah disarankan supaya minuman Roselle ini menjadi minuman rasmi untuk Negeri Terengganu. Tapi saya tak nampak dah sekarang ini ada di majlis-majlis rasmi dihidangkan dengan minuman Roselle. Apa jadi?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Banyak, empat soalan dah pulak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ada lima tapi beri empat aje.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okeylah, secara kesimpulannya, saya lihat bahawa tidak ada masalah kepada Industri Roselle di Terengganu hari ini sama ada pengeluar ataupun pengusaha. Tinggal lagi ada baru-baru ini semasa rombongan kita sempena Tahun Melawat Malaysia, kita bawa salah seorangnya pengusaha Roselle ke Singapura untuk mempromosikan Roselle Terengganu ni yang mana saya mendapat maklum daripada beliau bahawa masalah beliau ialah tidak cukup Roselle. Maknanya insyaAllahlah, kita akan galakkan lagi petani memenuhi mengikut keperluan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Boleh tak dinyatakan kejayaan dalam bentuk *dollars and cents* yang telah dicapai melalui Industri Roselle di Terengganu ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okeylah, untuk *dollars and cents* ini dengan izin, mohon notislah. Okey, saya ingat yang ini tidak berbangkit lagi. Yang seterusnya, ada disentuh oleh Yang Berhormat berkait dengan Melon Manis Terengganu. Suka juga saya maklum bahawa kempen yang dibuat oleh Kerajaan berkait dengan Melon Manis Terengganu hari ini sangat berjaya. Yang mana hari ini apabila kita isytiharkan Melon Manis Terengganu ini juga merupakan Melon Negeri Terengganu, kita dapat tempahan yang memberangsangkan daripada pihak-pihak yang di luar dari Negeri Terengganu kerana apa? Kerana Melon Manis Terengganu kita bukan jual dalam bentuk buah untuk di makan, hari ini kita telah *convert*, kita telah tukar buah ini sebagai buah berbentuk hadiah. Maknanya nilai buah tersebut dia jadi lebih mahal. Dan hari ini apabila kita nak beli Melon Manis Madu dengan pengusaha kita, tidak ada bekalan. Bila kita tanya mereka: "Macam mana tanam takdok boleh hasil?" Rupa-rupanya dia jual di luar, mereka jual di luar lebih mahal. Maknanya hari ini Projek Melon Manis Madu yang dibuat oleh Kerajaan sangat berjaya. Suka saya maklumkan bahawa kita rasa bangga kerana salah satu tempat untuk usahakan Melon Manis Madu Terengganu itu iaitu di TKPM Besut yang mana ianya telah mendapat pengiktirafan '5 Bintang'. Tepuklah tangan sikit.(Dewan memberi tepukan) Di mana ia merupakan di antara tiga yang terbaik, 'top three'lah dengan izin, daripada 75 TKPM di seluruh negara. Okey, kita harap supaya ada perkembangan baru yang kita buat iaitu di Batu Hampar yang akan menambahkan lagi pengeluaran Melon Manis Terengganu.

Jadi saya ingat itu sahaja Dato' Yang Dipertua. Saya mohon menyokong. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Boleh tanya sikit lagi?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak boleh tanya dah, dah duduk dah. Dah buat rumusan penggulungan, tak boleh bertanya dah. Terima kasih. Silakan Y.B. seterusnya bagi pihak Kerajaan untuk membuat penggulungan.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Dua hari yang lepas, kita dah mendengar Ucapan Bajet 2017 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu yang bertemakan 'Bersama Melangkah Ke hadapan'. Dengan tema ini Yang Amat Berhormat telah mengajak kita untuk bersama-sama merasai dan menjayakan Bajet ini agar dapat direalisasikan seterusnya menikmati setiap hasil kejayaan yang akan dicapai.

Sebelum itu saya ingin menarik perhatian untuk soalan yang dikemukakan daripada beberapa orang Wakil iaitu daripada Ladang, Tepoh dan juga daripada Sura. Saya cuba untuk memberi jawapan untuk Wakil Teluk Pasu dahulu yang menimbulkan tentang duit MAIDAM yang banyak tak dibelanjakan lagi melebihi RM300 juta. Kita akui pada dua tahun lepas duit sebanyak ini ada dan sekarang ini pun masih ada, walaupun tak sebanyak dua tahun yang lepas. Tetapi apa yang saya nak beritahu telah ada penambahbaikan dalam urusan terutama dalam bantuan kepada asnaf-asnaf yang layaklah. Dan kita secara jujur mengakui bahawa ada sedikit permasalahan terutama dari segi birokrasi lambat lulus dan sebagainya. Dan saya akui sendiri apabila saya bercakap dengan pihak Pegawai MAIDAM, ada permohonan-permohonan yang dimohon dan juga sebagaimana yang dibangkitkan oleh Y.B. Ladang, sampai mati baru lulus, kawan tu mati baru lulus jadi *dokdang* buat apa-apa. Jadi oleh itu, saya telah meminta pihak MAIDAM khususnya Baitulmal supaya menyegerakan setiap kali permohonan-permohonan yang kritikal seperti ini. Jadi saya peka dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Wakil Ladang tentang orang-orang sakit, lumpuh, takkan nak tunggu sampai mati baru nak lulus. Nak buat apa dah, dia mati dah, yang ini saya tekankan dan ada penambahbaikan. Begitu juga dengan Wakil Teluk Pasu sebut tentang rumah yang tak siap-siap sampai ke sudah. Saya menghubungi pegawai, betul atau tidak jawapan yang diberi setakat ini tidak ada aduan secara rasmi yang menyatakan rumah itu memang tak siap. Cuma ada kontraktor yang tak buat langsung dia

tolak, jadi nak cari hak lain tu ada *krakoh*, lepas tu tolak pulak sebab tu tak siap-siap. Jadi yang ini juga saya minta biar segera diberi gantian kontraktor yang tak mampu tu, duk *lok-lok gitu* orang pun mati, rumah pun tak siap-siap. Jadi kita kenal pasti ada kontraktor yang sedemikian rupa malah dalam DUN saya pun ada, ada tak buat-buat. Jadi saya mintak gantilah, sebab apa tak ganti. Dia ada dalam tindakan, insyaAllah, saya peka dengan persoalan itu. Cuma kata

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Mohon penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Ya, sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Teluk Pasu.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua. Apa yang saya bangkitkan dalam ucapan semalam bukan maknanya tak siap-siap, buat tapi lambat kerana ada komitmen kontraktor berkenaan membina rumah di tempat lain. Jadi apakah tindakan MAIDAM terhadap kontraktor seperti ini?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Teluk Pasu. Untuk makluman, setiap projek perumahan yang diberi yang bernilai RM40,000 ini, kalau ikut peraturannya dia mesti siap paling lamapun dua bulan setengah atau tiga bulan. Kalau dia tak boleh siap dalam masa tiga bulan maka kita akan beri peringatan macam syarat kontrak-kontrak serupa macam hak lain jugak. Dan kalau ikut laporan daripada MAIDAM dia menyatakan bahawa mereka ada pasukan teknikalnya yang pergi melawat sekurang-kurangnya 5 kali, kalau dia kecek kita wallahu wa'alamlah. Kalau ikutkan 5 kali ini sepatutnya selesai cepatlah. Tapi insyaAllah, saya nak dapatkan maklumat rumah, penama tu kalau boleh untuk kita ambil tindakan segerakan supaya tak berlaku benda gini. Jadi

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Boleh celah sikit jer. Harga rumah sekarang ini RM40,000 lagi ke, ke RM50,000, RM50,000 lebih ke hak MAIDAM?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Setakat hari ini masih RM40,000 tetapi kita dah cuba untuk akan datang diberi dengan harga RM55,000,

insyaAllah dari RM40,000 ke RM55,000. Jadi kalau mana-mana nak buat rumah yang akan datang bajetnya bukan lagi RM40,000 tapi dinaikkan kepada RM55,000 tapi hak setakat ni hak tengah-tengah buat ni RM40,000-lah. Kemudian untuk penambahkannya itu sebenarnya tak ada syarat baru pun, kita ada buat penambahan sikit, contohnya katakan untuk Bantuan Anak Sekolah, biasanya *one-off* untuk setahun, biasa kita bagi RM150 kita naik kepada RM500. Jadi ada peningkatanlah. Saya juga nak maklum kepada Y.B. Ladang, kita juga akan tengok dari segi keperluan, kalau dulu kita bagi mungkin RM200 dan dengan keadaan hari ini kos yang tinggi, bantuan-bantuan itu akan kita pertimbangkan balik mengikut keperluan yang patut dia akan dapat. Okey, sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ajil nak bagi hak mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Beri dua-dua.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Ladanglah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih kepada Yang Berhormat Exco yang amat peka kepada persoalan orang-orang miskin ni. Apakah Yang Berhormat bercadang untuk melihat semula segala jenis bantuan yang diberi dan membuat sedikit perbaikan ataupun menambah bantuan ataupun ada cara lain untuk membantu rakyat supaya mereka dapat hidup dengan seadanya dengan lebih baik dari sekarang ini. Contoh, kalau satu keluarga yang memerlukan RM500 sebulan ataupun RM500 ini tak cukup dah, katakan RM800 sebulan dan dia memang hidup dengan dapat RM200 saja setiap bulan. Macam mana nak bantu orang ini supaya dia dapat RM800 jugak sebagaimana yang dibuat oleh Selangor, misal, contoh. Boleh tak Yang Berhormat memberikan sedikit perhatian kepada soal ini supaya hidup dia lebih selesa dengan mendapat bantuan daripada MAIDAM.

Okey, sebelum saya duduk saya takut bangun acap kali sangat, saya nak tanya selalulah. Tapi lain sikit iaitu tentang MAIDAM juga, apakah Yang Berhormat sedar bahawa atau memang dah ada dalam pengetahuan Yang Berhormat bahawa ada

cadangan, ura-ura daripada MAIDAM untuk membina sebuah Bandar Wakaf di Kuala Nerus. Mintak penjelasan?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Ini soalan baru pulak ni. Okey, saya jawab yang pertama tadi. Kita menyedari hakikat kehidupan golongan-golongan yang miskin, yang fakir ini dan yang sangat memerlukan pembelaan kita. InsyaAllah, saya ambil pandangan daripada Wakil Ladang. InsyaAllah, lepas ini saya akan panggil satu mesyuarat untuk kita buat kajian menyeluruh bukan setakat orang sakit, malah kepada golongan-golongan yang perlu kita bantu dari segi meningkatkan ekonomi terutama kepada golongan orang yang nak mula berniaga

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): ... Memang ada dalam Kawasan DUN saya, seorang pemuda, mak bapak dia miskin tapi dia nak mulakan kehidupan dan dia pernah jumpa dengan saya dia kata: "Y.B. apa yang boleh saya buat ni, takkan saya nak mencuri, saya nak merompak?" Dia nakkan modal. Saya kata banyak mana nak modal? Dia perlukan RM3,000 sahaja rupanya bukan banyak. Jadi saya dah cakap dengan Baitulmal, dia boleh luluskan, tak perlu masa yang panjang, dah tengok, turun, siasat, kita pun takut jugak kalau tak siasatkan dia buat beli benda lain. Kita suruh beli bangsal burger, dia beli jarum nak cucuk sendiri. Kita ingat dia nak jadi Doktor, rupanya dia cucuk dia sendiri, kita bimbang jugak. Jadi kita ada buat penyiasatan jugaklah, insyaAllah. Sila Wakil Bandar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Yang Berhormat Exco, semakan saya mendapati Yang Berhormat Exco yang menjaga portfolio ini rasanya tidak terlibat secara langsung dalam pengurusan MAIDAM. Semakan saya dalam Ahli Lembaga Pengarah memang tidak ada satu status Pegawai Pentadbir dari kalangan Exco. Saya tidak tahu kenapa perkara ini berlaku dan mungkin perkara ini boleh mengurangkan keberkesanan atau efisiensi dalam urusan-urusan yang berkenaan. Tapi saya harap perkara ini boleh mendapat penjelasan sedikitlah daripada Yang Berhormat Exco.

Saya nak merujuk kepada Laporan Kewangan Dato' Yang Dipertua berkenaan dengan MAIDAM yang terakhir diedarkan kepada kita ialah 31 Disember 2014 iaitu untuk dua tahun yang lalu. Di sini tercatat untuk dua tahun, 2013 dan 2014 – Pendapatan Zakat sebanyak RM121 juta untuk 2013 dan RM120 juta untuk tahun 2014. Maknanya untuk dua-dua tahun ini kita ada lebih kurang RM240 juta. Dan di Bahagian Agihan Zakat maknanya zakat yang dikutip itu dan diagih. Di bawah Agihan Zakat untuk tahun 2013, kita ada RM66 juta dan 2014 – RM78 juta. Kalau perbandingan ini maknanya setiap tahun agihan zakat yang dikutip ada dalam sekitar 55% sahaja. Jadi selebihnya daripada kutipan zakat ini sudah tentu digunakan untuk tujuan lain. Dalam ini memang ada Dato' Yang Dipertua, saya ni panjang sikit. Ada sikit lagi. Kerana ada elemen pelaburan, elemen Kumpulan Wang Zakat dan sebanyaknya mencecah RM395 juta dan sebagainya. Berbalik kepada persoalan asal, apakah mekanisme ini kita tidak boleh terjemahkan dari segi pengagihan yang lebih terperinci untuk soal yang dibangkit oleh semua Ahli Dewan dan saya rasa perkara ini diketahui oleh rakyat Negeri Terengganu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Bandar. Memang saya akui bahawa peranan Exco dalam MAIDAM ini agak terhad namun begitu saya berfungsi atas kapasiti Kerajaan yang diwakili kepada saya atas dasar arahan dan nasihat tetapi tidak boleh terlibat secara langsung sebagaimana Wakil Bandar rujukkan ini. Tak tahulah saya masuk begitu dah jadi. Jadi terima kasihlah, sekurang-kurangnya masyarakat faham keterbatasan peranan Exco dalam membuat arahan yang lebih berkesan dalam soal ini. Namun begitu, saya berterima kasih kerana pihak MAIDAM juga Pesuruhjaya dan Baitulmal sehingga hari ini masih akur apa sahaja nasihat dan pandangan saya dalam soal-soal berkaitan pengurusan wang zakat dan hal ehwal agama. Kita berjalan di atas saling faham memahami fungsi sebagai Wakil Kerajaan yang harus dipatuhi apabila diberi arahan kerana Pesuruhjaya adalah Pegawai Kerajaan yang perlu memahami peranannya sebagai pegawai bagi melaksanakan dasar-dasar Kerajaan, yang itu alhamdulillah. Walau bagaimanapun, seperti katalah, oleh kerana kita tidak terlibat dalam proses yang agak terperinci ada ketikanya kita terlepas pandang banyak perkara, yang ini saya akui dan saya tidak menafikan langsung apa yang Wakil Bandar kata. Tetapi kita akan cuba buat yang terbaik dengan pandangan dan nasihat daripada pihak Ahli atau Wakil Kerajaan, Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga Penasihat Undang-Undang akan menjadi mata dan telinga untuk membolehkan saya berjalan

walaupun orang kata 'Seorang Pahlawan Si Buta Dari Gua Hantu' masih sanggup berjuang walaupun ditutup mata dan bertikam dengan lawan semata-mata kerana amanah yang diberi kepada saya. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Gua mana tu?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat, buat macam Batu Burok, bangun dulu.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Hak mana se nak jawab ni?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hah, Ajil benar barulah boleh bercakap, jangan mencelah *ikut dang gitu*.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Selingan aje tu.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Yang Dipertua. Saya nak spesifik tentang zakat ini jugak Dato' Yang Dipertua. Saya baru balik daripada Timur Tengah, pelajar-pelajar kita, anak-anak Terengganu kita terlalu ramai di Mesir, di Jordan. Jadi kalau boleh saya mohon terutamanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri mengambil tindakan segera kerana wang zakat kita banyak. Jadi asnaf untuk anak-anak pelajar ini cukup penting. Bila saya di sana terutama di Mesir dan Jordan, terlalu ramai anak-anak Terengganu yang memohon bantuan dan saya tahu latar belakang mereka adalah dari keluarga yang miskin. Jadi kalau boleh apa salahnya kita mengambil keputusan dalam Dewan ini kita meningkatkan lagi bantuan kepada pelajar-pelajar kita yang cukup penting dalam sektor pendidikan ini sendiri yang mana memang mereka amat terdesak dalam keperluan kepada wang Bantuan Pelajar ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Okey. Terima kasih Wakil Batu Burok. Semasa lawatan saya bersama Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga persoalan ini ditimbulkan dan kita telahpun meminta pihak MAIDAM khususnya Baitulmal mengkajinya. InsyaAllah, perkara ini dalam perhatian dan tindakan. Kita pun faham sangat apabila kita pergi, kita berjumpa, kita dengar wakil-wakil pelajar dia menceritakan permasalahan mereka. Bayangkanlah pelajar ini, anak-anak kita ini mereka berada di luar, di perantauan, memang ada masalah.

Dan kita tak ada istilah nak sekat ke, takmbah beri, ini duit zakat kalau patut bayar, bayarlah. Saya pernah kata kepada Pengarah MAIDAM: "Kenapa nak simpan-simpan ni, ini bukan duit kita. Duit ni duit orang, duit 8 Asnaf, bayar aje. Simpan buat apa." Saya dah tegur acap kali dan saya pernah panggil sebab itu saya kata ada penambahbaikan. Dan saya rasa itu adalah satu pandangan yang bagus kerana kita faham, kita pun ada anak, kita pun ada saudara, kita tahu masalah di sana. InsyaAllah, yang ini dia berhak di bawah Fisabilillah. Okey, terima kasih banyak-banyak.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mintak sikit laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tanya Ajil.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya ingin supaya pihak Kerajaan ataupun MAIDAM mengambil perhatian sebab sekarang ini pelajar-pelajar kita di Syria tak boleh belajar dah, di Yemen yang berperang, yang ada satu lagi di Sudan, nampak ramai pelajar Malaysia kita dan juga termasuk pelajar Terengganu yang belajar di Sudan. Jadi setakat ini saya rasa zakat masih lagi tidak diberi kepada pelajar-pelajar di Sudanlah. Jadi kita harap lepas pada ini pihak Kerajaan perlu fikirkan supaya diberikan zakat juga kepada pelajar-pelajar di Sudan.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Okey, insyaAllah sebab Sudan ni kita pun jarang nak pergi hala ke sana tak tahu cerita ada univerisiti ke, pusat pengajian ke tapi apa-apa pun Exco kena pergi tengok dulu. Pergi melawat dulu, tengok betul ke tidak(Dewan gelak)

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jangan lupa ajak Wakil Paka tu.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Paka): Ya, insyaAllah. Yang Amat Berhormat kata tulis Paka tu, kita tulis selalulah dalam kertas tu.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Panas, panas Sudan ni.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): InsyaAllah, kita memang akuilah sebab Sudan ni tak masuk dalam kalendar kita langsung ni. Orangnya macam mana, rupanya putih ke, hitam ke, tak tahu. Tapi insyaAllah dengan lawatan Exco nanti kita akan buat *report* memang di situpun *class*, pendidikannya bagus, orangnya cantik, budayanya menarik, insyaAllah.

Kemudian seterusnya, untuk makluman sebagaimana yang saya beritahu tadi untuk yang rumah tadi, minta maaf tertinggal dah, Yang Berhormat Teluk Pasu duk tengok *kelip-pah, kelip-pah* ke saya. Kita pantau dan mengikut laporan yang saya terima bahawa MAIDAM kata dia pantau 5 kali sehingga rumah itu siap Itu dia katalah takut dia khabor dok gi tengok wallahu wa'alamlah kita. Jadi maklumat yang diberikan kepada saya dalam dua bulan setengah dan paling lama tiga bulan dan dengan pemantauan Jawatankuasa Teknikal dia. Yang ini bukan ustaz, ini teknikal ini tapi apabila berlaku kena habis Pejabat Agama, seolah-olah Pejabat Agama ni *dok-pakai-gawa* pada hal ini teknikal saja. Yang jadi kesannya oleh kerana seekor kerbau buat balik lumpur, satu orang sahaja tapi kena habis, hak kerbau *duk cegat gitu pun* kena jugak, hah, macam tu tapi yang tu teknikal.

Berbalik kepada karpit yang Y.B. Paka khabor tadi, saya tak boleh nak jawab sebab dia jadi kes SPRM. Kita biarkanlah dan pihak Kerajaan orang kata tidak menyembunyi dan melindungi. Terserahlah, jika mereka didapati melakukan kesalahan maka mereka mesti sanggup menerima apa keputusannya nanti. Bahagian MAIDAM ni rasanya selesai dah.

Bahagian lain pula, tadi ada Wakil Alur Limbat sebut: "*Guana* ni ICT takdok bajet langsung."

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua, tadi saya tanya apakah Yang Berhormat Exco sedar tentang ura-ura untuk menjadikan satu Bandar Wakaf di Kuala Nerus?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Saya rasa hak ni Bandar Wakaf ni lebih kepada konsep apa tu.... Betullah Wakaf tu di bawah Pejabat Agama tapi pelaksanaannya lebih kepada di bawah Kerajaan Tempatan, dah jadi

projek dah. Sedar tu sedar, jadi mai-mai nak jawab tu, jadi saya rasa biarlah yang arif, yang berhak untuk menjawabnya.

Jadi apabila Wakil Alur Limbat menceritakan apakah ICT ni takdok bajet langsung?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Dipertua, pembetulan sikit. Bukan saya kata takdok tapi tak nampak, tak jelas duduk dalam *item* mana?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Betullah tu, saya pun dalam Bajet saya pun tak nampak tapi saya nak beri nampak semua bahawa sektor ICT ni kita akui merupakan satu agenda pembangunan yang turut memberi manfaat kepada rakyat. Mahu tidak mahu kita menerima hakikat ini dan selaras dengan tema Bajet yang tahun ini iaitu susulan daripada hak tahun lepas sebab dia banyak dah hak tahun lepas dengan apa ni projek T@WAN, WiFi, kemudian ada pula Hotspot dan sebagainya dan proses tu *ongoing*, sedang berjalan sekarang. Kita tengok oleh kerana projek itu masih berjalan, bajetnya bajet dulu lagi jadi dia sambung saja. Jadi tak banyak diperuntukkan untuk tahun ini untuk projek *Touch Point* tu takdok dah sebab kita sedang menyiapkan projek-projek yang dilaksanakan pada tahun lepas iaitu dijadualkan penyerahan projek pada Oktober, 2017 yang termasuk 83 Hotspot bergantung kepada pembinaan menaralah, di antaranya di Bukit Serating, Bukit Bauk, Bukit Kemuning dan dengan penyenggaraan untuk tiga tahun berturut-turut hak lepas-lepas. Memang kalau kita cari hak ni, *belek pecah mata pun dok jumpa*. Saya akui hak tu tapi untuk program latihan tu insyaAllah, kita boleh adakan melalui berbagai-bagai caralah, misalnya permohonan daripada Kementerian Telekomunikasi dan sebagainya kebetulan Timbalan Menteri tu orang kita juga, Hulu Terengganu. Saya pulak Exco yang jaga, gi bisik boleh selalu tapi dok besarlah mēgē bukan pitih kita dok? Tapi insyaAllah, akan berlakulah untuk ICT ni dia ada peruntukan tersendiri melalui permohonan secara tidak langsung daripada Pusat.

Kemudian, sebagaimana Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri Terengganu juga bakal mempunyai sebuah Pusat Setempat atau yang dikenali sebagai Terengganu Contact Centre (ITECC) yang berfungsi sebagai saluran aduan dan pertanyaan rakyat berkenaan maklumat negeri dan projek ini *ongoing*. Dan seramai 30 orang Pegawai Perkhidmatan Pelanggan (PKP) akan ditempatkan bagi mengendalikan

Pusat Panggilan tersebut yang dijangka beroperasi sepenuhnya pada suku pertama tahun 2017. Jadi Alur Limbat jangan risau.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, tempatnya di mana?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat, tengok perkara 47A tu jelas, tengok tu dia kata apa? Bangun, kita ada adab kan?

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya dah sebut dah Dato' Yang Dipertua, sikit saja soalnya. Saya tak *direct* tadi. Saya mintak dengan Yang Dipertua. Takut lambat masa aje.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa. Adab tu kena jaga. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Exco cepat sikit jawab, jangan lama sangat(Dewan gelak)

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Macam mana?

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):Masa, petang ni, jangan lama sangat.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): *Guana, guana?*

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Alur Limbat): Tak apalah Dato' yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Alur Limbat.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Okey. Dan selain daripada itu, melalui kepakaran ICT yang dimiliki oleh Kerajaan hari ini dengan program-program yang kita buat hari ini, insyaAllah, Terengganu telah berjaya membangunkan Sistem Permohonan Dana Secara Atas Talian yang kita bangunkan. Jadi kalau nak mohon benda sekarang ini memang mudah di

Terengganu hari ini dengan kita bangunkan kemudahan ICT kita. Rakyat mahukan bantuan apa? Semua kita boleh secara *online* dah sekarang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ajil macam mana? Ajil bagi, okey.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Okey, sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tadi disebut tentang ITECC. ITECC tu apa? Call Centre kan?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Berapa kos pembinaan ITECC ni ataupun Call Centre ini, boleh kita tahu berapakah kos untuk *develop* sistem ini?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Okey, kalau ikut di sini Pusat Panggil bakal beroperasi di Tingkat 3, Bangunan Paya Keladi ini menelan belanja sebanyak RM1.6 juta. Kalau nak *test boleh test*, nombor dia 096006000, main kosong saja ni.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, boleh? Jangan laju sangat nak tulis ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Baru betul caranya Alur Limbat.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Dan akhir sekali, selain daripada itu, permohonan Tabung Darul Iman dan permohonan perumahan turut diaplikasikan secara atas talian sepenuhnya tanpa perlu menggunakan borang dan ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa mengikuti perkembangan teknologi semasa dalam menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Semua projek ini adalah projek penerusan daripada yang kita laksanakan tahun depan. Itu sahajalah. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ajil. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang terlibat untuk mendapatkan penerangan. Silakan seterusnya, sekiranya ada lagi.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan yang masih setia dalam Persidangan kita pada petang ini dan para Pemerhati yang saya hormati lagi saya kasihi sekalian.

Saya sebenarnya ingin mengucapkan ribuan terima kasihlah dalam Ucapan Penggulangan pada petang ini saya nak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu kita kerana telah memikirkan sejauh mana untuk kita laksanakan tanggungjawab Kerajaan kepada permasalahan-permasalahan rakyat demi untuk mensejahterakan rakyat Negeri Terengganu kita ini. Sebenarnya yang berkaitan dengan portfolio saya, saya duduk perhati yang melibatkan pada semua kategori iaitu daripada mula perkahwinan, anak pertama dari segi penjagaan semasa anak di Permata, Taska dan jaga kesihatan, ini merupakan suatu perkara yang ada baiknya kepada rakyat Negeri Terengganu. Dan terima kasih sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu.

Saya tak nak ambil masa yang panjang yang pentingnya kepada persoalan yang telah dibangkitkan semasa sesi perbahasan iaitu mengenai dengan Denggi Zika daripada Wakil Bukit Tunggul. Jadi merujuk kepada data kes Demam Denggi ini yang telah disediakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, terdapat sedikit peningkatan kes Demam Denggi dicatatkan pada tahun 2016 ini. Berbanding dengan tahun lalu 2015 dan di sini ingin saya maklumkan bahawa hampir 80% kes Demam Denggi ini berlaku di kawasan perbandaran terutamanya di sekitar kawasan perumahan serta perkedaian komersial dan bukanlah di kampung-kampung tradisional sepertimana disebut. Apapun Kerajaan Negeri menyambut baik saranan

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Pohon penjelasan Dato' Speaker. Boleh?

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Sila. Baru nak mula penjelasan dah.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Sebab sebut kampung tradisi, mungkin kategori dia lain kot. Macam Pulau Duyong tu memang kawasan Majlis Perbandaran tapi kalau tengok perkampungannya tu, longkang pun takdok. Bukit Kandis, Bukit Tumbuh yang tempat berlakunya wabak Denggi baru-baru ini pun merupakan kampung-kampung tradisi bagi saya kerana tidak mempunyai kemudahan asas yang mencukupi. Ataupun Exco mengkategorikan *peseng* lain, wallahu wa'alamlah.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Tak apalah itu pandangan Wakil Bukit Tunggul tetapi apa yang saya kata tadi adalah dalam kawasan Majlis Perbandaran. Itu mungkin termasuk jugak Bukit Tunggul kot.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Apa yang disebut tadi kawasan Bukit Tunggallah tu sebab itu saya ambil berat, rakyat saya. Tapi peruntukan Majlis sendiri RM500,000 sahaja untuk longkang, boleh jadi tidak mencukupi untuk seluruh negeri tu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Okeylah, sekarang ini apa yang dibangkitkan ini kita akan tengoklah di kawasan Bukit Tunggul ni tetapi apa yang saya perkatikan tadi bukan kawasan-kawasan perkampunganlah maksud saya di situ.

Kerajaan Negeri menyambut baik saranan dan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Bukit Tunggul yang mana betapa perlunya dilaksanakan aktiviti gotong-royong secara besar-besaran, secara mega di seluruh negeri secara berkala bagi membasmi wabak Denggi ini. Dan sebenarnya untuk makluman kita semua bahawa apa yang Kerajaan buat dalam hal bergotong-royong perdana ini memang kita sambut baik tetapi ada sikitlah cukup, tak cukup dengan kos yang diperuntukkan dalam Bajet itu tapi sebenarnya kita di peringkat Kerajaan sebenarnya kita buat gotong-royong ni kita melibatkan semua agensi. Jadi apabila kita buat konsep NBOS ini makna sikit seoranglah yang akan kita gunakan dari segi kos perbelanjaannya termasuklah juga swasta dan juga Badan-badan NGO dalam Negeri Terengganu kita.

Selain daripada itu, saya juga ada isu berkait dengan Gelandangan. Sebenarnya Pusat-pusat Gelandangan yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dalam peruntukan Bajet kita sebenarnya memang kita hendak ambil cakna sebab kita memerhatikan di kawasan bandar kita ini ada mereka-mereka yang cuba ambil kesempatan sebenarnya. Tetapi apabila kita *check* dalam kawasan kita terutamanya di Bandar Kuala Terengganu kita ini sebenarnya bukan Gelandangan yang sebenar, yang dimaksudkan Gelandangan ini ialah orang yang takdok tempat tinggal dan tidak ada tempat untuk dia berlindung, jadi dia duduk di merata-rata. Di Negeri Terengganu kita ini masih lagi kita belum terima satupun maknanya jumlah bilangan yang boleh disifatkan sebagai Gelandangan. Tapi apa-apapun, dalam usaha Kerajaan Negeri Terengganu untuk menyediakan satu pusat untuk Gelandangan ini memang seharusnya kita mengalu-alukanlah. Walaupun buat masa ini negeri kita belum lagi ada jumlah ataupun bilangan yang dimaksudkan dengan Gelandangan itu.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat, dah nak buat tempat Gelandangan tu, Gelandangan takdok, macam mana? Kekgi jadi kosong pulak bangunan tu. Saya tak faham, kekgi berapa juta pulak kos kita perhabis untuk Pusat Gelandangan. Ke lepas pada tu kita ciptalah Gelandangan bubuh duduk situ?

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Bagus Paka. Terima kasih Paka. ...(Sambil tergelak) Sebab tu saya kata tadi, kita bersedia sebab kita tengok dah mula ada sekarang ini di pusat-pusat bandar kita ni dah ada yang bersifat Gelandangan tetapi apabila kita turun *check* seorang-dua yang kita temui ini memang dia mengatakan bahawa dia ada tempat tinggal. Itu maksudnya. Tetapi apabila kita kata benda ni ada Gelandangan tiba-tiba baru kita nak cari tempat tinggal dia, ini akan menjadi suatu perkara yang agak sukar jugaklah kepada Kerajaan.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Penjelasan.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Bagus petang ni banyak soalan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato' Speaker. Isu Gelandangan ini, kita merujuk kepada perkara 176 dalam Ucapan Bajet yang diperuntukkan sebanyak RM500,000 untuk buat pembinaan. Dalam situasi kita tahu ekonomi kita tengah sakit, Gelandangan pun tak boleh nak senaraikan berapa orang, apakah satu pendekatan yang bijaksana dalam membentuk dan membina Pusat Gelandangan ini? Pohon penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Sebenarnya Gelandangan ini yang kita sifatkan maknanya sebab kita ambil satu perkara yang perlu kita tangani. Contoh yang saya nak sebut di sini bahawa Kerajaan menyediakan peringkat awalnya ialah ke atas laporan-laporan yang kita terima di atas beberapa perkara iaitu di antaranya adalah pengemis-pengemis kita. Hak kita jumpa ni bila kita *check*, memang dia kata dia ada rumah tetapi kita tak faham sebab apa bila dia dah ada rumah dia masih lagi berkeliaran. Itu yang pertama. Yang keduanya, kita nak supaya pesakit Kan sebut pesakit mental ni jadi satu benda yang itu jugak dok. Ini di antara yang kita fikirkan untuk Pusat Gelandangan ini. Yang ketiganya, penagih dadah, pengidap penyakit berjangkit seperti TB dan mereka-mereka ini perlu di tempat di satu tempat yang boleh berpusat. Itu maksud Kerajaan Negeri untuk pada peringkat ini menyediakan Pusat Gelandangan yang dimaksudkan itu.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Sikit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Ada soalan lagi, Gelandangan lagi ke?

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Ya, ada kaitan sikit jer. Dalam Buku Bajet, Gelandangan dengan orang kurang waras tapi yang kita dengar jawapan tadi termasuk dengan penagih dadah. Jadi sebenarnya *proper* atau tidak kita buat perancangan ini untuk buat pembinaan dengan kos yang agak tinggi dalam keadaan kita tak tahu siapa yang nak urus, macam mana nak urus dengan penagih-penagih dadah, orang kurang waras, Gelandangan. Gelandangan pun kita tidak tahu, dia dah ada rumah lepas tu kita bagi pulak dia penempatan. Apakah usaha ini nak menggalakkan Gelandangan ataupun nak menyelesaikan isu Gelandangan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Okey, terima kasih. Sebenarnya ini isu yang dibangkitkan. Sebenarnya bukan kata Wakil Tepoh saja atau Ahli-ahli Yang Berhormat yang bangkit, sebenarnya isu ini timbul di mana-mana yang mengatakan di bandar kita ni ada Gelandangan. Di sini bercakap Gelandangan tapi apabila kita *check* bukan Gelandangan yang dimaksudkan atas sifat yang sebenar. Gelandangan yang dimaksudkan ialah orang yang ada tempat tinggal bukan kita kategorikan dia sebagai Gelandangan. Tapi apabila kita buat benda ni, kita cuba asingkan beberapa kategori yang saya sebut tadi itu supaya mereka duduk, dijaga dan dipantau oleh agensi yang terlibat seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat. InsyaAllah, benda ni kita boleh diselesaikan sempena juga dengan Tahun Melawat Terengganu pada tahun depan ni, kita tak nak lagi ada di antara kita ini yang masih duduk berkeliaran di kawasan-kawasan bandar kita. Hasrat dia kita faham, cuma mereka ini duduk di bank-bank mengharapkan sumbangan daripada orang ramai, itu saja. Tetapi kita tak nak perkara ini ada di dalam negeri kita ini orang-orang yang seumpama ini. InsyaAllah, kita akan cubalah pantau perkara ini untuk mensejahterakan dalam bandar kita ini. Okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Besi bagi Bandar mintak?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Gelandangan dalam bandar aje.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Tak, beginilah saya teruskan dulu

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Isu lain sikit ni. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Tadi Yang Berhormat sebut pasal persediaan Tahun Melawat Terengganu. Okey, semua orang *excited* pada benda ni, saya pun *excited* jugak. Rasa teruja. Tapi saya harap Yang Berhormat boleh buat penegasan sama ada *statement*_Yang Berhormat berkenaan dengan statistik, peratusan orang sakit mental di Negeri Terengganu itu boleh diperbetul atau diperkemas. Saya bimbang takut akhbar salah petik sebab Yang Berhormat menyebut secara rasmi satu daripada empat orang, bermakna 25%. Kalau rakyat Terengganu ada 1 juta, 250,000 orang pesakit mental di Negeri Terengganu, statistik ni bunyi macam sabotaj Tahun Melawat Terengganu, siapa nak mari ke Terengganu kalau statistiknya begitu banyak. Jadi Yang Berhormat ambillah peluang ini dari mana statistik Yang Berhormat dapat, siapa yang membekalkan statistik itu, *credible*

atau tidak ataupun apa tujuan yang sebenarnya sebab nampak macam ya sebab dua-tiga hari yang lepas ada dengan kes yang besar yang menjadi rujukan seluruh negara.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Bandar.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasih Wakil Bandar. Soalan ini akan saya jawab kemudian sedikit semasa penutup saya boleh? Sebab takdok kaitan tu jadi saya akan jawab jugak sikitlah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan, teruskan Bukit Besi.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Dan seterusnya menyentuh kepada persoalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Rantau Abang berkaitan dengan pengendalian prosedur kes-kes kecemasan oleh Sekretariat Tabung Darul Iman. Permohonan di Tabung Darul Iman bagi kes-kes kecemasan yang memerlukan pembedahan dilakukan segera sememangnya sudah ada sebenarnya, kita tidak melengahkan perkara ini. Pembedahan segera dibuat bagi kes melibatkan nyawa dan yang akan menyebabkan kecacatan kekal. Bagi kes-kes kecemasan yang berlaku di hospital seperti contoh Hospital Sultanah Nur Zahirah, waris kepada pesakit boleh terus melalui Doktor Pakar atau ke Jabatan Kerja Sosial Perubatan untuk memohon Bantuan Tabung Darul Iman sekiranya mereka adalah dari golongan yang tidak berkemampuan. Seterusnya, pihak hospital akan terus menghubungi pihak Sekretariat Tabung Darul Iman (TDI) untuk mendapatkan kelulusan dengan segera. Bagi pengisian borang tersebut ianya boleh dihantar selepas pembedahan segera itu dilakukan. Dan ini pun memang telah kita buat sebenarnya kalau ada kes-kes terpencil ini yang maknanya kita tidak dapat maklumat daripada pemohon ini, memang tolong peringatkan ke kita. Sebenarnya takdok benda, sebab sekarang ini Tabung Darul Iman memang satu tabung yang nak membantu pesakit-pesakit kronik kita yang bermasalah apabila dia tak mampu untuk membiayai kos pembiayaan rawatan itu. Okey, sila.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Terima kasih. Saya bangkitkan ini kerana ada aduan, bukan sekali, bukan dua kali dah acap kali.

Bukan orang yang sama tapi yang berlainan. Bila kes kecemasan, dia terpaksa buat pembedahan kerana Doktor nak bertindak dengan segera dan bayaran perlu dibayar dengan segera, masalahnya mereka tidak mampu nak bayar. Jadi Doktor terpaksa buat jugak untuk nak menyelamatkan nyawa mereka dengan harapan dia buat lepas tu dapat tuntutan balik. Sebenarnya, apabila berlakunya pembedahan, isi borang, lepas tu kemukakan kepada pihak berkenaan, permohonannya ditolak. Dan inilah yang saya minta supaya perkara ini diteliti supaya orang-orang yang di dalam kecemasan ini dapat dibantu dengan sebaik mungkin sebab laporan jawapan yang pernah saya tanya daripada jawapan Dewan mengatakan tidak akan dibayar selepas pembedahan. Itu yang kita terima daripada jawapan dulu dan bila saya maklum kepada orang-orang yang berkenaan dia kata itu jawapan yang telah diberi tapi jawapan pada hari ini, alhamdulillah. Saya ucap ribuan terima kasih, mudah-mudahan apabila berlaku kecemasan, Doktor bertindak, lepas itu dia isi borang dan borang itu ada tuntutan balik. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Cuma sekarang ini kadang-kadang kita tak faham, ialah orang kampung dia nak itu dia tak tahu, kita khabor Sekretariat Tabung Darul Iman, dia cari dok jumpa, lepas tu dia pergi jumpa Wakil Rakyat . Jadi sebenarnya memang di hospital ini memang sudah sedia maklum dan saya sebenarnya amat berterima kasih sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebenarnya ada jugak persoalan yang diajukan waktu itu saya bersama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan memang Yang Amat Berhormat bersetuju untuk mempercepatkan usaha kita untuk membantu pesakit-pesakit, apatah lagi maknanya dalam keadaan dah teruk yang menyebabkan kematian ini memang kita ambil kira. Bukan kata hospital sahaja tetapi kita di Kerajaan Negeri pun memang benda ni kita tak nak tengok dalam keadaan yang bermasalah. Oleh sebab itu, perkara-perkara yang seumpama ini perlu kita tangani bersamalah. Kalau sekiranya perkara ini dah kita maklum dah kepada semua sekali Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat dah tahu maklumat-maklumat ini, mintak tolong sampaikanlah kepada anak-anak buah kita dalam kawasan, insyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat, mintak laluan sikit. Se jer.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Paka *gitu sokmo*.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sama Dungun, UMNO seorang jer di Dungun.(Sambil gelak)

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat, ada satu kes, dia dah selesai pembedahan di IJN, lepas tu dah lama dah, dekat setahun baru mari hantar surat *claim* bayaran. Macam mana ni, ke MAIDAM tak bayar, ke guana? Kalau tidak nak ambil tindakan undang-undang, apa dan sebagainya. Ada kes berlaku macam tu?

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Tak, beginilah sebenarnya jika sekiranya ada perkara-perkara yang berbangkit macam ni, saya, kalau nak tanya macam ni, saya *pah cerah* esok pun tak selesai masalah. Jadi kita pergilah ke Tabung Darul Iman kita, cuba tengok tapi kalau sekiranya kita dah belanja dulu lepas tu kita nak mari tuntutan kemudian, kita nak jugak kesahihan tu. Jadi apabila benda-benda ini berlaku, jadi kita jugak ada keraguan Jadi untuk cari jalan Okey, cukuplah Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak, nanti dulu Yang Berhormat, nak *clear* ni sebab dia ni pergi di MAIDAM, MAIDAM nak surat Doktor dan juga kos, kena gi dekat ni, dia pun nak surat daripada MAIDAM dan bila dia pergi dan siap dah, dia tak guna duit dia ni tapi lepas pada tu mari *claim* dekat RM30,000. Maknanya adakah dia tak berurusan *direct*, contohnya IJN dengan MAIDAM dan sebagainya, itu yang saya tengok takut prosedur tu berlaku tak normal ke macam mana?

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Ya, mungkinlah perkara tu berlaku macam tu tetapi untuk penyelesaian kita, kita mintak begitulah kalau sekiranya ada perkara-perkara berbangkit mintak tolong kita rujuklah kepada Tabung Darul Iman, yang saya cakap ini tentang Tabung Darul Iman dan mengenai MAIDAM ni maknanya berurusanlah dengan MAIDAM mengikut apa yang boleh diselamatkan masalah kita ni.

Dan ada beberapa perkara lagi, saya nak ringkaskan macam kata dari segi keadaan masalah sosial kita ni yang disebut anak luar nikah, perceraian, jenayah apa semua. Jadi benda ni kita mintaklah, saya nak ringkas ni, jadi kita mintak semua

sekali beri kerjasamalah. Sebenarnya benda ni bermula daripada sikap kita sebenarnya sama ada di rumah ataupun di mana-mana yang ada. Kalau kata di rumah dia punya tanggungjawab ibu bapa jugaklah yang itu dan Kerajaan sebenarnya sentiasa memberi satu cara dan kaedah macam mana nak menyelamatkan rakyat Negeri Terengganu dalam menyelesaikan masalah gejala-gejala sosial yang berlaku dalam Negeri Terengganu, malah agensi-agensi Kerajaan sebenarnya memang banyak membuat kempen dan kesedaran kepada rakyat Negeri Terengganu kita ini.

Jadi saya rasa itulah sedikit sebanyak, panjang sangat dah ni. Jadi saya turut menyokong.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Sikit, sikit aje lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Besi. Terima kasih Rantau Abang, tak benar dah. Apa-apa pun berunding baliklah dengan Rantau Abang.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Tak apalah, kita berunding kemudian. Kan Yang Berhormat selalu hello ke saya.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Okey, tak apalah.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Hah, buat macam tak biasa.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Besi. Terima kasih Rantau Abang. Terima kasih kepada semua Y.B. yang terlibat. Okey, seterusnya sila Y.B. Pengkalan Berangan.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil Alamin. Wassalatu wassalamu asyrafil anbia iwal mursalin. Wa'ala alihi wa ashabihi ajmain. Yang Berhormat

Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan juga wakil-wakil ketua jabatan, para Pemerhati, para hadirin Sidang Dewan, assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala pertama-tamanya kerana kita dipanjangkan umur diberi kesihatan, diberi kudrat, boleh berbicara, boleh melihat dan dapat bersama-sama di Dewan yang mulia ini di Persidangan Mesyuarat Ketiga, Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Terengganu Yang Ketiga Belas.

Pertamanya, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu dengan ucapan dan pembentangan Bajet 2017 yang boleh memberi kesan yang begitu baik sekali untuk kesejahteraan rakyat Negeri Terengganu. Projek-projek dan juga program pendidikan begitu besar sekali diperuntukkan sebanyak RM42.6 juta, juga peruntukan untuk pembangunan keluarga, masyarakat, pelbagai bantuan persekolahan, pelbagai dana, Dana Raya dan sebagainya. Program-program untuk mengatasi masalah banjir, infrastruktur yang begitu besar sekali, RM118.2 juta untuk perumahan, kesihatan dan sebagainya. Dan di sini saya ingin mengambil kesempatan, peruntukan RM42.6 juta ini merupakan peruntukan yang insyaAllah mencukupi untuk kita membiayai program-program Pendidikan Negeri Terengganu untuk memperkasakan kecemerlangan Pendidikan Negeri Terengganu termasuk kita nak memperkasakan Terengganu Anjung Ilmu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di sini suka saya

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Pohon laluan. Sikit aje.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Kota Putera.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Apabila disebut tadi RM42 juta untuk Pembangunan Pendidikan, adakah termasuk dengan dicadang untuk pembayaran kepada guru-

guru yang buat kelas tambahan sebab masing-masing di sekolah termasuk YDP PIBG dan sebagainya di mana guru-guru sekolah merungut kerana sekarang ini terpaksa kena minta yuran tambahan lebih daripada pelajar-pelajar yang mana terpaksa kena beli kertas A4 dan sebagainya. Jadi adakah ini termasuk akan dibuat bayaran kepada guru-guru untuk kelas tambahan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Kota Putera. Dan RM42.6 juta ini pada tahun 2017 ini akan merangkumi termasuklah untuk pembiayaan kelas-kelas tuisyen dan juga percetakan. Contohnya, tahun lepas di bawah Terengganu Anjung Ilmu, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu hanya memperolehi RM2.3 juta sahaja. Dan pada tahun 2017 diperuntukkan sebanyak RM4 juta bagi memertabatkan Program Terengganu Anjung Ilmu Negeri Terengganu ini. Dan ini boleh dibelanjakan termasuklah kelas-kelas tuisyen dan sebagainya.

Suka saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini termasuk Bantuan Pendidikan ini Program Pengagihan Bantuan Sekolah sebanyak RM100 seorang akan diberikan kepada pelajar maksimumnya dua orang yang mana pendapatan keluarga ataupun ibu bapa mereka RM2,500 ke bawah.

Yang ketiga, perbelanjaan ini merangkumi Program Peningkatan Kebolehpasaran Graduan Menganggur melalui Terengganu Graduate Transformational Programme (TGTP) dengan anggaran peruntukan sebanyak RM500,000.

Pemberian sumbangan kepada setiap PIBG RM2,000 yang melibatkan 505 buah PIBG di seluruh Negeri Terengganu yang ini sahaja memakan belanja RM1,010,000 untuk tahun 2017.

Di samping itu, kita akan memperkasakan Kelas I-Class yang diperuntukkan RM400,000 dan kita menaiktaraf Kelas Maya kepada I-Class, sebagaimana yang saya maklumkan sebelum ini 8 hingga 10 kelas kita boleh menaiktaraf Kelas Maya ini kepada I-Class kerana penerimaan I-Class oleh pelajar-pelajar dan juga guru-guru ini cukup memberangsangkan dan ianya memberi kesan yang begitu positif sekali dalam pendidikan di Negeri Terengganu kita.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, boleh?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):
Saya ingat biar saya pergi terus dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Sila Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):
Okey, perkara yang keenam, kita memperkasakan Trenglish kita ke 37 buah sekolah dan juga memakan peruntukan atau memerlukan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Di samping itu juga, Kerajaan melalui peruntukan yang disediakan RM42.6 juta ini juga kita membelanjakan RM4.7 juta menjuruskan kepada Pintar Quran khususnya di pra sekolah dan sebagainya.

Lain-lain Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, perbelanjaan kita ini termasuklah memperkasakan ataupun pembiayaan lain-lain program untuk memperkayakan ataupun memberi kecemerlangan Pendidikan kita pada tahun 2017. Jadi di sini saya diberi tanggungjawab sebagai Exco untuk menjaga dan melihat Pendidikan Negeri Terengganu, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat di atas keprihatinan dan memperuntukkan Bajet yang begitu bagus dan saya yakin mencukupi untuk membiayai kecemerlangan Pendidikan kita pada tahun 2017.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mintak laluan sekali. Satu aje.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):
Saya ingat saya tak nak bagi dah. Banyak dah kita bincang

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak, bukan, saya keliru tadi sebab masa ucapan saya sebut RM42 juta ni untuk Yayasan Terengganu, jadi sebenarnya berapa peruntukan Kerajaan untuk Yayasan Terengganu saja? Nak tahu itu saja.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):
Okey, saya tak perlu jawab lagi soalan itu. Dan di sini juga saya ingin mengambil kesempatan sebagai Exco bertanggungjawab mewakili Kerajaan Negeri

Terengganu ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada anak-anak pelajar yang menduduki UPSR 2016 yang mendapat semua A dan juga mendapat lain-lain gred mata pelajaran termasuk B, C, D malah E sekalipun, Kerajaan mengucapkan syabas dan tahniah kepada mereka dengan pencapaian yang setimpal dengan usaha dan kemampuan mereka dalam peperiksaan UPSR baru-baru ini. Kepada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, PPD, guru-guru Negeri Terengganu yang telah bersungguh-sungguh melaksanakan pengajaran dan pembelajaran, mencurahkan khidmat bakti kepada anak-anak didik mereka sehinggakan kita dapat melahirkan dan melihat kecemerlangan dalam pencapaian UPSR baru-baru ini yang saya kira cukup memberangsangkan berbanding juga dengan negeri-negeri lain di seluruh negara. Kepada PIBG, ibu bapa, kepada orang perseorangan termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuk di pihak sana pun ada yang menyumbang saya tahu kepada sekolah-sekolah, kepada PIBG dan sebagainya apatah lagi kepada pihak Kerajaan yang begitu banyak sekali, saya tahu tidak puas-puas, tidak jemu menyumbang peruntukan dan sebagainya sebagai tambahan kepada pihak sekolah dan PIBG demi kecemerlangan. Dan ianya telah memberi satu impak yang bagus kepada pencapaian kita termasuk UPSR, peperiksaan-peperiksaan yang lain, SPM, PT3, STPM dan juga dalam pembangunan sahsiah pelajar itu sendiri di peringkat sekolah.

Keputusan UPSR 2016, banyak pihak yang membicarakan tentang prestasi pencapaian dan pelbagai reaksi serta ada yang mengundang kepada kesan emosi terutama sekali kepada anak-anak pelajar kita dan juga para ibu bapa kita termasuk guru dan juga termasuk pemimpin-pemimpin kita. Ada yang gembira, sedih, ada yang marah malah ada yang mencemuh, ada yang memaki pun, tak kurang ada juga yang mengambil kesempatan untuk menghentam pihak Kementerian dan juga Kerajaan. Kononnya Kerajaan telah membuat silap ataupun Kerajaan/Kementerian sengaja untuk membuatkan para pelajar kita jadi gagal. Termasuk juga di dalam Dewan ini ada di kalangan Yang Berhormat-Yang Berhormat membangkitkan isu ini. Suka saya berkongsi dan juga membuat sedikit penjelasan beberapa isu yang berbangkit. Antaranya tentang pencapaian UPSR baru-baru ini. ADUN Alur Limbat mengatakan pencapaian UPSR pada tahun ini agak merudum dan jatuh dan selama ini kita 15 tahun berturut-turut peperiksaan UPSR merupakan di antara peperiksaan awam di peringkat rendah yang mengungguli di peringkat negara. Kita nombor satu selama 15 tahun berturut-turut. Dan suka saya memaklumkan di sini bahawa UPSR 2015 kita tak boleh bandingkan dengan pencapaian UPSR 2016 baru-baru ini. Kelainan yang cukup

membezakan, kelainan dari segi format peperiksaan apatah lagi peperiksaan kita baru-baru ini mementingkan kepada kemahiran berfikir aras tinggi dan ianya menjejaskan pencapaian pelajar anak-anak kita. Pelajar kita tidak mendapat A itu bukan bermakna mereka tidak bijak. Pelajar tidak mendapat A atau mereka mendapat B, C, itu bermakna bukan mereka tidak pandai ataupun mereka kita katakan telah gagal. Cuma dari segi bilangan A sahaja mereka kurang sebab formatnya sebagaimana saya katakan tadi formatnya berbeza dan ini merupakan pertama kali peperiksaan awam UPSR yang dari segi format yang berbeza, kesediaan pelajar-pelajar kita, guru-guru yang bukan tidak bersedia oleh kerana ia merupakan pengalaman yang pertama maka ianya membuatkan pencapaian kita tidak memberangsangkan dari segi untuk mendapat A. Tapi kita yakin sebagaimana UPSR kita jugak kita diperkenalkan sebelum ini dengan PDL (Peperiksaan Darjah Lima) dan sebagainya dia memberi kesan. Setelah pelajar kita didedahkan, guru-guru mempunyai pengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran, saya yakin pencapaian untuk tahun yang akan datang kita boleh lipat gandakan.

Dan dari segi *ranking*, saya nak betulkan yang Alur Limbat mengatakan bahawa Terengganu berada *di ranking* yang ke-10 yang sebenarnya silap, tak betul itu.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):[Bangun]

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tak apa, saya beri penerangan. Tak payah jelas.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya nak betul, silap tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak benar dah, tak payah. Mudah, ikut peraturan, Peraturan 47 jelas. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Terengganu berada dalam *ranking* yang agak teratas juga. Saya nak beritahu yang paling tinggi pencapaiannya adalah 2.20% berbanding dengan bilangan calonnya yang mendapat *Straight A's* iaitu Wilayah Persekutuan Putrajaya – 2.20%. Pulau Pinang, calon yang mengambil peperiksaan adalah 22,215 orang dan yang mendapat *Straight A's* 399 orang. *Percentagenya* 1.82%, okey. Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur yang mendapat *Straight A's* , 308 orang, pelajarinya 20,679. Negeri Sembilan di tempat keempat, pelajarinya yang mengambil UPSR, 16,839 orang dan yang dapat *Straight A's* 247, lebih kecil berbanding dengan Negeri Terengganu. Tetapi dari segi *ranking*, Negeri Sembilan berada di tempat keempat iaitu lebih tinggi daripada Terengganu, dari segi *percentage* (peratusnya) iaitu 1.50%. Manakala Terengganu, kita mendapat 1.33% iaitu 271 orang mendapat *Straight A's* berbanding dengan bilangan pelajar 20,341 dan kita lebih di atas berbanding Pahang, Johor manakala Selangor berada *di ranking* yang ke-8. Dan Selangor memang bilangan yang mendapat A-nya besar, 1,025 orang tetapi bilangan pelajar yang mengambil peperiksaan UPSR pada tahun 2016, 82,782 orang berbanding dengan kita hanya 20,341 orang. Maka peratus Selangor agak rendah daripada Terengganu iaitu 1.24%. Manakala Kelantan berada *di ranking* ke-11. Kedah berada *di ranking* yang ke-13. Sarawak ke-14. Dan Sabah yang di bawah sekali, 0.43% daripada 43,000 pelajar hanya 187 orang sahaja yang mendapat *Straight A's*. Dan jumlah calon UPSR keseluruhan di seluruh negara 449,053 orang. Dan Terengganu hanya 4.5% sahaja bilangan pelajar dari keseluruhannya berbanding dengan bilangan pelajar yang mengambil peperiksaan UPSR. Dan saya kira ini sepatutnya menjadi kebanggaan kepada orang-orang Terengganu bahawa pencapaian UPSR kita adalah di antara lima teratas yang terbaik seluruh Malaysia. ...(Tepukan) Walau bagaimanapun, ia memberi kesan kepada emosi kepada pelajar-pelajar kita dan wajar saya menjelaskan di sini supaya kita tidak mahu perkara ini disalah sangka di luar sana diberi gambaran bahawa Jabatan Pendidikan dan juga Kerajaan Negeri tidak menitikberatkan kepada Pendidikan ini.

Seterusnya, saya nak menyatakan di sini Yang Berhormat-Yang Berhormat, Dato'-Dato', tuan-tuan, puan-puan, peluang anak-anak kita untuk ke Sekolah Berasrama Penuh. Mungkin sekarang ini bermain di fikiran kita ke mana arah tuju pelajar-pelajar kita yang mendapat keputusan sebegitu rupa baru-baru ini. Kita ada statistik dari segi bilangan pelajar yang mendapat A's: 5A 1B, 5A 1C dan lain-lain, 4A 2B, 3A 3B dan sebagainya. Kerajaan Negeri Terengganu melalui Yayasan Terengganu, kita ada sekolah-sekolah yang terpilih di Negeri Terengganu khususnya IMTIAZ. Suka saya maklumkan sebagai untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Pemerhati semua supaya boleh kita mengambil ini sebagai satu panduan untuk kita war-warkan kepada anak buah kita dalam kawasan, dalam kampung termasuk juga SBP. Malam tadi saya ada perjumpaan dengan ketua-ketua jabatan, Yayasan Terengganu, MARA, Jabatan Hal

Ehwal Agama Islam termasuk jugak daripada Yayasan Islam Terengganu, mereka memaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan telah menetapkan syarat minimum untuk ke SBP (Sekolah Berasrama Penuh) ialah 3A 2B, MRSM meletakkan syarat 6A untuk memohon dan saya mempersoalkannya, sebelum ini MARA meletakkan syarat di antara institusi yang agak rendah sikit pencapaian yang diambil. Katanya MARA akan ambil pelajar-pelajar selepas selesai hak SBP semua sekali. Bermakna syarat asal 6A supaya SBP dan lain-lain institusi pendidikan yang agak elit ini maka setelah selesai semua sekali barulah MARA ambil. Dan insyaAllah dia kata MARA akan mengambil kira pencapaian yang rendah-rendah sikit, tak apa katanya. Tapi syarat awalnya 6A dulu yang dia letak. IMTIAZ, yang ini banyak orang *call* saya, telefon nak masuk IMTIAZ macam mana dengan syarat ini. Ada yang kata pula, syarat yang dibuat IMTIAZ, Yayasan Terengganu 3A 3B itu agak tidak munasabah. Anak saya mendapat 5A 1C, tak dapat sebab dimasukkan dalam sistem, pakai sistem *online* dan kita telah buat keputusan, IMTIAZ syarat minimum dia 3A 3B kecuali pelajar yang mendapat 5A 1C boleh dipertimbangkan dengan syarat C itu adalah Bahasa Inggeris Pemahaman. Kalau 5A 1C, C itu Sains atau Matematik maka tidak akan dipertimbangkan untuk ke IMTIAZ. 3A 3B adalah syarat kelayakan untuk masuk ke IMTIAZ. Dan apabila *online* dibuka, sistem kita dibuka untuk pengetahuan tuan-tuan dan puan-puan Sidang Dewan semua, permintaannya begitu tinggi sekali dan kita memerlukan di IMTIAZ lebih kurang kalau tak silap saya 700 orang tapi permintaan sekarang dah 1,000 orang lebih bermakna yang layak untuk masuk ke IMTIAZ begitu ramai juga dengan syarat yang kita tetapkan ini. Satu lagi Kelas Premier Khas ini 2A 4B syarat dia, Kelas Rancangan Khas sekurang-kurangnya 1A, Kelas Elit Lembah Bidong dan juga Mak Lagam 3A 3B sebagaimana SBP yang lain. Dan ini bolehlah kita war-warkan kepada orang kawasan kita supaya mereka boleh mengemukakan permohonan daripada sekarang. SBP dan MARA tak banyak masalah sebab mereka dah daftar lebih awal sebelum peperiksaan.

Perkara yang berikutnya yang berbangkit dalam perbincangan kita baru-baru ini
.....

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Penjelasan Dato' Yang Dipertua. Berkait dengan sekolah.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):
Okey.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Tepoh.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Berasaskan kepada apa yang disebut sebentar tadi. Saya ingin mendapatkan jaminan daripada pihak Kerajaan khususnya kemasukan ke Sekolah IMTIAZ dengan pencapaian 6A seramai 271 orang dan juga pelajar-pelajar cemerlang yang lain, apakah jaminan pihak Kerajaan IMTIAZ masih lagi didominasi oleh anak-anak Terengganu melalui keputusan UPSR ini? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Okey, terima kasih. Memang 90% anak-anak Terengganu, 10% kita buka kepada anak-anak luar Terengganu dengan syarat-syarat lain mereka ini akan ditemu duga dan akan dilihat sama pencapaian ko-kurikulum serta sahsiah-sahsiah lain termasuk juga kebolehan membaca Al-Quran dan sebagainya yang asas-asas ini dan mereka akan dinilai. Syarat-syarat macam tahun lepas jugaklah cuma kita minimumkan kepada 3A 3B. Jika ada C, hendaklah 5A 1C dan C itu mestilah Bahasa Inggeris Pemahaman.

Yang berikutnya saya ingin nyatakan dalam penggulungan ini beberapa isu lagi yang dibangkitkan oleh Alur Limbat khususnya iaitu isu Kelas Maya dan I-Class, perbandingan Kelas Maya dan I-Class ini, pencapaian SPM dan yang berkaitan dengan langkah-langkah yang patut diambil dari segi menangani isu-isu kelemahan Bahasa Inggeris dalam Peperiksaan UPSR baru-baru ini. Perbezaan di antara Kelas Maya dengan I-Class ini, Virtual Class ini dia cukup ketaralah. Saya dah maklum dalam Sidang Dewan yang lepas, Kelas Maya ini dia kelas yang statik. Disediakan dalam kelas tersebut hanya PC (Komputer), kemudian disediakan Projektor Interaktif, kemudian dia ada skrin. Tapi I-Class ini dia lebih bagus, lebih baik sebab di sini I-Class ini dia boleh jadi Mobile Class. Kita sediakan 35 tablet dalam kelas itu, kemudian dalam kelas itu jugak disediakan peralatan yang lain, komputer guru ada, tablet murid, akses WiFi yang cukup sebab sekolah-sekolah ini adalah sekolah yang terpilih dengan perabot yang lengkap, printer, Projektor Interaktif antara pelajar dan juga guru serta mempunyai pengurusan *classroom* yang cukup baguslah. Di mana di dalam tu kita ada guru yang kita tetapkan, juga kita ada EIO, TSO kita sediakan. Dan contohnya, apabila pelajar menggunakan tablet, tablet tadi dia boleh bawa keluar kelas, berbeza dengan Kelas Maya dia statik. PC dia boleh bawa ke luar kelas, dia boleh belajar, dia boleh mengambil gambar, dia

boleh rakam, dia boleh akses internet sendiri masing-masing ada, 35 tablet, boleh satu seorang. Kemudian mereka masuk dalam kelas, dia boleh duduk secara *grouping*, kelompok, ada cikgu yang *monitor* dan sebagainya, boleh berinteraksi antara mereka dan juga dengan guru. Dan di situ berlaku pengajaran dan pembelajaran. Jadi pembelajaran menggunakan peralatan ICT yang lebih bagus berbanding dengan sebelum ini.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, celah sikit boleh?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ya, sila.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tadi ada banyak nak tanya tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang dah sebenarnya ni.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Sikit aje. I-Class ni dia subjek komputer sahaja ke, atau ada berapa subjek diguna komputer ni?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Okey, dia ada kurikulum dia sendiri, dia ada modul dia sendiri dan modul itu sentiasa ditambah nilai, digubal oleh ada panel kita di peringkat jabatan dengan kerjasama pihak TOP-IT. Jadi di situ bukan belajar komputer, bukan belajar cara nak akses internet dan sebagainya, pembelajaran melalui gajet/tablet kita tadi dengan menggunakan peralatan ICT kita tadi, di situ pembelajaran belaku macam-macam. Yang penting ilmu boleh diambil, contohnya Cikgu kata: "Kita nak lihat gambar burung." Apa dia tahu tentang burung ini, pelajar boleh belajar melalui kandungan yang ada dalam itu tadi.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Boleh sikit lagi. Adakah Kerajaan berpuas hati dengan hak buat 100 lebih

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ya?

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Sekarang ni dah ada 100 lebih kan I-Class?

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): I-Class kita ada 17.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Oh, 17, Kelas Maya 100 lebih. Kemudian One Bestari Net hak yang saya timbul tu, Terengganu ada dok lagi?

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ada.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dah ada.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ada dah.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dia lain ke ataupun itu sekolah menengah ke macam mana?

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Sekarang kita masalah Bestari Net ini sebelum ini tidak boleh nak akses, tak boleh laju, WiFi tak boleh guna dengan apa yang ada sebelum inilah, WLE apa semua ni tapi sekarang kita ke arah Bestari Net lah. Dah ada di sesetengah sekolah dah ada dah. Setakat ini 17 sekolah ni tidak ada masalah dari segi nak akses internet dan sebagainya. Dia laju sebab sekolah-sekolah ini kita pilih khas.

Kemudian Bukit Payong ingin penjelasan tentang Institut Tahfiz Quran dan IQT adakah akan hilang setelah penubuhan KQT termasuk masa depan guru-guru. Adakah KQT ini diuruskan secara penswastaan ataupun masih lagi dalam tanggungan Kerajaan. Adakah peruntukan 10K sahaja ini cukup dan sebagainya. Perkara ini ada dibangkitkan dalam ucapan Bukit Payong kelmarin. Jadi di sini saya ingin buat penjelasan dan sedikit penerangan supaya kita sama-sama faham. Kolej Al-Quran Terengganu ditubuhkan dengan tujuan mengangkat dan memartabatkan Pengajian Al-Quran dan Tahfiz. Visi dan misinya adalah bertujuan mengangkat dan memartabatkan Pengajian Al-Quran dan Tahfiz. Kolej Al-Quran Terengganu bidangnya adalah Tahfiz dan Pengajian Al-Quran, dia tak lari.

Di mana semua pelajar disyaratkan menghafaz Al-Quran. Mempelajari Ulum Al-Quran dan Bahasa Arab sebagai tuntutan untuk bergraduasi, hebat tu. Sebagai sebuah institusi berpendidikan tinggi KQT telahpun menawarkan dua program pengajian di peringkat Diploma, pertama, Tahfiz Al-Quran dan Qiraat. Kedua, Tahfiz Al-Quran dan Bahasa Arab bermula Jun 2016. Sudah berjalan pun. Dengan pengambilan seramai 60 orang pelajar. Pengurusan KQT kini sedang giat merangka untuk menawarkan program pengajian baru di peringkat Diploma dalam bidang Al-Quran dan Tahfiz seperti Program Diploma Tahfiz dan Tafsir Al-Quran, Diploma Al-Quran dan Al-Hadith. Oh, hebat, patut menjadi kebanggaan kita orang Terengganu. Sesungguhnya Kerajaan Negeri sangat komited dalam memartabatkan Institusi Pengajian Al-Quran dan Tahfiz dengan merangka hala tuju dan pelan tindakan dalam tempoh lima tahun. Lepas KQT dalam tempoh lima tahun, kita merancang menaik taraf Kolej Al-Quran Terengganu kepada status Kolej Universiti Al-Quran Terengganu, ini lima tahun akan datang yang akan menawarkan program pengajian di peringkat Ijazah dan Pasca Siswazah, MA dan juga PhD dalam bidang Al-Quran dan Tahfiz. Sehubungan dengan itu, Institut Al-Quran Terengganu yang diletakkan sementara di bawah pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu semenjak 2007, kini diletakkan di bawah pentadbiran Kolej Al-Quran Terengganu yang ini menimbulkan kerisauan dan keresahan di kalangan pengurusan dan juga pegawai-pegawai serta staf termasuk Pensyarah-pensyarah, Ustaz-ustaz di IQT ini. Dengan fungsi sebagai Pusat Pendidikan Al-Quran, di bawah KQT ini dia ada satu sub lagi iaitu Pusat Penyelidikan Al-Quran yang menjalankan aktiviti kajian, penerbitan, seminar, latihan dan seterusnya akan menjadi Pusat Pengajian Siswazah bersesuaian dengan taraf dan fungsi sebuah institut. Fungsi pengajaran dan pembelajaran Al-Quran dan Tahfiz dikendalikan oleh KQT.

Soalan berikutnya ditanya oleh Bukit Payong, bagus soalan ini, kita dapat memberi penjelasan. Adakah KQT ini diuruskan secara sistem kolej swasta ataupun tanggungan Kerajaan sepenuhnya? KQT adalah Institut Pengajian Tinggi Swasta yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Terengganu melalui Syarikat Wawasan Wibawa Sendirian Berhad, di bawah Perbadanan Menteri Besar. KQT telah diluluskan pendaftaran sebagai Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada 23 Disember 2015 dengan nombor pendaftaran – DK323T. Selaras dengan Akta IPTS, Akta 55 dan

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Mintak penjelasan. Sikit aje.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Saya ingat saya nak teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Boleh? Sikit aje. Tentang pengambilan pelajar tadi tu berasaskan Diploma, adakah selepas SPM ke ataupun selepas Tingkatan 3. Maknanya dulu dia ada dua, Diploma satu, STAM satu. Makna STAM tak ada ke, terus Diploma, selepas pengambilan SPM ke macam mana?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Penawaran dia ambil selepas SPM lah sebab dia menawarkan Diploma dan mereka ini mungkin pelajar daripada IMTIAZ, ramailah yang boleh sambung belajar di sini. Cuma di sini dia ada pengkhususan dari segi Ijazah dia dan juga Diploma dia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pengkalan Berangan, panjang lagi ke?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Okey, kemudian ada soalan berikutnya berkaitan dengan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dato' dok tengok ke saya. Saya nak mintak laluan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pengkalan Berangan tak bagi kot?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak, dia dok khabor lagi.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Saya tak bagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Baru khabor.(Dewan gelak)

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ladang.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ini berkaitan dengan bagaimana

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Sikit, sikit, sekejap, saya nak mintak penjelasan supaya jelas sebab soalannya begini aje, sekarang ini ada KQT (Kolej Al-Quran Terengganu), apa jadi dengan IQT dia dikekalkan ataupun takdok dah lepas pada ni?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): IQT takdoklah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Betul ke gitu?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Sebab dia berada di bawah KQT.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang): Betul ke gitu, adakah keputusan rasmi begitu?

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Nanti saya jelaskan balik. IQT ini dikekalkan. IQT ini diupgradekan daripada apa yang ada ni sebab kita nak *separatekan* supaya yang Diploma ini akan kita bawa kepada Degree dan akhirnya nanti dia akan menjadi Kolej Universiti dan kita targetkan sekarang ini akan menjadi universiti yang pertamalah, Universiti Quran dan IQT adalah sebagai *feeder* kepada KQT. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang): Terima kasih atas penjelasan tu sebab itu tanya tadi sebab takut tak jelas.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Saya nak cerita hak yang di sini dulu ni, hak ada sekarang ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang): Kalau begitu jelaslah maknanya IQT tu ada bukan takdok.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): IQT akan jadi apa ni baru.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang): Tak, tak, tadi jawab akan diserapkan, takdok tapi Yang Amat Berhormat kata ada.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Nak cerita hak yang ada di sini

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang): Dah memang hak ada di sini jer takdok kat lain dah.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tak boleh kata lagi. Kerajaan Negeri Terengganu dia ada merancang mungkin di tempat lain pulak

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang): Tak apalah, hak lain takmboh cara.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Cuma saya nak beritahu masa depan guru-guru dan kakitangan IQT ni, ini kebimbangan di

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang): Minta maaf, tak timbul dah soal tu sebab IQT dikekalkan.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Saya nak jelas jugak sebab ni dibangkit. Tak apa, duduk. Ini hak saya nak jawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang):(Gelak)

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Ladang.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Okey, guru dan kakitangan IQT yang ada sekarang ini, saya nak jelas ni, takut nanti dia tunggu bila, bila. Yang ada sekarang ini terdiri daripada guru-guru dan kakitangan yang berstatus jawatan tetap, sementara tanpa perjawatan dan kontrak, yang ada sekarang ni. Memandangkan KQT adalah Institusi Pendidikan Swasta maka langkah berikut telah dan akan diambil. Yang pertama, guru dan kakitangan yang berstatus jawatan tetap dengan waran perjawatan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (Guru) dan waran pentadbiran SUK kakitangan pentadbiran akan diberi opsyen untuk berkhidmat di KQT....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang): Nanti dulu, sekejap, ada masalah sikit dalam jawapan tu sebab mungkin *information* yang Yang Berhormat dapat lain daripada apa yang berlaku. Sekejap, sekejap. Saya tanya tadi jelas IQ dengan KQ, kolej dan institut, sekarang ini Yang Amat Berhormat jawab

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Betul, saya faham.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang): Nanti sekejap, ada kolej, dan IQ pun ada. Bila IQ ada dah takdok kira opsyen apa dah, dia boleh kekal di situ.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tak saya yang jawab. Sila duduk. Saya nak beri penjelasan bahawa keraguan yang hak ada sekarang ini, saya tak boleh jawab begitu kepada dia orang sebab esok, lusa dia nak gaji, nak elaun dan sebagainya. Jadi saya nak beri penjelasan supaya tidak timbul keraguan di kalangan staff yang ada di IQT ni. Mereka yang ada di sini diberi peluang untuk bersama dengan KQT. Diberi opsyen kepada mereka yang layak dan kepada mereka yang skim apa ni

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang): Kalau opsyen, kalau mereka tak pilih guana?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Kalau dia tak pilih, dia ada satu lagi IQT.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang): Dah memang IQT ada dah lening.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ada yang

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang): IQT mana lagi ni? Saya tak faham ni Yang Berhormat. Di Terengganu cuma ada satu IQT sahaja, kena jelas.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tak, saya nak cerita yang kita *upgrade* sekarang ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang): Yang upgrade tu namanya kolej.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang): Bila kolej ada, institut ada, institut di bawah institut.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Sekarang di bawah pengurusan KQT.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang): Tak dia bukan KQT.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tak, KQT yang menguruskan sekarang ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang): Dia mengurus tetapi dia bukan di bawah KQT. *Check* balik.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ini apa yang dibicang mutakhirilah. Kemudian yang berkaitan dengan RM10,000 yang diperuntukan kepada IQT tahun ini. Sebenarnya ini adalah sebagai tambahan, hak yang geran tahunan tu memang dah ada, contohnya pada tahun 2016 RM9.8 juta

dibelanjakan dan tahun depan pun peruntukan yang sama untuk membiayai kos dan sebagainya. Ini adalah tambahan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang): Itu di mana kalau kita nak lihat dalam Bajet?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang): Kat mana kita boleh tengok, muka surat berapa?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Daripada RM42.6 juta itu adalah perbelanjaan untuk Pendidikan di Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang): Itu untuk Terengganu tetapi untuk IQT atau KQT takdok disebut.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tak sebutlah.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang): Disebut RM10,000 sahaja. Maaf, saya tak mintak izin satning, minta maaf, salah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Saya pohon mencelah sikit, ini kan sesi penggulungan, tak perlu ada

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Hah, tak perlu soal jawab dalam ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua mempunyai

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Kalau nak tanya dalam perbincangan, sekarang ni dah

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebenarnya, peraturan kena patuhi. Dah berapa kali saya kata, kalau yang berucap tak nak benarkan saya ikut yang berucaplah, janganlah benarkan.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Okey, terima kasih Yang Dipertua kerana memberi kefahaman, kadang-kadang dia campur ni payah jugak kita. Okey, seterusnya dengan pencapaian SPM, ini soalan daripada ... saya lupa dah ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pengkalan Berangan panjang lagi ke?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Sikit lagi, saya ingat saya ambil masa dua minit lagi. Kena jelas ni. SPM tidak pernah menjulang nama di Terengganu. Jadi Kerajaan kena jelas ni sebab saya bimbang sebab benda ni persepsinya sampai di luar mengatakan betul, sedangkan pencapaian SPM kita ni di antara yang jugak teratas, yang kita bangga. Dan ada di antara pelajar-pelajar kita, saya sebut di sini: "Terengganu mula menunjukkan peningkatan dalam SPM bermula tahun 2007." Okey, jelas. Tahun 2007 GP (Gred Purata) kita 5.4% dan terus bertambah baik sehingga mencapai 4.9% pada tahun 2011. Pencapaian SPM kita sentiasa lebih baik berbanding nasional. Hah, hebat Terengganu. Tahniah, Jabatan Pendidikan. SPM belum mencapai nombor satu tetapi pencapaian Terengganu sentiasa mengatasi pencapaian nasional dan peningkatan berlaku setiap tahun dari segi kualiti dan kuantiti.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Boleh? Tak bagi?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Menghormati Speaker. Tak bagi. Ada sekolah kita seperti Sekolah Menengah IMTIAZ Besut dan Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud tersenarai dalam Kelompok Sekolah Terbaik Peringkat Kebangsaan SPM 2015. Begitu juga pelajar kita ada yang tersenarai sebagai pelajar terbaik, bilangan pelajar mendapat semua A+ dan juga semua A sentiasa bertambah. Negeri Terengganu berada di tempat pertama SPM tahun 2014 dan tempat kedua SPM 2015 dari segi peratus calon yang layak mendapat Sijil SPM. Apa lagi? Dan sebahagian besar pelajar SPM ada tempat untuk buat diploma, persijilan di institusi pengajian yang lebih tinggi dan juga buat matrikulasi, ijazah dan sebagainya.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Sikit, sikit jer.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tak bagi, tak bagi dah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak bagi laluan, Alur Limbat. Terima kasih, duduk.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Itu sahajalah saya ingat beberapa perkara yang saya boleh jelaskan yang berbangkit dalam Persidangan kita ini, kita berharap dan kita mendoakan supaya pencapaian pendidikan kita..... Satu lagi IPG Besut ni, kena jelas ni Dato' Yang Dipertua tentang IPG ni, takut kita tak faham. Yang sebenarnya, IPG ni dia di bawah Kementerian, saya akan beri sedikit penjelasan. Dalam pembentangan Bajet, PM ada sebut baru-baru ini, ada sembilan IPG yang akan ditukar dia punya fungsi dia kepada Kolej VOTEK (Vokasional, Teknologi dan Politeknik), yang ini melibatkan 11 buah semua sekali. Ada 16 buah lagi dikekalkan sebagai IPG. Isu yang dibangkitkan adakah IPG Sultan Mizan itu diserahkan ataupun Terengganu membenarkan? Ini tak timbul, benar dan tak membenarkan sebab IPG ini di bawah Kementerian. Institut Perguruan Guru Malaysia, kita hanya boleh berunding dengan Kementerian supaya IPG itu dikekalkan sebagai IPGlah berbanding sebelum ini tetapi keputusannya adalah di pihak Kementerian bukannya di peringkat Negeri. Itu kita kena faham, itu hak Pusat, kita tak boleh mencampuri banyak sangatlah.

Saya ingat itu sahaja dan terima kasih. Saya mohon menyokong. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan wakil serta Pemerhati yang dirahmati sekalian.

Di bawah portfolio saya hanya satu orang sahaja yang bertanya iaitu Wakil Teluk Pasu. Dia ingin tahu adakah kakitangan YPU yang ditempatkan di Kompleks Usahawan Terengganu di Kubang Jela dipindah semula ke YPU Padang Hiliran. Yang sebenarnya, yang berpindah ke YPU Padang Hiliran bukan kakitangan YPU tetapi adalah kakitangan anak syarikat YPU iaitu Syarikat Taib Sdn. Bhd. yang seramai empat orang bermula 1 Julai 2016, empat orang sahaja yang berpindah.

Yang kedua, Yang terhormat Wakil Teluk Pasu juga bangkit Bajet 2016 sebanyak RM4.5 juta untuk membina 70 premis perniagaan di Terengganu. Yang sebenarnya bukan 70 Kerajaan buat tetapi lebih daripada itu. Sebab itulah kalau kita tengok muka surat 70, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah memberitahu kepada kita Kerajaan Negeri pada tahun ini, 2016 telah membina Pasarnita iaitu merupakan Pasarnita yang pertama di Malaysia, takdok negeri lain buat. Maknanya Negeri Terengganu ni sangat sayang kepada usahawan wanita Terengganu. Kaum wanita Terengganu kena beri sokongan kepada Kerajaan Negeri kerana ini merupakan Pasarnita yang pertama di Malaysia, Kerajaan Terengganu Barisan Nasional buat. Hor, bahkan dunia (Sambil gelak)

YANG BERTERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Mohon laluan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dan seterusnya juga saya nak ambil kesempatan di sini, kalau sebelum ini saya jadi Exco Pertanian, dan saya mengambil kesempatan di sini nak ucap tahniah kepada

YANG BERTERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Laluan sekali.

YANG BERTERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): semua Yang Berhormat bila tadi disebut berkaitan dengan gajah, rimau, kucing. Sebenarnya bila disebut benda-benda lagu ni menunjukkan bahawa Y.B.-Y.B. kita ni tinggi dari segi kemanusiaannya. Jadi saya ambil peluang di sini nak ucap terima kasih. Dan yang sebenarnya saya teringat bila sebut gajah, rimau ni kalau zaman saya budak-budak dulu orang tua pesan kalau nak masuk hutan jangan kecek rimau, gajah pasal dia dengar kita walaupun kita duduk di rumah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Pohon laluan Yang Berhormat Kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Nanti nak royat cerita ni biar perhabis dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ni boleh sambung dengan cerita ni, ni.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Boleh gok.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tadi Yang Berhormat sebut tadi, Yang Berhormat-Yang Berhormat ni tinggi sifat kerana mengambil berat hal rakyat, tinggi sifat kemanusiaan. Bila Yang Berhormat mengambil berat kepada binatang, adakah nak sebut Yang Berhormat ni tinggi sifat kebinatangan ke guana? ...(Dewan Gelak)

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dah nak royatnya pemimpin sama ada daripada PAS ke, UMNO ke, sayang kepada kemanusiaan termasuk cara ke kucing, gajah, rimau, hah begitu. Lepas tu, saya teringat pesanan, kalau nak masuk hutan orang tua-tua royat, jangan kecek pasal gajah, rimau pasal dia dengar duduk dalam hutan. Barangkali kalau gajah dengan rimau ni boleh kecek, dia mari ke Dewan ni, dia kata awok-awok dia suka hari ini pasal deme dok tahu gajah dengan rimau dalam hutan ni duk tengah nak baik(Tepukan dan sokongan) Itu sahaja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya mohon menyokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Hulu Besut.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Dato' Yang Dipertua, saya bangun awal tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf. Minta maaf. Teluk Pasu, minta maaf banyak. Dah duduk dah, tutup dah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Teringat Pertandingan Lembu Comel hari tu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila Kemasik.

YANG BERTHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang saya hormati Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil ketua jabatan, wakil-wakil media, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Saya tidak berniat untuk bercakap panjang cuma saya akan gulung seberapa ringkas yang boleh sebabnya sepanjang tempoh Persidangan Dewan ini saya dah cuba menjawab yang terbaiklah. Jadi saya terus kepada Ucapan Penggulangan saya. Di sini saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat yang sekali lagi meneruskan tradisi berjaya membentang Bajet yang mana sedikit kelainan pada kali ini iaitu Bajet yang mengambil pandangan daripada yang saya kira seluruh lapisan masyarakat yang berpaksikan kepada Prinsip Transformasi Terengganu Baharu iaitu 'Inklusif'. Bajet yang akan menelan belanja sebanyak RM1.867 bilion dengan hasil sebanyak RM1.697 bilion. Daripada pengamatan saya yang bersangkutan paut dengan portfolio saya, Portfolio Infrastruktur, Kemudahan Awam daripada muka surat 73 sehingga ke muka surat 82 kalau saya tak salah iaitu yang suka saya ketengahkan di sini, dalam Bajet ini hasrat Kerajaan iaitu menyediakan bekalan air bersih yang mencukupi untuk kegunaan domestik dan juga industri di Kemaman dan juga di Terengganu Utara. Projek-projek Penyuraian Trafik yang mana boleh siap yang akan menyelesaikan masalah trafik sebahagian besarnya di Kuala Terengganu. Projek Pembangunan Prasarana Pelancongan di Pulau Bayas. Dan yang akhir sekalinya yang terlibat di kawasan saya iaitu Pembangunan Bio Polimer Park di Kertih. Dan sesungguhnya, projek ini bila siap nanti pada pandangan saya ialah merupakan sebahagian, semacam satu dengan izin, *a big puzzle*, yang kita susun yang telah memakan masa yang sekian lama yang mana impak dia nanti tidak lain tidak bukan akan memberi faedah, manfaat, kebaikan kepada seluruh rakyat Terengganu.

Seterusnya, saya pergi kepada perkara-perkara yang diketengahkan oleh kawan-kawan Yang Berhormat-Yang Berhormat. Antaranya, ialah daripada Manir berkenaan dengan Masjid Kebur Air. Untuk makluman Yang Berhormat, lawatan telah dibuat oleh pihak JKR dan Pejabat Agama pada hari ini dan bersetuju iaitu

masjid ini akan diserahkan oleh JKR kepada pihak Pejabat Agama iaitu pada esok. Dikenal pasti antara masalahnya seperti berlaku kebocoran, perlu tukar kemas lantai dan juga karpet yang kotor. Sekarang ini sedang diambil perjalanan dan pihak yang mengadakan lawatan hari ini bersetuju untuk penyerahan itu diadakan esok.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar):[Bangun]

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Saya boleh benarkan tapi pendek saja. Dah you berdiri ada apa?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Boleh tanya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, pendek aje.

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Kalau panjang tak boleh, saya kejar masa. Kalau *understanding* tu, okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan terus.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya. Yang Y.B. sebut tadi portfolio Y.B. daripada muka surat ni ke muka surat tu, saya cuma nak ingatkan aje. Portfolio Y.B. itu juga termasuk dalam projek-projek penswastan yang merujuk kepada infrastruktur Negeri Terengganu, begitu. Sebab dalam perbincangan ramai bangkit pasal ECERL nak tahu biar *detail*, LPT dia bayar ke tidak, saya harap benda itu dijawablah dalam penggulungan.

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih. Okey. Saya cuba seberapa daya saya untuk jawab sepenuhnya tapi saya rasa sepanjang jawapan yang saya beri, saya dah *cover* semua. Saya berpuas hati dengan jawapan saya.

Seterusnya, perkara yang diutarakan oleh Tepoh berkenaan tahap kemajuan kerja bagi Pembangunan projek Bebas Cukai Di Pulau Bayas. Jadi untuk makluman, kemajuan fizikal sekarang ialah sebanyak 76.33% dan kemajuan *financial* adalah sebanyak 69%. Projek ini dijangka siap pada Jun 2017 dan kita akan mula beroperasi, insyaAllah, dengan izin pada awal tahun 2018.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Pohon laluan. Nak tanya sikit 69% tu

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh, nanti dulu Tepoh, Kemasik dia tak cakap benar tak benar lagi. Nantilah dulu.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Kemasik buat gini tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya akan panggil Tepoh baru boleh bercakap.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih. Jangan panas sangat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau Tepoh

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Faham, faham.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Lama dah jadi Y.B. dalam Dewan ni, ikutlah peraturan, mudah aje.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya memahami isyarat dia membenarkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tapi isyarat lain, peraturan lain. ...(Dewan Gelak) Terima kasih Tepoh. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya tengok Speaker dah nak masuk pukul 5.00 ni gelabah sokmo, ke nak balik rumah baru?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh, tarik balik.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya tarik balik. ...(Dewan Gelak) 69% tu berapa dalam RM?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, sila Kemasik.

YANG BERTHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): 69% tu adalah berjumlah sebanyak lebih kurang RM150 juta. Seterusnya, Alur Limbat tadi bertanyakan tentang Muara Sungai Mercang yang mana Bajet yang diperuntukkan sebanyak RM47 juta menggunakan peruntukan Federal. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Wakil Alur Limbat, dia punya tahap sekarang adalah dalam proses reka bentuk oleh pihak JPS dan insyaAllah akan ditender pada tahun depan dan satu lagi berkenaan dengan projek JPS oleh Wakil Bukit Payong.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):[Bangun]....

YANG BERTHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Sekejap, saya selesaikan yang JPS Bukit Payong tadi tu yang bertanyakan Projek

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manir duduk dulu.

YANG BERTHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): ... yang telah dirancang pada RMK-10 tapi sehingga sekarang belum selesai. Dia pun takdok ni tapi tak apalah untuk makluman Dewan projek ini melibatkan pengambilan balik lot tanah sebanyak 89. Ini merupakan projek Kerajaan Negeri iaitu Sistem Saliran Alur Padang Lebat, Marang. Diperuntukkan sejumlah wang untuk tahun 2017, insyaAllah kalau ada ruang proses pengambilan balik tanah ini akan berjalan dan setelah selesai kita boleh laksanakan projek itu. Terima kasih. Silakan

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Manir.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Terima kasih Y.B. Kemasik. Tadi ada saya bangkit tentang Pasar Borong Gong Pauh. Jertih jawab Kemasik akan jawab, ke siapa yang akan jawab? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Pasar Borong Gong Pauh itu adalah di bawah PBT. Jadi saya rasa PBT yang akan jawab.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Saya rasa itu sahajalah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua soalan-soalan yang sempat saya sediakan jawapan untuk proses penggulungan pada kali ini. Jadi saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan saya mohon menyokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Kemasik. Y.B. Telemong panjang ke sebab kita ada 10 minit saja lagi. Kalau tidak kita sambung esok. Y.B. Telemong tak ada. Okey, Y.B. Permaisuri sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Kalau nak sambung esok pun tak apa, kalau nak berhenti dah. Kalau tidak pun saya boleh cakap sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan. Saya ada soalan kepada Telemong mengenai bola sepak tu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita nak dengar jugak suara Telemong ni. Lama, rindu nak dengar 'Bahasa Telemong'.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila Telemong.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bola ni pertukaran Presiden baru jadi saya belum terima apa-apa arahan lagi untuk menjalankan tugas. Presiden jawablah kekgi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Telemong. Sila Permaisuri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Okey, terima kasih Dato' Yang Dipertua. Yang pertamanya, bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Air Putih yang sedih kerana rumah yang hak dia mintak tu ditolak oleh SPNB. Suka saya maklumkan bahawa SPNB ni dia tak berapa minat tanah Kerajaan, dia hanya minat tanah *private* aje.

Yang kedua, perkara yang dibangkitkan oleh Tepoh mengenai PR1MA juga iaitu Sani Group yang nak buat rumah di Terengganu ni daripada China, betul ke tidak? Suka saya maklumkan bahawa ianya adalah betul, dia ada menghantar proposal tetapi dia akan berkongsi dengan syarikat di Negeri Terengganu iaitu juga merupakan tanah individu.

Seterusnya, perkara yang dibangkitkan oleh Sura iaitu nak mengetahui 14,275 unit rumah yang telah siap itu telah dibina, dekat mana dan siapa yang buat? Sekejap ya, saya nak maklumkan jawapannya. Berdasarkan Ucapan Bajet 2017 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 21hb baru-baru ini, sukacita saya maklumkan bahawa rumah yang telah siap iaitu Rumah Mampu Milik ataupun Rumah Pangsa Mampu Milik yang dibuat oleh Kerajaan Negeri bersama anak syarikat sebanyak 27 projek yang jumlahnya 7,725 telah siap dibina dan telah diberi tawaran. Yang kedua

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Laluan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Mana boleh bangun, takdok kena mengena tu, Sura saja boleh bangun.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tak, yang PR1MA tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Tak boleh, Sura aje boleh bangun. Yang kedua

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Isu PR1MA.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Tepoh, duduk Tepoh. Tak benar tu kena duduklah. Terima kasih Tepoh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Rumah Mampu Milik, Rumah Pangsa Mampu Milik melalui usahasama antara Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu dengan pemaju swasta yang ini ada 14 projek yang berjumlah 4,260, yang ni siap belaka dah. Rumah Kos Rendah Di Bawah Kerajaan Persekutuan ada satu projek sahaja di Padang Hiliran, 1,002 unit siap tahun 2013 dana telahpun 100% diduduki. Dan Projek Perumahan Rakyat Termiskin di bawah Kerajaan Negeri dan Persekutuan sebanyak 8 dan jumlah unitnya ialah 1,728 unit. Dan perkara-perkara yang nak diketahui telahpun dimaklum dan kepada sentuhan Bandar

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar):[Bangun]....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Tak apa, *doksoh* tanya lagi, baru nak sebut Bandar. Bandar kata Konsep Penswastaaan Rumah PR1MA ni pentingkan harga. Jadi sukacita saya nak jawabnya begini, saya bersetuju dengan pandangan Bandar dan nak jawabnya ialah di Terengganu sebanyak 6 projek telah diluluskan oleh Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia ataupun PR1MA di Negeri Terengganu untuk membangun Perumahan PR1MA yang melibatkan 3,098 unit.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Nanti dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar duduk dulu, Bandar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Duduk dulu, nak jawab ni. Daripada 6 projek PR1MA yang telah diluluskan ini, satu projek di peringkat kebenaran merancang. Manakala lima projek lagi dalam proses mengemukakan kebenaran merancang dan selain daripada itu ada dua lagi lokasi tapak cadangan bangunan pembangunan yang hendak PR1MA buat dalam perundingan di antara agensi Kerajaan Negeri dan Perbadanan PR1MA.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Sebenarnya saya nak khabor benda hak terlupa royat dalam Belanjawan sebab semua rumah ni yang dibina ada 7,000 dengan 1,025 unit ni hak dianggap rumah yang masuk dalam lingkungan Kenaan Duti Stem. Ataupun bayaran Duti Stem Surat Cara Pembelian Rumah sebab masa bentang Belanjawan tu Yang Amat Berhormat Menteri Besar tak sebut yang kategori rumah yang kita kecualikan pembayaran Duti Stem Surat Cara Pembelian Rumah. Kalau kita tak sebut maknanya seolah-olah kesemua rumah ni dalam tahap harga rumah tu semuanya termasuk pembayaran Duti Stem tu tidak dikecualikan, ke guana Exco? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar. Permaisuri, saya rasa masa hampir pukul 5.00 dah, saya rasa jawapannya kita sambung besoklah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Tak payah sambung besok.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sempat ke?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Saya pun habis setakat tu, habislah. Jadi dengan ini saya mohon menyokong.(Dewan Gelak)

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak Permaisuri. Jadi saya terpaksa mematuhi Fasal 7(1)(a) jelas. Saya kena ikut peraturan sebab jam menghampiri pukul 5.00 petang kalau tak sampai malam tak habis ni. Kita kena bijak laksana dalam menguruskan masa dan sebagainya kita sendiri.

Okey, terima kasih banyak. Oleh kerana masa sudah hampir pukul 5.00 petang, jadi saya ingin menangguhkan mesyuarat kita dan kita sambung semula pada esok hari 24hb, insyaAllah pada pukul 9.30 pagi.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Yang Berhormat-Yang Berhormat, maka saya tangguh mesyuarat kita pada hari ini dengan membaca Surah Al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.00 PETANG.

PERSIDANGAN

PADA HARI KHAMIS, 24 NOVEMBER 2016

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Mohd Zubir bin Embong, DPMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.,AMN.
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Ir. Rosli bin Othman, AMN.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawli bin Mohamad, SMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Ghazali bin Taib, AMZ.
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar, AMT.
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Mohd Mahdi bin Musa, AMT.
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Haji Mohd Iskandar bin Jaafar, PJK.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJK.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.
WAKIL BATU BUROK

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Wan Nawawi bin Haji Wan Ismail, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.

YANG BERTHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

YANG BERTHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji A. Rahim bin Jusoh, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Zulkifli bin Ali, SMT.,AMN.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil Alamin. Wassalatu wassalamu'ala Sayyidina Muhammadin wa'ala alihi wasahbihi ajmain. Rabisyrahli sadri wayasirli amri wahlul ukhdatan minlisani yafkahu kauli. Innahu min Sulaiman wa innahu Bismillahir Rahmanir Rahim. Ala ta'lu ala yatul muslimin.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan yang saya hormati sekalian.

Mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan mesyuarat pada pagi yang mulia ini, marilah sama-sama kita membaca Ummul Kitab Al-Fatihah.[Al-Fatihah].... Amin, amin, amin. Ya Rabbal Alamin.

Alhamdulillah, hari ini insyaAllah akan merupakan hari yang terakhir untuk kita bermulakiah, murokiah di dalam Dewan yang mulia ini untuk sesi Sidang Dewan kali ini. InsyaAllah, kita akan memulakan dengan Soalan-soalan Lisan selepas ucapan saya. Dan seterusnya lain-lain Tertib Pekerjaan Dewan sehingga selesai.

Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana sepanjang tiga hari kita bersidang, kita bermesyuarat, saya dapati kesemua Ahli Yang Berhormat menunjukkan kasih saya, ukhwah Islamiah yang hebat sebagai umat Islam yang berkualiti tinggi. Syukur alhamdulillah. Semua Ahli Yang Berhormat bukan sahaja mematuhi Peraturan Dewan, malah telah menunjukkan adab tatatusila yang tinggi dalam menunaikan amanah sebagai Ahli Yang Berhormat wajarlah kita kekalkan kerana kita semua mengejar ummatan wasata, kuntum khairah ummah, ummatan wahidah. Saya mendoakan perkara dan amalan yang baik, yang molek ini kita teruskan selama-lamanya, insyaAllah. Marilah kita semua berniat baik, berfikir yang baik-baik, bercakap yang baik-baik, berbuat yang baik-baik agar kita semua menjadi orang yang baik-baik. Biarlah perbuatan yang baik kita tiada yang kenang tapi pasti Allah yang akan menilainya. Jazakallahu khairan kathira.

Seperti biasa Soalan-soalan Lisan saya akan memperuntukkan selama satu jam dan kebiasaannya kita benarkan maksimum tiga soalan tambahan bagi setiap

Soalan Lisan yang dikemukakan. Saya akan mendahulukan kepada Yang Berhormat yang bertanya dan saya akan beri ruang juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sekiranya ada dalam ruang lingkup tiga soalan tambahan. Kita akan rehat setengah jam dan selepas itu kita akan sambung balik dengan Penggulangan Bajet oleh pihak Kerajaan. InsyaAllah, selepas itu kita akan teruskan dengan Tertib-tertib Pekerjaan lain sehingga selesai urusan Dewan pada hari ini.

Marilah sekali lagi saya mengajak semua Ahli Yang Berhormat untuk melaksanakan amanah kita sebagai Ahli Yang Berhormat dengan peraturan dan ingatan daripada Maha Pencipta, Allah Subhanahu Wata'ala. Marilah kita sama-sama melakukan tafakurfiddin dengan merujuk peringatan Allah di dalam Al-Quranul Karim.

Hari ini seperti biasa kita dikunjungi oleh para Pemerhati dari beberapa golongan, kelompok, kita ada hari ini:

- Sekolah Menengah Agama Durian Guling (Tingkatan 6)
- KEMAS
- Biro Tatanegara
- DUN Kawasan Bandar
- Terengganu Strategic Integrity Institute
- SERIKANDI

[Catatan: Pendaftaran Pemerhati setakat pukul 9.30 pagi]

Dikhabarkan akan hadir seramai 200 pada hari ini, tapi sehingga kini hanya 100 sahaja. Tidak kira siapa mereka tapi marilah sama-sama sebagai Ahli Yang Berhormat menunjukkan kesantunan, keberadapan kita sebagai Yang Berhormat dengan menutur, mengatakan yang molek-molek, yang baik-baik.

Sekali lagi saya ingatkan, Dewan tidak membenarkan rakaman tidak rasmi dilakukan kerana kita ada rakaman secara *live* oleh UKOM. Sekali saya mengingati agar mematuhi akan peraturan berpakaian dan telefon seperti biasa diletakkan dalam *mode* senyap agar Dewan tidak diganggu sentiasa.

Akhir kata 'Selamat Bersidang' mudah-mudahan urusan kita pada hari ini dapat diselesaikan dengan aman, tenang, lebih cemerlang dan mendapat keredhaan Allah

Subhanahu Wata'ala. InsyaAllah. Aqulu qauli haza wa astaghfirullah li walakum. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

SOALAN-SOALAN LISAN

Mesyuarat hari ini diteruskan dengan Soalan-soalan Lisan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan pada hari ini, 24 November 2016 adalah seperti berikut:

1. Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
(Wakil Air Putih)
2. Yang Berhormat Haji Mohd Mahdi bin Musa
(Wakil Kota Putera)
3. Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut
(Wakil Wakaf Mempelam)
4. Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman
(Wakil Batu Rakit)
5. Yang Berhormat Azan bin Ismail
(Wakil Bandar)
6. Yang Berhormat Haji Mohd Iskandar bin Jaafar
(Wakil Jabi)
7. Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman
(Wakil Kuala Besut)
8. Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar
(Wakil Ladang)
9. Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
(Wakil Alur Limbat)
10. Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
(Wakil Teluk Pasu)
11. Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
(Wakil Tepoh)

12. Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
(Wakil Sura)
13. Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
(Wakil Rantau Abang)
14. Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
(Wakil Batu Burok)

Sekarang saya mempersilakan Y.B. Bandar untuk mengemukakan soalan. Sila.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan saya No.1 -

Bagaimanakah perancangan meningkatkan hasil kepada negeri melalui sektor pelancongan dirangka dan apakah matlamatnya?

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Salam 1TTB. Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil jabatan, para Pemerhati, rakan-rakan media, tuan-tuan dan puan-puan serta saudara-saudara dan saudari-saudari yang dihormati serta dirahmati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bandar ialah berkait dengan bagaimanakah perancangan meningkatkan hasil kepada negeri melalui sektor pelancongan dirangka dan apakah matlamatnya?

Jadi untuk menjawab soalan ini Wakil Bandar, sebenarnya bidang pelancongan ini, negeri tidak mengambil atau mengenakan sebarang bentuk cukai kepada sektor pelancongan. Namun Kerajaan melihat sektor pelancongan sebagai sangat penting kerana sektor ini dapat memacu pertumbuhan ekonomi negeri kerana kita sedia maklum bahawa pelancongan ini adalah berbentuk *multiplier effect* dengan izin, kepada ekonomi persekitaran melalui peningkatan jualan produk-produk yang

berkait dengan pelancongan seperti kraf, makanan dan sebagainya. Dan yang paling penting ialah sektor pelancongan ini mampu membuka lebih banyak peluang-peluang pekerjaan. Ini secara tidak langsung akan dapat merancakkan ekonomi rakyat dan seterusnya meningkatkan KDNK Negeri. Justeru, matlamatnya adalah untuk meningkatkan perbelanjaan dan kemasukan pelancong ke Negeri Terengganu. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sila Bandar untuk soalan tambahan yang pertama.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Pelancongan adalah rata-rata berkait dengan pelancong yang datang. Dan setakat ini mengikut Kementerian Pelancongan masalah utama adalah pengunjung yang datang tu hanya tinggal di sesuatu tempat itu *ratio* dia adalah 1.5 sehingga 2.7 hari per pelancong. Masalah besar ialah pelancong yang datang tidak lama maka dari segi penjanaan pendapatan kerana membayar tempat tinggal tu agak rendah. Dan perkara yang kedua di Negeri Terengganu adalah produk yang Yang Amat Berhormat sebut tadi yang dikatakan kraf dan makanan. Sekarang ini kalau di Terengganu dia tertumpu kepada keropok lekor, nasi dagang dan ada dua-tiga item lagi. Kraf kita ada masalah kerana Industri Kraf Tradisi Terengganu hampir tidak ada ataupun tidak ada pentunjuk untuk kita jual atau kita *marketkan* kepada pelancong luar. Dan perkara ketiga adalah pelancong yang datang itu adalah pelancong domestik, kita kekurangan pelancong daripada

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh kemukakan soalan?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Soalan saya, bagaimanakah strategi di bawah 'Beautiful Terengganu' ni untuk mengatasi kedua-dua masalah ini secara segera kerana setahun kita beri tumpuan kepada 'Visit Beautiful Terengganu'? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat Bandar dengan merasakan keraguan dan kekhuatiran beliau tentang industri pelancongan. Jadi kita sedia maklum bahawa Negeri Terengganu kita ini

mempunyai potensi yang tinggi kepada pelancongan tetapi memandangkan Negeri Terengganu kita ini ada beberapa isu atau permasalahan dari segi keadaan cuaca yang macam sekarang ini yang sedikit sebanyak akan mengganggu dari segi kehadiran dan juga kedatangan pelancong. Perkara ini sedang kita teliti dan kita cuba atasi dan salah satunya contohnya macam pulau terutama Pulau Redang yang sekarang ni dah tutup dan mengakibatkan empat bulan. Sekarang ini kita sudah membuat permohonan rasmi kepada Kerajaan Pusat melalui ECER-DC untuk kita *upgrade* dengan izin, Lapangan Terbang Pulau Redang, terutama untuk kita panjangkan lagi landasan atau *runaway* untuk memasikakan kapal terbang yang lebih besar dapat mendarat. Jadi alhamdulillah, permohonan kita setakat ini telah diberi pertimbangan dan satu kumpulan teknikal telah datang melihat dan sedang membuat satu perancangan bagaimana untuk membesarkan dan juga memanjangkan lagi landasan kapal terbang di Pulau Redang yang sedikit sebanyak apabila selesai isu ini mungkin selepas pada ini kita akan dapat bukalah Pulau Redang kita sepanjang tahun walaupun dengan keadaan adanya monsun.

Dan yang kedua, kemungkinan bila kita dapat adakan landasan ini maka kita boleh menyediakan *shuttle* dengan izin, untuk dapat pergi daripada Pulau Redang ke Pulau Perhentian, Pulau Lang Tengah dan juga Pulau Bidong, pulau-pulau yang berhampiran dengan Pulau Redang itu sendiri kerana kekuatan pelancongan Negeri Terengganu ini berasas kepada pulau.

Jadi kerana itu sebenarnya kalau kita melihat Negeri Terengganu ini di mana perancangan Kerajaan Negeri adalah berlandaskan kepada tiga yang kita fokuskan. Yang pertama, ialah meningkatkan kedatangan pelancong. Jadi sebelum ini kita gunakan 'Pesona Terengganu' tapi ada soalan yang diajukan sebelum ini dalam perbincangan: "Mengapa dulu kita gunakan 'Pesona', kenapa sekarang kita gunakan 'Beautiful Terengganu'?" Kerana memang asalnya kita gunakan 'Pesona' tetapi apabila Indonesia menggunakan jenama yang sama juga 'Pesona Indonesia', jadi kerana itu kita mengambil keputusan nanti apabila kita gunakan nanti, ada pulak yang kata Terengganu meniru dan sebagainya. Kerana itu kita telah mengubah, mengembalikan semula daripada yang asal kerana dengan izin, 'Beautiful Terengganu' ini memang kita dah guna sebelum ini. Dan kenapa kita tidak menggunakan 'Tahun Melawat Terengganu'? Kenapa kita guna 'Visit Beautiful Terengganu'? Ini adalah kerana kita nak menyatakan bahawa 'Melawat Terengganu' ni bukan hanya tahun 2017, di mana yang kita nak memperkenalkan 2017 ini ialah tempat-tempat yang menarik yang boleh menjadi tumpuan dan

akhirnya setiap tahun akan menjadi satu pemangkin untuk mewujudkan dari segi 'Melawat Terengganu' tiap-tiap tahun bukan hanya tahun 2018, 2017 ini ialah aspek kita untuk memperkenalkan dan juga memperkasakan tempat-tempat yang menarik di Negeri Terengganu yang boleh menjadi satu katalis untuk memberikan satu pertambahan kedatangan pelancong ke Terengganu. Maka selepas daripada itu maka 'Visit Terengganu' dengan izin, akan berlaku setiap tahun dan berpanjangan. Kita dah sebut bahawa bidang pelancongan ini akan dijadikan sebagai satu bidang yang kita nak rancang untuk mengganti hasil yang kita utamakan sebelum ini iaitu petroleum. Jadi dengan tidak secara langsung kita sudah ada satu alternatif sekiranya ada apa-apa berlaku kepada petroleum bahawa kita sudah ada satu bidang baru yang boleh kita ketengahkan.

Jadi ada tiga aspek yang sebutkan tadi, tiga fokus utama. Pertama, meningkatkan kedatangan pelancong. Kedua, sepertimana yang disebut oleh Wakil Bandar, meningkatkan tempoh pelancong bermalam. Dan yang ketiga, meningkatkan perbelanjaan pelancong. Jadi kerana itulah maka kita dapati bahawa melalui Program Transformasi Ekonomi Negeri Terengganu, Industri Pelancongan kita dapat melihat bakal memberi satu sumbangan sebanyak tidak kurang daripada RM1.25 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan akan menyediakan tidak kurang peluang pekerjaan 7,075 di bawah sektor Perkhidmatan menjelang tahun 2020. Jadi kerana itulah maka dalam MEN-T, ada ditanya nanti selepas ini Exco akan menjawab tentang apa itu MEN-T, apa U-TENT dan siapa yang terlibat dan dalam Majlis Ekonomi Negeri Terengganu ini.

Kita dalam Industri Pelancongan ini disokong dengan tiga, dengan izin, Entry Point Projek (EPP) dengan lapan projek utama. Yang pertama, ialah Pelancong Bandar (Urban Tourism) dengan izin, iaitu Pembangunan Kuala Terengganu City Centre (KTCC). Kedua, Pulau Warisan dan Anjung Payang. Ketiga, Pembangunan Hotel di Kuala Terengganu, Primula Beach Hotel, Movenpick Resort Dan Spa. Keempat, Science-O-Rama atau Taman Tema Edu Tourism.

Dan dalam Entry Point Projek yang kedua ialah Pelancongan Pulau dan Eko Pelancongan. Pertama, Tasik Kenyir sebagai tarikan eko dan yang kedua ialah Setiu Wetland sebagai destinasi Eko Pelancongan Perdana dan yang ketiga ialah pulau-pulau Terengganu sebagai Pulau Mampan.

Ketiga, ialah acara Kebudayaan Dan Warisan iaitu Jejak-jejak Pelancong ataupun dengan izin, Tourism Trail. Hasil pendapatan daripada sektor pelancongan sebenarnya adalah diukur daripada perbelanjaan oleh pelancong atas pengangkutan, penginapan, makan-minum, perkhidmatan, membeli-belah, pembelian cenderahati dan hiburan. Jadi penyediaan perkhidmatan ini akan diambil peluang oleh usahawan-usahawan yang terdiri daripada rakyat. Jadi di sinilah yang kita akan dapat sebagai kesan gandaan atau dengan izin, *multiplier effect* kepada industri-industri penyumbang kepada keperluan pelancong yang secara langsung akan dinikmati oleh rakyat.

Jadi inilah sebenarnya aspek pelancongan yang sedang kita giatkan kerana kita memang sedia maklum bahawa pelancongan ini akan memberikan satu pendapatan secara langsung kepada rakyat. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sila soalan tambahan kedua daripada Bandar. Silakan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Antara komponen yang mustahak juga dalam meraih pendapatan daripada sumber pelancongan adalah yang disebut tadi pelancongan daripada pelancong luar tidak hanya terhad kepada pelancong domestik. Saya bersetuju banyak langkah yang dibuat untuk tujuan ini. Bagi 'Tahun Melawat Terengganu', kita ada merancang perkara ini cuma saya nak tanya adakah benda ni disengajakan ataupun terlupa satu komponen penting untuk *foreign tourist* seperti pakej yang telah ditawarkan di peringkat nasional iaitu 'Malaysia My Second Home'. Terengganu tidak ada sebutan 'Terengganu My Second Home' yang menjadi komponen penting untuk ditawarkan kepada pelancong-pelancong asing yang akan datang menjadi berfungsi sebagai duta untuk menarik pelancong memperkenalkan negeri kita di masyarakat antarabangsa, tidak ada. Negeri Melaka ada memperkenalkan, Pulau Pinang ada dan di Selangor ada menawarkan produk ini. Kita beri mereka beberapa kemudahan dan terbukti berjaya tapi Terengganu saya tak dengar perkara ini, adakah ini disengajakan ataupun memang kita tidak merancang atau merasakan perkara ini tidak perlu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Wakil Bandar. Negeri-negeri yang Wakil Bandar sebut itu adalah negeri-negeri yang sudah lama, sudah *established* dengan izin. Negeri Terengganu kita ni, kita baru mulakan dan yang utama sekarang ini ialah kita perlukan ramai pelancong untuk berkunjung dahulu. Jadi untuk yang 'Second Home' dengan izin, adalah merupakan untuk dari segi proses yang jangka masa panjang. Jadi apabila mereka datang ke Terengganu, melihat Terengganu, mengenali Terengganu maka di situlah baru timbulnya dari segi untuk 'Second Home' dengan izin, untuk menjadi satu tarikan kepada mereka. Kita sudah bersedia sebenarnya di South dan North Breakwater dengan izin, akan membangun banyak projek-projek perumahan dan sebagainya yang sudah pasti akan memberi peluang kepada mereka untuk menjadikan Terengganu sebagai 'Second Home' dengan izin. Tetapi dalam soal sekarang ini ialah kepentingan yang perlu kita utamakan sekarang iaitu bagaimana kita nak memperkenalkan Terengganu, memberikan satu tarikan kepada pengunjung-pengunjung untuk datang ke Terengganu. Walaupun mereka menjadikan Pulau Pinang, menjadi Melaka sebagai 'Second Home' tetapi apa salahnya daripada di Melaka sebagai 'Second Home', mereka boleh berkunjung ke Terengganu kerana dengan adanya akses yang begitu baik sekarang ini maka di sini yang sangat penting. Yang penting sekarang ini ialah kita nak memastikan bahawa perjalanan daripada negeri-negeri lain kerana di samping kita nak memberikan keyakinan kepada *foreigner tourist* dengan izin, untuk mereka berkunjung ke Terengganu di samping itu kita juga memberi penekanan kepada pelancong domestik. Maknanya pertama sekali kita perlu melihat dengan keadaan ekonomi yang sekarang ini yang sangat tidak memberikan satu kekuatan kepada dunia hari ini maka kita tidak boleh mengharapkan sangat pelancong-pelancong daripada luar sebenarnya kekuatan yang ada ialah pelancong-pelancong dari dalam negara, yang ini kita beri penekanan.

Dan selain daripada itu, kita memberi tumpuan kepada pelancong-pelancong dari Singapura terutama pelancong-pelancong Islam kerana itu di Terengganu sekarang ini dah ada satu Konsep Pelancongan Korban Tourism iaitu kita telah mempromosikan atau kempen untuk supaya orang-orang Islam di Singapura datang ke Terengganu untuk menjalani Ibadah Korban. Dan alhamdulillah, tahun ini saja kita dapat lebih daripada 200 orang apabila kita buat promosi kali yang pertama baru-baru ini di Singapura. Dan insyaAllah, untuk tahun hadapan sudah ada tempahan. Jadi di sinilah yang memberikan kekuatan kepada kita untuk kita memperkasakan pelancongan. Dan apabila sudah mengenali, mereka sudah selesa

dengan Negeri Terengganu, saya rasa tidak masalah untuk kita meneruskan sepertimana yang saya sebut sebelum ini. Saya kata kerana tahun depan adalah 'Visit Beautiful Terengganu' dengan izin, adalah untuk kita nak memperkenalkan, mempopularkan kawasan-kawasan yang menarik di Terengganu. Selepas daripada itu, dalam jangka masa panjang maka pelancong-pelancong ini akan mula mari ke Terengganu dan insyaAllah, saya yakin dan percaya dengan hasrat oleh Wakil Bandar tadi untuk menjadikan Negeri Terengganu sebagai 'Second Home' dengan izin, tidak akan menjadi masalah. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sila Wakaf Mempelam. Sila, pendek aje, ya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Kita dimaklumkan memang Terengganu ni nak mempromosikan pelancongan dan kita dapati juga bahawa dari segi kedatangan pelancong tu ada peningkatan tetapi kesan buruk dari sektor pelancongan kepada negeri inipun ada. Saya tak tahu sejauh mana pihak Kerajaan mengambil tindakan. Saya beri contohlah, kalau pelancong luar dari Singapore ke, pelancong dari mana ke mari dia punya tumpuan di pulau, di Pulau Redang, di Pulau Perhentian, Pulau Kapas. Pernah dulu mari dengan kapal, dia duduk dalam kapal tunggu di laut nun, tak masuk ke bandar, tak masuk ke muara sungai, dia angkut dengan bot-bot kecil ke pulau-pulau lepas tu dia pergi ke destinasi lain. Tetapi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, walaupun dia mari sekejap, dia tumpu di tempat-tempat tertentu di pulau tetapi kesannya besar. Saya tak tahu sejauh mana Kerajaan buat kajian tentang kerosakan di pulau-pulau, dari segi batu karang (*corals*) sekarang ini banyak dah mati dan ianya juga memberi kesan kepada kehidupan-kehidupan laut yang lain di pulau-pulau tersebut. Jadi adakah kita memikirkan supaya menghadkan kerana pulau ini dia kena ada *carrying capacity* dengan izin, had daya ketampungan kerana kalau ramai sangat orang mari dia guna air untuk mandi kerana air tawar tu memberi kesan apabila dia ke laut di mana akan merosakkan *corals* dan sebagainya. Apa usaha kita untuk nak kawal supaya ada keseimbangan antara hasil daripada pelancongan orang mari dengan nak jaga alam semulajadi supaya pulau-pulau dan juga kehidupan laut di pulau-pulau ini tidak mengalami kerosakan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Terima kasih kepada Wakil Wakaf Mempelam. Memang tidak dinafikanlah adalah sedikit sebanyak kesan daripada apabila kedatangan pelancong ini terutama di pulau kita. Tetapi ini tidak menjadi satu perkara yang utama yang menyebabkan kerosakan kepada *corals* atau batu karang kita. Kerana kita dapati bahawa kesan ada sedikit kerosakan yang berlaku itu asasnya kerana berlakunya pemanasan global ataupun kerana berlakunya perubahan iklim menyebabkan air laut menjadi panas yang ini menyebabkan banyak *corals* didapati mati. Jadi bukanlah asasnya adalah daripada itu, tidak banyak sangat kesan daripada kehadiran pelancong-pelancong kerana kita memang menyediakan peraturan dan syarat dan juga kita buat pengawalan. Di samping itu, kita ada juga Taman Laut untuk kita nak *protect* dengan izin, tentang *corals* dan juga hidupan-hidupan laut ini. Dan di samping itu juga, di kawasan Pulau Bidong kita ada ladang untuk kita ternak *coral* yang ini ada dilaksanakan oleh penduduk tempatan di situ, ini juga kita laksanakan. Dan juga dalam proses untuk menjaga batu karang ini dan juga kehidupan laut ini dilaksanakan melalui Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Dan kita juga memang memandang serius tentang perkara ini dan kita memantau. Dan kerana itulah maka kita mewujudkan alternatif untuk pelancong-pelancong ini pergi ke tempat-tempat yang lain sebab itu kita sedang menambahbaik di Negeri Terengganu kita termasuk di daerah-daerah supaya pelancong-pelancong ini akan bukan hanya tertumpu ke pulau sahaja. Oleh itu kita sedang merancang supaya satu lagi destinasi baru ialah di Tasik Kenyir kita sendiri. Maka alhamdulillah, kita nampak bahawa sedang berlaku pertambahan kedatangan pelancong-pelancong kita di Tasik Kenyir dan kita sedang mempersiapkan lagi kerana kita sedia maklum bahawa pelaburan untuk menjadikan tempat ini sebagai satu galakan kepada pelancongan bukan satu pelaburan yang kecil, ia satu pelaburan yang besar tetapi mereka ini akan dapat memberikan kesan dalam jangka masa yang panjang. Jadi kerana itulah mereka sekarang ini sedang mempergiatkan untuk menyediakan alternatif tempat-tempat yang lain. Dan kita juga sedang mempersiapkan pulau-pulau lain, pulau-pulau yang belum dipromosikan kita juga sedang ambil tindakan tentang perkara-perkara termasuk Setiu Wetland kita, Setiu Wetland kita juga boleh dijadikan sebagai Eco

Tourism sebab itu dalam aspek yang saya sebut tadi, antara tiga perkara yang saya sebut tadi termasuk juga ialah Setiu Wetland sebagai destinasi Eko Pelancongan Perdana. Ini juga sedang kita pergiatkan. Sebab itu pelancong-pelancong ini kita tidak hanya mahu tertumpu kepada pulau, sebelum ini maklumlah oleh kerana banyak sangat promosi kepada pulau jadi kerana itulah kita dapati bahawa pelancong-pelancong kita tidak tahu tempat-tempat yang lain, termasuk Santuari Kelah kita kerana Santuari Kelah ini adalah satu lagi tempat yang amat menarik untuk pelancong sebenarnya. Jadi perkara-perkara ini akan kita laksanakan dan insyaAllah, kita berharap bahawa hasrat kita menjelang 2017, kita akan dapat mencapai sasaran kita untuk menerima tidak kurang daripada 5.5 juta pelancong. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Terima kasih Bandar. Terima kasih Wakaf Mempelam yang mengemukakan soalan. Seterusnya, saya menjemput Wakil Jabi untuk mengemukakan soalan. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi. Terima kasih Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Sidang Dewan. Soalan saya No.1(a) dan (b)-

- No.1 a) *Berapakah jumlah Rumah Mampu Milik yang telah dibina oleh pihak Kerajaan sejak tahun 2013?*
- b) *Berapakah pula permohonan Rumah Mampu Milik yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan dan berapakah jumlah daripada kelulusan tersebut yang telah berjaya memiliki rumah?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Permaisuri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh Dato' Yang Dipertua. Terima kasih kepada Wakil Jabi yang menanyakan soalan. Dan sebahagian soalan yang ditanya ini telah juga ditanya oleh Air Putih dan Sura tapi ditambah lagi soalan dia (a). Bagi

soalan (a) tu: Berapakah jumlah Rumah Mampu Milik yang telah dibina oleh pihak Kerajaan sejak tahun 2013?

Suka saya maklumkan bahawa sejak tahun 2013, Kerajaan telah membina 72 unit Rumah Pangsa Mampu Milik iaitu di Kampung Tok Sabah, Kuala Besut dan telah siap. Manakala telah meluluskan pembinaan 220 unit Rumah Mampu Milik di Seri Bandi, Kijal, Kemaman yang mula memasuki tapak pada bulan November tahun ini.

Manakala soalan kedua, (b), Wakil Jabi meminta untuk tahu permohonan Rumah Mampu Milik yang telah diluluskan oleh Kerajaan dan berapakah pulak jumlah daripada rumah tersebut yang telahpun siap ataupun boleh dimiliki? Suka saya maklumkan bahawa sebanyak 7,742 rumah telahpun siap. Manakala 7,583 unit telah ditawarkan dan baki yang belum dimasuki sebanyak 159 unit. Jadi dari segi prestasinya dah baguslah iaitu dah mencecah hampir 98%. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Permaisuri. Sila soalan tambahan pertama, Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih. Dalam soal permohonan Rumah Mampu Milik ini, kita ucap terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana dah buka semula permohonan. Walau bagaimanapun, saya difahamkan permohonan yang sudah dikemukakan kepada pihak Kerajaan sebelum kita menutup permohonan dalam dua tahun kebelakangan dahulu pun masih lagi belum dapat kita beri tawaran kepada mereka yang layak. Jadi apabila permohonan ini dibuka semula ia dapat dijangkakan akan banyak lagi permohonan akan masuk. Jadi proses akan terpaksa dilalui oleh setiap pemohon itu agak panjang, isi borang, kemudian dipanggil temu duga, kemudian dibuat lawatan untuk dinilai, kemudian baru ditawarkan jika layak. Jadi dalam hal ini adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah atau mencari pendekatan baru supaya permohonan ini dapat diproses dengan cepat dan tidak berlaku penangguhan kerana difahamkan ada yang sampai 7 – 8 tahun mengemukakan permohonan tetapi belum lagi dipanggil interview/temu duga, apatah lagi dipanggil untuk ditawarkan rumah dan sebagainya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Okey, terima kasih kepada Wakil Jabi. Setakat ni permohonan sebanyak 84,038 permohonan telahpun kita terima dan pembukaan permohonan baru telahpun kita

buat. Dan seperti yang telah saya maklum dalam jawapan dua-tiga hari yang lepas bahawa Kerajaan telah memutuskan supaya permohonan ini dipermudahkan, itu yang pertama. Yang kedua, bila sahaja rumah masuk tapak maka peserta-peserta yang layak perlu dipilih dengan sebaiknya untuk dihantar sama ada kepada Negeri ataupun kepada Kerajaan Pusat. Jadi setelah tiga bulan rumah ini siap, maka peserta tersebut akan dipanggil, tidak macam yang lepas-lepas. Seterusnya, bukan sahaja soal peserta yang memohon tetapi kepada kontraktor juga, kita harap tidak ada kelewatan dalam memproses dan kita telah memutuskan bahawa sebahagian daripada keperluan untuk memudahkan pihak kontraktor, Kerajaan akan menggunakan kemudahannya seperti pembinaan asas infrastruktur dan sebagainya. Sekian.

YANG BERTAMBAH DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Permaisuri. Soalan tambahan kedua. Sila Jabi.

YANG BERTAMBAH HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Selain daripada pihak Kerajaan Negeri, di peringkat Pusat sebagaimana yang kita sedia maklumpun ada agensi yang membantu dalam pembinaan rumah seperti PR1MA, SPNB dan sebagainya. Wakil Air Putih dalam ucapannya ada menyebut ditolak permohonannya oleh SPNB. Sebenarnya di Jabi pun mengalami nasib yang sama, selepas dua tahun kita mengemukakan permohonan, dah datang tengok tanah dan sebagainya, akhirnya ditolak. Dan kita dapati antara elemen yang ditetapkan oleh agensi-agensi di peringkat Pusat nak adanya pembangunan bercampur di situ, nak adanya rumah dengan harga pertengahan, nak ada rumah kedai. Dah sudah tentunya pada sesetengah keadaan kita tidak mampu untuk nak memenuhi hasrat tersebut kerana keutamaan kita ialah untuk mendapatkan rumah yang boleh dijual dengan harga yang mampu milik kepada rakyat.

Dan mutakhir ini kita dapati ada lagi satu agensi di bawah Kementerian KKLW, Kementerian Luar Bandar iaitu RISDA menawarkan rumah yang disebut Rumah Bina Rakyat atau Rumah BN. Daripada yang telah disebut itu sebanyak 5,000 dijangkakan akan dibina pada tahun depan. Jadi dalam hal ini adakah Kerajaan mengambil inisiatif untuk kita mendapatkan seperti peruntukan ataupun kuota untuk dibina di negeri kita kerana buat masa ini hampir dua bulan atau sebulan lebih dah dibuka iklan untuk Rumah Bina Rakyat itu, kita dah masuk permohonanpun dah banyak sebenarnya. Dan apakah asasnya sama ada *first*

come first serve dengan izin, ataupun diperuntukkan kuota? Kalau kita belum lagi dimaklumkan, adakah kita mengambil inisiatif untuk bincang dengan pihak agensi tersebut berapakah yang kita mintak untuk dibina di Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jabi, panjang dah. Terima kasih banyak. Sila Permaisuri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Okey, terima kasih Wakil Jabi. Sebenarnya sekiranya rumah di bawah KKLW iaitu Rumah Bina Negara ataupun Rumah BN. Oleh kerana PR1MA ni nampaknya macam lebih untuk berniaga, kalau kita mintak 30% Rumah Mampu Milik tu dia dah mulai resah dah sebab itu banyak permohonan yang dibuat oleh pihak PR1MA ini lebih suka kepada tanah individu dan kalau tanah Kerajaan ini dia kata banyak itu, inilah dan sebagainya. Dan syarat 30% Rumah Mampu Milik itu nampaknya kurang digemari. Tapi tak apalah kalau PR1MA hanya mementingkan kepada rumah yang harganya agak mahal, beberapa tanah Kerajaan yang masih lagi di dalam perancangan, kita akan berkiralah dengan pihak KKLW dan bukan KKLW sahaja yang menawarkan rumah ini, pihak LKIM juga ada menawarkan Rumah Nelayan. Dan ada lagi beberapa agensi dan kita insyaAllah Kerajaan sekarang ini, mana-mana kawasan yang difikirkan baik untuk dibangunkan perumahan untuk generasi kedua dan seterusnya, selain daripada Kerajaan memberi lot tanah, kita juga akan mempercepatkan melalui mana-mana badan yang ingin membuat rumah sederhana dan Rumah Mampu Milik. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Permaisuri. Soalan tambahan seterusnya kita bagi Manir sekali. Terima kasih banyak Jabi. Sila Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, kita mengucapkan syabaslah kepada pihak Kerajaan yang kalau ikut ucapan tadi 90% dapat memenuhi permintaan daripada permohonan. Tetapi Dewan ingin mengetahui secara berfakta berkenaan apakah pihak Kerajaan mempunyai data yang tepat berkenaan berapakah jumlah sebenar keperluan. Sebab kalau kita masuk ke kampung-kampung, kita melihat bahawa dalam sebuah rumah tu memang kebanyakannya lebih dari satu keluarga. Kalau borang 84,000 yang dihantar maknanya kita merasakan ia mungkin lebih dan apakah Kerajaan mempunyai data yang sebagaimana yang saya sebut tadi yang boleh dikemukakan kepada kita yang membolehkan kita merasakan ia adalah satu keperluan yang

lebih daripada apa yang 90% itu sendiri. Dan yang soalan tambahan jugak ialah siapakah yang sebenarnya meluluskan dari sudut *final* dengan izin, sebab sebagaimana yang berlaku kepada perumahan-perumahan PAKR yang ada dalam kawasan saya bila saya tanya kenapa aduan berkenaan orang yang berada atau orang kaya yang dapat rumah? Dan dia kata kita di pihak JKKK tak boleh nak sah, dia kata Y.B. angkat ke SPRM lah, dia kata sebab yang lulus ni orang atas lagi, SUK dia kata. Jadi kita pun tak pastilah dari pihak mana cumanya aduan daripada rakyat yang memerlukan rumah adalah perlu juga diambil berat dan diambil kira. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Manir. Sila Permaisuri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Terima kasih kepada Manir yang telah menambah soalan lagi. Berapa? Jadi yang berapa ni Dato' Yang Dipertua memang dia berubah sokmo sebabnya ada sokmo orang beranak jadi ianya makin banyak, makin banyak. Jadi sebab itu daripada 84,000 yang kita dah terima dah permohonan itu kita buka sebab ramai lagi yang nak masuk. Walau bagaimanapun, *target* kita sepertimana dalam Bajet dia nak 20,000 unit tapi sekarang ini kita telahpun merancang setakat ini 22,000 lebih dah tapi kita ada lagi

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Boleh celah sikit?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manir, duduk dulu Manir. Saya nak dengar Permaisuri jawab dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Tak apalah dia rajin bertanya tu. Jadi kita menyediakan lagi beberapa tapak perumahan masa depan. Yang ini memanglah kita, Kerajaan tak duduk saja sebabnya kita tahu permintaan memang tinggi. Dan siapa hak lulus tu, yang pertamanya, Unit Perumahan Negeri. Yang keduanya, kalau rumah tu rumah Federal ialah Kementerian. Jadi biasanya nama-nama ni diputuskan oleh Unit Perumahan Negeri dan satu laginya kita hantar kepada Kementerian Perumahan untuk memutuskan nama-nama yang telah kita cadangkan. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Permaisuri.

YANG BERTAMBAH HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan tambahan.

YANG BERTAMBAH DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf, panjang dah. Terima kasih banyak Paka. Terima kasih banyak. Terima kasih banyak Permaisuri, Manir dan daripada Jabi yang mengemukakan soalan asal. Paka, minta maaf, insyaAllah lepas ni. Kita pergi kepada soalan seterusnya. Saya mempersilakan Kuala Besut. Sila.

YANG BERTAMBAH TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Soalan saya No.1 -

Apakah perancangan pihak Kerajaan dalam usaha untuk menarik lebih ramai pelabur asing melabur di Negeri Terengganu?

Terima kasih.

YANG BERTAMBAH DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Kuala Besut yang bertanya dan ingin tahu usaha-usaha pihak Kerajaan untuk menarik lebih ramai pelabur asing melabur ke Negeri Terengganu?

Pihak Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk menarik pelabur-pelabur datang sama ada pelabur luar dan juga pelabur dalam negeri untuk datang melabur ke Negeri Terengganu melalui Program-program Model Business Matching dengan izin, Dato' Yang Dipertua melalui misi-misi pelaburan yang kita ikuti bersama sama ada melalui MIDA ataupun MITTI, MATRADE juga melalui misi Kementerian Pelancongan melalui misi-misi pelancongan juga melalui seminar-seminar dan juga konvensyen ataupun perjumpaan secara terus bersama usahawan-usahawan dari dalam dan luar negara.

Yang kedua, pada tahun ini Dato' Yang Dipertua, kita mengkhususkan, menganjak kita punya usaha dengan mengadakan apa yang disebut oleh Yang Amat Bertamabah Menteri Besar 'Transformasi Ekonomi Negeri' kita. Dan melalui agensi/unit yang kita tubuh di bawah U-TENT, kemudian kita mengadakan 'Makmal

Transformasi Ekonomi'. Dan kita kenal pasti akhirnya sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat dalam Bajet baru-baru ini ada hasil dan tumpuan yang kita lakukan. InsyaAllah Yang Berhormat, kita harap usaha kita ini akan terus menerus dan akan menarik dan memastikan pelabur-pelabur kenal dan juga meletakkan Terengganu sebagai pusat mereka melabur yang menguntungkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Berang. Sila soalan tambahan pertama, Kuala Besut. Sila.

YANG BERTHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, selain daripada Business Model dan juga program-program, seminar yang disebutkan oleh pihak Kerajaan tadi, umum mengetahui bahawa antara yang menarik pelabur-pelabur mari melabur ke satu lokasi, ke satu tempat itu adalah insentif yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan. Jadi saya ingin bertanya adakah pihak Kerajaan mempunyai insentif tambahan ataupun insentif terkini ataupun insentif yang menarik yang boleh menarik ramai lagi pelabur-pelabur untuk mari ke Negeri Terengganu, ke negeri tersayang kita ini? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut. Sila Kuala Berang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Kuala Besut. Memang insentiflah yang sebenarnya yang menjadikan sesuatu kawasan atau sesuatu tempat itu menarik kepada pelabur. Insentif yang sedia ada sama ada di peringkat Pusat dalam semua bidang sebagaimana saya katakan tadi, melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa, melalui MIDA, melalui ECER-DC, melalui insentif Negeri termasuk insentif-insentif di bidang-bidang yang lain seperti pelancongan dan sebagainya. Dia sebenarnya Dato' Yang Dipertua, insentif secara langsung yang dikenal pasti di peringkat negara dan kita di peringkat negeri menambah lagi. Contohnya, pada dua tahun yang lepas kita mulakan insentif kepada pekerja jika pekerja tempatan diutamakan maka kita ada insentif tambahan kepada elaun dan sebagainya. Begitu juga insentif kepada pembinaan *sub station* dengan izin, kuasa elektrik yang diberi kepada pelabur. Begitu juga harga-harga tanah yang sesuai, kemudian insentif yang paling menarik adalah suasana negeri kita yang menarik, contohnya kita

menjalankan usaha 'Visit Beautiful Terengganu 2017' pun sebenarnya ia melakukan satu usaha memperkenalkan Terengganu yang cantik, Terengganu yang ada orang yang ada *skill* baik-baik dan juga usaha yang menarik pelabur itu sendiri. Termasuk, Yang Berhormat Wakil Kuala Besut, kita memulakan insentif contohnya membina Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2, kalau mengikut kepada kajian atau kajian selidik dari segi keuntungan, pembinaan Lebuhraya ini memang tidak menguntungkan, wakil-wakil kita di sebelah sana pun bangkit, kita izinkan penggunaan Dana Khas Negeri Terengganu untuk mendahului pembinaan ini walaupun sekarang dapat balik kerana kita menggunakan insentif untuk mendekati pelabur dengan Negeri Terengganu. Juga insentif-insentif lain, kita membina kargo, kita akan membina pelabuhan termasuk ECERL ini. Kita memikirkan sekarang ini, apakah perkara-perkara yang boleh kita jadikan tarikan supaya pelabur melihat Terengganu lebih strategik, menguntungkan dan tempat untuk mereka melabur. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Berang. Saya bagi Kuala Berang dulu.

YANG BERTHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Dato' Yang Dipertua, Kuala Besut.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Oh, dua-dua OKB, KB belaka tu. Minta maaf. Kuala Besut silakan kepada Kuala Berang.

YANG BERTHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih. Soalan tambahan saya yang kedua. Kita di Daerah Besut juga mempunyai kawasan yang dikhususkan untuk kawasan perindustrian. Jadi soalan saya adakah pihak Kerajaan mempunyai perancangan dan strategi di pihak Kerajaan untuk menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur mari melabur di Daerah Besut, khususnya di kawasan yang telah dikhususkan, yang telah disediakan untuk kawasan perindustrian sebagaimana yang telah saya sebutkan? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut. Sila Kuala Berang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Orang Kuala Besut tanya, orang Kuala Berang jawab. Dato' Yang

Dipertua, benar kata Ahli Yang Berhormat Kuala Besut sebentar tadi kawasan industri khusus di Besut di Gong Medang yang kita bangunkan sejak sekian lama, kawasan ini telah diduduki oleh beberapa pelabur dan dilihat tidak berapa menarik sebelum ini kerana kemudahan-kemudahan infrastruktur, kemudahan-kemudahan perhubungan dan sebagainya. InsyaAllah, pada masa akan datang, kita fokus kepada kawasan-kawasan seumpama ini bukan sahaja di Besut, di Setiu malah di Kuala Berang, di Marang, di utara Dungun yang dilihat kawasan yang belum menjadi intipan yang menarik kepada pelabur dan ianya sebenarnya telah menjadi tumpuan sekarang ini oleh kerana kesiapan LPT2, kemudian bakal pembinaan LPT3 termasuk juga perhubungan jalan pantai yang menarik. Jadi Dato' Yang Dipertua, kita memikirkan insyaAllah dalam Bajet 2017 diluluskan nanti ada peruntukan untuk kawasan Gong Medang. Kemudian jugak MIDA, Bantuan Infrastruktur kita agihkan. Kemudian insentif MIDA yang khusus juga untuk pelabur yang memilih kawasan luar bandar di mana Gong Medang termasuk kawasan luar bandar yang menjadikan kawasan mereka untuk melabur, mereka mendapat insentif tambahan dari segi cukai, tambahan dari segi *income tax* dan sebagainya. Jadi kita lihat perkara ini Yang Berhormat dan saya percaya kita juga memikirkan sekiranya ada pihak swasta yang ingin menjadikan Gong Medang ataupun industri luar bandar yang lain boleh mereka bangun dan tarik pelabur, kita alu-alukan kerana kita tahu untuk membangunkan kawasan industri ini bukannya mudah sebab kawasan industri yang kita ada adalah tanah-tanah paya atau tanah-tanah cerung yang tidak diambil oleh rakyat. Yang ada, kalau kita nak tanah cantik kita kena ambil balik, ini menjadi masalah juga Yang Berhormat. Jadi insyaAllah, kita akan beri tumpuan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Berang. Saya pergi sebelah sini dulu. Minta maaf Kota Putera. Semangat setia kawan kita. Saya nampak dua-dua bangun tu, pilih yang mana satulah. Sila Cukai. Terima kasih Tepoh kerana memberi laluan kepada Cukai.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Cukai): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Hari ini saya melihat pelabur-pelabur lebih berminat untuk berada khususnya di Gebeng, Kuantan, Pahang. Kenapa perkara ini berlaku? Dan apabila kita *check*, bila kita dengar ada juga mereka mengatakan bahawa Terengganu mengenakan cukai yang sangat tinggi adakah kebenaran ini?

Yang keduanya, mereka juga berkata bahawa pengangkutan di Terengganu ini kurang memuaskan tetapi dalam masa yang sama saya difahamkan bahawa Pelabuhan Kemaman merupakan pelabuhan yang terbaik, airnya lebih dalam daripada Pelabuhan Kuantan. Kenapakah kita tidak boleh menarik pelabur untuk bersama-sama kita biar lebih baik daripada Kuantan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Cukai. Sila Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasih kepada Cukai. Cukai tanya, Cukaipun dah jawab. Sebenarnya kalau analisa kita dalam konteks ini secara ikhlas Yang Berhormat Cukai, kita tak bandingkan, sebenarnya pelabuhan kita di Kemaman kita tumpukan kepada Kemaman Supply Base ini kepada perusahaan minyak dan gas (petroleum). Kemudian, di Kuantan ialah pelabuhan terbuka. Pada asalnya kalau kita mintak dua pelabuhan yang berdekatan memang tidak berapa strategiklah. Jadi walau bagaimanapun, saya faham maksud Yang Berhormat tadi lama-kelamaan di sebalik petroleum dan gas itu kita ada juga sekarang ini KPK (Konsortium Pelabuhan Kemaman) yang diizinkan kemudian, itu strategi kitalah. Kita *fight*, kita berjuang, saya ingat lagi sejarah Dewan Undangan Negeri untuk dapatkan KSB sampai pukul 2.00 pagi kita bersidang Dewan Undangan Negeri Terengganu, kemudian kita dapat, kemudian akhirnya kita anjak, kita bangun, kita buat nilai tambah, dapat KPK. InsyaAllah, sebenarnya kita ada strategi yang lain-lain lagi Yang Berhormat dan apa yang Yang Berhormat bangkit tadi ada betul, ada tidaknya tapi nilai peniaga begitulah, kita nampak yang lebih penting kita kena comelkan tempat kita. Kena jadikan kita lebih menarik daripada tempat orang lain. Itu strategi perniagaan. Jadi insyaAllah Yang Berhormat, dalam proses 'Transformasi Ekonomi Negeri' ini perkara-perkara inilah yang kita lihat, perkara-perkara inilah yang kita jana dan kita pastikan yang keduanya, Terengganu lebih baik daripada orang lain. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Boleh satu soalan lagi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah banyak dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Sikit aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah, pendek aje.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Sepatutnya Tepoh tu, dari tadi dah bangun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Langkap, semalam saya dah tolak, saya berilah satu peluang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, saya nak tanya status Kawasan Industri Sungai Bari, dalam Dewan yang mulia ini juga

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pergi kepada soalan terus ya, tak payah panjang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Pasal kilang sarung tangan, kalau mengikut Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kilang sarung tangan tu nak dibuat di Kemaman tapi dulu janjinya nak buat di Langkap. Jadi nak tahu adakah ada fasal kedua ke, fasal ketiga ke takut ada kilang sarung lain ke, *gapo* ke?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Langkap main gajah aje.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Nak buang di Manir pulak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Boleh bagi pencerahan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Langkap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Yang Berhormat Langkap. Yang Berhormat Langkap

ni nak bermanja Dato' Yang Dipertua. Dia tanya dah saya, saya terang yang disebut oleh Yang Berhormat itu adalah fasa pertama. Sebab bahan utama kepada pelaburan ini adalah berada di Kertih. Jadi kita janji dalam Bajet yang lepas memang oleh kerana tengok Bari ni berada di tengah-tengah kawasan Langkap, Kuala Berangpun boleh tumpang, kemudian kita umumkan fasa kedua di Bari sebab sumber tenaga kerja itu banyak di Sungai Tong dan sebagainya. Jadi terima kasihlah Langkap kerana nak pastikan sebab orang Langkap takut marah ke dia. Sebenarnya Yang Berhormat Langkap, orang Kuala Berang pun marah sebab apa buat di Langkap dia kata.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Jadi kita akan pastikan sebenarnya yang menentukan macam soalan utama Kuala Besut tadilah yang menentukan pelaburan, memastikan di mana dia nak melabur itu ialah pengusaha ataupun pelabur. Tapi kita nak pastikan macam kata Kuala Besut, Langkap lebih menarik dengan Yang Berhormatnya bagus(Tepukan) dengan tenaga kerjanya banyak, duduknya di tengah-tengah, tak rugi tak pakai tenaga asing. Kemudian kita ukur juga, pelabur dia ukur Yang Berhormat, dia ukur daripada Sungai Bari ke pelabuhan terdekat, maknanya ke Pelabuhan Kemaman macam kata Cukai tadi 76 kilometer, ke Pelabuhan Kuantan tambah lagi 40 kilometer, termasuk juga ke Port Klang dan sebagainya. Dan saya nak maklumkan juga kita memberitahu pelabur bahawa Langkap dengan Pusat Kargo Lapangan Terbang Sultan Mahmud yang akan kita bina nanti lebih dekat Langkap dengan dunia sarung tangan yang menjadi pengimport sarung utama di Amerika dan sebagainya. Terima kasih Langkap.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Celahan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak benar dah. Kita pergi kepada Alur Limbat. Terima kasih, nak dengar isu lain pulak. Terima kasih Tepoh.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua Dewan, boleh tak sebab saya *check* soalan ni, dua hari yang lalu saya dah sempat

dan saya tengok soalan dari sahabat-sahabat saya lebih penting, jadi saya nak bagi peluang kepada ADUN lain soalan ke depan lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nak beri peluang kepada ADUN lain.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Sebab saya dah dua soalan saya tanya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, boleh, tak ada masalah. Kita pergi ke soalan seterusnya. Terima kasih Alur Limbat. Saya persilakan Tepoh. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan saya nombor dua -

Apakah status perkembangan promosi Tahun Melawat Terengganu 2017. Berapakah sasaran kunjungan pelancong sepanjang TMT2017. Berapakah kos perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan dalam mempromosikan TMT2017 melalui 'Pesona Terengganu dan Beautiful Terengganu'?

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam 1Malaysia dan Salam 1TTB.

Dato' Yang Dipertua, soalan yang ditanya oleh Wakil Tepoh ada tiga pecahan dia iaitu: Apakah status perkembangan promosi Tahun Melawat Terengganu 2017? Sebahagiannya saya dah jawab sebelum ini soalan daripada Wakil Bandar. Kedua, Berapakah sasaran kunjungan pelancong sepanjang TMT2017? Sayapun dah sebut sebelum ini. Dan ketiga, berapakah kos perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan dalam mempromosikan TMT2017 melalui 'Pesona Terengganu dan Beautiful Terengganu'?

Jadi bagi soalan yang pertama, walaupun saya dah jawab, saya nak ulang semulalah, di samping nak menambah sedikit sebanyak lagi. Iaitu status perkembangan promosi Tahun Melawat Terengganu adalah berada ditahap

kesediaan yang maksimum. Dan kita sudah membuat persediaan dan insyaAllah dalam masa terdekat ini kita akan lancarkan secara bersungguh-sungguh tentang promosi dan selepas daripada ini akan naiklah semua di lapangan terbang-lapangan terbang dengan *banner-banner*. Dan insyaAllah, kita juga telah mendapat bantuan daripada beberapa pihak termasuk pihak Mydin, pihak Kasut You, pihak Kedai Hari-Hari dan ada beberapa lagi pihak yang akan membantu kita termasuk mereka ini juga akan membantu mempromosi melalui di bil-bil dan resit-resit mereka juga akan dicatatkan dengan 'Visit Terengganu 2017' dengan izin. Dan selain daripada itu, pihak-pihak yang lain juga akan membantu termasuk juga di Kuala Lumpur Central, ada beberapa pihak-pihak lagi termasuk hotel-hotel juga akan juga turut membantu mempromosikan. Jadi bermakna sekarang ini kesediaan kita di tahap maksimum dan kita juga sedang merancang dalam proses yang akhir untuk melancarkan sempena Tahun Melawat Terengganu di samping kita akan menerima di peringkat awal kehadiran pada awal tahun tidak kurang dari 2,500 pelancong dari luar negara dan juga insyaAllah kita doakan semoga *chartered flight* yang pertama daripada luar negara iaitu daripada China insyaAllah juga akan dapat kita realisasikan pada awal Januari nanti.

Jadi kerana itulah maka kita telah mewujudkan Jawatankuasa Induk yang saya sendiri mengetuai di samping strategi, kempen-kempen promosi, program galakan, pendedahan media di luar negara telah kita laksanakan melalui Sekretariat Beautiful Terengganu untuk meningkatkan tahap kesedaran dan juga perancangan Kerajaan Negeri bagi menjayakannya. Dan di samping itu, kita juga akan mula menggalakkan rakyat-rakyat kita sendiri untuk memainkan peranan untuk mereka juga turut membantu kempen Tahun Melawat Terengganu 2017.

Dan soalan yang kedua, bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri mensasarkan sejumlah 5.5 juta pelancong bakal mengunjungi Negeri Terengganu. Jadi harapan kita sasaran kita ini kita harap akan melebihi daripada *target* kitalah, 5.5 juta ini.

Kos perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dalam mempromosikan Tahun Melawat Terengganu 2017 melalui penganjuran 'Pesona Terengganu' di Dataran Merdeka yang mula-mula kita buat, itu adalah yang paling besar yang kita buat bila kita menggunakan dua tempat, dua *venue* dengan izin, iaitu di Dataran Merdeka sendiri dan satu lagi adalah di Dataran DBKL. Kos penganjuran 'Pesona' di Dataran Merdeka dan juga di Dataran DBKL adalah berjumlah RM3,656,754 keseluruhannya. Ini adalah merupakan kali pertama

kerana kita bawa kebanyakan daripada peserta-peserta yang kita bawa itu sebahagian besarnya kita tanggung perbelanjaan mereka ketika penganjuran program ini. Bila kita laksanakan kali yang kedua, kita gunakan konsep bahawa sebahagian besar ditanggung sendiri oleh pihak peniaga maka kos penganjuran 'Beautiful Terengganu' di Plaza Angsana Johor Bahru telah berkurang sebanyak RM1,933,237.30. Dan kos penganjuran Visit Beautiful Terengganu di Expo Hall Changi Singapura dan di Agro Bazar Malaysia Sultan Gate Singapura, di Agro Bazaar kita buat dalam masa sebulan sampai kepada 31 Ogos dan sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia kita juga kita buat di Agro Bazaar Malaysia Sultan Gate Singapura dan kosnya hanyalah sebanyak RM1,522,672,08. Jadi itulah sahaja untuk makluman. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sila untuk soalan tambahan. Saya bagi untuk soalan tambahan sahaja, masa tak panjang. Sila Tepoh.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Soalan tambahan saya yang pertama. Berdasarkan kepada sasaran pelancong 5.5 juta pada 2017. Apakah indikator kejayaan 'Visit Beautiful Terengganu', apakah dari sudut angka kunjungan pelancong kerana kita dapat menyaksikan Ogos 2016 kita hanya Berjaya mencapai 77.23%, kalau unjurannya daripada pelancong 2015. Kalaulah daripada 5.5 juta, kita setakat Ogos 2016 hanyalah 66%. Apakah pandangan pihak Kerajaan?

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Wakil Tepoh. Yang kita *target* ini 2017, jadi yang disebut Wakil Tepoh tadi 2016. Jadi kerana itu kita sedar, kita sedia maklum bahawa tahun ini ialah kerana keadaan ekonomi. Jadi di situ, di mana-mana negeri, di mana-mana negara mengalami isu yang sama. Tetapi di dalam masa yang sama kita sedia maklum bahawa industri pelancongan ini kalau diberi tumpuan, diberi galakan ia akan memberi satu impak yang baik kerana apa? Kerana dalam konsep di mana kita sekarang sedang mengubah satu persepsi bahawa pelancongan ini sebagai untuk dari segi merehatkan minda dan juga dalam konsep untuk mereka berehat bersama keluarga. Ini konsep yang kita nak buat kerana selama ini mungkin ada pandangan dan juga sedia maklum bahawa pelancongan ini sebagai yang agak eksklusif yang konsepnya ialah konsep kepada seolah-olah macam kelebihan duit baru mereka nak melancong. Tapi dalam soal yang kita nak tanamkan sekarang

ini ialah konsep kepada melancong ini adalah pertama ini bukan kepada kerana ada duit yang lebih tetapi sebagai satu kemestian. Sebab itulah sekarang antara perkara yang sedang kita fokus ialah bentuk pelancongan berkait dengan Sport Tourism, berkait dengan ada kesukanan. Oleh kerana itu apabila kita membuat permohonan untuk menjadikan Negeri Terengganu sebagai salah satu *venue* untuk dilaksanakan Sea Games dalam Sukan Endurance maka alhamdulillah, maka di sini secara tidak langsung kita sudah ada satu peluang yang besar untuk memastikan Negeri Terengganu dikunjungi dan diperkenalkan di peringkat antarabangsa. Jadi secara tidak langsung kita dah dapat satu promosi percuma dengan kesan daripada apa yang kita laksanakan dengan menganjur atau menjadi *venue* kepada Sukan Kuda Lasak ini. Dan di samping itu juga, kita juga sedang mendapatkan peluang-peluang yang lain supaya Negeri Terengganu ini dijadikan sebagai tempat untuk menganjurkan seminar-seminar di peringkat antarabangsa. Dan juga dijadikan sebagai tempat untuk mengadakan penggambaran. Alhamdulillah, semalam saya telah dikunjungi oleh Pengarah yang agak tersohor di Malaysia kita, Aziz M. Osman dengan seorang pelakon yang popular bagi anak-anak muda kita, Saudara Asyraf, mereka telah dating berjumpa dengan saya untuk minta kebenaran kerana nak menjadikan sebahagian daripada kawasan Negeri Terengganu ini terutama di Daerah Setiu untuk dibuat *shooting* filem, filem yang berkait dengan agama. Mereka akan menggunakan tiga tempat katanya, salah satunya Terengganu, yang kedua, di Bandung dan yang ketiga, di Makkah. Jadi ada tiga destinasi yang dipilih, alhamdulillahlah maknanya dalam seluruh Malaysia ini, Terengganu dijadikan sebagai satu pilihan untuk dijadikan destinasi dan 60% penggambaran itu akan berlaku di Terengganu. Jadi di sini akan memberikan satu lagi kekuatan kepada Negeri Terengganu untuk diperkenal dan ditonjolkan oleh kerana filem ini nanti akan ditayang bukan hanya di Malaysia tetapi juga di Indonesia dan juga di Middle East dengan izin. Jadi dengan tidak secara langsung, ini satu lagi promosi percuma yang akan kita perolehi berasas kepada apa yang saya sebut tadi dan lebih-lebih lagi apabila kita nak menjadikan Konsep Islamic Tourism berlaku di Terengganu. Jadi ada beberapa cadangan yang sedang kita perincikan antaranya cadangan adalah mengadakan Jejak Ulama, jadi memandangkan Terengganu ini sebagai Konsep *Cruise*, jadi ini juga dicadangkan menjadikan Ramadhan Tourism, bulan Ramadhan dijadikan sebagai satu destinasi yang boleh menjadi sebagai tempat untuk pelancong-pelancong datang di samping mereka boleh berbuka puasa, Sembahyang Terawih, mengikuti Qiamulai dan melawat tempat-tempat di negeri kita. Jadi dah ada dah perkara-perkara yang saya nampak memberikan satu kekuatan kepada Terengganu untuk menjadikan

pelancongan ini sebagai satu hab yang baru dalam meningkatkan ekonomi Negeri Terengganu. Tetapi kita perlu ingat seperti yang saya sebut sebelum ini bahawa pelancongan ini tidak akan memberikan satu pulangan secara langsung kepada negeri tetapi dia akan mewujudkan satu *multiplier income* atau aktiviti dengan izin, memberikan satu kekuatan kepada rakyat tempatan dan juga kepada usahawan-usahawan yang terlibat secara langsung dalam bidang pelancongan ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Tepoh. Masa dah panjang dah.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Satu aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebagaimana saya kata tadi sebab kalau ikut peraturan sejam aje, ni dah sejam lebih dah. Minta maaf banyak. Sepatutnya lepas pada Kuala Besut saya dah berhenti dah tadi. Oleh kerana

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya minta kalau boleh satu lagi....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak boleh dah, panjang sangat dah, kalau tak, tak habis pukul 12.00 ni.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Sepatutnya kena beri sebelah sini banyak sikit soalan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak Tepoh. Terima kasih. Sila duduk Tepoh. Saya dah nak tangguh. Kita bincang kat luarlah ya sebab satu Parlimen dah tu.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Bincang di dalam di rakam dalam Dewan tapi di luar tidak dirakamkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Tepoh. Terima kasih banyak. Kita dah 1 jam 10 minit dalam sesi Soalan Lisan ni, jadi sepatut sejam tapi oleh kerana saya tahu saya nak beri ruang, kalau boleh saya nak bagi semua bercakap tapi apakan daya. Sebab itu Allah bersumpah dengan masa. Jadi saya nak tangguh sekejap selama setengah jam. Selepas itu kita masuk, kita teruskan dengan Penggulangan oleh pihak Kerajaan.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka saya tangguhkan sementara Dewan ini dan insyaAllah kita sambung semula pada pukul 11.25 pagi. Terima kasih banyak. Assalami'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.55 PAGI.

PUKUL 11.25 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dimuliakan Allah Subhanahu Wata'ala. Mesyuarat disambung semula. Penggulangan Bajet 2017 diteruskan dan saya suka menjemput Yang Berhormat Wakil Kerajaan, Kuala Berang untuk meneruskan ucapan. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, saudara-saudara Pemerhati sekalian.

Pertama-tamanya, saya mengatur setinggi-tinggi rasa syukur. Alhamdulillah kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala dan juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah membentangkan Bajet 2017. Dan juga mengucapkan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang untuk saya menggulung perbahasan yang dibuat oleh rakan-rakan kita pada dua hari kelmarin.

Dato' Yang Dipertua, saya melihat dalam suasana yang agak susah kita sekarang ini masih Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat dengan tema 'Bersama Melangkah Ke hadapan' dalam satu ingatan yang jelas supaya kita, semua peringkat sama ada pemimpin, pegawai kerajaan, rakyat dan sebagainya untuk melihat hadapan untuk kepentingan bersama dan kita olah bersama apa yang kita ada untuk kita pastikan kita mendapat habuan yang baik baik di dunia dan akhirat, insyaAllah. Jadi tahniah jugalah kita ucapkan kepada pasukan Yang Amat Berhormat yang menyediakan Bajet ini yang saya rasa dengan amalan yang disebut khusus *Outcome Based Budgeting* dengan mengutamakan atau memastikan *value for money* dengan izin, insyaAllah akan tercapai.

Dato' Yang Dipertua, mengimbau sedikit daripada yang banyak disebut itu perkara-perkara baru yang akan dicapai ataupun bakal dinikmati oleh rakyat Negeri Terengganu. Contohnya, perkhidmatan MyBus yang sering selama ini rakan kita, Bandar sebut sokmo kerana kita di Terengganu ni tiada perkhidmatan Rapid dan

sebagainya. So, disebut MyBus daripada SPAD yang akan berkhidmat mulai tahun depan kepada penduduk di Kuala Terengganu khususnya.

Kemudian, Skim Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia yang dikhususkan kepada rakan-rakan penjawat awam yang akan menikmati perumahan khusus untuk mereka selain daripada Skim Perumahan yang sedia ada. Juga RM2 juta untuk satu DUN untuk membina rumah-rumah, saya pasti rumah-rumah untuk rakyat miskin.

Juga yang sekecil, kalau saya ambil sedikit perkhidmatan ataupun membantu Pemandu Teksi untuk membeli tayar teksi.

Kemudian menceriaan rumah-rumah sekitar Muara Sungai Terengganu seperti Kampung Duyong, Seberang Bukit Tumbuh, Hiliran, Losong dan sebagainya akan menceria suasana dengan bantuan ini.

Juga kita lihat PIBG, 506 PIBG dengan bantuan RM2,000, saya rasa ini luar biasa yang harus dinikmati semua peringkat, semua orang, semua sekolah akan terlibat. Kemudian 431 Persatuan Belia dengan RM5,000 untuk Bantuan Pentadbiran serta berbagai-bagai lagi.

Jadi sukar bagi kita menyatakan Bajet ini tidak ada kesan dan saya berharap secara ikhlas kita semua dalam kita susah, kita ada perkara-perkara begini semestinya kita bersyukur. Kalau tidak, tidak cantik kata orang benda ada di hadapan kita rasa tak molek lagi. InsyaAllah.

Dato' Yang Dipertua, saya juga mengucapkan terima kasih dalam ucapan perbahasan rakan-rakan yang tak banyak sentuh mengenai portfolio industri, walau bagaimanapun, terima kasih kepada Bandar, Tepoh, Cukai, Rantau Abang yang menyentuh sedikit sebanyak. Walau bagaimanapun, sukacita saya nak menjawab atau mengulas sedikit supaya tidak keliru kepada Dewan kita ini.

Dato' Yang Dipertua, isu yang berbangkit mengenai sasaran pertumbuhan ekonomi negeri yang disebut oleh Yang Amat Berhormat dalam Bajet daripada 4.4% pada 2015 kepada 8% tahun 2020, adakah ianya realistik ataupun tidak? Kemudian, apakah fungsi yang disebut MEN-T (Majlis Ekonomi Negeri Terengganu) ataupun

agensi Kerajaan yang baru, UTENT (Unit Transformasi Ekonomi Negeri Terengganu) itu?

Jadi Dato' Yang Dipertua, walaupun dah disebut panjang lebar dalam Bajet, sebelum inipun penerangan demi penerangan dibuat, sukacita saya simpulkan bahawa mengikut unjuran yang dibuat oleh pihak EPU (Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri), KDNK Negeri Terengganu dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 yang ke depan ini diunjurkan sebanyak 4.2% perkembangannya. Kemudian, ia merupakan yang kedua terendah selepas Negeri Perlis. Dato' Yang Dipertua, manakala pertumbuhan KDNK Negeri pula dijangka diunjurkan meningkat kepada RM3.7 bilion berbanding RM27.5 bilion pada tahun 2015, 2020 dengan 2015. Ini bermakna Dato' Yang Dipertua, kalaulah begini unjurannya, kalaulah begini kita tidak buat apa-apa, kita masih bergerak seperti biasa saya percaya kita akan menerima err... maksud saya dengan mudahnya iaitu sampai ke tahun 2020 negeri kita akan terus ke belakang.

Jadi menyedari hakikat inilah pihak Kerajaan kita berhempas pulas kita mesti berlari laju lebih luar biasa. Kita pastikan unjuran ini adalah unjuran yang biasa, kemudian kita kena capai perkara-perkara yang luar biasa dengan sumbangan semua peringkat. Maka percubaan simulasi demi simulasi dibuat dan kita jangka kalau pertumbuhan ekonomi Negeri Terengganu pada tahun 2020 ingin mencapai KDNK ataupun pendapatan perkapita USD15,000, hasil ekonomi atau perkembangan ekonomi mesti berkembang pada kadar 4.2%. Dengan perkembangan 4.2%, minta maaf, kalau kita capai USD15,000 itu maka kita akan dapat capai hanya pada tahun 2035 maknanya 15 tahun ke belakang. Begitu juga kalau kita unjur atau kita hanya capai pertumbuhan 4.9%, kita akan capai pendapatan itu pada tahun 2031. Bagi membolehkan kita mencapai apa yang kita sasarkan pada tahun 2020 maka kita punya pertumbuhan mesti dalam lingkungan 12.1%. Jadi inilah cabaran kita, Dato' Yang Dipertua, adakah kita kena berlari sejauh itu, secepat itu dengan kemampuan yang ada dan sebagainya. Maka Dato' Yang Dipertua, sebab itulah saya dengan rasa banyak perasaan tanggungjawab bersama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebab itulah saya sokong 'Bersama-sama Melangkah Kehadapan' tema Bajet 2017 itu adalah sangat tepat, sangat bererti yang kita bercakap pada hari ini kerana kalau kita tidak bergerak serentak, kalau hanya pemimpin sahaja bercakap di Dewan ini, di bawah sana tak buat apa-apa maka tak bergerak ekonomi kita. Maka yang ada sijil, yang ada ijazah, yang ada kemahiran, yang tahu berniaga, yang boleh bertani semua kena

bergerak supaya ekonomi masing-masing berkembang, tumbuh dan kemudian dia menyumbang kepada pertumbuhan yang sangat sihat kepada ekonomi Negeri Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, dalam konsep ini, dalam tugas ini maka Kerajaan Negeri menubuhkan satu *Economic Council* ataupun Majlis Pembangunan Ekonomi Negeri Terengganu yang dipanggil MEN-T itu sendiri yang menyamai fungsi dan tugas *Economic Council* di peringkat nasional yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri-Menteri Kanan, Menteri Ekonomi dan juga pakar-pakar dalam bidang masing-masing. Jadi untuk ini saya jelaskan terus kepada yang dibangkit oleh rakan-rakan kita berkait dengan Majlis Ekonomi Negeri Terengganu ini sebenarnya dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Exco-exco yang terlibat secara langsung pada ekonomi. Kemudian, kita bawa pakar-pakar yang kita panggil *subject mattered*

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, minta laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak selesaikan yang ini dulu Yang Berhormat. Saya minta maaf Yang Dipertua, sebenarnya rakan saya Bandar, Tepoh sahaja yang bangkit perkara ini, orang lain tak ada hak untuk tanya ataupun meminta penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab dia ada sebut USD15,000 untuk negara maju.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak selesai dulu. Saya ulas kepada yang membangkitkan sahaja supaya mereka dapat penjelasan, saya beri kalau perkara baru sampai besok kita tak selesai.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap, kejap. Yang Berhormat-Yang Berhormat ni bangun guna *point of order* mana sebenarnya, bangun dua-tiga orang sekali ni.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya minta izin.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *Point of order* mana nak masuk, nak celah apa sebagainya ni, berterabur sekali ni. Bangun biarlah seorang, seorang, kalau yang bercakap tak benar, duduk ajelah. Tunggu Kuala Berang habis dulu. Bandar duduk dulu, Kuala Berang habis baru dia bagi, insyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya habis yang ini dulu Yang Berhormat. Minta maaf, saya pun bekas Ahli Parlimen jugak, di Parlimen memang takut berebut ramai tapi di sini kita nampak, seorang-seorang kekgi kita bagi tapi kena dengan apa yang kita cakaplah.

Dato' Yang Dipertua, kita tambah beberapa ahli merupakan *subject mattered expert* kita panggil dengan izin, ataupun pakar-pakar dalam bidang masing-masing seperti Yang Berbahagia Dato' Anuar bin Ahmad, bekas Naib Presiden Kanan Petronas, orang Seberang Takir, orang Kuala Terengganu. Kemudian, kita beri tumpuan beliau kepada mengetuai Jawatankuasa atau Sektor Perkilangan Minyak Dan Gas. Kemudian, Yang Berbahagia Dato' Muhammad Sufian bin Salleh, bekas Ketua Pengarah, Jabatan Pertanian Malaysia juga bekas Pengarah Pertanian Negeri Terengganu dan juga anak Terengganu untuk mengetuai Sektor Bioteknologi. Kemudian, seorang lagi orang muda yang menempa nama di peringkat nasional iaitu Dato' Ahmad Fariz bin Yahya juga anak Terengganu, Pengarah Urusan Cyberview Sdn. Bhd. yang mengetuai Sektor Kandungan Komunikasi, Infrastruktur Dan Teknologi Baru. Kita bawa juga bekas Ahli Exco Kerajaan Negeri Terengganu, Dato' Haji Mohamed Awang Tera dan seorang Akauntan di Negeri Terengganu juga Yang Berbahagia Dato' Haji Wan Muhammad Al-Bakri bin Mohd Noor, ini ahli dia.

Kemudian, terma-terma, kerja, saya rasa banyak dah saya terangkan. Tugas-tugas majlis ini adalah untuk memastikan hala tuju ekonomi yang betul. Lebih mudah lagi kita nak berlari laju tadi, nak mencapai 12.1% pertumbuhan, kalau tak capai pun kita sasarkan 8%. Kemudian, nak jana pendapatan isi rumah RM8,000 pada 2020 dan juga KDNK RM41.5 bilion. Dan saya nampak tugas-tugas dan peranan mereka ini sangat berkesan setakat ini. Kemudian kita tubuhkan unit yang kedua, sebagaimana saya kata tadi, di bawah majlis tadi kita ada *special* Unit Tindakan Ekonomi Negeri. Bagaimana kita nak suruh dia fokus selain daripada Unit Perancang Ekonomi buat kerja yang biasa, yang sekarang ini. Kemudian, UTENT ini kita tubuhkan di bawah sebuah syarikat yang tidak bermatlamatkan keuntungan, sebuah syarikat di bawah Menteri Kewangan diperbadankan.

Kemudian, khusus untuk menjadi kenderaan kepada *target* tadi untuk capai apa yang disasarkan oleh majlis tadi. Jadi insyaAllah, dah diterangkan dengan panjang lebar dalam Bajet apa yang dibuat oleh UTENT yang bermula dengan makmal, kemudian sekarang dah sampai Town Hall, kemudian dikenal pasti projek-projek, kemudian dalam projek-projek yang banyak itu projek yang boleh *di-take-off* dan sebagainya. Saya tak perlu ulas lagi. Jadi saya nampak kita berada dalam landasan tapi kita doakan mudah-mudahan apa yang kita rancang ini dapat berjalan dengan baik tetapi kita tahu untuk nak laksanakan perkara-perkara seperti ini bukanlah mudah, bukan boleh dalam satu malam ataupun sebagainya. Saya persilakan Bandar dulu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Bandar.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Yang Berhormat Exco, saya juga merasa ada keperluan dalam pengumuman-pengumuman ini sebagai penanda aras utama. Sebagai contoh saya nak ulas tadi takut sebelum Yang Berhormat pindah ke tajuk lain tadi ialah pengumuman matlamat mencapai purata pendapatan isi rumah yang kata daripada sekarang RM4,816 satu isi rumah, kita nak supaya mencapai kepada RM8,000 satu isi rumah. Bermakna perkapitanya lebih kurang RM96,000 pendapatan isi rumah rakyat Terengganu. Tak apa, okey, saya bersetuju kalau kita nak targetkan sehingga RM120,000 pun tak apa tetapi realistiknya ialah kita nak tolong rakyat Terengganu yang teramai maka saya punya pandangan untuk realistiknya kita lebih berpihak kepada *neccess economy*, kepada orang ramai di Negeri Terengganu ini. Kalau kita umumkan RM96,000 pendapatan isi rumah perkapita Negeri Terengganu, sebenarnya kelompok ini berapa persen rakyat Negeri Terengganu yang berpendapatan RM96,000 satu isi rumah, di kelompok mana?

Jadi saya menyokong tetapi berhati-hati untuk mengumumkan indikator ini kalau-kalau kita terpaksa buat *adjustment* ke bawah ini akan menjejaskan kita punya pertumbuhan KDNK dalam negeri. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar. Sila Kuala Berang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasih

kepada Bandar dan saya hormati apa yang disebut oleh Bandar dan saya rasa kita faham dengan apa yang dikata tadi, bila sebut sasaran, target kemudian kita letak pertumbuhan sebagaimana saya terang tadi, saya tak nak ulang lagi. Kemudian apa yang kita nak capai RM8,000 pendapatan purata isi rumah pada 2020 itu saya rasa tidak melampau tetapi keraslah nampaknya sebab kita kena kerja kuat. Tetapi Yang Berhormat, sedikit saya nak ulas, apa yang kita bangunkan Negeri Terengganu dalam tempoh sekarang ataupun 20 tahun daripada 2020, kita bangunkan melalui Bajet daripada Bajet kecil sampai ke Bajet besar, kita bincangkan pasal industri-industri, pelancongan, kita bangunkan pertanian, kita bangunkan luar bandar, laut, pantai, darat dan sebagainya. Kesemuanya ini adalah perbelanjaan Kerajaan Negeri kita sekarang maka kalau kita tidak target dengan betul pada tahun 2020 untuk menjadi Negeri Maju maka rugilah kita sebab kita dah belanja banyak. Sebab itulah saya sebut tadi, bila 'Bersama-sama Melangkah Ke hadapan' untuk mendapat pendapatan isi rumah yang tinggi, semua orang kena bekerja menyumbangkan kepada pendapatan. Jangan hanya ayah yang berkerja, anak tunggu nak dapatkan kerja yang tak dapat-dapat. Jangan kita beri kemahiran sebagai tukang kuma (perabot), selepas dapat sijil, kerja sebagai jaga restoran, contoh saya beri.

Maka semua orang kena bekerja, maka tugas kita, tugas Pembangkang juga, tugas semua ketua jabatan kita kena gembeng sekarang ini sebab itu saya kata kita kena berlari laju supaya untuk pastikan RM8,000 itu bukan sasaran membabi buta, bukan sasaran angan-angan kosong, insyaAllah akan capai. InsyaAllah Yang Dipertua, sebab itulah kita tubuhkan MEN-T, UTENT supaya kita semua bergerak tidak hanya bercakap. Jadi insyaAllah, saya tak nak membazirkan masa Yang Amat Berhormat. Kita juga berharap bantuan-bantuan ataupun

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Penjelasan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): peranan ECER-DC juga ataupun agensi utama Pembangunan Ekonomi Wilayah Timur yang akan menumpukan kepada Wilayah Timur khusus kepada negeri kita untuk menggiatkan atau menambah lagi usaha-usaha kita ini. Contohnya, kita berusaha sekarang untuk memacu ekonomi di sebelah tumpuan tengah Kuala Terengganu, 75 kilometer radius ke utara Kuala Terengganu ke selatan dan ke barat Kuala Terengganu supaya kita jadi tumpuan zon ekonomi

khusus, kita tumpu. Selain daripada pertumbuhan KTCC, pertumbuhan trafik di bandar Duduk dulu Tepoh bagi saya bercakap.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tapi berilah lepas ni dok?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak beri lagi duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tak, lepas ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nampak sangat perlu perkara ini kerana kita dah terima limpahan di Kemaman sampai ke Paka. Dah sampai kata kawan-kawan, saya setuju tadi sampai orang kita tak boleh nak kerja, orang-orang gelap banyak di sana. Jadi kita nak tumpu di sini, kita harap ECER-DC akan memberi tumpuan bersama membantu kita dengan insentif dan sebagainya untuk kita pastikan pencapaian yang kita kata tadi.

Jadi saya nampak jika diizinkan Allah Subhanahu Wata'ala apa yang kita tengok, projek-projek yang akan *take-off* seperti Kargo, seperti MRO, seperti LPT3 insyaAllah, seperti kawasan industri di mana saya dah dapat permohonan yang berganda-ganda di Gong Badak dah habis, Cendering pun dah habis, jadi sebab itu kita nak anjak sampai ke Batu Rakit ke Bari sana. Jadi Dato' Yang Dipertua, saya percaya kalau kita dalam terowong tu dah nampak lampu di hujung sana. Jadi ayuh, kalau dah nampak marilah kita apabila Yang Amat Berhormat bentang Bajet yang macam ini, kita jangan perlekehkan, jangan sebut takdok benda pun. Jadi saya percaya inilah tugas kita dan usaha kita dan saya rasa sangat optimis bahawa usaha keras kita ini bukanlah satu mimpi tetapi satu kerja amal ibadah untuk kita membantu, mempasti dan meyakinkan rakyat Terengganu bahawa kita adalah *the best, special* saya kata kepada Cukai sebentar tadi. Dato' Yang Dipertua, saya beri sedikit kepada Tepoh kalau bersangkutan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Bersangkutan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Berang. Saya merujuk kerana saya ada menyebut berkenaan dengan MENT

dan juga UTENT. Yang pertama, saya ingin dapatkan sekali lagi pengesahan adakah realistik pertumbuhan KDNK dari 4.4% ke 8% sekadar perakuan daripada Exco Kerajaan, satu. Kemudian yang kedua, kita telah diisytiharkan dengan *Quick Wins* yang akan diterajui oleh UTENT dengan 9 projek yang telahpun disenaraikan pada 2016 tapi nampaknya ia kembali berulang pada 2017 seperti tidak dilakukan. Dan hari ini kita dapat satu lagi istilah yang baru *Low Hanging Fruits* yang saya mengira satu benda yang agak mudah dicapai sebab *low* maka oleh kerana itu apakah realistik dengan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Okey, saya faham Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Tepoh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya terang dah tadi di peringkat awal, kalau kita nak capai sekian banyak kita mesti 12.1% tapi kita letak 8%, realistik maksudnya takut tidak tercapai, terkangkang tapi saya rasa 8% ni kena kuat tapi tak terkangkang(Sambil gelak) Saya tengok Dato' Yang Dipertua, Sukan Lumba Basikal Olimpik, saya tengoklah, semua rakyat Terengganu tengok dengan kemampuan yang dibuat oleh ahli sukan kita, kita ucap tahniah kepada Telemong, Saudara Azizul Hasni bagaimana pusingan pertama dia tertinggal, pusingan keduanya, kita tengokpun dengan lawannya yang besar tapi dia boleh. Jadi ini adalah satu usaha yang saya nampaklah. Jadi dalam bidang ekonomipun kita *apply* macam ni. Jadi 8% itu saya kata dah tadi bukan mimpi

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, dia tidak ada keutamaan. Saya nak habiskan apa yang ditanya oleh Tepoh. Paka minta maaf deh. Tepoh kata yang kedua tadi ada projek tahun lepas pun.....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Nak tanya tu aje 8% pun tak realistik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Apa disebut tadi? Beef Steak? ...(Sambil gelak)

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok dengar benar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Hahaha.... Susahlah Paka kalau kita nak terang sampai pagi tak itu.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Takut-takut mistik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat sebut dalam Bajet pada tahun lepas, tahun lepas kita dah mula UTENT ini, kemudian kita sebut lagi kata *low fruits* tadi maknanya ialah *Low Hanging Fruits* ini maknanya dah boleh nak makan dah sebab dia proses ini Yang Berhormat, nak buat pembangunan ni banyak, tanah nak kena selesai, banyak urusannya termasuk *last* sekali modal kepada pelabur pun, banyak benda-benda perkaranya dan dalam perjalanan itu ada juga tersangkut dengan ekonomi dan sebagainya. Tetapi alhamdulillah, kita dah boleh yakin dah sekarang ini, bila-bila masa dah boleh *take-off* untuk yang 9 tu. Itupun kita rasa dah cepat daripada apa yang dirancang sebab itu kita nak berlari lebih laju lagi. Jadi insyaAllah.

Dato' Yang Dipertua, saya nak teruskan sedikit lagi dah untuk beri peluang kepada Yang Amat Berhormat apa yang dibangkit oleh rakan saya Cukai. Cukai ini orang besi dia duduk di Kemaman kawasan dah maju, saya terima semua apa yang dicadangkan, insyaAllah Yang Berhormat Cukai, saya catit juga, saya akan mintak juga *hansard*. Saya ucap terima kasih atas apa yang dicadangkan Yang Berhormat.

Kemudian, rakan kita dari Rantau Abang bagi pihak Sura barangkali. Sura tanya soalan yang sama dalam Soalan Lisan, tak sempat saya nak jawab. Dia kata Batu 7 hanya 5 sahaja syarikat yang beroperasi, kemudian infra yang tidak lengkap minta disemak balik. Terima kasih atas perkara yang dibangkit. Sebenarnya, saya dah bersama-sama terang di luar tadi tapi ini untuk rekod Yang Berhormat deh,

faham dah tadi dua-dua, Sura dan Rantau Abang. Sebenarnya 197 ekar tanah industri di Batu 7 ini, kita telah agihkan kepada 37 buah syarikat di mana 100% dah agih semua dah seluas 196.92 ekar. Daripada 37 buah syarikat itu 14 buah syarikat setakat ini, yang dulu 5 syarikat, setakat ini 14 yang masuk tapak bina pelaburan sebagaimana kertas kerja yang diangkat kepada pihak Kerajaan. Daripada situ terdapat 14 buah syarikat yang gagal, yang kita nampak culas ni, mintak lain buat lain dan sebagainya. Kita dah bagi notis, insyaAllah tindakan rampasan dan sebagainya akan dibuat ke atas mereka.

Berkait dengan kemudahan infra yang belum lengkap di sebelah belakang, sebahagian daripada 197 ekar ini, kita akui sebenarnya kita dalam urusan kita ini kita minta Majlis Perbandaran Dungun juga bersama-sama dengan Unit Perancang Ekonomi cari peruntukan untuk bangunkan kawasan ini kerana hasil besok apabila siap kawasan industri ini, hasil utama akan dipungut oleh Majlis Perbandaran Dungun. Jadi insyaAllah, kita doalah, Yang Berhormat sama-samalah bukan tunggu Dewan saja, pergiatkan pergi ke Dungun sana supaya kawasan ini boleh maju. Akhir sekali

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Bertthormat minta celahan sikit sebab Batu 7 ni kawasan Paka.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dokleh celah dah Yang Bertthormat, celah-celah tak main.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang 37 syarikat tu, ada berapa syarikat yang berkaitan dengan plastik sebab asal buat Kawasan Industri Batu 7 tu untuk kawasan industri plastik, kilang plastik?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Yang Dipertua. Saya layan jugaklah Paka, saya telah jawab soalan tu. Asal pada tahun '99 dulu dia Plastic Park dia buat di situ tetapi akhirnya apabila kita tengok yang lebih sesuai kita dah pindah Plastic Park ini ataupun Polimer Park di belakang Paka sana, di Kerteh sana. Jadi di sini ada tinggal dualah yang kecil-kecil, yang banyak yang buat ubat, kejuruteraan dan sebagainya.

Dato' Yang Dipertua, mengakhiri pengulasan saya ini daripada rakan-rakan yang berbahas, saya ucap terima kasih. Saya nak bawa dua atau tiga analogi mudah Yang Berhormat mengikut amalan Ustaz Dato' Kazim Alias dalam program dia, saya tengok, suri rumah, anak-anak, saya pun suka tengok. Dalam program dia kata: "Relaks brother, relaks brother...."(Sambil gelak) Dia nyanyi sedap sikitlah, saya nyanyi tak sedap. Jadi dalam suasana yang relaks. Suasana yang agak berfikir di mana Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, maksud sayanya supaya kita tidaklah sokong membabi-buta ataupun bangkang macam *bull dozer*.

Jadi contohnya yang pertama analogi saya yang ditunjukkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di depan saya sekarang ini ialah isu TPPA (Trans Pacific Partnership Agreement), ini urusan perdagangan, Bandar ada. Kita dibangkang untuk menandatangani penyokongan negara masuk TPPA ni begitu rak sekali sehingga banyak fitnah ditabur di dalam negara mengatakan yang berbagai-bagai termasuk yang mudahnya nak jual negara kita, asing masuk dalam negara kita. Jadi ditakdirkan Allah dalam Pilihan Raya Amerika Syarikat baru-baru ini menang Kerajaan Donald Trump, Donald Trump sebagai Presiden Terpilih dan janji dia sebagaimana kata Bandar, hari pertama dia menjawat jawatan Presiden 20 Januari nanti, urusan eksekutif pertama dia adalah membatalkan TPPA sebab kata dia dalam kempen dia, TPPA ini merugikan Amerika Syarikat. Kempen kita untuk masuk TPPA kerana kita untung boleh masuk pasaran Amerika Syarikat, 40%, 20% tax tu dapat kita kurangkan tapi orang tak percaya, orang percaya masa tu, Dato' Pa, kita nak jual negara kita, masuk ke negara kita dan sebagainya. Jadi ini dah diberi, di depan mata kita Donald Trump tak setuju kerana rugi kepada Amerika Syarikat. Kalau ikut analogi kita maknanya kalau kita bangkang macam *bull dozer*, kita bersama Donald Trumplah. Donald Trump ni kita tak setuju dengan dia, dia anti Islam, anti itu dan sebagainya. Ini bukti kepada Dewan ini saudara-saudari sekalian, kita jangan, yang tak tahu kita uruskan

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab dia parti lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang kedua Dato' yang Dipertua, dibangkit dalam Dewan kita ini juga isu Banggol Donas. Bukan urusan saya, Salleh Embong ni kawan baik saya daripada kolej. Saya pun tak sangka dijaja oleh rakan-rakan kita sehinggakan terbantut jalan tu, sekarang saya nak balik ke Kuala Berangpun pakai jalan tu jadi musing empat-lima kali, gostan balik. Kita merancang, Yang Berhormat Teluk Pasu

pada ketika itu merancang tubuh KUT (Kompleks Usahawan Terengganu), buat di kawasan Teluk Pasu nak maju Teluk Pasu sebab dia ambil kira jalan ni, Jalan Kuala Terengganu Bypass, Jambatan Pulau Sekati terus ke lebuhraya melalui di situ untuk maju di situ. Tapi oleh kerana Salleh Embong seorang, saudara-saudara yang lain sokong, war-war ni Kerajaan zalim apa semua, sekarang terbukti. Terima kasih kepada rakan kita Wakaf Mempelam, dia kata macam Banggol Donas tak pergi ke mana juga isu yang dia bangkit kelmarin, saya ingat. Kemudian hasilnya Teluk Pasu hari ini dalam ucapan dia kata: "Saya sedih, gagal Kerajaan", kerana KUT itu tak berfungsi dia kata gagal Kerajaan, kosong, gajah putih dan macam-macam, sakit kita dengar. Tetapi gagal siapa? Perancangan yang kita buat betul, yang gagalnya adalah anasir-anasir tadi. Jadi kita jangan membabi-butakan, kita patutnya nasihat dia macam yang Wakaf Mempelam kata tapi dah hujung dah patutnya nasihat dari awal lagi: "Leh, jangan Leh, ambillah." Itu yang kedua. Yang ketiga, saya nak ucap terima kasih Yang Amat Berhormat, saya sedih dan terpanggil bila sebut Ayah Su Seberang Takir, Ayah Wer Kuala Berang, Pok Mat di Manir, Pok Su, Pok Teh di Cukai. Kota Putera bawa cerita hak sekelamin tu dia kata Ayah Teh semua sebenarnya orang-orang tua kita ni akui sebagaimana cerita Ayah Su ni. Dan saya pergi jumpa Ayah Su ni, saya pergi cari, hebat Ayah Su ni sampai ke Menteri Besar sebut ni. Saya dengar dua kali dah dalam majlis lain dan dalam Dewan yang mulia ini. Jadi Ayah Su kata: "Anakku, Ayah Su sampai kerat lidah pun Ayah Su akui apa yang Kerajaan buat ini betul, yang dah buat betul dan akan buatpun betul." Ayah Su kata khaborlah dalam Dewan tu, khaborlah ke Cukai, betul Pok Mat, Pok Leh pun, betul, mari bersama jangan duk berayun. Yang susahnyanya sekarang ini dia kata Leman anak dia tu, Leman ni dah ada pelajaran, dah dapat kemudahan banyak, dia tak macam Ayah Su sikit, orang muda ada telefon dua-tiga. Leman ni *diepek sokmo* oleh saing-saing kita hak duk bersyarah malam-malam ni. Nasib baik Ayahku dia kata, tahun ni dia duk *epek sokmo* buat gi ke Bersihlah. Tahun ni nasib baik hak ni dok *epek* ni, maksudnya PAS dok *epeklah*. Selama ni PAS duk gi sokmo Bersih situ, Bersih sini, tahun ni dok Bersih, jadi selamatlah. Tapi tolong khabor Ayahku dalam Dewan, *borlah* dia kata, sebabnya Ayahku, hari ini 24 Safar, hari ini Ayah Su tunggu, takmboh tengok Dewan ni, Ayah Su nak tengok Parlimen, Wakaf Mempelam sebab dia kata wakil kita daripada Terengganu Ahli Parlimen Marang akan membentangkan Rang Undang-Undang Syariah 355 di

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Nanti dulu! Jangan gaduh.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah ni Sidang DUN.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak khabor hak Ayah Su pesannya jer.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dia sebut hak Sidang Parlimen. ...(Sambil gelak)...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang):(Sambil gelak) Cerita Ayah Su ni.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ayah Su takdok dalam Dewan ni, jangan bangkit Ayah Su.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sebab tu saya bawa

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Dok ingat, Bekas Speaker tak apa.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Masa PAS bentang Enakmen Syariah dulu Yang Berhormat Wakil Kuala Berang tak sokong.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya tengok jugak dia lari hari tu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ni pulak nak tengok Ahli Parlimen Marang bentang nak sokong pulak, pelik tu. Patutnya masa 2002 dulu Wakil Kuala Berang masa duduk balik ni, sokonglah tapi tak sokong masa tu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Tu RUU 355 lain Yang Berhormat, undang-undang lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dulu ada rancangan Lawak Mega, sahabat kita ni cuba masuk Lawak Mega, dok layak dia sebab dok kelakar.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tak kelakarpun orang suka dah, Ayahku, cerita Ayahku tu betul dok. ...(Dewan gelak)

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak khabor yang serius pesanan Ayah Su ni, ya. Ayah Su kata dan saya pun mengiyakan kata Ayah Su ni sebab sebenarnya sahabat saya Paka ni kalau dulu *bekeng* tapi dok *bekeng* dah terik ni, lenduk molek, hak tu jer tubik maknanya sayapun *jelira molek*. Sebab kita rasa nampak satu, kesatuan

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tahu *duana* Yang Berhormat *dok bekeng?* ...(Dewan gelak)

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Nak habis dah ni. ...(Sambil gelak) Jadi rakan-rakan dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kepada Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, saya ingat kita dengar apa yang akan digulung oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya percaya Terengganu kita ini mempunyai keistimewaan yang sangat-sangat. Tuhan beri kita laut yang luas, pantai yang panjang, bukit-bukau yang menarik, orangnya pun macam Paka tu dia buat kelakar pun tak berapa tu mana, saya ingat kita boleh mencapai apa yang kita cita-citakan itu Yang Dipertua. Terima kasih. Tahniah Yang Amat Berhormat. Saya turut menyokong Bajet 2017. Terima kasih. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. ...(Tepukan Gemuruh)

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Kuala Berang. Dipersilakan Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam 1Malaysia dan Salam 1TTB. Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua dan wakil-wakil

jabatan, para Pemerhati, rakan-rakan media, tuan-tuan, puan-puan, saudara-saudara dan saudari-saudari yang dihormati sekalian.

Terima kasih, saya nak ucapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan sempena pembentangan Bajet 2017. Dan pada kesempatan ini juga saya nak mengambil peluang untuk mengucapkan 'Selamat Hari Jadi' kepada Yang Berhormat Ir. Rosli Othman sebab saya difahamkan hari ini hari jadi beliau. Semoga beliau akan terus cemerlang dan berjaya.

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih banyak boss.(Tepukan)

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Daripada apa yang kita dengar

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang ke berapa?

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: ...Ucapan-ucapan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat, memang betul siapa yang tidak mahu apa yang dirancang itu menjadi, semuanya nak. Dan kalau boleh apa yang kita rancang hari ini, besok kita nak sebab itulah ada cerita Lampu Ajaib Aladin tu. Tapi dalam soal hari ini, kadang-kadang apa yang kita rancang itu tidak dapat kita capai dalam satu masa yang singkat kerana kadang-kadang dia memerlukan kepada persiapan dan juga penyelesaian. Sepertimana yang kita rancang untuk jadikan Terengganu sebagai Hab Pelancongan. Maka kerana itu kita melihat bahawa ada perkara yang kita akan dapat laksanakan untuk dalam jangka masa yang panjang. Sepertimana yang Yang Berhormat-Yang Berhormat sebut, mempersoalkan, mempertikaikan kenapa dulu tidak ada dan kenapa ada balik dan kenapa dulu kata dah nak jalan tapi tak boleh jalan, seperti yang kita sebut macam yang berlaku dalam Bajet kita yang lalu yang mana kita sendiri pun tak menjangka bahawa keadaan ekonomi yang sebegitu sehingga terpaksa kita buat rasionalisasi. Tetapi dalam soal ini ialah bagaimana kita nak mempermudah dan menyelesaikan isu dan kerana itu kita perlu terus pandang ke depan. Dan kerana itu apabila saya sentiasa menyuarakan kita perlu berfikir di luar kotak sentiasa, kita perlu buat transformasi, kita mengelakkan daripada ketulaan, bangau oh bangau, betul bendul kerana perkara-perkara ini sebenarnya yang akan membolehkan kita berfikir dan menyelesaikan

sesuatu perkara dengan baik. Contoh yang mudah kita ambil macam apabila *investor* dengan izin, nak buat pelaburan di negeri kita, contoh yang mudah kita ambil di lapangan terbang, memang kalau ikut kepada jadualnya sepatutnya dah dijalankan tentang Kargo, kemudian MRO ni sudah dilaksanakan. Tetapi apabila dibuat kajian di peringkat *ground* dengan izin, timbul isu yang perlu kita selesaikan, *monsoon drain* dengan izin, iaitu kerana kita perlu menyuraukan permasalahan yang akan mengakibatkan banjir dan sebagainya yang menelan belanja RM8.4 juta maka kerana itu Kerajaan Negeri terpaksa memikirkan bagaimana cara untuk kita dapatkan bajet RM8.4 juta ini? Maka kita kemukakanlah kepada ECER-DC untuk dapat bantuan dan juga sokongan daripada ECER-DC untuk dapat bajet RM8.4 juta ini supaya projek Kargo dan juga MRO ini kita dapat jalankan dengan sebaik-baiknya.

Begitu juga dengan isu-isu yang lain, kadang-kadang ada perkara itu kita boleh laksana segera dan kadang-kadang perkara itu kena *delay*. Tetapi insyaAllah, saya beri jaminan di sini sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan yang ingin melihat kepada kesejahteraan rakyat, maka kita akan usaha dengan sebaik-baiknya dan saya harap janganlah perlekehkan misi dan visi Kerajaan. Ada yang mempersoalkan logik, tak logik, adakah 8% kita capai RM8,000 untuk pendapatan isi keluarga boleh ke? Tetapi dalam soal ini kita mesti ada kesinambungan sepertimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum ini melancarkan Wawasan 2020. Dan kemudian disambung lagi jadi menjelaskan kepada negara kita bahawa ada lagi kesinambungan dengan adanya Transformasi Nasional 2050. Ini menunjukkan ada satu kesinambungan.

Jadi dalam masa yang sama, saya nak jawablah beberapa soalan yang dikemukakan dan saya haraplah terutama Yang Berhormat di sebelah sana akan terus memberi sokongan, membantu Kerajaan yang ada memastikan agenda perancangan yang kita nak dilaksanakan akan dapat direalisasikan.

Berkait dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Air Putih. Saya amat setujulah dengan pandangan Wakil Air Putih tentang pentingnya kita ada Pelan Pengurusan Bakat Dan Perancangan Penggantian ataupun *Succession Planning* dengan izin, yang teratur. Walaupun ada yang menyebut, mempertikaikan pegawai-pegawai sekarang. Bukan soal itu, soalnya kita harus merancang mencari pemimpin generasi masa hadapan, sesuai dengan keperluan masa hadapan bukan keperluan masa kini. Ini tidak bermakna kepimpinan atau

pegawai yang ada sekarang ini tidak bagus sepertimana Rasulullah Sallahu Alaihi Wassalam sendiri ada *Succession Planning* dengan izin, Baginda pastikan sebelum wafat ada pengganti yang sudah terlatih dan bersedia. Justeru kenyataan Bukit Tunggul yang mengatakan pegawai-pegawai kita tidak bagus, hanya menampakkan pandangan beliau yang memang sememangnya bagi saya tidak baguslah untuk kita tunjukkan kepada pegawai-pegawai kita kerana

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Dato' Yang Dipertua, minta laluan. Apa yang saya ulas adalah berkaitan dengan

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Yalah, sebab tadi Bukit Tunggul telah melahirkan satu persepsi dengan kenyataan Wakil Air Putih...

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): maksudnya seolah-olah yang ada ini tidak mempunyai kompetensi. Tak betul, bukan saya yang kata, Air Putih yang kata saya cuma terjemah saja.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Maksudnya tidak wajarlah untuk Wakil Bukit Tunggul apabila cadangan daripada Air Putih nak mempertingkatkan

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Pohon laluan. Saya tak sebut langsung dalam Ucapan Perbahasan saya yang memperlekehkan penjawat awam. Adakah kalau kita bagi Anjung Ilmu tambahan RM4 juta untuk kepada Kementerian Pendidikan boleh kata budak-budak sekarang ni bodoh, bukan, kita nak tingkatkan taraf pendidikan anak-anak kita, penambahbaikan mulai sekarang ni tak pakai. Itu yang saya cakap semalam, penambahbaikan, *continuing improvement*.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Boleh tengok *hansard* balik, yang dinyatakan itu adalah tafsir saya, itu kefahaman masing-masing. Yang dinyatakan semalam ialah bahawa pengambilan yang nak dibuat ini mesti ikut dia punya taraf, seolah-olah pengambilan sebelum ini tidak mengikut meritlah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Saya cakap dua perkara. Satu yang *high performance*, satu lagi yang biasa.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Itu kenyataan dan saya mentafsirkan, saya faham begitu.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, ini medan saya ni. Jadi izinkan saya untuk meneruskanlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Wakil Bukit Tunggal ada menyentuh tentang 15 *touch points* dengan izin, terdapat dalam sektor pelancongan dan menganggap sebagai tak mendapat sebarang kesan dan perkara kecil atau remeh. Jawapan saya untuk Wakil Bukit Tunggal, mungkin 15 *touch points* ini kecil bagi Bukit Tunggal tapi bagi saya sangat besar untuk rakyat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Minta penjelasan. Apa yang saya maksudkan ialah Yang Amat Berhormat Menteri Besar kena faham elok-elok, yang saya bincang berkaitan dengan untuk meningkatkan ekonomi negeri bukan ekonomi rakyat. Pendapatan negeri sekarang merosot, minyak takdok, bila takdok hasil minyak dan sebagainya sekadar ada RM400 juta bagaimana untuk meningkatkan ekonomi negeri kalau peruntukan pembangunan ekonomi hanya 10% daripada jumlah pembangunan. Apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkaitan perkara yang kecil-kecil bagi saya, itu tidak dapat meningkatkan ekonomi negeri hanya ekonomi penarik beca, nelayan, itu betul tapi untuk meningkatkan hasil negeri tidak betul, itu pandangan saya. Dan hasilnya hanya 4.6% seluruh daripada Bajet Negeri Terengganu, itu patut diperbetulkan.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Itulah yang saya sebut tadi, kadangkadangkang orang boleh melihat perkara-perkara kecil bagi mereka sebab itulah maka Kerajaan Negeri sangat menitikberatkan kepada MPR (Majlis Perundingan Rakyat). Dan lebih-lebih lagi

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekali lagi. Adakah Kerajaan yakin dengan peruntukan 4.6% daripada Perbelanjaan Mengurus Negeri itu boleh meningkatkan pendapatan negeri untuk mengganti hasil minyak yang mungkin akan hilang nanti. Adakah yakin, benar-benar yakin meningkat ekonomi dengan cara itu?

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Duduk dulu Wakil Bukit Tunggal. Dalam soal ini, sekarang ini dalam keadaan ekonomi yang sekarang ini sebab itu saya kata ada kadang-kadang kita terpaksa berfikir di luar kotak biasa. Maksudnya sekarang kerana itulah maka Kerajaan Negeri sekarang ini banyak memberi ruang dan peluang untuk kita dapat *generate* dengan izin, ekonomi kita melalui *sources* yang lain dengan izin. Antara yang telah kita buat, salah satu contohnya ialah Tabung Darul Iman sebab Tabung Darul Iman ini kita sedia maklum perbelanjaannya mulai meningkat dari masa ke semasa. Sekarang ini purata perbelanjaannya adalah RM800,000 sebulan. Dan saya jangka tahun depan akan meningkat kepada RM1 juta lebih sebulan. Jadi dengan keadaan, keupayaan negeri sekarang ini maka kita tidak mampu untuk mengisi Tabung Darul Iman ini menggunakan daripada pendapatan Kerajaan Negeri maka cara yang perlu kita laksanakan ini telah membuka peluang di mana Tabung ini kita telah buka peluang untuk orang lain juga membantu. Antaranya, kita minta pihak swasta, GLC dan orang perseorangan. Jadi di sini saya nak beri peluang kepada semua Yang Berhormat dan ketua-ketua yang ada dalam Dewan yang mulia ini untuk sama-sama membantu, saya pun lupa nak mintak pegawai untuk bawa borang hari ini sebab kita rasa ini peluang yang terbaik kerana kita

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, minta penjelasan sikit jer berkait dengan Tabung Darul Iman ini.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Nanti biar saya terang habis dulu, dok terang lagi bab-bab hak mustahak ni.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bukan nak terang nak tanya hak tu aje tentang Tabung Darul Iman.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Macam ni lah saya tak nak tegur banyak

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Saya tak habis lagi nak cerita

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Biar habis dululah, tadi Teluk Pasu pun banyak melanggar peraturan 47(A) tu jelas. Minta kebenaran dulu, saya benar, orang yang bercakap benar, saya panggil baru boleh bercakap. Kita ada undang-undang tapi saya tak nak sentuhlah sebab veteran belaka dah ni, lama dah dalam Dewan. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Saya nak ambil peluang di sinilah mengajak rakan-rakan saya yang ada dalam Dewan yang mulia ini sebab kita sebenarnya baru sahaja melancar Tabung Darul Iman di mana kita ada juga membuat potongan gaji kepada mana-mana yang sedia membantu. Jadi saya memohonlah dalam Dewan yang mulia ini terutama sahabat-sahabat dan rakan-rakan saya Yang Berhormat dan juga ketua-ketua jabatan sepatutnya hari ini kita edar borang hari ini, kalau boleh seikhlas masing-masing, yang boleh bagi RM10 sebulan ke dengan potong gaji, RM100 sebulan ke. Jadi dengan tidak secara langsung kita boleh membantu. Dalam soal apa yang berlaku sekarang ini kita perlu solidariti, pemuafakatan dan saling bantu membantu. Jadi saya nampak ini adalah antara cara yang kita boleh laksanakan sebagai kita dapat membantu rakyat kita yang ditimpa kesusahan dan kesulitan. Dan insyaAllah apa yang kita buat ini akan mendapat manfaat bukan hanya di dunia malah di akhirat. Jadi saya minta lepas pada ni pegawai yang terlibat dengan Tabung Darul Iman agar mengedarkanlah borang-borang potongan gaji kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat juga kepada ketua-ketua jabatan supaya kita menjadi contoh kepada rakyat yang lain. Kalau rakyat kita ada 1.1 juta ni kalau separuhlah 500,000 boleh bagi seringgit sahaja sebulan kita dapat buat pungutan sebanyak RM500,000 sebulan. Jadi ini akan meringankan beban Kerajaan dan juga dalam masa yang sama kita membantu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, isu defisit 10% juga turut dibangkitkan. Saya nak maklumkan bahawa Bajet Defisit juga dibentangkan di negeri-negeri lain. Malah jumlahnya berkali ganda jauh lebih besar dari Bajet Defisit Terengganu yang sebanyak RM120 juta. Contohnya, Bajet Defisit Selangor hampir RM1 bilion iaitu RM900 juta meningkat daripada RM630 juta tahun lepas. Pulau Pinang, Bajet Defisit sebanyak lebih setengah bilion iaitu RM667 juta meningkat daripada RM292 juta tahun 2016. Malah Bajet Terengganu ini dikatakan Bajet Gula-Gula Pilihan

Raya kerana kandungannya disifatkan memancing rakyat untuk terus menyokong UMNO. Hari ini saya juga nak pulangkan kembali kepada rakyat kerana sebahagian besar apa yang dianggap Gula-gula Pilihan Raya oleh Pembangkang sebenarnya adalah hasrat daripada rakyat sepertimana yang mereka sampaikan melalui Bengkel Bajet yang telah kita buat *road show* dengan izin, di semua daerah baru-baru ini. Permintaan, permohonan dan hasrat rakyat yang ini kita bawa dan kemukakan dalam bajet tahun ini dan Kerajaan Barisan Nasional sebagai Kerajaan yang prihatin, kita akan sentiasa mendengar dan kita cuba penuhi kehendak dan keperluan rakyat.

Soalan yang ditanya berkait dengan: Berapakah kelulusan Kawasan Hutan Simpanan Kekal Negeri Terengganu yang terlibat dan diluluskan untuk perlombongan? Hanya seluas 3,328.61 hektar Kawasan Hutan Simpanan Kekal yang terlibat diluluskan untuk perlombongan ataupun 0.61% berbanding kawasan keseluruhan Hutan Simpanan Kekal yang berjumlah 544,937 hektar di Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak ucap terima kasih kepada Wakil Batu Burok yang begitu prihatin dengan nasib Negara Malaysia yang menurut beliau perlu diselamatkan. Saya sangat bersetuju yang Negara Malaysia kita ini perlu diselamatkan, diselamatkan daripada apa? Daripada mereka yang hendak menjatuhkan Kerajaan melalui Demonstrasi Jalanan. Malaysia perlu diselamatkan daripada mereka yang terus menerus memburukkan negara kita dengan memberi kenyataan dan menyebarkan maklumat-maklumat yang tidak betul. Gambaran yang diberi oleh Batu Burok seolah-olah Negara Malaysia berada dalam keadaan yang sangat tenat. Kerajaan ini korup, rasuah berleluasa, Sistem Pilihan Raya kita penuh dengan penipuan. Faktanya simpanan Bank Negara RM407.8 bilion pada 15 November 2016, Rating A Minor oleh Standard & Poor Fitch Rating and Moody's lebih baik dari semua Negara Asean kecuali Singapura. Pasaran modal sangat kukuh RM2.8 trilion. Pasaran Ekuiti sangat kukuh RM1.7 trilion. Sukuk dan bon sangat kukuh RM1.1 trilion. Hutang kepada KDNK kekal terkawal pada 54.5% berbanding Singapura 89%. Negara ke-47 paling bahagia daripada 157 buah negara dalam World Happiness Report United Nations 2016. Dan saya sudah sebutkan dalam pembentangan Bajet muka surat 14, tentang banyak lagi pengiktirafan daripada Bank Dunia, Foreign Economy Dunia, IMD tentang ekonomi negara yang masih stabil dan diurus dengan baik. Malangnya contoh yang diberi oleh Batu Burok hanyalah Ranking Indeks Rasuah 2015 oleh Transparency International yang meletakkan Malaysia ditangga 54 daripada 175 negara, yang

peliknya yang dibuat kajian oleh Transparency International meletakkan Israel ditangga ke-32. Jadi takkanlah Malaysia kita ni lebih teruk dari Israel. Jadi ini rakyat boleh menentukan apakah kajian yang dibuat oleh Transparency International ini macam mana. Kalau sifirnya begitu, kalau kita terima kenyataan daripada Transparency International ini bagaimana dengan Selangor, Pulau Pinang dan Kelantan yang dimenangi oleh Pembangkang melalui sistem yang sama.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Penjelasan sikit. Boleh bantu?

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR: Ya, sila.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Bandar.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Apa yang diulas oleh Yang Amat Bert hormat tadi pengumuman data maklumat OPR (Standard Rating Fitch And Poor) itu berkenaan dengan pengurusan kewangan negara. Kalau kita di Terengganu ni sebagaimana disebut kita adalah People Based Economy. Jadi kita kena rujuk secara jelas indikator pertama ialah Hutang Isi Rumah, nak tengok rakyat Terengganu bertambah baik atau tidak, kita kena rujuk fakta-fakta atau maklumat ini. Hutang Isi Rumah bertambah ke, berkurang? Inilah panduan kita untuk menggambarkan kita betul-betul cakna kepada rakyat. Kau kita sebut Rating Poor and Fitch (OPR) dan sebagainya

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR: Saya menjawab dan memberi ulasan berasas kepada apa yang dikemukakan. Jadi kalau dah disebut di peringkat nasional dijadikan hujahnya *based* kepada nasional, jadi sayapun mengambil rujukan daripada perkara yang sama.

Berbalik kepada yang disebut oleh Wakil Tepoh. Berapakah kos projek Federal di daerah lain dan sehinggakan Wakil Tepoh kata Menteri Besar sekarang ini Menteri Besar Seberang Takir. Jadi saya nak beritahu

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Dok kata, cuma takut orang kata.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR:(Sambil gelak) Saya nak beritahu bahawa walaupun dalam buku Bajet ada menyatakan beberapa projek tetapi perlu diteliti bahawa projek-projek yang disebut itu seperti Aquapolitan tidak ada satu sen pun menggunakan duit Kerajaan Negeri. Yang ini semua adalah daripada Kerajaan Pusat. Jadi sebab itu kadang-kadang ada di dalam buku itu kita tidak masukkan kerana kita juga menggunakan peruntukan-peruntukan yang disediakan oleh pihak-pihak yang lain termasuk daripada KKLW, JKR, JPS dan berbagai-bagai lagi peruntukan yang boleh kita salur. Kalaulah kita hari ini meletakkan peruntukan-peruntukan untuk menyelesaikan isu hari ini menggunakan peruntukan/duit Kerajaan Negeri. Jadi tidak ada sebab hari ini untuk Kerajaan Pusat memberi peruntukan kepada Kerajaan Negeri. Jadi kerana itu kita menjelaskan bahawa Bajet yang kita buat hari ini bukan hanya satu Bajet yang mengikut kepada kemampuan Kerajaan Negeri, di samping itu kita juga nak memastikan bahawa ada sebab untuk Kerajaan Pusat memberikan peruntukan, menambahkan peruntukan dan menyelesaikan isu-isu dan perkara ini. Ini kerana apa? Kerana hubungan di antara Pusat dengan Negeri yang begitu akrab dan begitu baik, insyaAllah.

Jadi kerana itulah maka kita sebut macam Aquapolitan tadi adalah projek daripada Pusat RM180 juta sebagaimana Projek Pasar Payang. Seperti yang saya sebut tadi macam Projek Pasar Payang, memang kita sebut dalam Bajet yang lalu tetapi oleh kerana ada beberapa masalah, perlu buat *value management* dengan izin, perlu buat *value engineering* dengan izin. Jadi perkara-perkara begini yang membataskan menyebabkan projek ini tak dapat dilaksanakan dengan segera sedangkan peruntukan sudah sedia ada. Alhamdulillah, semuanya dah selesai, insyaAllah bermula pada awal tahun hadapan akan mula dilantik kontraktor untuk melaksanakan Projek Pasar Payang kita yang berharga RM78 juta menggunakan sepenuhnya peruntukan daripada Kerajaan Pusat.

Sebagaimana juga Gerbang Pelancongan di Kuala Besut. Gerbang Pelancongan di Kuala Besut kosnya adalah RM238 juta. Projek ini disebut semasa Pilihan Raya Kecil di Kuala Besut dulu, dah berapa lama dah. Tetapi alhamdulillah, saya difahamkan dalam bulan ini akan dilantik kontraktor dan projek ini akan dilaksanakan. Jadi ini juga nak menjelaskan bahawa projek-projek yang kita laksanakan melalui Bajet tahun hadapan ini menyeluruh. Walaupun tidak tercatat dalam buku kita tetapi banyak sebenarnya projek-projek yang telah diagih di semua daerah kita mengikut kepada keperluan-keperluan. Contohnya macam di

Daerah Besut walaupun ada orang sebut di Daerah Besut katanya tak nampak pun apa pun projek di Daerah Besut sedangkan projek di Besut sendiri, masjid sudah dapat dua di bawah Bajet Kerajaan Pusat. Dan selain daripada itu dia dapat Gerbang Pelancongan RM238 juta. Jalan Keruak Gunung Bongsu Fasa 2 RM423 juta, jadi bermakna di Besut sahaja menerima hampir RM700 juta projek yang akan disalurkan di Besut bermula pada tahun hadapan. Dan tidak masuk lagi *special project* RM30 juta bagi satu DUN, jadi ada 4 DUN di Besut menerima RM120 juta lagi. Jadi bermakna hampir RM1 bilion projek yang akan mengalir di Daerah Besut sahaja tetapi tidak tercatat dalam buku Bajet kita.

Jadi ini saya nak menjelaskan bahawa projek-projek yang kita buat ini secara menyeluruh dan saya nak betulkan balik tentang isu Pusat Haemodialysis Seberang Takir. Pusat Haemodialysis Seberang Takir ini adalah idea saya, rancangan saya dan pembinaan bangunan langsung tidak menggunakan satu sen pun duit daripada Kerajaan Negeri. Kerana apa? Kerana semuanya kita dapat daripada sumber sumbangan daripada pihak luar. Maka sumbangan pihak luar yang telah saya perolehi telah bersetuju untuk membina bangunan secara percuma. Cuma dari segi pembiayaan Kerajaan ialah dari segi membeli peralatan perubatan, mesin-mesin dan juga untuk menggaji tidak kurang daripada 9 orang pekerja yang ini akan ditanggung oleh Kerajaan. Ini yang dinamakan sebagai NBOS (National Blue Ocean Strategi) dengan izin, kerana inilah cara-cara yang perlu kita laksanakan secara di luar kotak biasa kerana di dalam ekonomi sekarang kita tidak boleh lagi bergantung sepenuhnya kepada Kerajaan untuk mendapatkan sumber kewangan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, izinkan saya menjelaskan beberapa perkara lagi berkait dengan yang disebut oleh Wakil Wakaf Mempelam berkait dengan Negeri Terengganu adalah negeri termiskin ataupun katanya nombor 2 termiskin di negara kita. Yang ini saya nak betulkan balik kerana saya dapati bahawa ini berulang-ulang disebut. Saya ingat data yang diberi ini data yang lama. Saya berharap Yang Berhormat Wakaf Mempelam kalau boleh dapatkan data yang terkini yang sahih kerana menurut data yang dikeluarkan oleh ICU Jabatan Perdana Menteri sehingga 26 Oktober 2016 sebanyak 46,630 ketua isi rumah di Terengganu sudah berjaya dikeluarkan daripada Senarai Kemiskinan e-Kasih. Ini satu cerita kejayaan atau *success story* dengan izin, yang sangat membanggakan kita. Tahniah dan syabas. Dan Terengganu juga adalah negeri yang paling sedikit mempunyai bilangan ketua isi rumah yang miskin tegar, kita di tempat yang ketiga belas dan sebagai perbandingan, Selangor di tempat yang keempat paling ramai

miskin tegar, jadi Terengganu lebih baik daripada Selangor. Walaupun kita lihat Selangor adalah negeri yang lebih kaya daripada Negeri Terengganu. Dato' Yang Dipertua, Bajet ini adalah Bajet yang mengambil kira pandangan dan hasrat rakyat. Kerajaan cuba sedaya upaya memenuhi kehendak dan permintaan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, nak minta penjelasan tentang komen Wakaf Mempelam kata tadi yang kedua termiskin tadi. Yang ke berapa miskin, tak disebut tadi Dato' Yang Dipertua nombor ke berapa?

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Jadi saya nak bacalah untuk status kemiskinan Terengganu yang *ranking* miskin tegar kita di tempat yang ketiga belas. Yang miskin, *ranking* kita yang keenam. Dan paling ramai yang keluar dari status kemiskinan Terengganu nombor satu.(Tepukan) Ya, yang paling ramai terkeluar dari status kemiskinan negeri dalam Malaysia ini ialah Terengganu. Kita telah keluar 46,630 orang yang telah terkeluar. Jadi tak betullah kalau dikatakan bahawa Terengganu kita nombor dua yang termiskin. InsyaAllah, ini merupakan perjuangan kita bersama-sama memandangkan ke hadapan dan kita nak pastikan bahawa kemiskinan di negeri kita akan dapat kita selesaikan sehabis yang baiklah.

Kedua, semenjak dari awal saya mengambil alih tugas sebagai Menteri Besar, ada dua perkara yang saya tegaskan berulang kali. Pertama saya tegaskan bahawa saya dan rakan-rakan barisan Exco akan meneruskan semua kerja-kerja baik yang telah dibuat oleh Yang Berbahagia Dato' Seri Amar Di Raja, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad, Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh dan Yang Berhormat Dato' Seri Ahmad Said. Saya mahu semua rakyat tahu bahawa saya menyambung kerja-kerja baik dan asas yang telah mereka letakkan untuk pembangunan Negeri Terengganu. LPT2 misalnya, siap zaman saya menjadi Menteri Besar tapi kerja-kerja awal dibuat semasa zaman Tan Sri Haji Wan Mokhtar lagi. Begitu juga Stadium Darul Iman Training Centre Kemaman, IMTIAZ dan berbagai projek yang sebelum ini belum siap atau lesu dimulakan bukan pada zaman saya tapi saya sambung dan selesaikan. InsyaAllah, selepas ini kita akan lihat semula isu Taman Ilmu sepertimana yang dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat insyaAllah, saya yakin bahawa pada tahun hadapan kita akan fokus dan menyelesaikan isu Taman Ilmu di Tembila insyaAllah, sepertimana kita juga nak menjayakan Tasik Kenyir kita. Saya tidak nafikan sumbangan sesiapa, malah saya selesaikan apa

yang tidak selesai dan tambah nilai apa yang belum selesai. Kerajaan Barisan Nasional yang laksanakan semua ini untuk rakyat. Saya juga berulang kali sebut bahawa kita harus sentiasa memandang ke hadapan, *move forward* dengan izin, sebaik-baiknya teruskanlah perjuangan dengan memandang ke hadapan. Meneruskan kerja-kerja baik yang dilakukan oleh pemimpin terdahulu dan sentiasa memandang ke hadapan adalah dua perkara yang sering kali saya tegaskan sewaktu saya mula mengambil alih tugas sebagai Menteri Besar Terengganu yang baharu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, justeru itu, saya akan terus memandang dan maju ke hadapan. Kepada sekalian rakyat yakinlah dan percayalah bahawa saya dan rakan-rakan dalam Kerajaan akan tetap memberikan yang terbaik untuk rakyat Terengganu, itu janji saya lebih-lebih lagi dibantu oleh pegawai-pegawai kita yang memang semuanya hebat-hebat belaka.(Tepukan) Terima kasih kepada pegawai-pegawai Kerajaan Negeri. Saya berjanji saya tidak akan hampakan harapan rakyat, amanah dan tanggungjawab yang dipikul akan saya pegang erat, biar remuk digenggaman asalkan tak reput menyembah bumi. Marilah bersama saya kita terus melangkah ke hadapan:

Buah langsung kuning mencelah,
Masak ranum bertongkat galah,
Adat bersidang kita bertelingkah,
Janganlah retak menjadi belah.

Segak tampan berbaju merah,
Bagai seniman sedang bermadah,
Sebagai hamba patut pasrah,
Kepada Allah jua saya berserah.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, boleh saya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak benar dah. Minta maaf.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ada benda-benda

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Soalan yang saya timbul belum berjawab.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Lihat peraturan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ikut peraturan yang sebab tu tanya dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau tak ikut peraturan nak ikut siapa, nak ikut budi bicara semua selalu ke?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ikut peraturan yang tanya tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah cukup dah 47(A) jelas. Dah duduk dah, dah rumus dah, dah gulung dah.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya minta dah tapi Yang Dipertua tak bagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baca peraturan 47(A) jelas dah tutup dah.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya bangun ketika

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nak saya ulang sekali lagi 47(A) jelas. Tak dibenarkan. Nak saya baca 47(A)?

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): *Cheque differed payment* tidak dijelaskan dalam Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak, Tepoh duduk.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya mintak Yang Dipertua bertanggungjawab dalam isu ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ikut orang lama, veteran duduk, kita orang muda-muda ni ikut peraturan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Duduk tu nak bangun semula sebenarnya.(Dewan gelak)

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: ...(Sambil gelak) Terima kasih. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sebab ada perkara-perkara

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Cukup dah. Panjang dah. Terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak boleh bangun?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak. Boleh bangun, insyaAllah lepas ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bangun tidur tu(Sambil gelak)

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey. Terima kasih banyak. Jazakallahu khairan kathira. Terima kasih banyak Yang Amat Berhormat Menteri Besar selaku Ketua Kerajaan yang telah melakukan penggulungan sebentar tadi. Alhamdulillah, syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana merestui kita semua, memberikan suara, memberikan tenaga untuk kita sebagai Yang Berhormat menunaikan amanah sebenarnya di sini pada hari ini. Terima kasih banyak kepada semua yang menghormati yang terlibat dalam perbincangan dan penggulungan Bajet 2017. Sekali lagi terima kasih banyak kepada Yang Amat

Berhormat Menteri Besar selaku Ketua Kerajaan yang telah menggulung sebentar tadi dan menutupnya dengan penuh hikmah.

Sekarang saya ingin buka kepada undian.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, saya rasa ada *scenario* yang luar biasa sikit. Ada gajah dengan rimau duduk sekali. Kita cuba hari ini sekali, tengok.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, terima kasih. Terima kasih Bandar. Saya nak teruskan

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Kita boleh tengok hari ini, sokongan hari ini. Kita tengok hari ini kalau gajah dengan rimau boleh cantum hari ini, kita tengok atas sokongan macam mana.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab itu saya cadangkan Undi Sulit hari ini.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Nak cantum guana, soalan pun tak jawab ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya cadangkan Dewan hari ini mengambil ketetapan Undi Sulit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak teruskan urusan Kerajaan.....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya, kita boleh teruskan tetapi secara

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak. Saya tidak berhasrat untuk membuat Undi Sulit. Saya akan teruskan kepada undian

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau macam tu Dato' Yang Dipertua. Kita buat undian siapa yang bersetuju Undi Sulit, siapa yang bersetuju Undi Biasa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak benarkan, saya nak hak berbelah bahagi. Cukuplah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini bukan berbelah bahagi Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak teruskan urusan Kerajaan. Bandar duduk.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kita undi, siapa yang sokong

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar duduk. Terima kasih Bandar. Saya tahu Bandar akan setuju, insyaAllah. Terima kasih Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kita akan bersetuju, kita tengok, kita tengok

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, terima kasih Bandar.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua sebenarnya biar saya jelaskan, Bandar dia nak mengambil peluang hari ini untuk dia nak menyokong tapi mungkin dia ada rasa segan sedikit. Saya rasa tak perlu sulitlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jabi.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya mohon dibuat Undi Sulit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju agar Rang Enakmen ini dibaca kali yang kedua

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Siapa yang bersetuju, sila angkat tangan?

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti, *point of order* mana, nak tanya?

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Undi Sulit tidak memerlukan *point of order*.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Peraturan mana? Saya berdasarkan peraturan.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya cadang.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak setuju.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya cadang.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak setuju.(Dewan gelak) Keputusan Speaker adalah muktamad. Saya minta maaf. Saya tahu lepas ni akan jadi viral dan sebagainya.....

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Cadangan kedua

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Semalam juga viral terhadap Usul yang saya tolak awal oleh seorang Ahli Dewan.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, yang keduanya

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tidak mahu terima. Cukup!

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Cadangan untuk undi sama ada siapa setuju Undi Sulit, siapa setuju Undi Biasa angkat tangan

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak payah. Saya nak tanya Bandar, siapa Speaker di sini?(Dewan Gelak)

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Speakerlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Peraturan mana yang mengatakan Bandar lebih muktamad keputusannya selain daripada Speaker?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Maksudnya Yang Berhormat Dato' Speaker telah buat *ruling*?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebutlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya dah sebut tadi. *I've made the ruling, do you want it in English or what?*

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): *You can make in English for the second one, you have to make another ruling.*

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya dah buat dua kali dah. Boleh tengok hansard nanti. Okey, terima kasih. Y.B. Bandar dah lama di Parlimen.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab itu saya guna peruntukan itu Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak. Jazakallahu khairan kathira.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar, ya. Kita teruskan. Sekarang saya buka kepada undian -

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2017 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2017 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan Dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Air Putih. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2017 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alhamdulillah, maka Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Perbekalan 2017**.

**ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU
(PINDAAN) (NO.2) 2016**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Salam 1TTB. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang pertama. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABDUL RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut. Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang pertama –

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK
MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG
MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360 [En.Tr.17/1360].

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tarikh permulaan kuat kuasa.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan UNISZA HOLDINGS SDN. BHD. dan UNISZA PROPERTIES SDN. BHD. menjadi badan yang kepadanya tanah Orang-Orang Melayu boleh dipindahmilik.

Implikasi Kewangan

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk bacaan kali yang kedua, sekarang saya buka untuk perbahasan. Sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas. Sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya konsisten dalam isu Tanah Simpanan atau Tanah Rezab Melayu ini. Kerana penggal lepas dan dua penggal yang lepas kita telah melaksanakan perkara yang sama secara berperingkat-peringkat. Dan kesemua pindaan yang telah kita buat kita ke belakangkan tarikh berkuatkuasanya. Dan hari ini kita ada lagi satu, Rang Undang-Undang yang bentuk sama, tujuan yang sama tapi sekarang seperti yang dibentangkan tadi dimasukkan dua entiti baru UNISZA (tapi disebut YUSNIZA oleh Wakil Bandar) HOLDINGS SDN. BHD. dan yang disebut satu lagi. Cuma perkara yang pertama Dato' Yang Dipertua, agak malang juga kita kenapa perkara ini berlaku, ini adalah kertas cadangan Warta Kerajaan yang diterbitkan untuk persetujuan Dewan. Saya rasa kertas ini adalah kertas *statute (statutory)* yang ada kedudukan undang-undanganya. Tapi cuba kita tengok muka surat 23, di bawah pindaan Seksyen 9 maknanya cadangan Seksyen 9 mesti dikeluarkan kerana terdapat kesilapan yang sangat jelas. Kita nak pinda Seksyen 9 untuk memasukkan UNISZA (tapi disebut YUSNIZA oleh Wakil Bandar) HOLDING SDN. BHD. tapi versi Bahasa Melayunya dua kali dimasukkan UNISZA HOLDINGS tidak ada UNISZA PROPERTIES. Tidak tercatat UNISZA PROPERTIES (tapi disebut YUSNIZA oleh Wakil Bandar) SDN. BHD. dalam kertas *statute* versi Bahasa Melayu

yang kita edarkan. Maka saya cadang, Seksyen 9 kita keluarkan satu warta baru memasukkan pindaan Seksyen 9 dengan nyata untuk menyebut agensi yang kita nak masukkan itu untuk '(ax)' UNISZA (tapi disebut YUSNIZA oleh Wakil Bandar) HOLDINGS SDN. BHD.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR: Dia bukan YUSNIZA, UNISZA.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): UNISZA.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR: Okey, baik, terima kasih.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ejaan dia UNIS-ZA, jadi UNISZA lah. *Pronunciation* sikit tu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar sebut sekali lagi Bandar.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): *Peweng* sikitlah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebut balik macam mana?

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): UNISZA.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey.(Dewan gelak)..... *Pitching* dah betul tu.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Cikgu. Okey, sama juga dengan kaedah yang dulu iaitu kita nak masukkan sebuah agensi, saya dah semak apakah entiti UNISZA ini iaitu menjalankan aktiviti pembangunan hartanah, penyelidikan dan sebagainya ia juga adalah entiti pelaburan jangka panjang yang melibatkan dalam sektor hartanah. Baru lagi ditubuhkan Dato' Yang Dipertua, 12.9.2012, dan antara tugas dia sepatutnya saya rasalah tugasnya untuk tujuan perumahan jugalah nampak gaya pada kali ini. Dan kalau mengikut penerangan yang diberikan oleh Kerajaan dulu, Tanah Simpanan Orang-orang Melayu hanya terdapat di Kuala Berang. Adakah benar Tanah Simpanan Orang-orang Melayu semua daerah ada di merata-rata, di Kuala Berang sahaja Tanah Simpanan Orang-orang Melayu. Ya, maksudnya satu, Rizab Melayu, satu lagi Simpanan Melayu dan Pegangan Melayu seperti yang Y.B. Ladang terangkan pada

sesi yang lepas bermakna kita sekarang melihat kedudukan Tanah Simpanan Melayu ini untuk diberi kepada agensi yang menjalankan perniagaan dan bersifat entiti pelaburan kerana melihat tanah ini boleh diperolehi dalam kadar harga yang lebih murah barangkali. Dan kalau untuk tujuan UNISZA ini sudah tentu kita memberi pertimbangan untuk UNISZA ini menjalankan perniagaan dan mendapat untung. Kenapa atas Tanah Simpanan Melayu kalau betul-betul kita nak pinda juga dan nak masukkan agensi ini kenapa kita tak utamakan agensi-agensi Kerajaan yang lain bukannya sektor yang dibenarkan untuk meraih keuntungan. Meraih keuntungan ini sudah tentu mengenakan kadar harga, kadar pasaran dan sebagainya mesti mengambil kira. Kalau kata Kerajaan Negeri nak buat rumah, kita ada banyak agensi Kerajaan Negeri, Perumahan Rakyat, kita ada PR1MA yang pada sesi lepas kita benarkan, ni kita nak beri juga kepada UNISZA HOLDINGS SDN. BHD. Kemudian, saya tak nak bincang berkenaan UNISZA PROPERTIES, pada saya Dato' Yang Dipertua, tidak sah kita bincangkan UNISZA PROPERTIES kerana tidak ada tercatat dalam pindaan Seksyen 9 versi Bahasa Melayu, tidak ada. Jadi kita kena buat pindaan itu dulu baru kita bincangkan. Dan saya meragui peranan yang akan dimainkan oleh UNISZA PROPERTIES SDN.BHD. kerana kita masukkan dua-dua sekali, satunya, UNISZA HOLDINGS dan satu lagi kita cuba untuk disebut tadi, UNISZA PROPERTIES SDN. BHD. Hari ini Dato' Yang Dipertua, saya tidak memperakui cadangan ini boleh dibawa dalam Dewan kerana UNISZA PROPERTIES SDN. BHD. tidak tercatat dalam versi Bahasa Melayu di atas kertas statute Warta yang kita bentangkan pada hari ini. Jadi saya nak dengar penerangan berkenaan dengan UNISZA HOLDINGS sahaja dan saya telah menyemak kedudukan Ahli Lembaga Pengarah dalam UNISZA HOLDINGS SDN. BHD. ini dan ternyata motif utamanya adalah untuk membangunkan hartanah dan orientasi keuntungan, Dato' Yang Dipertua. Maka saya minta penerangan ini dibuat dan untuk elemen tergesa-gesa ini saya rasa patut tidak berlaku lagilah Dato' Yang Dipertua. Terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar. Saya buka lagi. Ya, Bukit Tunggal. Sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan sahabat-sahabat Yang Berhormat sekalian.

Saya nak ambil sedikit masa sahaja. Cuma saya nak peringatkan tentang beberapa perkara. Ini merupakan pindaan dah yang ke-50 dan 51. Betullah macam Yang Berhormat Bandar sebut tadi ada kesilapan dari segi *typing* kot, dalam jawinya betul, dalam Inggerisnya betul, dalam Melayunya tak betul. Jadi ini ada sedikit kesilapanlah.

Cuma saya nak sebut di sini ialah sudah banyak kali Tanah-tanah Rezab Melayu ni jadi mangsa sehinggakan kalau kita rujuk balik kepada Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam ni yang dibentangkan kepada kita pada hari yang pertama iaitu berkaitan dengan Tanah Rezab Melayu yang tinggal di Terengganu hanya 0.0091% sahaja daripada keluasan tanah 1,290,005,678.3 hektar itu dari keluasan Negeri Terengganu. Ini merupakan satu kadar yang sangat kecil berbanding dengan Wasiat Raja-raja Melayu disebut di situ. Tujuh Wasiat Raja-raja Melayu dan pemimpin-pemimpin yang dibuat semasa Hari Merdeka, 31 Ogos 1957. Dan yang kedua, menyatakan wasiat tersebut ialah mengenai keluasan Tanah Simpan Melayu ialah nisbah 50% daripada keluasan negeri.

Di Terengganu ni agak jauh ketinggalan dari segi simpanan ini dan kenapa setiap pembangunan ini nak dimangsakan Tanah Rezab Melayu ni? Sedangkan banyak lagi tanah-tanah lain boleh dibangunkan untuk diberi kepada Saya bukan nak halang untuk diberi kepada UNISZA ataupun kepada siapa-siapa tetapi kenapa dah sampai 51 agensi yang boleh Tanah Rezab Melayu ini dipindah milik. Ini merupakan suatu perkara yang boleh dikatakan tidak sihatlah dan akan datang akan ada lagi agensi-agensi lain. Jadi inilah perkara yang saya minta diberi perhatian.

Sekiranya memang bertujuan nak memajukan tanah orang Melayu yang tak mampu, kita boleh buat cara lain supaya tanah ini kekal dimiliki oleh individu Melayu itu yang penting. Individu itu yang memiliki tanah bukannya agensi. Sebab kita nak supaya menepati kehendak Wasiat Raja-raja Melayu dan juga melihat keadaan Rezab Melayu di Terengganu ini sudah begitu mengecil dan tidak diganti sebagaimana yang sepatutnya mengikut Perlembagaan Negara.

Saya rasa itulah sahaja apa yang nak saya peringatkan oleh kerana dah jadi satu tabiat memasukkan agensi-agensi akhirnya semua Tanah Rezab Melayu boleh dipunyai semua orang nanti. Sekian. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak Bukit Tunggal. Okey, kalau tak ada, sila pihak Kerajaan membuat penggulungan. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam TTB. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Dan terima kasih saranan daripada Yang Berhormat Bandar dan juga Yang Berhormat Bukit Tunggal. Saya akuilah ada kesilapan di situ, nanti kita akan perbetulkan selepas ini.

Cuma saya nak menerangkan tentang apa sebenarnya yang kita maksudkan dalam meminda Enakmen ini. Walaupun Enakmen yang kita cadangkan ini disenaraikan di bawah Seksyen 9 (iii), ini bukanlah merupakan kelulusan secara dengan izin, *blanket approval*, boleh menerima pindah milik atau membeli terus Tanah Pegangan Melayu. Ianya bergantung kepada kes demi kes, contohnya jika sebidang tanah di Kuala Nerus hendak dibeli atau dipindah milik kepada UNISZA HOLDINGS SDN. BHD. atau UNISZA PROPERTIES SDN. BHD. maka ianya hendaklah memperolehi kelulusan terlebih dahulu daripada Sultan Dalam Mesyuarat atau Pihak Berkuasa Negeri. Sekiranya ia bercadang untuk membeli sebidang tanah Pegangan Melayu lain di Besut maka sekali lagi kelulusan Sultan Dalam Mesyuarat atau Pihak Berkuasa Negeri perlu diperolehi dan begitulah seterusnya. Kemasukan UNISZA HOLDINGS SDN. BHD. atau UNISZA PROPERTIES SDN. BHD. dalam Seksyen 9 (iii) Enakmen Rezab Melayu di atas hanya sebagai prasyarat untuk ia membeli Tanah Pegangan Melayu dan bukan kelulusan secara dengan izin, *blanket approval* kerana ianya masih ada lagi sekatan yang memerlukan kelulusan daripada Sultan Dalam Mesyuarat atau Pihak Berkuasa Negeri untuk membolehkannya membeli Tanah Pegangan Melayu berdasarkan kes demi kes.

Tanah-tanah Pegangan Melayu orang Melayu yang dibeli atau dimiliki oleh UNISZA HOLDINGS SDN. BHD. atau UNISZA PROPERTIES SDN. BHD. atau mereka-mereka yang telah disenaraikan di bawah Seksyen 9 (iii) Enakmen Rezab Melayu masih lagi kekal berstatus Tanah Orang Melayu. Oleh itu, sekiranya Tanah-tanah Orang Melayu ini yang dibeli atau dimiliki oleh UNISZA HOLDINGS SDN. BHD. atau UNISZA PROPERTIES SDN. BHD. atau mereka yang tersenarai di bawah Seksyen 9(iii) Enakmen Rezab Melayu Terengganu ianya tidak boleh dijual selain kepada Orang Melayu atau Syarikat Pegangan Melayu atau kepada mereka yang disenarai

di bawah di bawah Seksyen 9(iii) Enakmen Rezab Melayu Terengganu sahaja. Jadi maknanya tak ada masalah. Kalau kata UNISZA HOLDINGS, UNISZA PROPERTIES dia nak membangun kawasan itu maka bangunan yang nak dibuat itu mesti dijual kepada yang tersenarai di dalam Seksyen 9(iii). Sebagai contoh, sekiranya UNISZA HOLDINGS SDN. BHD. atau UNISZA PROPERTIES SDN. BHD. membangunkan Tanah Orang Melayu yang dibelinya dengan perumahan dan perkedaian ianya hanya boleh dijual kepada Orang-orang Melayu dan Syarikat Pegangan Melayu sahaja kerana status Pegangan Melayu, Tanah Orang Melayu masih lagi dikekalkan walaupun ia telah dimiliki oleh UNISZA HOLDINGS SDN. BHD. atau UNISZA PROPERTIES SDN. BHD. serta masih terletak di bawah Enakmen Rezab Melayu Terengganu. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, minta penjelasan sikit. Saya rasa dalam Sidang Dewan

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Saya rasa jelas dah tu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak, bukan, saya rasa dalam Sidang Dewan ni dua kali dah saya bawa kes ni. Saya bawa dengan salinan geran dan sebagainya. Tanah Pegangan Melayu yang ditukar kepada UMNO, kerana nama UMNO boleh tukar sebab nama Melayu tapi akhirnya apabila dibuat bangunan ditukar kepada bukan bumiputera. Saya dah dua kali dah bawa ke Dewan, macam mana boleh jadi gini. Satni Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebut tidak akan berlaku, tak boleh, kekgi pun tubik nama orang Melayu jugak tapi realitinya itu yang berlaku di Cacar dan juga di Tebing Tembah. Saya sebut dah dalam Dewan ni, macam mana boleh berlaku. Kita bimbang lepas pada ni berlaku pula. Cakap bunga-bunga tu memang sedap tapi hakikatnya Tanah Orang Melayu boleh kepada orang bukan Melayu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Minta penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya rasa dah jelas tu kot.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya dah buktikan dalam Dewan ini tunjuk dua kali, siap dengan nombor lot, siapkan dengan penama.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Paka, duduk Paka.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Tak apa Paka, nanti kita bincang di luar, Paka sebab kita habis dah gulung. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dan saya harap perkara ini tidak berlaku.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia sepatutnya masa perbahasan tadi, sepatutnya saya bagi satu pihak untuk

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah ni masih lagi dalam perbahasan ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ni dalam penggulungan. Bila kemudiannya Ketua Kerajaan menggulung sepatutnya tidak ada dah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah saya minta penjelasanlah ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itu undang-undangnya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hakikatnya UMNO gadai tanah orang Melayu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Paka. Alhamdulillah, kita telahpun selesai membahaskan Rang Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan)(No.2) 2016. Sekarang saya buka kepada undian -

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL (PINDAAN TELAH DIBUAT KE ATAS FASAL 2 VERSI BAHASA MELAYU – (ay) UNISZA HOLDINGS SDN. BHD. DIPINDA MENJADI UNISZA PROPERTIES SDN. BHD. DAN DI BAWAH FASAL 2 VERSI JAWI NOMBOR '1930' DIPINDA KEPADA '1360') TELAH DIPERSETUJUI DAN DILULUSKAN DENGAN PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan Dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maka Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan)(No.2) 2016.**

Oleh kerana masa dah pukul 1.30 tengah hari, kita perlu Solat Zuhur dulu dan rehatkan diri, jadi saya ingin menangguhkan sementara mesyuarat kita pada tengah hari ini oleh kerana banyak lagi enakmen yang akan kita bincangkan, bicarakan, kita sambung pukul 2.30 petang ini. Kita dahulukan solat dulu.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya muliakan maka saya tangguhkan sementara Dewan pada tengah hari dan kita sambung balik pada pukul 2.30 petang. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.30 PETANG.

PUKUL 2.30 PETANG

**ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH (TAKZIR)(TERENGGANU)
(PINDAAN) 2016**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang saya muliakan. Mesyuarat disambung semula. Kita sambung dengan Enakman Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) (Pindaan) 2016.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Langkap. Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang pertama.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI
MEMINDA ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH
(TAKZIR) (TERENGGANU) 2001, DIBACA BAGI KALI YANG
PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 16 berkenaan kesalahan tidak menunaikan Sembahyang Jumaat dengan menambahkan lagi denda dan hukuman penjara.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 19 berkenaan dengan peruntukan tidak menghormati bulan Ramadhan dengan pindaan kepada denda dan hukuman sedia ada.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 24A berkenaan dengan perbuatan-perbuatan sumbang.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 34 berkenaan dengan perbuatan tidak sopan di tempat awam dengan memanjangkan lagi tempoh hukuman penjara yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 53 berkenaan mengganggu perempuan di tempat awam dengan memanjangkan lagi tempoh hukuman penjara yang akan dikenakan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Langkap. Alhamdulillah, Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan, sekiranya ada. Silakan. Kalau tak ada saya nak teruskan Okey, ada. Sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, ini ada silap pulak sekali lagi mo'oh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silap kat mana tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): No.2. - Pindaan Seksyen 16:

"2. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takziah)".

Ada orang nak mati mo'oh? '(Takziah)' bukan '(Takzir)'. Tak tahulah *typo* ke, ada orang nak meninggal ke, tak tahulah. Ke macam mana tu, kalau sudah begini bagaimana? Dia sah ke, tak sah ke, bagaimana? Nak *point*, khabor hak tu aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, okey. Dia pindaan boleh dibuat, ni belum lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak apalah, khabor aje awal-awal.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tanpa notis pun pindaan boleh dibuat, macam tadilah. Terima kasih kerana melihat perkara itu. Ya, sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Berkenaan dengan cadangan untuk meminda Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001, saya ingin merujuk kepada Pindaan

Seksyen 19 yang dibentangkan di bawah perkara 3. Dan Yang Berhormat Exco tadi menyebut tentang tujuan seksyen ini diwujudkan adalah untuk memberi atau mengenakan denda ataupun hukuman terhadap kesalahan tidak menunaikan Sembahyang Jumaat. Antara tujuan asal ialah untuk menambah denda dan hukuman penjara.

Saya ingin menarik perhatian Dewan, tengok kepada perkara 3, Seksyen 19 Enakmen ibu yang digariskan di bawah perkara (a) – “tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya boleh didenda”. Ini berkenaan dengan prosedur tidak menghadiri atau melakukan Sembahyang Jumaat dan dianggap satu kesalahan dan sekiranya dibuktikan kesalahan ini, saya tak mahu pertikaikan prosedur penangkapan ataupun prosedur menjatuhkan hukuman tetapi ini pindaan yang dicadang untuk dibawa di dalam Dewan.

Bahagian (b) – dengan menggantikan perkataan “dua ribu ringgit” dengan perkataan “satu ribu ringgit”. Persoalan yang saya nak bawa, tujuan atau *maudu'* kita bawa rang undang-undang atau enakmen ini adalah untuk menambah hukuman tetapi di bahagian (b) ia ternyata mengurangkan hukuman. Jadi perbezaan dia adalah sama ada kita nak mempertingkatkan denda bersekali dengan menambah hukuman penjara ataupun denda ataupun kita hanya menumpukan tentang mempertingkatkan hukuman penjara dan *compensate* dengan mengurangkan denda. Jadi dalam kes ini saya melihat pengurangan daripada “dua ribu ringgit” kepada “satu ribu ringgit” ini adalah satu langkah ke belakang. Seolah-olah macam kita nak mempertingkatkan amaran dan juga kepatuhan ataupun *compliance* kepada kewajipan kepada menunaikan Sembahyang Jumaat tetapi dalam kes denda kita kurangkan 50%. Jadi saya merujuk kepada pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telahpun sebenarnyaewartakan Sembahyang Jumaat di Negeri Terengganu adalah wajib dan pihak peniaga pasar raya dan sebagainya telah dimestikan untuk menutup waktu ataupun operasi premis perniagaan di waktu tempoh Solat Jumaat ini dilangsungkan. Jadi saya mintak sebelum kita berbincang dalam aspek yang lebih dalam kalau sekiranya ada. Saya mintak dilihat dalam perkara Pindaan Seksyen 19, pengurangan denda ini nampaknya sebagai satu langkah yang ke belakang ataupun kita sengaja nak wujudkan diskaun 50% barangkali, kita kena nyatakan secara jelas dalam kedudukan ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Silakan kalau ada lagi. Kalau tak ada dipersilakan membuat penggulangan pihak Kerajaan. Silakan pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Cadangan tambahan dan pindaan berapa seksyen dalam enakmen ini sebenarnya bertujuan untuk meningkatkan lagi keberkesanan terutama dalam aspek penguatkuasaan dan pembuktian dakwaan dalam kes-kes terhadap peruntukan-peruntukan undang-undang di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah. Oleh sebab itu, beberapa pindaan ini dibuat.

Ini berdasarkan beberapa perkara, antaranya rumusan daripada pindaan ini ialah meminda kesalahan daripada tidak boleh ditangkap kepada kesalahan yang boleh ditangkap kerana ada dalam kes-kes tertentu misalnya Sembahyang Jumaat dan sebagainya.

Kemudian, kesalahan yang tidak boleh ditangkap ialah kesalahan yang boleh ditukar yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh kurang daripada satu tahun atau dengan denda sahaja. Ini bertujuan untuk memudahkan proses kerja oleh Pegawai-Pegawai Penguatkuasa, Pendakwaan Syarie dan Mahkamah Syariah.

Dan pindaan pemenjaraan adalah pra-syarat kepada pemindahan satu-satu kesalahan daripada tidak boleh ditangkap kepada boleh ditangkap. Pindaan hukuman pemenjaraan daripada minimum enam (6) bulan sehingga maksimum satu (1) tahun kepada minimum dua (2) tahun hingga tiga (3) tahun adalah untuk memberi kesedaran dan keinsafan kepada masyarakat.

Dan akhir sekali, rasionalnya pindaan ini adalah

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, sebelum akhir, takut tak boleh tanya pula selepas ini. Boleh mencelah sikit tak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak nak minta pengesahan tadi tu, menggantikan perkataan "dua ribu ringgit" kepada perkataan "satu ribu ringgit", memang perkataan begitu ke, ataupun kesilapan ke, atau macam mana tu? Minta penjelasan sebelum kita sokong. Niat nak sokong ni tapi nak jelas hak tu dulu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ni pindaan Seksyen 19 ni, muka surat 30, Pindaan Seksyen 19, perkara 3, dia ada (a), (b) dan (c). Saya merujuk kepada (b).

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Kena teliti sikit tu sebab ni nak buat jadi undang-undang peraturan ni, takut tersalah. Kalau memang niat begitu tak apalah.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa kalau kita rujuk muka surat 30, saya pun tak pakar bidang ni, cuma saya bagi pandangan saya. Merujuk kepada muka surat 30, Pindaan Seksyen 19, perkara 3 perkara (b). Lepas tu kita rujuk kepada muka surat 38, *Amendment of Section 19*, perkara 3 subsekyen (b) makna *is a straight translation* makna kalau kita tengok yang muka surat 38 *by substituting* dengan izin, *by substituting the words "two thousand ringgit", the words "one thousand ringgit"*, makna kata "*one thousand ringgit*" tu dia nak *substitute* ke "dua ribu ringgit". Itu English lah. *My understanding in English*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, pandai Kemasik Bahasa Inggeris ya. Terima kasih. Yalah kalau kita tengok jawi pun tengok muka surat 30, 34, 38, jawi samalah. Saya rasa

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Makna kata Yang Dipertua, dia kata nak *substitute* ayat "dua ribu ringgit" dengan ayat "satu ribu ringgit" itu tadi. Itu *understanding in Englishlah*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Okey, tak apa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti dulu, biar habis. Kemasik dah habis dah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dah habis dah. Okey, kalau Dato' Yang Dipertua kata jawi pun sama, lain tu. Jawi sama dengan yang Melayu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jawi sama dengan Melayu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya, jawi sama dengan Melayu. Dengan menggantikan perkataan "dua ribu ringgit" dengan perkataan "satu ribu ringgit". Buang RM2,000 jadi RM1,000.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, jawi sama dengan Melayu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya, jawi sama dengan Melayu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Nak pakai hak mana?

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Cuma orang putih lain sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *"by substituting for the words "two thousand ringgit" the words "one thousand ringgit"*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Minta LA tolong kalau boleh Yang Dipertua minta LA tolong betul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cuba betulkan balik yang perkara 3 bahasa Inggeris cakap apa tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bahasa Inggeris tu kena tanya orang putihlah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya rasa kaedah terbaik dalam situasi macam ni kita minta pandangan LA sebab tafsiran siapa-siapa pun dalam Dewan sebagai ADUN ataupun

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, ya, tak apa, cuma saya nak pastikan kefahaman kepastian kita bersama dahulu. Sebab yang (a) tu dia cakap yang Bahasa Melayu dengan menggantikan perkataan "dua ribu ringgit" dengan perkataan "satu ribu ringgit", dengan menggantikan perkataan "dua ribu ringgit" kepada "satu ribu ringgit". Yang jawi pula.....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, kita bukan perlukan kefahaman, kita perlu tafsiran sekarang. Tafsiran yang paling muktabar dalam Dewan ini ialah LA.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Betul, nanti dulu, Speaker masih ada ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Betul Speaker boleh tafsir.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita sama-sama bincang dulu. Sabar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang kedua, untuk kefahaman kita bersama.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya fikir Dato', minta maaf. Kita *doksoh* rasa faham tak faham tapi niat asalnya *guane*. Niat asalnya nak RM2,000 ke RM1,000?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Itu soalan yang saya nak dengar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dengar ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak, jadi saya mempersilakan Dato' LA untuk menerangkan. Saya rasa RM1,000 jer. RM2,000 jadi RM1,000. Pemahaman sayalah, Bahasa Inggeris ni

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): *Dok*, bukan soal faham nak tanya niat asal.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Dato' LA.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Bagi pindaan peruntukan Seksyen 19 ni, hukuman asal adalah tidak melebihi RM1,000 atau dipenjarakan untuk selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya. Itu bahagian pertama.

Dan bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya, boleh didenda tidak melebihi RM2,000 atau dipenjarakan selama tempoh satu (1) tahun atau kedua-duanya, ya. Jadi untuk pindaan bagi perenggan (b) iaitu menggantikan perkataan RM2,000 dengan perkataan RM1,000, di situ tidak ada kesilapan. Memang diniatkan begitu kerana hukuman ini adalah merujuk kepada kesalahan kedua dan berikutnya.

Jadi pindaan kepada denda RM2,000 kepada RM1,000 hendaklah dibaca bersama dengan tempoh pemenjaraan yang dipanjangkan daripada satu (1) tahun kepada dua (2) tahun. Jadi penekanan tu adalah kepada tempoh pemenjaraan kerana ia melibatkan kesalahan kedua dan kesalahan-kesalahan yang berikut. Dia tak ada kesilapan di situ. Denda sememangnya dikurangkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kepada RM1,000?

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI: Pada saya penekanan diberikan kepada pemenjaraan kerana itu pemenjaraan dinaikkan tempohnya 100% daripada satu (1) tahun kepada dua (2) tahun.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi maksudnya denda dikurang, penjara dinaik.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI: Ya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebab itu saya nampak (a), Bahasa Inggeris, Jawi dan sama Melayu. Kita tengok Bahasa Inggeris "*by substituting the words* RM2,000....."

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Setuju, setuju.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya bangkitkan tu Dato' Yang Dipertua kerana kata asalnya memang untuk menambah, jadi sekarang ni mengurang, itu yang jadi *confused*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Saya rasa dah jelas, ketiga-tiga tu tiada pindaan yang diperlukan.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Untuk kali kedua, penjaran diberi *priority*, hukum kurang masuk penjara lama sikit. Okey, akhir sekali, tak ada dah, akhir dah. Akhir sekali pindaan ini adalah merujuk keprihatinan dan sokongan Kerajaan terhadap cadangan pindaan Rang Undang-Undang 355 bagi memartabatkan Mahkamah Syariah khususnya di Terengganu. Terima kasih. Satu lagi dengan pindaan tadi yang disebut 'takziah' tu, pindaan Seksyen 16 kesilapan ejaan tadi 'Takziah' kepada 'Takzir'. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Takziah tu kena ubah sikitlah, Seksyen 16. Terima kasih Ladang menegurnya. Kita telahpun selesai membahaskan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) (Pindaan) 2016. Sekarang saya ingin buka kepada undian.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH
SYARIAH (TAKZIR) (TERENGGANU) 2001, DIBACA BAGI
KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN KESALAHAN JENYAH SYARIAH (TAKZIR) (TERENGGANU) 2001 TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DI MANA DI BAWAH FASAL 2 VERSI RUMI PERKATAAN 'TAKZIAH' DIPINDA KEPADA 'TAKZIR' SERTA MEMBATALKAN FASAL 3(b) DAN DENDA DUA RIBU RINGGIT DIKEKALKAN TELAH DIPERSETUJUI DAN DILULUSKAN DENGAN PINDAAN DAN DENGAN SEBULAT SUARA.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah dipertimbangkan Dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan pindaan. Okey, terima kasih. Saya mohon mencadangkan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Langkap. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN KESALAHAN JENYAH
SYARIAH (TAKZIR) (TERENGGANU) 2001, DIBACA BAGI
KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alhamdulillah, Rang Enakmen ini telah diluluskan dan menjadi **Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir)(Terengganu)(Pindaan) 2016**.

ENAKMEN WAKAF (TERENGGANU) 2016

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan yang berhubung dengan Wakaf dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang pertama. Terima kasih Batu Rakit.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI
MENGADAKAN PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN
DENGAN WAKAF DAN PERKARA-PERKARA YANG
BERKAITAN DENGANNYA, DIBACA BAGI KALI YANG
PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan wakaf dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang terhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai wakaf di Negeri Terengganu dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

BAHAGIAN I

2. Bahagian 1 mengandungi peruntukan permulaan.
3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.
4. *Fasal 2* bertujuan untuk mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Enakmen yang dicadangkan.
5. *Fasal 3* memperuntukkan tentang kuasa prerogatif Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam dalam Negeri Terengganu.

BAHAGIAN II

6. Bahagian II mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan kuasa dan tanggungjawab Majlis.
7. *Fasal 4* memperuntukkan kuasa Majlis selaku pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf yang terletak di Negeri Terengganu dan kewajipan, tanggungjawab serta kuasa Majlis berhubung dengan pentadbiran, pengurusan dan pembangunan wakaf.
8. *Fasal 5* memperuntukkan bahawa wakaf yang diwujudkan di bawah Enakmen yang dicadangkan hendaklah terletak hak kepada Majlis.

9. *Fasal 6* memperuntukkan kuasa Majlis untuk membeli harta sebagai wakaf dengan menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Wakaf, Kumpulan Wang Majlis atau sumber-sumber lain.

10. *Fasal 7* memperuntukkan kuasa Majlis untuk menggantikan *mawquf* dengan cara mengistبدال tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Fatwa.

11. *Fasal 8* memperuntukkan mengenai kuasa Majlis untuk menuntut sewa dan sebagainya.

BAHAGIAN III

12. Bahagian III mengandungi peruntukan mengenai Jawatankuasa Pengurusan Wakaf.

13. *Fasal 9* memperuntukkan tentang penubuhan "Jawatankuasa Pengurusan Wakaf" yang bertanggungjawab dalam pentadbiran dan pengurusan semua perkara yang berhubungan dengan wakaf.

14. *Fasal 10* memperuntukkan tentang fungsi Jawatankuasa Pengurusan Wakaf.

BAHAGIAN IV

15. Bahagian IV mengandungi peruntukan tentang pelantikan Pendaftar Wakaf dan pegawai lain.

16. *Fasal 11* memperuntukkan kuasa Majlis untuk melantik seorang Pendaftar Wakaf serta menerangkan tanggungjawab Pendaftar Wakaf.

BAHAGIAN V

17. Bahagian V mengandungi peruntukan tentang pewujudan wakaf.

18. *Fasal 12* memperuntukkan tentang rukun wakaf.

19. *Fasal 13* memperuntukkan syarat bagi seseorang yang hendak mewujudkan wakaf menurut Hukum Syarak.

20. *Fasal 14* memperuntukkan jenis wakaf yang boleh diwujudkan iaitu wakaf am dan wakaf khas.
21. *Fasal 15* memperuntukkan permulaan kuat kuasa wakaf.
22. *Fasal 16* memperuntukkan tentang pendaftaran sesuatu wakaf dalam suatu daftar wakaf.
23. *Fasal 17* memperuntukkan pewujudan sesuatu wakaf ta'liq .
24. *Fasal 18* mengandungi peruntukan mengenai jenis-jenis wakaf dan tafsirannya yang boleh diwujudkan oleh seseorang *waqif*.
25. *Fasal 19* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai penubuhan apa-apa skim wakaf dan menetapkan kaedah-kaedah penubuhannya
26. *Fasal 20* memperuntukkan tentang penyiaran senarai *mawquf*.
27. *Fasal 21* memperuntukkan bahawa wakaf yang telah disempurnakan menurut Hukum Syarak tidak boleh dibatalkan oleh *waqif*.
28. *Fasal 22* memperuntukkan hal keadaan di mana wakaf tidak sah dibuat.

BAHAGIAN VI

29. Bahagian VI mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan *mawquf*.
30. *Fasal 23* memperuntukkan syarat-syarat bagi sesuatu *mawquf*.
31. *Fasal 24* memperuntukkan hak *waqif* untuk menikmati manfaat sesuatu *mawquf* bagi kebajikan umum yang diwujudkan olehnya.
32. *Fasal 25* memperuntukkan mengenai wakaf tunai.

33. *Fasal 26* bertujuan mengadakan peruntukan untuk membenarkan seseorang *waqif* mewakafkan hasil premis dan hasil pertanian atas tanah yang dimiliki, disewa atau dipajak.

34. *Fasal 27* memperuntukkan tentang pembangunan semula sesuatu *mawquf* yang telah musnah.

BAHAGIAN VII

35. Bahagian VII bertujuan untuk membuat peruntukan yang berkaitan dengan *mawquf 'alaih*.

36. *Fasal 28* memperuntukkan kuasa Majlis untuk menjadi *mawquf 'alaih* bagi sesuatu wakaf.

37. *Fasal 29* memperuntukkan penetapan apa-apa syarat tertentu oleh *waqif* dengan kebenaran Majlis, berhubung dengan *mawquf 'alaih* sebelum *mawquf'alaih* itu berhak kepada manfaat, kepentingan atau keuntungan sesuatu *mawquf*.

38. *Fasal 30* memperuntukkan kuasa Majlis dalam pembahagian manfaat, kepentingan atau keuntungan sekiranya terdapat lebih daripada seorang *mawquf'alaih* dalam suatu wakaf tanpa ditentukan bahagian mereka masing-masing.

39. *Fasal 31* memperuntukkan tentang hal keadaan sekiranya ketiadaan *mawquf 'alaih* dalam sesuatu wakaf.

BAHAGIAN VIII

40. Bahagian VIII mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan wakaf secara wasiat.

41. *Fasal 32* memperuntukkan tentang pelaksanaan wakaf yang dibuat secara wasiat.

42. *Fasal 33* memperuntukkan tentang kadar bagi wakaf yang dibuat secara wasiat.

43. *Fasal 34* memperuntukkan tentang wakaf yang dibuat secara wasiat yang tidak dilaksanakan.

44. *Fasal 35* memperuntukkan tentang wakaf kepada waris.

45. *Fasal 36* memperuntukkan tentang wakaf kepada bukan waris.

BAHAGIAN IX

46. Bahagian IX mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan Kumpulan Wang Wakaf.

47. *Fasal 37* memperuntukkan kuasa Majlis untuk menubuhkan Kumpulan Wang Wakaf.

48. *Fasal 38* memperuntukkan pengurusan manfaat atau kepentingan yang diperoleh daripada suatu wakaf sama ada am atau khas.

49. *Fasal 39* memperuntukkan tentang penggunaan dana Kumpulan Wang Wakaf.

50. *Fasal 40* memperuntukkan tentang akaun dan laporan Kumpulan Wang Wakaf yang perlu diuruskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Wakaf.

BAHAGIAN X

51. Bahagian X mengandungi peruntukan penentuan Hukum Syarak.

52. *Fasal 41* memperuntukkan tentang rujukan kepada Jawatankuasa Fatwa mengenai apa-apa isu penentuan Hukum Syarak.

53. *Fasal 42* memperuntukkan tentang sesuatu *mawquf* yang boleh di*istبدال* oleh Majlis serta tertakluk kepada Jawatankuasa Fatwa.

54. *Fasal 43* memperuntukkan tentang hal keadaan *mawquf* bagi suatu wakaf khas yang terbiar.

BAHAGIAN XI

55. Bahagian XI mengandungi peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan dan penalti.
56. *Fasal 44* memperuntukkan kesalahan menduduki tanah dan bangunan wakaf tanpa kebenaran Majlis.
57. *Fasal 45* memperuntukkan kesalahan mentadbir atau mengurus wakaf am atau wakaf khas tanpa kebenaran Majlis.
58. *Fasal 46* memperuntukkan kesalahan menghalang *mawquf 'alaih* menikmati manfaat, faedah atau kepentingan *mawquf*.
59. *Fasal 47* memperuntukkan kesalahan memberikan maklumat palsu.

BAHAGIAN XII

60. Bahagian XII mengandungi peruntukan mengenai penguatkuasaan dan penyiasatan.
61. *Fasal 48* memperuntukkan pemberian kuasa oleh Majlis untuk menjalankan apa-apa penguatkuasaan, penyiasatan dan pemeriksaan bagi maksud Enakmen ini.
62. *Fasal 49* memperuntukkan untuk menjalankan penyiasatan dan pemeriksaan tentang apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini.
63. *Fasal 50* memperuntukkan kesalahan menghalang pegawai yang diberi kuasa menjalankan tugas.
64. *Fasal 51* memperuntukkan kuasa Ketua Pendakwa Syarie untuk mengarahkan pendakwaan dilakukan.
65. *Fasal 52* memperuntukkan Kuasa Ketua Pendakwa Syarie tidak disentuh
66. *Fasal 53* memperuntukkan kuasa Mahkamah untuk mengeluarkan lain-lain perintah.

67. *Fasal 54* memperuntukkan pemakaian Bab 6 Bahagian VII Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001.

BAHAGIAN XIII

68. Bahagian XIII mengandungi peruntukan am.

69. *Fasal 55* memperuntukkan tentang kuasa Majlis untuk membuat peraturan-peraturan.

70. *Fasal 56* memperuntukkan kuasa Majlis untuk meminda Jadual.

71. *Fasal 57* memperuntukkan tentang kawalan Majlis ke atas *mawquf*.

72. *Fasal 58* memperuntukkan tentang pengisytiharan.

73. *Fasal 59* memperuntukkan tafsiran surat cara atau perisytiharan yang mewujudkan atau menyentuh wakaf.

74. *Fasal 60* memperuntukkan tentang rujukan kepada Hukum Syarak bagi apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan dalam Enakmen yang dicadangkan.

75. *Fasal 61* memperuntukkan tentang penerusan pemakaian bagi seksyen 63 hingga seksyen 69 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 [*En. Tr.2/2001*].

76. *Fasal 62* memperuntukkan perkara-perkara kecualian dan peralihan.

77. Jadual Pertama memperuntukkan perkataan atau ungkapan tertentu di dalam skrip Bahasa Arab.

78. Jadual Kedua memperuntukkan mengenai Jawatankuasa Pengurusan Wakaf.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Rakit. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbincangan sekiranya ada oleh Ahli-ahli yang ingin berbahas. Silakan Bukit Payong.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Alhamdulillah. Assalatu wassalamu'ala Rasulillah. Wa'ala alihi wasahbihi waman walah. Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua, seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai Kerajaan.

Dalam masa yang singkat ini saya mahu ambil peluang untuk berbincang atau membahaskan Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016. Dengan melihat kepada Bahagian II Fasal 4 (1) – Majlis sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf. Ataupun yang 4 (3) – Majlis boleh menarik balik pengiktirafan pelantikan pentadbir atau pengurus yang dilantik oleh waqif yang pada pendapat Majlis adalah wajar untuk berbuat demikian.

Dalam membincangkan tentang dua perkara ini, yang pertama, tentang meletakkan sesuatu kuasa yang sangat besar kepada pihak Majlis sebagai pemegang amanah tunggal terhadap semua wakaf kerana wakaf ini ada dua jenis. Yang pertama, Wakaf Khas. Dan yang kedua ialah Wakaf Am ataupun ada di kalangan para ulama menggunakan istilah Wakaf Zuriat ataupun Wakaf Ahli. Wakaf yang diserahkan hak untuk mengurus, mentadbir dan mengambil manfaat kepada golongan-golongan tertentu sama ada daripada keluarga dia, persatuan-persatuan, badan-badan atau pihak-pihak tertentu yang dinamakan oleh mereka ataupun yang dinamakan oleh waqif atau yang pemberi wakaf.

Yang kedua ialah Wakaf Am. Wakaf Am ini kemungkinan diketahui umum dan juga dinamakan Wakaf Khairi. Dengan sebab wakaf ini ada dua jenis, apabila kita meletakkan hak yang begitu besar kepada Majlis dalam menjadi pemegang

amanah tunggal terhadap kedua-dua jenis wakaf ini, saya melihat sebenarnya ia agak tidak bertepatan dengan Hadis Nabi Sallahu Alaihi Wassalam yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad wal Hakim berasaskan sahih daripada Syarat Sahibul Muslim menyatakan bahawa: "As-Sultan waliyyun man la waliya lah." Kerajaan boleh menjadi penguasa terhadap sesuatu yang tidak ada penguasa baginya. Sedangkan harta wakaf ini ataupun bahagian wakaf ini ada dua wali. Yang pertama Wilayah Qadzaf. Yang kedua, Wilayah 'Ammah. Bidang kuasa yang khusus yang diberikan oleh pewakaf sama ada pertubuhan-pertubuhan, badan-badan atau keluarga tertentu ataupun pihak-pihak tertentu. Yang kedua, Al-Wilayah 'Ammah yang diserahkan kepada pihak Kerajaan yang sudah tentu hari ini diurus oleh pihak Majlis ataupun pihak MAIDAM.

Sebenarnya inilah kaedah yang disebut dalam Qawaid Fiqiyyah dalam pengajian yang umum tentang wakaf meletakkan Al-Wilayatul Qhazaf Aqwa Minal Wilayatul 'Ammah. Kuasa kepada hak khusus lebih kuat daripada Wilayah 'Ammah. Kuasa Umum, kuasa hak keseluruhannya kerana kadang-kadang ia memberikan hak kepada si waqif, kepada si pemberi wakaf untuk memberikan kepada pihak tertentu dan pihak tertentu itu sudah tentu memiliki pemegang amanahnya sendiri. Sebagai contoh, seseorang mewakafkan tanah ataupun hartanya kepada Persatuan Orang Kurang Upaya. Kemungkinan Persatuan Orang Kurang Upaya itu ada pemegang amanah dia sendiri maka dengan sendirinya persatuan itu nak supaya harta yang diwakafkan kepada mereka yang memegang amanah harta mereka yang diwakafkan itu ialah pemegang amanah mereka sendiri. Saya bimbang dengan sebab meletakkan fasal ini yang agak menyempitkan ruang untuk menjadikan orang berwakaf. Itu yang pertama.

Dan yang kedua, saya melihat tentang penarik balik pengiktirafan pelantikan pentadbir atau pengurus yang dilantik oleh waqif. Waqif berhak untuk memberikan hak Wilayah Qhazaf kepada sesiapa sahaja yang dipilih, dalam kaedah feqah dipanggil An-Naziq, pengurus, pentadbir terhadap harta-harta wakaf. Sebenarnya menjadi sepakat seluruh para ulama menyatakan bahawa berasaskan satu kaedah sebagaimana disebut oleh seorang ulama dalam kitab dia Hasyiah Ad-Dasuki menyebut (yang bermaksud): "Tidak berhak sebagai seorang Kadi (Penguasa) melucutkan, menarik balik penguasa, pentadbir ataupun pengurus melainkan dengan sebab sesuatu kesalahan ataupun jenayah." Dan (yang bermaksud): "Bagi seorang yang mewakafkan itu dia boleh melucutkan pentadbir dan pengurus walaupun tanpa apa-apa kesalahan." Dengan sebab kita meletakkan

suatu ruang kalimah bahawa pihak Majlis boleh menarik balik pengiktirafan dan pelantikan pentadbir atau pengurus yang dilantik oleh waqif, pada pendapat Majlis adalah wajar untuk berbuat demikian agak umum kerana pendapat Majlis kemungkinan mengikut pendapat Majlis wajar tetapi mengikut pendapat waqif tidak wajar. Maka akhirnya berlaku pertembungan antara si waqif dengan pihak Majlis. Bagaimana nak menyelesaikan persoalan ini maka mesti di waktu yang sama mesti diletakkan dengan perakuan kehakiman sistem mahkamah. Dengan sebab itulah bila kita mengkaji sistem pertanggungjawaban harta wakaf ini dalam Kerajaan Islam semenjak daripada zaman khilafah-khilafah terdahulu sehinggalah termasuk zaman Khilafah Uthmaniah, mereka mengarang satu kitab Syarh Majallatil Ahkam. Mereka meletakkan suatu ruang yang besar untuk memutuskan sesuatu perkara dengan tanpa memberi ruang yang besar kepada khalifah tetapi untuk menyelamatkan daripada pertelingkahan antara khalifah dengan waqif maka mereka meletakkan ruang di tengahnya iaitu dengan keputusan mahkamah.

Maka dengan kaedah ini, asas ini, saya rasa perlu dinilai semula ataupun kemungkinan itulah difahami di dalam membincangkan tentang Enakmen Wakaf (Terengganu) yang saya rasa ini adalah suatu pembaharuan yang sudah lama dilaksanakan di beberapa negeri umat Islam tetapi juga disebut dalam Syarh Majallatul Ahkam menyatakan bahawa: Dengan sebab saya melihat hak di dalam kanun-kanun zaman dahulu memberi ruang agar dalam memutuskan pentadbir, pengurus itu kemungkinan tidak wajar lagi mengurus dengan sebab khianatnya, dengan sebab pembohongannya, dengan sebab kejahatannya maka mesti diberi ruang kepada pihak mahkamah dalam memutuskan siapa yang layak untuk ditarik balik pengiktirafan sebagai pentadbir dan pengurus ini. Wallahu wa'alam.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, habis dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Payong. Sila Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Dah berhenti dah tak apalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih banyak. Sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya ada dua persoalan yang ringkas tapi saya rasa mustahak. Pertama, oleh kerana pada tahun 2008, mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Badawi mengumumkan nilai harta wakaf seluruh negara pada ketika itu adalah RM60 bilion pada tahun 2008, maknanya dia di dalam kalangan harta wakaf ni semua orang Islam di seluruh negara, RM60 bilion. Jadi saya nak tahu pada ketika ini di Negeri Terengganu, berapakah nilai harta wakaf, alih tak alih dan apa sahaja istilah yang digariskan dalam enakmen ini, nilai semasa yang ada?

Kemudian yang kedua Dato' Yang Dipertua, saya duduk teliti dan saya dengar perkara di bawah Seksyen 37 tadi

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Seksyen berapa? 37?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): 37, muka surat 63 – Kumpulan Wang Wakaf. Jadi Seksyen 37 ini bermaksud untuk menubuhkan Kumpulan Wang Wakaf. Saya pun tertengok sekarang ini di bawah Laporan Penyata Kewangan MAIDAM, 31 Disember 2014. Di bawah Penyata Kewangan untuk tahun 2014 dan 2013 ada Kumpulan Wang Wakaf. Tahun 2014 ada RM4,362,000 dan tahun 2013 ada RM4,007,000. Jadi Kumpulan Wang ini sebenarnya sudah pun tertubuh jauh lebih awal daripada yang disyaratkan di bawah enakmen ini. Jadi adakah dia merujuk kepada perkara yang sama yang lebih mustahak Dato' Yang Dipertua dari segi kaedah pentadbiran. Kalau ada *redundancy* kita bimbang dia mewujudkan pentafsiran yang berbeza dalam rujukan portfolio kewangan kita. Jadi sebab kebetulan Dato' Yang Dipertua, ada di tangan saya Penyata Kewangan MAIDAM dan memang jelas ada Kumpulan Wang Wakaf. Sedangkan dalam enakmen ini bermaksud untuk menubuhkan dan penubuhan itu mestilah tertakluk kepada pentadbiran Majlis yang ada jawatankuasanya tersendiri yang barangkali akan ditubuhkan dan dibuat pelantikan selepas enakmen ini berkuatkuasa. Secara jelas selepas dipersetujui ataupun diperkenan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Terengganu sendiri. Jadi saya mohon penjelasan terhadap dua isu ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar. Sila Ajil.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Ni gulung dah ni deh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang kita maklum telahpun dinyatakan oleh Wakil Bandar tentang Kumpulan Wang Wakaf dan sebagainya. Maka inilah matlamat kita tubuh. Tujuan Rang Undang-undang Wakaf (Terengganu) yang dibawa pada hari ini, 2016 ini, digubal adalah seperti berikut:-

Tujuan digubal:-

Pertama, untuk memastikan agar segala perjalanan urusan wakaf di Negeri Terengganu dapat berjalan dengan lancar. Kalau baru-baru ini tak lancar, kita akan lancarkan, insyaAllah, berkesan dan komprehensif.

Juga untuk memastikan segala perjalanan urusan wakaf di Negeri Terengganu dapat dipertingkatkan dan ditambahbaikkan.

Untuk memastikan agar juga urusan wakaf di Negeri Terengganu ini berdasarkan undang-undang bertulis, jelas boleh buat rujukan dan menepati hukum syarak yang sekali gus dapat memberi satu garis panduan khusus dalam urusan pewakafan dan untuk mengelakkan daripada masalah yang banyak berbangkit hari ini. Jadi terutamanya dari aspek perundangan dan hukum-hukum syarak pada masa-masa yang akan datang.

Untuk diselaraskan dengan peruntukan-peruntukan dalam Kanun Tanah 1965 bagi membolehkan pendaftaran tanah wakaf khususnya dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan mudah.

Justifikasinya terhadap penggubalan Rang Undang-Undang ini, Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 adalah seperti berikut iaitu terdapat juga negeri-negeri lain seperti Selangor, Perak, Perlis sebagaimana Wakil Bukit Payong kata tadi, kita telah buat rujukan kepada negeri-negeri tersebut dan secara menyeluruh terhadap peruntukan-peruntukan dalam Enakmen Wakaf mereka.

Malah kita merujuk juga wakaf daripada sumber-sumber, pendapat-pendapat ulama-ulama yang sebelumnya maka dibuat begitu teliti. Malah dari kajian yang dibuat enakmen kita ni, yang kita buat ni yang ditubuh telah membuat penambahbaikkan dengan khidmat nasihat dan rujukan daripada JAWHAR iaitu Jawatankuasa Zakat Peringkat Kebangsaan. Jadi di bawah peruntukan-peruntukan yang sedia ada, undang-undang mengenai wakaf dalam Enakmen Pentadbiran Hal

Ehwal Agama Islam yang sangat terhad dari aspek perundangan dan hukum syarak. Maka untuk makluman, pada masa sekarang peruntukan dalam Seksyen 63 sehingga Seksyen 69, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 2001 sebagaimana yang tertakluk tadi yang telah dijelas satu persatu. Jadi alhamdulillah, kalau kita tengok sebenarnya dia telah diteliti sehalus-halusnya dan diberi penambahbaikan. Soal pemegang amanah tunggal itu juga diambil kira tentang ketelitiannya. Sesungguhnya saya rasa kita tidak ada keraguan dalam soal itu. Wallahu wa'alam. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Alhamdulillah, kita telah selesai Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016. Sekarang saya buka kepada undian –

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGADAKAN PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN WAKAF DAN PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGADAKAN PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN WAKAF DAN PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Rakit. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGADAKAN PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN WAKAF DAN PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016**.

ENAKMEN INDUSTRI BERASAS KAYU (PINDAAN) 2016

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Industri Berasas Kayu 1986, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Air Putih. Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang pertama –

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN INDUSTRI BERASAS KAYU 1986, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Industri Berasas Kayu 1986, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 [En.No.4/1986] (selepas ini disebut "Enakmen").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Enakmen bagi tafsiran "Pengarah" dalam teks bahasa kebangsaan bagi mengemaskinikan gelaran jawatan Pengarah Perhutanan Negeri dan Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Enakmen bagi memasukkan subseksyen baru (2A) dan (4).

Subseksyen baru (2A) memperuntukkan denda sehingga lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan sehingga lima tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan melibatkan diri dalam industri berasas kayu tanpa lesen manakala subseksyen baru (4) memperuntukkan denda sehingga dua puluh lima ribu ringgit atau pemenjaraan sehingga dua tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan membantu dalam industri berasas kayu tanpa lesen.

Pada masa sekarang penalti bagi kedua-dua kesalahan ini ialah penalti am di bawah seksyen 27 Enakmen iaitu pemenjaraan sehingga satu tahun atau denda sehingga dua ribu ringgit atau kedua-duanya.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 6 Enakmen bagi memasukkan subseksyen baru (1A) yang mengandungi peruntukan yang memberikan kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mendapatkan jaminan dan deposit tambahan daripada pemegang lesen atau gantian deposit yang dibuat terdahulu oleh pemegang lesen.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 17 Enakmen untuk menaikkan denda dari lima ribu ringgit kepada dua puluh ribu ringgit bagi kesalahan mengganggu barang-barang yang disita di bawah Enakmen.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 20 Enakmen untuk menaikkan denda dari dua ribu ringgit atau satu tahun penjara, atau kedua-duanya, kepada denda dua puluh ribu ringgit atau dua tahun penjara, atau kedua-duanya, bagi kesalahan menghalang pegawai hutan menjalankan kuasanya di bawah Enakmen.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Enakmen untuk menaikkan denda dari satu ribu ringgit atau enam bulan penjara, atau kedua-duanya, kepada denda sepuluh ribu ringgit atau satu tahun penjara, atau kedua-duanya, yang boleh dikenakan terhadap seseorang yang tidak mematuhi arahan pegawai

hutan atau pegawai polis berhubung dengan alat pengangkutan di bawah kawalan atau tanggungjawabnya yang hendak disiasat.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk menggantikan seksyen 22 Enakmen. Seksyen 22 yang baru memperuntukkan bahawa pendakwaan terhadap apa-apa kesalahan di bawah Enakmen tidak boleh dimulakan tanpa kebenaran bertulis Pendakwa Raya selaras dengan Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 27 Enakmen untuk menaikkan denda dari dua ribu ringgit kepada sepuluh ribu ringgit sebagai penalti am. Hukuman pemenjaraan kekal selama satu tahun.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 28 Enakmen untuk menaikkan denda dari dua ribu ringgit kepada sepuluh ribu ringgit bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen itu. Hukuman pemenjaraan kekal selama satu tahun.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 28A ke dalam Enakmen bagi mengadakan peruntukan tentang pengkompaunan kesalahan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Air Putih. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk bacaan kali yang kedua, sekarang saya buka untuk perbahasan sekiranya ada. Kalau tak ada, saya terus kepada undian -

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN INDUSTRI BERASAS KAYU 1986, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN INDUSTRI BERASAS KAYU 1986, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DAN DILULUSKAN TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan Dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Air Putih. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN INDUSTRI BERASAS KAYU 1986, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maka Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Industri Berasas Kayu (Pindaan) 2016**.

**ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN
DAN AHLI DEWAN UNDANGAN
NEGERI (SARAAN)(PINDAAN) 2016**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kota Putera. Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang pertama –

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (SARAAN) 1980, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980 [En.Tr.9/1980].

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda subseksyen 14(4) bagi mengadakan peruntukan mengenai pencen dan ganjaran yang diperolehi oleh Setiausaha Politik selain saraan dan elaun-elaun lain yang ditetapkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan. Kelayakan untuk diberi pencen apabila mencapai umur 50 tahun.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kota Putera. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk bacaan kali yang kedua, sekarang saya buka untuk perbahasan sekiranya ada. Ada yang ingin berbahas? Silakan. Kalau tak ada, saya terus kepada undian -

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (SARAAN) 1980, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (SARAAN) 1980, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DAN DILULUSKAN TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa alhamdulillah, Rang Enakmen ini telah ditimbangkan Dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kota Putera. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (SARAAN) 1980, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maka Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan)(Pindaan) 2016.**

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS**Usul Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2017**

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:-

"Bahawa menurut seksyen kecil (3) kepada seksyen (4) Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2017 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL:

| JADUAL | | | | | | |
|---------------|---|----------------|-------------------------------|------------------------|-----------------------|----------------|
| Maksud | Tajuk Maksud | Negeri (RM) | Diganti Oleh Persekutuan (RM) | Pinjaman (Negeri) (RM) | Pinjaman (Pusat) (RM) | JUMLAH (RM) |
| P.02 | Pejabat Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan | 589,017,160.00 | - | - | - | 589,017,160.00 |
| P.04 | Pejabat Perbendaharaan | 5,000,010.00 | - | - | - | 5,000,010.00 |
| P.10 | Jabatan Kerja Raya | 4,282,070.00 | - | - | - | 4,282,070.00 |
| P.11 | Jabatan Pengairan & Saliran | 4,000,030.00 | - | - | - | 4,000,030.00 |
| P.12 | Pejabat Daerah Besut | 2,500,000.00 | - | - | - | 2,500,000.00 |
| P.13 | Pejabat Daerah Dungun | 2,000,000.00 | - | - | - | 2,000,000.00 |
| P.14 | Pejabat Daerah Hulu Terengganu | 1,500,000.00 | - | - | - | 1,500,000.00 |
| P.15 | Pejabat Daerah Kemaman | 2,000,000.00 | - | - | - | 2,000,000.00 |
| P.16 | Pejabat Daerah Kuala Terengganu | 4,000,000.00 | - | - | - | 4,000,000.00 |
| P.17 | Pejabat Daerah Marang | 2,000,000.00 | - | - | - | 2,000,000.00 |
| P.18 | Pejabat Daerah Setiu | 1,000,000.00 | - | - | - | 1,000,000.00 |
| P.19 | Pejabat Pengarah Tanah & Galian | 50,000,000.00 | - | - | - | 50,000,000.00 |
| P.29 | Pejabat Perhutanan | 700,000.00 | - | - | - | 700,000.00 |

| | | | | | | |
|-----------------------|--------------------------------|-----------------------|----------|----------|----------|-----------------------|
| P.30 | Jabatan Perkhidmatan Veterinar | 300,000.00 | - | - | - | 300,000.00 |
| P.31 | Jabatan Pertanian | 400,000.00 | - | - | - | 400,000.00 |
| P.32 | Pelbagai Pembangunan | 69,000,000.00 | - | - | - | 69,000,000.00 |
| P.35 | Pejabat Daerah Kuala Nerus | 2,000,000.00 | - | - | - | 2,000,000.00 |
| JUMLAH BESAR : | | 739,699,270.00 | - | - | - | 739,699,270.00 |

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini, bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada **Kertas Dewan Bil. 11/2016**. Saya mengusulkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong Usul itu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Langkap. Usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk perbahasan sekiranya ada. Tak ada? Terima kasih banyak. Sekarang saya buka kepada undian -

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

Usul Rancangan-Rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2017

YANG BERTHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:-

"Bahawa menurut Seksyen kecil (2) kepada Seksyen (4) Enakmen Kumpulan Wang Perbekalan Air 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan dari Kumpulan Wang Perbekalan Air

Negeri untuk Rancangan-rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2017 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL:

| JADUAL | | | |
|----------------------------|--------------------------|---------------------|---------------------|
| Tajuk | Perbelanjaan Negeri (RM) | Pinjaman Pusat (RM) | Jumlah (RM) |
| Pengurusan Perbekalan Air | 978,423.84 | - | 978,423.84 |
| Pembangunan Perbekalan Air | 1,987,318.00 | - | 1,987,318.00 |
| JUMLAH | 2,965,741.84 | - | 2,965,741.84 |

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini, bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada **Kertas Dewan Bil. 12/2016**. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong Usul itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut. Usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk perbincangan, jika ada. Tak ada. Terima kasih. Sekarang saya buka kepada undian -

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. Terima kasih Dato' Yang Dipertua..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum saya menangguhkan Dewan yang mulia ini, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan kerjasama, memberikan barakah, insyaAllah nikmat yang banyak kepada kita selama empat hari kita bersidang. Jazakallahu khairan kathira.

Sebelum itu, saya memohon maaf sekiranya saya mengendalikan Dewan ini tidak menyenangkan banyak pihak tetapi saya memuji Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang menjaga adab dan ukhwah Islamiah selama kita bersidang. Alhamdulillah. Saya percaya kita semua menghala kepada untuk menjadi Kuntum Khairu Ummah, insyaAllah.

Jadi sebelum saya menangguhkan, diedarkan oleh Sekretariat Tabung Darul Iman, Borang Kebenaran Untuk Membuat Potongan Gaji Bulanan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini, silakanlah. Agar kita sepertimana kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi, kita bersama dalam keadaan kita susah, dalam keadaan payah sama-sama kita membantu pihak yang lebih payah, lebih susah lagi yang berada di Terengganu ini. InsyaAllah.

Maka sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan ini ke suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. InsyaAllah. Dan marilah sama-sama kita membaca Surah Al-'Asr. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Aqulu qauli haza wa astaghfirullaha li walakum. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.30 PETANG.

LAMPIRAN

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS (BAJET)
PADA 21 HINGGA 24 NOVEMBER 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.1.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT
WAKIL PAKA

SOALAN 1 : Berapakah kawasan pembalakan yang diluluskan oleh pihak Kerajaan sepanjang 2012-2016? Sila senaraikan.

- i. Berapa pula hasil pendapatan yang diperolehi pihak Kerajaan daripada pembalakan tersebut mengikut pecahan tahun?
- ii. Berapa hektarkah jumlah hutan simpan yang terlibat dengan pembalakan diberi kelulusan sepanjang tempoh tersebut mengikut pecahan daerah?

JAWAPAN : 1. Jumlah kawasan pembalakan yang diluluskan mulai tahun 2012 sehingga 31 Oktober 2016 berjumlah 91 kawasan kelulusan, sebagaimana Jadual 1 di bawah. Senarai kelulusan mengikut pecahan tahun adalah seperti di Lampiran 1.

(i) Hasil pendapatan yang dikutip oleh Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu mengikut tahun mulai tahun 2012 sehingga 31 Oktober 2016 adalah seperti di Jadual 2 di bawah.

(ii) Jumlah hektar kawasan pembalakan yang diluluskan mulai tahun 2012 sehingga 31 Oktober 2016 adalah seperti di Jadual 1 di bawah.

| Jadual 1 : | | |
|--|---------------------------|----------------------|
| BILANGAN KELULUSAN DAN LUAS KAWASAN MEMBALAK BAGI TAHUN 2012 HINGGA 31 OKTOBER 2016 | | |
| TAHUN | BILANGAN KELULUSAN | JUMLAH HEKTAR |
| 2012 | 46 | 12,222.44 |
| 2013 | 31 | 7,083.64 |
| 2014 | 8 | 12,574.50 |
| 2015 | 1 | 265.23 |
| Sehingga 31.10.2016 | 5 | 1,542.46 |
| JUMLAH | 91 | 33,688.27 |

| Jadual 2 : | |
|---|-----------------------------|
| JUMLAH KUTIPAN HASIL JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN 2012 HINGGA 31 OKTOBER 2016 | |
| TAHUN | JUMLAH KUTIPAN HASIL |
| 2012 | 59,062,717.34 |
| 2013 | 43,370,506.17 |
| 2014 | 40,782,265.96 |
| 2015 | 37,692,987.52 |
| Sehingga 31.10.2016 | 24,739,054.36 |
| JUMLAH | 205,647,531.35 |

SOALAN 2 : Berapakah jumlah hektar yang terlibat dengan pembalakan haram dari tahun 2012-2016? Sila senaraikan mengikut pecahan daerah. Berapakah jangkaan kerugian bagi pihak Kerajaan dalam sumber hasil? Apakah tindakan yang dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk membendung gejala ini?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Berapakah jumlah hektar tanah Kerajaan yang telah diberi milik kepada UMNO sehingga kini mengikut pecahan daerah?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

REKOD KELULUSAN MEMBALAK TAHUN 2012

| BIL. | PELESEN | LUAS (HA) | STATUS KAWASAN | LMHH | TARIKH KELULUSAN | CATATAN |
|------|--|-----------|--------------------|-----------------------|-----------------------------|---|
| 1. | Dasar Bahagia Sdn.Bhd. No.20, Jalan Besar 22000 Jerteh | 405 | Hutan simpan (SKP) | Pekeliling Bil.1/2012 | 30.1.2012 (62)SK.1 Bhg.6 | Kompt. 24, 25a, 26a, Hutan Simpan Gunung Tebu, Mukim Hulu Besut, Daerah Besut |
| 2. | Persatuan Kebajikan Islam (PERKASA) Terengganu | 405 | Hutan Simpan | Pekeliling Bil.1/2012 | 30.1.2012 (63)62SK.1 Bhg.6 | Kompt. 56, 58, Hutan Simpan Rasau Kertih, Mukim Hulu Paka, Daerah Dungun |
| 3. | To' Puan Seri Hajjah Nur Rahmah binti Mohd Zain No.177, Jolon Ayer Molek 2 Taman Tasik Titiwangsa 53200 Kuala Lumpur | 405 | Hutan Simpan | Bil.1/2012 | 30.1.2012 [64]62SK.1 /Bhg.6 | Kompt. 17a, 18a, Hutan Simpan Rasau Kerfih, Mukim Rasau, Daerah Dungun |
| 4. | K.P. Bintang (A) Sdn. Bhd. Batu 51 1/5 Jolon Terengganu Kota Bharu, ampung Bintang 22030 Setiu | 405 | Hutan Simpan (SKP) | Bil.1/2012 | 8.2.2012 (68)62SK.1/bhg.6 | kompt. 32, 35, Hutan Simpan Belora, Mukim Batu Rakit, Daerah Kuala Terengganu |

| BIL. | PELESEN | LUAS (HA) | STATUS KAWASAN | LMHH | TARIKH KELULUSAN | CATATAN |
|-------------|--|----------------------|---------------------------|-------------|------------------------------|---|
| 5. | Gerbang Kiara Sdn. Bhd. 735-E, Jalan Sultan Mahmud 20400 Kuala Terengganu | 495 | Hutan simpan | Bil.1/2012 | 8.2.2012 (69)62SK.1/bhg.6 | kompt. 48, 51, 52 Hutan Simpan Hulu Setiu, Mukim Hulu Setiu, Daerah Setiu |
| 6. | Al-Marasem Sdn. Bhd. Lot 2992, Tingkat 1, Jalan Paka Batu 6, Taman Delima 23000 Dungun | 228 | Hutan simpan | Bil.1/2012 | 9.2.2012 (71)62SK.1/bhg.6 | kompt. 54, 62, 63, Hutan Simpan Gunung Tebu, Mukim Tenang, Daerah Besut |
| 7. | Suria Hitam Sdn. Bhd. 2323 Taman Desa Permai Bukit Kuang 24000 Kemaman | 402 | Hutan simpan | Bil.1/2012 | 9.2.2012 (72)62SK.1/bhg.6 | kompt. 41, 42, Hutan Simpan Hulu Setiu, Mukim Hulu Setiu, Daerah Setiu |
| 8. | Utusan Alfa Sdn. Bhd. No.2319, Taman Bersekutu Jalan Kubang Kurus 24000 Kemaman | 280 | Hutan simpan | Bil.1/2012 | 9.2.2012 (73)62SK.1/bhg.6 | kompt. 72, 73, 79, 109, Hutan Simpan Cerul, Mukim Bandi, Daerah Kemaman |
| 9. | M-Two Timber Trading Lot 8894, Taman Raya Wakaf Tapai 21040 Marang | 417 | Hutan simpan | Bil.1/2012 | 9.2.2012 (74)62SK.1/bhg.6 | kompt. 24 Hutan Simpan Pelagat, Mukim Pelagat & Pasir Akar, Daerah Besut |

| BIL. | PELESEN | LUAS (HA) | STATUS KAWASAN | LMHH | TARIKH KELULUSAN | CATATAN |
|------|--|-----------|----------------|------------|-------------------------------|---|
| 10. | Bina Mineral (M) Sdn. Bhd. B-287, Kampung Wakaf Jela Jalan Kuala Berang 20050 Kuala Terengganu | 386 | Hutan simpan | Bil.1/2012 | 9.2.2012 (76)62SK.1/bhg.6 | kompt. 38, 40, Hutan Simpan Hulu Setiu, Mukim Hulu Setiu, Daerah Setiu |
| 11. | Bayu Timur Enterprise 14-1, Tingkat Satu, Jalan Opera J U2/J, Taman TTDI Jaya 40150 Shah Alam Selangor | 245 | Hutan simpan | Bil.1/2012 | 9.2.2012 (78)62SK.1/bhg.6 | kompt. 123, 124, Hutan Simpan Pasir Raja Barat, Mukim Jengai, Daerah Dungun |
| 12. | Zakaria Timber Trading 66, Kg. Bukit Genting Pelong Bandar Permaisuri 21500 Setiu | 103 | Hutan simpan | Bil.1/2012 | 13.2.2012 (79)62SK.1/bhg.6 | kompt. 12, Hutan Simpan Jerangau, Mukim Jerangau, Daerah Dungun |
| 13. | Jasa Bakti Sdn. Bhd. 104-C, Tingkat 2, Jalan Sultan Ismail 20200 Kuala Terengganu | 222 | Hutan simpan | Bil.1/2012 | 13.2.2012 (80)62SK.1/bhg.6 | kompt. 13 Hutan Simpan Pelagat, Mukim Pelagat & Lubuk Kawah, Daerah Besut Kelulusan terdahulu Bil.(47)52SK.1Bhg.5 batal |

| BIL. | PELESEN | LUAS (HA) | STATUS KAWASAN | LMHH | TARIKH KELULUSAN | CATATAN |
|------|--|-----------|----------------|------------|-------------------------------|---|
| 14. | Ciri Bina Machinery & Hadrware Sdn. Bhd. No.954B, Jalan Sultan Mahmud Kuala Ibai (Hadapan Sek.Men. Sultan Sulaiman) 20400 Kuala Terengganu | 202 | Hutan simpan | Bil.1/2012 | 13.2.2012 (81)62SK.1/bhg.6 | kompt. 36b, 40a, Hutan Simpan Hulu Terengganu (T), Mukim Tersat, Daerah Hulu Terengganu |
| 15. | Wawasan Viana Sdn. Bhd. 3972-1, Pengkalan Sir 24000 Kemaman | 58.0 | Tanah Kerajaan | Bil.1/2012 | 13.2.2012 (83)62SK.1/bhg.6 | Tanah Kerajaan Mukim Bandi, Daerah Kemaman |
| 16. | Fajar Kinta Sdn. Bhd. 123, Kampung Pulau Manis Serada 20050 Kuala Terengganu | 461 | Hutan simpan | Bil.1/2012 | 13.2.2012 (84)62SK.1/bhg.6 | kompt. 44, 45, 47, Hutan Simpan Hulu Setiu, Mukim Hulu Setiu, Daerah Setiu |
| 17. | Muhammad bin Ismail 77 Belakang Masjid Kampung Ibok 24040 Kemaman | 92.0 | Hutan simpan | Bil.1/2012 | 13.2.2012 (88)62SK.1/bhg.6 | kompt. 11, Hutan Simpan Jerangau, Mukim Jerangau, Daerah Dungun |
| 18. | Yusof bin Abdullah No. 47 Felda Kerteh Enam Ketengah Jaya 23300 Dungun | 141 | Hutan simpan | Bil.1/2012 | 13.2.2012 (90)62SK.1/bhg.6 | kompt. 39, Hutan Simpan Hulu Setiu, Mukim Hulu Setiu, Daerah Setiu |

| BIL. | PELESEN | LUAS (HA) | STATUS KAWASAN | LMHH | TARIKH KELULUSAN | CATATAN |
|------|--|-----------|--------------------|-----------------------------|-------------------------------|---|
| 19. | Saluran Aroma Sdn. Bhd 6685-4. Kampung Bakau Tinggi 24000 Chukai Kemaman | 405 | Hutan simpan | Bil.1/2012 | 18.2.2012 (8)62SK.1/bhg.7 | kompt. 35, 36, 37 Hutan Simpan Hulu Setiu, Mukim Hulu Setiu, Daerah Setiu |
| 20. | Stockware Equity Sdn. Bhd. D/a:Tengku Fauziah Zuridah Kampung Bukit Putera Chalok, Bandar Permaisuri 21450 Setiu | 200 | Tanah Kerajaan | Bil.1/2012 | 1.4.2012 (15)62SK.1/Bhg.7 | Tanah Kerajaan Mukim Jerangau, Dungun, Mukim Kerteh & Mukim Chukai, Kemaman |
| 21. | K.K. Bintang (C) Sdn. Bhd. Batu 51 1/5 Jalan Terengganu Kota Bharu, Kampung Bintang 22030 Setiu | 405 | Hutan simpan (SKP) | Secara Pekeliling 3/2012 | 14.4.2012 (25)62SK.1/Bhg.7 | Kaw. Tentatif kompt. 91a, 127a, 128a, 130a, 131a, Hutan Simpan Petuang, Mukim Hulu Terengganu, Daerah Hulu Terengganu |
| 22. | Rezeki Majujaya Sdn. Bhd. 36-A Jalan Sultan Sulaiman 20000 Kuala Terengganu | 210 | Hutan simpan | Pekeliling 3/2012 | 31.5.2012 (32)62SK.1/Bhg.7 | kompt. 6, Hutan Simpan Bukit Bandi, Mukim Tebak, Daerah Kemaman |
| 23. | Virgo Mentari Sdn. Bhd. 1142-3 Kuala Kemaman 24000 Kemaman | 256 | Hutan simpan | Pekeliling 3/2012 | 31.5.2012 (33)62SK.1/Bhg.7 | kompt. 52b, 57a Hutan Simpan Rasau Kerteh, Mukim Hulu Cukai, Daerah Kemaman |

| BIL. | PELESEN | LUAS (HA) | STATUS KAWASAN | LMHH | TARIKH KELULUSAN | CATATAN |
|------|--|-----------|------------------------------------|--------------------------|-------------------------------|--|
| 24. | Kilang Papan Low Fatt Sdn. Bhd. Batu 20, Jalan Kuala Berang, Ajil 21800 Hulu Terengganu | 126.36 | Hutan simpan | Pekeliling Bil.3/2012 | 31.5.2012 (34)62SK.1/bhg.7 | Kompt. 94.379, Hutan Simpan Tembat, Mukim Hulu Terengganu, Daerah Hulu Terengganu |
| 25. | Lam Sim Company Sdn. Bhd. Batu 5, Jalan Bukit Puteri Kampung Baharu 22300 Kuala Besut Terengganu | 47.68 | Hutan simpan | Pekeliling Bil.3/2012 | 31.5.2012 (35)62SK.1/bhg.7 | Kompt. 399, Hutan Simpan Tembat, Mukim Hulu Terengganu, Daerah Hulu Terengganu |
| 26. | Wooden Wood Trading 447G Jalan Kamaruddin 20400 Kuala Terengganu | 297 | Tanah Kerajaan Kawasan Felda | Pekeliling Bil.3/2012 | 5.6.2012 (36)62SK.1/bhg.7 | Kawasan Felda Jerangau, Mukim Jerangau, Daerah Dungun |
| 27. | DG Jaya Trading & Services No. 912, Lorong 6 Kanan Jalan Nibong Stesen 23000 Dungun | 202 | Tanah Kerajaan | Pekeliling 3/2012 | 5.6.2012 (37)62SK.1/bhg.7 | Kaw. Tanah Kerajaan Hulu Paka, Mukim Hulu Paka dan Jengai, Daerah Dungun Kelulusan terdahulu (39)62.SK.1 Bhg.5 batal |
| 28. | Tuan Haji Long bin A.Rahman 1991, Desa Gemia Jalan Panji Alam 21100 Kuala Terengganu | 256 | Hutan simpan | Pekeliling 3/2012 | 5.6.2012 (38)62SK.1/bhg.7 | Kompt. 102, Hutan Simpan Hulu Besut, Mukim Hulu Besut, Daerah Besut Kelulusan terdahulu (78)62.SK.1Bhg.4 batal |

| BIL. | PELESEN | LUAS (HA) | STATUS KAWASAN | LMHH | TARIKH KELULUSAN | CATATAN |
|------|---|-----------|-----------------------|----------------------|--------------------------------|---|
| 29. | Viana Bidara Sdn. Bhd. 1704-1, Kampung Cina Kuala Kemaman 24000 Kemaman | 87 | Hutan simpan | Pekeliling 3/2012 | 5.6.2012 (39)62SK.1/bhg.7 | Kompt. 52a, Hutan Simpan Rasau kertih, Mukim Hulu Chukai, Daerah Kemaman Kelulusan terdahulu (60)62.sk.1Bhg.4 batal |
| 30. | RMF Resources Sdn. Bhd. Lot 11442, Taman Desa Murni Mengabang Telipot 21030 Kuala Terengganu | 40.47 | Hutan simpan | Bil.1/2012 | 19.6.2012 (43)62.sk.1 bhg.7 | Kompt. 14a, Hutan Simpan Rasau Kerteh, Daerah Dungun |
| 31. | Lam Sim Company Sdn. Bhd. 1827 E & F, Jalan Dato Pati 15000 Kota Bharu | 329 | Hutan Simpan (SKP) | Bil.2/2012 | 17.7.2012 (53)62.sk.1 bhg.7 | Kompt. 82, 84, Hutan Simpan Pasir Raja, Mukim Hulu Berang, Daerah Hulu Terengganu |
| 32. | Seri Marang Wood Industries Sdn. Bhd. Lot 1409 Kawasan Perindustrian Wakaf Tapai 21040 Marang | 405 | Hutan Simpan (SKP) | Bil.2/2012 | 7.8.2012 (62)62.sk.1 bhg.7 | Kompt. 12, 13, Hutan Simpan Hulu Telemong dan kompt. 22, 9 Hutan Simpan Petuang, Daerah Hulu Terengganu |
| 33. | Modulasi Aroma Sdn. Bhd. Lot 962-1, Kampung Paya Berenjut 24000 Kemaman | 255 | Hutan simpan | Bil.2/2012 | 24.7.2012 (62)62.sk.1 bhg.7 | Kompt. 43, 49 Hutan Simpan Hulu Setiu, Mukim Hulu Setiu, Daerah Setiu |

| BIL. | PELESEN | LUAS (HA) | STATUS KAWASAN | LMHH | TARIKH KELULUSAN | CATATAN |
|------|---|-----------|-------------------|------------|--------------------------------|---|
| 34. | Amza Dynamic Sdn. Bhd. Lot. Pt 10371, Tingkat 1, Chukai Utama 3 Jalan Kubang Kurus 24000 Kemaman | 397.44 | Hutan simpan | Bil.2/2012 | 24.7.2012 (63)62SK.1/bhg.7 | Kompt. 23, 24, 25, Hutan Simpan Rasau kertih, Mukim Rasau Kerteh, Daerah Kemaman |
| 35. | Cergul Farm Sdn. Bhd. No. 49, Kampung Chapu 21700 Kuala Berang | 274.7 | Hutan simpan | Bil.2/2012 | 7.8.2012 (64)62.sk.1 bhg.7 | Kompt. 4, Hutan Simpan Hulu Terengganu, Mukim Hulu Terengganu Kelulusan terdahulu (77)62.sk.1bhg.6 batal |
| 36. | Wawasan Viana Sdn. Bhd. 3972-1, Pengkalan Sir Jalan Kubang Kurus 24000 Kemaman | 65.79 | Tanah Kerajaan | Bil.2/2012 | 24.7.2012 (65)62.sk.1 bhg.7 | Mukim Besut, Daerah Dungun |
| 37. | Sharifah Nazihah binti Syed Omar No. 184J, Jalan Intan 23000 Dungun | 202 | Hutan Simpan | Bil.2/2012 | 7.8.2012 (67)62.sk.1 bhg.7 | Kompt. 91a, 108a Hutan Simpan Petuang, Daerah Hulu Terengganu Kelulusan terdahulu Bil(173)62sk.1bhg.2 batal |

| BIL. | PELESEN | LUAS (HA) | STATUS KAWASAN | LMHH | TARIKH KELULUSAN | CATATAN |
|------|--|-----------|--------------------|----------------------|---------------------------------|---|
| 38. | Usaha Berjaya Enterprise Sdn. Bhd. Batu 6/2, Jalan Ibok Air Jernih 24210 Kemasik Kemaman | 202 | Hutan Simpan | Bil.2/2012 | 8.8.2012 (68)62.sk.1 bhg.7 | Kompt. 5, Hutan Simpan Bukit Bondi, Mukim Tebak, Daerah kemaman |
| 39. | Bayu Setempat Sdn. Bhd. No. 1107L, Tingkat 1, Jalan Pejabat 20200 Kuala Terengganu | 277 | Hutan simpan | Bil.2/2012 | 24.7.2012 (73)62.sk.1 bhg.7 | Kompt. 8, Hutan Simpan Hulu Terengganu, Mukim Hulu Terengganu, Daerah Hulu Terengganu |
| 40. | Utusan Palma Sdn. Bhd. PT 3301, Kg. Fikri Baru Mak Lagam 24000 Kemaman | 405 | Hutan simpan | Pekeliling 3/2012 | 18.7.2012 (85)62.sk.1 bhg.7 | Kompt. 51, 53 Hutan Simpan Rasau Kertih, Mukim Hulu Chukai, Daerah Kemaman Kelulusan terdahulu (23)62sk.1bhg4 batal |
| 41. | Kilang Papan Laksana Awal Sdn. Bhd. 12354-K, Jalan Sekolah Gong Badak 21300 Kuala Terengganu | 202 | Hutan Simpan (SKP) | Bil.2/2012 | 25.10.2012 (86)62.sk.1 bhg.7 | Kompt. 112b, 101a, 102a Hutan Simpan Gunung Tebu, Mukim Hulu Besut, Daerah Besut |
| 42. | Pengurus Kilang Papan Sino-Malay (Tr) Sdn. Bhd. Batu 18, Jalan Kuala Berang Wakaf Tapai 21040 Kuala Terengganu | 405 | Hutan Simpan (SKP) | Bil.2/2012 | 25.10.2012 (6)62.sk.1 bhg.8 | Kompt. 40, 41, 42, 43, 44, Hutan Simpan Belara, Mukim Batu Rakit, Daerah Kuala Terengganu |

| BIL. | PELESEN | LUAS (HA) | STATUS KAWASAN | LMHH | TARIKH KELULUSAN | CATATAN |
|------|---|-----------|-----------------------|------------------------------------|---------------------------------|---|
| 43. | Pengurus Syarikat Perusahaan dan Pemborong Kemaman Sdn. Bhd. No.2543, Taman Si Buyong Jalan Bukit Mentok 24000 Kemaman | 405 | Hutan Simpan (SKP) | Bil.2/2012 | 25.10.2012 (7)62.sk.1 bhg.8 | Kompt. 28a, 31, 32, Hutan Simpan Rasau Kertih, Mukim Kertih, Daerah Dungun |
| 44. | Pengurus D' Ammar Teguh Enterprise 291 Felda Tenang Besut 22010 Jerneh | 101 | Hutan simpan | Bil.2/2012 | 5.11.2012 (13)62.sk.1 bhg.8 | Kompt. 35a, Hutan Simpan Sungai Nipah, Mukim Tebak, Daerah Kemaman |
| 45. | Pengurus Mas'aa Trading & Marketing E-919 Jalan Kubang Parit 20050 Kuala Terengganu | 101 | Hutan simpan | Pekeliling Bil.3/2012 | 27.12.2012 (24)62.sk.1 bhg.8 | Kompt. 36C, 40B & 50B Hutan Simpan Hulu Terengganu Tambahan, Mukim Tersat, Daerah Hulu Terengganu |
| 46. | Y.T.M. Tengku Besar Terengganu Dato' Seri Sharifah Nong As- Segaff Istana Al-muktafi Billah, Jalan Haji Busu 20400 Kuala Terengganu | 405 | Hutan Simpan | Secara Pekeliling Bil.1/2012 | 26.3.2014 (10)62.sk.1/bhg.9 | Kompt. 60a, 61a, 67a dan 68a Hutan Simpan Hulu Besut, Mukim Hulu Besut, Daerah Hulu Besut Rujuk (42)sk.1/Bhg.7 |
| | JUMLAH = 12,222,44 HEKTAR | | | | | |

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS (BAJET)
PADA 21 HINGGA 24 NOVEMBER 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.2.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
WAKIL RHU RENDANG

SOALAN 1 : Sila nyatakan hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri daripada royalti petroleum atau dana khas daripada pengeluaran petroleum di telaga minyak PM307 Bertam pada tahun 2015 dan 2016

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu

SOALAN 2 : Apakah status perlombongan besi di Bukit Besi sehingga Oktober 2016?

JAWAPAN : Sehingga Oktober 2016, tiada sebarang kerja-kerja perlombongan bijih besi yang dijalankan di Bukit Besi, Dungun.

Aktiviti perlombongan bijih besi telah terjejas ekoran kejatuhan harga pasaran bijih besi antarabangsa bermula pada pertengahan tahun 2013. Berikutan kejatuhan harga pasaran bijih besi yang semakin bertambah teruk pada sekitar tahun 2014 dan 2015 menyebabkan semua pengusaha lombong khususnya di Bukit Besi terpaksa menghentikan operasi perlombongan termasuk pengalihan dan jualan sehingga sekarang.

Walau bagaimanapun, pada sekitar bulan Ogos dan September 2016 terdapat sebuah syarikat yang diluluskan perlombongan bijih besi di kawasan berkenaan telah menjalankan kerja-kerja pengalihan bijih besi dari kawasan stockpile sedia ada milik syarikat berkenaan.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS (BAJET)
PADA 21 HINGGA 24 NOVEMBER 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.3.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT
WAKIL WAKAF MEMPELAM

SOALAN 1 : Berapakah jumlah graduan anak Negeri Terengganu yang masih menganggur sehingga kini mengikut pecahan daerah.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Sila nyatakan sejauhmanakah usaha Kerajaan Negeri untuk menaikkan taraf Institut Al-Quran Terengganu (IQ) di Padang Midin menjadi sebuah Kolej Universiti hingga kini dan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk menjayakan perancangan tersebut.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(h) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Sila nyatakan jumlah Belanjawan Tahunan Negeri ini (Bajet) yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dari tahun 2010 hingga 2015 dan nyatakan jumlah hasil sebenar yang diperolehi oleh Negeri Terengganu pada tahun-tahun tersebut.

JAWAPAN : Jumlah Belanjawan Tahunan Negeri ini (Bajet) yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dan hasil sebenar yang diperolehi oleh Negeri Terengganu pada tahun 2010 hingga 2015 adalah sebagaimana di bawah :-

| Tahun | Belanjawan Disemak (Bajet) (RM) | Hasil Sebenar (RM) |
|--------------|--|-------------------------------|
| 2010 | 1,945,108,000.00 | 1,892,957,278.59 |
| 2011 | 2,087,926,557.00 | 2,312,646,170.32 |
| 2012 | 2,425,200,000.00 | 2,688,457,261.05 |
| 2013 | 2,545,317,800.00 | 2,878,759,753.40 |
| 2014 | 2,800,000,000.00 | 2,585,252,638.97 |
| 2015 | 2,473,293,478.94 | 2,214,829,862.48 |

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS (BAJET)
PADA 21 HINGGA 24 NOVEMBER 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.4.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. AZAN BIN ISMAIL
WAKIL BANDAR

- SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah pemberian wang samada ehsan atau lain-lain dana kepada rakyat Terengganu mengikut daerah dan pecahan kaum bagi tahun 2015 dan 2016.
- JAWAPAN : Jumlah pemberian Bantuan Perayaan Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Dana Bakti Remaja/ Transformasi Orang Muda (TOM) dan Bantuan Persekolahan bagi tahun 2015 dan 2016 adalah sebagaimana Lampiran A.
- SOALAN 2 : Sila nyatakan apakah kejayaan pelaksanaan pelan TTB yang telah dilaksanakan. Berapakah jumlah kos untuk menampung segala program di bawah pelaksanaan program itu dan nyatakan apakah cabaran yang dihadapi.
- JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 3 : Daripada pengumuman Bajet 2017 oleh Kerajaan Pusat berapakah anggaran nilai projek dan program yang bakal dilaksanakan di Negeri Terengganu.
- JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 4 : Sila nyatakan status projek pembangunan KTCC di Dataran Shahbandar dan keseluruhan projek-projek yang berkaitan dengannya.

JAWAPAN : Status pembangunan yang dilaksanakan di Taman Shahbandar adalah seperti berikut:

| Bil | Projek | Status |
|-----|---|-------------|
| 1. | Cadangan Merekabentuk, Membina dan Menyiapkan Doble Road Frontage Fasa 2 daripada Pasar Payang ke Taman Shahbandar Kuala Terengganu | 78.5% Siap. |

LAMPIRAN A

JADUAL 1: STATISTIK PEMBERIAN BANTUAN PERAYAAN AIDILFITRI
TAHUN 2015 DAN 2016

| NO. | DAERAH | TAHUN 2015 | | TAHUN 2016 | |
|--------|------------------|--------------|---------------|--------------|---------------|
| | | BIL PENERIMA | RM | BIL PENERIMA | RM |
| 1. | BESUT | 33,961 | 12,568,200.00 | 35,011 | 13,007,900.00 |
| 2. | DUNGUN | 25,585 | 9,512,300.00 | 26,849 | 10,017,600.00 |
| 3. | HULU TERENGGANU | 18,919 | 6,965,200.00 | 19,406 | 7,157,300.00 |
| 4. | KEMAMAN | 34,153 | 12,723,700.00 | 34,792 | 13,006,500.00 |
| 5. | KUALA TERENGGANU | 41,755 | 15,213,800.00 | 43,480 | 15,915,500.00 |
| 6. | MARANG | 21,241 | 7,818,600.00 | 22,197 | 8,190,300.00 |
| 7. | SETIU | 14,274 | 5,272,000.00 | 14,762 | 5,460,500.00 |
| 8. | KUALA NERUS | 22,524 | 8,263,000.00 | 23,282 | 8,575,300.00 |
| JUMLAH | | 212,412 | 78,336,800.00 | 219,779 | 81,330,900.00 |

**JADUAL 2: STATISTIK PEMBERIAN BANTUAN PERAYAAN TAHUN BARU CINA
TAHUN 2015 DAN 2016**

| NO. | DAERAH | TAHUN 2015 | | TAHUN 2016 | |
|---------------|------------------|---------------|---------------------|---------------|---------------------|
| | | BIL. PENERIMA | RM | BIL. PENERIMA | RM |
| 1. | BESUT | 536 | 191,100.00 | 609 | 217,000.00 |
| 2. | DUNGUN | 1,175 | 418,200.00 | 1,294 | 454,500.00 |
| 3. | HULU TERENGGANU | 102 | 36,100.00 | 103 | 36,200.00 |
| 4. | KEMAMAN | 2,065 | 717,700.00 | 2,240 | 768,000.00 |
| 5. | KUALA TERENGGANU | 3,729 | 1,295,800.00 | 3,643 | 1,254,300.00 |
| 6. | MARANG | 471 | 167,300.00 | 540 | 190,500.00 |
| 7. | SETIU | 56 | 18,900.00 | 55 | 18,300.00 |
| 8. | KUALA NERUS | - | - | 21 | 7,200.00 |
| JUMLAH | | 8,134 | 2,845,100.00 | 8,505 | 2,946,000.00 |

**JADUAL 3: STATISTIK PEMBERIAN BANTUAN PERAYAAN DEEPAVALI
TAHUN 2015 DAN 2016**

| NO. | DAERAH | TAHUN 2015 | | TAHUN 2016 | |
|---------------|------------------|---------------|------------------|---------------|------------------|
| | | BIL. PENERIMA | RM | BIL. PENERIMA | RM |
| 1. | BESUT | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 2. | DUNGUN | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 3. | HULU TERENGGANU | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 4. | KEMAMAN | 171 | 50,800.00 | 163 | 57,500.00 |
| 5. | KUALA TERENGGANU | 81 | 24,300.00 | 95 | 32,900.00 |
| 6. | MARANG | 0 | 0 | 2 | 600.00 |
| 7. | SETIU | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 8. | KUALA NERUS | 0 | 0 | 0 | 0 |
| JUMLAH | | 252 | 75,100.00 | 260 | 91,000.00 |

JADUAL 4: STATISTIK PEMBERIAN DANA BAKTI REMAJA TAHUN 2015

| NO. | DAERAH | BANGSA | | | | BIL PENERIMA | JUMLAH (RM) |
|-----|------------------|----------------|--------------|-----------|-----------|-----------------|----------------------|
| | | MELAYU | CINA | INDIA | LAIN-LAIN | | |
| 1. | BESUT | 15,886 | 131 | 2 | 31 | 16,050 | 3,210,00.00 |
| 2. | DUNGUN | 12,461 | 269 | 1 | 4 | 12735 | 2,547,000.00 |
| 3. | HULU TERENGGANU | 10,056 | 32 | 2 | 2 | 10092 | 2,018,400.00 |
| 4. | KEMAMAN | 15,472 | 349 | 13 | 5 | 15839 | 3,167,800.00 |
| 5. | KUALA TERENGGANU | 23,456 | 228 | 2 | 8 | 23694 | 4,738,800.00 |
| 6. | MARANG | 10,725 | 209 | 1 | 2 | 10937 | 2,187,400.00 |
| 7. | SETIU | 6,655 | 7 | 1 | 0 | 6663 | 1,332,600.00 |
| 8. | KUALA NERUS | 13,964 | 8 | 0 | 2 | 13974 | 2,794,800.00 |
| | JUMLAH | 108,675 | 1,233 | 22 | 94 | 109,984 | 21,996,800.00 |

JADUAL 5 : STATISTIK PEMBERIAN PROGRAM TRANSFORMASI ORANG MUDA (TOM) 2016

| NO | DAERAH | BANGSA | | | | BIL. PENERIMA | JUMILAH (RM) |
|----|--------------------|--------|------|-------|-----------|------------------|---------------|
| | | MELAYU | CINA | INDIA | LAIN-LAIN | | |
| 1. | BESUT | 13,743 | 113 | 1 | 37 | 13,894 | 2,778 ,800.00 |
| 2. | DUNGUN | 10,103 | 172 | 1 | 5 | 10,281 | 2,056,200.00 |
| 3. | HULU TERENGGANU | 9,302 | 27 | 2 | 2 | 9,333 | 1,866,600.00 |
| 4. | KEMAMAN | 12,174 | 203 | 33 | 12 | 12,422 | 2,484,400 .00 |

| | | | | | | | |
|---------------|------------------|---------------|--------------|-----------|-----------|---------------|----------------------|
| 5. | KUALA TERENGGANU | 20,806 | 349 | 17 | 12 | 21,184 | 4,236,800.00 |
| 6. | MARANG | 9,743 | 181 | 1 | 3 | 9,928 | 1,985,600.00 |
| 7. | SETIU | 5,496 | 7 | 2 | 3 | 5,508 | 1'101,600.00 |
| 8. | KUALA NERUS | 11,396 | 16 | 1 | 5 | 11,418 | 2,283 ,600 .00 |
| JUMLAH | | 92,763 | 1,068 | 58 | 79 | 93,968 | 18,793,600.00 |

JADUAL 6: STATISTIK PEMBERIAN BANTUAN PERSEKOLAHAN TAHUN 2015

| NO | DAERAH | TAHUN 2015 | |
|---------------|------------------|----------------|----------------------|
| | | BIL. PENERIMA | RM |
| 1. | BESUT | 17,855 | 1,789,500.00 |
| 2. | DUNGUN | 13,610 | 1,361,000.00 |
| 3. | HULU TERENGGANU | 8,540 | 854,000.00 |
| 4. | KEMAMAN | 16,932 | 1,693,200.00 |
| 5. | KUALA TERENGGANU | 18,572 | 1,857,200.00 |
| 6. | MARANG | 10,419 | 1,041,900.00 |
| 7. | SETIU | 7,364 | 736,400.00 |
| 8. | KUALA NERUS | 10,729 | 1,072,900.00 |
| JUMLAH | | 104,021 | 10,402,100.00 |

*Pemberian Bantuan Persekolahan Tahun 2016 masih dalam proses saringan melalui Jawatankuasa Penilai peringkat daerah. Bantuan persekolahan akan diagih bermula 1 hingga 15 Disember 2016.

SOALAN 4 : Sila nyatakan status projek pembangunan KTCC di Dataran Shahbandar dan keseluruhan projek-projek yang berkaitan dengannya?

JAWAPAN : Status pembangunan yang dilaksanakan di Taman Shahbandar adalah seperti berikut:

| Bil | Projek | Status |
|-----|---|----------------|
| 1. | Cadangan Merekabentuk, Membina dan Menyiapkan Doble Road Frontage Fasa 2 daripada Pasar Payang ke Taman Shahbandar Kuala Terengganu | 78.5% Siap. |

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS (BAJET)
PADA 21 HINGGA 24 NOVEMBER 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.5.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR.HAJI ALIAS BIN RAZAK
WAKIL BUKIT TUNGGAL

SOALAN 1 : Sila nyatakan program Teknologi Hijau yang telah dilaksanakan di negeri ini dari tahun 2013 hingga kini?

JAWAPAN : Program Teknologi Hijau yang telah dilaksanakan di negeri ini dari tahun 2013 hingga kini adalah seperti berikut:

| TAHUN | PROGRAM YANG DIJALANKAN |
|--------------|--|
| 2013 | i. Bengkel Halatuju Pembangunan Negeri Terengganu (Portfolio Sains & Teknologi, Alam Sekitar, Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Negeri Terengganu) (21 - 23 November 2013) |
| 2014 | i. Bengkel Penubuhan Majlis dan Perbadanan Teknologi Hijau Negeri Terengganu (26 – 27 April 2014) |
| 2015 | i. Penubuhan Majlis Teknologi Hijau Negeri Terengganu (MTHN) dan Jawatankuasa Teknologi Hijau Negeri Terengganu (2 September 2015) |
| 2016 | i. Pelancaran Program E-Waste Alam Alliance sempena Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Terengganu (25 April 2016) ii. Kem Kesedaran Selamatkan Lapisan Ozon (20 – 21 Oktober 2016) |

Selain itu juga, program-program lain yang menyokong kepada pembangunan teknologi hijau di Negeri Terengganu adalah seperti berikut:

| BIL | DASAR / PROGRAM | STATUS PELAKSANAAN |
|-----|--|--|
| 1. | Walkable City | |
| | i. Lorong khas untuk berbasikal dan berjalan kaki di kawasan Bandar dan perumahan baru dan sedia ada dengan rekabentuk <i>shaded landscaped walkway</i> laluan berbumbung. | Fasa 1 telah dilaksanakan di pusat Bandar Kuala Terengganu dari Stesen bas ke Pasar Payang dengan jarak 400 meter dan lebar laluan 3 meter. Pembangunan Fasa 2 sedang dalam pelaksanaan projek dengan belanja 2.2 juta daripada KPKT melalui jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia Kedua-dua projek adalah terletak di sekitar Stesen Bas Kuala Terengganu |
| | ii. Kemudahan letak basikal di pusat tumpuan komuniti (kemudahan keagamaan, kawasan pelancongan, kawasan rekreasi, dewan orang ramai, kemudahan kesihatan, kemudahan pendidikan dan sebagainya), pusat perdagangan dan stesen pengangkutan awam. | Penyediaan tempat letak basikal belum dilaksanakan di Negeri Terengganu. |
| | iii. Mengambilkira ciri-ciri bandar selamat melalui Garis Panduan <i>Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED)</i> dan ciri-ciri <i>universal design</i> dalam Garis Panduan Perancangan Rekabentuk Sejangat semasa merekabentuk laluan pejalan kaki dan laluan basikal. | Semua PBT di Negeri Terengganu telah menerapkan ciri-ciri Bandar selamat di dalam kelulusan pelan bangunan. |
| 2. | Jaringan Hijau | |
| | i. Mensasarkan dasar 2 hektar kawasan lapang bagi 1,000 penduduk bandar (tidak termasuk keluasan bumbung hijau dan taman atas bumbung). | Telah melebihi sasaran iaitu 3.2 hektar / 1000 penduduk. |
| | ii. Menggalakkan bumbung hijau (tanaman rumput), dinding hijau (tanaman yang bersesuaian) dan taman atas bumbung. | Kerajaan Negeri Terengganu tidak mensyaratkan perkara ini sepenuhnya semasa kelulusan pelan bangunan. |

| | | |
|----|--|--|
| 3. | <p>Pengurusan Air</p> <p>Menggunakan sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan (SPA) untuk kegunaan bangunan individu.</p> | <p>Terdapat 3 bangunan yang telah melaksanakan SPAH di daerah Kuala Terengganu. Walau bagaimanapun, majoriti PBT di Negeri Terengganu belum mensyaratkan pemasangan SPAH dalam kelulusan pelan bangunan.</p> |
| 4. | <p>Komuniti Hijau</p> <p>Mengenalpasti kawasan yang sesuai untuk aktiviti perkebunan kejiranan sama ada secara kekal atau sementara serta memudahcara pelaksanaan aktiviti perkebunan kejiranan (kebun komuniti).</p> | <p>Pelaksanaan program kebun komuniti di Negeri Terengganu.</p> <p>Majlis Perbandaran Kemaman.</p> <p>Kebun komuniti J3K Kg. Jaya.</p> <p>Kebun Komuniti J3K Kg. Gong Limau.</p> <p>Majlis Perbandaran Dungun.</p> <p>Penubuhan JK Rakan Taman.</p> <p>Projek perintis di perumahan Flat YPK Bijangga.</p> <p>Majlis Daerah Setiu.</p> <p>Kawasan Perumahan Putera Jaya.</p> <p>Majlis Daerah Marang.</p> <p>Kebun komuniti Kg. Alur Limbat.</p> |
| 5. | <p>Projek Perintis Bandar Hijau</p> <p>Setiap negeri perlu merancang sekurang-kurangnya satu projek perintis bandar hijau.</p> | <p>PBT belum melaksanakan program Bandar Hijau.</p> |

SOALAN 2 : Sila nyatakan bilangan permohonan dan jumlah pesakit serta bantuan yang telah diberikan oleh Tabung Darul Iman mengikut pecahan dari tahun 2014 hingga kini.

JAWAPAN : Bilangan permohonan dan jumlah pesakit serta bantuan yang telah diberikan oleh Tabung Darul Iman mengikut pecahan dari tahun 2014 hingga kini adalah seperti berikut:

| Kategori Bantuan | Januari – Disember 2014 | | Januari – Disember 2015 | | Januari – September 2016 | |
|-------------------------------------|-------------------------|-------------------------|-------------------------|-------------------------|--------------------------|-------------------------|
| | Bil. Permohonan | Jumlah Penerima Bantuan | Bil. Permohonan | Jumlah Penerima Bantuan | Bil. Permohonan | Jumlah Penerima Bantuan |
| Elaun Sara Diri Tahunan | 2,254 | 2,254 | 3,000 | 3,000 | 2,312 | 2,312 |
| Bantuan Rawatan (GL) | 24 | 24 | 38 | 38 | 481 | 481 |
| Bantuan Susu Dan Lampin Pakai Buang | - | - | - | - | 90 | 90 |
| Bantuan Musibah | 424 | 424 | 238 | 238 | 573 | 573 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 2,702 | 2,702 | 3,276 | 3,276 | 3,456 | 3,456 |

Maklumat Tambahan

| Kategori Bantuan | JUMLAH BANTUAN (RM) | | |
|-------------------------------------|-------------------------|-------------------------|--------------------------|
| | Januari – Disember 2014 | Januari – Disember 2015 | Januari – September 2016 |
| Elaun Sara Diri Tahunan | 2,129,891.00 | 3,288,966.00 | 2,484,427.00 |
| Bantuan Rawatan (GL) | 1,931,711.43 | 610,297.54 | 792,667.28 |
| Bantuan Susu Dan Lampin Pakai Buang | - | - | 107,510.44 |
| Bantuan Musibah | 2,373,299.27 | 1,382,380.48 | 1,107,267.29 |
| JUMLAH KESELURUHAN (RM) | 6,434,901.70 | 5,281,644.02 | 4,491,872.01 |

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS (BAJET)
PADA 21 HINGGA 24 NOVEMBER 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.6.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH
WAKIL BUKIT PAYONG

SOALAN 1 : Sila senaraikan syarikat-syarikat yang beroperasi dalam perlombongan galian dan nyatakan hasil cukai galian dan royalti galian yang berjaya dikutip oleh Kerajaan Negeri mengikut bahan galian bermula tahun 2008 hingga 2015.

JAWAPAN : Berikut adalah senarai syarikat-syarikat yang beroperasi dalam perlombongan galian beserta jumlah hasil cukai galian dan royalti galian yang berjaya dikutip oleh Kerajaan Negeri bermula dari tahun 2008 hingga 2015 (lampiran berkembar).

Keterangan lampiran adalah sebagaimana berikut:

Lampiran 1 : Senarai syarikat-syarikat yang beroperasi dalam perlombongan serta hasil cukai galian yang berjaya dikutip Kerajaan Negeri mengikut bahan galian bermula tahun 2008 hingga 2015.

Lampiran 2 : Senarai syarikat-syarikat yang beroperasi dalam perlombongan serta royalti galian yang berjaya dikutip Kerajaan Negeri mengikut bahan galian bermula tahun 2008 hingga 2015.

HASIL CUKAI GALIAN YANG BERJAYA DIKUTIP MENGIKUT JENIS GALIAN DAN PECAHAN TAHUN

| 811. | Nama Syarikat | Jenis Galian | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | Jumlah |
|------|---|--------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-----------|---------------|---------------|------------|
| 1. | Koperasi Polis Terengganu Berhad | Besi | Belum didaftarkan | 15,201.25 | 14,201.25 | 14,201.25 | 14,201.25 | 14,201.25 | 15,201.25 | 14,201.25 | 101,408.75 |
| 2. | Telok Kalong Construction | Besi | Belum didaftarkan | 16,000.00 | 15,000.00 | 15,000.00 | 15,000.00 | 15,000.00 | . | - | 76,000.00 |
| 3. | Wahaba Wangtn Sdn. Bhd | Besi | Belum didaftarkan | 15,201.25 | 14,201.25 | 14,201.25 | 14,201.25 | 14,201.25 | 15,201.25 | - | 87,207.50 |
| 4. | Cahaya Ikhtiar Sdn. Bhd | Besi | Belum didaftarkan | 16,000.00 | 15,000.00 | 15,000.00 | 15,000.00 | 15,000.00 | 16,000.00 | - | 92,000.00 |
| 5. | TBM Minerals Sdn. Bhd | Besi | Belum didaftarkan | Belum didaftarkan | 12,602.00 | 11,602.00 | 11,602.00 | 11,602.00 | 11,602.00 | 12,602.00 | 71,612.00 |
| 6. | Bumidunia Property Sdn. Bhd | Besi | 14,290.00 | 13,290.00 | 13,290.00 | 13,290.00 | Henti Operasi | . | . | . | 54,160.00 |
| 7. | MKD Makmur Sdn. Bhd | Besi | Belum didaftarkan | Belum didaftarkan | 16,009.00 | 15,009.00 | 15,009.00 | 15,009.00 | 15,009.00 | Henti Operasi | 76,045.00 |
| 8. | Permint Mineral | Besi | Belum didaftarkan | Belum didaftarkan | 16,023.00 | 15,023.00 | 15,023.00 | 15,023.00 | 15,023.00 | Henti Operasi | 76,115.00 |
| 9. | Harum Merdeka Sdn. Bhd | Besi | Belum didaftarkan | Belum didaftarkan | 13,805.00 | 12,805.00 | 12,805.00 | 12,805.00 | 12,805.00 | Henti Operasi | 65,025.00 |
| 10. | Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu | Besi | Belum didaftarkan | Belum didaftarkan | Belum didaftarkan | Belum didaftarkan | Belum didaftarkan | 7,001.00 | Tamat Operasi | Henti Operasi | 7,001.00 |

| Bil. | Nama Syarikat | Jenis Galian | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | Jumlah |
|------|---|--------------|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|------------|---------------|------------|
| 11. | Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu | Besi | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum daftar | Belum didaftar | Belum didaftar | 7,283.00 | 6,283.00 | 6,283.00 | 19,849.00 |
| 12. | Bahtera Alzayunlex Sdn. Bhd | Besi | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | 24,569.00 | 22,569.00 | 22,569.00 | Henti Operasi | 69,707.00 |
| 13. | Morang Sekutu Sdn. Bhd | Besi | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | 17,016.00 | 16,016.00 | 33,032.00 |
| | Jumlah | | 14,290.00 | 75,692.50 | 130,131.50 | 126,131.50 | 137,410.50 | 149,694.50 | 146,709.50 | 49,102.25 | 829,162.25 |

HASIL CUKAI GALIAN YANG BERJAYA DIKUTIP MENGIKUT JENIS GALIAN DAN PECAHAN TAHUN

| 811. | Nama Syarikat | Jenis Galian | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | Jumlah |
|------|----------------------|--------------|----------------|----------------|----------------|----------------|--------------|--------------|--------------|--------------|------------|
| 1. | Puchong Emas Sdn.Bhd | Timah | 9,021.00 | 8,021.00 | 8,021.00 | Tamat Tempoh | Tamat Tempoh | Tamat Tempoh | Tamat Tempoh | Tamat Tempoh | 25,063.00 |
| 2. | Induk Timur Sdn.Bhd | Timah | Belum didaftar | Belum didaftar | 15,798.00 | 14,798.00 | 14,798.00 | 14,798.00 | 14,798.00 | 29,798.00 | 104,788.00 |
| 3. | Am Nusa Sdn. Bhd | Timah | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | 31,913.00 | 29,913.00 | 29,913.00 | 29,913.00 | 121,652.00 |
| | Jumlah | | 9,021.00 | 8,021.00 | 23,819.00 | 14,798.00 | 46,711.00 | 44,711.00 | 44,711.00 | 59,711.00 | 251,503.00 |

HASIL CUKAI GALIAN YANG BERJAYA DIKUTIP MENGIKUT JENIS GALIAN DAN PECAHAN TAHUN

| Bil. | Nama Syarikat | Jenis Galian | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | Jumlah |
|------|---------------|--------------|----------------|----------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|------|------------|
| 1. | PMINT | Emas | Belum dldaftar | Belum dldaftar | 62,462.50 | 61,462.50 | 61,462.50 | 61,462.50 | 61,462.50 | . | 308,212.50 |
| 2. | PMINT | Emas | Belum dldaftar | Belum didattar | 16,000.00 | 15,000.00 | 15,000.00 | 15,000.00 | 15,000.00 | . | 76,000.00 |
| | Jumlah | | . | . | 78,462.50 | 76,462.50 | 76,462.50 | 76,462.50 | 76,462.50 | . | 384,312.50 |

HASIL CUKAI GALIAN YANG BERJAYA DIKUTIP MENGIKUT JENIS GALIAN DAN PECAHAN TAHUN

| Bil. | NamaSyarikat | Jenis Galian | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | Jumlah |
|------|---|--------------|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|------------|-----------|--------------|
| 1. | Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu | Silika | Belum dldaftar | Belum dldaftar | Belum dldaftar | Belum dldaftar | Belum dldaftar | Belum dldaffar | 205,386.00 | . | 205,386.00 |
| | Jumlah | | . | . | . | . | . | . | 205,386.00 | . | 205,386.00 |
| | JUMLAH KESELURUHAN | | 23,311.00 | 83,713.50 | 232,413.00 | 217,392.00 | 260,584.00 | 270,868.00 | 473,269.00 | 108,81325 | 1,670,363.75 |

LAMPIRAN 2

HASIL ROYALTY GALIAN YANG BERJAYA DIKUTIP MENGIKUT JENIS GALIAN DAN PECAHAN TAHUN

| Bil. | Nama Syarikat | Jenls Galian | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | Jumlah |
|------|----------------------------------|--------------|--------------------|------------------------------------|------------------------------------|------------|------------|---------------|---------------|---------------|--------------|
| 1. | Koperasi Polls Terengganu Berhad | Besi | 36.26442 | 88.404.29 | 130,857.12 | 204,132.01 | 273,530.51 | 208,187.86 | 260,826.76 | 88,525.40 | 1,290,728.37 |
| 2. | Telok Kalong Construction | Besi | Didaftar pada 2008 | 22,625.45 | 185,447.73 | 165,337.51 | 388,731.09 | 344,669.42 | 714,232.25 | 66,273.47 | 1,887,316.92 |
| 3. | Wohaba Wongin Sdn. Bhd | Besi | Didaftar pada | 7,272.64 | 57,594.19 | 86,740.47 | 120,280.00 | 276,921.21 | 246,114.93 | 133,691.68 | 928,615.32 |
| 4. | Cahaya Ikhtiar Sdn. Bhd | Besi | Belum didaftar | Didaftar pada 2009 & belum operasi | 72,120.42 | . | 140,640.00 | 91,910.40 | . | 271,983.93 | 576,654.75 |
| 5. | TBM Minerals Sdn. Bhd | Besi | Belum didaftar | Belum didaftar | Didaftar pada 2010 & belum operasi | 326,321.20 | 186,846.78 | 203,351.03 | 95,235.62 | Henti Operasi | 811,754.63 |
| 6. | Bumidunla Property Sdn. Bhd | Besi | Didaftar pada 2009 | 2,922.00 | 51,390.26 | 50,658.75 | 12,132.71 | Henti Operasi | Henti Operasi | Henti Operasi | 117,103.72 |
| 7. | MKDMakmur Sdn. Bhd | Besi | Belum didaftar | Belum didaftar | Didaftar pada 2010 & belum operasi | 50,000.00 | 30,000.00 | 102,494.62 | Henti Operasi | Henti Operasi | 182,494.62 |
| 8. | Permint Mineral | Besi | Belum didaftar | Belum didaftar | Didaftar pada 2010 & belum operasi | | 31,000.00 | 2,163.63 | 6,566.16 | 3,544.50 | 43,274.29 |

| Bil | Nama Syarikat | Jenis Galian | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | Jumlah |
|-----|---|--------------|----------------|----------------|---------------------------------------|-------------------------------|-----------------------|-----------------------|---------------|---------------|--------------|
| 9. | Harum Merdeka Sdn.Berhad | Besi | Belum didaftar | Belum didaftar | Didaftarkan pada 2010 & belum operasi | 11,677.00 | 7156.00 | 67,723.54 | Hentl Operasi | Hentl Operasi | 86,556.54 |
| 10. | Zaira Abadi Sdn. Bhd | Besi | Belum didaftar | Belum didaftar | Didaftarkan pada 2010 & belum operasi | 1,388.96 | 705.46 | Hentl Operasi | Hentl Operasi | Hentl Operasi | 2,094.42 |
| 11. | Reezan Plantation Sdn Bhd | Besi | Belum didaftar | Belum didaftar | Didaftarkan pada 2010 & belum operasi | 68,136.99 | 12496.10 | Hentl Operasi | Hentl Operasi | Hentl Operasi | 80,633.09 |
| 12. | Hafsah Ab Monof | Besi | Belum didaftar | Belum didaftar | Didaftarkan pada 2010 & belum operasi | Belum didaftar | 11665.82 | 10,062.22 | Hentl Operasi | Hentl Operasi | 21,728.04 |
| 13. | Nordin Bin Raden | Besi | Belum didaftar | Belum didaftar | Didaftarkan pada 2011 & belum operasi | Didaftarkan pada 2011 & belum | 5640.00 | 8,050.00 | Hentl Operasi | Hentl Operasi | 13,690.00 |
| 14. | Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu | Besi | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Didaftarkan pada 2013 | 246,506.68 | Hentl Operasi | Hentl Operasi | 258,362.92 |
| 15. | Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu | Besi | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Didaftarkan pada 2013 | Hentl Operasi | 661,498.55 | 1,121,177.35 |
| 16. | Bahtera Aizayuniex Sdn. Bhd | Besi | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Didaftarkan pada 2012 | 380,413.24 | 11092.15 | 391,505.39 |

| Bil. | Nama Syarikat | Jenis Galian | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | Jumlah |
|------|-----------------------------|--------------|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|--------------------|--------------------|---------------|--------------|
| 17. | Morang Sekutu Sdn. Bhd | Besi | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Didaftar pada 2014 | 98,215.52 | Henti Operasi | 98,215.52 |
| 18. | SITI Rokiah (Jade Fourtune) | Besi | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Didaftar pada 2014 | 3,313.92 | Henti Operasi | 3,313.92 |
| 19. | RISDA | Besi | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Didaftar pada 2014 | 28,078.25 | 28,078.25 |
| 20. | Ketengah Perwira | Besi | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Didaftar pada 2014 | 23,832.80 | 23,832.80 |
| | Jumlah | | 36,264.42 | 121,224.38 | 497,409.72 | 964,392.89 | 1,220,824.67 | 1,562,040.61 | 2,276,453.44 | 1,288,520.73 | 7,967,130.86 |

HASIL ROYALTI GALIAN YANG BERJAYA DIKUTIP MENGIKUT JENIS GALIAN DAN PECAHAN TAHUN

| Bil. | Nama Syarikat | Jenis Galian | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | Jumlah |
|------|-----------------------|--------------|--------------------|----------------|------------------------------------|--------------------|--------------|--------------|--------------|--------------|------------|
| 1. | Puchong Emas Sdn. Bhd | Timah | Didattar pada 2008 | . | 23,843.20 | 8,254.00 | Tamat Tempoh | Tamat Tempoh | Tamat Tempoh | Tamat Tempoh | 32,097.20 |
| 2. | Induk Timur Sdn.Bhd | Timah | Belum didaftar | Belum didattar | Didattar pada 2010 & Belum operasi | Belum operasi | 45,490.59 | 102,880.15 | . | 83,612.45 | 231,983.19 |
| 3. | Am Nusa Sdn. Bhd | Timah | Belum didaftar | Belum didattar | Belum didattar | Didattar pada 2012 | 2,887.20 | . | . | 1,620.13 | 4,507.33 |
| | Jumlah | | . | . | 23,843.20 | 8,254.00 | 48,377.79 | 102,880.15 | . | 85,232.58 | 268,587.72 |

HASIL ROYALTI GALIAN YANG BERJAYA DIKUTIP MENGIKUT JENIS GALIAN DAN PECAHAN TAHUN

| Bil. | Nama Syarikat | Jenis Gallan | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | Jumlah |
|------|---------------------------|--------------|------------------|------------------------------------|--------------------|------------------------------------|---------------------|---------------------|---------------------|---------------------|---------------------|
| 1. | PMINT | Emas | Belum didaftar | Belum didaftar | Didattar pada 2010 | Belum operasi | Belum operasi | 3,984,149 | 2,457.67 | Henti Operasi | 6,439.16 |
| 2. | PMINT | Emas | Belum didaftar | Didaftar pada 2010 & belum operasi | 17,416.70 | 108,333.90 | 27,245.04 | . | 95,986. | Henti Operasi | 248,981.65 |
| 3. | Cahaya Ikhtiar Sdn. Bhd | Ernas | Belum didaftar | Belum didaftar | Belum didaftar | Didattar pada 2011 & belum operasi | 41,397.89 | 123,637.68 | 29,433 | Henti Operasi | 194,469.09 |
| | Jumlah | | - | - | 17,416.70 | 108,333 | 68,642.93 | 163,479.17 | 127,877.20 | - | 485,749 |
| | JUMLAH KESELURUHAN | | 36,264.42 | 121,224.38 | 538,669.62 | 980.79 | 1,337,845.39 | 1,828,399.93 | 2,404,330.64 | 1,373,753.31 | 8,721,468.48 |

SOALAN 2 : Nyatakan projek-projek yang disenaraikan dalam Rancangan Malaysia ke 10 (2011-2015) yang tidak dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan.

JAWAPAN : Semua Projek Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10) di Negeri Terengganu telah dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan seperti yang dirancang.

SOALAN 3 : Nyatakan perbandingan peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk Yayasan Terengganu, Yayasan Pembangunan Keluarga, Yayasan Usahawan Terengganu dan Yayasan Islam Terengganu bermula tahun 2011 hingga 2015.

JAWAPAN : Perbandingan peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk Yayasan Terengganu, Yayasan Pembangunan Keluarga, Yayasan Usahawan Terengganu dan Yayasan Islam Terengganu bermula tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti di Lampiran 1.

**PERBANDINGAN PERUNTUKAN YANG DISALURKAN OLEH KERAJAAN
NEGERI TAHUN 2011-2015**

| Badan-Badan Berkanun | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | JUMLAH (RM) |
|----------------------|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| Yayasan Terengganu | 120,854,247.00 | 101,380,000.00 | 100,000,000.00 | 100,719,939.34 | 116,230,000.00 | 539,184,186.34 |
| YPK | 15,000,000.00 | 20,000,000.00 | 21,204,000.00 | 21,133,907.38 | 15,000,000.00 | 92,337,907.38 |
| YPU | 3,106,883.40 | 3,900,000.00 | 3,989,455.06 | 3,900,000.00 | 3,630,000.00 | 18,526,338.46 |
| YIT | 30,316,000.00 | 35,000,000.00 | 35,000,000.00 | 55,000,000.00 | 41,187,500.00 | 196,503,500.00 |

SOALAN 4 : Mohon dikemukakan statistik jenayah juvana dan dewasa di Terengganu mengikut pecahan daerah dan jenis jenayah bermula 2011 hingga 2015.

JAWAPAN : PDRM Kontinjen Terengganu dari semasa ke semasa sentiasa membuat pemantauan terhadap isu-isu semasa termasuk jenayah juvana serta dewasa yang berlaku terutama melibatkan kes-kes yang terjadi di Negeri Terengganu. Berikut disertakan perangkaan jenayah indeks tahun 2011 hingga tahun 2015 bagi setiap daerah yang melibatkan pelbagai kesalahan jenayah.

| PERANGKAAAN JENAYAH INDEKS TAHUN 2011 KONTINJEN TERENGGANU | | | | | | | | |
|---|-------------|------------|------------|------------|------------|------------|------------|-------------|
| JENIS KESALAHAN | K/TRG | KEMAMAN | DUNGUN | BESUT | MARANG | H/TRG | SETIU | JUMLAH |
| Jenayah Kekerasan | | | | | | | | |
| Bunuh | 2 | 1 | 1 | 0 | 2 | 0 | 0 | 6 |
| Rogol | 42 | 21 | 22 | 19 | 13 | 8 | 8 | 133 |
| Samun Bk B'Senjata Api | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Samun Bk T'Senjata Api | 37 | 6 | 16 | 11 | 8 | 1 | 4 | 83 |
| Samun Bersenjata Api | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Samun T/Senjata Api | 66 | 8 | 12 | 6 | 6 | 1 | 2 | 101 |
| Mencederakan | 40 | 16 | 13 | 16 | 18 | 6 | 8 | 117 |
| Jumlah | 187 | 52 | 64 | 52 | 47 | 16 | 22 | 440 |
| Jenayah Harta Benda | | | | | | | | |
| Lain-lain Curi | 331 | 238 | 60 | 25 | 65 | 39 | 52 | 810 |
| Curi Van/Lori/J'Berat | 11 | 4 | 5 | 5 | 0 | 1 | 0 | 26 |
| Curi Motokar | 166 | 28 | 23 | 28 | 13 | 9 | 6 | 273 |
| Curi Motosikal | 616 | 206 | 169 | 161 | 99 | 73 | 42 | 1366 |
| Curi Ragut | 0 | 21 | 0 | 14 | 26 | 0 | 1 | 62 |
| Pecah Rmh Siang | 79 | 41 | 27 | 9 | 26 | 2 | 6 | 190 |
| Pecah Rmh Malam | 349 | 106 | 94 | 29 | 54 | 14 | 16 | 662 |
| Jumlah | 1552 | 644 | 378 | 271 | 283 | 138 | 123 | 3389 |
| Jumlah Besar | 1739 | 696 | 442 | 323 | 330 | 154 | 145 | 3829 |

| PERANGKAAAN JENAYAH INDEKS TAHUN 2012 KONTINJEN TERENGGANU | | | | | | | | |
|--|------|---------|--------|-------|--------|-------|-------|--------|
| JENIS KESALAHAN | KTRG | KEMAMAN | DUNGUN | BESUT | MARANG | H/TRG | SETIU | JUMLAH |
| Jenayah | | | | | | | | |
| Bunuh | 1 | 1 | 0 | 1 | 1 | 2 | 1 | 7 |
| Rogal | 34 | 31 | 24 | 26 | 16 | 1 | 9 | 151 |
| Samun Bk | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Samun Bk | 39 | 15 | 18 | 7 | 9 | 4 | 4 | 96 |
| Samun | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Samun T/ | 29 | 18 | 13 | 1 | 8 | 1 | 0 | 70 |
| Mencederakan | 1 | 25 | 14 | 24 | 18 | 5 | 3 | 107 |
| Jumlah | 121 | 90 | 69 | 59 | 52 | 23 | 1 | 431 |
| Jenayah Harta | | | | | | | | |
| Lain-Lain Curi | 290 | 181 | 61 | 1 | 52 | 29 | 2 | 653 |
| Curi Van/Lori/ | 7 | 10 | 4 | 6 | 2 | 1 | 4 | 34 |
| Curi Motokar | 120 | 40 | 25 | 48 | 11 | 15 | 13 | 272 |
| Curl Motosikal | 623 | 270 | 162 | 216 | 126 | 8 | 43 | 1525 |
| Curi Ragut | 0 | 38 | 2 | 0 | 12 | 4 | 0 | 56 |
| Pecah Rmh | 75 | 37 | 16 | 4 | 13 | 1 | 2 | 148 |
| Pecah Rmh | 188 | 58 | 80 | 10 | 37 | 4 | 6 | 383 |
| Jumlah | 1303 | 634 | 350 | 296 | 253 | 139 | 96 | 3071 |
| Jumlah Besar | 1424 | 724 | 419 | 355 | 305 | 162 | 113 | 3502 |

| PERANGKAAAN JENAYAH INDEKS TAHUN 2013 KONTINJEN TERENGGANU | | | | | | | | |
|--|-------|--------|--------|-------|--------|-------|-------|--------|
| JENIS KESA | KITRG | KEMAMA | DUNGUN | BESUT | MARANG | HITRG | SETIU | JUMLAH |
| Jenayah | | | | | | | | |
| Bunuh | 3 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 5 |
| Rogal | 20 | 31 | 23 | 21 | 11 | 12 | 7 | 125 |
| Samun Bk | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Samun Bk | 31 | 16 | 20 | 4 | 14 | 10 | 2 | 97 |
| Samun | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Samun | 34 | 1 | 17 | 4 | 10 | 2 | 0 | 68 |
| Mencederakan | 42 | 37 | 21 | 26 | 12 | 4 | 10 | 152 |
| Jumlah | 130 | 85 | 82 | 55 | 48 | 28 | 19 | 447 |
| Jenayah Harta | | | | | | | | |
| Lam-Lain Curl | 201 | 90 | 35 | 23 | 36 | 28 | 25 | 438 |
| Curi Van/Lori/ | 7 | 10 | 5 | 14 | 1 | 4 | 2 | 43 |
| Curl IVK>tokar | 94 | 53 | 20 | 5 | 12 | 7 | 12 | 249 |
| C Uti Matosikal | 835 | 377 | 232 | 281 | 190 | 94 | 58 | 2067 |
| Cun Ragut | 0 | 15 | 0 | 0 | 8 | 5 | 0 | 28 |
| Pecah Rmh | 44 | 7 | 10 | 5 | 11 | 9 | 3 | 89 |
| Pecah Rmh | 115 | 14 | 41 | 2 | 26 | 15 | 11 | 249 |
| Jumlah | 1296 | 566 | 343 | 401 | 284 | 162 | 111 | 3163 |
| Jumlan Besar | 1426 | 651 | 425 | 456 | 332 | 190 | 130 | 3610 |

| PERANGKAAAN JENYAH INDEKS TAHUN 2014 KONTINJEN TERENGGANU | | | | | | | | |
|---|------|---------|--------|-------|--------|-------|-------|--------|
| JENIS | KTRG | KEMAMAN | DUNGUN | BESUT | MARANG | HITRG | SETJU | JUMLAH |
| Jenayah Kekerasan | | | | | | | | |
| Bunuh | 1 | 1 | 3 | 2 | 2 | 0 | 1 | 10 |
| Rogol | 2 | 16 | 14 | 2 | 21 | 10 | 5 | 112 |
| Samun Bk | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Samun Bk | 4 | 10 | 9 | 1 | 2 | 4 | 2 | 81 |
| Samun | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Samun T/ Senjatapi | 40 | 3 | 16 | 1 | 7 | 1 | 0 | 78 |
| tlencederakan | 52 | 45 | 17 | 25 | 21 | 11 | 7 | 178 |
| Jumlah | 160 | 75 | 59 | 71 | 53 | 26 | 15 | 459 |
| Jenayah Harta | | | | | | | | |
| Lain-Lain Curi | 168 | 152 | 46 | 21 | 38 | 32 | 3 | 488 |
| Curi Van/Lori/ | 4 | 7 | 10 | 9 | 3 | 4 | 5 | 42 |
| Curi Molokar | 75 | 41 | 28 | 53 | 6 | 10 | 9 | 222 |
| Curi Motosikal | 556 | 269 | 190 | 285 | 145 | 54 | 62 | 1561 |
| Curi Ragut | 1 | 14 | 0 | 0 | 3 | 3 | 1 | 22 |
| Pecah Rmh Siang | 53 | 8 | 18 | 9 | 3 | 3 | 0 | 94 |
| Pecah Rmh Malam | 149 | 24 | 66 | 18 | 32 | 26 | 10 | 325 |
| Jumlah | 1006 | 515 | 358 | 395 | 230 | 132 | 118 | 2754 |
| Jumlah Besar | 1166 | 590 | 417 | 466 | 283 | 158 | 133 | 3213 |

| PERANGKAAAN JENAYAH INDEKS TAHUN 2015 KONTINJEN TERENGGANU | | | | | | | | |
|--|-------|---------|--------|-------|--------|--------|-------|--------|
| JENIS KESALAHAN | KITRG | KEMAMAN | DUNGUN | BESUT | MARANG | 1-UTRG | SETIU | JUMLAH |
| Jenayah Kekerasan | | | | | | | | |
| Bunuh | 3 | 1 | 2 | 0 | 1 | 1 | 0 | 8 |
| Rogol | 28 | 16 | 13 | 23 | 14 | 6 | 10 | 110 |
| Samun Bk B'Senjatapi | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 |
| Samun Bk T/Senjalapi | 30 | 4 | 12 | 10 | 4 | 0 | 0 | 60 |
| Samun Bersenjatapi | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Sa mun T/ Senjatapi | 19 | 1 | 29 | 5 | 8 | 5 | 2 | 69 |
| Mencederakan | 33 | 35 | 16 | 20 | 18 | 0 | 7 | 129 |
| Jumlah | 114 | 57 | 72 | 58 | 45 | 12 | 19 | 377 |
| Jenayah Harta Benda | | | | | | | | |
| Lain-Lain Curi | 181 | 72 | 75 | 37 | 39 | 24 | 20 | 448 |
| Curi Van/Lori/ J'Berat | 11 | 5 | 0 | 7 | 3 | 1 | 3 | 30 |
| Curi Motokar | 81 | 29 | 22 | 71 | 6 | 12 | 16 | 237 |
| Curi Mo os ikal | 415 | 255 | 146 | 230 | 89 | 70 | 40 | 1245 |
| Curi Ragut | 0 | 10 | 0 | 0 | 8 | 3 | 0 | 21 |
| Pecah Rmh Siang | 20 | 5 | 20 | 4 | 9 | 5 | 2 | 65 |
| Pecah Rmh Malam | 90 | 22 | 60 | 24 | 17 | 12 | 11 | 236 |
| Jumlah | 798 | 398 | 323 | 373 | 171 | 127 | 92 | 2282 |
| Jumlah Besar | 912 | 455 | 395 | 431 | 216 | 139 | 111 | 2659 |

| KESALAHAN MELIBATKAN JUVANA TAHUN 2011-2015 BAGI KONTIJEN TERENGGANU | | | | | | | | |
|--|-------|---------|--------|-------|--------|------|-------|--------|
| JENIS KESALAHAN | K/TRG | KEMAMAN | DUNGUN | BESUT | MARANG | HTRG | SETIU | JUMLAH |
| Jenayah Kekerasan | | | | | | | | |
| Bunuh | 10 | 4 | 7 | 3 | 7 | 3 | 2 | 36 |
| Rogol | 148 | 115 | 96 | 111 | 75 | 47 | 39 | 631 |
| Samun Bk B'Senjatapi | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 |
| Samun Bk T/Senjatapi | 180 | 51 | 75 | 43 | 37 | 19 | 12 | 417 |
| Samun Bersenjalapi | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Samun T/ Senjatapi | 188 | 31 | 87 | 27 | 39 | 10 | 4 | 386 |
| Mencederakan | 185 | 158 | 81 | 111 | 87 | 26 | 35 | 683 |
| Jumlah | 712 | 359 | 346 | 295 | 245 | 105 | 92 | 2154 |
| Jenayah Harta Benda | | | | | | | | |
| Lain-Lain Curi | 1171 | 733 | 277 | 118 | 230 | 152 | 156 | 2837 |

| | | | | | | | | |
|---------------------------|------|------|------|------|------|-----|-----|-------|
| Curi Vanllori/ J'Berat | 40 | 36 | 24 | 41 | 9 | 11 | 14 | 175 |
| Curi Motokar | 536 | 191 | 118 | 251 | 48 | 53 | 56 | 1253 |
| Curi Motosikaf | 3045 | 1377 | 899 | 1173 | 649 | 376 | 245 | 7764 |
| Curi Ragut | 1 | 98 | 2 | 14 | 57 | 15 | 2 | 189 |
| Pecah Rmh Siang | 271 | 98 | 91 | 31 | 62 | 20 | 13 | 586 |
| Pecah Rmh Malam | 891 | 224 | 341 | 108 | 166 | 71 | 54 | 1855 |
| Jumlah | 5955 | 2757 | 1752 | 1736 | 1221 | 698 | 540 | 14659 |
| Jumlah Besar | 6667 | 3116 | 2098 | 2031 | 1466 | 803 | 632 | 16813 |

SOALAN 5 : Sila senarai barang-barang keperluan harian dengan membandingkan harga runcit bermula tahun 2013 hingga Oktober 2016.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS (BAJET)
PADA 21 HINGGA 24 NOVEMBER 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.7.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR
WAKIL LADANG

SOALAN 1 : Sila nyatakan berapakah unit kedai yang telah dibina di atas tanah yang telah diambil balik di kawasan Kampung Ladang dan Kampung Tanjung. Berapakah unit yang telah dijual. Apakah dasar kerajaan untuk pastikan orang melayu dapat sama-sama berniaga di sini?

JAWAPAN : Jumlah unit kedai yang telah dibina di atas tanah yang telah diambil di kawasan Kampung Ladang dan Tanjung adalah 90 unit. Tiada unit yang dijual. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan Rezab Melayu.

SOALAN 2 : Apakah komponen projek pembangunan yang dilaksanakan di kawasan pembangunan di sebelah kiri kanan Muara Sungai Terengganu. Sila nyatakan status sekarang. Berapakah kos yang terlibat untuk setiap projek.

JAWAPAN : Komponen pembangunan yang dilaksanakan di kawasan di sebelah kiri dan kanan Muara Sungai Terengganu adalah sepertimana di bawah:

| Bil | Komponen | Kos (RM) | Status |
|-----|---|---------------|------------|
| 1. | Pembangunan Infrastruktur Muara Selatan | 31,251,680.00 | Telah siap |
| 2. | Pembangunan Infrastruktur Muara Utara | 85,000,000.00 | Telah siap |

| | | | |
|----|--|----------------|-------------------------------------|
| 3. | Pembinaan Jambatan Angkat(Drawbridge) | 248,728,660.00 | 69.52% Siap Setakat 3 November 2016 |
| 4. | Cadangan Membina dan Menyiapkan Bangunan Kompleks Pentabiran Majlis Bandaraya Kuala Terengganu | 164,553,997.85 | 63.60% Siap Setakat 6 November 2016 |

SOALAN 3 : Difahamkan Kerajaan Negeri ada melaksanakan Projek Pembangunan dengan menggunakan kaedah 'Defered Payment' (bayaran tertangguh). Sila senaraikan projek-projek berkenaan, kosnya, kontraktornya dan syarat-syarat yang berkaitan untuk projek yang dilaksanakan bermula tahun 2013 hingga sekarang.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS (BAJET)
PADA 21 HINGGA 24 NOVEMBER 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.8.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ARIFFIN BIN DERAMAN
WAKIL ALUR LIMBAT

SOALAN 1 : Sila senaraikan Syarikat berkaitan Kerajaan Negeri Terengganu (GLC) dan untung rugi semasa Starikat GLC ini?

JAWAPAN : DITOLAK menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Nyatakan jumlah kutipan dan agihan wang zakat untuk Tahun 2014 & 2016 dan berapakah jumlah wang zakat yang masih tersimpan sehingga ke hari ini?

JAWAPAN : 1. Jumlah kutipan dan agihan wang zakat adalah seperti berikut :

| TAHUN | ZAKAT | | CATATAN |
|-------|----------------|----------------|-----------------------|
| | KUTIPAN (RM) | AGIHAN (RM) | |
| 2015 | 126,641,997.25 | 123,354,118.58 | Sehingga 31 Dec. 2015 |
| 2016 | 99,496,809.34 | 127,294,758.25 | Sehingga 31 Okt. 2016 |

2. Jumlah wang zakat yang masih terkumpul sehingga 06 November 2016 ialah sebanyak RM380,199,936.61

SOALAN 3 : Berapakah jumlah pekerja yang bekerja dengan Kerajaan Negeri mengikut daerah dan mengikut status tetap dan kontrak. Berapakah jumlah gaji sebulan yang dibayar oleh Kerajaan Negeri untuk membayar keseluruhan pekerja tersebut?

JAWAPAN : Jumlah pekerja yang bekerja dengan Kerajaan Negeri mengikut daerah adalah sebagaimana ketetapan di bawah :

**JUMLAH KAKITANGAN TETAP BERDASARKAN
DAERAH DI NEGERI TERENGGANU**

| BIL | DAERAH | JUMLAH |
|---------------|------------------|--------------|
| 1 | Besut | 487 |
| 2 | Dungun | 581 |
| 3 | Hulu Terengganu | 564 |
| 4 | Kemaman | 340 |
| 5 | Kuala Terengganu | 3,031 |
| 6 | Marang | 319 |
| 7 | Setiu | 325 |
| 8 | Kuala Nerus | 230 |
| JUMLAH | | 5,877 |

**JUMLAH KAKITANGAN KONTRAK BERRDASARKAN
DAERAH DI NEGERI TERENGGANU**

| BIL | DAERAH | JUMLAH |
|---------------|------------------|------------|
| 1 | Besut | 68 |
| 2 | Dungun | 30 |
| 3 | Hulu Terengganu | 25 |
| 4 | Kemaman | 40 |
| 5 | Kuala Terengganu | 544 |
| 6 | Marang | 20 |
| 7 | Setiu | 16 |
| 8 | Kuala Nerus | 8 |
| JUMLAH | | 751 |

Jumlah keseluruhan pekerja yang bekerja dengan Kerajaan Negeri ialah **6,628 orang**. Manakala Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM17,476,435.27** sebulan untuk membayar gaji keseluruhan pekerja tersebut.

SOALAN 4 : Senaraikan jumlah penerima BR1M mengikut kategori dan daerah untuk Tahun 2014 – 2016?

DITOLAK menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS (BAJET)
PADA 21 HINGGA 24 NOVEMBER 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.9.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI HANAFIAH BIN MAT
WAKIL CUKAI

- SOALAN 1 : Apakah langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh kerajaan dan badan-badan yang mempunyai autoriti seperti imegresen dalam mengawal kemasukan warga asing yang tidak sah untuk bekerja dalam sektor minyak dan gas seperti di Kerteh, Kemaman?
- JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 2 : Berapakah kos penyelenggaraan Zoo Kemaman sehingga kini dan berapakah keuntungan yang diperolehi oleh kerajaan daripada Zoo Kemaman?
- JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(h) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 3 : Berapakah jumlah sebenar pekerja yang telah diberhentikan oleh majikan bermula Januari 2016 sehingga kini di Negeri Terengganu?
- JAWAPAN : Mengikut laporan pemberhentian yang diterima oleh Jabatan Tenaga Kerja Negeri Terengganu, bermula Januari 2016 sehingga kini terdapat 26 buah syarikat dengan jumlah 458 orangn pekerja (444 pekerja tempatan dan 14 orang pekerja asing) yang terlibat dengan pemberhentian di Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Bilakah pembinaan hospital Kemaman yang baru akan dimulakan?

JAWAPAN : Pembinaan Hospital Kemaman yang baharu dijangka akan bermula pada bulan Julai 2017.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS (BAJET)
PADA 21 HINGGA 24 NOVEMBER 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.10.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI RIDZUAN BIN HASHIM
WAKIL TELUK PASU

SOALAN 1 : Berapakah kos terkini pembinaan Masjid Kampung Kebor Air dan apakah punca sebenar yang menyebabkan kelewatan penyerahan kepada penduduk sedangkan Kerajaan menjangkakan ia dapat digunakan pada pertengahan Ogos 2016 sebagaimana jawapan bertulis dalam Mesyuarat Kedua Penggal Keempat pada 8 Ogos 2016 yang lalu?

JAWAPAN : Kos terkini yang telah dibelanjakan untuk pembinaan Masjid Kampung Kebor Air adalah sebanyak RM4,289,900.00 berbanding kos kontrak asal RM5,300,000.00.

Jabatan telah membuat pemeriksaan dan tidak berpuas hati dengan kebersihan kawasan lantai masjid dan telah mengarahkan kontraktor untuk melakukan kerja-kerja pembersihan kawasan lantai tersebut sebelum serahan kepada pihak Pejabat Agama Islam Negeri Terengganu selaku pejabat pelanggan kami.

Masjid dijangka dapat diserahkan kepada pelanggan pada akhir November 2016.

Soalan 2 : Senaraikan usahawan tempatan yang terlibat dengan industri pemprosesan silica di Setiu, Terengganu.

JAWAPAN : Senarai usahawan yang terlibat adalah sebagaimana Lampiran 1 :

1. "K" LINE MARITIM (M) SDN. BHD.
2. AFT AUTOMATION SDN. BHD.
3. ARACHEM (M) SDN. BHD.
4. ARCHCO RIGIDON (M) SDN. Bhd.
5. AZWA DINAMIK ENTERPRISE
6. BAN DAH TRADING AND TRANSPORT SDN. BHD.
7. BELL INTERNATIONAL LOGISTICS SDN. BHD.
8. BESTOOL (M) SDN. BHD.
9. CAMAR LETRIK (M) SDN. BHD.
10. CENTRAL BOLTS & NUTS SDN. BHD.
11. CHEC CONSTRUCTION (M) SDN. BHD.
12. CHUKAI OXYGEN MACHINERY
13. COOLTECH SOLUTION SDN. BHD.
14. EMERGE SYSTEMS (M) SDN. BHD.
15. EURO POTENTIAL SDN. BHD.
16. GALACTIC ADVANCE ENGINEERING (M) SDN. BHD.
17. GALANTEC SDN. BHD.
18. GRAND PACIFIC INDUSTRIAL EQUIPMENT SDN. BHD.
19. GREEN GLOBAL ENVIRONMINDRESOURCES
20. HARVEST ENGINEERING HARDWARE SDN. BHD.
21. HILTI (MALAYSIA) SDN. BHD.
22. HOSEMAN SDN. BHD.
23. HT LUBRICANT SDN. BHD.
24. INTERCONTINENTAL FREIGHT EXPRESS SDN. BHD.
25. ITVISION CONSULTING SDN. BHD.
26. JACO-TECH (M) SDN. BHD.
27. K H OON MINING CONSULTANCYQ
28. KHRONE (M) SDN. BHD.
29. KONSULTAN JURUTERA MELOMBONG YEOW SDN. BHD.
30. LEEDEN WELDING SDN. BHD.
31. LINATEX RUBBETR PRODUCT SDN. BHD.
32. LVS GLOBAL VENTURES SDN. BHD.
33. MATCERUL ENTERPRISE
34. MAX WAXES SDN. BHD.
35. ME NAT ENGINEERING AND TRADING SDN. BHD.
36. MELEWAR INTERGRATED ENGINEERING SDN. BHD.
37. MICROMATE INDUSTRIES SDN. BHD.
38. NASIR ANJANG ENTERPRISE
39. NATTY TEAM MARKETING SDN. BHD.
40. NAVALDIAN HOLDINGS SDN. BHD.
41. NEWERA EQUIPMENT SUPPLY SDN. BHD.
42. NZAB TRADING

43. ORZEL SDN. BHD.
44. PALSMART TRADING
45. PETROSEIS SDN. BHD.
46. POWERTRADE ENERGY SDN. BHD.
47. PROGUARD TECHNOLOGIES (M) SDN. BHD.
48. PROSDATA ENGINEERING SDN. BHD.
49. PYROPE INDUSTRIES SDN. BHD.
50. SHASWICQ BUILDERS SDN. BHD.
51. SHIPS CLASSIFICATION (MALAYSIA) SDN. BHD.
52. SHIRO (M) SDN. BHD.
53. SHIRO (MALAYSIA) SDN. BHD.
54. SIME DARBY INDUSTRIAL SDN. BHD.
55. SK AUTOMATION ENGINEERING SDN. BHD.
56. SLS (KUANTAN) SDN. BHD.
57. SLS BEARINGS (MALAYSIA) SDN. BHD.
58. ST HYDRAULIC & ENGINEERING SDN. BHD.
59. STYRENE FOAM SDN. BHD.
60. SUATECH ENGINEERS
61. SUMITRANS LOGISTIC SERVICES
62. SUNGAI CHOH ENGINEERING SDN. BHD.
63. SWEE SOON HUAT AUTO AND INDUSTRIES PARTS SDN. BHD.
64. TINY INDUSTRIAL MACHINERIES SDN. BHD.
65. TLK MAJU TRADING
66. TOYOTA TSUSHO HOKEN AGENCY (M) SDN. BHD.
67. TOYOTA TSUSHO (MALAYSIA) SDN. BHD.
68. TRG QUARTZ RESOURCES SDN. BHD.
69. UMW TOYOTSU MOTORS SDN. BHD.
70. UNI WEST TRADE
71. VAK TECHNOLOGY AND SECURITY
72. VALMATIC AUTOMATION SDN. BHD.
73. VENCON ENGINEERING
74. WATT EURO DRIVE (M) SDN. BHD.
75. WEG SOUTH EAST ASIA SDN. BHD.
76. WSO MACHINERY SDN. BHD.
77. YINSON TRANSPORT (M) SDN. BHD.
78. YSK TRADING SDN. BHD.
79. ZAF ENTERPRISE
80. ZR SETIU ENTERPRISE

SOALAN 3 : Nyatakan senarai jentera pertanian yang rosak dan yang masih boleh digunakan mengikut daerah bagi seluruh Negeri Terengganu.

DITOLAK menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS (BAJET)
PADA 21 HINGGA 24 NOVEMBER 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.11.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM
WAKIL TEPOH

SOALAN 1 : Berapakah jumlah hutang pihak kerajaan negeri dengan kerajaan persekutuan sehingga Disember 2015? Pohon perincian dengan jumlah faedah yang dikenakan?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu

SOALAN 2 : Pohon nyatakan jumlah pelaburan yang diperolehi kerajaan negeri Terengganu dan syarikat pelaburan yang telah terlibat sepanjang 2016? Sila nyatakan juga peluang pekerjaan untuk anak Terengganu melalui pelaburan ini?

JAWAPAN : Jumlah pelaburan bagi tahun 2016 yang terima oleh negeri Terengganu bermula bulan Januari hingga Ogos adalah sebanyak RM75,220,000.00.

Syarikat pelaburan yang terlibat adalah:

- i) Inspire Creation Sdn.Bhd.
- ii) ESPEK Sdn.Bhd.
- iii) Logamatic Industries (M) Sdn.Bhd.
- iv) Faiz Engineering & Services Sdn.Bhd.
- v) Pointray (M) Sdn.Bhd.
- vi) Keong Workshop (Trg) Sdn.Bhd.

Pelaburan tersebut telah membuka peluang pekerjaan kepada anak Terengganu sebanyak 254 orang.

SOALAN 3 : Berapakah jumlah pendapatan terhasil sehingga September 2016 melalui hasil cukai dan bukan cukai untuk kerajaan negeri Terengganu?

JAWAPAN : Jumlah pendapatan terhasil sehingga September 2016 melalui Hasil Cukai dan Bukan Cukai untuk Kerajaan Negeri Terengganu adalah sebagaimana berikut:

| | |
|-------------------|-----------------|
| Hasil Cukai | RM52,570,831.75 |
| Hasil Bukan Cukai | RM93,891,008.95 |

SOALAN 4 : Pohon nyatakan jumlah terimaan bukan hasil yang telah diterima kerajaan negeri bagi tahun 2016? Berapakah jumlah sumbangan Dana Khas melalui terimaan bukan hasil yang telah diterima pada tahun ini?

JAWAPAN : Jumlah Terimaan Bukan Hasil (sehingga Oktober 2016) adalah sebanyak RM1,392,735,603.51. Daripada jumlah tersebut terimaan Dana Khas Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM1,270,000,000.00.

SOALAN 5 : Berapa ramaikah pelancong yang telah mengunjungi Terengganu sepanjang 2016 dari kalangan pelancong luar negara dan pelancong tempatan?

JAWAPAN : 1. Mengikut kadar purata kasar penginapan pelancong di semua hotel dan resort seluruh Negeri Terengganu, jumlah keseluruhan pelancong yang mengunjungi Terengganu sehingga bulan Ogos 2016 adalah seramai 3,633,820 orang termasuk dari kalangan pelancong luar negara dan pelancong tempatan.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS (BAJET)
PADA 21 HINGGA 24 NOVEMBER 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.12.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK
WAKIL SURA

- SOALAN 1 : Sila senaraikan jajaran jalan keretapi Pantai Timur yang melibatkan Negeri Terengganu.
- JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 2 : Sila nyatakan jumlah panjang jalan yang diambil oleh kerajaan melalui pecahan lot tanah di daerah Dungun dan berapa panjangkah yang telah diturap.
- JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 3 : Berapakah jumlah rumah mampu milik yang masih belum diagihkan kepada pemohon di daerah Dungun seperti di Bukit Tebuk, Paya Lawas, Beril Paka dan Batu Tujuh.
- JAWAPAN : Semua unit rumah mampu milik di Bukit Tebuk, Paya Lawas, Paya Beril dan Batu Tujuh telah dibuat penawaran.
- SOALAN 4 : Apakah perancangan MAIDAM dalam menggunakan wang lebihan zakat terkumpul.
- JAWAPAN : Perancangan MAIDAM dalam menggunakan wang lebihan zakat terkumpul ialah:-

1. MAIDAM telah mengeluarkan satu garis panduan baharu agihan zakat dengan menaikkan kadar bantuan yang diberi kepada asnaf fakir, miskin dan muallaf dan mewujudkan jenis bantuan baru dalam sinf fisabilillah terutama bantuan pendidikan dan telah pun dilaksanakan bermula Jun 2016.
2. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kewangan, Pembangunan dan pelaburan MAIDAM kali ke 2/2016 yang bersidang pada 2 November 2016 telah bersetuju supaya Jawatankuasa Zakat MAIDAM yang dipengerusikan oleh YBhg. Sahibus Samahah Dato' Mufti untuk mengkaji dan memutuskan kaedah yang terbaik bagi membelanjakan wang lebihan tersebut selari dengan kehendak syarak.

SOALAN 5 : Berapakah pendapatan kerajaan negeri dari hasil cukai balak dan premium tanah dari 2014 hingga Ogos 2016.

JAWAPAN : Jumlah pendapatan Kerajaan Negeri dari hasil balak dan premium tanah dari tahun 2014 hingga Ogos 2016 sebagaimana berikut:-

| Bil | Jenis Hasil | Tahun 2014 (RM) | Tahun 2015 (RM) | Tahun 2016 (Ogos) (RM) |
|-----|---------------------|-----------------|-----------------|------------------------|
| 1. | Hasil Cukai Balak | 40,782,265.96 | 37,692,987.96 | 22,683,753.67 |
| 2. | Hasil Premium Tanah | 71,220,235.68 | 87,069,133.17 | 32,240,783.44 |

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS (BAJET)
PADA 21 HINGGA 24 NOVEMBER 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.13.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI ALIAS BIN HARUN
WAKIL RANTAU ABANG

SOALAN 1 : Sejauh manakah persiapan kerajaan dalam menghadapi Tahun Melawat Terengganu pada 2017?

JAWAPAN : 1. Persiapan kerajaan dalam menghadapi Tahun Melawat Terengganu 2017 adalah berada di tahap kesediaan maksimum dengan penubuhan jawatankuasa induk di bawah YAB Menteri Besar, pelaksanaan strategi, kempen-kempen promosi, program, galakan dan pendedahan media dalam dan luar Negara telah diinisiatifkan melalui Sekreteriat Beautiful Terengganu untuk meningkatkan tahap kededaran orangramai terhadap perancangan Kerajaan Negeri bagi menjayakan kempen Tahun Melawat Terengganu 2017.

SOALAN 2 : Apakah perancangan MAIDAM bagi tanah-tanah wakaf yang tidak mencukupi saiz untuk memberi manfaat kepada pewakaf?

JAWAPAN : Tanah-tanah wakaf berkeluasan kurang suku ekar/kecil yang terletak di kawasan tidak ekonomik dan tidak boleh dimajukan akan diistibdal dengan tanah lain yang akan memberi manfaat kepada pewakaf.

SOALAN 3 : Berapakah jumlah kos pembaikan dan jangkaan siap Pusat Akuatik Negeri Terengganu di Kuala Terengganu.

JAWAPAN : Kos bagi pembaikan Pusat Akuatik Negeri Terengganu adalah sebanyak **RM328,663.60** dan kerja-kerja pembaikan akan siap pada 23 November 2016.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS (BAJET)
PADA 21 HINGGA 24 NOVEMBER 2016

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.14.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI
WAKIL BATU BUROK

SOALAN 1 : Apakah perkembangan Syarikat Chicken Cottage restoran makanan segera yang beroperasi di United Kingdom dan Eropah?

JAWAPAN : Dengan pembukaan dua buah cawangan baru di UK pada bulan Julai dan November baru-baru ini, kini terdapat 81 buah cawangan yang beroperasi di UK dan 22 buah cawangan di luar UK termasuk 1 di Malaysia.

Bagi tahun 2017, Pengurusan Chicken Cottage merancang bagi membuka 4 lagi cawangan baru di UK dan 3 buah cawangan di Eropah dan Timur Tengah.

SOALAN 2 : Berapakah jumlah peruntukan tahunan yang dikhaskan oleh Kerajaan Negeri Terengganu kepada aktiviti belia dan anak muda di seluruh Negeri Terengganu dan senaraikan jenis aktiviti?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Apakah persediaan Kerajaan Negeri dalam memantapkan lagi Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam negeri ini khususnya dalam melaksanakan Enakmen tersebut ;

1. Enakmen Keterangan Syariah
2. Enakmen Acara Mal Syariah
3. Enakmen Acara Jenayah Syariah
4. Enakmen Jenayah Syariah (Ta'zir)

JAWAPAN : Di antara persediaan Kerajaan Negeri dalam memantapkan lagi pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri ini khususnya dalam melaksanakan Enakmen tersebut adalah :-

- i. Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Kali Ke 40 yang bersidang pada 23 Disember 2015 telah bersetuju untuk menaikkan Bahagian Pendakwaan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) kepada Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Terengganu dan Kertas Cadangan Naiktaraf ini telah pun diangkat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Penarafan semula ini juga akan dilakukan oleh negeri-negeri lain di seluruh Malaysia.
- ii. Membuat penyelarasan dan pelaksanaan kerja seperti mengadakan arahan tetap Ketua Pendakwa Syarie dan juga arahan tetap Ketua Pegawai Penguatkuasa Syariah dalam menyelaraskan tindakan.
- iii. Mengadakan bengkel-bengkel Enakmen supaya pemahaman jabatan-jabatan terbabit lebih mantap termasuk akan mengadakan bengkel kemahiran teknikal dalam menangani jenayah syariah di alam siber seperti Open Source Intelligent (OSI) dan Digital Forensik dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bersama JAKIM.